

PROSIDING

PERSIDANGAN SERUMPUN SARJANA MUDA MALAYSIA INDONESIA 2022

Ke Arah Melahirkan Penyelidik
Sains Sosial Masa Hadapan

06
APRIL
2022

**PERSIDANGAN SERUMPUN SARJANA MUDA
MALAYSIA INDONESIA (PENAMAN) 2022
PROSIDING PERSIDANGAN**

(Prosiding ini mengandungi semua kertas lengkap yang diserahkan dan diterima oleh Sekretariat. Fakta dan ketidaktetapan bahasa tidak disuntingkan.)

Versi Digital

Disusun oleh

Nah Yan Sheng

Muhammad Febriansyah

e-ISBN 978-967-15440-8-2



USM UNIVERSITI
SAINS
MALAYSIA



**SOCIAL SCIENCES POSTGRADUATE
INTERNATIONAL SEMINAR (SSPIS)**



**Pusat Pengajian Sains Kemasyarakatan,
Universiti Sains Malaysia.**

2022

© Hakcipta 2023 Pusat Pengajian Sains Kemasyarakatan, Universiti Sains Malaysia

Hakcipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan ulang mana-mana bahagian artikel, ilustrasi, isi kandungan buku ini dalam apa juga bentuk dan dengan apa cara pun sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau lain-lain tanpa pengizinan penerbit kecuali dalam bentuk petikan singkat untuk pengulasan kritikal atau mana-mana penggunaan lain bukan komersial yang dibenarkan di bawah undang-undang hakcipta. Untuk mendapat pengizinan, sila tulis kepada penerbit mengikut alamat di bawah, dan merujuk surat itu kepada “Penyelia Hakcipta”.

Tersedia dalam format digital.

e-ISBN 978-967-15440-8-2

e ISBN 978-967-15440-8-2



Maklumat Penerbit

Pusat Pengajian Sains Kemasyarakatan,

Universiti Sains Malaysia,

11800 Pulau Pinang,

Malaysia.

Maklumat Tempahan: Sila hubungi penerbit mengikut alamat di atas.

Senarai Kandungan

Senarai Kandungan	IV
Kata Pengantar	VII
Latar Belakang Pusat Pengajian Sains Kemasyarakatan	IX
Ahli Jawatankuasa	X
Politik, Ekonomi dan Hubungan Antarabangsa	1
Politik Media: Transformasi Akhbar Utusan Sebelum dan Selepas Pilihan Raya Umum 14	2
Indonesia and Singapore Economic Development: A Comparison	10
Transformasi Konflik dan Pembinaan Perdamaian: Suatu Analisis Transformative Peacebuilding di Selatan Thailand	18
Kebijakan Diplomatik Indonesia dalam Penyelesaian Konflik Etnis Rohingya di Myanmar pada Era Joko Widodo	43
Pengaruh Transformasi Konsep Serumpun dalam Mempengaruhi Hubungan Bilateral Indonesia–Malaysia	51
SEA Games Sebagai Wadah Implementasi Keberagaman Budaya Masyarakat Asia Tenggara	59
Bola Sepak sebagai Alat Geopolitik	66
The IMF and Indonesia: From the New Order to Reformasi and Today	75
Indonesian Foreign Policy in Achieving Net Zero Emission (NZE) in 2060	85
Pembangunan dan Kelestarian	93
Strategi Ketahanan Pangan untuk Komoditas Padi melalui Pengembangan food estate di Kabupaten Katingan dan Kabupaten Kotawaringin Timur, Provinsi Kalimantan Tengah	94
Keberkesanan Pelaksanaan Program Rancangan Tanam Baru Berkelompok Terhadap Penduduk Tanah Merah, Kelantan	102
Optimalisasi Penggunaan Dana Desa Melalui Program Pemberdayaan Petani Milenial Untuk Mewujudkan Ketahanan Pangan Dan Tujuan SDGS Desa	117
Faktor Kejayaan Penglibatan Syarikat Giatmara Sdn. Bhd. dalam Projek Pembinaan Perumahan Rakyat Termiskin di Negeri Perlis	126
Faktor-Faktor Kejayaan Program Penempatan Semula Nelayan (PSN) Di Tok Bali, Kelantan	142
Faktor Kejayaan Program Upskilling Teknik Pembinaan Bot Gentian Kaca oleh Pusat Latihan di Tuaran, Sabah	154

Faktor Kejayaan Program Pembangunan Kemahiran Jahitan KEMAS untuk Komuniti Desa Simpang 3 Santan, Kangar	163
Faktor Kejayaan Program Pusat Internet 1Malaysia Sungai Petai, Pasir Puteh, Kelantan	172
Wilayah Rawan Longsor di Kecamatan Bantarujeg, Kabupaten Majalengka	179
Faktor Kejayaan Program Latihan Pengurusan Racun dan Kawalan Perosak Anjuran (IADA) di Kampung Kesapang, Kota Belud, Sabah	189
Skema Networking antara Universiti dan Komunitas dalam Pengelolaan Sampah Berkelanjutan: Belajar dari Pengalaman Bank Sampah Berkah di Sidoarjo	202
Efektivitas Eco-brick sebagai Alternatif Bahan Konstruksi Bangunan dalam Upaya Pemanfaatan Sampah Botol Plastik	211
Anthropologi, Sosiologi dan Psikologi	216
Adat Resam dan Perayaan Setiap Kaum dan Kepercayaan Agama di Malaysia	217
The 13 May 1969 racial riot over the formation of unity in ethnic relations in Gen-Y Malaysian	229
Konsep Keluarga Malaysia Simbol ke Arah Pengukuhan Ksespaduan Hubungan Etnik Pasca Pandemik COVID-19 di Malaysia	237
Peranan Agama dalam Pembentukan Integrasi Etnik di Malaysia	244
Membongkar Budaya Patriarki Madura: Studi Fenomologi Pasar Tradisional di Desa Labang sebagai Ruang Publik Perempuan Madura	252
Faktor Pengembangan Budaya Konsumerisme Norma Baharu dalam Kalangan Mahasiswa di USM: Satu Tinjauan	269
Gaya Hidup Pembelian Atas Talian dalam Kalangan Pelajar Sains Kemasyarakatan Universiti Sains Malaysia	278
The Role of Social Comparison in Predicting Self-Esteem in LinkedIn Users Aged 18-34	285
Kerja Sosial	293
Peranan Wanita dalam Membanteras Keganasan Terhadap Wanita di Sudan Selatan .	294
Wanita Dan Keganasan Rumah Tangga	312
Kedudukan Kewangan Mempengaruhi Aktiviti Keganasan Rumahtangga	322
Faktor Emosi Punca Keganasan Rumah Tangga di Malaysia	329
Isu Transeksual dan Peranan Pekerja Sosial	336
Impak Penghidap Autisme Dan Keluarga Di Malaysia	344
Masalah Kesihatan Mental Dalam Kalangan Masyarakat Malaysia	351
Penyakit Kanser dalam Konteks Kerja Sosial	361

Sokongan Sosial Kepada Penghidap HIV Positif Di Malaysia	370
Gelandangan Dari Perspektif Kerja Sosial	376
Permasalahan Gangsterisme Kalangan Pelajar Dari Perspektif Kerja Sosial	383
Masalah Gangsterisme Dalam Kalangan Pelajar Sekolah Menengah Di Malaysia	393
Masalah Buli dalam Kalangan Pelajar Memberi Kesan terhadap Kesejahteraan Masyarakat	401
Permasalahan Penyalahgunaan Dadah Dalam Kalangan Remaja	405
Kes Penderaan Kanak-Kanak Dalam Konteks Kerja Sosial	413
Perkahwinan Kanak-kanak Di bawah Umur	419
Pendidikan	424
Efektifitas Pembelajaran Daring di Perguruan Tinggi Indonesia (Studi Kasus Pada Program Sarjana Terapan Administrasi Negara Universitas Negeri Surabaya)	425
Zoom Video Conference: Is It The Best Solution for Remote Learning of English Language Teaching?	434
Implementasi Kebijakan Program Wajib Belajar 12 Tahun Sekolah Menengah Atas di Indonesia: Studi pada SMA Muhammadiyah 9 Surabaya	461
Pengurusan dan Pentadbiran	470
Kesan Etika Kerja Islam terhadap Komitmen Organisasional dan Kepuasan Kerja Pegawai Bank Syariah Indonesia (BSI) Banda Aceh: Motivasi Intrinsik sebagai Pemediasi	471
Cabaran Membentuk Sumber Manusia yang Kompeten: Kajian Kes Syarikat Arked Man Trading Sdn Bhd	493
Peranan Pemimpin dalam Menyiapkan Projek Rumah Kompresor: Kajian Kes Syarikat Wangsa Ultima Sdn. Bhd.	506
Pengurusan Projek Yang Baik Adalah Kunci Kejayaan Projek Syarikat Kejuruteraan Cahaya Abadi Sdn. Bhd	519
Kejayaan OCTREX Holdings (M) Sdn Bhd dalam Pengurusan Projek	531
Penyusunan Jadual Kerja yang Efisien bagi Projek IP Migration Gas District Cooling (GDC)	542
Cabaran untuk Kerja-Kerja Pembinaan dan Pengubahsuaian Rumah di Taman-Taman Perumahan: Kajian Kes Syarikat Tegap Construction Sdn.Bhd.	554

Kata Pengantar

PENAMAN yang buat julung kali diadakan merupakan sebuah platform bagi pelajar sains sosial dari universiti-universiti di Malaysia dan Indonesia untuk meningkatkan kapasiti mereka sebagai seorang mahasiswa yang cakna dengan pelbagai isu-isu semasa. Persidangan ini menjadi medan pertukaran idea, pengalaman dan peluang bagi peserta membina jaringan dengan universiti luar negara dan mengenali secara lebih dekat di antara satu sama lain. Persidangan ini juga diharapkan dapat mengukuhkan lagi hubungan kedua-dua negara melalui jalur diplomasi di peringkat orang awam yang sememangnya sudah terjalin baik.

Tema persidangan kali ini ialah 'Ke Arah Melahirkan Penyelidik Sains Sosial Masa Hadapan'. Tema ini dipilih untuk memenuhi tuntutan bidang sains sosial yang semakin diperlukan bagi menjawab serta menawarkan jalan keluar terhadap perubahan dan persoalan yang dihadapi oleh masyarakat pada hari ini dan masa akan datang.

Persidangan ini juga telah menerima sebanyak 86 kertas kerja daripada pelbagai sub-tema iaitu Antropologi dan Sosiologi, Psikologi dan Kesejahteraan Insan, Pembangunan Lestari dan Alam Sekitar, Ekonomi dan Perniagaan, Politik, Hubungan Antarabangsa dan Undang-Undang, Falsafah dan Sejarah serta bidang-bidang sains sosial dan kemanusiaan yang berkaitan. Makalah yang telah diterima daripada pelajar prasiswazah daripada pelbagai peringkat tahun pengajian menunjukkan kesungguhan pelajar untuk mengikuti persidangan ini, seterusnya dapat berkongsi pengalaman penyelidikan bersama-sama rakan pelajar daripada negara serumpun iaitu Indonesia.

Kami ingin merakamkan jutaan terima kasih dan penghargaan kepada setiap peserta atas sokongan dan sumbangan mereka. Kami juga berterima kasih kepada pewasit makalah untuk cadangan dan komen yang sangat membantu dalam penambahbaikan makalah peserta. Tidak lupa juga terima kasih yang tidak terhingga kepada penglibatan kakitangan pentadbiran dan akademik Pusat Pengajian Sains Kemasyarakatan atas sumbangan tenaga dan buah fikiran bagi menjayakan PENAMAN 2022. Majlis Perwakilan Pelajar Sains Kemasyarakatan (MPP PPSK) bersama dengan kelab-kelab mahasiswa Pusat Pengajian Sains Kemasyarakatan juga merupakan tulang belakang yang telah banyak membantu melancarkan persidangan ini. Komitmen dan penglibatan semua pihak yang telah menjayakan persidangan ini sangat dihargai dan disanjung tinggi.

Terima kasih.

Profesor Madya Dr. Mohamad Shahrudin Bin Samsurijan
Prof. Madya Dr Paramjit Singh Jamir Singh
Dr. Muhammad Febriansyah
Nurul Aisyah Syafiqah Binti Ahmad Razlan
Izzaiman Nabihan Bin A.Majid
Nurul Syuhada Binti Elmi
Nurul Faqihah Binti Mohd Noor Bi
Siti Nur Adilla Binti Abdul Manap
Tu Ger Harnng
Aiyunie Najuha Binti Che Hassan
Manisalaxshmi A/P Balachandran
Muhammad Nooryasin bin Kamaruddin
Choo Xuan Ping
Nur Athirah Binti Mohd Tajjudin

Siti Asmah Binti Mohd Sabri
Kamini Devi A/P Raveendran
Hidayati Hazwani binti Halim
Nur Izati binti Shafie
Muhammad Firdaus Bin Noh
Shazrul Hafizi Bin Razali
Nur Athirah Binti Khairul Ferdaus
Ahmad Safwan Bin Rosli
Nur Syamimi Binti Saufi
Nik Nur Nasuha Binti Nik Abdullah
Nur Azimah Binti Sahamah
Tharshini A/P Kaliapan Thevar
Intan Suraya binti Samsi

Latar Belakang Pusat Pengajian Sains Kemasyarakatan



Pusat Pengajian Sains Kemasyarakatan di Universiti Sains Malaysia (USM) telah memainkan peranan penting dalam menubuhkan dan membangunkan disiplin sains sosial dalam Malaysia. Ia merupakan antara sekolah tertua di Universiti Sains Malaysia dan juga salah satu sains kemasyarakatan yang pertama sekolah dalam negara. Ia ditubuhkan pada tahun 1970 dengan misi utama kemajuan ilmu kepada memahami dan memudahkan sosial yang diinginkan transformasi kepada masyarakat Malaysia ketika itu. Pada masa ini, kami kekal komited untuk menyediakan kualiti pengajaran, dan penyelidikan dan keserjanaan yang akan menyumbang kepada pembinaan negara.

Pusat Pengajian Sains Kemasyarakatan Universiti Sains Malaysia (USM) juga menawarkan tiga program sarjana muda iaitu Sarjana Muda Sains Kemasyarakatan, Sarjana Muda Ekonomi dan Sarjana Muda Kerja Sosial. Di peringkat lepasan ijazah, kami menawarkan Sarjana Awam Pentadbiran (program kerja kursus), Sarjana Pengurusan Ekonomi (kerja kursus program), Sarjana Kerja Sosial (program mod campuran) dan Sarjana Sains Kemasyarakatan (mod penyelidikan). Ph.D kami program adalah dengan penyelidikan dalam disiplin Sains Kemasyarakatan.

Ahli Jawatankuasa

Penasihat

Profesor Madya Dr. Mohamad Shaharudin Bin Samsurijan
Prof. Madya Dr Paramjit Singh Jamir Singh
Dr. Muhammad Febriansyah

Jawatankuasa Pelaksana

Nurul Aisyah Syafiqah Binti Ahmad Razlan
Izzaiman Nabihan Bin A.Majid
Nurul Syuhada Binti Elmi
Nurul Faqihah Binti Mohd Noor Bi
Siti Nur Adilla Binti Abdul Manap
Tu Ger Harnq
Aiyunie Najuha Binti Che Hassan
Manisalexshmi A/P Balachandran
Muhammad Nooryasin bin Kamaruddin
Choo Xuan Ping
Nur Athirah Binti Mohd Tajjudin
Siti Asmah Binti Mohd Sabri
Kamini Devi A/P Raveendran
Hidayati Hazwani binti Halim
Nur Izati binti Shafie
Muhammad Firdaus Bin Noh
Shazrul Hafizi Bin Razali
Nur Athirah Binti Khairul Ferdaus
Ahmad Safwan Bin Rosli
Nur Syamimi Binti Saufi
Nik Nur Nasuha Binti Nik Abdullah
Nur Azimah Binti Sahamah
Tharshini A/P Kaliapan Thevar
Intan Suraya binti Samsi

Politik, Ekonomi dan Hubungan Antarabangsa

Politik Media: Transformasi Akhbar Utusan Sebelum dan Selepas Pilihan Raya Umum 14

Mohamad Afiffuddin B. Mohd Ezazi¹, Muhammad Febriansyah²

^{1,2}Pusat Pengajian Sains Kemasyarakatan, Universiti Sains Malaysia

Email: ¹mohamadafiffuddinezazi98@gmail.com, ²febrian@usm.my

Abstrak

Media memiliki fungsi yang sangat kontradiktif di dalam politik. Di satu sisi, media dilihat sebagai elemen penting membantu dan menguatkan lagi proses demokrasi, namun di sisi lain media juga selalu dimanfaatkan bagi tujuan pengekalan kuasa politik. Di bawah rejim UMNO/BN, akhbar Utusan telah dijadikan alat propaganda politik yang dilihat tersasar daripada objektif utama penubuhan Utusan untuk mewakili suara orang Melayu. Pengambilalihan UMNO terhadap Utusan pada tahun 1961 telah menimbulkan banyak persepsi yang menjadikan keyakinan rakyat terhadap kesahihan akhbar Utusan dalam menyebarkan maklumat yang tepat dan jitu untuk rakyat merosot. Walau bagaimana pun, dominasi Utusan sebagai media arus utama yang pro kepada kerajaan UMNO/BN turut memudar ekoran kekalahan parti tersebut dalam PRU-14. Pengoperasian Utusan sempat terhenti seketika akibat beberapa cabaran tatkala peralihan kerajaan berlaku kemudian kembali beroperasi setelah sepi selama sembilan bulan namun di bawah pemilikan yang berbeza. Kertas kerja ini akan membincangkan kesan pergantian rejim pada PRU-14 terhadap kecenderungan politik akhbar Utusan dan adaptasi akhbar tersebut selepas PRU-14. Dengan menggunakan teori hegemoni dan penentuan agenda, kajian ini mendapati bahawa perubahan paradigma penulisan akhbar Utusan sememangnya didorong oleh pergantian rejim yang berlaku dan dapat dilihat bahawa rejim yang memerintah menggunakan sepenuhnya akhbar arus perdana ini untuk mencorakkan landskap politik di bawah pemerintahan mereka. Hasil penganalisisan terhadap intisari kandungan akhbar Utusan mendapati bahawa Utusan mampu beradaptasi di bawah kepemilikan rejim yang memerintah namun survivabiliti mereka mula tergugat tatkala rejim yang memegang kepemilikan tersebut menghadapi kekangan-kekangan tertentu. Tuntasnya, politik media melalui Utusan ini jelas memperlihatkan survivaliti UMNO/BN dalam arena politik Malaysia.

Kata Kunci: politik media, Utusan Malaysia; Pilihan Raya Umum 14 (PRU-14); United Malay National Organization (UMNO); Teori Hegemon; Teori Penentuan Agenda (Agenda Setting Theory).

1. Pengenalan

Komunikasi merupakan sebuah jambatan penghubung antara pemerintah dan rakyat atau sebuah relasi komunikasi antara aktor politik dengan masyarakat. Melalui pengkomunikasian dalam sistem perhubungan dan penyampaian antara rakyat dan pemerintah maka wujud istilah atau konsep media politik. Politik media merupakan sebuah konsep yang memperlihatkan perkaitan antara aktor-aktor politik dengan media dalam rangka untuk berkomunikasi dengan rakyat (Hermin 2007). Media politik merujuk kepada sebuah kajian mengenai kepentingan politik dalam sesebuah pembawaan media yang saling mempengaruhi antara satu sama lain. Perkara ini sangat bertepatan dengan konsep politik media yang akhirnya akan menentukan pemilihan rakyat terhadap corak pemerintahan yang diinginkan. Perkara ini dapat dibuktikan melalui tindakan

penghegemonian parti *United Malay National Organization* (UMNO) terhadap sebuah akhbar cetusan rakyat Melayu sendiri yang diasaskan oleh rakyat untuk rakyat. Akhbar Utusan mula dijadikan alat propaganda politik pada 20 Oktober 1961 yang akhirnya mencemarkan identiti akhbar itu sendiri sebagai alat ataupun suara rakyat dalam menentang ketidakadilan (Berita Harian, 2019).

Utusan adalah salah satu akhbar yang telah diasaskan oleh Presiden Singapura pertama iaitu Yusof Ishak dan mula diterbitkan pada 29 Mei 1939 di Singapura oleh *Utusan Melayu Press Limited* (UMPL). Ia berperanan untuk mengangkat martabat Melayu di era pra kemerdekaan Tanah Melayu 1957. Tindakan Utusan Melayu memaparkan kempen hartal rakyat menentang Malayan Union yang merupakan perlembagaan hasil penggubalan oleh pihak British yang kononnya demi memurnikan keadaan Tanah Melayu membuktikan peranannya sebagai salah satu akhbar yang membela hak orang Melayu. Namun, selepas tahun 1957 iaitu selepas kemerdekaan Tanah Melayu, motif akhbar Utusan sebagai lidah Melayu mula memperlihatkan perubahan yang ketara apabila UMNO mula mengekang kebebasan media untuk angkat hak Melayu dan mengambil alih pemilikan akhbar tersebut pada tahun 1961 untuk survivaliti politik (Said Zahari, 2001: 82). Perkara ini menjadi titik tolak kejatuhan Utusan Malaysia sebagai media politik yang taksud dalam membela parti politik yang diwakili sehingga sanggup menyebarkan berita yang tidak dipastikan kesahihannya sehingga menjadikan keyakinan rakyat terhadap akhbar tersebut semakin merosot. Dakwaan demi dakwaan mula dikenakan oleh Mahkamah Tinggi terhadap akhbar Utusan. Pada saat kerajaan Pakatan Harapan bertindak memansuhkan Akta Berita Tidak Benar 2018 yang digubal oleh kerajaan BN, Utusan telah berhenti operasi dalam penerbitan berita sekali gus menamatkan era kewartawanan mereka. Walaubagaimanapun, Utusan kembali beroperasi setelah sepi selama 9 bulan namun telah beradaptasi dengan pemilikan yang berbeza di bawah penerbitan Media Mulia Sdn Bhd dikawal selia oleh Syed Mokhtar Albukhary melalui syarikatnya Aurora Mulia dengan *tagline* 'Pemikiran Baharu' (*New Thinking*) (The Straits Times, 2020). Kertas kerja ini akan membincangkan Utusan Malaysia sebagai sebuah akhbar yang menjadi corong propaganda kerajaan UMNO/BN dan kesan pergantian rejim pada PRU-14 terhadap kecenderungan politik dan adaptasi akhbar tersebut.

2. Hegemoni dan Penentuan Agenda Media

Chantal Mouffe (1981: 220) dalam karyanya *Notes on The Southern Question* telah menerangkan konsep hegemoni sebagai satu konsep hasil cetusan Antonio Gramsci yang melihat kepada kepimpinan golongan atasan diwakili oleh proletariat mengawal selia ke atas kaum bawah mereka yang terdiri daripada kaum tani. Dalam konteks kelas tersebut telah membawa kepada pengertian yang jelas terhadap konsep kuasa. Secara mudahnya, teori hegemoni ini merujuk kepada kapasiti kelas pemerintah dalam konteks sejarah lepas menggunakan corak kepimpinan mereka terhadap golongan yang diperintah demi untuk mengekalkan kuasa mereka sebagai kelas pemerintah dalam aspek-aspek utama negara iaitu politik, ekonomi dan sosial. Konsep hegemoni berdasarkan pandangan Gramsci merujuk kepada konsep kuasa yang menggunakan unsur paksaan dalam kepimpinan adalah dikecualikan tetapi konsep hegemoni sebenar yang dimaksudkan adalah merujuk kepada 'autoriti' yang diberikan. Namun, konsep autoriti yang menafikan konsep paksaan tersebut dinafikan oleh Althusser, iaitu seorang ahli falsafah Perancis 1918-1990 yang mana beliau mengatakan bahawa untuk mengekalkan hegemoni dalam kalangan pemerintah, dua elemen penting perlu menjadi penekanan iaitu persetujuan (*consensus*) dan paksaan (*coercion*). Daripada dua elemen tersebut, jelas memaparkan bahawa konsep hegemoni

ini tidak boleh dipisahkan dengan konsep paksaan seperti yang dinafikan. Hal ini demikian kerana, Althusser melihat bahawa elemen paksaan dalam hegemoni adalah penting sebagai langkah untuk pemimpin mengawal sesebuah masyarakat. Maka, teori ini bertepatan dengan pemilikan UMNO terhadap Utusan Malaysia apabila dapat dilihat segala corak pemberitaan yang dikeluarkan cenderung kepada pihak UMNO semata-mata demi survivaliti sahaja.

Teori Penentuan Agenda (*Agenda Setting*) merupakan satu teori hasil cetusan Walter Lippman yang merujuk kepada bagaimana sesuatu media itu membentuk gambaran dalam fikiran manusia. Ringkasnya, teori ini menjelaskan tentang bagaimana sesebuah media itu menjadikan sesuatu isu sebagai satu isu yang penting sehinggakan mendapat perhatian dalam khalayak. (Nuruddin, 2007: 1995) Cohen (1963) cuba menerangkan bahawa media berperanan lebih daripada sekadar pemberi maklumat tetapi juga bertindak sebagai fasilitator kepada minda untuk berfikir apa yang sepatutnya yang difikirkan. Dalam konteks pelaporan berita akhbar Utusan, adakah isu politik yang dibawakan itu penting dan benar? Oleh itu, pelaporan isu tersebut dalam akhbar berita Utusan perlu dirungkai dari segi analisis kandungan maklumat. Namun, menurut Teel & Taylor (1983), proses pemilihan serta pengesahan berita adalah sangat kompleks oleh kerana terdapat faktor-faktor lain yang mempengaruhi seperti pemimpin politik, pemilik saham, sistem ekonomi dan sosial serta dasar kerajaan semasa. Faktor-faktor inilah yang menjadi *gatekeeper* kerana kuasa mutlak yang mereka miliki untuk menentukan jenis pemberitaan yang ingin disiarkan kepada khalayak ramai. Jika media tersebut menyebarkan maklumat yang sahih maka ia menjadi suatu kebaikan, tetapi jika media tersebut menyebarkan berita yang tidak dipastikan kesahihannya demi mewakili sesuatu pihak sahaja maka ia membawa suatu keburukan kepada khalayak ramai. Justeru, dapat dilihat bahawa kedua-dua teori ini menjadi inti dalam perbincangan artikel kerana penciriannya yang menepati konsep kepemilikan melalui autoriti yang diberikan. Tindakan parti politik dan konglomerat perniagaan yang memegang kepemilikan akhbar Utusan berhak menentukan intisari pemberitaan yang ingin dikeluarkan. Kuasa dan autoriti yang mereka pegang menjadi penentuan hala tuju untuk akhbar tersebut kekal dalam era pemberitaan.

3. Utusan Malaysia: Perkembangan, Campur Tangan Kerajaan dan Kejatuhan

Sejarah perkembangan akhbar di Malaysia seawal kemerdekaan kebanyakannya meliputi pemberitaan dari aspek politik semata-mata (Temple, 1992). Penganalisan kandungan akhbar khususnya Utusan mendapati bahawa sentimen tanah air menjadi asas penulisan bagi pemberitaan yang disiarkan. Ini kerana pada masa tersebut keutamaan media berbentuk akhbar menjadi alat utama rakyat dalam meniup roh perjuangan menentang ketidakadilan. Perkara ini disokong sendiri oleh William R. Roff (1967) yang menjelaskan bahawa penerbitan akhbar pada awal kemerdekaan kebanyakannya memfokuskan kepada tuntutan terhadap kemerdekaan serta mengangkat pendidikan bangsa Melayu.

Penubuhan Utusan Malaysia dimulai dengan cetusan idea dalam sebuah mesyuarat pemimpin Melayu Singapura yang dihadiri oleh ahli-ahli Kesatuan Melayu Singapura, di antaranya Yusof Ishak dan Haji Ambo' Suloo. Abdul Rahim Kajai yang digelar Bapa Kewartawanan Melayu juga turut dibawa masuk untuk menubuhkan Utusan. Maka, 18 Jun 1938, Utusan Press Limited ditubuhkan bagi tujuan penerbitan Utusan Melayu. Sewaktu pemerintahan Jepun, Utusan telah dijadikan alat propaganda Jepun dan dinamakan 'Malai Shimbun' dengan gabungan Warta Malaya. Namun, pada 1 November 1945 akhbar Utusan berjaya bangkit semula

dan pada saat ini objektif penubuhannya mula terserlah kerana suara perjuangan Melayu diangkat menentang sekeras-kerasnya penubuhan Malayan Union sehingga Utusan digelar sebagai suara keramat bangsa Melayu. (Muhd Dhari Othman, 1992: 117-130) Selepas kemerdekaan Tanah Melayu tahun 1957, motif akhbar Utusan sebagai lidah Melayu mula memperlihatkan perubahan yang ketara apabila UMNO mula mengekang kebebasan media untuk angkat hak Melayu. Akhirnya UMNO membuat keputusan untuk mengambil alih pemilikan akhbar tersebut pada tahun 1961 untuk survivaliti politik dan bukannya lagi mengangkat perjuangan bangsa Melayu. (Muhtar Mahyudi, 1999: 166-167) Pada tahun yang sama, Ibrahim Fikri merangkap Ketua Penerangan UMNO yang juga merupakan ahli lantikan parti UMNO mengarahkan Pengarah Urusan akhbar Utusan pada ketika itu iaitu Said Zahari, untuk menerima memo kerajaan yang mengandungi Dasar Empat Perkara; Pertama, menyokong penuh parti pemerintah, kedua, menghadkan liputan kepada parti-parti lain, ketiga, memperbanyakkan liputan untuk menteri-menteri kerajaan dan menyokong tindakan kerajaan, keempat jika ada keputusan yang tidak sesuai maka perlu dikritik secara membina. Dasar tersebut dilihat sebagai syarat-syarat 'penyerahan diri' Utusan Melayu kepada kerajaan. Maka, keadaan ini membawa kepada gerakan mogok 90 hari oleh majoritinya warga Utusan yang diketuai sendiri oleh pengarah urusan Utusan sendiri iaitu Said Zahari. Namun, gerakan ini berjaya dipatahkan oleh kerajaan UMNO yang akhirnya membawa kepada tamatnya kebebasan media. Maka dengan itu, UMNO mula bermaharajalela (Said Zahari, 2001: 82). Semenjak itu, Utusan dilihat menjadi corong utama UMNO dalam menyebarkan propaganda politik.

Akhbar arus perdana di Malaysia memang selalu dikaitkan dengan hak kepemilikan parti-parti politik pemerintah sejak pra kemerdekaan sehingga pasca kemerdekaan, bahkan sehingga ke hari ini. Salah satu bentuk campur tangan ahli politik dalam Utusan boleh dilihat apabila Utusan mula mempengaruhi naratif politik selepas pilihan raya umum ke-13 dengan membuat laporan muka hadapan yang bertajuk 'Apa Cina Mahu?' bertarikh 6 Mei 2013. (Utusan Online, 2013) Kesannya, Najib cuba untuk memihak dengan golongan Melayu konservatif seperti PAS bagi menjejaskan parti komponen bukan Melayu kerana kecewa dengan apa yang berlaku sebelum itu. Rentetan senario tersebut, kaum Cina dipinggirkan. Namun mereka cuba untuk bangkit dengan membuat keputusan bersama untuk bertanding di bawah logo sendiri buat kali pertama iaitu melalui Parti Keadilan Rakyat (PKR) namun tewas. Pada PRU ke-13, hampir kesemua media-media utama dimonopoli dan diperalatkan bagi tujuan kempen oleh parti BN dengan mengharamkan berita-berita yang bersifat pro-pembangkang untuk disiarkan dan media-media hanya dibenarkan untuk mempromosikan dan menyiarkan berita-berita yang menunjukkan sisi baik atau manifesto parti BN sahaja. (Malaysia Today, 2008) Ini jelas bertepatan dengan teori penentuan agenda melalui kawalan kepada kebenaran untuk menerbitkan corak pemberitaan. Namun, strategi ini tidak selamanya berkesan kerana pada akhirnya propaganda yang dimainkan Utusan tidak mampu mengekang kemaraan Pakatan Harapan yang berjaya memenangi PRU 14 tahun 2018. Perkara ini menjadi titik tolak kejatuhan Utusan Malaysia sebagai sebuah media politik yang taksud dalam membela parti politik yang diwakili sehingga sanggup menyebarkan berita yang tidak sahih dan bersifat propaganda politik. Dakwaan demi dakwaan mula dikenakan oleh Mahkamah Tinggi terhadap akhbar Utusan sehingga pada 9 Oktober 2019 tatkala kerajaan Pakatan Harapan bertindak memansuhkan Akta Berita Tidak Benar 2018 yang digubal oleh kerajaan BN, Utusan telah berhenti operasi dalam penerbitan berita sekali gus menamatkan era kewartawanan mereka. Ini dapat dilihat melalui perintah Mahkamah Tinggi terhadap Utusan untuk membayar ganti rugi sebanyak RM 200,000 kepada Anwar atas fitnah yang dilakukan. (Bernama, 2016) Bukan itu sahaja, Utusan juga turut diperintah membayar ganti rugi berjumlah

RM 300,000 kepada bekas pengurus besar Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS) atas dakwaan penerbitan artikel yang berunsurkan fitnah. (Malaysia Kini, 2017)

4. Cabaran dan Adaptasi Akhbar Utusan Menjelang dan Selepas PRU-14

Kekalahan Barisan Nasional di dalam PRU-14 memberi kesan yang hebat kepada Utusan Malaysia. Tetapi, setelah menyepi selama 9 bulan, Utusan kembali menyirna dalam pemberitaan tanah air dan beradaptasi di bawah pemilikan baharu, iaitu Media Mulia Sdn Bhd. Operasinya dikawal selia oleh Syed Mokhtar Albukhary melalui syarikatnya Aurora Mulia dengan *tagline* 'Pemikiran Baharu' (*New Thinking*) (The Straits Times, 2020). Dilof Sdn Bhd yang merupakan anak syarikat Utusan Melayu (M) Berhad dijenamakan semula sebagai Media Mula Sdn Bhd yang mana 70 peratus kepentingan Dilof Sdn Bhd dijual kepada Aurora Mulia Sdn Bhd yang merangkumi lesen percetakan dan bukannya mengambil alih kumpulan Utusan Melayu secara keseluruhan. Dikatakan juga bahawa Pengarah Urusan Aurora Mulia Sdn Bhd, iaitu Tan Sri Syed Mokhtar turut menjadi pemilik TMR Media Sdn Bhd yang mana firma ini menerbitkan akhbar perniagaan The Malaysian Reserve. Bukan itu sahaja, malahan Tan Sri Syed Mokhtar turut menambah syer sahamnya dalam sebuah konglomerat media iaitu Media Prima sebanyak 11.09 peratus dengan nilai RM 73.81 juta (Malaysia Kini, 2019). Tindakan Syed Mokhtar mengambil alih syer saham kebanyakan konglomerat media dilihat bermotifkan politik agar kepentingan ekonominya kekal relevan dalam konteks kerajaan semasa (The Straits Times, 2020). Ditambah lagi dengan hubungan rapat beliau dengan beberapa ahli politik tanah air seperti Tun Dr Mahathir dan Anwar Ibrahim menjadikan persoalan pengambilalihan Utusan adalah bersandarkan bisnes semata-mata ataupun memiliki kepentingan lain.

Perubahan kepemilikan juga membawa pengaruh yang sangat ketara. kepada corak pemberitaan Utusan. Evolusi pemberitaan Utusan dalam pelbagai aspek selain politik mula terserlah sehingga hari ini yang mana pemberitaan bercorak hiburan seperti kontroversi artis, program-program nyanyian dan juga peraduan-peraduan yang menawarkan hadiah lumayan buat pembaca. Perubahan ini juga sebenarnya juga bukan satu perkara yang baharu kerana sejak tahun 1970-an, akhbar-akhbar di Malaysia termasuklah Utusan telah mula memperuntukkan ruangan khas selain politik, ekonomi dan pendidikan yang meliputi sukan dan hiburan (Mustakim, 2010). Walaubagaimanapun, pemberitaan sebegini ini tidak terlalu difokuskan oleh Utusan sebelum PRU-14 terutamanya di ambang pengambilalihan oleh Aurora Mulia Sdn Bhd kerana intisari pemberitaan tertakluk di bawah kepemilikan UMNO yang menggunakan Utusan Malaysia sebagai penyebaran propaganda politik semata-mata demi survivaliti politik mereka.

Selain itu, Utusan juga mesti beradaptasi dengan cabaran media digital yang semakin berkembang. Menurut Suruhanjaya Komunikasi Multimedia Malaysia (2018), Malaysia mencatatkan peningkatan peratusan pengguna internet iaitu kepada 87.4 peratus pada tahun laporan dikeluarkan (2018) berbanding pada tahun 2016 yang hanya mencatatkan 76.9 peratusan pengguna internet. Laporan Audit Bureau of Circulation Malaysia 2014 (ABC Malaysia, 2014) memperlihatkan akhbar digital e-paper-Utusan Malaysia mencatatkan peningkatan langganan sebanyak 60 peratus, manakala e-Paper The Star dan New Sunday Star (64 peratus), e-paper Harian Metro (67 peratus), dan Berita Harian (75 peratus). Lonjakan langganan ini memperlihatkan cabaran akhbar di Malaysia menghadapi suatu persaingan sengit dari segi mendapatkan pasaran pembaca. Maka, setiap penerbitan akhbar dilihat harus memanfaatkan segala bentuk maklumat dengan pantas dan efisien sebagai akses maklumat untuk pembaca.

Tambahan pula, fenomena konvergensi internet menjadikan persaingan tersebut adalah sangat sengit yang dilihat memberi kesan langsung kepada pemegang taruh industri penerbitan akhbar di negara ini. Keadaan ini turut menggugat kedudukan akhbar Utusan sebagai akhbar tertua untuk kekal dalam pasaran penerbitan tanah air. Bahkan kemerosotan yang dihadapi akhbar Utusan sudah dirasakan jauh sebelum pergantian kerajaan. Hal ini diakui sendiri oleh Pengerusi Eksekutif Utusan Melayu (M) Berhad dalam pembentangan kertas kerja di seminar 'Cabaran Media' Universiti Kebangsaan Malaysia pada 15 Oktober 2009. (Hashim, 2009). Menurutnya, keadaan kemerosotan tersebut adalah dicatatkan sebelum 2009. Ini memperlihatkan betapa kritikal adaptasi pemberitaan Utusan dalam aspek persaingan digital kerana dari pra transisi kerajaan sehingga pasca transisi kerajaan, Utusan mengalami konflik pengambilalihan kepemilikan yang akhirnya menjejaskan reputasi akhbar tersebut dalam era kewartawanan dan pemberitaan tanah air. Kepercayaan rakyat mula merosot terhadap penerbitan akhbar ini baik dari segi bercetak mahupun digital oleh kerana krisis yang dihadapi. Walaupun pelbagai adaptasi dilakukan oleh Utusan demi menempah pasaran pembaca secara digital melalui penubuhan laman web rasmi, laman rasmi media sosial dan sebagainya bagi mengimbangi kemerosotan yang dialami, kemerosotan tetap dialami oleh akhbar ini semenjak wujud ura-ura peralihan kerajaan sehingga berlaku transisi kerajaan dan selepas transisi kerajaan.

5. Penutup

Media politik khususnya akhbar Utusan memperlihatkan satu pemilikan dominan oleh parti politik tanah air. Ia dilihat menjadi alat utama ahli politik dalam menyebarkan propaganda politik untuk survivaliti karier politik mereka. Bukan itu sahaja, akhbar ini dilihat turut menjadi sumber kewangan mereka melalui pasaran saham yang dimiliki. Kejatuhan dan kebangkitan akhbar ini dilihat menjadi tumpuan ahli konglomerat perniagaan seperti Tan Sri Syed Mokhtar Al Bukhary dan sebagainya untuk dijadikan alat perniagaan dalam sektor perniagaan tanah air. Maka, pengekalan kuasa dalam pasaran perniagaan turut dikaitkan dengan dua teori utama bagi perbincangan artikel ini iaitu Teori Hegemoni dan Penentuan Agenda. Walaubagaimanapun, di samping penghegemonian akhbar ini oleh parti politik dan juga ahli konglomerat perniagaan, namun etika kewartawanan perlu sentiasa dijaga dalam menerbitkan pemberitaan yang dikeluarkan. Kegagalan berbuat demikian akan menyebabkan tergugatnya keharmonian negara. Ini kerana pemberitaan yang jitu dan tepat mampu menyumbang kepada pembentukan dasar dalam negara ke arah membentuk negara yang lebih harmoni di masa hadapan.

6. Rujukan

- ABC Malaysia. (2014). *Return of Average of Net-Circulation of Newspaper and Magazine for The Period of 1 Jan 201-31 Disember 2014*. ABC Annual Report. Retrieved from <http://www.abcm.org.my/>
- Berita Harian. (Oktober 12, 2019). *Mengimbas 80 Tahun Utusan Malaysia*. Dicapai daripada <https://www.bharian.com.my/amp/rencana/muka10/2019/10/616850/mengimbas-80-tahun-utusan-malaysia>
- Bernama. (Oktober 18, 2016). *Utusan Diperintah Bayar Ganti Rugi RM 200,000 Kepada Anwar*. Dicapai daripada <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/utusan-diperintah-bayar-ganti-rugi-rm200-000-kepada-anwar-119738?amp=1>

- Bernama. (Disember 6, 2019). *Semua ahli Parlimen PH telah isytihar harta* – Liew. Astro Awani. Dicapai daripada <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/semua-ahli-parlimen-ph-telah-isytihar-harta-liew-224604>
- Cohen, B. (1963). The Press and Foreign Policy. In R. D. Wimmer & J. R. Dominick (Eds.), *Mass Media Research: An Introduction*. Belmont: Wardsworth, Inc.
- Hashim Ahmad Makaruddin. (2009). *Perkembangan Media Baharu dan Cabaran ke Atas Pengusaha Industri Penerbitan*. Seminar Industri Kewartawanan 2009. Fakulti Sains Sosial. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Hermin Indah Wahyuni. (2007). Politik Media dalam Transisi Politik: Dari Kontrol Negara Menuju Self-Regulation Mechanism. *Jurnal Ilmu Komunikasi*. Vol 4. No 1, 11-24.
- Malaysia Kini. (Mac 15, 2017). *Utusan Mohon Maaf Kepada Guan Eng di Mahkamah*. Retrieved from <https://m.malaysiakini.com/news/375790>
- Malaysia Kini. (Julai 4, 2019). *Siapa Sebenarnya Menguasai Media Prima*. Retrieved from <https://m.malaysiakini.com/news/482339>
- Malaysia Today. (2008). *Abdullah akui tewas pada pembangkang melalui siber*. Dicapai daripada <http://www.malaysia-today.net/2008/03/26/abdullah-akui-tewas-pada-pembangkang-melalui-siber/>
- Mohd Dhari Othman. (1992). Malayan Press: A Brief Account of Newspapers Published in British Malaya. *Jurnal Komunikasi*. Vol 8. Pp 117-130. Retrieved from [http://journalarticle.ukm.my/4885/1/9\(1\).pdf](http://journalarticle.ukm.my/4885/1/9(1).pdf)
- Mouffe, Chantal (1981). “Hegemony and ideology in Gramsci”. *Dalam T. Benneth et al. Culture, Ideology and Social Process: A Reader*. London: Opell University.
- Muhtar Mahyudi. (1999). *Analisis Kandungan Terhadap Berita- Berita Tentang Reformasi Indonesia Pada Akhbar Berbahasa Melayu di Malaysia Dari Mac Hingga September 1998*. Pulau Pinang. Universiti Sains Malaysia.
- Mustakim Aminuddin. (2010). Peranan media dalam sukan. Seminar Sukan anjuran Fakulti Sains Sukan dan Rekreasi, UiTM, Shah Alam.
- Nuruddin. (2007). *Pengantar Komunikasi Massa*. Jakarta: Raja Grafindo Persada.
- Said Zahari (2001). *Meniti Lautan Gelora*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd. M/s 82.
- Suruhanjaya Komunikasi Multimedia Malaysia. (2018). *Communications and multimedia: Facts and figures 2018*. Dimuat turun daripada <https://www.mcmc.gov.my/skmmgovmy/media/General/pdf/CM-Facts-and-Figures-3Q18.pdf>
- Teel, L. R., & Taylor, R. (1983). *Into the Newsroom: An Introduction to Journalism*. New Jersey: Prentice-Hall.
- Temple, K. (1992). Brought to you by.... Notre Dame Magazines 21 (2): Summer, 29
- The Straits Times. (July 20,2020). *Malaysia’s Oldest Malay Language Newspaper Utusan is Back After Nine-Month Shutdown*. Retrieved from <https://rb.gy/lrdkas>
- The Straits Times. (July 21, 2020). *Utusan Malaysia Returns Under New Owner*. Retrieved from <https://www.straitstimes.com/asia/se-asia/utusan-malaysia-returns-under-new-owner>
- Thomas Pureklolon. (2016). *Komunikasi Politik: Mempertahankan Integritas Akademisi*,

- Utusan Online. (Mei 6, 2013). *Apa Lagi Orang Cina Mahu*. Retrieved from https://web.archive.org/web/20130606222529/http://ww1.utusan.com.my/utusan/Pilihan_Raya/20130507/px_03/Apa-lagi-orang-Cina-mahu
- William, R. Roff (1967). *Sejarah Surat-Surat Khabar Melayu*. Siri Monograf Persekutuan Bahasa Melayu. Kuala Lumpur. Universiti

Indonesia and Singapore Economic Development: A Comparison

Caojing¹, Muhammad Febriansyah²

^{1,2}School of Social Science, Universiti Sains Malaysia

Email: ²febrian@usm.my

Abstract

Indonesia is one of the countries with the largest land area and population in the world. It is also has a lot of room for growth and very potential to become an economic power. The vast numbers of young talented people, stable political situation, good domestic environment, good relations with surrounding countries, economic and cultural exchanges are factors that can support this claim. However, it still not in the state of desired development. In contrast, its close neighbor Singapore has achieved an economic jump in a short period of time and has become a developed country. This paper will discuss historical economic background, the economic policies, and development direction of Indonesia and Singapore. The main question to ask is, what are the advantages and disadvantages that influence the economic development in both countries? What is the former can learn from the latter in terms of economic development? In this process, this paper will find out the favorable methods for Indonesia's economic development and transformation through comparison with Singapore. Indonesia will gain useful advice and experience from Singapore's economic miracle and achieve better development.

Keywords: economic transformation; economic development; Indonesia; Singapore.

1. Introduction

The research is carried out around Indonesia and Singapore economic development. The main reasons for choosing these two countries for research are: first, Indonesia is one of the countries with the largest land area in the world(The 16th largest in the world), at the same time, there are a large number of people living on the land of Indonesia, and the country has a lot of room for rise. It has many young people and talents, stable political condition, good domestic environment and good relations, economic and cultural exchanges with other neighboring countries. Therefore, there are many places worth studying and exploring about the economic development of Indonesia. Here, I choose Singapore as the control group. First, Singapore belongs to Southeast Asian countries like Indonesia. Second, Indonesia is a developing country and Singapore is a developed country. I hope to choose a developing country and a developed country for comparison, so as to get experience on economic development from developed countries and explore some possible experience and help on Indonesia's economic development path. At the same time, Singapore and Indonesia have great differences in land area and social environment, which is also conducive to the comparative study of the theme. Moreover, the research on Singapore's economic development and transformation path is also full of twists and turns, which is a topic worthy of exploration. However, this study will focus more on discussing the socio-economic development and exploration of Indonesia, and pay more attention to the introduction of Indonesia, while the research on Singapore will mainly focus on the comparison with Indonesia and the parts that can be referred to by Indonesia's economy (He Zheng, 2014).

This paper will start with the introduction to the current situation, development direction and historical background of contemporary Indonesian economy and society, including its industry, science and technology. Then it will be divided into strengths and weaknesses, and summarized and introduced. In order to study what experience Indonesia's economic development can get from Singapore's economic development, this paper will then introduce Singapore's development and brief introduction, mainly corresponding to the analysis of the same content in Indonesia, including Singapore's industrial development, from the industrial revolution planned in the year to industrial upgrading and layout development, as well as Singapore's response to the financial crisis and today's economic globalization, How can Singapore adapt to the development of the times, face challenges and make a series of adjustments to move towards the new century. Next, this paper will discuss how Singapore can make use of its advantages and overcome difficulties for development. Then it makes a further analysis of Indonesia's strengths and weaknesses, and discusses the experience that can be used, that is, how to make good use of strengths, how to avoid weaknesses and how to develop weak links. Finally, a summary is made The purpose of this topic is to have a deeper understanding of Indonesia's economy , including understanding Indonesia's economic advantages and disadvantages, and current economy and development. It will also analyse the favorable methods for Indonesia's economic development and transformation through comparison to Singapore.

2. Natural Resources Overview of Indonesia

A country's economic development from the country's geographical location and climate conditions, superior geographical location and climate conditions can be more conducive to the national development planning, and rich natural resources is an advantage of national economic construction, and on the other hand in the face of some adverse development factors, should also effectively avoid, namely effective play industry advantage, avoid adverse effects, adjust measures to local conditions, reasonable planning, so as to better upward development. Therefore, when discussing the economic development of Indonesia, the local socio geo-climatic conditions should be considered first.

First from the climate, Indonesia across both sides of the equator, most areas belong to the tropical rainforest climate, high temperature and rain throughout the year, which means that Indonesia forest resources, has the advantage of tropical crops. Indonesia is rich in all kinds of precious wood, including Kalimantan and Sumatra iron, Nusa tenggara sandalwood, Sulawesi ebony, Java teak and so on. In addition, Indonesia is the world's largest rattan raw materials and rattan products production and exporter. Secondly, starting from the land and geographical environment, Indonesia has a vast territorial area, numerous rivers and rich islands. The Thoreau River in Java is 560 km long, the longest river in Java, Indonesia. The 809 rivers cross the islands and play an important role in transportation and agricultural irrigation . Under such conditions, Indonesia has a unique and abundant biological resources. Indonesia is one of the most abundant biological resource countries in the world. According to incomplete statistics, there are more than 40,000 kinds of plants in Indonesia, among which medicinal plants are the most abundant. The pleasant climate of Indonesia provides an excellent growth environment for many exotic birds and a variety of flowers. Under such a biological and geographical environment, the types of natural resources, development, utilization and protection in Indonesia are roughly as follows: First of all is Indonesia's main agricultural crops, rice is the main grain, rice, corn, sugarcane is its main crops, coarse grains are corn, cassava, beans and so on. Indonesia is the largest producer

of beans in Southeast Asia and the second largest tropical crop producer in the world after Brazil. Most cash crops are planted in plantations, not only with many varieties, but also some crops are among the best in the world. Indonesia leads the world in producing pepper, cinchona cream, kapok and rattan. The production of natural rubber and coconut ranks second in the world. And Indonesia is also a fruit kingdom, rich in bananas, mango, pineapple, papaya, durian, mangosteen and other tropical fruits.

As for the aquatic resources of Indonesia, Indonesia has vast sea areas, numerous rivers and lakes, so Indonesia are also extremely rich in aquatic resources. Indonesia is particularly rich in seafood, and Bagasia on the east coast of Sumatra is a world-famous large fishery. Fish are sardines, tuna, cod, tuna, beautiful fish, grouper, cuttlefish, hairtail, etc.; shrimp, lobster and freshwater shrimp; also rich in crab, shellfish, snails, turtle, sea cucumber, pearls, edible seaweed and bird's nest. Finally, Indonesia's mineral resources, where reserves of oil, gas, and tin are important in the world; nickel, bauxite, copper, coal, diamond, manganese, chromium, uranium, gold and silver.

3. Overview of social and economic environment and advantageous industries

Indonesia is one of the most populous countries in the world with a total population of more than 260 million. In terms of the age of the working population, the population aged 65 and above in Indonesia will account for 6% in 2020, it has not yet entered an aging society. And in terms of gender, male population is also relatively more than female. On the other hand, Indonesia's urbanization rate in 2020 was 56.6%, and the urbanization rate keeps rising year by year. Through the analysis of Indonesia's labor population, it can be seen that Indonesia has labor advantages, but there are also some shortcomings. As a whole, Indonesia has one of the largest labor pools in the world, and its demographic prospects are good enough to continue to provide a large supply of low-skilled workers. However, there is a limited pool of workers with multiple skills and formal work experience. The lack of an adequate education system, especially in rural areas, has exacerbated the shortage of skilled labor. In addition, according to the data, the low female labor force participation in Indonesia leads to the limitation of labor supply in the country, which may also reflect the gender inequality in Indonesia's traditional society, which is not conducive to the development of a larger and higher quality labor market in Indonesia. In Indonesia, the rural labor force is the main force of the labor market, mainly composed of agricultural labor. Although the population base is generally positive, limited health care services increase the risk of serious illness, which is not only bad for the health of the local population, but also to some extent hinders the development of Indonesian workers.

Indonesia is the largest economy in ASEAN. Agriculture, industry and service industry all play an important role in the national economy, among which agriculture and oil and gas industry are the traditional pillar industries. In 1997 Indonesia was hit hard by the Asian financial crisis, with a deep recession and a sharp devaluation of its currency. After more than a decade of economic reform and structural adjustment, The Indonesian economy has gradually returned to the track of development, with personal consumption, investment and export becoming the engines of economic growth. Indonesia's industrial and oil and gas industries account for a large proportion of the national economy. Its main industrial sectors are mining, textiles, light industry and so on. The direction of industrial development is to strengthen export-oriented manufacturing. Indonesia has by far the largest oil reserves in Southeast Asia. The government

puts oil reserves at 9.7 billion barrels and natural gas reserves at 176.6 trillion standard cubic feet (TCF). The oil industry is the most important industrial sector in Indonesia.

Although Indonesia's economic growth declined due to the impact of the global financial crisis in 2008 and the European debt crisis in 2009, the national economy still achieved positive growth. In the past ten years, Indonesia's economic development has been based on the advantages of natural resources and low labor costs to build a domestic industrial structure, so the oil and gas industry, mining industry, manufacturing industry, agriculture and fisheries have developed rapidly and become the main pillar industries of Indonesia.

Industrial structure reflects the proportion of each industrial sector and its mutual restriction and connection. The process of economic development of a country is not only manifested in the growth of GDP, but also inevitably accompanied by the evolution of industrial structure. The orderly stage of economic development is manifested in the orderly stage of industrial structure. With the rapid development of domestic economy, the domestic industrial structure will also undergo a series of major changes. The industrial structure of Indonesia is characterized by its development from agriculture to industry and then to service industry. Indonesia's agricultural structure, farming accounted for 90%, aquaculture accounted for 10%. The agricultural layout of Indonesia can be divided according to the major islands. Java island concentrated 60% of the country's paddy fields, become the country's granary, other crops are planted, livestock and poultry industry developed. The southern Bali region is flat and also rich in rice. Sumatra island is the main production area of tropical cash crops, rice field area is also large. South Kalimantan is hilly with rubber and other cash crops. West Irian agriculture has been under development, mainly cash crops, rich grassland resources, conducive to the development of large and medium-sized livestock farms (Akkemik, 2008).

4. Transformation of Indonesian Economic Development

Generally speaking, Indonesia's economic development and transformation is tortuous and arduous, but overall, the economic development results are meaningful and positive upward development. Indonesia has experienced a long period of time in the past colonial rule (the late 16th century - 1942), during this period the Indonesian groups of people had a hard time, numerous senior lofty ideals and resistance to oppression and rule, began a vigorous struggle, this period of economic development in Indonesia is deformed, under the pressure of foreign capital for a long time, Indonesia's own national economy and industry are difficult to develop. All this has been gradually improved since August 17, 1945, when Indonesia declared independence and established the Republic of Indonesia. Indonesia's economy developed in twists and turns, and also experienced many heavy pains in the process.

In the past, Indonesia experienced economic recession, rising unemployment rate and other crises. With the increasing development of globalization, the world economic development has also caused many impacts on Indonesia's economic development and transformation, including both favorable and unfavorable impacts. It can be said that the coexistence of opportunities and challenges in Indonesia's past economic development also reflects the world economic development to a certain extent. Before the Asian financial crisis, Indonesia has experienced a long period of 25 years of economic construction, the average growth rate of 7%, the per capita GDP amounted to \$1050 in 1996, many countries had predicted Indonesia will also become the 7th Asian tiger, but the Asian financial crisis caused serious damage to Indonesia,

the rulers of the Suharto regime, also in the crisis in the fall, Indonesia suffers from political instability, economic decline, deteriorating security and high unemployment. But the Indonesian government is still doing the best, alternately Indonesia government focus on national development based on the reconstruction and economic development, and also take an active part in economic globalization, Susilo Bambang Yudhoyono of Indonesia government have put forward for the revitalization of the economy plan, including political stability and security, vigorously attract foreign investment, increase domestic investment, Efforts to reduce domestic unemployment, key support for small and medium-sized enterprises, vigorously develop agriculture fishery, especially actively strive for international cooperation and exchange, the implementation of market economy, etc, under the correct leadership, the economy began to toward the good direction development, economic globalization is a double-edged sword, Indonesia will both benefit from it and its adverse effect.

5. Industrial Shortcomings

Indonesia is the largest economy in Southeast Asia. Its economic aggregate accounted for about 38% of the total amount of ASEAN, and the inflow of foreign capital was second only to Singapore in ASEAN and increasing year by year. Factors such as a well-controlled trade deficit have provided Indonesia with a strong economic growth environment. However, in recent years, Indonesia's per capita income is lower than the middle level, and the Indonesian economy has been declining. Economic weakness on the one hand, from weak global demand, caused by an aging population and geopolitical risks to improve the overall economic growth is slowing, on the other hand, the problems existing in the development of domestic economy, from Indonesia is fundamental motivation of the development of productivity, the current problems existing in the industrialization is in Indonesia economy one of the reasons for the downward trend (Van Grunsven & Smakman, 2002).

- A. **The industrial structure is stable, but the proportion is still not up to the average level of middle-income countries.** Under Yudhoyono's administration, Indonesia has proposed to become an industrial power by 2025, with manufacturing as a pillar of economic development. However, from the proportion of the three industries, the industrial structure is between 13% to 15% in the primary industry, 43% to 45% in the secondary industry, 41% to 44% in the tertiary industry. From the contribution of manufacturing output value to GDP, Indonesia has been classified as a semi-industrialized country. Loose environment to attract a large number of foreign investment in the global value chain of low-end industries, making Indonesia can keep half industrialized states, but the introduction of equipment production is inferior to the imported technology, lack of innovation in Indonesia makes it compared with medium high income countries, the constitution of the industrial structure upgrading efforts, progress has been slow. Statistics from the World Bank show that the average proportion of industries in middle-income countries is less than 40% and is decreasing year by year, while the proportion of services is about 55% and increasing, gradually showing the status quo of deindustrialization.
- B. **Manufacturing industry has become a pillar industry, but the industrial structure is single and the capacity is not high.** The industrialization of Indonesia began in 1945 when the country became independent and followed the industrialization development model of East Asia. Up to now, manufacturing accounts for about 50% of the secondary industry and

contributes more than 20% to GDP, making it a pillar industry for economic development. However, due to historical, structural and institutional differences in the economic development of various countries (regions), Indonesia cannot fully absorb the industrial development advantages of the Asian Tigers. Its industrialization level remains at the low end of the global value chain and remains in the primary labor-intensive processing products. Modern pharmaceutical industry and microelectronics information product manufacturing are the only two technology-intensive industries. With the industrial production index below 1 and even negative in some quarters, Indonesia has a long way to go to transform itself into a knowledge-intensive industry. The main reason is that the working population in Indonesia is not well educated, the unemployment rate is increasing, there is not enough labor force to devote to industrial production, and the key business areas are controlled by a few families. Most Indonesian workers only have junior high school education at most, and lack skills and knowledge. At the same time, the manufacturing capacity in higher oil, mechanical products, etc., is one of the few family control, is not conducive to employees participate in the distribution of surplus value, get motivated and produce higher work efficiency, this allows the Indonesian domestic industrial production manpower reserve is insufficient, lack of high-level innovative talents, make domestic innovation ability to improve slowly, That has slowed Indonesia's economic growth (Zhu, 2002).

- C. **Production of cheap labor cost advantage loss, high unemployment or will become a serious social problem.** Indonesia attracting foreign investment has the advantage of cheap Labour, small domestic high degree of open and barriers to trade, but in recent years, Indonesia the wages of workers increased significantly faster than the increase of industrial production, real wages rise, and the fall in output of labor, this will make the enterprise reduce the demand for labor, lead to the unemployment rate increase. In recent years, the unemployment rate in Indonesia has remained above 6%, and the increasing number of unemployed Indonesians has become a serious social problem. Slowing economic growth and rising wages have exacerbated Indonesia's serious unemployment problem. Meanwhile, rising labor costs and a serious shortage of high-quality talents have become obstacles for the manufacturing industry to improve its competitiveness (Shee, 1979).
- D. **Singapore Economic Development** Since the founding of Singapore in 1965, Singapore's economic development has changed from labor-intensive to skill intensive, then to capital intensive and technology intensive. After 1998, Singapore began to move towards a stage of development based on the knowledge economy, in which high-end service industry and modern manufacturing industry were developed at the same time. The social problems highlighted in recent years have made Singapore pay more attention to the balance between efficiency and fairness, and pay more attention to improving the social safety net under the overall goal of improving the workforce (Goh, 1996).

In 1978, Singapore basically achieved the goal of universal access to education. However, during this period, the labor supply was tight, trade protection rose worldwide, the development speed of other countries in Southeast Asia gradually accelerated, and the number of enterprises investing in Singapore also decreased. Facing the above problems, Singapore chose to climb to the higher end of the world economy to offset the loss of labor-intensive industries (Han, 2005). Since 1979, Singapore has implemented a three-year wage increase policy to increase the cost of enterprises, force enterprises to improve production technology, phase out

labor-intensive industries and develop technology intensive industries. In addition, various government support and financial subsidy policies have been implemented to enable enterprises to gradually realize mechanization, automation and computerization. Strengthen technical training for workers by establishing a skill development fund. Foreign investment promotion focuses on attracting technology intensive enterprises, making it clear that Singapore will no longer accept investment in labor-intensive industries, making Singapore's economy. It is developing in the direction of high added value (Huff, 1987; Perry, Kong & Yeoh, 1997).

At different stages of industrial development, Singapore has planned and constructed various. The industrial park provides space and carrier for industrial development, realizes the employment of residents nearby, and reduces the traffic pressure. Moreover, the concept of ecosystem is introduced into the planning of industrial park to minimize the impact of industrial development on the environment and realize the sustainable development of industry and city (李国镇, 1996).

6. Lesson Learned from Singapore's Economic Development

It has taken Singapore more than 40 years to rise from a poor and backward colonial country to the ranks of developed countries in the world, and from a deserted island to a "garden city" with tall buildings and beautiful environment. This must be said to be a miracle. Effective industrial governance framework, flexible industrial policies, cluster oriented industrial development strategies and advanced park design concepts are important tools to create miracles.

The Singapore government guarantees the government's control over land through land nationalization. Establish various government agencies and carry out a clear division of labor. The economic development bureau is mainly responsible for formulating the strategic planning for industrial development. The urban renewal Bureau and Jurong Town authority are responsible for the planning, development and management of the industrial park. The Ministry of environment and water resources (MEWR) and the national Environmental Agency (NEA) are responsible for environmental protection and supervision of the park development, Other institutions, such as human resources training institutions, cooperate with the development of industry. In addition, the establishment of the national wage Council (NWC) effectively curbed wage growth. NWC has formulated guidelines for increasing wages to help the government maintain a reasonable industrial order. Although this guideline is not mandatory, it has been well implemented (Seetoh & Ong, 2008).

Industrial policy plays a leading role in the adjustment, optimization and upgrading of Singapore's industrial structure. The government flexibly applies economic policies, adjusts taxes and financial aid, provides investment loans, and promotes industrial development. Formulate policies to encourage enterprises' investment and development, such as the implementation of the "emerging industrial status" policy, and all enterprises that have obtained the emerging industrial status can enjoy the corresponding preferential policies. Moreover, the government formulates corresponding industrial development policies for different development stages.

7. Conclusion

In general, Indonesia cannot fully replicate Singapore's economic development experience, but it can still learn from Indonesia's own development path. While drawing on the successful experience of other countries' development, Indonesia must mainly follow the following principles. First, a comprehensive understanding of national conditions, determine the premise of development. Second, determine the pillar industries and adjust the structure in a timely manner. Lastly, actively participate in economic globalization, the use of transnational corporations, one step towards the international.

8. References

- Akkemik, K. A. (2008). *Industrial Development In East Asia: A Comparative Look At Japan, Korea, Taiwan And Singapore (With Cd-rom)* (Vol. 3). World Scientific.
- Grunsven, L. V., & Smakman, F. (2002). Competitive adjustment and advancement in global commodity chains II: The case of the Singapore garment industry. *Singapore Journal of Tropical Geography*, 23(1), 70-92.
- Han, S. S. (2005). Global city making in Singapore: a real estate perspective. *Progress in Planning*, 64(2), 69-175.
- Huff, W. G. (1987). Patterns in the economic development of Singapore. *The Journal of Developing Areas*, 21(3), 305-326.
- Perry, M., Kong, L., Yeoh, B. (1997). *Singapore: A Developmental City State*. Wiley, New York.
- Poon-Kim, S. (1979). Singapore 1978: Preparation for the 1980s. *Asian Survey*, 19(2), 124-130.
- Seetoh, K. C., & Ong, A. H. F. (2008). Achieving sustainable industrial development through a system of strategic planning and implementation: The Singapore model. In *Spatial Planning for a Sustainable Singapore* (pp. 113-133). Dordrecht: Springer Netherlands.
- Swee, G. K. (1996). The technology ladder in development: The Singapore case. *Asian-Pacific Economic Literature*, 10(1), 1-12.
- Zhu, J. (2002). Industrial globalisation and its impact on Singapore's industrial landscape. *Habitat International*, 26(2), 177-190.
- 李国镇. 新加坡城市研究[M]. 上海: 上海交通大学出版社, 1996.

Transformasi Konflik dan Pembinaan Perdamaian: Suatu Analisis Transformative Peacebuilding di Selatan Thailand

Mohamad Aqriel Shazwan Md Shahrudin

Pusat Pengajian Sains Kemasyarakatan, Universiti Sains Malaysia

Emel: aqrielshazwan490@student.usm.my

Abstrak

Konflik secara harfiahnya bermaksud ketidaksesuaian matlamat antara dua atau lebih pihak yang cuba mendapatkan sesuatu atau mempertahankan sesuatu yang dianggap berharga pada masa yang sama. Dalam berhadapan dengan konflik kekerasan yang semakin mencabar pada masa kini, kita memerlukan pendekatan transformasi konflik dan pembinaan perdamaian yang lebih kreatif dan inovatif untuk memastikan agenda menamatkan konflik dan matlamat untuk mewujudkan pembinaan positif yang mampan (*sustainable positive peace*) dapat direalisasikan. Kajian ini dilakukan untuk menganalisis dinamika, isu, dan konteks transformasi konflik dan pembinaan perdamaian serta elemen *Transformative Peacebuilding* di Selatan Thai. Dengan menggunakan kaedah kepustakaan, penulisan ini dimulakan dengan membahaskan konsep *Transformative Peacebuilding*. Perbincangan mendalam akan dilakukan dengan membahaskan teori transformasi konflik dan teori pembinaan perdamaian, serta hubungannya dalam membentuk falsafah dan pendekatan *Transformative Peacebuilding*. Seterusnya, penulisan ini akan membincangkan aplikasi pendekatan *Transformative Peacebuilding* ini dalam kajian kes di Selatan Thailand. Sejarah dan latar belakang konflik akan dihuraikan terlebih dahulu untuk memberi gambaran dan idea dalam bahagian pemetaan konflik di Selatan Thailand. Beberapa pendekatan pemetaan konflik akan digunakan dalam penulisan ini untuk memberi pengenalan tentang aktor, struktur, hubungan, institusi, isu dan nilai yang dipertandingkan (*contested*) dalam konflik tersebut. Akhir sekali, senario konflik antara Orang Melayu Islam Patani (OMIP) dengan kerajaan Thailand di Selatan Thailand akan dibahaskan dengan lebih lanjut untuk melihat proses transformasi konflik dan pembinaan perdamaian yang telah berlaku, seterusnya melihat potensi *Transformative Peacebuilding* diaplikasikan dalam konflik tersebut.

Kata kunci: Transformative Peacebuilding; transformasi konflik; pembinaan perdamaian; konflik Patani; OMIP; kerajaan Thailand.

1. Pengenalan

Konflik secara harfiahnya bermaksud ketidaksesuaian matlamat antara dua atau lebih pihak yang cuba mendapatkan sesuatu atau mempertahankan sesuatu yang dianggap berharga pada masa yang sama. Terdapat beberapa jenis konflik yang berlaku di dalam dunia, antaranya konflik kepentingan, nilai, ideologi, perhubungan dan struktural. Konflik juga boleh dilihat daripada perspektif perbandingan aktor yang berkonflik sama ada secara simetri atau asimetri, serta mendatar atau menegak. Konflik juga berlaku bukan sahaja di dalam sesebuah negara (*intra-state*) tetapi juga boleh berlaku antara negara-negara lain (*inter-state*). Kesemua ini berkait rapat dengan matlamat, keinginan, dan kepentingan pihak-pihak yang berkonflik itu sendiri.

Dalam berhadapan dengan konflik kekerasan yang semakin mencabar pada masa kini, kita memerlukan pendekatan transformasi konflik dan pembinaan perdamaian yang lebih kreatif

dan inovatif untuk memastikan agenda menamatkan konflik dan matlamat untuk mewujudkan pembinaan positif yang mampan (*sustainable positive peace*) dapat direalisasikan.

Oleh itu, penulisan ini akan memperkenalkan terlebih dahulu tentang konsep *Transformative Peacebuilding*. Perbincangan mendalam akan dilakukan dengan membahaskan teori transformasi konflik dan teori pembinaan perdamaian, serta hubungannya dalam membentuk falsafah dan pendekatan *Transformative Peacebuilding*.

Seterusnya, penulisan ini akan membincangkan aplikasi pendekatan *Transformative Peacebuilding* ini dalam kajian kes di Selatan Thailand. Sejarah dan latar belakang konflik akan diuraikan terlebih dahulu untuk memberi gambaran dan idea dalam bahagian pemetaan konflik di Selatan Thailand. Beberapa pendekatan pemetaan konflik akan digunakan dalam penulisan ini untuk memberi pengenalan tentang aktor, struktur, hubungan, institusi, isu dan nilai yang dipertandingkan (*contested*) dalam konflik tersebut.

Akhir sekali, senario konflik antara Orang Melayu Islam Patani (OMIP) dengan kerajaan Thailand di Selatan Thailand akan dibahaskan dengan lebih lanjut untuk melihat proses transformasi konflik dan pembinaan perdamaian yang telah berlaku, seterusnya melihat potensi *Transformative Peacebuilding* diaplikasikan dalam konflik tersebut.

2. Kerangka Teori

2.1 Transformasi Konflik (Conflict Transformation)

Transformasi konflik merupakan antara elemen paling penting untuk mencapai perdamaian dalam konflik yang berlaku di dunia ini. Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat, transformasi membawa maksud perubahan bentuk, sifat, keadaan, rupa dan lain-lain. Secara konseptualnya, perkataan ‘transformasi’ itu sendiri membawa gambaran bahawa berlaku sesuatu perubahan dari satu keadaan kepada keadaan yang lain. Dalam konteks transformasi konflik, perubahan yang diharapkan berlaku adalah daripada keadaan konflik yang buruk, ganas (*violence*), dan tidak aman kepada sesuatu keadaan yang lebih baik iaitu perdamaian. Penekanan aspek perubahan (*change*) dalam transformasi konflik adalah penting kerana transformasi konflik bukanlah untuk kembali kepada keadaan sebelum konflik atau status quo, sebaliknya mewujudkan sesuatu yang baharu dari aspek hubungan, struktur, budaya, aktor dan institusi dalam kawasan konflik itu sendiri. Terma transformasi konflik ini juga banyak digunakan dan dibahaskan dalam bidang pengajian konflik oleh sarjana-sarjana seperti John Paul Lederach dan Diana Francis.

Benarding dan Austin (2019) mendefinisikan transformasi konflik adalah seperti berikut,

“Sebuah proses kompleks yang mengubah hubungan, sikap, tingkah laku, kepentingan dan wacana secara konstruktif dalam kawasan konflik yang mempunyai kecenderungan berlakunya kekerasan. Transformasi konflik mengatasi dan mengubah struktur, budaya, dan institusi yang menggalakkan konflik politik dan sosial yang ganas dalam jangka masa yang panjang.”

(dipetik daripada Kamarulzaman, 2021).

Seperti yang ditekankan oleh Bernarding dan Austin, transformasi konflik menekankan elemen perubahan (*change*) dalam konteks yang lebih luas. Transformasi konflik melihat aspek perubahan perlu dilakukan terhadap struktur, budaya, institusi, aktor dan sebagainya.

Lederach (1995) pula melihat transformasi konflik adalah seperti berikut,


“Transformasi konflik mesti membayangkan, melibatsama, menghormati dan mempromosi sumber manusia dan budaya daripada dalam tempat yang diberikan (within a given setting). Hal ini melibatkan sebuah set lensa yang baharu walaupun kita tidak ‘melihat’ tempat dan penduduk di dalamnya sebagai suatu ‘masalah’ dan orang luar sebagai ‘jawabannya’. Sebaliknya, kita memahami bahawa matlamat jangka masa panjang transformasi adalah mengesahkan (validating) dan membina penduduk dan sumber-sumber dalam tempat itu.”

(dipetik daripada Miall, 2004)


Menurut Lederach (2011), dalam proses untuk melakukan perubahan, transformasi konflik bertindak secara serampang dua mata dalam memberi jalan penyelesaian terhadap masalah semasa dan menggunakan masalah semasa itu sebagai sebuah lensa untuk melihat konteks yang lebih luas dalam konflik tersebut. Transformasi konflik sudah mula menekankan kepentingan garis masa untuk melihat pola yang mencetuskan konflik yang berlaku dalam sejarah konflik tersebut. Dalam erti kata lain, transformasi konflik adalah sebuah kerangka konseptual yang menekankan penyelesaian buat sesuatu konflik semasa dan selepas konflik itu berlaku bagi mencapai matlamat akhir proses perdamaian, iaitu untuk mencapai perdamaian positif yang mampan.

Berbeza dengan pengurusan konflik, pendekatan ini dianggap lebih bersifat jangka masa pendek kerana pengurusan konflik hanya sekadar memberi fokus kepada kaedah atau cara untuk membendung sesuatu konflik dan kekerasan. Begitu juga dengan penyelesaian konflik, apabila Lederach berpendapat bahawa penyelesaian konflik hanya memberi solusi untuk konflik yang sedang berlaku dengan menyelesaikan punca akar umbi, tanpa melihat prospek masa depan bahawa konflik akan timbul semula atau tidak.

Menurut Lederach (2011) lagi, konflik yang berlaku sering bersifat *cyclic* (rujuk Rajah 1) dan kitaran konflik (*conflict cycle*) itu akan sentiasa berterusan mengikut garis masa konflik berdasarkan struktur proses konflik tersebut (rujuk Rajah 2).




Rajah 1: Kitaran konflik Lederach (Sumber: Lederach, 2014)



Rajah 2: Struktur proses konflik (Sumber: Lederach, 2014)

Justeru, menurut Lederach (2014), transformasi konflik memanfaatkan sifat kitaran konflik ini dengan mewujudkan sebuah platform di sepanjang struktur proses konflik (rujuk Rajah 3) yang bertindak sebagai sebuah mekanisme dalaman (*build-in mechanism*) bagi memberi penyelesaian segera terhadap masalah semasa (dalam jangka masa pendek) dan mengubah proses konflik yang bergerak sepanjang garis masa tersebut pada masa akan datang (dalam jangka masa panjang). Dimensi transformasi konflik yang diutarakan oleh Lederach melibatkan proses perubahan dalam diri, struktur, hubungan dan aspek budaya konflik yang dibawa dalam tempoh masa yang berbeza (jangka masa pendek, sederhana dan panjang) dan melibatkan pelbagai tahap sistem pada masa yang berbeza (Miall, 2004).



Rajah 3: Platform transformasi konflik (Sumber: Lederach, 2014)

Vayrynen (1991) juga telah memperkenalkan pendekatan transformasi konflik yang diadaptasi daripada sifat konflik yang dinamik. Vayrynen telah menggariskan lima elemen sebagai pengubah (*transformer*) dalam proses transformasi konflik.

2.1.1 Transformasi konteks (*context transformation*)

Transformasi konteks merujuk kepada perubahan konteks konflik yang mampu mengubah persepsi pihak yang berkonflik terhadap situasi konflik tersebut (Miall, 2004). Menurut Vayrynen, konflik tidak berada dalam keterasingan (*isolation*) tetapi sentiasa dipengaruhi oleh

konteks sosial, serantau dan antarabangsa. Perubahan konteks ini kadangkala memberi dampak yang lebih besar berbanding perubahan dalam pihak yang berkonflik dan perubahan dalam hubungan antara pihak.

2.1.2 Transformasi struktur (*structural transformation*)

Struktur sesebuah konflik adalah set aktor dalam konflik, ketidaksesuaian matlamat sesama mereka dan perhubungan antara mereka. Hubungan antara pihak yang berkonflik ditekankan dalam pengubah ini terutamanya melibatkan hubungan asimetri dan tidak seimbang sesama pihak berkonflik ditransformasikan kepada hubungan yang lebih simetri. Menurut Kamarulzaman (2021), kadangkala perkara ini sukar dilakukan terutamanya oleh pihak yang lebih dominan dalam konflik kerana mereka perlu mengakui (*acknowledge*) permintaan pihak yang kurang dominan dan hal ini juga akan dilihat seolah-olah aktor dominan ini memberikan keabsahan kepada pihak yang kurang dominan ini.

2.1.3 Transformasi aktor (*actor transformation*)

Pihak-pihak yang berkonflik mesti mengubah matlamat, halatuju dan pendekatan mereka terhadap konflik ke arah perdamaian. Hal ini boleh dilakukan dengan mengubah aktor itu sendiri, mengubah kepimpinan atau mengubah matlamat, fahaman dan nilai yang baharu.

2.1.4 Transformasi isu (*issue transformation*)

Elemen ini berkait rapat dengan transformasi konteks, struktur dan aktor. Apabila pihak yang berkonflik mengubah kedudukan matlamat mereka, isu telah ditransformasikan. Begitu juga sekiranya pihak yang berkonflik menilai semula dan menerima matlamat baharu ke arah perdamaian, maka isu sudah dapat ditransformasikan. Menurut Kamarulzaman (2021), sesetengah konflik yang melibatkan nilai yang tidak boleh dirunding (*non-negotiable*) seperti konflik identiti dan konflik keagamaan lebih sukar untuk diselesaikan. Justeru, apabila berlaku perubahan dalam isu itu sendiri atau cara isu itu difahami dan diinterpretasikan, maka isu itu juga telah ditransformasikan.

2.1.5 Transformasi sendiri dan kumpulan (*personal and group transformation*)

Perubahan berdasarkan elemen ini adalah perubahan yang paling penting sekali. Ia melibatkan perubahan hasrat, kehendak dan perspektif di peringkat aktor yang memegang kuasa sebagai pembuat keputusan. Sekiranya pemimpin atau kumpulan dalam konflik tersebut mengubah pendirian mereka ke arah perdamaian, maka langkah rekonsiliasi dan perdamaian boleh diwujudkan.

Jadual 1 menunjukkan rumusan pengubah konflik oleh Vayrynen yang telah diolah oleh Miall dalam penulisan beliau. Secara rangkumannya, kita dapat melihat bahawa kapasiti pendekatan transformasi konflik yang menekankan elemen perubahan daripada pelbagai perspektif menjadikan pendekatan transformasi konflik ini bersifat multidimensional dan komprehensif jika dibandingkan dengan pendekatan penyelesaian konflik. Oleh sebab itu, apabila berlakunya konflik yang sukar terutamanya konflik sosial yang berpanjangan (*protracted social conflict*), transformasi konflik adalah pendekatan yang paling sesuai untuk mengatasi masalah tersebut kerana kemampuannya yang menekankan perubahan dalam *setting* konflik tersebut meliputi pelbagai aspek seperti hubungan, struktur, budaya, aktor, paradigma, institusi dan sebagainya.

Jadual 1: Pengubah konflik Vayrynen (*Vayrynen's conflict transformers*)

Pengubah konflik Vayrynen	
Jenis	Contoh
Transformasi konteks	Perubahan dalam persekitaran antarabangsa, serantau atau sosial
Transformasi struktur	Perubahan daripada hubungan asimetri kepada simetri Perubahan dalam struktur kuasa Perubahan dalam pasaran keganasan
Transformasi aktor	Perubahan kepimpinan Perubahan matlamat Perubahan dalam pihak (<i>intra-party</i>) Perubahan dalam konstituensi pihak Perubahan aktor-aktor
Transformasi isu	Menjangkau isu-isu yang dipertandingkan (<i>transcendence of contested issue</i>) Kompromi konstruktif Mengubah isu Memutuskan atau menyambung semula isu
Transformasi sendiri dan kumpulan	Perubahan perspektif Perubahan hati Perubahan kehendak Mengisytarkan perdamaian (<i>gestures of conciliation</i>)

Sumber: Miall (2004)

2.2 Pembinaan Perdamaian (*Peacebuilding*)

Menurut Ayesah (2019), pembinaan perdamaian adalah satu titik penglibatan (*engagement*) di mana aktor-aktor dan pemegang-pemegang taruh di dalam konflik memaknakan semua (*redefine*) hubungan mereka kepada hubungan yang baharu dengan kesedaran yang meningkat terhadap situasi konflik mereka, perkara-perkara yang mendorong konflik tersebut berlaku dan proses yang menuju kepada penerimaan tanggungjawab yang sama ke arah kerjasama untuk membina dan mengekalkan perdamaian yang tahan lama (*durable peace*). Menurut Kamarulzaman (2005), pembinaan perdamaian dianggap sebagai satu asas untuk membawa orang-orang dan kumpulan-kumpulan di dalam konflik bersama-sama (dipetik daripada Ayesah, 2019).

Kamarulzaman (2021) juga berpendapat bahawa pembinaan perdamaian adalah satu usaha jangka masa panjang untuk mentransformasikan konflik melalui suatu pelan yang komprehensif untuk mengubah segala aspek dalam konflik seperti aktor, struktur, dan hubungan dalam konflik tersebut. Dalam proses pembinaan perdamaian, para pembina perdamaian

(*peacebuilders*) perlu menggunakan langkah-langkah atau kaedah yang inovatif dan kreatif untuk mentransformasikan situasi konflik dan budaya kekerasan untuk mewujudkan perdamaian positif yang mampan (*sustainable positive peace*). Oleh sebab itu, kunci kepada proses pembinaan perdamaian yang berkesan adalah dengan adanya elemen transformasi konflik.

Untuk membina perdamaian, aktor yang terlibat harus ada suatu visi dan bayangan tentang masa hadapan yang aman damai. Sarjana perdamaian seperti Boulding telah memperkenalkan kaedah penciptaan masa hadapan yang digunakan untuk membayangkan masa hadapan yang diinginkan oleh sesebuah organisasi, masyarakat mahupun sistem global.


Boulding (1996) menghuraikan bengkel penciptaan masa hadapan seperti berikut,

“...setiap peserta akan membuat senarai perkara yang diinginkan di dunia masa hadapan yang dibina berasaskan harapan, bukan ketakutan. Kemudian, dia akan memasuki dunia tiga dekad akan datang secara fantasi untuk meneroka sebagai pengembara masa untuk merasa sendiri bagaimana rasanya hidup dalam dunia yang dibayangkan itu. Para peserta akan membentuk kumpulan untuk membina gabungan dunia berdasarkan gambaran yang telah dibayangkan secara individu tadi dan mula menganalisis serta mengkonseptualkan institusi, nilai, dan tingkah laku yang boleh membuatkan dunia fantasi itu berpanjangan dan berevolusi secara berterusan. Seterusnya, sebuah sejarah yang dibayangkan akan dibina, melihat kembali daripada masa hadapan kepada masa kini, dan akhirnya strategi-strategi disusun pada masa kini untuk bergerak ke arah masa hadapan yang diidamkan.”

(dipetik dari Dugan, 1996).

Daripada idea Boulding ini kita dapat mengintepretasikan pembinaan perdamaian ini memerlukan sentuhan kreativiti dan inovasi daripada pembina perdamaian. Dengan berpandukan dunia ideal dan aman yang diidamkan, seorang pembina perdamaian perlu mengadakan penilaian terhadap keperluan-keperluan dalam konflik, membangunkan pelan perdamaian yang koheren dan meeka bentuk sistem pengimplementasian pelan perdamaian yang efektif.

Antara tokoh sarjana konflik dan perdamaian yang banyak memberi sumbangan terhadap idea pembinaan perdamaian ini adalah John Paul Lederach. Lederach telah memperkenalkan sebuah model piramid (Rajah 4) yang disusun berdasarkan jenis aktor yang terlibat dan pendekatan-pendekatan yang boleh dilakukan oleh aktor-aktor ini dalam proses pembinaan perdamaian.



Rajah 4: Model Piramid Lederach (1997) (Sumber: *Beyond Intractability*, 2003)

Jika dilihat daripada model piramid ini, Lederach telah mengenalpasti tiga jenis aktor dalam sesebuah *setting* konflik dengan pendekatan dan peranan yang dimainkan dalam pembinaan perdamaian juga berbeza-beza. Model inilah yang membawa paradigma baharu dalam perbincangan mengenai pembinaan perdamaian.

Sebelum ini, pembinaan perdamaian yang konvensional menekankan pendekatan *top-down approach*. Hal ini dikritik sendiri oleh Lederach (1997) dengan memperkenalkan idea *peacebuilding from below* yang menggunakan pendekatan *bottom-up approach*. Lederach menyatakan pembinaan perdamaian perlu perlu bersifat multi-peringkat dan melibatkan peringkat akar umbi kerana merekalah yang paling terkesan dengan konflik dan paling memahami situasi di lapangan. Kamarulzaman (2005) juga sependapat dengan Lederach, apabila beliau menggariskan tiga perkara penting dalam proses pembinaan perdamaian: (1) pembinaan perdamaian perlu dibina di lokasi akar umbi konflik itu; (2) pembinaan perdamaian sebagai asas penyelesaian konflik dan *peacemaking*; dan (3) keperluan untuk mengimbangi kepentingan dalaman dan luaran sesama komuniti pembinaan perdamaian (dipetik daripada Kamarulzaman, 2021).

Hal ini secara tidak langsung, kita memberi pengiktirafan kepada golongan aktor *Track 3* iaitu aktor akar umbi seperti pertubuhan bukan kerajaan (NGO), organisasi masyarakat sivil (CSO) dan sebagainya untuk turut serta dalam proses perdamaian. Ini juga satu peluang untuk kita menerapkan agenda pemerikasaan terhadap kumpulan *Track 3* ini atas kapasiti mereka yang juga dapat membantu membina semula komuniti dan memulihkan hubungan struktural dalam masyarakat pasca-konflik. Oleh sebab itu, pembina perdamaian perlu membangunkan sebuah strategi yang komprehensif yang melibatkan semua aktor di setiap peringkat dan mengakui keupayaan aktor-aktor ini untuk melengkapkan antara satu sama lain (*complement each other*).

Merujuk kepada Model Piramid Lederach, pendekatan pembinaan perdamaian sangat menekankan dua elemen ini untuk memastikan keberkesanan proses perdamaian: *contingency* dan *complementarity*.

Contingency merujuk kepada pendekatan pembinaan perdamaian yang mengatasi *nature* dan fasa konflik itu sendiri dalam konteks permasalahan yang berlaku pada waktu itu. Pendekatan pembinaan perdamaian seharusnya mampu menyelesaikan masalah yang berlaku dengan melakukan transformasi isu, aktor, struktur, konteks dan sebagainya. *Complementarity* pula merujuk kepada bagaimana aktor-aktor utama daripada *track* yang berbeza, sama ada luaran atau dalaman, boleh melengkapkan tugas-tugas antara satu sama lain. Rujuk Jadual 2 untuk memahami peranan aktor di setiap peringkat dan strategi yang dilakukan dalam pembinaan perdamaian serta memenuhi ciri *contingency* dan *complementarity*.


Jadual 2: Penjelasan lanjut Model Piramid Lederach

	<i>Track 1</i>	<i>Track 2</i>	<i>Track 3</i>
Aktor yang terlibat	Pemimpin-pemimpin politik atau ketenteraan sebagai <i>mediator</i> dan/atau wakil pihak-pihak yang berkonflik.	Daripada individu persendirian, akademia, golongan profesional, mediasi sivil, diplomasi rakyat, kepada pertubuhan tempatan dan antarabangsa yang terlibat dalam proses penyelesaian konflik.	Daripada pertubuhan akar umbi tempatan kepada agensi-agensi tempatan dan antarabangsa, organisasi hak asasi manusia dan bantuan kemanusiaan.
Strategi yang diambil	Berorientasikan hasil (<i>outcome-oriented</i>): Daripada pendekatan rasmi kepada kekerasan seperti sekatan, arbitrase, mediasi kuasa kepada	Berorientasikan proses (<i>process-oriented</i>): Pendekatan tidak rasmi dan bukan kekerasan seperti <i>facilitation</i> , konsultasi dalam	Berorientasikan proses dan/atau struktur (<i>process and/or structure-oriented</i>): Tugas-tugas <i>capacity building</i> , kerja-kerja memulihkan trauma,


pendekatan bukan kekerasan seperti <i>facilitation</i> , rundingan, mediasi, dan misi <i>fact-finding</i> .	bentuk bengkel menyelesaikan masalah dan rundingan meja bulat.	latihan akar umbi, kerja-kerja pembangunan dan hak asasi manusia.
---	--	---

Konsep asas pembinaan perdamaian yang seterusnya adalah fokus terhadap dimensi masa. Dalam pendekatan *Strategic Peacebuilding* yang diperkenalkan oleh Lederach sendiri, beliau ada menekankan faktor garis masa (*timeline*) dalam pembinaan perdamaian. Dengan melibatkan keseluruhan aktor utama di dalam konflik daripada setiap peringkat, maka strategi pembinaan perdamaian perlu dirangka dan dilaksanakan secara strategik oleh setiap peringkat dengan mula berfikir solusi buat jangka masa pendek dan jangka masa panjang. Secara umumnya, Lederach (2011) menyatakan bahawa untuk memastikan proses perdamaian itu berjaya, maka ia perlu mengambil masa sekurang-kurangnya 10 tahun untuk perubahan itu berlaku secara signifikan dan mentransformasikan konflik tersebut.

Namun, Lederach (1995) turut memperhalusi faktor dimensi masa ini dalam konteks pembinaan perdamaian. Menurut beliau, pendekatan pembinaan perdamaian seharusnya dibahagikan mengikut kapasiti masa dalam satu garis masa yang sama (rujuk Rajah 5): (1) tindakan segera (2-6 bulan); (2) perancangan jangka pendek (1-2 tahun); (3) pemikiran dekad (5-10 tahun); dan (4) visi generasi (20 tahun ke atas). Dalam kerangka ini, Lederach cuba untuk menyelaraskan faktor dimensi masa dengan konflik di setiap peringkat dan cuba untuk membawa perspektif konflik itu daripada ruang lingkup yang kecil kepada perspektif yang lebih meluas dalam aspek transformasi konflik dan pembinaan perdamaian. Oleh itu, Lederach (1995) telah mengintegrasikan *Nested Model of Conflict* oleh Maire Dugan (1996) dalam idea dimensi masa pembinaan perdamaian beliau dan ia merupakan kerangka teoretikal yang komprehensif merujuk kepada pembinaan perdamaian dalam setiap sistem konflik tersebut (rujuk Rajah 6).




Rajah 5: Dimensi masa dalam pembinaan perdamaian (Sumber: Abubakar, 2019)



Rajah 6: Kerangka gabungan teoretikal dalam pembinaan perdamaian oleh Lederach (1995)
(Sumber: Abubakar, 2019)

Konsep pembinaan perdamaian seterusnya adalah rekonsiliasi. Rekonsiliasi adalah peringkat akhir dalam penyelesaian konflik dan pembinaan perdamaian. Rekonsiliasi adalah suatu proses mengembalikan semula hubungan yang retak antara pihak yang berkonflik dan belajar untuk hidup bersama dengan perubahan radikal tanpa sebarang kekerasan (Ramsbotham et al., 2016). Ia merupakan suatu peringkat untuk mencapai terma dan syarat dengan kisah lampau yang memeritkan disebabkan oleh pelanggaran hak asasi manusia. Rekonsiliasi juga berkesinambungan daripada proses penamatan konflik yang berlaku seperti pembinaan perdamaian pasca-perjanjian (*post-settlement peacebuilding*) dan pembinaan semula (*reconstruction*). Bagi mencapai matlamat perdamaian positif yang mampan (*sustainable positive peace*), rekonsiliasi merupakan elemen penting dalam proses penamatan konflik kerana rekonsiliasi membolehkan pihak berkonflik berbaik semula dan hidup bersama dalam struktur dan moral yang baharu dalam sebuah unit masyarakat.

Lederach (1997) menyatakan berkenaan rekonsiliasi sebagai matlamat pembinaan perdamaian (*reconciliation as a goal*). Rekonsiliasi membuka ruang untuk kedua-dua belah pihak yang berkonflik untuk mengekspresikan pengalaman buruk mereka demi untuk mencari titik kesepakatan yang boleh dicapai untuk berkongsi masa hadapan di mana mereka saling bergantung antara satu sama lain dalam jangka masa panjang sebagai satu unit masyarakat yang harmoni. Rekonsiliasi bergerak dengan mencari kerangka yang memfokuskan mengembalikan semula (*restoration*) dan membina semula (*rebuilding*) struktur hubungan dalam masyarakat. Lederach menerangkan bahawa rekonsiliasi menjadi titik pertemuan antara **kebenaran** (*truth*), **belas kasihan** (*mercy*), **keadilan** (*justice*) dan **perdamaian** (*peace*) (rujuk Rajah 7).



Rajah 7: Rekonsiliasi menurut Lederach (1997) (Sumber: Abubakar, 2019)

Kebenaran menerima pengakuan, ketelusan, pendedahan mengenai kisah lalu, dan penjelasan terhadap segala isu yang berlaku di dalam konflik. **Belas kasihan** pula menekankan penerimaan, kemafan, sokongan, mengasihani (*compassion*) dan memulihkan pihak-pihak yang berkonflik. **Keadilan** berhadapan dengan isu kesaksamaan, hubungan yang betul, membetulkan perkara-perkara tertentu dan pengembalian semula hak yang diperlukan oleh pihak-pihak yang berkonflik dan semua pemegang-pemegang taruh yang terlibat. **Perdamaian** pula merujuk kepada keharmonian, kebersamaan, dan kesejahteraan, keselamatan dan penghormatan oleh semua pihak dan pemegang taruh yang terlibat dalam konflik tersebut.

Rekonsiliasi ini juga tidak akan dapat dicapai tanpa ada elemen **kebenaran** dan **keadilan**. Dua elemen ini menjadi tunjang kepada proses rekonsiliasi kerana kedua-duanya saling berkait antara satu sama lain. Kebenaran membongkarkan peristiwa, sejarah, senario dan situasi sebenar yang berlaku untuk diakui dan diterima oleh pihak yang berkonflik. Malah, untuk mendapatkan keadilan, kebenaran merupakan elemen yang sangat penting bagi memberi penilaian yang lebih adil dalam menilai konflik tersebut. Keadilan pula signifikan kerana tanpa keadilan, sesuatu konflik itu tidak akan ada penamat dan tidak akan berkesudahan. Yaacov Bar-Siman-Tov (2010) berpendapat bahawa keadilan adalah asas perdamaian dan perdamaian tanpa keadilan bukanlah suatu perdamaian dan akan runtuh juga akhirnya (dipetik daripada Kamarulzaman Askandar, 2021). Kita juga harus mampu melihat elemen kebenaran ini boleh bergerak seiring dengan keadilan melalui jenis keadilan yang diberikan kepada pihak-pihak yang berkonflik.

Misalnya, *retributive justice* memberi fokus untuk memberi hukuman kepada pelaku konflik. Maka, wujud elemen dendam untuk menjatuhkan hukuman yang paling berat dan dianggap setimpal atas dasar 'hutang nyawa dibayar dengan nyawa'. Justeru, bentuk keadilan begini tidak sesuai untuk langkah rekonsiliasi kerana rasa dendam itu masih wujud. Berbeza dengan *restorative justice*, ia memberi fokus kepada mangsa dan memperbaiki hubungan antara mangsa, pelaku dan komuniti yang terlibat. Pendekatan ini menilai semula bagaimana hubungan telah rosak akibat konflik tersebut. *Restorative justice* menekankan proses pemulihan atas dasar "healing after being wounded" (pulih selepas terluka). Oleh itu, *restorative justice* adalah sesuai untuk diskusi untuk membuka ruang kemaafan dan pengampunan sesama pihak-pihak yang

berkonflik sekaligus menyumbang kepada kejayaan dalam proses rekonsiliasi dan penyelesaian konflik.

2.3 *Transformative Peacebuilding*

Setelah membincangkan dengan lanjut berkenaan dengan transformasi konflik dan pembinaan perdamaian, terdapat satu lagi pendekatan baharu dalam bidang pembinaan perdamaian (*school of peacebuilding*), iaitu *Transformative Peacebuilding*. *Transformative Peacebuilding* adalah suatu pendekatan untuk mentransformasikan pelbagai aspek konflik sebagai sebahagian daripada kerangkanya untuk membina perdamaian positif yang mampan (Kamarulzaman, 2021). Terma *Transformative Peacebuilding* ini juga turut digunakan oleh sarjana-sarjana seperti Fisher dan Zimina (2009) untuk melakar tugas mentransformasikan konflik oleh pembina perdamaian luar untuk melakukan perubahan sosial dan politik yang fundamental untuk mengatasi situasi konflik (dipetik daripada Kamarulzaman, 2021). *Transformative Peacebuilding* ini juga sebuah idea yang mengkritik pendekatan *Technical Peacebuilding* kerana Fisher dan Zimina berhujah bahawa pendekatan tersebut sekadar “aktiviti yang *incremental*, yang bertujuan untuk mewujudkan perubahan yang praktikal dalam domain tertentu, namun ia tidak mengubah konflik dalam konteks yang lebih mendalam.”

Walaupun Fisher dan Zimina berpendapat bahawa *Transformative Peacebuilding* hanya khusus kepada aktor-aktor pembina perdamaian, terutamanya aktor-aktor luar dan pihak ketiga, namun Kamarulzaman berpandangan bahawa kerangka *Transformative Peacebuilding* oleh sarjana-sarjana ini masih merefleksikan tanggungjawab dan peranan yang sama terhadap aktor-aktor pembina perdamaian yang berada di dalam konflik. Malahan, peranan kedua-dua aktor luar dan aktor dalaman terutamanya daripada ‘*soil of the conflict*’ perlu dimainkan bersama-sama dalam melakukan transformasi hubungan, matlamat, strategi, nilai dan sebagainya untuk mencapai matlamat perdamaian positif yang mampan. Tambahan lagi, sukar untuk melihat transformasi konflik dan pembinaan perdamaian sebagai suatu pendekatan yang berbeza, kerana untuk mencapai perdamaian positif yang mampan, secara semulajadinya pembinaan perdamaian memerlukan elemen transformasi untuk mewujudkan perubahan (*change*).

Perlu ditekankan juga bahawa *Transformative Peacebuilding* melihat konflik bukan sebagai satu halangan dan cabaran, sebaliknya sesuatu konflik itu dilihat sebagai *window of opportunity* untuk melakukan transformasi terhadap aspek-aspek tertentu dalam konflik tersebut untuk mencapai perdamaian positif yang mampan. Strategi *Transformative Peacebuilding* akan melibatkan kesemua aktor yang terlibat sama ada aktor luaran dan dalaman untuk sama-sama mentransformasikan aspek-aspek penting untuk mengubah konflik ke arah perdamaian dalam setiap perancangan, strategi, dan pelaksanaan aktiviti pembinaan perdamaian. Hal ini sekaligus menunjukkan bahawa *Transformative Peacebuilding* sangat menekankan elemen *contingency* dan *complementarity* dalam proses perdamaian.

Jadual 3 menunjukkan penerangan lebih lanjut mengenai *Transformative Peacebuilding* dari sudut matlamat, strategi, nilai dan analisis mengikut Fisher dan Zimina (2009).

Jadual 3: Kriteria *Transformative Peacebuilding* oleh Fisher dan Zimina (2009)

MATLAMAT	Tujuan keseluruhan	Untuk menamatkan konflik terbuka (mencapai perdamaian negatif) di samping untuk mentransformasikan struktur yang wujud (hubungan, institusi, dan budaya) sebagai sebuah elemen yang
-----------------	--------------------	---

		diintegrasikan dalam mencapai perdamaian positif yang mampan. Usaha untuk mencapai perdamaian positif yang mampan dengan acuan tempatan/serantau/ <i>content</i> .
	Agenda	Ditetapkan untuk mencapai keseluruhan tujuan proses tersebut. Agenda ditetapkan dengan visi dan arah oleh aktor-aktor utama, termasuk kerajaan, pemimpin organisasi masyarakat sivil (CSO), dan kumpulan-kumpulan bukan negara (NSG) yang lain, ditambah dengan sumbangan komuniti terkesan.
	Objektif	Mencapai matlamat nasional, mencapai matlamat NSG, mencapai matlamat keselamatan manusia untuk komuniti terkesan.
	Keutamaan	Pengurangan kekerasan dan transformasi struktur hubungan antara aktor-aktor utama, transformasi konteks, isu, aktor, dan kumpulan menjurus kepada mempromosikan perdamaian, kemakmuran, dan keselamatan.
STRATEGI	Fokus	Membina elemen-elemen perubahan yang lebih meluas kepada sebuah tugas yang spesifik seperti proses perdamaian. Meletakkan transformasi dalam pelan perdamaian jangka masa panjang, menghubungkan transformasi kepada pembinaan perdamaian dan proses mediasi perdamaian, transformasi struktur hubungan, memastikan momentum positif dalam proses tersebut.
	Penilaian	Keberkesanan ditambah dengan impak gambaran yang besar. Penilaian berkala terhadap kemajuan (<i>progress</i>) di kerangka masa yang berbeza di peringkat yang berbeza.
	Pembelajaran	Mengambil kegagalan sebagai titik pemulaan, melibatkan pembelajaran refleksi diri dan tindakan. Hadir dengan inovasi terbaharu dan praktiknya, bertindak balas terhadap halangan dan cabaran dengan positif untuk menambahbaik proses tersebut.
	Isu	Berkembang, berubah, dan menjangkau isu-isu yang dipertandingkan (<i>transcendence of contested issue</i>). Mencari kebimbangan (<i>concern</i>) yang sama, transformasi nilai kepada kepentingan, mencari jalan untuk mengubah ' <i>non-negotiables</i> ' kepada ' <i>negotiable</i> '.
	Teori	Dibangunkan dengan hubungan terhadap analisis dan

	Perubahan	pemikiran sistem. Dijalankan dengan konsultasi bersama konstituen, pemegang taruh, dan dengan sokongan rakan-rakan sampingan. Merefleksi secara berkala dengan fokus untuk penilaian dan pembelajaran.
	Skop	Multi-peringkat, tempatan-global, hubungan (<i>alliance</i>) merentasi sektor. Mengidentifikasi para penyumbang; fokus kepada orang dalam, bergerak atas satu asas pendekatan <i>contingency</i> dan <i>complementarity</i> .
	Garis masa	Menggabungkan kebimbangan dan fokus semasa, pertengahan dan jangka panjang. Menghubungkan kesemua elemen ini dengan skop tindakan.
NILAI	Akauntabiliti	Kepada semua komuniti, konstituen, dan pemegang-pemegang taruh yang dikenalpasti.
	Perdamaian siapa?	Kepada semua, secara idealnya. Perlu untuk mencari penyeimbangan yang baik dan formula yang paling diterima oleh semua pihak dan komuniti. Komuniti boleh terdiri daripada peringkat yang berbeza – daripada serantau kepada tempatan; diterjemah kepada aktiviti di peringkat yang berbeza.
	Imej diri	<i>Peacemakers</i> , pembina perdamaian (<i>peacebuilders</i>), <i>change-makers</i> , atau agen perubahan dan transformasi.
ANALISIS	Konteks	Menambah analisis semasa dan perancangan senario masa hadapan, semua tindakan diambil selepas perundingan dengan komuniti yang lebih luas. Penilaian berkala terhadap konteks di semua peringkat.
	Aktor	Mengenalpasti aktor-aktor yang relevan. Memastikan hubungan kerja yang baik sesama mereka. Keterangkuman sebagai sebuah matlamat; transformasi aktor-aktor penting – mengubah perspektif, matlamat, permintaan, dan <i>sense of identity</i> yang inklusif.
	Pandangan terhadap kekerasan	Memahami identiti berasaskan etnik, gender dan kelas adalah sebahagian daripada kekerasan. Kekerasan berlaku apabila aktor-aktor dan kumpulan yang terkesan menjadi terdesak dan melihat tiada pilihan yang ada untuk mereka. Memerlukan pilihan dan kemungkinan lain. Memerlukan tenaga diubah kepada hasil-hasil positif; dan promosi yang aktif terhadap pendekatan tidak keras.

Pandangan terhadap konflik	Tidak dapat dielakkan, sebuah peluang untuk pembangunan dan perubahan. Menilai dikotomi cost-benefit terhadap tindakan diambil – pilihan dan implikasi tindakan.
----------------------------	--

Sumber: Kamarulzaman Askandar (ed.), 2021

3. Perbincangan

3.1 Sejarah konflik di Selatan Thailand

Konflik yang berlaku di Selatan Thailand atau lebih dikenali sebagai Konflik Patani, adalah sebuah konflik yang berlaku di tiga wilayah paling selatan di Thailand iaitu di wilayah Patani, Narathiwat dan Yala. Konflik tersebut telah tercetus semula pada tahun 2004 dan masih berlangsung sehingga kini. Bagi memahami dinamika konflik yang berlaku di Selatan Thailand (*Thailand's Deep South*) ini, kita perlu menyorot semula sejarah yang berlaku di wilayah ini.

Pada tahun 1786, kerajaan Siam telah menakluk kerajaan Kesultanan Melayu Patani setelah melalui beberapa siri peperangan. Setelah itu, kerajaan Siam telah melaksanakan dasar kolonial pecah dan perintah dengan membahagikan wilayah kerajaan Kesultanan Melayu Patani kepada tujuh buah negeri iaitu Patani, Nong Chik, Reman, Jalur, Legeh, Jaring dan Jambu (Yaacob, 2011). Hal ini bertujuan untuk melemahkan orang Melayu Islam Patani (OMIP) dan mengelakkan daripada mereka bersatu menentang Siam. Pada zaman pemerintahan Raja Chulalongkorn (Rama V), baginda telah memperkenalkan sebuah dasar *Thesaphiban* yang menyusun semula sistem politik di Patani mengikut telunjuk Bangkok. Dasar ini menetapkan bahawa pentadbiran wilayah akan disatukan dalam sebuah unit *Monthon* dan akan ditadbir oleh seorang Pesuruhjaya Tinggi (*Khaluang Thesaphiban*) yang bertanggungjawab kepada Menteri Dalam Negeri (Nik Mahmud, n.d.).

Dasar *Thesaphiban* ini diperkukuhkan lagi dengan pengenalan Akta Pentadbiran Daerah 1897 dan Peraturan Mengenai Pentadbiran Wilayah 1899 yang menghakis kuasa dan autoriti pemerintahan Kesultanan Melayu. Pada tahun 1902, kerajaan Siam bertindak menangkap dan melucutkan jawatan raja-raja Melayu yang akhirnya menamatkan pemerintahan Kesultanan Melayu Patani. Setelah Perjanjian Inggeris-Siam ditandatangani pada tahun 1909, kerajaan British telah mengiktiraf kerajaan Siam dan segala jajahan takluknya, terutamanya wilayah Patani yang diberi kepada Siam. Maka ini memberi kuasa kepada Siam untuk melaksanakan dasar mereka tanpa diganggu oleh kuasa asing. Kerajaan Siam mula melakukan usaha-usaha asimilasi identiti dan budaya masyarakat di Patani untuk menjadi sebuah unit masyarakat beridentiti Thai-Buddha. Hal ini dapat dilihat dengan pengenalan dasar *Rathaniyom* oleh Phibul Songkhram pada tahun 1938 yang hanya membenarkan budaya dan identiti Siam sahaja boleh diamalkan (Fathy, 1994). Keadaan ini menyebabkan identiti Melayu-Islam OMIP semakin terhakis dan mencetuskan konflik antara OMIP dengan kerajaan Siam.

Gabungan Melayu Patani Raya (GEMPAR) ditubuhkan pada tahun 1948 bagi membantu memberi sokongan moral dan perjuangan OMIP menentang Siam (Yaacob & Ahmad, 2019). Namun kerjasama Siam-British berjaya mematahkan gerakan ini dan konflik ini reda seketika. Setelah Malaya mendapat kemerdekaan pada tahun 1957, OMIP merasakan mereka perlu menyambung wasilah perjuangan sebelum ini dan ingin menuntut kemerdekaan. Pada akhir

1960-an hingga 1970-an, konflik *self-determination* ini semakin jelas dengan tertubuhnya gerakan pemisah seperti Barisan Nasional Pembebasan Patani (BNPP), Barisan Revolusi Nasional (BRN), Patani United Liberation Organization (PULO) dan Gerakan Mujahideen Islam Patani (GMIP) (Yaacob & Ahmad, 2019).

Intensiti konflik ini memuncak pada tahun 2004 apabila kumpulan pemisah melancarkan serangan terbesar dalam tempoh tiga dekad. Sebuah kem tentera di Narathiwat telah diserang dan kumpulan pemisah telah membawa lari sejumlah besar senjata api. Pada 28 April, agensi keselamatan Thailand telah melancarkan serangan serentak di beberapa *checkpoint* termasuk di Masjid Kru Se. Serangan ini telah menyebabkan kematian sebanyak 105 orang di pihak militan dan cuma lima orang di pihak keselamatan Thailand (Engvall & Andersson, 2014). Kerajaan Thailand juga telah melakukan penangkapan dan berlaku demonstrasi menuntut pembebasan enam OMIP yang dipercayai terlibat dengan gerakan pemisah di hadapan balai polis Tak Bai, wilayah Narathiwat pada 24 Oktober tahun yang sama. Pihak keselamatan menyuraikan demonstran dengan menggunakan meriam air dan tembakan peluru hidup (Awae, 2013). Seramai 1,300 orang telah ditahan dan dibawa ke kem tentera dalam keadaan berhimpit-himpit dalam lori menyebabkan 79 orang telah mati lemas (Awae, 2013).

3.2 Pemetaan Konflik Selatan Thailand

Bagi menganalisis sesuatu konflik, sesuatu konflik itu perlu dipetakan terlebih dahulu. Pemetaan dan penganalisaan konflik bukan sahaja dapat membantu untuk mencari penyelesaian terhadap sesuatu konflik, malahan dapat membantu kita memahami dan mendalami isu-isu dalam konflik itu sendiri. Paul Wehr (1979) berpendapat bahawa pemetaan konflik adalah langkah pertama untuk menguruskan sesuatu konflik kerana ia membantu pihak-pihak yang berkonflik dan pihak ketiga untuk mendapatkan pemahaman yang lebih jelas terhadap isu, sifat, dinamika dan kebarangkalian untuk mewujudkan penyelesaian terhadap sesuatu konflik (seperti dipetik oleh Ramsbotham et al., 2016).

Dalam konteks konflik perang saudara di Sri Lanka ini, ada dua teori yang boleh diaplikasikan dalam proses pemetaan konflik bagi membolehkan kita memahami dengan lebih lanjut sifat, dinamik dan aktor-aktor yang terlibat dalam konflik tersebut. Teori tersebut ialah *Nested Theory of Conflict* dan **prasyarat konflik sosial berpanjangan (PSC)**.

3.2.1 *Nested Theory of Conflict*

Di peringkat **isu-spesifik**, konflik yang berlaku di Selatan Thailand memperlihatkan konflik bersenjata antara kumpulan separatis seperti BRN, GMIP, BNPP dan PULO dengan kerajaan Thailand. Isu yang memuncak sejak tahun 2004 ini berpunca daripada serangan besar-besaran dilakukan oleh gerakan pemisah Patani dan kerajaan Thailand bertindak membalas serangan dengan menggunakan kekerasan. Hal ini dapat dilihat sewaktu konflik ini berlaku dengan ganas di Masjid Kru Se dan balai polis Tak Bai pada tahun itu.

Di peringkat **hubungan**, wujud hubungan yang tegang antara kedua-dua belah pihak yang berkonflik iaitu antara gerakan separatis OMIP dengan kerajaan Thailand. Perkara ini juga berkait rapat dengan pensejarahan panjang antara OMIP dengan pemerintahan Thailand (dahulu Siam) yang melakukan penaklukan di Selatan Thailand pada penghujung abad ke-17 dan memerintah secara kuku besi terhadap mereka.

Dasar-dasar kerajaan Siam seperti Dasar *Thesaphiban* dan *Rathaniyom* menghakis kuasa Kesultanan Patani dan agenda asimilasi rakyat Selatan Thailand dengan identiti Thai-Buddha menyebabkan OMIP merasakan identiti diri mereka tergugat manakala kerajaan Thailand melihat bahawa dasar asimilasi adalah perlu untuk mewujudkan sebuah negara bangsa Thai yang berkongsi nilai, kepercayaan dan identiti yang sama. Kita lihat juga wujud hubungan asimetri yang jelas antara gerakan separatis Patani ini dengan kerajaan Thailand apabila kerajaan Thailand menggunakan tentera dan polis untuk memberi tekanan terhadap kumpulan separatis Patani.

Di peringkat **struktur: sub-sistem**, konflik ini berpunca daripada pelanggaran hak asasi manusia dan masalah diskriminasi terhadap OMIP. Pelanggaran hak asasi manusia di wilayah Patani amat jelas kelihatan terutamanya apabila kerajaan Thailand di bawah pimpinan Thaksin Shinawatra membenarkan serangan anggota keselamatan negara seperti polis dan tentera dilakukan ke atas Gerakan Pemisahan Patani (GPP) dan OMIP. Layanan terhadap mereka pun dilihat tidak berperikemanusiaan apabila majoriti mereka yang terlibat (termasuk yang disyaki terlibat) ditahan oleh pihak polis dengan cara yang kasar dan zalim sehingga menyebabkan kematian.

OMIP juga tidak menerima layanan yang sama seperti orang Thai dalam bidang ekonomi. Kemiskinan di kawasan wilayah Patani sangat ketara jika dibandingkan dengan kawasan lain di Thailand. Malahan, ketidakseimbangan ekonomi juga jelas apabila sektor dan pasaran ekonomi banyak dikuasai oleh orang Thai. Dalam keadaan begini, kerajaan Thailand masih tiada suatu dasar afirmatif buat orang OMIP, malah memperkenalkan dasar *Nikhom Sang Tong Eng* iaitu suatu dasar yang membenarkan orang Thai-Buddha membuka penempatan di Selatan Thailand dan diberi tanah percuma oleh kerajaan untuk dimajukan (Yaacob, 2011). Hal ini sekaligus menyekat perkembangan ekonomi dan menenggelamkan perniagaan-perniagaan kecil milik OMIP kerana mereka terpaksa bersaing secara terus dengan orang Thai.

Di peringkat **struktur: sistem konflik**, konflik di Selatan Thailand adalah berpunca daripada kerajaan Thailand itu sendiri. Sewaktu pemerintahan kerajaan Siam, mereka telah merampas kawasan dan kedaulatan wilayah Patani yang ketika itu dikuasai oleh Kesultanan Patani. Selepas itu, pemerintah melaksanakan dasar pecah dan perintah yang memberi kesan terhadap sosiopolitik dan sosioekonomi OMIP. Hal ini diburukkan lagi dengan hasrat kerajaan Thailand yang mahu membentuk sebuah negara bangsa Thai-Buddha, hingga memaksa OMIP yang mempunyai adat, budaya dan kepercayaan sendiri untuk berasimilasi dengan budaya Thai-Buddha sehingga konflik ini timbul sebagai konflik identiti. Begitu juga dengan governans dan tatakelola kerajaan Thailand, terutamanya sewaktu era Thaksin Shinawatra yang mendapat kuasa penuh mengisytiharkan darurat ketenteraan ke atas wilayah Selatan Thailand dan beliau bebas untuk melakukan apa sahaja tanpa disoal oleh mana-mana pihak sehingga mendiskriminasi OMIP.

3.2.2 Prasyarat konflik sosial berpanjangan (PSC)

Konflik Patani yang berlaku sejak 2004 ini boleh juga kita klasifikasikan sebagai konflik PSC. Prasyarat pertama, **kumpulan komunal** dapat dilihat dengan jelas antara hubungan majoriti-minoriti antara kerajaan Thailand dan OMIP, khususnya gerakan pemisah BRN, PULO, BNPP, RKK, GMIP dan lain-lain. Kita juga boleh melihat soal konflik identiti antara OMIP yang mahu mengembalikan kegemilangan Kesultanan Melayu Patani, adat resam dan hukum-hakam Islam manakala kerajaan Thailand di bawah dasar *Rathaniyom* mahu mengasimilasikan OMIP dengan

identiti Thai-Buddha. Lantaran isu inilah yang mencetuskan konflik *self-determination* dalam OMIP menentang kerajaan Thailand.

Kedua, **keperluan** masyarakat Islam Patani juga dinafikan oleh kerajaan Siam apabila mereka tidak dibenarkan untuk mengamalkan adat budaya Islam mereka setelah dasar *Rathaniyom* diperkenalkan. Pendidikan agama di sekolah pondok juga perlu mengikut silibus kurikulum dari Bangkok sebagai langkah integrasi nasional. Hal ini menimbulkan keresahan pemimpin OMIP kerana autoriti mereka untuk menyusun silibus agama Islam dirampas oleh kerajaan Siam. Malahan, sekolah-sekolah pondok ini diancam untuk ditutup dan disekat bantuan kerajaan sekiranya mereka tidak mahu patuh kepada dasar kerajaan (Yaacob & Ahmad, 2019).

Ketiga, **pentadbiran (governans)** kerajaan Thailand juga sangat bermasalah dalam konflik ini apabila pengurusan konflik yang diambil lebih memberi tekanan kepada OMIP. Undang-undang darurat diperkenalkan di wilayah Patani membolehkan Perdana Menteri Thaksin Shinawatra menggunakan kuasa ketenteraan tanpa melalui Parlimen (Yaacob & Ahmad, 2019). Kekerasan yang dilakukan oleh regim Thaksin Shinawatra menyebabkan insiden-insiden hitam seperti Masjid Kru Se dan demonstrasi Tak Bai berlaku.

Keempat, prasyarat **jalinan antarabangsa** dalam konflik ini, kumpulan seperatis di Patani mempunyai hubungan dengan pertubuhan luar negara dari sudut sokongan moral, dana dan latihan ketenteraan. Contohnya, kumpulan separatis Patani mempunyai hubungan dengan Gerakan Aceh Merdeka (GAM), *The Liberation Tigers of Tamil Eelam* (LTTE), dan Abu Sayyaf (Smith, 2004). Begitu juga dengan GMIP yang disyaki mempunyai hubungan dengan Al-Qaeda dan Jamaah Islamiyah kerana terdapat kes bahawa militan-militan ini pernah berada bersama-sama dengan GMIP di Selatan Thailand (Smith, 2004).

3.3 Pendekatan Transformative Peacebuiding di Selatan Thailand

3.3.1 Transformasi Konflik di Selatan Thailand

Konflik Patani juga mempunyai dinamika tersendiri dan mempunyai elemen transformasi dalam konflik tersebut. Dalam **transformasi konteks**, persepsi terhadap matlamat konflik itu perlu berubah ke arah elemen yang lebih lembut agar pintu perdamaian boleh dibuka. Antara konteks yang boleh diubah adalah melihat konteks konflik ini melalui lensa identiti, bukan lagi konflik separatis. Hal ini kerana, isu ini tidak selesai apabila kerajaan Thailand melihat konflik ini sebagai konflik separatis dengan melakukan intervensi agensi penguatkuasa Thailand. Malah ia lebih memburukkan keadaan seperti insiden Masjid Kru Se dan Tak Bai.

Walaupun sifat identiti itu *intangible* dan *innegotiable*, namun isu ini boleh dirundingkan jika ia mendapat fokus dari pelbagai pihak seperti *Organization of Islamic Cooperation* (OIC) dan *Association of Southeast Asian Nations* (ASEAN). Hal ini memberi kesan kepada pengurusan konflik oleh kerajaan Thailand sendiri apabila dua badan dunia ini memberi tekanan terhadap mereka dalam soal hak asasi manusia serta membuka ruang untuk proses rundingan dan dialog antara kerajaan Thailand dan Gerakan Pembebasan Patani (GPP) (Yaacob & Ahmad, 2019). Hal ini penting kerana tindakan kerajaan Thailand membuka ruang perdamaian antara kerajaan Thailand dan GPP sebagai agenda nasional adalah langkah yang baik dalam menyelesaikan konflik seterusnya mewujudkan perdamaian di wilayah tersebut.

Dari sudut **transformasi struktur**, hubungan antara aktor perlu diubah. Jelas dilihat hubungan asimetri antara kerajaan Thailand dan OMIP. Justeru, pemerksaan OMIP perlu diberi

penekanan untuk menyeimbangkan hubungan antara mereka. Contohnya, fungsi OIC dan ASEAN dalam mengangkat isu hak asasi manusia terhadap OMIP dapat membantu proses perdamaian dalam konflik ini. Malah, kerajaan Thailand dan OIC telah bersetuju untuk bekerjasama dalam menjalankan proses pembinaan perdamaian di Selatan Thailand pada tahun 2007 (Yaacob & Ahmad, 2019). Kerajaan Thailand juga perlu mengurangkan sekatan dalam wilayah ini agar bantuan daripada NGO dan badan-badan luar untuk membantu proses perdamaian.

Transformasi aktor boleh dilakukan dengan mengubah aktor yang lebih cenderung ke arah perdamaian. Di pihak kerajaan Thailand, transformasi aktor berlaku apabila Perdana Menteri Thaksin Shinawatra digulingkan dan diganti dengan Surayud Chulanont. Surayud lebih berdiplomasi dan cuba membuka ruang perdamaian dengan OMIP seperti beliau memohon maaf atas tindakan ketenteraan Thailand terhadap wilayah Selatan Thailand (Pracha, 2007). Pada tahun 2008, Perdana Menteri Abhisit Vajjajeva telah dilantik dan beliau juga membuka ruang diplomasi dengan lebih luas untuk menyelesaikan konflik ini. Pada zaman beliau, proses pembinaan perdamaian di Selatan Thailand melibatkan negara Malaysia dan Thailand untuk memberi pendidikan dan kemahiran kepada OMIP dapat dilakukan dengan penubuhan *Task-Force 2010* dan *Task-Force 960* (Yaacob & Ahmad, 2019). Perdana Menteri Thailand kini, Prayut Chan-o-Cha juga meneruskan proses rundingan dengan GPP seperti BRN dan PULO (Mariyam & Noah, 2020).

Seperti yang telah dinyatakan dalam transformasi konteks, **transformasi isu** mestilah dilakukan juga agar ruang untuk perdamaian wujud. Isu identiti dan hak asasi manusia menjadi fokus utama dalam rundingan, negosiasi dan sebagainya serta isu ini perlu disokong oleh kedua-dua belah pihak yang berkonflik. Sekiranya GPP masih meneruskan agenda dan matlamat untuk bebas dari Thailand, maka konflik ini akan berterusan berlaku kerana aktor luar tidak boleh menyeimbangkan hubungan asimetri antara mereka dengan menyokong seperatisme dan Thailand mempunyai kedaulatannya yang tersendiri. Maka, perlu ada analisis penilaian terhadap nilai kemanusiaan sepanjang konflik ini berlaku dan kedua-dua belah pihak mesti berusaha menamatkannya bagi memperoleh keamanan.

Transformasi sendiri dan kumpulan pula, kedua-dua belah pihak perlu mempunyai iltizam untuk menamatkan konflik berpanjangan ini dengan menilai kepentingan hak asasi manusia yang sekian lama diketepikan sepanjang konflik berlangsung. Kedua-dua belah pihak perlu mewujudkan konsensus dan permuafakatan terhadap jalan perdamaian. Sejak tahun 2004 sehingga kini, lebih 7,000 orang telah kehilangan nyawa akibat konflik berpanjangan ini. Bibit-bibit transformasi sendiri dan kumpulan itu masih dapat dilihat apabila wujud pemimpin yang sedia berunding seperti Surayud Chulanont dan Abhisit Vajjajeva. Kesanggupan GPP seperti BRN untuk sama-sama berunding dengan kerajaan Thailand juga suatu langkah yang baik dalam memulakan proses perdamaian. Tidak dinafikan masih terlalu awal untuk kita nilai iltizam masing-masing, namun untuk mencapai perdamaian antara kedua-dua belah pihak, GPP juga perlu mengubah perjuangan mereka ke arah perdamaian. Manakala kerajaan Thailand perlu adil dalam berunding dan bersedia untuk bekerjasama dalam proses pembinaan perdamaian.

3.3.2 Transformative Peacebuilding di Selatan Thailand

Daripada proses transformasi konflik yang telah dihuraikan dalam bahagian 3.3.1, kita dapat menilai bagaimana transformasi konflik telah dijalankan dan membuka ruang untuk berlakunya

pembinaan perdamaian. Dalam konteks *Transformative Peacebuilding*, kita akan melihat bagaimana elemen transformasi ini digunakan dalam pembinaan perdamaian itu sendiri.

A. Kemungkinan memulakan proses perdamaian

Jika disorot kembali pada tahun 2004, iaitu semasa konflik ini memuncak, intensiti konflik di wilayah Selatan Thailand makin meningkat dan sudah ‘matang’. Masalah ini dilihat sebagai satu **peluang** oleh sesetengah aktor pembinaan perdamaian untuk mendesak kerajaan Thailand untuk memulakan rundingan dengan GPP dan BRN. Misalnya, setelah kerajaan Thailand mengisytiharkan darurat ketenteraan sehingga menjejaskan kehidupan dan perjuangan OMIP di Patani, aktor-aktor luar seperti OIC dan ASEAN mula mendesak kerajaan Thailand untuk mengadakan rundingan untuk menghentikan konflik terbuka. Situasi ini sangat fundamental kerana ia menjadi batu asas bagi memulakan proses perdamaian di peringkat *Track 1* dan memudahkan proses perdamaian yang sudah atau baru dimulakan di peringkat *Track 2* dan *Track 3*.

B. Agenda dan proses nasional

Bagi mentransformasikan konflik di lapangan Patani, kita terlebih dahulu perlu mentransformasikan konteks konflik itu sendiri. Horizon dan skop konteks perlu dilihat lebih luas dengan mengubah konteks di peringkat *Track 1* kerajaan Thailand di Bangkok. Perdamaian mestilah menjadi satu agenda nasional dengan meletakkan usaha untuk menamatkan segala bentuk konflik kekerasan. Konflik yang berlaku di Selatan Thailand tidak boleh dilihat sebagai konflik identiti, tetapi perlu ditransformasikan sebagai konteks kemanusiaan. Dengan itu, agenda perdamaian akan dapat dimulakan atas faktor kemanusiaan, terutamanya terhadap OMIP.

C. Proses perdamaian yang inklusif

Dalam memulakan proses perdamaian seperti proses rundingan, mediasi dan sebagainya, menjadi tanggungjawab orang yang mendapat mandat sebagai *facilitator* atau *mediator* untuk memastikan kesemua aktor utama *Track 1* dilibatkan dalam proses ini. Dalam satu kes pada tahun 2013, wakil BRN telah dijemput ke sebuah dialog yang akhirnya membawa kepada *General Consensus Agreement*. Kemudian, proses ini diteruskan dengan mengambil kumpulan baharu, MARA Patani.

Kesannya, MARA Patani telah dikritik kerana mereka tidak sebenar-benarnya menjadi representasi rakyat Patani dan MARA Patani bukanlah aktor utama di lapangan. Justeru, kerajaan Thailand telah mengambil semula BRN sebagai aktor utama di lapangan dalam proses rundingan tersebut (Kamarulzaman, 2021).

Kita dapat melihat daripada peristiwa ini, pentingnya nilai **inklusiviti** dan **pengakuan** (*acknowledgement*) terhadap aktor utama dalam konflik. Sekiranya perkara ini tidak dilakukan dengan berhati-hati, maka proses perdamaian yang sedang berjalan berpotensi untuk gagal (*collapsed*) sekali gus memberi kesan terhadap usaha yang dilakukan di peringkat *Track 2* dan *Track 3*.

D. Transformasi aktor dalam usaha membina perdamaian

Proses pembinaan perdamaian akan kekal *stagnant* sekiranya aktor tidak ditransformasikan dan transformasi sendiri dan kumpulan tidak berlaku. Oleh sebab itu, proses perdamaian di Selatan Thailand mula bergerak lebih aktif daripada sebelumnya setelah Perdana Menteri Thaksin Shinawatra digulingkan dan diganti dengan Surayud Chulanont yang lebih mesra ke arah

perdamaian. Begitu juga dengan Abhisit Vajjajeva yang telah membuka ruang diplomasi dengan lebih luas dengan GPP/BRN. Abhisit Vajjajeva sendiri membenarkan proses pembinaan perdamaian di Selatan Thailand melibatkan negara Malaysia dan Thailand untuk memberi pendidikan dan kemahiran kepada OMIP dapat dilakukan dengan penubuhan *Task-Force 2010* dan *Task-Force 960*.

Transformasi aktor yang lebih mesra kepada perdamaian membolehkan aktor luar *Track 1* dan *Track 3* seperti Malaysia dapat masuk ke lapangan konflik dan bekerja dengan pembina perdamaian dalaman untuk membantu menjalankan proses perdamaian di Selatan Thailand.

E. Respons dan engagement masyarakat sivil

Kita lihat juga wujud *engagement* oleh masyarakat sivil seperti 144 pensyarah universiti melancarkan *National Reconciliation Commission* (NRC) yang terdiri daripada 50 orang daripada kalangan pemimpin politik, penjawat awam dan masyarakat sivil. Di peringkat *Track 2*, NRC berfungsi memahami permintaan kumpulan *non-state armed* dan penduduk Patani serta menyediakan cadangan untuk mengatasi masalah ini kepada pemerintah atau aktor *Track 1* (Kamarulzaman, 2021). Hal ini jelas menunjukkan elemen *contingency* dan *complementarity* dalam melakukan proses pembinaan perdamaian. Aktor *Track 3* dalam kalangan masyarakat sivil mengusahakan pembentukan sebuah suruhanjaya untuk membantu kerajaan dalam proses perdamaian.

Suruhanjaya ini pula bertanggungjawab untuk menjadi *think tank* kerajaan untuk mengatasi isu yang berlaku sekaligus berperanan menamatkan konflik dan mewujudkan perdamaian dan penubuhannya penting dalam jangka masa pendek dan jangka masa panjang. Hal ini menunjukkan kepada kita bahawa aktor-aktor di setiap peringkat mesti melengkapi antara satu sama lain agar proses perdamaian ini dapat diteruskan dengan baik.

Pada tahun 2007, sekumpulan pemimpin pelajar bersama-sama beberapa orang akademia daripada beberapa universiti telah bekerjasama menubuhkan satu jaringan organisasi *Southern Thailand Universities for Peace* (StufPeace). StufPeace mengadakan banyak program-program pendidikan perdamaian melibatkan universiti-universiti awam dan swasta dan juga melibatkan peserta dalam kalangan Melayu-Muslim dan Thai-Buddha (Kamarulzaman, 2021). Antara projek yang telah dilaksanakan oleh organisasi tersebut adalah program *Dreamkeepers*, sebuah bengkel seminar pembinaan perdamaian yang mengumpulkan pemimpin pelajar dan pensyarah. Program ini mendedahkan kepada para peserta berkenaan konflik dan perdamaian, *non-violence*, analisis dan pemetaan konflik yang telah dipraktikkan dan membuat perbincangan tentang konflik-konflik lain di serata Asia Tenggara.

Inisiatif ini sekali lagi menekankan kepada kita kepentingan inklusiviti dalam melakukan aktiviti pembinaan perdamaian. Keperluan untuk melibatkan aktor yang terlibat dengan konflik seperti masyarakat Melayu Muslim dan Thai Buddha dapat membantu membina semula struktur dan hubungan yang retak antara dua etnik ini. Hal ini sedikit sebanyak mampu membentuk *bottom-up reconciliation* di peringkat akar umbi. Askandar dan Abubakar (2009) menyatakan *Dreamkeepers* menjadi platform pembinaan perdamaian yang menggalakkan para pelajar untuk mengadakan kelab perdamaian di universiti masing-masing dan bekerjasama bersama-sama dalam projek-projek perdamaian di tengah-tengah konflik kekerasan (dipetik

daripada Kamarulzaman, 2021). Ini juga merupakan suatu inisiatif yang baik untuk melahirkan masyarakat yang cinta akan perdamaian pada masa kini dan untuk generasi akan datang.

3. Kesimpulan

Secara kesimpulannya, idea *Transformative Peacebuilding* menggabungkan transformasi konflik dengan pembinaan perdamaian untuk membentuk sebuah pendekatan pembinaan perdamaian yang berkesan dengan memberi fokus kepada faktor perubahan dan transformasi bagi mewujudkan perdamaian positif yang mampan. Perbincangan secara mendalam berkenaan transformasi konflik dan pembinaan perdamaian telah dibahas dalam penulisan ini serta bagaimana kedua-dua elemen ini melahirkan suatu kerangka teoretikal baharu dalam *school of peacebuilding*: pendekatan *Transformative Peacebuilding*.

Keberkesanan *Transformative Peacebuilding* dalam membina perdamaian dapat dilihat dengan jelas dalam konteks konflik di Asia Tenggara seperti di Aceh dan Mindanao. Namun, proses ini turut berjalan di Selatan Thailand meskipun konflik ini belum lagi dilihat boleh diselesaikan dalam masa terdekat. Iltizam kita dalam membina dan mengekalkan perdamaian adalah penting walaupun ia sesuatu yang sukar dilakukan, namun untuk menamatkan konflik itu bukanlah sesuatu yang utopia dan normatif. Sebaliknya, ia memerlukan keazaman yang tinggi daripada semua aktor yang terlibat untuk bekerja keras merealisasikan agenda perdamaian.

Oleh sebab itu, *Transformative Peacebuilding* merupakan idea yang praktikal dan menyeluruh dalam proses pembinaan perdamaian atas kapasitinya melihat konflik sebagai peluang, dan bukan sebagai masalah. Dengan menggunakan kajian kes di Selatan Thailand, kita dapat melihat bagaimana kesemua aktor utama yang terlibat mampu memainkan peranan mereka masing-masing di samping melengkapi antara satu sama lain di pelbagai peringkat untuk mengatasi (*address*) konflik yang berlaku. Inilah elemen *contingency* dan *complementarity* yang sangat ditekankan bagi menjayakan proses pembinaan perdamaian ke arah mencapai matlamat perdamaian positif yang mampan. Justeru, diharapkan dengan usaha murni para pembina perdamaian dari luar ataupun dalam konflik, dari *Track 1* hinggalah *Track 3*, akan membuahkan hasil yang diharapkan apabila suatu hari nanti, perdamaian sepenuhnya dapat wujud di Selatan Thailand dan rekonsiliasi berasaskan kebenaran, belas kasihan, keadilan dan perdamaian antara OMIP dengan kerajaan Thailand dapat direalisasikan.

4. Rujukan

- Abubakar, A.U. (2019). *Peacebuilding and Sustainable Human Development: The Pursuit of the Bangsamoro Right to Self-Determination*. Cham: Springer International Publishing. [ISBN: 978-3-319-533865-5]
- Askandar, K. & Abubakar, A. (eds.). (2009). *Promoting the Peace Dream: Creating and Supporting the Dreamkeepers of Southern Thailand Part 1 & 2*. Penang: SEACSN.
- Awae, K. (2013). *Konflik Di Selatan Thailand: Satu Kajian Dan Analisis Demonstrasi Takbai* (Master Degree). Universiti Sains Malaysia. [1-38]. Retrieved from <http://eprints.usm.my/46126/>
- Bernarding, N. & Austin, B. (2019). *Transforming Conflict, Berghof Glossary on Conflict Transformation and Peacebuilding: 20 essays on Theory and Practice*. Berlin: Berghof Foundation Operations GmbH.

- Dugan, M.A. (1996). A Nested Theory of Conflict. *A Leadership Journal: Women In Leadership – Sharing The Vision*, 1(1), 9-20.
- Fathy, A. (1994). *Pengantar Sejarah Patani*. Alor Setar, Kedah: Pustaka Darussalam
- Fischer, M. & Schmelzle, B., (eds.), *Peacebuilding at a Crossroads: Dilemmas and Paths for Another Generation*. Berghof Handbook Dialogue, Series No. 7. Available at: <https://www.berghof-handbook.net>.
- Fisher, S. & Zimina, L. (2009). Just Wasting Our Time? Provocative Thoughts for Peacebuilders. In
- Kamarulzaman Askandar (ed.). (2021). *Peace and Conflict Transformation in Southeast Asia*, Bangkok: ASEAN University Network
- Lederach, J.P. (1995). *Preparing for Peace: Conflict Transformation Across Cultures*. NY:Syracuse University Press
- Lederach, J.P. (1997). *Buiding Peace, Sustainable Reconciliation in Divided Societies*. Washington, D.C: United States Institute of Peace.
- Lederach, J.P. (2011). *From Conflict Resolution to Strategic Peacebuilding* [Video]. University of Notre Dame. <https://www.youtube.com/watch?v=LwsThUncRxE>
- Lederach, J.P. (2014). *The Little Book of Conflict Transformation*. Delaware, USA: Good Books. [ISBN: 978-1-68099-042-3]
- Mariyam, A. & Noah, L. (2020). Analyst: Thailand Sidelining MARA Patani Via New Peace Talks with BRN. *BenarNews*. <https://www.benarnews.org/english/news/thai/BRN-peace-talks-02042020194333.html>
- Miall, H. (2004). Conflict Transformation: A Multi-Dimensional Task. *Berghof Handbook*, <http://www.berghof-handbook.net>
- Nik Mahmud, N.A. (n.d.). Sistem Thesaphiban Dan Kesannya Ke Atas Kedaulatan Dan Kewibawaan Raja-Raja Melayu Patani. *Jebat: Malaysian Journal of History. Politics & Strategic Studies*, 11. [17-47]. <http://journalarticle.ukm.my/497/1/1.pdf>
- Pracha, H. (2007). Thai PM apologises to southern Muslims for errors. *Reuters*. <https://www.reuters.com/article/us-security-thailand-idUSBKK28861020061102>
- Ramsbotham, O., Woodhouse, T. & Miall H. (2016). *Contemporary Conflict Resolution: The prevention, management and transformation of deadly conflicts* (4th ed.). Cambridge, UK: Polity Press
- Smith, A.L. (2004). Trouble in Thailand’s Muslim South: Separatism, not Global Terrorism. *Asia-Pacific Center for Security Studies*, 3(10). [1-6]. <file:///C:/Users/User/Downloads/707304.pdf>
- Vayrynen, R. (ed.) (1991). “To Settle or to Transform? Perspectives on the Resolution of National and International Conflicts,” in *New Directions in Conflict Theory: Conflict Resolution and Conflict Transformation*. London: Sage, 1-25
- Yaacob, C.M.A. & Ahmad, M.Z. (2019). Transformasi Isu Dalam Penyelesaian Konflik Patani Di Selatan Thailand. *Jebat: Malaysian Journal of History. Politics & Strategic Studies*, 46(1). [131-154]. ISSN: 2180-0251.
- Yaacob, C.M.A. (2011). Isu Dan Penyelesaian: Konflik Pemisah Di Selatan Thailand. *Jebat: Malaysian Journal of History. Politics & Strategic Studies*, 38(1). [13-33]. ISSN: 2180-0251.

Kebijakan Diplomatik Indonesia dalam Penyelesaian Konflik Etnis Rohingya di Myanmar pada Era Joko Widodo

Nilam Handayani¹, Novia Rizki Andini²

^{1,2}Universitas Mataram, Indonesia

Email: ¹nilamhandayani7@gmail.com, ²Viandien01@gmail.com

Abstrak

Masalah diskriminasi terhadap etnis Rohingya merupakan konflik kemanusiaan yang berskala global. Permasalahan tersebut mengakibatkan pembatasan hak asasi manusia yang di bidang, pendidikan dan kesehatan, bahkan mereka harus kehilangan hak kewarganegaraanya. Pembatasan tersebut menyebabkan ribuan etnis Rohingya mencari bantuan ke negara lain di Asia Pasifik, salah satunya Bangladesh. Tujuan dari penelitian ini adalah untuk menganalisis peran Indonesia dalam penyelesaian konflik diskriminasi etnis Rohingya tersebut melalui perundingan dengan negara-negara terkait dan lembaga internasional, yang difokuskan pada masa kepemimpinan Presiden Joko Widodo. Dalam penelitian ini, penulis menggunakan data sekunder yang diperoleh dari penelitian sebelumnya, seperti jurnal, tesis dan web terpercaya untuk mendapatkan informasi yang akurat. Hasil penelitian menunjukkan bahwa Indonesia telah melakukan berbagai pertemuan dengan lembaga terkait, seperti Badan PBB dan ASEAN dalam Konferensi Tingkat Tinggi yang membahas secara spesifik mengenai Permasalahan Etnis Rohingya dalam rangka mencapai resolusi konflik. Hasil perundingan kemudian direalisasikan dalam bentuk aksi nyata, kunjungan kenegaraan atau pembentukan kebijakan 4+1 dalam penyelesaian konflik. Kesimpulannya, kebijakan Indonesia untuk melakukan perundingan dengan beberapa lembaga tersebut menghasilkan kesepakatan untuk segera melakukan aksi cepat-tanggap dalam realisasi resolusi konflik, bahkan membentuk kebijakan spesifik untuk merealisasikan hasil dari Konferensi Tingkat Tinggi tersebut untuk meredam konflik kemanusiaan tersebut.

Kata Kunci: Rohingya; Myanmar; diskriminasi; diplomasi.

1. Pendahuluan

Politik luar negeri adalah kebijakan, sikap dan langkah yang diambil suatu negara dalam melakukan hubungan dengan negara lain, organisasi internasional, hukum internasional dan lainnya untuk mencapai tujuan nasional. Landasan konstitusional Indonesia dalam menjalankan politik luar negerinya, yakni Undang-Undang Dasar 1945 pada alinea keempat tentang cita-cita dan tujuan bangsa untuk ikut serta dalam mewujudkan perdamaian dunia. Hal tersebutlah yang menjadi dasar keterlibatan Indonesia dalam berbagai konflik keamanan di dunia internasional terutama di kawasan Asia Tenggara (Rosa, 2022).

Politik luar negeri Indonesia dimulai sejak masa perjuangan memperoleh kemerdekaan. Pada masa awal kemerdekaan, politik luar negeri Indonesia berfokus pada pengakuan kedaulatan. Hal ini diupayakan agar lepas dari kolonialisme Belanda (Delanova, 2017). Setelah menjadi negara yang berdaulat, Indonesia memainkan peran dalam praktik internasional dengan prinsip politik luar negeri bebas dan aktif. Politik “bebas” dalam hal ini menyatakan bahwa Indonesia tidak berada dalam kedua blok, baik barat maupun timur. Kemudian istilah “aktif” berarti upaya

untuk bekerja lebih giat untuk menjaga perdamaian dunia, salah satunya mencegah adanya konflik kemanusiaan (Hatta, 1976).

PBB menyatakan bahwa etnis Rohingya merupakan penduduk muslim yang menetap di Rakhine, Myanmar. Mereka merupakan keturunan ras Arakan, India dengan warna kulit dan tradisi yang dominan dari Arab dan Mughal (Poltak, 2017). Jika diperhatikan secara fisik, etnis Rohingya memiliki kesamaan fisik dengan orang Bangladesh, yang merupakan keturunan Bengali, Persia, Mongol, Turki Melayu, dan Arab yang mengakibatkan kebudayaan Rohingya sedikit berbeda dengan etnis lain dari Myanmar. Bahasa yang mereka gunakan yaitu bahasa Cahittagonian yang dituturkan oleh masyarakat Bangladesh, sedangkan warga Myanmar menggunakan bahasa asli dari rumpun Tai Kadal, Austroasiatik, atau Sino-Tibetan (Hartati, 2013).

Konflik antara masyarakat yang beragama Budha dengan masyarakat Rohingya terjadi pada tahun 2012. Konflik ini muncul diawali dengan adanya pemerkosaan terhadap etnis Budha yang diduga dilakukan oleh laki-laki dari etnis Rohingya. Tindakan pemerkosaan tersebut kemudian dibalas dengan tindakan pembunuhan terhadap 10 orang etnis Rohingya. Dari kejadian tersebut, muncul berbagai tindakan kekerasan terhadap etnis Rohingya berupa pembunuhan, penyiksaan maupun pembakaran pemukiman, bahkan mereka dipaksa untuk meninggalkan daerah tempat tinggalnya. Mereka juga dicabut hak kewarganegaraannya oleh pemerintah Myanmar, sehingga mereka harus meninggalkan daerah asal mereka menuju negara yang aman seperti Bangladesh. Terdapat sekitar 610 ribu warga etnis Rohingya yang mengungsi ke negara lainnya untuk memenuhi kebutuhan hidupnya (Siba & Qomari'ah, 2018). Etnis Muslim Rohingya di Myanmar mendapatkan penindasan dan diskriminasi. Gelombang keganasan yang melanda etnis Rohingya merupakan bentuk penghapusan etnik yang menyebabkan pembunuhan besar-besaran sehingga banyak etnis rohingya yang meninggalkan daerah asalnya.

Sejalan dengan dasar politik luar negeri Indonesia yang bebas aktif, Indonesia harus aktif melibatkan diri dalam mewujudkan perdamaian dunia dengan cara ikut menyelesaikan permasalahan internasional seperti konflik kemanusiaan. Presiden Joko Widodo secara langsung mendatangi lokasi pengungsian dan penampungan etnis Rohingya di Rakhine State yang ada di Kamp Jamtoli, Sub Distrik Ukhiya, Cox's Bazar, Bangladesh (Sani, 2018). Indonesia juga memberikan bantuan finansial dan material untuk memenuhi kebutuhan para pengungsi. Di sisi lain, Indonesia memanfaatkan konferensi dan perundingan salah satu cara untuk mengkomunikasikan permasalahan tersebut bersama dengan negara anggota ASEAN lainnya.

Sebagai anggota ASEAN, Indonesia juga harus tunduk pada prinsip non-intervensi ASEAN, yang mana anggota ASEAN tidak diperbolehkan untuk ikut campur dalam urusan negara lain dalam berbagai bidang. Dengan adanya prinsip tersebut tentunya akan sulit untuk mencapai resolusi konflik. Berdasarkan hal tersebut, Indonesia mengupayakan diplomasi melalui forum internasional dengan menggunakan prinsip *soft diplomacy* agar konflik segera selesai dengan sistem pemecahan masalah yang jelas. Dengan menggunakan prinsip tersebut, permasalahan yang ada dapat diselesaikan dengan cara damai tanpa paksaan (Suastha, 2017).

Berdasarkan penjabaran diatas, penulis memfokuskan kepenulisannya terhadap perundingan dan kebijakan yang direalisasikan oleh Indonesia dalam penyelesaian konflik tersebut berdasarkan sejarah panjang diskriminasi yang dilakukan terhadap Etnis Rohingya.

Dengan berbagai kebijakan tersebut, diharapkan konflik etnis Rohingya tidak terjadi secara berkelanjutan.

1.1 Upaya Diplomasi Indonesia Melalui KTT ke-31

KTT ASEAN ke-31 yang dilaksanakan pada tanggal 3-4 November 2017 di Manila, Filipina bertujuan untuk mencapai keamanan di kawasan Asia Tenggara. Ada beberapa hal yang menjadi topik utama dalam pembahasan tersebut, seperti penyelesaian konflik Laut China Selatan, kelompok ISIS di wilayah di Kota Marawi, Filipina dan konflik Rohingya. Pada konferensi tersebut, Indonesia mengusulkan untuk melakukan pembahasan spesifik mengenai keadaan masyarakat dan bagaimana upaya menyikapi hal tersebut. Indonesia melihat perlu ada forum khusus yang membahas mengenai konflik tersebut agar mencapai resolusi dalam waktu yang dekat (Muhamad, 2017).

Menyikapi krisis Rohingya, Sekretariat ASEAN memilih menyatakan dukungan kepada pemerintah Myanmar dengan menggandeng Palang Merah dan komunitas internasional dalam melaksanakan kegiatan kemanusiaan di Rakhine. Terdapat juga upaya bantuan kemanusiaan dari ASEAN dan anggotanya untuk meningkatkan keselamatan, mengakhiri kekerasan, dan memulihkan keadaan (Indah, 2017). Hal tersebut dilakukan karena pengungsi Rohingya banyak mengalir ke negara-negara di kawasan Asia yang kemungkinan akan memunculkan permasalahan baru terutama masalah lingkungan. Peserta konferensi juga memahami masalah tersebut dan dampaknya terhadap stabilitas kawasan, sehingga beberapa negara pihak konferensi menyuarakan sikap tegas terkait permasalahan tersebut (Muhamad, 2017).

Dari sisi Indonesia, Presiden Joko Widodo dalam pidatonya menekankan kepada ASEAN untuk segera merealisasikan upaya nyata dalam penyelesaian konflik tersebut dengan memberikan ruang kepada negara-negara ASEAN untuk membantu mencari resolusi konflik. Indonesia juga mengharapkan Bangladesh dan Myanmar diberikan wadah untuk berdialog berkaitan dengan peningkatan jumlah pengungsi Rohingya. Indonesia mendesak agar ASEAN memberikan ruang yang besar kepada *The ASEAN Coordinating Centre for Humanitarian Assistance on Disaster* (AHA Centre) untuk memulihkan keadaan dengan mengembalikan etnis Rohingya ke daerah asalnya, dengan memberikan hak kewarganegaraan yang penuh agar tidak muncul diskriminasi berkelanjutan (Rizki Akbar Hasan, 2017)

Alasan Indonesia menjunjung tinggi konferensi tersebut adalah rasa solidaritas kemanusiaan untuk berkomitmen dalam menjalankan mekanisme *Responsible to Protect* (R2P) khususnya terkait pencegahan genosida, kejahatan kemanusiaan, hingga kejahatan perang (Natasha et al., 2021). Indonesia juga mendesak perlunya *responsibility sharing* khususnya negara-negara Konvensi Pengungsi 1951, organisasi-organisasi internasional, dan Lembaga Swadaya Masyarakat (LSM) yang memiliki perhatian terhadap isu ini agar dapat berkontribusi secara nyata dalam menangani pengungsi di negara-negara transit. Upaya Indonesia ikut serta dalam penyelesaian konflik Etnis Rohingya juga dilakukan melalui diplomasi kemanusiaan yang meliputi mediasi dengan Pemerintah Myanmar dan Bangladesh, serta melakukan negosiasi terkait solusi penyelesaian krisis pengungsi Rohingya (Albayumi et al., 2018). Melalui konferensi tersebut, pemerintah Myanmar memberikan sudut pandang baru berkaitan dengan penolakan perdagangan manusia. Myanmar juga akan berfokus pada kasus imigran ireguler, serta akan membangun *Rakhin state yang non-diskriminatif*. Indonesia melakukan negosiasi dengan sopan tanpa menggunakan kata Etnis Rohingya namun menggunakan konflik Rakhine

dengan tujuan utama adalah untuk mencegah kata-kata yang sensitif yang menyebabkan konflik membesar.

Tahun 2017, Indonesia terus mengupayakan pertemuan dengan beberapa pihak, seperti Angkatan Bersenjata dan Penasihat Keamanan Myanmar, bahkan Indonesia telah melakukan pertemuan dengan Bangladesh untuk membahas para pengungsi dari Rohingya. Menteri Luar Negeri Indonesia juga membentuk komunikasi dengan Menteri Luar negeri Myanmar di Naypyidaw, Myanmar dengan fokus pembahasan mengenai keikutsertaan Indonesia sebagai anggota ASEAN dalam upaya penyelesaian konflik. Dalam beberapa pertemuan, Myanmar juga memberikan kesempatan kepada Indonesia untuk membentuk organisasi Aliansi Kemanusiaan Indonesia untuk Myanmar (AKIM) sebagai langkah nyata untuk merealisasikan kebijakan Indonesia untuk menyelesaikan konflik (Muhammad Ali, 2017). Mendapatkan kepercayaan dari Myanmar untuk membantu permasalahan di wilayah tersebut harus dijadikan sebagai peluang utama Indonesia untuk melakukan langkah nyata agar dapat mengetahui penyebab dan cara penyelesaian konflik tersebut.

1.2 Upaya Diplomasi Indonesia Melalui KTT ASEAN ke-35

Dalam Upaya merespon konflik Rohingya tersebut, Presiden Joko Widodo menghadiri KTT ASEAN ke-35 yang diadakan di Bangkok pada tanggal 2-4 November 2019 dengan tema *'Advancing Partnership For Sustainability'* (KEMLU, 2019). Dalam konferensi tersebut terdapat beberapa fokus pembahasan, salah satunya adalah isu politik dan keamanan. Pengungsi dari etnis Rohingya ini di harapkan dapat kembali ke asal mereka dengan penerimaan penuh dari pemerintah. ASEAN sepakat untuk membentuk gugus tugas *ad hoc* yang akan memantau pelaksanaan rekomendasi dari *Preliminary Need Assessment* (PNA). PNA sudah memberikan rekomendasi pertemuan *technical working group* pada maret dan Oktober 2019. Pertemuan tersebut menghasilkan prioritas yang akan ditindaklanjuti berkaitan dengan persiapan pengembalian pengungsi dari Bangladesh (Redaksi MRI, 2019).

Dalam konferensi tersebut Pihak Indonesia dengan pemimpin anggota ASEAN sepakat untuk membentuk satuan gugus tugas ad-hoc yang bertugas untuk mengawal dan melindungi proses repatriasi etnis Rohingya dari Cox's Bazar, Bangladesh ke Myanmar. Gugus tugas tersebut terdiri atas para ahli yang ditentukan oleh Sekretaris Jenderal ASEAN (Musyaffa, 2019). Dalam upaya diplomasi dan negosiasi tersebut, ada beberapa pihak yang terlibat yaitu Presiden Joko Widodo, Ibu Retno Marsudi, Perwakilan Sekjen PBB, serta para pemimpin negara-negara anggota ASEAN. Diplomasi ini bertujuan untuk menegaskan bahwa Indonesia siap membantu mencapai resolusi konflik Myanmar dan berkontribusi dalam bantuan kemanusiaan. Dimana bantuan-bantuan tersebut pada akhirnya terwujud dalam usulan Indonesia dalam pembentukan tim tanggap darurat, serta ASEAN *Coordinating Center for Humanitarian Assistance* (AHA) untuk melaksanakan kunjungan ke Rakhine State demi melakukan peninjauan kesiapan etnis Rohingya dengan beberapa indikator yakni keselamatan fisik, pendaftaran Rohingya, keamanan material, serta penyatuan sosial agak konflik etnis tidak terulang kembali (Natasha et al., 2021).

Pada saat pendirian *ad hoc task force* ini, Presiden Joko Widodo menyatakan siap untuk memberikan kontribusi. Presiden Joko Widodo juga menegaskan bahwa Indonesia menaruh perhatian besar bagi upaya pemulihan situasi dan keamanan di Rakhine. Menteri Luar Negeri Indonesia menyampaikan bahwa perlu diteruskan dialog dengan perwakilan dari pengungsi yang berada di Cox's Bazaar, Bangladesh. Indonesia juga melakukan pertemuan bilateral dengan

Sekretaris Jendral PBB, yaitu Antonio Guterres dengan menegaskan bahwa Indonesia menyatakan siap untuk berkontribusi dalam upaya penyelesaian isu etnis rohingya (Redaksi MRI, 2019).

Pada konferensi tersebut, ASEAN *Emergency Response and Assessment Team* (ERAT), *The ASEAN Coordinating Center* (AHA Centre) dan negara ASEAN lainnya juga melakukan upaya kunjungan ke wilayah Rakhine untuk mengetahui kesiapan pemerintah Myanmar untuk menerima masyarakat Rohingya dari daerah pengungsian. Lembaga tersebut memberikan beberapa ketentuan kepada pihak Myanmar, yaitu jaminan keselamatan pribadi, pendaftaran terhadap masyarakat Rohingya yang siap kembali, keamanan materi dan upaya pencegahan konflik yang berkelanjutan. Meskipun banyak masyarakat Rohingya yang takut kembali dengan konsekuensi keamanan dan pemenuhan kebutuhan hidup, namun lembaga terkait tetap mengupayakan pemulihan masyarakat Rohingya terhadap peningkatan keamanan di wilayah Rakhine.

Dengan dukungan penuh dari ASEAN tersebut, Perserikatan Bangsa Bangsa (PBB) turut serta mengambil bagian dengan cara menekan pihak Myanmar agar membentuk keamanan kawasan yang kondusif dengan pengembalian etnis Rohingya ke daerah asalnya dengan aman dan damai. PBB juga menegaskan agar pemerintah Myanmar memberikan akses tanpa batas kepada pekerja kemanusiaan yang mengupayakan konflik tersebut berakhir. Pemerintah Myanmar menerima hampir semua keputusan yang ditetapkan dalam konferensi tersebut dengan mensyarakat etnis Rakhin untuk kembali ke tempat pemukiman asal mereka dengan penuh penjiagaan yang ketat bahkan dalam melakukan aktivitas (Lisbet, 2019).

Dalam KTT ASEAN ke-35, terdapat dukungan dari YLBHI (*Yayasan Lembaga Bantuan Hukum Indonesia*) berupa bantuan dana kemanusiaan bagi para pengungsi Rohingya terutama untuk memenuhi kebutuhan hidup dan proses persiapan kembali ke negara asalnya. Hal tersebut diupayakan untuk membangun kepercayaan masyarakat akan program repatriasi dalam pembangunan kedamaian antar Etnis agar terhindar dari konflik yang berkepanjangan (Natasha et al., 2021)

1.3 Kebijakan 4+1 Indonesia

Menteri Luar Negeri Indonesia, Ibu Retno Marsudi juga menemui beberapa pejabat Myanmar dan memberikan usulan “4 plus 1” sebagai upaya tindak lanjut diplomasi Indonesia. Usulan tersebut berfokus pada pengembalian kestabilan keamanan, menahan diri agar tidak menggunakan kekerasan semaksimal mungkin, menyediakan perlindungan yang setara bagi seluruh warga di Rakhine tanpa memandang latar belakang suku dan agama, serta membuka akses bantuan kemanusiaan. Usulan tersebut diterima oleh pemerintah Myanmar yang kemudian direkomendasikan oleh Komisi Penasehat Rakhine agar hambatan utamanya yakni hak kewarganegaraan etnis Rohingya yang selama ini dicabut dikembalikan secara utuh demi tercapainya perdamaian. Lebih lanjut, Menteri Luar Negeri Indonesia juga mengingatkan bahwasanya isu kewarganegaraan yang tidak segera ditangani akan menjadi penyebab signifikan penderitaan kemanusiaan dan kelaparan, serta tentunya akan berimbas pada pembangunan ekonomi dan sosial bagi seluruh Myanmar (Natasha et al., 2021). Diplomasi yang dilakukan oleh Retno Marsudi tersebut dilakukan secara marathon selama lima minggu berturut-turut, bahkan berdialog dengan lembaga agama terkait.

Langkah diplomasi yang dilakukan Indonesia dalam penyelesaian konflik tersebut merupakan langkah persuasif tanpa menggunakan kekuatan militer, embargo atau kecaman lainnya. Pemberian bantuan kemanusiaan yang berkelanjutan, serta membuka komunikasi dengan seluruh pihak dinilai tepat. Pasalnya Indonesia menggunakan *soft power diplomacy*, yang mana Menurut Joseph Nye seorang ahli hubungan internasional Harvard University bahwa dengan menggunakan *soft power* merupakan hal yang menguntungkan tanpa pemaksaan untuk membentuk perdamaian, namun terjadi pelan-pelan melalui kebijakan yang dibuat (Purbolaksono, 2017). Salah satu elemen dalam kebijakan ini adalah pentingnya agar rekomendasi laporan Komisi Penasehat untuk *Rakhine state* yang dipimpin oleh Kofi Annan untuk segera diimplementasikan (Djumati et al., 2020). Dalam pertemuan tersebut, Indonesia juga menyampaikan pentingnya komunikasi antara Myanmar dan Bangladesh berkaitan dengan masalah pengungsi. Menteri Luar Negeri Indonesia menegosiasikan bantuan kemanusiaan yang mampu diberikan oleh Indonesia kepada para korban dalam bentuk material dan finansial dalam keterlibatannya dalam penyaluran bantuan Rakhine (ANTARA, 2017).

Setiap variabel-variabel yang terkumpul datanya, maka tahap selanjutnya adalah tahap pengolahan data. Dalam setiap variabel tahap pengolahan datanya berbeda-beda. Pada akhirnya pengolahan data bertujuan untuk mengetahui kesesuaian wilayah *food estate* padi sawah di Kabupaten Katingan dan Kabupaten Kotawaringin Timur, Kalimantan Tengah. Variabel kelerengan didapatkan dari data DEM. Data DEM yang sudah didownload di masking terlebih dahulu dengan *tools extract by mask* sesuai dengan wilayah penelitian. Setelah itu mengubah menjadi kelerengan didapat dari garis kontur yaitu dengan *tools slope* Data tersebut kemudian diklasifikasikan sesuai dengan rujukan yang diambil. Terakhir data tersebut dibuat menjadi polygon dengan *tools raster to polygon*. Kemiringan lereng yang sesuai untuk produksi tanaman padi adalah wilayah yang datar hingga landai. Klasifikasi lereng didasarkan pada klasifikasi lereng van Zuidam 1985. Untuk kelas lereng tidak sesuai, terdapat didaerah dengan lereng yang agak curam hingga curam. Pemberian skor didasarkan pada parameter penanaman padi berdasarkan literatur.

Tabel 3: Skoring Parameter Lereng (Ahmad Fuad, 2010)

Lereng	Keterangan	Kelas	Skor
0-2%	Dataran	Sesuai	2

2-5%	Landai	Sesuai	2
5-15%	Perbukitan Sedang	Tidak Sesuai	1
15-40%	Perbukitan Terjal	Tidak Sesuai	1
>40%	Pegunungan	Tidak Sesuai	1

Variabel Curah Hujan, didapatkan dari Data BMKG Provinsi Kalimantan Tengah Tahun 2020 yaitu di Stasiun CH yang tersebar di Kalimantan Tengah. Setelah mendapatkan datanya, diplotting di *ArcGIS* titik-titik stasiun tersebut. Melakukan proses dengan tools bernama IDW untuk mendapatkan interpolasi curah hujan. Setelah proses pembuatan IDW selesai, melakukan klasifikasi dengan tools *reclassify* sesuai dengan rujukan yang diambil untuk kesesuaian wilayah *food estate*.

Tabel 4: Skoring Parameter Curah Hujan (Ahmad Fuad, 2010)

Jumlah Curah Hujan Tahunan (mm)	Kelas Kesesuaian	Skor
2322-2475	Sesuai	2
2475-2629	Sesuai	2
2629-2782	Tidak Sesuai	1
> 2782	Tidak Sesuai	1

Variabel suhu rata-rata dibuat menggunakan dari citra LANDSAT 8 melalui web USGS. Setelah di-*download*, maka melakukan penggabungan dengan software ENVI dengan tools *Seamless Mozaic*. Setelah itu, melakukan pemotongan sesuai dengan wilayah penelitian yaitu dengan tools *Extract by mask* di software ArcGIS. Setelah citra sudah sesuai dengan wilayah penelitian, proses pembuatan peta temperatur permukaan rata-rata dimulai. Pertama-tama adalah dengan melakukan konversi nilai *digital number* menjadi *TOA Radiance*, konversi *Band Radiance* menjadi *Satellite Brightness Temperature*, menghitung nilai NDVI, dan konversi temperatur satelit menjadi temperatur permukaan. Keempat perhitungan tersebut dilakukan dengan tool *Raster Calculator* dan dipakai untuk mendapatkan nilai rata-rata temperatur permukaan tanah dalam satuan *celcius*. Setelah berhasil, maka rubah data raster tersebut menjadi data vektor yaitu dengan tools *raster to polygon*.

Tabel 5: Skoring Parameter Suhu Rata-rata (Ahmad Fuad, 2010)

Suhu rata-rata (°C)	Kelas Kesesuaian	Skor
<18	Tidak Sesuai	1
18-22	Tidak Sesuai	1
22-24	Sesuai	2
24-29	Sesuai	2

Variabel Tekstur Tanah, didapat dari BBSDLP Litbang Pertanian, 2019. Data yang didapatkan sudah dalam bentuk vektor sehingga hanya perlu dilakukan proses pemotongan

sesuai dengan wilayah penelitian menggunakan *tool Clip* pada aplikasi ArcGIS dan klasifikasikan sesuai dengan sumber rujukan kesesuaian dengan menambahkan *field* pada data atributnya.


Tabel 6: Skoring Parameter Tekstur Tanah (Ahmad Fuad, 2010)

Tekstur Tanah	Kelas Sesuaian	Skor
Halus, Agak halus	Sesuai	2
Sedang	Sesuai	2
Kasar	Tidak Sesuai	1

Variabel Ketinggian, didapatkan dari data DEM. Data DEM yang sudah didownload di masking terlebih dahulu dengan *tools extract by mask* sesuai dengan wilayah penelitian. Data tersebut kemudian diklasifikasikan sesuai dengan rujukan yang diambil. Terakhir data tersebut dibuat menjadi polygon dengan tools *raster to polygon*.

Tabel 7: Skoring Parameter Ketinggian (Ahmad Fuad, 2010)

Ketinggian (mdpl)	Kelas Sesuaian	Skor
<1000	Sesuai	2
1000-1500	Sesuai	2
1500-2000	Tidak Sesuai	1
>2000	Tidak Sesuai	1




Gambar 1: Alur Pikir Penelitian (Sumber : Pengolahan pribadi, 2021)

Setelah proses pengolahan data di setiap variabel dilakukan yaitu dilanjutkan dengan tahap proses overlay dari semua variabel yaitu dengan *tools overlay intersect*. Proses *overlay* atau tumpah tindih tersebut bertujuan untuk mengetahui kesesuaian wilayah pengembangan *food estate* padi sawah di Kabupaten Katingan dan Kabupaten Kotawaringin Timur, Kalimantan Tengah.

3. Hasil dan Pembahasan

Penentuan wilayah kesesuaian untuk pengembangan *food estate* pada Kabupaten Katingan dan Kabupaten Kotawaringin Timur, Kalimantan Tengah diestimasikan dengan pembobotan 5 variabel yang telah dijelaskan diatas. Masing-masing variabel yang telah dibobotkan kemudian akan ditumpang susun untuk mendapatkan satu kesatuan wilayah kesesuaian untuk pengembangan *food estate*. Berdasarkan pengolahan data didapatkan bahwa wilayah sesuai untuk pengembangan *food estate* di Kabupaten Katingan dan Kabupaten Kotawaringin Timur hampir mendominasi pada berbagai orientasi khususnya bagian selatan, barat, dan timur. Sedangkan wilayah yang tidak sesuai untuk pengembangan *food estate* di Kabupaten Katingan dan Kabupaten Kotawaringin Timur terdapat pada bagian wilayah tenggara, barat laut, dan utara.



Gambar 2: Peta Kesesuaian Pengembangan *Food Estate* (sumber: Pengolahan data, 2021)

Penentuan wilayah yang sesuai untuk pengembangan *food estate* di Kabupaten Katingan dan Kabupaten Kotawaringin Timur adalah dengan kondisi keterangan <5%, suhu udara 24-29°C, kondisi ketinggian <1200 mdpl, curah hujan <2.629 mm/tahun, dan tekstur tanah yang cenderung halus. Berdasarkan tabel, didapatkan perhitungan luasan wilayah pada tingkat kesesuaian di Kabupaten Katingan dan Kabupaten Kotawaringin Timur dalam pengembangan *food estate*. Sebesar 73,92% dari total luasan kedua kabupaten cenderung sesuai dalam pengembangan *food estate* dengan luas wilayah 4.848.025 ha berdasarkan variabel keterangan,

suhu udara, litologi, ketinggian, curah hujan, pH, ketebalan gambut, buffer jaringan jalan, kerapatan drainase, dan tekstur tanah. Sebaliknya, sebesar 26% dari total luasan kedua kabupaten tidak sesuai dalam pengembangan *food estate* dengan luas wilayah 1.710.403 ha.

Tabel 8: Persentase luas kesesuaian pengembangan *food estate* untuk tanaman padi

Kelas Kesesuaian	Luas (ha)	Persentase (%)
Sesuai	4.848.025 ha	74%
Tidak Sesuai	1.710.403 ha	26%

Sumber: (Pengolahan data, 2021)

4. Kesimpulan

Salah satu sektor yang menjadi bagian penting untuk menunjang ketersediaan pangan bagi penduduk Indonesia adalah sektor pertanian, khususnya komoditas tanaman padi. Program pengembangan kawasan *food estate* di Provinsi Kalimantan Tengah dapat dijadikan sebagai salah satu strategi untuk meningkatkan ketahanan pangan nasional agar meningkatnya produksi padi di Provinsi Kalimantan Selatan. Meningkatnya produksi padi sebagai salah satu komoditas pangan merupakan sebuah implikasi manajerial dalam pertanian.

Indonesia merupakan negara dengan sumber daya alam melimpah. Salah satu yang menjadi primadona di Indonesia adalah dalam bidang pertanian, terlebih lagi tanaman pangan berupa tanaman padi. Negara ini diprediksi akan mengalami peningkatan jumlah penduduk pada tahun 2035. Untuk memenuhi kebutuhan pokok pangan penduduk di Indonesia akan tanaman padi di tahun 2035, pemerintah mengembangkan Program *Food Estate*. Provinsi Kalimantan Tengah, yaitu di Kabupaten Katingan dan Kabupaten Kotawaringin Timur merupakan wilayah yang dicanangkan untuk mengembangkan program *food estate*.

Program *food estate* di Kalimantan Tengah perlu diidentifikasi lagi mengenai wilayah yang sesuai dan tidak sesuai untuk dikembangkannya tanaman padi, sehingga penelitian ini berguna untuk mengetahui wilayah kesesuaian *food estate* pada Kabupaten Katingan dan Kabupaten Kotawaringin timur di Provinsi Kalimantan Tengah. Analisis yang dilakukan menggunakan analisis overlay dengan *equal bobot* dan terdiri dari 5 variabel, diantaranya adalah lereng, ketinggian, tekstur tanah, curah hujan tahunan, dan suhu rata-rata

Berdasarkan hasil pengolahan data, didapatkan bahwa wilayah kesesuaian pada Kabupaten Katingan dan Kabupaten Kotawaringin Timur di Provinsi Kalimantan Tengah untuk pengembangan *food estate* dinyatakan dengan kondisi kelerengan <5%, suhu udara 24-29°C, kondisi ketinggian <1200 mdpl, curah hujan <2.629 mm/tahun, dan tekstur tanah yang cenderung halus. Sehingga didapatkan sebesar 73,92% dari total luasan kedua kabupaten cenderung sesuai dalam pengembangan *food estate* dengan luas wilayah 4.848.025 ha dan sebesar 26% dari total luasan kedua kabupaten tidak sesuai dalam pengembangan *food estate* dengan luas wilayah 1.710.403 ha. Kabupaten Katingan dan Kabupaten Kotawaringin Timur di Provinsi Kalimantan Tengah dapat dijadikan sebagai kawasan pengembangan *food estate* untuk meningkatkan strategi ketahanan pangan nasional.

5. Daftar Pustaka

- Anonim. (2016). *Rencana Strategis Kementerian Pertanian*. Kementerian Pertanian Republik Indonesia.
- Ayati, D. P. I. (2018). *Manajemen Usahatani dan Faktor-Faktor Pengambilan Keputusan Petani Padi Organik di Desa Rowosari Kecamatan Sumberjambe Kabupaten Jember*.
- Basundoro, A. F., & Sulaeman, F. H. (2020). *Meninjau Pengembangan Food Estate Sebagai Strategi Ketahanan Nasional Pada Era Pandemi Covid-19*. *Jurnal Kajian Lemhannas RI*, 8(2).
- Dilan, h.s. (2004). *Pertanian Mandiri*. Penebar Swadaya. Jakarta.
- Fadhla, T. (2017). *Analisis Manajemen Usaha Tani dalam Meningkatkan Pendapatan dan Produksi Padi Sawah di Kecamatan Tangan-Tangan Kab. Aceh Barat Daya*. *Jurnal Visioner & Strategis*, 6(2).
- Indonesia, S. (2020). *Badan pusat statistik*. BPS Republik Indonesia.
- Maharisi, S., & Maulana, A. (2014). *Manajemen Strategi Pengembangan Pertanian Kota (Urban Agriculture) di Kota Tangerang Selatan*. *Jurnal Aplikasi Manajemen*, 12(3), 351-361.
- Shinta, A. (2001). *Ilmu Usaha Tani*. Universitas Brawijaya Press.
- Tengah, B. K. (2019). *Provinsi Kalimantan Tengah dalam Angka*. Badan Pusat Statistika Provinsi Kalimantan Tengah.
- Wahyudi, A., & Wulandari, S. (2019). *INOVASI TEKNOLOGI DAN INOVASI KELEMBAGAAN MENDUKUNG KEBERLANJUTAN USAHATANI LADA DI KALIMANTAN TIMUR/Technology and Institution Innovation Supporting the Sustainability of Pepper Farming System in East Kalimantan*. *Jurnal Penelitian Tanaman Industri*, 25(2), 108-124.

Keberkesanan Pelaksanaan Program Rancangan Tanam Baru Berkelompok Terhadap Penduduk Tanah Merah, Kelantan

Muhammad Maaliki Aiman bin Ab Manaf¹, Muhammad Saiful Hishammuddin bin Lukman Imran², Nurul Ayu Aniesa binti Sulaiman³, Nur Farhana Nadiyah binti Azmi⁴, Zaidah binti Mahazan⁵, Mohamad Shahrudin Samsurijan⁶

^{1,2,3,4,5,6} Pusat Pengajian Sains Kemasyarakatan, Universiti Sains Malaysia
Email: ¹emanafmat23@gmail.com

Abstrak

Umum mengetahui bahawa golongan pekebun kecil tergolong dalam kalangan b40 dan mempunyai kekangan dalam sosio-ekonomi. Program Rancangan Tanam Baru Berkelompok merupakan salah satu program yang dilaksanakan oleh RISDA dalam membantu penduduk desa untuk menjana pendapatan bulanan mereka. Program Rancangan Tanam Baru Berkelompok ini dilaksanakan di kawasan luar bandar kerana kebanyakan penduduk desa mempunyai tanah sendiri namun mereka tiada modal untuk mengusahakannya. Program ini juga akan memberikan banyak pendedahan kepada penduduk berkenaan dengan sektor pertanian. Terdapat dua objektif dalam kajian ini iaitu mengenalpasti faktor kejayaan bagi program Rancangan Tanam Baru Berkelompok di Tanah Merah, Kelantan dan manfaat yang diperolehi oleh masyarakat desa daripada program tersebut. Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif yang melibatkan bilangan responden seramai 50 orang responden di sekitar kawasan Tanah Merah, Kelantan. Hasil kajian ini mendapati bahawa program Rancangan Tanam Baru Berkelompok yang dijalankan di Tanah Merah, Kelantan telah berjaya membantu golongan pekebun kecil dalam menjana pendapatan mereka. Kejayaan program ini adalah disebabkan beberapa faktor yang berkait iaitu pendedahan yang terperinci berkenaan pertanian kepada rakyat, penggunaan teknologi yang lebih moden dan juga bantuan modal serta keperluan pertanian kepada rakyat yang sangat membawa dalam menjayakan program ini sehingga dapat menghasilkan ramai petani atau usahawan moden dalam kalangan anak muda.

Kata kunci: Pekebun kecil; sosio-ekonomi; pertanian; faktor; manfaat; kuantitatif; usahawan moden.

1. Pengenalan

Kemajuan Malaysia baik dari segi politik, ekonomi dan sosial memang tidak dapat dinafikan semakin meningkat dari tahun ke tahun. Bilangan penduduk di Malaysia berdasarkan Bancian dan Perumahan 2020 mendapati Malaysia memiliki 32.4 juta penduduk yang tinggal di luar Bandar dan juga di Bandar. Oleh hal yang demikian, peningkatan pembangunan masyarakat haruslah dipertingkatkan untuk memberi keselesaan kepada rakyat. Terdapat pelbagai pembaharuan dan baikpulih telah dilaksanakan oleh kerajaan bagi keselesaan rakyat tanpa mengira latar belakang mereka. Rakyat dapat menikmati kemudahan dan bantuan yang disediakan oleh kerajaan bagi mereka yang tinggal di Bandar mahupun di luar Bandar.

Peningkatan pembangunan di bandar menampakkan kesan yang positif kerana banyak pembangunan yang lebih moden untuk kegunaan rakyat seperti LRT untuk bergerak ke sesuatu tempat. Namun begitu, bagaimana pula nasib bagi mereka yang tinggal di luar Bandar. Terdapat

beberapa halangan yang menyukarkan pembangunan dijalankan berbanding jika di Bandar seperti faktor bentuk muka bumi. Oleh sebab itu, kerajaan perlu mencari alternatif yang sesuai untuk melakukan pembangunan bagi masyarakat yang tinggal di kawasan luar Bandar. Berikutan peningkatan pembangunan di Bandar menunjukkan berlakunya ketidakseimbangan pembangunan antara kawasan luar Bandar dengan kawasan Bandar. Oleh itu, kerajaan membentuk dasar-dasar untuk menyimbangi pembangunan di Malaysia. Seperti Dasar Ekonomi yang memfokuskan untuk mewujudkan perpaduan negara dengan mengurangkan perbezaan ekonomi, sosial, kebudayaan, penempatan di antara rakyat.

Dalam kajian ini, fokus utama yang kumpulan kami bincangkan adalah berkaitan dengan program pembangunan kemahiran kepada komuniti di luar Bandar. Dalam saranan kerajaan juga telah memperuntukkan bantuan untuk membantu golongan yang kurang berkemampuan yang tinggal di luar Bandar untuk mengubah gaya hidup mereka berdasarkan kemahiran yang mereka ada. Oleh itu, kajian yang kami lakukan ini untuk melihat sejauh mana keberkesanan program pembangunan ini dalam meningkatkan taraf kehidupan masyarakat yang tinggal di luar Bandar.

2. Latar Belakang Program

2.1 Program Rancangan Tanam Baru Berkelompok (RTBB)

Kajian ini memfokuskan kepada salah satu program pembangunan kemahiran di bawah kendalian Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah (RISDA) iaitu Program Rancangan Tanam Baru Berkelompok (RTBB). Program Rancangan Tanam Baru Berkelompok (RTBB) adalah satu kaedah pengurusan tanam semula dimana kebun-kebun yang berdekatan digabung untuk ditanam semula secara bersama yang diuruskan oleh jawatankuasa yang dilantik dalam kalangan peserta dan program tersebut merupakan sebuah program yang ditubuhkan khas yang membolehkan pekebun kecil memiliki saham melalui hak kelayakan Tanam Baru mereka di dalam ladang RTBB yang dibangunkan dan program ini telah ditubuhkan pada tahun 1971.

2.2 Sejarah Penubuhan Program RTBB

Pada awalnya, kerajaan memikirkan satu satu dasar dan strategi baru bagi meningkatkan kemajuan sektor pekebun kecil dan akhirnya kerajaan membuat keputusan untuk menubuhkan RISDA. RISDA mula bertapak di Malaysia pada 8 Februari, 1973 apabila Perdana Menteri Malaysia pada Ketika itu iaitu Y.A.B Tun Hj. Abd. Razak Bin Datuk Hussein memberikan ucapan rasmi sekaligus merasmikannya di upacara perasmian RISDA. Setelah kerajaan menubuhkan RISDA, RISDA mula mengambil langkah yang proaktif untuk membantu golongan pekebun kecil iaitu dengan menubuhkan program pembangunan kemahiran iaitu Program Rancangan Tanam Baru Berkelompok (RTBB) pada tahun 1971.

Pada ketika itu, permohonan untuk penduduk setempat menyertai RTBB telah mula diterima daripada pekebun-pekebun kecil mulai tahun 1971 sehingga 1977 sahaja. Pekebun Kecil yang diiktiraf sebagai peserta RTBB adalah mereka yang memohon menyertai Skim dan diberi kelulusan oleh RISDA berdasarkan syarat-syarat berikut:

- A. Membuat permohonan secara rasmi
- B. Belum menggunakan hak Tanam Baru (TB)
- C. Memiliki tanah getah 7 ekar atau kurang pada atau sebelum 31 Disember 1970.
- D. Memegang saham dalam koperasi yang memiliki tanah.

2.3 Matlamat Penubuhan Program RTBB

Program Rancangan Tanam Baru Berkelompok dilaksanakan berasaskan beberapa matlamat utama. Antara matlamat pelaksanaan program tersebut adalah seperti berikut:

- A. Merangka, membangunkan dan menubuhkan satu program strategi komersial untuk menggalakkan pekebun kecil menanam semula pokok-pokok getah tua dengan pokok-pokok getah atau jenis tanaman lain yang mengeluarkan hasil yang tinggi dan ekonomik.
- B. Membantu, menggubal dan memperakukan untuk kelulusan pengurusan bagi menguatkuasa dasar-dasar, peraturan-peraturan dan penggunaan sumber kewangan yang perlu untuk melaksanakan program tanam semula kebun-kebun kecil dan program-program sokongan.
- C. Mengenalpasti dan menentukan bahawa kehendak-kehendak Pentadbiran, peraturan dan sistem bagi melaksanakan program Tanam semula dan program-program sokongan dipatuhi.
- D. Mengumpul maklumat pekebun kecil melalui pendaftaran, rekod Pemprosesan dan pembayaran bantuan tanam semula melalui Sistem Maklumat Bersepadu.
- E. Mengendali rekod yang lengkap dan kemaskini berhubung dengan pekebun kecil yang menyertai program tanam semula dan program-program sokongan.
- F. Memberi khidmat berkualiti kepada pekebun kecil.

2.4 Syarat Penubuhan Tanam Semula Berkelompok (TSB)

Terdapat 5 syarat yang perlu dipenuhi oleh RISDA untuk memastikan Tanam Semula Berkelompok (TSB) boleh ditubuhkan. Syarat pertama yang perlu dipenuhi adalah penyertaan terhadap penubuhan TSB sekurang-kurangnya mendapat penyertaan seramai 8 orang peserta. Syarat kedua yang perlu dipenuhi oleh RISDA adalah kawasan getah tua yang ingin dimajukan perlu terletak dalam satu blok berhampiran. Syarat yang ketiga adalah keluasan kawasan tanah yang ingin dimajukan perlu mencapai sekurang-kurangnya 10 hektar. Syarat keempat yang perlu dipenuhi adalah Jawatankuasa yang dilantik untuk mengurus kawasan yang hendak dimajukan perlulah diwujudkan dan jawatankuasa tersebut perlulah dari kalangan peserta dan syarat terakhir yang perlu dipenuhi adalah perlu mendapat kebenaran dan persetujuan dari pihak Ketua Pusat Tanggungjawab RISDA untuk membangunkan kawasan tersebut sebagai TSB.

2.5 Penglibatan Peserta Secara Keseluruhan Program RTBB

Secara Umumnya, RISDA itu sendiri mempunyai kumpulan Sasar seramai 425,739 pekebun kecil getah dan kelapa sawit di Semenanjung Malaysia. Berikutan itu, jumlah keseluruhan individu atau peserta yang terlibat di dalam pelaksanaan program RTBB dalam kalangan komuniti yang dikaji oleh pengkaji adalah seramai 50 orang.

2.6 Agensi Penaja Program RTBB

Program Rancangan Tanam Baru Berkelompok (RTBB) telah ditaja oleh agensi penaja utama iaitu RISDA. RISDA berperanan sebagai agensi yang menyalurkan bantuan Tanam Semula kepada agensi pelaksana dalam membangunkan program RTBB dan juga program Tanam Semula. Selain daripada RISDA, terdapat beberapa agensi penaja lain di bawah MEA iaitu seperti Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA), dan juga Unit Perancang Ekonomi (UPE) dan Ekuiti Nasional Berhad atau lebih dikenali sebagai *Ekuinas* yang turut berfungsi sebagai agensi penaja bagi program RTBB.

3. Kajian Literatur

Objektif bab ini adalah untuk membincangkan tentang sorotan kajian lepas yang berkaitan dengan tajuk kajian ini iaitu ‘Keberkesanan perlaksanaan program Rancangan Tanam Baru Berkelompok terhadap penduduk Tanah Merah, Kelantan’. Sorotan kajian ini adalah mengenai faktor-faktor kejayaan atau kegagalan tentang program RISDA atau program yang hampir dengannya. Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat, pertanian bermaksud perihal bertani atau perusahaan bercucuk tanam. Petani pula merujuk kepada orang yang pekerjaannya bercucuk tanam atau mengusahakan tanah.

Pertanian secara umumnya merangkumi segala sektor pertanian, perikanan, ternakan dan perladangan yang bertujuan untuk memenuhi makanan dan pemakanan yang dapat meningkatkan pendapatan atau kebajikan kepada masyarakat. Berdasarkan kajian Nik Adela M (2019), perkembangan pesat sektor pertanian di Malaysia boleh dikaitkan dengan keadaan alam semula jadi yang mempunyai tanah kaya dengan mineral, corak taburan hujan yang baik dan bekalan air yang mencukupi untuk pertumbuhan tanaman. Menurut kajian Saeed Solaymani (2017) pula menyatakan bahawa memandangkan Malaysia terletak dalam cuaca yang basah, tanamannya amat sensitif terhadap kerpasan dan suhu biasa manakala kesan terhadap pertanian akan berbeza daripada satu tanaman dengan tanaman yang lain.

Sehubungan dengan itu, kerajaan Malaysia telah merancang pelbagai program yang berkaitan dengan aktiviti pertanian. Berdasarkan kajian Norsiah Bt. Mohd Noor (1994), pelbagai projek pertanian telah ditubuhkan dari pelbagai agensi seperti Jabatan Pertanian, Kementerian Belia dan Sukan, Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah (RISDA) dan Lembaga Penyatuan dan Pemulihan Tanah Negara (FELCRA). Selain daripada agensi kerajaan, terdapat juga pertubuhan-pertubuhan sukarela yang menjalani aktiviti pertanian seperti Pergerakan Belia 4B. Program-program ini dapat membantu rakyat Malaysia dan dapat meningkatkan pendapatan mereka. Oleh yang demikian, terdapat beberapa faktor kejayaan berkaitan program pertanian ini.

Antara faktor kejayaan dan keberkesanan berkaitan program pertanian ini ialah tenaga pengajar yang memberi latihan kepada peserta. Merujuk kepada dapatan hasil kajian daripada keberkesanan kursus pembelajaran sepanjang hayat dengan pekebun kecil RISDA yang ditulis oleh Suganti Ealangov, Asma Laili Bt. Md Hanafiah, dan Siti Rahayu bt. Sheikh Abdullah (2018), mendapati bahawa kompetensi tenaga pengajar yang memberi latihan kepada peserta RISDA berada pada tahap yang tinggi iaitu nilai skor min adalah sebanyak 3.50. Hal ini menunjukkan tenaga pengajar yang berpengalaman dan berkemahiran dalam melatih peserta kursus dapat meningkatkan pengetahuan pesertanya. Di samping itu, peserta ini juga lebih berkeyakinan selepas menghadiri kursus yang telah dilaksanakan.

Selain itu, kajian yang bertajuk Impak Perlaksanaan Projek Teknologi Pertanian Tepat mendapati bahawa teknologi berperanan penting dalam sektor pertanian untuk menjadikannya lebih moden dan berinovasi tinggi. Kajiannya juga menjelaskan bahawa teknologi pertanian pintar serta teknologi maklumat (ICT) dalam pengurusan ladang seperti rangkaian sensor tanpa wayar mampu meningkatkan kecekapan dan mengurangkan kebergantungan tenaga kerja. Respondennya juga bersetuju dengan penggunaan teknologi pertanian yang tepat mampu mengatasi atau mengurangkan masalah-masalah pembaziran baja, racun perosak, kerataan tanah serta ketidakcambahan padi. Oleh itu, teknologi ini mampu mewujudkan paradigma pasaran agromakanan yang baru serta dapat menggantikan sistem tradisional (Arshad Shamsudin, 2007).

Pelaksanaan Program Rancangan Tanam Baru iaitu dalam projek RISDA turut mempunyai kegagalan atau masalah yang dihadapi. Antara masalah yang dihadapi adalah masalah kos dan hak milik. Pelaksanaan projek RISDA memerlukan kos yang tinggi dalam menampung pembangunan dalam rancangan tanam baru. RISDA banyak menggunakan kos dalam memperbaiki mutu hasil tanaman dari mendapat penyakit mahupun kerosakan. Kos untuk membeli bahan kimia seperti racun serangga serta membeli penghalang/pagar haiwan buas dari merosakkan tanaman memerlukan kos yang tinggi sekiranya ingin memperoleh mutu serta kualiti yang terjamin dalam membuahkan hasil yang bermutu tinggi. Selain itu, kos untuk menampung teknologi baharu juga memerlukan kos yang tinggi kerana teknologi yang canggih menggunakan 'material' atau bahan yang berkualiti oleh itu harga barangan meningkat serta kos untuk memperbaiki kerosakan mesin juga tinggi.

Kegagalan yang banyak diperoleh mendapati bahawa Pelaksanaan Program Rancangan Tanam Baru ini kurang mendedahkan secara terperinci kepada masyarakat. Pendedahan tentang keberhasilan projek mereka kurang didedahkan telah mendapat kurang sambutan atau kurang dititikberatkan oleh rakyat terutamanya bagi mereka yang bercucuk tanam. Kekurangan dalam penggunaan ICT seperti dalam media sosial akan mengurangkan keterlibatan rakyat untuk mengenali secara lebih lanjut tentang RISDA. RISDA seharusnya lebih giat mengadakan kempen untuk menarik minat serta menambah ahli peserta dalam mendapat kebajikan serta kebaikan melalui penyertaan di dalam RISDA. Penyebaran dalam media massa seperti Instagram, Facebook dan Tiktok seharusnya digiatkan kerana peranan media sekarang telah berkembang pesat dan pengetahuan rakyat akan lebih mengenali lebih lanjut akan program ini.

4. Kaedah Kajian

4.1 Reka Bentuk Kajian

Dalam menghasilkan kajian ini, penyelidik telah menggunakan kaedah kuantitatif. Pendekatan kuantitatif adalah merupakan kajian yang dapat menghasilkan dapatan kajian yang mengandungi elemen kepercayaan (reliability) dan kesahihan (validity). Oleh itu, pengkaji menggunakan pendekatan kuantitatif sebagai kaedah kajian yang sesuai kerana penggunaan kaedah ini dapat membuktikan kesahihan dengan menggunakan angka, iaitu hasil dapatan atau analisis data yang dijalankan. Pengkaji telah menggunakan reka bentuk kajian bukan eksperimental iaitu kajian kaji selidik di mana pengkaji mengedarkan borang soal selidik kepada sampel atau populasi yang ingin dikaji

4.2 Teknik Pengumpulan Data

Dalam menjalankan kajian ini, penyelidik mengutip data menggunakan borang soal selidik. Seramai 50 orang responden dari kalangan penduduk Tanah Merah, Kelantan terlibat dalam penyelidikan ini. Penyelidik menggunakan platform 'Google Forms' untuk membentuk satu set borang soal selidik dan mengagihkan borang soal selidik yang telah siap direka untuk diberikan kepada 50 orang responden yang terpilih melalui aplikasi 'Whatsapp'. Terdapat beberapa soalan yang bertepatan dengan objektif kajian disediakan dalam borang soal selidik tersebut. Setelah data yang dikumpul telah mencapai bilangan yang ditetapkan, penyelidik menganalisis hasil data yang diperolehi untuk membincangkan sama ada ada program yang dilaksanakan mencapai objektif ataupun tidak. Penyelidik juga membuat beberapa rujukan kajian lepas melalui jurnal-jurnal ilmiah untuk mendapatkan lebih banyak data mengenai penyelidikan lepas yang dijalankan.

5. Dapatan Kajian

5.1 Demografi Responden

5.1.1 Demografi Responden Mengikut Jantina dan Umur

Jadual 1: Latar Belakang Responden Mengikut Jantina dan Umur

Bil	Kategori	Bilangan (orang)	Peratusan (%)	
1.	Jantina	Lelaki	31 orang	62
		Perempuan	19 orang	38
2.	Umur	20 - 29 tahun	19 orang	38
		30 - 39 tahun	11 orang	22
		40 - 49 tahun	13 orang	26
		50 tahun ke atas	12 orang	24

Berdasarkan jadual di atas, seramai 50 orang penduduk kampung di daerah Tanah Merah, Kelantan telah disoal selidik dan mencatatkan 31 orang responden lelaki bersamaan dengan 62% dan orang responden perempuan pula mencatatkan seramai 19 orang bersamaan dengan 38%.

Seterusnya, daripada 30 orang responden yang disoal selidik, responden yang berumur 20-29 tahun mencatatkan peratusan tertinggi iaitu sebanyak 28% kemudian diikuti dengan responden berumur 40-49 tahun dengan peratusan sebanyak 26%. Responden yang berumur 50 tahun ke atas tahun pula mencatatkan 24% dan peratusan paling sedikit dicatat oleh responden yang berusia 30-39 tahun dengan peratusan sebanyak 22%.

5.1.2 Latar Belakang Responden Mengikut Status Perkahwinan dan Pekerjaan

Jadual 2: Latar Belakang Responden Mengikut Status Perkahwinan dan Pekerjaan

Bil	Kategori	Bilangan (orang)	Peratusan (%)	
1.	Status perkahwinan	Berkahwin	29 orang	58
		Tidak berkahwin	16 orang	32
		Janda	3 orang	6
		Duda	2 orang	4
2.	Pekerjaan	Kerajaan	3 orang	6
		Swasta	4 orang	8
		Bekerja Sendiri	31 orang	62
		Tidak Bekerja	12 orang	24

Jadual menunjukkan demografi responden mengikut status perkahwinan dan pekerjaan. Dari segi status perkahwinan, 29 orang responden yang berkahwin mencatatkan peratusan sebanyak 58%, manakala sebanyak 32% bersamaan dengan 16 orang responden dicatatkan oleh responden yang tidak berkahwin. Seterusnya, 6% dicatatkan oleh 3 orang responden yang berstatus janda dan 2 orang bersamaan dengan 4% dicatat oleh responden yang berstatus duda.

Dari sudut pekerjaan, responden yang bekerja sendiri mencatatkan peratusan tertinggi iaitu sebanyak 62% bersamaan 31 orang kerana kebanyakan penduduk desa mengusahakan perniagaan dan begitu juga pekebun kecil yang tidak terikat dengan mana-mana pihak. Kemudian diikuti dengan responden yang tidak bekerja iaitu sebanyak 24% bersamaan 12 orang. Manakala 3 orang responden yang bekerja dalam sektor kerajaan mencatatkan sebanyak 6% dan 8 % bersamaan dengan 4 orang telah dicatatkan oleh responden yang bekerja dalam sektor swasta.

5.2 Kejayaan Program



Rajah 1: Kejayaan Program dalam Mecipai Matlamatnya Mengikut Pandangan Responden

Berdasarkan carta pai di atas, sebanyak 62% atau 31 orang responden telah menandakan ‘Sangat Setuju’ bahawa Program Rancangan Tanam Baru Berkelompok berjaya mencapai matlamatnya iaitu untuk membantu golongan petani kecil. Peratusan ini menunjukkan peratusan yang paling tinggi. Peratusan kedua tertinggi adalah ‘Setuju’ iaitu seramai 14 orang responden (28%) setuju dengan matlamat RISDA bagi membantu golongan petani ini. Namun begitu, terdapat juga responden yang ‘Tidak Setuju’ dan ‘Sangat Tidak Setuju’ dan masing-masing adalah sebanyak 2 orang responden (4%) dan 3 orang responden (6%) dengan kenyataan bahawa program RISDA ini tidak berjaya mencapai matlamatnya iaitu untuk membantu golongan petani kecil.

5.3 Faktor Yang Menyumbang Kepada Kejayaan Program Rancangan Tanam Baru Berkelompok

Umum kita ketahui bahawa setiap kejayaan yang diperolehi oleh peserta-peserta di dalam program yang dilaksanakan oleh RISDA atau agensi-agensi lain adalah disebabkan banyak faktor sama ada dari segi peningkatan tahap teknologi, pendedahan yang sistematik dan lain-lain. Oleh itu, bab ini akan membincangkan dengan lebih terperinci apakah kejayaan atau kegagalan yang diperolehi oleh responden sepanjang menyertai program Rancangan Baru Berkelompok dan bab ini juga membincangkan apakah antara faktor-faktor yang membawa kepada kejayaan program tersebut kepada mereka.



Rajah 2: Kejayaan Program yang Diperolehi oleh Responden

Daripada 50 responden yang mengambil bahagian dalam borang soal selidik yang disediakan oleh pengkaji, hasil mendapati 45 responden menyatakan beberapa kejayaan yang mereka perolehi apabila menyertai program Rancangan Tanam Baru Berkelompok (RTBB). Berdasarkan kajian yang dibuat mendapati 13 responden iaitu sebanyak 26% daripada bilangan keseluruhan responden menyatakan bahawa antara kejayaan yang mereka perolehi apabila mereka menyertai program Rancangan Tanam Baru Berkelompok yang diperkenalkan oleh Risda adalah mereka memperoleh kemahiran penggunaan teknologi pertanian moden. Seramai 12 responden iaitu sebanyak 24% daripada bilangan keseluruhan responden menyatakan bahawa kejayaan yang mereka perolehi hasil dari penyertaan mereka dalam program tersebut adalah program tersebut membantu meningkatkan pendapatan dan taraf hidup mereka. Tidak kurang juga jumlah iaitu seramai 9 responden yang mengambil bahagian iaitu sebanyak 18% daripada bilangan keseluruhan responden menyatakan kejayaan yang mereka dapat perolehi apabila menyertai program tersebut adalah program tersebut telah membuka peluang pekerjaan kepada mereka. Hal ini selari dengan dapatan yang diperolehi iaitu kebanyakan responden yang menyatakan banyak peluang pekerjaan dapat diwujudkan adalah dari kalangan muda. Seramai 6 responden iaitu sebanyak 12% daripada bilangan keseluruhan responden menyatakan kejayaan yang mereka perolehi apabila menyertai program pertanian tersebut adalah program tersebut membolehkan segala masalah berkaitan pertanian dapat diatasi. Seramai 5 responden iaitu sebanyak 10% daripada bilangan keseluruhan responden menyatakan bahawa kejayaan yang mereka perolehi hasil dari penyertaan mereka dalam program tersebut adalah program tersebut dapat meningkatkan jumlah hasil pengeluaran pertanian yang mereka jalankan secara berkelompok. Seramai 5 responden juga iaitu sebanyak 10% daripada bilangan keseluruhan responden menyatakan bahawa program yang dijalankan iaitu program Rancangan Tanam Baru Berkelompok tidak membawa sebarang kejayaan kerana bagi mereka, program yang mereka sertai adalah gagal dan tidak memberi sebarang kebaikan kepada mereka.



Rajah 3: Kegagalan Program yang Diperolehi oleh Responden

Daripada 50 responden pula yang mengambil bahagian dalam borang soal selidik yang disediakan oleh pengkaji, hasil mendapati 19 responden menyatakan beberapa kegagalan yang mereka perolehi apabila menyertai program Rancangan Tanam Baru Berkelompok (RTBB). Berdasarkan kajian yang dibuat mendapati 6 responden iaitu sebanyak 12% daripada bilangan keseluruhan responden menyatakan bahawa antara kegagalan yang mereka perolehi apabila mereka menyertai program Rancangan Tanam Baru Berkelompok yang diperkenalkan oleh Risda adalah mereka masih tidak mahir dalam penggunaan teknologi pertanian moden. Seramai 6 responden juga iaitu sebanyak 12% daripada bilangan keseluruhan responden menyatakan bahawa kegagalan yang mereka perolehi hasil dari penyertaan mereka dalam program tersebut adalah program tersebut tetap tidak dapat meningkatkan pendapatan dan taraf hidup mereka. Tidak kurang juga jumlah iaitu seramai 5 responden yang mengambil bahagian iaitu sebanyak 10% daripada bilangan keseluruhan responden menyatakan kegagalan yang mereka dapat perolehi apabila menyertai program tersebut adalah walaupun mereka menyertai program rancangan tersebut, pertanian yang mereka jalankan iaitu secara berkelompok masih kerap dilanda masalah. Seramai seorang responden iaitu sebanyak 2% daripada bilangan keseluruhan responden menyatakan kegagalan yang mereka perolehi apabila menyertai program pertanian tersebut adalah tidak berlaku pertambahan dalam hasil pengeluaran pertanian yang mereka jalankan. Seramai seorang juga responden iaitu sebanyak 2% daripada bilangan keseluruhan responden menyatakan bahawa kegagalan yang mereka perolehi hasil dari penyertaan mereka dalam program tersebut adalah peluang pekerjaan masih lagi terhad walaupun wujudnya program tersebut. Seramai 31 responden juga iaitu sebanyak 62% daripada bilangan keseluruhan responden menyatakan bahawa program yang dijalankan iaitu program Rancangan Tanam Baru Berkelompok tidak membawa sebarang kegagalan kerana bagi mereka, program yang mereka sertai adalah sememangnya berjaya dan memberi pelbagai kebaikan kepada mereka.

Jumlah responden yang menyatakan kejayaan-kejayaan yang mereka perolehi apabila terlibat dengan program Rancangan Tanam Baru Berkelompok di dalam borang soal selidik tersebut adalah lebih ramai iaitu seramai 45 responden berbanding jumlah responden yang menyatakan kegagalan-kegagalan yang mereka perolehi apabila terlibat dengan program tersebut

iaitu hanya seramai 19 responden. Ini jelas menunjukkan bahawa program Rancangan Tanam Baru Berkelompok yang dijalankan dalam kalangan penduduk di Tanah Merah, Kelantan adalah berjaya. Aktiviti yang dijalankan dianggap berkesan dan berjaya membawa pembaharuan dalam kehidupan mereka.



Rajah 4: Faktor Penyumbang kepada Kejayaan Pelaksanaan Program Mengikut Pandangan Responden

Berdasarkan rajah di atas, menunjukkan beberapa faktor yang menjadi penyumbang kepada kejayaan pelaksanaan program ini. Seramai 18 orang responden iaitu bersamaan dengan 36 % memilih faktor penyediaan modal dan keperluan pertanian. Faktor ini adalah pemangkin dan fokus utama bagi kejayaan program ini untuk memberi peluang kepada petani untuk mendapatkan bantuan yang sepatutnya. Manakala bagi faktor penggunaan teknologi yang lebih moden disokong oleh 10 orang responden. Hal ini demikian kerana penggunaan teknologi moden baik dari segi peralatan atau pemilihan benih tanaman memberi satu langkah yang baru bagi petani untuk menjalankan aktiviti pertanian mereka dengan lebih cepat dan bermutu tinggi. Melalui program ini, pendedahan yang terperinci akan diberikan kepada masyarakat tentang matlamat dan tujuan program ini untuk menjayakan program tersebut. Jadi, seramai 5 orang responden bersamaan dengan 10% yang menyokong faktor ini. Bagi faktor penggunaan teknik penanaman yang lebih sistematik dan faktor saranan kerajaan, dua-dua faktor ini disokong oleh 7 orang responden (14%). Penggunaan teknik penanaman yang sistematik dapat membantu petani untuk menghasilkan jumlah hasil tanaman yang banyak mengikut musim dan juga dapat menjaga kesuburan tanah dengan betul. Program ini juga merupakan saranan kerajaan untuk membantu penduduk di luar bandar dalam meningkatkan taraf hidup mereka ke arah yang lebih baik. Dan juga 5 orang responden yang mengatakan tidak berkaitan mungkin mereka tidak bersependapat dalam kejayaan program ini.



Rajah 5: Faktor Penyumbang kepada Kegagalan Pelaksanaan Program Mengikut Pandangan Responden

Rajah di atas menunjukkan faktor yang menyumbang kepada kegagalan pelaksanaan program tersebut. Berdasarkan rajah ini seramai 10 orang responden yang menyatakan tiada pendedahan yang terperinci kepada masyarakat. Hal ini mungkin disebabkan oleh cara penyampaian maklumat dan matlamat program yang kurang jelas kepada masyarakat. Seperti yang kita tahu majoriti masyarakat terdiri daripada golongan 40 an jadi pihak penganjur perlu memberi perincian yang lebih mudah untuk difahami. Selain itu, seramai 5 orang responden bersamaan dengan 10% yang bersetuju dengan modal dan keperluan pertanian tidak disediakan secukupnya yang menjadi salah satu faktor kegagalan program ini. Peruntukan untuk menjalankan program ini telah diberikan mengikut kapasiti masyarakat yang tinggal di luar bandar mungkin disebabkan beberapa faktor dalaman yang memungkinkan penerimaan modal yang sepatutnya diberikan. Bagi faktor tiada saranan kerajaan, penggunaan teknik penanaman yang tidak efisien dan juga masih menggunakan peralatan pertanian tradisional menunjukkan hanya seorang sahaja yang berpendapat sedemikian. Dan selebihnya iaitu seramai 32 orang responden yang menyatakan bahawa faktor-faktor di atas tidak berkaitan yang membawa maksud mereka ini bersetuju dengan pelaksanaan program ini kepada masyarakat.

6. Perbincangan

6.1 Pandangan Ahli Kumpulan Pertama

Berdasarkan dapatan kajian responden di Tanah Merah, Kelantan menunjukkan bahawa peratusan paling tinggi terhadap kejayaan pelaksanaan program RISDA bersetuju bahawa program ini akan menyebabkan responden dapat memperoleh kemahiran penggunaan teknologi pertanian moden. Hal ini kerana penggunaan teknologi mampu meningkatkan produktiviti dan hasil pengeluaran dalam sektor pertanian. Sebagai contoh, dengan menggunakan teknologi 'Low intensity tapping system (LITS), petani kecil di Tanah Merah hanya perlu menorah getah beberapa hari seminggu untuk mendapatkan hasil yang banyak. Tambahan pula, mereka juga dapat mengurangkan impak kepada alam sekitar kerana penggunaan teknologi moden juga mampu menyeimbangkan ekosistem semula jadi.

6.2 Pandangan Ahli Kumpulan Kedua

Seperti yang dapat kita lihat bahawa meningkatkan pendapatan dan taraf hidup merupakan kejayaan yang paling banyak dicapai dan diperolehi oleh responden. Ini dapat membuktikan bahawa tujuan dan objektif sebenar program Rancangan Tanam Baru Berkelompok dijalankan adalah untuk membantu penduduk-penduduk Tanah Merah yang mengalami atau menghadapi masalah kewangan menyelesaikan masalah kewangan tersebut. Ini kerana apabila kerajaan memberi pelbagai bantuan dan menyediakan pelbagai kemudahan untuk penduduk menjalankan aktiviti pertanian seperti peralatan canggih dan tanah untuk dimajukan, peserta yang terlibat akan dapat meningkatkan hasil pertanian mereka berbanding hasil pertanian yang mereka perolehi sebelum mereka melibatkan diri dalam program tersebut. Peralatan canggih yang dibekalkan oleh RISDA bukan sahaja mampu meningkatkan kuantiti hasil pertanian, namun ianya juga mampu meningkatkan kualiti hasil pertanian mereka. Apabila kuantiti hasil pertanian meningkat, peserta dapat menjana pendapatan yang lebih lumayan. Begitu juga apabila kualiti hasil pertanian meningkat, permintaan terhadap hasil pertanian mereka meningkat dengan mendadak dan peserta juga mampu memasarkan hasil mereka dengan lebih banyak. Apabila mereka dapat menjana pendapatan dengan lebih banyak, taraf hidup peserta yang terlibat juga meningkat. Oleh itu, sebahagian besar responden berpandangan bahawa program Rancangan Tanam Baru Berkelompok merupakan satu kejayaan yang mampu mengubah tahap kehidupan mereka.

Dari aspek faktor yang menjadi penyumbang kepada kejayaan program Rancangan Tanah Baru Berkelompok terhadap penduduk, kita dapat lihat bahawa penyediaan modal dan keperluan pertanian merupakan faktor terbesar yang menyumbang kepada kejayaan atau keberkesanan program tersebut. Ini dapat membuktikan bahawa ketiadaan modal dan alat-alatan yang canggih untuk merancang pertanian yang efektif menjadi penghalang untuk mereka meningkatkan hasil tanaman dan mengembangkan bidang pertanian yang diceburi. Hal ini juga mungkin berpunca daripada masalah kewangan yang dihadapi oleh penduduk Kampung Tanah Merah yang menyebabkan mereka tidak berpeluang untuk melakukan perkara sedemikian. Apabila RISDA mengambil langkah memberi suntikan modal kepada penduduk untuk menyertai Program rancangan tersebut, penduduk atau peserta yang terlibat dapat memulakan pelbagai sistem pertanian yang berkesan. Oleh itulah, sebahagian besar responden meletakkan penyediaan modal sebagai faktor terbesar mereka berjaya dalam pelaksanaan program tersebut.

6.3 Pandangan Ahli Kumpulan Ketiga

Dapatan kajian yang diperoleh melalui 50 responden, sebanyak 31 orang mewakili 62% dalam keberkesanan pelaksanaan Program Rancangan Tanam Baru Berkelompok di Tanah Merah, Kelantan mendapati bahawa program ini banyak memberi kesan yang positif pada kalangan penduduk setempat. Keberkesanan yang dijalankan oleh RISDA telah membuka mata sedar menyedarkan bahawa banyak kepentingan dan kebaikan yang diperolehi sekiranya mempunyai ilmu dalam bertanam. Rakyat di Kelantan turut memperoleh lebih banyak keuntungan kerana RISDA telah memperkenalkan teknologi baharu atau dikenali sebagai teknologi moden menukarkan kaedah bercucuk tanam secara tradisional dahulu. Teknologi yang diperkenalkan dapat membantu rakyat dalam memperoleh kualiti tanaman yang bagus serta masa mereka untuk mendapat hasil turut singkat.

Penyumbang kepada keberkesanan RISDA ini dapat kita ulaskan bahawa faktor utama ialah penyediaan modal dan keperluan pertanian kepada penduduk. Rakyat lebih mudah menyertai program ini kerana mereka boleh menjalankan pertanian mereka tanpa merisaukan tentang hal kewangan untuk membeli barangan-barangan yang berasaskan pertanian. RISDA memberi bantuan kewangan ini bagi membantu rakyat untuk memperoleh ilmu serta kaedah pembaharuan dari segi pertanian agar dapat berdaya saing dengan negara luar serta menjaga mutu keluaran negara.

6.4 Pandangan Ahli Kumpulan Keempat

Pada pendapat saya, Program Rancangan Tanam Baru Berkelompok ini sememang telah mencapai matlamat dan tujuannya. Berdasarkan faktor-faktor yang dikemukakan oleh masyarakat terhadap program ini adalah sangat membantu mereka dalam mengusahakan tanah pertanian mereka ke arah yang lebih moden. Pada zaman yang serba moden ini, penggunaan teknologi moden adalah sangat membantu para petani dalam menguruskan tanah pertanian mereka baik dari segi pemilihan benih yang berkualiti mahupun peralatan tani yang moden. Hal ini demikian kerana penggunaan teknologi moden dengan kaedah sistem penanaman yang sistematik dapat membantu petani dalam menghasilkan hasil tanaman yang lebih cepat dan bermutu tinggi. Dengan ini, petani dapat menjual hasil tanaman di pasar-pasar berdekatan atau di seluruh negeri. Secara tidak langsung, program ini telah membantu petani dalam meningkatkan taraf hidup mereka.

Meskipun begitu, terdapat juga golongan petani yang tidak mahir dalam penggunaan teknologi moden jadi salah satu langkah untuk memudahkan mereka, kerajaan perlu menyediakan pekerja untuk membantu mereka menggunakan peralatan ini sehingga mereka mahir. Secara tidak langsung, kejayaan program ini dapat meningkatkan ekonomi negara jika hasil atau mutu pertanian yang berkualiti tinggi. Pelbagai pihak mendapat keuntungan daripada program ini.

6.5 Pandangan Ahli Kumpulan Kelima

Pada pandangan saya, program Rancangan Tanam Baru Berkelompok yang dianjurkan oleh pihak RISDA telah mencapai matlamat mereka dalam membantu penduduk desa dalam meningkatkan taraf hidup ke arah yang lebih baik. Malah program ini sekali gus membantu penduduk desa kerana mereka kebanyakannya tidak mempunyai pekerja akan tetapi mempunyai tanah tanpa diusahakan. Oleh itu, pihak RISDA telah memandangkan bahawa ia satu peluang kepada negara dalam meningkatkan sektor pertanian walaupun kini yang negara tumpu adalah kepada sektor perindustrian. Namun begitu, tanpa bahan mentah sektor perindustrian tidak dapat beroperasi.

Kejayaan program disebabkan oleh usaha yang diperkenalkan oleh RISDA seperti pihak RISDA telah menyediakan modal dan bantuan peralatan kepada pekebun kecil. Perkara ini mendorong pekebun kecil dalam sentiasa bersemangat kerana ketiadaan modal serta bantuan lain seperti baja dan latihan kursus menyebabkan pekebun kecil tidak dapat mengusahakan tanah mereka.

7. Kesimpulan

Program Tanam Baru Berkelompok yang dianjurkan oleh RISDA telah berjaya dan mencapai matlamat seperti mana perancangan awal dan program ini juga mendapat sambutan yang baik dalam kalangan penduduk desa terutamanya pekebun kecil. Program ini telah membuah hasil apabila taraf hidup pekebun kecil iaitu golongan B40 telah dipertingkatkan dalam memperoleh kehidupan ke arah yang lebih baik. Usaha yang dijalankan oleh pihak RISDA amat membantu pekebun kecil dalam mengusahakan kebun getah mereka dengan kaedah-kaedah yang selari dengan perkembangan teknologi. Kaedah yang diperkenalkan telah membantu pekebun kecil dalam meningkatkan hasil pengeluaran mereka. Hal ini sekali gus telah membantu dalam perkembangan ekonomi negara dalam sektor pertanian. Oleh itu, program-program seperti ini wajar diperbanyakkan kerana ianya bukan hanya membantu penduduk desa akan tetapi turut menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negara.

8. Rujukan

- AdelahM, N. (2019) Kegiatan Pertanian Dalam Pembangunan dari Perspektif Islam.
https://www.academia.edu/38740964/KEGIATAN_PERTANIAN_DALAM_PEMBANGUNAN_DARI_PERSPEKTIF_ISLAM
- Ayob, M. A. (2019). RISDA berjaya lahirkan ramai usahawan tempatan di Sarawak. *From Utusan Borneo Online*: <https://www.utusanborneo.com.my/2019/12/22/risda-berjaya-lahirkan-ramai-usahawan-tempatan-di-sarawak>
- Ealangov, S., Hanafiah, A. L. M., & Abdullah, S. R. S. (2018). Keberkesanan Kursus Pembelajaran Sepanjang Hayat Dengan Pekebun Kecil Risda. *Politeknik & Kolej Komuniti Journal of Life Long Learning*, 2(1), 121-130.
[file:///C:/Users/acer/Downloads/4709-805-15813-1-10-20181231%20\(1\).pdf](file:///C:/Users/acer/Downloads/4709-805-15813-1-10-20181231%20(1).pdf)
- Noor, N. B. M. (1994). Komitmen Bella Tani Dalam Projek Pertanian Di Negeri Selangor Dan Faktor-Faktor Yang Berkaitan Dengannya.
<https://core.ac.uk/download/pdf/43000908.pdf>
- Nor Amna A'liah Mohammad Nor, Nurul Huda Sulaiman, Syahrin Suhaimee, Rashid Rabu, . (n.d.). Kajian Impak (Sosioekonomi) Pelaksanaan Projek. From
<http://etmr.mardi.gov.my/Content/Report/2016/Bab%208%20105-114%20M.S.pdf>
- Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah. (2022, Jun Ahad). Retrieved from Portal Rasmi: <https://www.risda.gov.my/my/perkhidmatan/tanam-semula>
- Profil RISDA*. (2022, Mei Selasa). Retrieved from Portal Rasmi Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah :
<https://www.risda.gov.my/my/mengenai-risda/profil>
- RISDA. (n.d.). Retrieved from UM Student's Repository:
http://studentsrepo.um.edu.my/758/4/chapter_3.pdf
- RISDA. (2022, April). Retrieved from Wikipedia, Ensiklopedia Bebas:
<https://ms.wikipedia.org/wiki/RISDA>
- Shaffie, A. (1983). Maklumat Pertanian Malaysia. *Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun* , 1-24
- Saeed, S. (2016). Impacts of Climate Change on Food Security and Adaptation Options for Smallholder Farmers in Malawi <https://tinyurl.com/2p99rmh8>

Optimalisasi Penggunaan Dana Desa Melalui Program Pemberdayaan Petani Milenial Untuk Mewujudkan Ketahanan Pangan Dan Tujuan SDGS Desa

Alycia Putri Febriani¹, Dewi Widya Ningrum², Vita Indriyani Marchanda³

^{1,2,3}State University of Surabaya, Indonesia

Email: ¹alyciafebriani27@gmail.com

Abstract

4.1.4 Pengurusan Masa yang Efisien

Selain itu, senario yang berkaitan dengan kejayaan syarikat Giatmara Kangar adalah mengenai aspek pengurusan masa yang efisien. Menurut kajian Oburu (2020) pengurusan masa adalah satu tindakan merancang, menjadualkan dan melaksanakan mengikut masa yang telah ditetapkan. Hal ini demikian kerana pengurusan masa adalah salah satu aspek yang paling dititikberatkan yang menyebabkan syarikat Giatmara Kangar ini tidak berhadapan dengan masalah ketika menguruskan pelaksanaan Projek Perumahan Rakyat Termiskin (PPRT). Aspek pengurusan masa yang efisien ini merupakan suatu perkara yang perlu diberi perhatian oleh setiap pengurus dalam melaksanakan sesuatu projek. Seperti yang dikatakan oleh Encik Syamsul, syarikat Giatmara Kangar ini tidak berhadapan dengan masalah kelewatan atau melebihi tempoh masa ketika melaksanakan projek kerana sangat memberi penekanan terhadap pengurusan masa yang efisien. Menurut Encik Syamsul lagi, Giatmara Kangar mempunyai standardnya tersendiri di mana proses awal perlu dititikberatkan iaitu pertama perancangan seperti yang diberitahu, yang kedua adalah penjadualan di mana perlu ada tempoh masa yang tepat dalam menyiapkan projek. Buktinya, pengurus projek telah menggunakan Carta Gantt untuk menentukan tempoh masa bagi menyiapkan projek PPRT Bintong. Oburu (2020) turut menyatakan penjadualan adalah seni merencana dan mereka bentuk aktiviti supaya projek dapat mencapai matlamat serta keutamaan yang diinginkan dalam masa dan kos yang ditetapkan. Oleh yang demikian, penekanan terhadap aspek pengurusan masa yang efisien amat penting dalam sesebuah syarikat bagi memastikan setiap projek yang dilaksanakan dapat berjalan lancar dan teratur serta menyiapkan dalam tempoh masa yang ditetapkan. Jelaslah, pengurusan masa yang efisien merupakan sumber kejayaan Giatmara dalam pembinaan PPRT Bintong, Perlis.

4.2 Justifikasi Aspek Penekanan

4.2.1 Tenaga Buruh Kemahiran

Tenaga buruh berkemahiran merupakan salah satu tunggak dalam menjayakan penglibatan Giatmara dalam projek PPRT di Bintong, Perlis. Hal ini demikian kerana buruh yang digunakan untuk menjayakan projek ini adalah terdiri daripada pelatih-pelatih Giatmara yang telah dilengkapi dengan pelbagai pengetahuan dan kemahiran berkaitan sektor pembinaan dan pendawaian elektrik. Penglibatan pelatih-pelatih Giatmara ini telah melancarkan proses perancangan, pelaksanaan serta akhiran. Perkara ini dapat dibuktikan melalui temubual yang telah dijalankan bersama informan selaku pengurus projek. Menurut beliau, sumber kejayaan utama dalam projek PPRT Bintong adalah tenaga buruh yang mahir kerana dapat menyiapkan pembinaan rumah dengan cepat serta berinovasi.

“... buruh yang mahir penting kerana pengalaman mereka tersebut digunakan dalam menyiapkan rumah secara mudah lebih cepat rumah tu akan siap...”

Oleh yang demikian, penglibatan pelajar-pelajar Giatmara dalam pelaksanaan projek berkenaan telah berjaya meminimalkan risiko kerugian akibat daripada kerja-kerja ulangan atau pembetulan serta melebihi tempoh masa. Kajian yang telah dijalankan oleh Malik et al. (2021)

turut menyatakan bahawa tahap pengetahuan dan pengalaman tenaga kerja mahir berupaya melaksanakan sesuatu pekerjaan dengan baik serta menyerap penggunaan teknologi baru dengan cepat. Justeru, projek PPRT di Bintong berjaya disiapkan dengan cepat, tepat pada masanya serta mengikut spesifikasi yang telah ditetapkan oleh penaja. Jelaslah, tenaga buruh mahir merupakan sumber kejayaan Giatmara dalam projek PPRT Bintong serta di sekitar negeri Perlis.

4.2.2 Pengurusan Organisasi yang Cemerlang

Pengurusan organisasi amat penting dalam menentukan kejayaan pengurusan projek PPRT Bintong. Hal ini demikian kerana setiap perkara yang dilakukan bermula daripada pengurusan organisasi yang menetapkan perjalanan sesuatu projek. Hal ini turut dinyatakan oleh informan iaitu Encik Syamsul yang mengatakan seperti berikut.

“..dalam pengurusan organisasi ni kita akan sediakan carta organisasi dalam fail projek. Setiap bahagian tersebut mempunyai peranan tersendiri, kiranya peranan setiap bahagian tidak boleh kacau bahagian lain sebab mereka tu mempunyai kemahiran masing-masing, kemahiran sendiri, jadinya tak perlu kacau..... Pengurusan organisasi ni akan ada seorang akan berfungsi untuk membuat pemantauan sepanjang projek tersebut berlangsung dengan melihat kualiti pembinaan tersebut.”

Hal ini menjelaskan bahawa faktor pengurusan organisasi yang cemerlang menyumbang kepada kejayaan pengurusan projek PPRT ini. Hal ini menunjukkan bahawa Encik Syamsul mempunyai ciri-ciri kepimpinan yang tinggi. Menurut kajian Hassan et al. (2009) menyatakan bahawa kepimpinan yang baik merupakan faktor pendorong kepada pencapaian organisasi. Oleh yang demikian, pemimpin yang mempunyai sifat kepemimpinan yang hebat akan membawa sesuatu organisasi menjadi lebih berjaya. Justeru, Encik Syamsul selaku pengurus projek telah berjaya mewujudkan pihak pengurusan organisasi yang baik serta cekap bagi membantu menjayakan projek PPRT Bintong. Jelaslah, pengurusan organisasi yang cemerlang merupakan faktor kejayaan Giatmara, Kangar dalam projek PPRT.

4.2.3 Pengurusan Kewangan yang Baik

Selain itu, pihak pengurusan projek PPRT Bintong turut mementingkan aspek pengurusan kewangan. Hal ini jelas dapat dilihat apabila projek PPRT dapat diselesaikan dengan jayanya. Pengurusan kewangan dikawal rapi mengikut perancangan yang telah ditetapkan. Hal ini juga disokong oleh dapatan hasil temubual dengan pengurus projek tersebut.

“Dalam carta organisasi kita akan meletakkan seorang individu pada bahagian pengurusan kewangan seperti bendahari..... Beliau merupakan bank duit yang akan mengawal keluar masuk, debit dan kredit, cashflow wang tersebut digunakan untuk membeli bahan binaan.....Setiap resit dan bukti pembelian akan disimpan dan terakhir sekali kita akan membuat audit dalaman berkaitan kewangan supaya tidak berlaku pecah amanah.”

Hal ini jelas menunjukkan bahawa Encik Syamsul menjadi pengurus projek yang baik dimana beliau mampu untuk mengawal dan memantau kewangan dengan rapi. Yasin et al. (2013) turut menyatakan bahawa pelbagai masalah boleh timbul seperti kerugian dan kegagalan tetapi dengan adanya sistem pengurusan kewangan yang berkesan maka pengurusan projek dapat

meningkatkan margin keuntungan bagi sesuatu organisasi. Oleh yang demikian, pelaksanaan PPRT Bintong telah dilaksanakan dengan cekap serta meminimumkan kerugian.

4.2.4 Pengurusan Masa yang Efisien

Pengurusan masa yang efisien merupakan aspek penting bagi memastikan kemajuan pembinaan PPRT Bintong adalah mengikut jadual yang telah ditetapkan. Perkara ini adalah selari dengan kajian yang telah dilakukan oleh Ilyana Bashah (2019) yang menyatakan bahawa perancangan jadual waktu yang baik adalah penting dalam kehidupan seharian. Perkara turut dapat memastikan segala gerak kerja pembinaan PPRT Bintong dijalankan dengan teratur. Perkara ini dapat dibuktikan melalui temubual yang telah dijalankan terhadap informan. Menurut beliau selaku pengurus projek amat mementingkan penjadualan kerja melalui penggunaan carta gantt agar setiap tugas dapat disiapkan dalam tempoh masa yang ditetapkan.

“... Giatmara Kangar mempunyai standard dia sendiri proses awal perlu dititikberatkan yang pertama perancangan seperti yang diberitahu, yang kedua adalah penjadualan di mana saya perlu ada tempoh masa yang tepat dalam menyiapkan projek. Sebagai contohnya, Carta Gantt yang digunakan menentukan tempoh masa menyiapkan sesuatu projek...”

Oleh yang demikian, pengurusan masa yang efisien oleh pengurus projek telah berjaya menyiapkan projek PPRT Bintong dengan cepat serta dalam tempoh masa yang telah ditetapkan.

5. Perancangan Masa Hadapan

Bahagian ini membincangkan tentang perancangan masa hadapan bagi meningkatkan kejayaan pengurusan projek pada masa akan datang.

5.1 Penglibatan Pelatih Giatmara dalam Keseluruhan Projek

Antara perancangan masa hadapan pengurus projek adalah melaksanakan keseluruhan projek PPRT dengan menggunakan pelatih serta graduan Giatmara sahaja. Hal ini demikian kerana pelaksanaan projek PPRT pada masa ini masih melibatkan sebilangan kecil kontraktor-kontraktor luar. Penggunaan tenaga buruh daripada Giatmara dalam pelaksanaan keseluruhan projek daripada perancangan, pembinaan, pemasangan pendawaian, pereka dalaman, sehingga penghasilan dan pemasangan langsir yang melibatkan segala kursus-kursus ditawarkan di Giatmara, Perlis. Perkara ini dapat dibuktikan melalui hasil temubual yang telah dijalankan terhadap informan. Menurutnya, perancangan pada masa hadapan adalah menggunakan kemahiran dan idea-idea pelatih serta graduan Giatmara dalam keseluruhan projek tanpa penglibatan pihak luar.

“...harap projek bina rumah ni kita guna sendiri pelajar kita dalam semua proses lagi mudah....”

Oleh yang demikian, bagi merealisasikan hasrat berkenaan, Giatmara perlulah menawarkan kursus-kursus terkini serta memenuhi kehendak pasaran. Perkara ini penting bagi memastikan para pelajar dan graduan mampu untuk menggalas serta melaksanakan setiap projek dengan sendiri tanpa bantuan pihak luar. Kenyataan ini dapat disokong oleh Sharif (2018) yang

melaporkan bahawa Giatmara akan menawarkan kursus baharu yang lebih kompetitif serta memenuhi kehendak pasaran. Selain itu, Kajian Yahya (2017) turut menyatakan bahawa Giatmara perlu menawarkan dan memperkasakan kursus yang kompetitif seperti “Industrial Maintenance”. Justeru, perkara ini akan merealisasikan impian pengurus projek yang juga bertanggungjawab sebagai Pegawai Kanan Giatmara Perlis. Jelaslah, melibatkan pelatih dan graduan Giatmara dalam keseluruhan projek PPRT merupakan salah satu perancangan masa hadapan.

5.2 Jalinan Kerjasama dengan Pihak Industri

Selain itu, pada masa hadapan diharapkan Giatmara, Kangar dapat menjalinkan hubungan dengan pihak industri secara lebih erat serta meluas dan seterusnya menjadikan industri yang terlibat sebagai tempat latihan kepada pelajar sebelum menghadapi realiti pekerjaan terutamanya dalam bidang kemahiran. Melalui hubungan industri ini, para pelatih dapat memperoleh pelbagai pengalaman yang sebenar dan secara langsung dapat meningkatkan kemahiran dalam bidang yang mereka ceburi. Perkara ini akan turut memastikan pelatih-pelatih serta graduan yang akan terlibat dalam projek-projek PPRT mahupun yang lain pada masa hadapan mampu menggalas sebarang tugas serta melaksanakannya dengan cemerlang. Perkara ini dapat dibuktikan melalui hasil temubual yang dijalankan terhadap informan. Menurut beliau, selaku pengurus projek serta pegawai kanan Giatmara adalah meningkatkan kerjasama dengan pihak industri agar berupaya meningkatkan lagi kemahiran serta mempromosikan keupayaan institusi berkenaan terhadap pasaran.

“... Harapan saya untuk masa depan ni harap pihak GiatMara ni boleh buat gabungan dengan syarikat luar macam kilang ka, syarikat swasta ka yang kena dengan bidang budak giat ni.....”

“...Jalinan industri ni kita dedah terus dengan pelajar dunia sebenar kerja kan senang...”

Perkara ini adalah selaras dengan kenyataan yang dikeluarkan oleh Ketua Pegawai Eksekutif Giatmara yang telah menandatangani kerjasama dengan Malaysia Rail Link Sdn Bhd serta Syarikat Komunikasi dan Pembinaan China bagi melibatkan pelatih-pelatih dalam projek-projek ECRL (Lah, 2017). Justeru, berupaya meningkatkan kemahiran pelatih dan memberi peluang kepada Giatmara, Kangar untuk terlibat dalam setiap projek pembinaan pihak swasta. Jelaslah, perancangan masa depan oleh pengurus projek adalah meningkatkan jalinan kerjasama yang luas dengan pihak industri.

5.2.1 Meningkatkan Kualiti Kerja

Perancangan masa hadapan yang ingin dilakukan oleh pengurus projek adalah meningkatkan kualiti kerja agar Giatmara, Kangar akan terus diberi peluang untuk terlibat dalam projek-projek pembinaan lain di dalam mahupun luar negeri Perlis. Hal ini demikian kerana hasil akhir yang berkualiti akan berupaya menarik perhatian pihak luar dan terus memberikan peluang terhadap Giatmara untuk melaksanakan projek-projek lain sama ada kerajaan atau swasta yang lebih besar di seluruh Malaysia. Perkara ini dapat dibuktikan melalui hasil temubual yang dijalankan terhadap informan iaitu Encik Syamsul selaku pengurus projek. Menurutnya, beliau ingin meningkatkan lagi kualiti dan berharap pihak kerajaan menyedari hasil yang telah dilakukan

serta memberi lebih banyak peluang kepada Giatmara untuk libat sama dalam projek pembinaan di seluruh Malaysia.

“... pada masa depan ni nak tingkatkan lagi kualiti dan diharapkan pihak kerajaan memberi peluang kepada Giatmara untuk membina rumah di luar negeri Perlis...”

Oleh yang demikian, perancangan ini penting bagi meningkatkan lagi peranan Giatmara serta memberi pengalaman yang lebih luas kepada pelatih serta graduan Giatmara dalam bidang yang dipelajari. Justeru, perancangan ini turut dapat mengharumkan lagi nama Giatmara Kangar sehingga ke seluruh Malaysia melalui penglibatan dalam projek-projek kerajaan. Jelaslah, meningkatkan kualiti agar dapat meningkatkan kepercayaan dan libat sama dalam projek lain merupakan perancangan masa hadapan pengurus projek selaku pegawai kanan Giatmara Perlis.

6. Cadangan Penambahbaikan

Bahagian ini membincangkan tentang cadangan untuk membuat penambahbaikan terhadap pengurusan projek akan datang.

6.1 Penggunaan Teknologi Terkini

Antara cadangan penambahbaikan yang boleh diberikan terhadap pengurus projek adalah mengaplikasikan teknologi terkini dalam sesuatu projek termasuk pembinaan pada masa hadapan. Hal ini demikian kerana pelbagai peralatan terkini yang menggunakan kecerdasan buatan serta “Internet of Things (IOT)” dapat memudah serta mempercepatkan lagi sesuatu tugas. Sebagai contoh, Giatmara boleh menggunakan “Building Information Modelling” yang berupaya membina sesuatu projek secara digital terlebih dahulu sebelum melaksanakannya (pbctoday, 2021). Teknologi berkenaan dapat mengurangkan kos, serta membantu pengurus projek untuk menjangka sebarang masalah yang mungkin timbul sewaktu pelaksanaan (Haron et al, 2017). Oleh yang demikian, projek yang dilaksanakan oleh Giatmara dapat dijalankan dengan lebih berkualiti serta cekap. Teknologi terkini turut dapat meningkatkan kemahiran pelatih Giatmara, Kangar. Justeru, pengurus projek perlulah meneliti mengenai penggunaan teknologi dalam projek agar dapat meminimalkan kos serta kerugian di samping meningkatkan kemahiran pelatih. Jelaslah, penggunaan teknologi terkini merupakan cadangan penambahbaikan yang boleh diberikan kepada pengurus projek.

6.2 Mengaplikasi Amalan Lestari dalam Pelaksanaan Projek

Selain itu, cadangan penambahbaikan yang boleh diberikan kepada pengurus projek adalah mengaplikasikan amalan lestari dalam sesuatu projek. Hal ini demikian kerana kebanyakan pengurus projek terutama dalam PPRT akan mengguna dan memasang peralatan yang murah serta mencemarkan alam sekitar bagi menjimatkan kos. Azaman (2019) telah melaporkan bahawa bajet yang diperuntukkan untuk membina PPRT adalah terhad. Perkara berkenaan akan lebih mendorong pengurus projek untuk menggunakan bahan-bahan yang murah serta tidak lestari. Persepsi pengurus projek bahawa pengamalan amalan lestari akan meningkatkan kos adalah salah malah lebih menjimatkan. Kenyataan ini disokong oleh Reddy (2016) yang menyatakan penggunaan kaedah pembinaan yang mesra alam berupaya mengurangkan kos. Sebagai contoh, pengurus projek boleh menjimatkan penggunaan tenaga dengan menggunakan peralatan yang cekap tenaga serta meminimalkan sisa bahan buangan binaan di samping

menggunakan peralatan dan bahan kitar semula atau lebih daripada projek yang lepas. Kenyataan berkenaan dapat disokong dengan kajian yang telah dilakukan oleh Srimayi (2020) yang menyatakan bahawa penggunaan alatan elektronik yang cekap tenaga dapat menjimatkan penggunaan elektrik di samping mengurangkan pencemaran alam. Justeru, pengurus projek perlulah mengaplikasikan amalan ini dalam projek Giatmara, Kangar pada masa hadapan. Jelaslah, pengamalan amalan lestari merupakan salah satu cadangan yang dapat diberikan bagi melakukan penambahbaikan.

6.3 Menaiktaraf Fasiliti dan Peralatan Bengkel

Selain itu, cadangan yang boleh diberikan adalah menaiktaraf fasiliti dan peralatan bengkel Giatmara, Kangar. Perkara ini perlu ditekankan kerana fasiliti yang baik berupaya membangunkan tenaga buruh yang lebih kompeten oleh Giatmara dan seterusnya dapat menyumbang kepada kejayaan sesuatu projek yang diuruskan oleh institusi berkenaan. Setiap projek yang diuruskan oleh Giatmara adalah menggunakan pelatih-pelatih mereka sendiri dan perkara ini akan memberi impak terhadap hasil akhir yang diperolehi. Hal ini demikian kerana kebanyakan fasiliti dan peralatan yang digunakan di hampir kebanyakan Giatmara di seluruh Malaysia telah usang serta perlu menjalani penyelenggaraan. Perkara ini dapat disokong oleh kajian yang dilakukan oleh Yahya (2016) yang menyatakan bahawa sesetengah peralatan yang digunakan oleh bengkel Giatmara adalah telah usang serta perlu digantikan dengan peralatan yang lebih terkini. Manakala menurut Bernama (2012) melaporkan bahawa hampir 60% daripada bangunan yang digunakan oleh Giatmara telah usang serta perlu dinaiktaraf. Oleh yang demikian, penaiktarafan fasiliti terutama berkaitan peralatan bengkel perlu dilakukan dengan segera agar berupaya melahirkan tenaga buruh berkemahiran yang lebih baik serta setanding dengan insitituti TVET yang lain. Menurut Asmui et al. (2012) fasiliti dan persekitaran yang baik akan dapat meningkatkan produktiviti serta mencapai objektif yang telah ditetapkan oleh suatu organisasi. Kenyataan berkenaan turut selaras dengan Ismail et al. (2020) yang menyatakan bahawa persekitaran dan produktiviti buruh mempunyai hubungan yang saling berkait antara satu sama lain. Jelaslah, menaiktaraf fasiliti dan peralatan bengkel merupakan antara cadangan penting yang dapat diberikan kepada pihak Giatmara bagi memastikan projek yang melibatkan institusi berkenaan akan lebih berjaya pada masa hadapan.

7. Rujukan

- Azmi, T., & Salleh, D. (2021). Good Practice Education Program for Technical and Vocational Training in Giatmara in Malaysia Construction Industry. *International Journal of Education, Psychology and Counselling (IJEPC)*, 6(40), 368-378. Retrieved from <http://dx.doi.org/10.35631/IJEPC.6400>
- Asmui, M., Hussin, A., & Paino, H.(2012). The Importance of Work Environment Facilities. *International Journal of Learning & Development*, 2(1), 289-298. Retrieved from <http://dx.doi.org/10.5296/ijld.v2i1.1325>
- Abd Malik, N. F. M., Omar, R., Mohamed, S., & Masrom, M. A. N. (2021). Keupayaan Pekerja Mahir dalam Penyerapan Teknologi Baharu di dalam Pembinaan Lebuhraya Pan Borneo Sabah. *Research in Management of Technology and Business*, 2(1), 1130–1139. Retrieved from <https://publisher.uthm.edu.my/periodicals/index.php/rmtb/article/view/2049>

- Bernama. (2012). GiatMara Rancang Baik Pulih 228 Pusatnya Di Seluruh Negara. Retrieved from <https://peraktoday.com.my/2012/03/giatmara-rancang-baik-pulih-228-pusatnya-di-seluruh-negara/>
- Buntat. Y., Yusof, M. Y., & Rahman, S. A. (2006, December 9-10). Kursus dan Latihan Jangka Pendek dalam memberikan peluang kerjaya pelatih di Pusat Giat Mara: Satu Kajian Kes. In: Seminar, Senai, Johor. Retrieved from <http://eprints.utm.my/id/eprint/1510/>
- Ghazali. M. H. (2010). Pekerja Cemerlang Aset Penting Organisasi. *Buletin Q :Unit Kualiti Dan Produktiviti Bahagian Pentadbiran Dan Kejuruteraan* Retrieved from https://www.risda.gov.my/images/pdf/Penerbitan/Dasar_Kualiti/2010/Bil-2-2010/11.pdf
- GIATMARA. (n.d.). Info Giatmara. Retrieved from <http://giatmara.edu.my/language/ms/profil/>
- Hassan. Z, Silong, A. D & Muslim. N. (2009) Kepimpinan Beretika dan Kecemerlangan Organisasi Dalam Perkhidmatan Awam. *MALIM : Jurnal Pengajian Umum Asia Tenggara (SEA Journal of General Studies)*, 10, 39-52 Retrieved from <http://www.ukm.my/jmalim>
- Haron, N. A., Soh, R. P. Z. A. R., & Harun, A. N. (2021). Implementation of Building Information Modelling (BIM) in Malaysia: A Review. *Pertanika Journal of Science and Technology*. 25(3), 661-674. Retrieved from https://www.researchgate.net/publication/318266244_Implementation_of_building_information_modelling_Bim_in_malaysia_A_revie
- Ismail, S. H., & Ahmad, N. (2020). Hubungan di antara Persekitaran Kerja dan Produktiviti Tenaga Kerja Dalam Sektor Pembuatan. Johor, Malaysia: UTHM. Retrieved from https://www.researchgate.net/publication/346678643_Hubungan_di_Antara_Persekitaran_Kerja_dan_Produktiviti_Tenaga_Kerja_Dalam_Sektor_Pembuatan
- International Labour Organization. (2017). Better Use of Skills in the Workplace: *Why it Matters for Productivity and Local Jobs*. Paris, France: OECD Publishing. Retrieved from <http://dx.doi.org/10.1787/9789264281394-en>
- Jabatan Perangkaan Malaysia. (2020). Guna Tenaga Mengikut Etnik. Retrieved from https://www.dosm.gov.my/v1/uploads/files/6_Newsletter/Newsletter%202020/DOSM_BMP_6-2020_Siri-36.pdf
- Jabatan Perangkaan Malaysia. (2022). Tenaga Buruh Mengikuti Pencapaian Pendidikan, Malaysia/ Negeri, 1982-2021. Retrieved from https://www.dosm.gov.my/v1/index.php?r=column/ctimeseries&menu_id=bnk3bk0wT TkxOXVHaVg3SUFDMIBUUT09
- Jabatan Audit Negara Malaysia. (2018). *Laporan Ketua Audit Negara 2018*.
- Pengurusan Syarikat Kerajaan Persekutuan. Putrajaya, Malaysia. Retrieved from <https://www.audit.gov.my/index.php/component/content/article/81-laporan-ketua-audit-negara/861-senarai-lkan?Itemid=101>
- Jabatan Penerangan Malaysia. (2008). Keperluan Tenaga Kerja Mahir. Putrajaya, Kuala Lumpur: Bahagian Penerbitan Dasar Negara Jabatan Penerangan Malaysia. Retrieved from http://dbook.penerangan.gov.my/dbook/dmdocuments/keperluan_tenaga_kerja_mahir/files/downloads/keperluan_tenaga_kerja_mahir.pdf
- Kementerian Pengajian Tinggi. (2020). Laporan Kajian Pengesanan Graduan TVET. Putrajaya, Malaysia: Kementerian Pengajian Tinggi. Retrieved from

<https://great.mohe.gov.my/penerbitan/LAPORAN%20KAJIAN%20PENGESANAN%20GRADUAN%20TVET%202020.pdf>

- Lim, B. F. Y. (2018, August-September). Changes in Employment Structure in Malaysia: *The Way Forward*. The 2nd JILPT Tokyo Comparative Labor Policy Seminar, Tokyo, Japan. Retrieved from <https://www.jil.go.jp/english/jli/documents/2018/008-10.pdf>
- Marzuki, M. (2019). Lepas Giatmara laris di pasaran kerja. Utusan Borneo Online. Retrieved from <https://www.utusanborneo.com.my/2019/04/08/lepasan-giatmara-laris-di-pasaran-kerja>
- Othman, M. H. (2018). Strategi Pengurusan Kos Yang Berkesan Di Tapak Bina. (Bachelor's Thesis, Universiti Teknologi Malaysia, Johor, Malaysia). Retrieved from <https://bic.utm.my/files/2018/08/MOHD-HAIREE-OTHMAN.pdf>
- Oburu, A. O. (2020) Effective Project Time Management. *International Academic Journal of Information Sciences and Project Management*, 3(6), 47-55 Retrieved from http://www.iajournals.org/articles/iajisp_m_v3_i6_47_55.pdf
- Pet, M. (2016). Pengajian Perniagaan: Perniagaan. Selangor, Malaysia: Oxford Fajar Sdn Bhd.
- Punmia, B. C., & Khandelwal, K. K. (1982). PROJECT PLANNING AND CONTROL WITH PERT AND CPM. New Delhi, India: Laxmi Publications (P) LTD.
- Pbctoday. (2021). Has BIM taken over the construction industry?. Retrieved from <https://www.pbctoday.co.uk/news/digital-construction/bim-news/has-bim-taken-over-the-construction-industry/88112/>
- Reddy, S. (2016). Sustainable Construction: Analysis of its Costs and Financial Benefits. *International Journal of Innovative Research in Engineering & Management (IJIREM)*, 3(6), 522-525. Retrieved from <http://dx.doi.org/10.21276/ijirem.2016.3.6.12>
- Sharif, A. (2018). Giatmara Tawar Kursus Baru Lebih Kompetitif. Harian Metro. Retrieved from <https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2018/02/309083/giatmara-tawar-kursus-baru-lebih-kompetitif>
- Srimayi, Y. (2020). Smart Energy Savings Potential in Home Appliances. *International Journal of Creative Research Thoughts (IJCRT)*, 8(5), 255-258. Retrieved from <http://dx.doi.org/10.6084/m9.doi.one.IJCRT2005039>
- Yasin. E. M, Amat. N.F, Zulkefli N. A, Mohd Naw. M N & Osman. W. N (2013, Mei 14-16). Pendekatan Kontraktor Untuk Mengatasi Masalah Kenaikan Harga Bahan Mentah. Prosiding Simposium Pengurusan Teknologi, Operasi & Logistik (SIPTIKIV), Sintok, Kedah. Retrieved from <https://repo.uum.edu.my/id/eprint/11667>
- Yahya, H. B. (2016). Keberkesanan Pusat Giatmara Dalam Menyediakan Pekerja Mahir Tempatan di Sektor Pembinaan. (Bachelor's Thesis, Universiti Teknologi Malaysia, Johor, Malaysia). Retrieved from <https://bic.utm.my/files/2018/09/HANIF-YAHYA-SBEC.pdf>

Faktor-Faktor Kejayaan Program Penempatan Semula Nelayan (PSN) Di Tok Bali, Kelantan

Hasbullah bin Mohd Razi^{1,*}, Noraisya binti Mohd Ghazali², Nur Aida binti Paizol³, Nur Ain binti Mohd Nasir⁴, Muhammad Ashraf bin Mohd Yunus⁵, Mohamad Shahrudin bin Samsurijan⁶

^{1,2,3,4,5,6}Pusat Pengajian Sains Kemasyarakatan, Universiti Sains Malaysia

Email: ^{1,*}hasbullahmohdrazi@student.usm.my , ²naisyamg@student.usm.my ,
³ainnasir30@student.usm.my , ⁴nnuraida@student.usm.my , ⁵ashrafkmk@student.usm.my ,
⁶msdin@usm.my

Abstrak

Umum mengetahui bahawa nelayan merupakan penggerak utama dalam mendapatkan hasil perikanan negara. Namun komuniti ini sering berhadapan dengan pelbagai masalah sehingga terpaksa hidup dalam kedaifan. Disebabkan masalah ini, kerajaan telah merancang satu program bantuan yang sesuai iaitu program Penempatan Semula Nelayan (PSN) bagi mengatasi masalah yang kian berlaku. Program yang dijalankan ini adalah bagi membantu para nelayan memiliki sebuah rumah yang selesa didiami secara berpusat. Fokus utama kajian ini adalah di kampung Tok Bali, Kelantan. Program ini juga dibantu oleh Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) dan Majlis Agama Istiadat Kelantan (MAIK) dimana LKIM sebagai agensi penyelarasan pembangunan projek manakala MAIK sebagai agensi yang menyediakan tanah bagi projek perumahan tersebut. Peruntukkan yang diberikan adalah daripada Kementerian Pembangunan Luar Bandar (KPLB). Terdapat dua objektif dalam kajian ini iaitu mengenal pasti faktor kejayaan program PSN di Tok Bali sepanjang tempoh siap dibina pada tahun 2012 sehingga kini dan mengenal pasti usaha kerajaan dan agensi terlibat dalam memastikan program PSN ini berjaya. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif. Seramai 10 orang informan yang telah terlibat dalam kajian ini. Hasil kajian ini mendapati program PSN yang telah dijalankan telah berjaya membantu seramai 296 keluarga nelayan dalam membina rumah dan menyelenggara rumah tersebut sehingga kini. Faktor utama yang mempengaruhi kejayaan program ini ialah kawasan perumahan yang dibina mempunyai pelbagai kemudahan asas. Lebih menarik lagi apabila kawasan berkenaan berhampiran bandar utama serta berdekatan dengan kawasan kegiatan perikanan. Program PSN ini perlu diperbanyakkan lagi supaya para nelayan dapat merasai keselesaan dalam mendiami sesebuah rumah serta memudahkan mereka untuk melakukan kegiatan perikanan.

Keywords: Nelayan; bantuan; penempatan semula.

8. Pengenalan

Rumah merupakan keperluan bagi manusia untuk memberi perlindungan dan memberi keselesaan kepada manusia. Manusia melindungi diri dari cuaca panas dan hujan dengan berlindung di sebalik dinding dan bumbung rumah. Mengikut peredaran masa, tempat perlindungan manusia ataupun rumah telah wujudnya reka bentuk yang menarik dan jenis-jenis

kediaman yang berbeza seperti rumah banglo, pangsapuri atau apartmen, teres, semi-D, flat, kondominium dan sebagainya. Kualiti hidup membawa kepada perbezaan jenis tempat tinggal manusia dan juga keselesaan yang berbeza walaupun kepentingan asal bagi rumah adalah untuk melindungi diri dari terdedah dengan pelbagai perkara. Kemajuan sesebuah negara sebenarnya hanya boleh diukur berdasarkan kualiti hidup rakyat yang bertambah baik secara berterusan (Mahathir, 1999).

Memiliki rumah atau kediaman yang baik merupakan sesuatu yang perlu dalam kehidupan masyarakat. Namun, tidak semua peringkat masyarakat mampu untuk memiliki rumah yang keadaannya baik dan selesa untuk mereka tinggal. Bagi masyarakat yang bekerja sebagai penangkap ikan atau nelayan, memastikan tempat tinggal mereka dalam keadaan yang baik juga penting untuk mereka memastikan keselesaan keluarga mereka terjamin. Malaysia merupakan salah satu negara yang dikenalpasti oleh Bank Dunia sebagai sebuah ekonomi yang berjaya namun masih terdapat masyarakat petani, penternak dan nelayan yang masih belum mengecapi nikmat pembangunan tersebut seolah-olah mereka berada di pinggir proses pembangunan negara (Muhyiddin, 2004). Hal ini menunjukkan, kualiti hidup bagi para nelayan adalah rendah dan tahap kemiskinan mereka adalah tinggi. Ada diantara para nelayan yang tidak mempunyai tempat berteduh yang selesa dan strategik yang bersesuaian dengan pekerjaan mereka yang turun ke laut untuk menangkap ikan. Oleh itu, penempatan semula nelayan sangat penting untuk memastikan kualiti dan keselamatan para nelayan lebih terpelihara.

Penempatan semula merujuk kepada proses pemindahan dari suatu tempat ke sesuatu tempat yang lain. Penempatan semula nelayan bertujuan untuk melindungi serta memberi para nelayan dan keluarga mereka untuk menjalankan kehidupan mereka dengan lebih selesa berbanding sebelumnya. Hal ini dilakukan hasil dari inisiatif kerajaan untuk meningkatkan kesejahteraan hidup nelayan secara menyeluruh agar mereka dapat membekalkan bekalan ikan yang mencukupi untuk meningkatkan sektor perikanan dalam negara.

9. Latar Belakang Program

Program Perumahan Semula Nelayan (PSN) di Tok Bali, Kelantan ini diperkenalkan oleh Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) dan siap dibina pada tahun 2012. Program ini dibangunkan bagi tujuan mewujudkan satu kawasan perumahan nelayan untuk masyarakat nelayan memiliki rumah dengan suasana yang lebih selesa secara berpusat. Kementerian Pembangunan Luar Bandar (KPLB) telah memperuntukkan RM 34 juta pada ketika itu bagi tujuan membina rumah, membaikpulih dan mempunyai prasarana asas yang selesa dan mewujudkan Penempatan Semula Nelayan (PSN) di bawah Projek Khas Perumahan Nelayan (PKPN).

Peruntukan yang telah diberikan adalah untuk membangunkan masyarakat nelayan terutamanya bagi projek pembinaan rumah baharu dan membaik pulih rumah sedia ada. Menurut Pengarah LKIM, Wan Mohd Adnan Wan Ibrahim pada ketika itu berkata rumah-rumah Projek Penempatan Semula Nelayan Tok Bali, dibina dengan konsep moden di satu lokasi berhampiran kompleks LKIM Tok Bali, di Pasir Puteh (MStar, 2012). Program tersebut memberi faedah kepada 295 nelayan melalui pembinaan rumah yang dilengkapi dengan tiga bilik tidur, ruang tamu, bilik mandi dan dapur.

Seterusnya, program ini juga dijalankan dengan dibantu oleh Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) sebagai agensi penyelarasan dari segi pembangunan projek dan pelaksana daripada pembinaan sehingga pendapatan, proses pemilikan dan pengisian setiap rumah tersebut dan turut dibantu oleh pihak Majlis Agama Istiadat Kelantan (MAIK) yang telah memberikan tanah dan kawasan kepada pembinaan Penempatan Semula Nelayan (PSN) di Tok Bali, Kelantan. Bantuan dari segi peruntukkan bagi menjayakan program tersebut adalah daripada Kementerian Pembangunan Luar Bandar (KPLB).

Selain itu, seramai 295 penerima dalam kalangan nelayan di pelbagai kawasan di Kelantan dikenalpasti untuk menerima bantuan perumahan sebanyak 300 buah rumah disediakan dan 5 unit diasingkan bagi pengisian kemudahan di perumahan tersebut seperti tadika, taska, bomba, dan rumah urusetia. Ianya terkandung sekali untuk prasarana asas perumahan tersebut seperti dewan serbaguna, surau, gelanggang futsal, taman permainan dan kedai serbaneka. Program ataupun projek ini telah dilaksanakan bermula pada Julai 2008 dan siap dibina pada Februari 2012 dengan kos keseluruhan berjumlah 34 juta dengan keluasan 96.912 Ekar.

10. Definisi dan Konsep Penempatan Semula

Penempatan semula di luar bandar menyumbang kepada kemajuan ekonomi dan sosial negara. Penempatan semula juga merupakan satu perkara yang penting dalam membasmi kemiskinan di Malaysia. Pelbagai kaedah telah digunakan oleh kerajaan untuk menempatkan khususnya rakyat dalam kalangan B40 ke satu kawasan baru yang lebih baik, teratur, bersih dan mempunyai infrastruktur bagi memberi keselesaan kepada mereka yang dipindahkan. Projek ini dilaksanakan oleh pihak kerajaan kerana menyedari bahawa penempatan semula dapat memberi manfaat kepada ramai penduduk di luar bandar.

Komuniti nelayan sering bermastautin di kawasan luar bandar kerana hasil tangkapan laut lebih mudah untuk didapati di luar bandar. Namun begitu, kemiskinan sering berlaku kepada nelayan yang merupakan penggerak utama kepada sektor perikanan negara. Isu kemiskinan ini secara tidak langsung memberi impak negatif kepada taraf kehidupan seharian para nelayan. Penempatan semula nelayan merupakan pusat kepada perumahan nelayan serta tempat penjualan hasil tangkapan yang akan meningkatkan sektor perikanan negara. Realitinya, sesebuah penempatan nelayan perlu mengambil kira beberapa faktor, termasuk kebolehpasaran, ketersediaan peralatan bot, pembaikan bot, pengangkutan, dan keusahawanan. Seperti yang diketahui, industri perikanan di negara lain sangat maju, menggunakan platform jeti berteknologi tinggi, bot canggih, dan nelayan yang "menambah nilai" kepada hasil tangkapan mereka untuk membuat lebih banyak wang. Aktiviti selain memancing yang mampu dilakukan oleh nelayan dan yang boleh membantu komuniti nelayan membina kekayaan untuk memperoleh pendapatan yang lebih menguntungkan untuk nilai tambah produk (Ahmad Albab, 2017).

Program penempatan Semula Nelayan yang diperkenalkan oleh Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) ini sebenarnya mempunyai konsep yang sama dengan Program Perumahan Rakyat Termiskin (PPRT). PPRT ini terhasil menerusi Rancangan Malaysia Ke Sebelas (RMKe-11) melalui meningkatkan kesejahteraan rakyat, program SPKR diteruskan sebagai salah satu elemen utama kerajaan yang sentiasa prihatin menjaga kesejahteraan dan mendahulukan kebajikan rakyat. SPKR merupakan salah satu program pembasmian kemiskinan luar bandar dalam memastikan kumpulan sasaran (miskin dan miskin tegar) dapat meneruskan

kelangsungan hidup dengan lebih baik. Objektif PPRT ialah meningkatkan kualiti hidup keluarga miskin tegar dan miskin dengan membina atau membaik pulih rumah bagi menyediakan tempat kediaman yang lebih selamat dan selesa sebagai asas pertumbuhan sesebuah keluarga. PPRT ini memfokuskan kepada penyelenggaraan, penambahbaikan dan permintaan sahaja (KPLB, 2021). Kejayaan PPRT ini dapat dilihat di Pendang apabila pihak kerajaan mengeluarkan keseluruhan projek yang berkeluasan 633 kaki persegi itu adalah 11 Juta (Roshila Murni Rosli, 2022).

11. Kaedah Kajian

Kajian ini telah menggunakan kaedah kajian kualitatif di mana 10 orang informan telah ditemu bual secara mendalam. Pembahagian pemilihan informan telah dilakukan dengan rawak mudah dimana pengkaji telah turun padang untuk melihat kawasan kajian iaitu di Penempatan Semula Nelayan (PSN) Tok Bali dan juga untuk berjumpa dengan para nelayan yang berada sekitar perumahan mereka untuk ditemu bual. Selepas mendapat persetujuan daripada mereka, pengkaji mengambil masa lebih kurang dua jam empat puluh lima minit untuk menemu bual para nelayan berdasarkan panduan soalan yang telah disediakan oleh pengkaji. Proses ini dilakukan untuk memperolehi pandangan para peserta mengenai tahap keberhasilan program ini. Selain itu, pengkaji juga telah menggunakan kaedah kajian sekunder dimana pengkaji telah mengambil sedikit sebanyak maklumat di dalam internet, jurnal, buku dan akhbar bagi menyempurnakan lagi hasil kajian ini.

4.1 Kawasan Kajian

Kajian ini telah dilakukan di kawasan Tok Bali, Kelantan yang terletak di jajahan Pasir Puteh. Pada awalnya, kawasan Tok Bali ini merupakan sebuah kawasan yang terpencil sehingga daerah tersebut tidak diberikan perhatian sepenuhnya oleh pihak kerajaan. Kawasan ini pada asalnya menggunakan kemudahan dari usaha penduduk kampung untuk mendapatkan hasil ikan yang diperolehi kerana pada waktu itu kawasan tersebut tidak mempunyai kemudahan yang lengkap untuk nelayan mendapatkan ikan. Oleh disebabkan itu, kawasan Tok Bali mula meraih perhatian daripada pihak kerajaan apabila kawasan tersebut menjadi tempat pendaratan ikan dari Kuala Besut.

Kawasan Tok Bali, Kelantan ini disignifikasikan oleh rakyat Kelantan sebagai perkampungan nelayan di mana jika ada individu yang bertanya akan lokasi perkampungan nelayan majoriti masyarakat Kelantan akan menjawab Tok Bali. Suasana kawasan kajian sekarang juga sangat maju kerana dilengkapi dengan kemudahan asas yang pelbagai seperti kemudahan jalan raya, sekolah, klinik, balai raya dan perkhidmatan pos.

12. Dapatan Kajian dan Perbincangan

Bahagian dapatan kajian ini akan membincangkan maklum balas yang diperolehi daripada sepuluh orang informan. Perbincangan hasil daripada dapatan kajian mengenai faktor kejayaan program Penempatan Semula Nelayan (PSN) di Tok Bali, Kelantan. Bahagian ini juga akan membincangkan hasil kajian daripada sudut pandangan nelayan dan usaha kerajaan yang menyumbang kepada kejayaan program penempatan semula nelayan. Setelah kajian dilakukan, pengkaji mendapati objektif kajian iaitu mengenal pasti faktor kejayaan program PSN di Tok Bali sepanjang tempoh siap dibina serta mengenalpasti usaha kerajaan dan agensi terlibat dalam memastikan program PSN ini berjaya. Oleh hal demikian, pengkaji telah melakukan satu

soal selidik kepada nelayan di Penempatan Semula Nelayan (PSN) di Tok Bali, Kelantan. Soal selidik ini juga dilakukan untuk mengenalpasti keadaan Program PSN ini dilakukan dan faktor kejayaan program ini dijalankan. Justeru, pada bahagian dapatan kajian ini juga terdapat beberapa jadual yang akan menyatakan beberapa maklumat mengenai maklum balas yang diperoleh daripada 10 orang responden hasil daripada kaedah kajian kualitatif.

5.1 Faktor Kejayaan Program Penempatan Semula Nelayan (PSN) di Tok Bali, Kelantan Sepanjang Tempoh Siap Dibina pada Tahun 2012 sehingga Kini daripada Pandangan Nelayan

Jadual 5.1 dibawah menunjukkan maklumat dan maklum balas informan daripada hasil temubual berkaitan faktor kejayaan program Penempatan Semula Nelayan (PSN) Tok Bali, Kelantan menurut pandangan nelayan.

Jadual 1: Maklumat dan Maklum Balas daripada Informan

Nama	Umur	Faktor	Hasil
Parwira bin Omar	41	Terdapat banyak kemudahan infrastruktur di PSN	Berjaya
Mohd Iqbal bin Ismail	58	PSN berdekatan dengan Bandar	Berjaya
Che Rosman bin Junoh	49	Berdekatan dengan pelabuhan perikanan	Berjaya
Jakaria bin Ishak	55	Terdapat banyak kemudahan infrastruktur di PSN	Berjaya
Nik Othman bin Nik Ramli	32	Selesa dengan penempatan lama	Berjaya
Mohd Faiz bin Sawi	32	Berdekatan dengan pelabuhan perikanan	Berjaya
Saredah binti Che Sawi	61	Kos selenggara ditanggung oleh kerajaan	Berjaya
Sauti bin Che Engah	59	Terdapat banyak kemudahan infrastruktur di PSN	Berjaya
Mansor bin Hussein	59	Kos selenggara ditanggung oleh kerajaan	Berjaya
Abdul Aziz bin Mohamad	46	Berdekatan dengan pelabuhan perikanan	Berjaya

Menurut hasil kajian yang telah dijalankan ke atas program Penempatan Semula Nelayan (PSN) di Tok Bali, Kelantan menunjukkan program ini telah berjaya dijalankan. Terdapat empat faktor kejayaan program PSN di Tok Bali sepanjang tempoh siap dibina pada tahun 2012 sehingga kini.

5.1.1 Faktor Pertama (Kemudahan Asas yang Mudah Didapati di Kawasan PSN Tok Bali)

Faktor pertama ialah kemudahan asas yang mudah didapati di kawasan PSN. Kemudahan dan perkhidmatan asas yang penting seperti pendidikan, kesihatan, perbankan dan sebagainya menunjukkan bahawa sesebuah kawasan itu memiliki prasarana yang baik. Kebiasaannya kawasan sebegini akan dibangunkan oleh pemaju bagi memastikan bahawa pembangunan tidak terbengkalai dan kualiti rumah pada tahap terbaik. Faktor ini dilihat dapat membantu nelayan dalam mengakses utiliti yang ada berhampiran di kawasan Tok Bali. Hal ini turut disokong oleh tiga informan iaitu Parwira bin Omar, Jakaria bin Ishak dan Sauti bin Che Engah:

“Kawasan PSN ni banyak kemudahan yang boleh didapati dari kawasan perumahan pakcik dulu. Nak pergi klinik pun mudah sebab dekat dengan rumah pakcik. Pakcik perlukan rawatan susulan setiap bulan sebab pakcik ni macam-macam penyakit ada. Alhamdulillah tak perlu lagi pakcik naik kereta jauh-jauh untuk ke klinik” - Parwira bin Omar.

“Banyak kemudahan asas yang boleh dapat di kawasan ni lebih-lebih lagi kawasan sekolah berhampiran dengan rumah. Senang pakcik nak hantar anak-anak ke sekolah. Naik motor tak sampai lima minit sampai da. Memang rugi nelayan yang tak mahu ke PSN ni. Banyak untung dari ruginya” -Jakaria bin Ishak

“Kemudahan asas di kawasan ini lengkap sesuai untuk orang yang berkeluarga. Kehidupan pakcik dan keluarga pun banyak berubah lepas pindah ke PSN ni.” - Sauti bin Che Engah

Berdasarkan dialog yang ditegaskan oleh ketiga-tiga informan di atas, hasil daripada perbincangan pengkaji, kemudahan asas yang disediakan di kawasan PSN ini merupakan faktor yang penting untuk memastikan program ini berjaya dilaksanakan. Hal ini kerana nelayan akan melihat terlebih dahulu lokasi perumahan yang akan didiami mereka sebelum menentukan untuk berpindah ke kawasan PSN ini kerana perumahan tersebut akan didiami mereka sehingga akhir hayat jika tidak berpindah ke tempat lain. Selain itu, faktor berdekatan dengan kemudahan awam juga seperti sekolah, pasaraya, hospital dan pusat bandar juga antara faktor utama bagi menentukan lokasi perumahan (Yussof, 2018). Kini faktor keselamatan kawasan perumahan juga di ambil kira kerana dengan indeks jenayah semakin meningkat sejak akhir-akhir ini menyebabkan faktor keselamatan menjadi keutamaan (Mohd Delam, 2017). Sebagai contoh kemudahan asas yang ada di kawasan PSN ini ialah klinik kesihatan 1 Malaysia yang berada tidak jauh dari kawasan PSN iaitu kira-kira 3.6 km. Hal ini dikatakan demikian kerana majoriti masyarakat para nelayan sudah lanjut usia dan ada diantara mereka menghidap pelbagai penyakit seperti penyakit tiga serangkai iaitu penyakit darah tinggi, kencing manis dan jantung. Oleh itu, dengan kemudahaan klinik kesihatan 1 Malaysia yang berdekatan dengan kawasan PSN ini dapat membantu mereka mendapatkan rawatan susulan dan bekalan ubat-ubatan. Selain itu, terdapat juga pusat pendidikan di dalam kawasan PSN iaitu Tadika KEMAS dimana majoriti ibu bapa di kawasan PSN menghantar anak-anak mereka di sekolah tersebut untuk menerima pendidikan awal. Di samping itu, terdapat juga kemudahan seperti kedai runcit, dewan serbaguna dan masjid. Perkara ini secara tidak langsung dapat memudahkan masyarakat para nelayan untuk meneruskan hidup mereka di penempatan baru itu dengan lebih selesa dan prasarana yang mencukupi.

5.1.2 Faktor Kedua (Projek Pembinaan PSN Berdekatan dengan Bandar)

Selain itu, faktor kedua kejayaan program ini adalah projek pembinaan PSN berdekatan dengan bandar. Menurut temubual daripada informan lokasi PSN ini adalah lokasi yang strategi kerana kawasan perumahan ini berdekatan dengan Pekan Tok Bali dan bandar Pasir Puteh. Hal ini menambahkan semangat nelayan untuk berpindah ke kawasan PSN kerana dapat memudahkan banyak urusan mereka dan mengurangkan jarak perjalanan mereka ke bandar. Hal ini turut ditegaskan oleh informen bernama Mohd Iqbal bin Ismail.

“Kawasan PSN ni dekat dengan pekan Tok Bali dengan bandar Pasir Puteh. Senang pakcik dan keluarga nak beli barang keperluan yang tidak ada di kawasan PSN dan senang pakcik nak ke bandar nak uruskan urusan surat menyurat. Tidak perlu lagi pakcik naik kereta lama-lama untuk ke bandar semata-mata nak siapkan urusan” - Mohd Iqbal bin Ismail

Berdasarkan dialog yang ditegaskan informan di atas, hasil daripada perbincangan pengkaji, lokasi perumahan PSN merupakan kawasan di pinggir bandar. Kawasan di pinggir bandar menjadi rebutan masyarakat terutamanya nelayan kerana lokasi yang tidak berjauhan dengan bandar dan kawasannya yang tidak terlalu sesak. Terdapat banyak kelebihan memilih kawasan di pinggir bandar, antaranya ialah ada banyak pilihan pengangkutan awam yang ada seperti kereta api dan bas, pelbagai kemudahan yang berhampiran dengan nelayan seperti kemudahan kesihatan, *mall* dan pejabat kerajaan (Adib Mohd, 2021). Selain itu, jarak kawasan PSN ke bandar Tok Bali hanyalah 13 km dan 4.5 km ke bandar baru Pasir Puteh. Hal ini menyebabkan penduduk yang tinggal di PSN dapat melakukan aktiviti sosial dengan mudah kerana mereka tinggal berhampiran dengan bandar Tok Bali, Kelantan. Hal ini kerana, ia dapat memudahkan mereka untuk mendapatkan perkhidmatan yang tidak ada di kampung. Contohnya, perkhidmatan dalam perubatan, perbankan, pengangkutan, perkhidmatan awam, dan sebagainya. Oleh itu, para nelayan dapat menjalankan kehidupan yang lebih mudah dan sempurna.

5.1.3 Faktor Ketiga (Kos Selenggara dan Baikpulih Perumahan di PSN Ditaja oleh Pihak Kerajaan)

Seterusnya, faktor yang ketiga adalah kos selenggara dan baikpulih perumahan di PSN ditaja oleh pihak kerajaan. Menurut temubual bersama informan, mereka tidak dikenakan sebarang pembayaran jikalau infrastruktur rumah mereka mengalami kerosakkan. Hal ini telah membuatkan penduduk nelayan di PSN berasa selamat dan tidak terbeban dengan pembayaran kos baik pulih dan selenggara jika rumah mereka ada mengalami kerosakkan dan sebagainya. Hal ini turut ditegaskan oleh informen yang bernama Mansor bin Hussein:

“Rumah penduduk PSN ni semuanya di selenggara dengan baik selalu. Jika rumah ada sebarang kerosakkan, akan ada pihak berkuasa yang datang membaiki. Kami tak perlu keluarkan duit sebab semua kos penyelenggaraan kerosakkan rumah ditanggung oleh pihak berkuasa” - Mansor bin Hussein

Berdasarkan dialog yang ditegaskan oleh informan di atas, hasil daripada perbincangan pengkaji, kos selenggara perumahan yang ditanggung oleh pihak kerajaan merupakan salah satu faktor utama kejayaan program PSN ini. Pihak kerajaan memainkan peranan yang sangat bagus dalam memastikan perumahan di PSN ini diselenggara dengan baik. Keadaan ini secara tak langsung membuatkan sumber pendapatan penduduk nelayan terjamin dan tidak terganggu ekoran daripada kerosakkan yang berlaku kepada perumahan mereka. Oleh itu, penyelenggaraan rumah yang berterusan ini dapat mengekalkan kualiti dan fungsi rumah yang baik kepada penduduk nelayan di PSN Tok Bali.

5.1.4 Faktor Keempat (Kawasan Pembinaan PSN Berdekatan dengan Pelabuhan Kegiatan Perikanan)

Akhir sekali, faktor kejayaan program PSN yang keempat adalah kawasan PSN ini berdekatan dengan pelabuhan kegiatan perikanan. Hal ini dapat memudahkan para nelayan untuk melakukan

kegiatan perikanan. Di samping itu, dapat juga memudahkan kegiatan penjualan dan pemasaran hasil daripada tangkapan nelayan. Keadaan ini secara tidak langsung telah memberi peluang kepada masyarakat setempat untuk mendapatkan bekalan ikan segar dengan harga yang lebih murah. Hal ini turut ditegaskan oleh informan yang bernama Abdul Aziz bin Mohamad dan Che Rosman bin Junoh:

“Pendapat pakcik PSN ni sangat bagus laa, sebab dekat dengan pelabuhan Tok Bali dan sangat memudahkan kami para nelayan yang tinggal di PSN ni untuk buat kegiatan perikanan. Orang kampung sini pon mudah untuk dapatkan ikan segar dekat pelabuhan tu” - Abdul Aziz bin Mohamad

“PSN sangat dekat dengan pelabuhan Tok Bali dan mudah untuk pakcik bergerak pergi dan balik dari rumah pakcik ke pelabuhan tu” - Che Rosman bin Junoh

Berdasarkan dialog yang ditegaskan oleh kedua-dua informan di atas, hasil daripada perbincangan pengkaji, pembinaan Penempatan Semula Nelayan (PSN) di Tok Bali, Kelantan ini merupakan kawasan yang berdekatan dengan sebuah pelabuhan perikanan laut yang utama dan lokasi tersebut juga merupakan pusat pendaratan ikan terbesar di Kelantan. Pelabuhan Perikanan LKIM Tok Bali ini telah dibangunkan oleh Kerajaan Persekutuan dengan melibatkan kos sebanyak RM 99 juta di mana lokasi pelabuhan ini terletak di kawasan Terusan Semerak, Pasir Puteh yang menjadi persinggahan utama dan aktif bagi kapal-kapal. (Rosli Muhammad, 2019) Melalui pelabuhan ini, secara tidak langsung ianya dapat memudahkan pergerakan penduduk ataupun para nelayan yang menetap di PSN Tok Bali, Kelantan itu untuk melakukan kegiatan perikanan di pelabuhan tersebut. Pelabuhan Perikanan LKIM Tok Bali, Kelantan telah mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan dan memberi peluang kepada masyarakat setempat mendapatkan bekalan ikan segar dengan harga yang lebih murah berbanding dengan harga pasaran dan runcit (Rosli Muhammad, 2019).

5.2 Usaha Kerajaan yang Menyumbang kepada Kejayaan Program Penempatan Semula Nelayan (PSN) di Tok Bali, Kelantan

Jadual 5.2 dibawah merupakan maklumat dan maklum balas informan hasil daripada temubual berkaitan usaha kerajaan yang menyumbang kepada kejayaan program Penempatan Semula Nelayan (PSN) di Tok Bali, Kelantan menurut daripada pandangan nelayan.

Jadual 5.2: Maklumat dan maklum balas daripada informan

Nama	Umur	Usaha Kerajaan
Mohd Iqbal bin Ismail	58	Agensi kerajaan negeri memberi tapak pembinaan
Che Rosman bin Junoh	49	Agensi kerajaan negeri sentiasa memantau perkembangan program ini
Jakaria bin Ishak	55	Agensi kerajaan negeri sentiasa memantau perkembangan program ini
Nik Othman bin Nik Ramli	32	Kerajaan memberi peruntukan
Mohd Faiz bin Sawi	32	Agensi kerajaan negeri memberi tapak pembinaan
Saredah binti Che Sawi	61	Kerajaan memberi peruntukan

Sauti bin Che Engah	59	Kerajaan memberi peruntukan
Mansor bin Hussein	59	Agensi kerajaan negeri memberi tapak pembinaan
Abdul Aziz bin Mohamad	46	Agensi kerajaan negeri sentiasa memantau perkembangan program ini

Menurut hasil kajian yang telah dijalankan bagi program Penempatan Semula Nelayan di Tok Bali, Kelantan menunjukkan program ini telah berjaya dijalankan. Hal ini kerana, terdapat tiga usaha kerajaan dan agensi terlibat dalam memastikan program PSN ini berjaya.

5.2.1 Usaha Pertama (Pihak Kerajaan dan Agensi Telah Memberi Peruntukan yang Tinggi bagi Keberhasilan Projek)

Usaha kerajaan yang pertama adalah pihak kerajaan dan agensi telah memberi peruntukkan yang tinggi bagi keberhasilan projek. Hal ini membuatkan proses pembinaan perumahan dan baikpulih rumah di jalankan dengan baik dan lancar tanpa sebarang gangguan berkaitan peruntukkan. Hal ini juga telah disokong oleh informan yang bernama Parwira bin Omar, Nik Othman bin Nik Ramli, Saredah binti Che Sawi dan Sauti bin Che Engah:

“Pandangan pakcik la kan, jika pihak kerajaan dan agensi ini tidak memberikan sumbangan. Program ini pasti tidak akan berjaya.”-Parwira bin Omar.

“Pakcik rasa lah kan jika mereka tidak memberi peruntukkan. Pakcik rasa program ni dah lama terbengkalai.”-Nik Othman bin Nik Ramli.

“Jika tidak ada peruntukkan dari pihak kerajaan dan agensi yang membantu kami sekeluarga tidak dapat merasa duduk di tempat baru ini.”- Saredah binti Che Sawi.

“Pada pendapat pakcik lah, melalui peruntukkan kerajaan dan agensi ini lah yang dapat mempercepatkan proses pembangunan Penempatan Semula Nelayan (PSN) ini.”- Sauti bin Che Engah.

Berdasarkan dialog yang ditegaskan oleh keempat-empat informan di atas, hasil daripada perbincangan pengkaji, peruntukkan yang diberikan oleh kerajaan dan agensi merupakan salah satu usaha yang penting untuk memastikan program ini berjaya dilaksanakan. Hal ini dapat dilihat di mana salah satu pihak agensi iaitu Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW) telah menjadi salah satu daripada penyalur peruntukkan sebanyak RM 35 juta untuk menyediakan 300 buah perumahan kepada para nelayan yang kurang pendapatan. Ekoran daripada perkara ini, masyarakat nelayan sangat yakin bahawa program ini akan berjaya dan dapat selesai dengan waktu yang cepat kerana mereka mendapat peruntukkan yang banyak untuk menyelesaikan projek ini. Selain itu, sebelum perumahan itu siap dibina seramai 600 para nelayan juga telah menerima bantuan Elaun Sara Hidup Nelayan sebanyak RM200 setiap seorang. Peruntukkan ini diberi bertujuan untuk meringankan beban masyarakat nelayan dalam memenuhi keperluan asas seharian mereka (Wan Mohd Adnan Wan Ibrahim, 2012).

5.2.2 USAHA KEDUA (PENYEDIAAN TAPAK PROJEK PERUMAHAN YANG STRATEGIK)

Usaha kerajaan yang seterusnya adalah, penyediaan tapak projek perumahan yang strategik. Tapak merupakan perkara yang asas dalam sesuatu pembinaan dalam usaha untuk menempatkan semula para nelayan dengan berjaya. Kejayaan daripada usaha kerajaan ini turut disokong oleh 3 informan yang disoal selidik oleh pengkaji. 3 informan tersebut merupakan Mohd Iqbal bin Ismail, Mohd Faiz bin Sawi dan Mansor bin Hussein. Ketiga-tiga mereka memberi pandangan yang sama dan menegaskan penyediaan tapak oleh MAIK menyumbang kepada kejayaan program ini. Hal ini disokong dengan jawapan oleh Mohd Iqbal bin Ismail, Mohd Faiz bin Sawi dan Mansor bin Hussein:

*“Pendapat pakcik sendiri la, tanpa penyediaan tapak oleh MAIK, mesti program PSN ni tak boleh nak diteruskan. Tapi sebab adanya tapak ini, PSN dapat dibina untuk para nelayan” -
Mohd Iqbal bin Ismail*

“Kalaulah takde tanah yang diberi oleh MAIK, mesti program ni tak dapat nak dilakukan, sebab tanah ni penting untuk nak bina rumah ke apa ke. Jadi tanah yang diberi ni perkara yang kerajaan bagi dan nampak la usaha mereka untuk buat projek-projek ni” - Mohd Faiz bin Sawi

*“Pakcik rasa, usaha kerajaan yang penting dalam projek ni, penyediaan tapaklah. Kalau takde tapak ni, penempatan semula tak boleh nak diteruskan. Lagipun, tapak yang disediakan sesuai, sebab dekat je dengan bandar dan kuala. Senang nak turun ke laut untuk nak tangkap ikan” -
Mansor bin Hussein*

Berdasarkan dialog yang ditegaskan oleh ketiga-tiga informan ini, pengkaji mendapati bahawa usaha MAIK yang menyediakan tapak untuk pembinaan penempatan semula nelayan di Tok Bali, Kelantan membantu program ini berjaya dilakukan. Hal ini kerana, Majlis Agama Islam Kelantan (MAIK) menyediakan tapak yang mempunyai keluasan seluas 96,912 ekar untuk pembinaan penempatan semula nelayan ini. Selain itu, Majlis Agama Islam Kelantan (MAIK) juga menyediakan tapak untuk pembinaan projek ini dan disertakan dengan perjanjian pajakan selama 66 tahun. Melalui jaminan penyediaan tapak projek yang kukuh ini telah meraih suara positif dari masyarakat nelayan.

5.2.3 Usaha Ketiga (Agensi Kerajaan Sentiasa Memantau PSN Tok Bali)

Usaha terakhir yang dilakukan oleh pihak kerajaan dan agensi dalam memastikan program Penempatan Semula Nelayan (PSN) Tok Bali, Pasir Puteh, Kelantan ini berjaya adalah mereka sentiasa memantau pergerakan program ini. Kejayaan daripada usaha kerajaan ini turut disokong oleh 3 informan yang disoal selidik oleh pengkaji. 3 informan tersebut merupakan Che Rosman Bin Junoh, Jakaria Bin Ishak dan Abdul Aziz bin Mohamad.

Ketiga-tiga mereka memberi pandangan yang sama dan menegaskan bahawa pemantauan pergerakan program ini menyumbang kepada kejayaan program ini. Hal ini disokong dengan jawapan oleh Che Rosman bin Junoh, Jakaria bin Ishak dan Abdul Aziz bin Mohamad:

“Sewaktu PSN sedang dibina. Pak cik adalah datang sekali-sekala datang nak tengok kawasan pembinaan. Setiap kali pak cik jenguk tapak pembinaan tu pasti ada beberapa orang yang pergi memantau dan pak cik adalah tanya khabar sorang dua pekerja di tapak pembinaan waktu itu. Pak cik tanya sedikit sebanyak soalan macam agak-agak berapa lama lagi nak siap projek ni. Ha macam tu lah lebih kurang.”-Che Rosman bin Junoh.

“Sewaktu projek ini sedang dijalankan ada beberapa orang yang bertanggungjawab untuk memantau kerja-kerja pembangunan ni. Pak cik rasa sebab pemantau lah penempatan ni selesa kerana mereka pantau semua pembuatan.”-Jakaria bin Ishak.

“Waktu Pakcik dan sekeluarga baru berpindah di PSN ini, beberapa orang yang bertanggungjawab sebagai pemantau projek ini ada datang di PSN dan bertanya pendapat kami tentang hasil pembinaan mereka ni ada kekurangan ke” - Abdul Aziz bin Mohamad.

Berdasarkan dialog yang ditegaskan oleh ketiga-tiga informan yang menetap di Penempatan Semula Nelayan (PSN) ini dapat dihasilkan perbincangan dari pengkaji bahawa usaha kerajaan dan agensi dalam memantau program ini untuk pembinaan Penempatan Semula Nelayan di Tok Bali, Kelantan membantu program ini berjaya dilakukan. Hal ini dikatakan sedemikian kerana, pihak-pihak yang terlibat di dalam program ini seperti kontraktor yang bertanggungjawab terhadap projek ini sering turun padang untuk memantau kerja-kerja pembinaan ini agar aktiviti tersebut sentiasa berjalan sesuai dengan rancangan yang telah ditetapkan. Rentetan daripada pemantauan secara berterusan itulah dapat menghasilkan satu penempatan yang kukuh dan memberi keselesaan kepada masyarakat para nelayan untuk menetap di sana.

13. Kesimpulan

Berdasarkan kajian ini, memang sangat wajar tindakan pihak kerajaan untuk mengadakan Program Penempatan Semula Nelayan (PSN). Hal ini kerana, tanggungjawab utama kerajaan adalah menjaga kebajikan rakyat dan salah satu tugas mereka adalah untuk membasmi kemiskinan rakyat. Selain itu, melalui Program Penempatan Semula Nelayan (PSN) ini juga telah memberikan implikasi terhadap pihak kerajaan dalam mengurangkan kelompok kemiskinan dalam kalangan masyarakat. Hal ini menunjukkan bahawa, wujud sifat keprihatinan pihak pentadbiran kerana mereka dapat merealisasikan hasrat kerajaan untuk meningkatkan taraf kehidupan para nelayan. Pihak kerajaan juga sedar bahawa fungsi nelayan itu sendiri sangat penting sebagai penggerak utama dalam sektor perikanan. Keadaan ini dapat dibuktikan apabila projek perumahan yang dilaksanakan oleh kerajaan ini berjaya dan mereka telah menerima pelbagai komen positif daripada rakyat dan para nelayan tentang keberhasilan projek ini. Hampir keseluruhan, nelayan yang mendapat bantuan ini menyifatkan projek perumahan ini mampu membantu melancarkan perjalanan kehidupan seharian mereka. Hal ini kerana, melalui Program Penempatan Semula Nelayan (PSN) ini mereka dapat menikmati keselesaan hidup yang lebih sempurna. Melalui program ini juga masyarakat nelayan dapat menikmati pelbagai keperluan asas yang telah disediakan oleh pihak kerajaan. Sekiranya kerajaan tidak melaksanakan projek ini, kemungkinan kehidupan masyarakat nelayan tidak akan berubah dan masih berada di tahap yang sama dan ianya boleh memberi kesan terhadap salah satu dasar kerajaan iaitu dasar Wawasan 2020 gagal dicapai. Dengan wujudnya projek penempatan semula kepada nelayan ini,

kerajaan dapat mencapai matlamat serta dapat menstabilkan sosioekonomi dalam kalangan rakyat di luar bandar terutamanya para nelayan.

7. Rujukan

- Abdul Haris. (2018). Pelaksanaan kurikulum mata pelajaran pendidikan jasmani peringkat sekolah menengah pertama di Makassar, Sulawesi Selatan. *Ijazah Doktor Falafah Universiti Utara Malaysia*, 108–196. <https://etd.uum.edu.my/6915/>
- ©2018 Hakcipta Terpelihara Kumpulan Karang kraf, (28 Mei, 2022), “Kelemahan sistem pengurusan punca bekalan ikan berkurangan: LKIM”. Diperoleh daripada: <https://www.sinarharian.com.my/article/204412/BERITA/Nasional/Kelemahan-sistem-pengurusan-punca-bekalan-ikan-berkurangan-LKIM>
- Juhari, N, A. *60 Keluarga terima rumah PPRT Desa KEDA*. Diperoleh daripada <https://www.kosmo.com.my/2022/02/13/60-keluarga-terima-rumah-pprt-desa-keda/>
- Mahathir Mohamad, (1999). Kata alu-aluan kualiti hidup Malaysia 99, <https://www.epu.gov.my/sites/default/files/2020-03/kualitihidup1999.pdf>, Jabatan Perdana Menteri Malaysia, Kuala Lumpur.
- Mohd Delam. (2017). Pinjaman kerajaan vs pinjaman bank. Retrieved November 13, 2017, dari laman web <http://www.mohdelam.com/mortgage3/panduan/pinjaman-kerajaan-vs-pinjaman-bank/>
- Muhyiddin Mohd Yassin, (2004). Ucaputama YB Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Persidangan Halatuju Sektor Pertanian Dan Industri Berasaskan Pertanian, <https://banktani.tripod.com/muhyiddin.htm> pertanian pada 12/8/2004, Wisma Tani, Kuala Lumpur.
- Ramli M, Sheikh Dawood S & Mohd Som S. (2019). *Cabaran hidup miskin dalam kalangan komuniti nelayan di Tanjung Dawai, Kedah* 15(01), 54-56. Diperoleh daripada: <http://journalarticle.ukm.my/14168/1/28735-96233-1-PB.pdf>
- Reporter Bernama. (2010, November 21). *LKIM Sedia 300 Buah Rumah Untuk Nelayan Miskin Tegar*. MStar. <https://www.mstar.com.my/lokal/semasa/2010/11/21/lkim-sedia-300-buah-rumah-untuk-nelayan-miskin-tegar>
- Rosli Muhammad. (2019, July 24). *LKIM Tok Bali Potensi Hub Industri Perikanan Negeri Kelantan*. Malaysia Aktif. <https://malaysiaaktif.my/60412>
- Rosli, R,M. *57 Keluarga Gembira dapat rumah*. Diperoleh daripada: <https://www.sinarharian.com.my/article/127905/EDISI/57-keluarga-gembira-dapat-rumah>
- Zainol, Halmi & Ab Dulhamid, Hasnizam. (2021). PERANCANGAN FIZIKAL KONTEMPORARI: BAB 7 PERANCANGAN TAPAK, diperoleh daripada https://www.researchgate.net/publication/350991191_PERANCANGAN_FIZIKAL_KONTEMPORARI_BAB_7_PERANCANGAN_TAPAK

Faktor Kejayaan Program Upskilling Teknik Pembinaan Bot Gentian Kaca oleh Pusat Latihan di Tuaran, Sabah

**Jagen A/L Kunci Kanny¹, Mahirah binti Marorang², Mohamad Khairil Ramdani bin
Mohd Sattar³, Muhammad Eidzuan bin Lawahidu⁴, Zaminuddin bin Samsudin⁵,
Mohammad Shaharudin bin Samsurijan⁶**

^{1,2,3,4,5,6}Pusat Pengajian Sains Kemasyarakatan, Universiti Sains Malaysia

Email : ¹jagenpro123@student.usm.my, ²mahirahmarorang@student.usm.my,

³mkhairil1507@student.usm.my, ⁴muhammad.eidzuan@student.usm.my,

⁵zaminpx@student.usm.my, ⁶msdin@usm.my

Abstrak

Umumnya mengetahui bahawa, golongan nelayan memerlukan kemahiran yang banyak dalam menjayakan aktiviti nelayan terutamanya kemahiran dalam pembinaan dan penjagaan bot. Program Upskilling Teknik Pembinaan Bot Gentian Kaca merupakan satu program yang dianjurkan oleh Pusat Latihan Akuakultur Ko-Nelayan (KATC) dan Unit Pembangunan Teknologi Perikanan bagi memberikan pendedahan praktikal dalam pembinaan bot gentian kaca, mengajar teknik dan kemahiran dalam membina bot gentian kaca dan memberi pengetahuan dan pendedahan kepada komuniti nelayan setempat mengenai teori dan aplikasi bahan komposit dalam pembinaan bot gentian kaca. Program ini diadakan di Tuaran, Sabah. Objektif kajian yang dijalankan ini adalah mengkaji sama ada Program Upskilling Teknik Pembinaan Bot Gentian Kaca ini berjaya atau tidak serta mengenal pasti faktor-faktor yang menyebabkan kejayaan atau kegagalan program ini. Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif. Seramai 45 orang informen telah terlibat dalam kajian ini. Hasil kajian mendapati program ini telah berjaya. Antara faktor yang menyumbang kepada kejayaan program ini adalah pihak penganjur yang komited dalam mencapai objektif program ini dan kemahiran yang dipelajari dalam kursus ini dapat digunakan dalam pekerjaan dan kehidupan seharian. Selain itu, faktor lain adalah pihak pengajar yang dipilih untuk mengajar kemahiran-kemahiran mempunyai kelayakan dan pengetahuan yang tinggi. Program seperti ini juga haruslah dipertingkatkan pada masa akan datang supaya dapat membantu para nelayan dan mewujudkan belia yang berkemahiran.

Kata kunci : Pembinaan bot gentian kaca; teknik dan kemahiran; komuniti nelayan setempat.

1. Pengenalan

Kursus *Upskilling* merupakan salah satu program yang diadakan di Malaysia bagi melahirkan masyarakat yang mempunyai pelbagai kemahiran. *Upskilling Malaysia* ialah platform yang menyediakan maklumat secara menyeluruh mengenai semua program latihan dan pembangunan kemahiran yang ditawarkan oleh pihak kerajaan Malaysia melalui kementerian dan agensinya. Seterusnya, kursus ini juga adalah untuk meningkatkan kemahiran yang berterusan dan menggalakkan pembelajaran sepanjang hayat dalam kalangan masyarakat Malaysia. Hal ini demikian kerana kerajaan Malaysia ingin membentuk masyarakat yang berkemahiran tinggi untuk membangunkan pembangunan Malaysia.

Terdapat beberapa objektif yang harus dicapai dalam kursus *Upskilling*, iaitu membantu rakyat Malaysia dalam mencari program latihan yang berkaitan untuk meningkatkan

kebolehpasaran mereka. Hal ini akan memudahkan mereka untuk mencari pekerjaan yang menawarkan gaji yang lumayan. Bukan itu sahaja, peningkatan daya saing dalam peluang pekerjaan juga merupakan objektif lain dalam kursus tersebut. Perkara ini akan mempersiapkan diri mereka untuk bersedia menghadapi persaingan dalam industri yang mempunyai permintaan tinggi terhadap kemahiran mereka. Seterusnya, mengurus dan memantau program oleh kementerian dan agensi yang terlibat dalam inisiatif *Upskilling* secara tersusun, berpusat dan bersepadu merupakan objektif yang lain dalam pelaksanaan kursus ini.

Program ini telah dilaksanakan di beberapa buah negara di dalam Malaysia. Kursus *Upskilling* telah dilaksanakan di daerah Tuaran, Sabah. Kursus kemahiran yang diadakan ialah teknik pembuatan acuan bot gentian kaca. Gentian kaca merupakan satu bahan gentian yang diperbuat daripada kaca yang sangat halus. Gentian kaca ini digunakan sebagai agen penguat di dalam banyak produk polimer. Kegunaan gentian kaca adalah untuk menghasilkan tikar, penebat elektrik, tiang khemah, badan bot, memperkuat pelbagai jenis bahan dan banyak lagi kegunaan yang lain. Kursus kemahiran ini diadakan untuk pembelajaran masyarakat Tuaran adalah kerana gentian kaca menggunakan kos yang lebih rendah berbanding dengan gentian karbon, malah gentian kaca juga lebih kuat daripada pelbagai logam lain.

Kursus kemahiran adalah sangat penting dalam pendedahan untuk menggunakan barangan yang baru dan berteknologi tinggi seperti gentian kaca. Pihak berkewajipan telah melaksanakan projek ini untuk meningkatkan kemahiran masyarakat dengan penggunaan bahan baru untuk pembuatan bot.

2. Latar Belakang Program

Melalui laman web rasmi Ko-Nelayan Sabah (n.d.) menyatakan bahawa Program Teknik Pembinaan Bot Gentian Kaca telah dianjurkan dan diadakan pada 1 hingga 3 Disember 2021 di Pusat Latihan Akuakultur KO-Nelayan (KATC) yang terletak di Kampung Laya-Laya, Tuaran Sabah. Program ini dianjurkan oleh Agensi Pusat Latihan Akuakultur Ko-Nelayan (KATC) dan Agensi Unit Pembangunan Teknologi Perikanan dengan penyertaan secara percuma dan terbuka kepada semua masyarakat khususnya kalangan komuniti nelayan. Dalam hal ini penglibatan dan kerjasama agensi Unit Pembangunan Teknologi Perikanan bertujuan untuk berkongsi kemahiran dan maklumat berkenaan pembinaan bot gentian kaca dengan adanya pakar-pakar dalam agensi ini. Program ini telah dikendalikan oleh seorang penceramah ataupun fasilitator iaitu Encik Arman Bin Abbasari iaitu seorang yang mahir berkenaan gentian kaca. Selain itu, pengarah bagi program ini pula ialah Encik Mohd Fhairul Azzmie Bin Mohd Talib yang juga merupakan urusetia Pusat Latihan Akuakultur Ko-Nelayan, Tuaran. Melalui program ini, penyertaan adalah percuma dan terbuka kepada semua masyarakat khususnya komuniti nelayan.

Terdapat tiga objektif yang ditekankan oleh program yang dijalankan oleh Ko-Nelayan. Antara objektif program tersebut ialah bertujuan untuk memberi pendedahan praktikal dalam pembinaan bot gentian kaca. Objektif yang kedua pula ialah bertujuan untuk mengajar teknik dan kemahiran dalam pembinaan bot gentian kaca. Objektif yang ketiga pula ialah bertujuan untuk memberi pengetahuan dan pendedahan kepada peserta mengenai teori dan aplikasi bahan komposit dalam pembinaan bot gentian kaca.

Selain itu, program ini juga dijalankan bertujuan untuk membantu komuniti nelayan

berkaitan dengan pembinaan bot yang lebih selamat, mudah dibuat dan dihasilkan. Program ini juga bertujuan meringankan beban nelayan dengan mempelajari kaedah membina bot yang lebih murah kosnya, bot yang lebih ringan, dan bot yang lebih mudah dijaga dengan menggunakan gentian kaca. Inisiatif ini akan sedikit sebanyak membantu komuniti nelayan untuk ke laut bagi mendapatkan sumber pendapatan di kawasan yang sepatutnya seperti di laut, pesisiran pantai, dan kawasan sungai. Seterusnya, program ini juga dibuat adalah bertujuan untuk mengembangkan lagi penggunaan bot nelayan yang dihasilkan daripada teknik gentian kaca. Hal ini kerana di kawasan daerah Tuaran, majoriti bot nelayan adalah diperbuat daripada bahan seperti kayu dan aluminium. Penggunaan teknik gentian kaca terhadap pembinaan bot ini dilihat akan memberi kesan dan impak positif terutamanya kepada nelayan untuk mencari rezeki. Oleh itu, pihak KATC sedaya upaya menyediakan pelan tindakan dan rancangan bagi merealisasikan dan meluaskan lagi penggunaan teknik bot gentian kaca.

Menurut pihak penganjur juga, program ini dibuat adalah untuk mencapai objektif utama Agensi Pusat Latihan Akuakultur Ko-Nelayan (KATC) iaitu menyediakan latihan komprehensif, dan latihan kemahiran jangka pendek dan jangka panjang dalam bidang perikanan dan akuakultur. Justeru itu, program ini telah dibuat bagi memberi pendedahan serta latihan yang terbaik bagi pihak yang terlibat khususnya golongan nelayan.

Unit Pembangunan Teknologi Perikanan pula berfungsi sebagai penyebar dan penyampai maklumat perikanan kepada nelayan, pengusaha dan perindustrian perikanan, mengukuhkan kemahiran nelayan, pengusaha dan industri perikanan dan pemindahan teknologi moden kepada kumpulan sasar seperti nelayan.

Disamping itu, pelbagai kemahiran dan pengetahuan serta teknik berkaitan dengan bot gentian kaca yang di ajar, dikongsikan oleh pihak KATC sendiri kepada para peserta dalam hal berkaitan dengan bot gentian kaca. Contohnya seperti kaedah untuk merangka dan melukis rangka bot, bahan-bahan yang diperlukan, teknik pembuatan dan teknik membina acuan bot, teknik dan hiasan yang terbaik, cara pembersihan permukaan bot, proses untuk *waxing*, proses *gelcoating*, dan kaedah serta proses melepaskan gelembung udara dan sebagainya. Hal ini sudah tentu memberi banyak pengetahuan dan ilmu baharu serta teknik-teknik yang terbaik kepada para peserta dalam mengajar, melatih dan memperluas lagi bot gentian kaca kepada golongan nelayan.

3. Konsep-konsep Tertentu Berkaitan Program

Konsep *Upskilling* merupakan program latihan dan pembangunan kemahiran yang ditawarkan oleh Kerajaan Malaysia melalui kementerian dan agensinya. Kursus *Upskilling* ini terbuka kepada semua rakyat Malaysia dan bertujuan untuk mewujudkan ekosistem yang memupuk peningkatan kemahiran yang berterusan dan menggalakkan pembelajaran sepanjang hayat di kalangan rakyat Malaysia. Vinayan et al. (2020) mengatakan kemahiran *Upskilling* adalah satu cara untuk mewujudkan tenaga kerja yang mahir untuk mempromosikan kemahiran berasaskan pengetahuan di Malaysia.

Menurut Shah dan Selamat (2015), dalam kajian mereka perikanan merupakan aktiviti ekonomi yang dijana dalam persekitaran fizikal dan sosial yang tidak menentu. Kajian yang dijalankan ini mengambil tempat di Pulau Gaya, Kota Kinabalu, Sabah dan mengatakan nelayan perlu mengambil strategi bagi menghadapi cabaran dan halangan yang dihadapi ketidakpastian

persekitaran fizikal dan sosial tersebut. Kursus *Upskilling* Teknik Pembinaan Bot Gentian Kaca ini dapat membantu mengurangkan halangan dan cabaran yang dihadapi melalui kemahiran membina dan membaiki bot gentian kaca.

Program Kursus Upskilling Teknik Pembinaan Bot Gentian Kaca ini dianjurkan oleh Pusat Latihan Akuakultur Ko-Nelayan (KATC) dengan kerjasama dengan Unit Pembangunan Teknologi Perikanan. Ko- Nelayan mempunyai visi untuk meningkatkan taraf hidup komuniti nelayan dan kesejahteraan negeri melalui amalan perikanan lestari (Ko-Nelayan, n.d.). Selain daripada Kursus Upskilling Teknik Pembinaan Bot Gentian Kaca, KATC juga telah mengadakan berbagai program dan bantuan untuk membantu nelayan, pengusaha akuakultur dan usahawan di Sabah. Ko- Nelayan telah menyediakan berbagai skim sebagai langkah yang dikenali Program Peningkatan Pendapatan Nelayan. Antaranya adalah Skim Bantuan Nelayan (SBN), Skim Pembangunan Industri Kecil Perikanan (PIKP) dan Skim Bantuan Pengusaha Akuakultur (SBPA). Skim-skim tersebut adalah bantuan yang diberikan secara kewangan untuk membantu masyarakat nelayan untuk meningkatkan sosio-ekonomi melalui bantuan kredit dalam bentuk peralatan perikanan tangkap (Ko-Nelayan, n.d.). Pakej pinjaman skim ini terdiri daripada modal pusingan, peralatan, latihan keusahawanan, pemerkasaan jenama dan lain-lain.

Selain daripada bantuan daripada segi kredit, Ko-Nelayan turut menganjurkan kursus kemahiran atau *upskilling*. Korporasi Kemajuan Perikanan dan Nelayan Sabah (Ko-Nelayan) telah berkerjasama dengan Yayasan Usaha Maju menganjurkan Kursus Pembénihan Ikan Keli Afrika pada 22 hingga 24 Mac pada tahun 2017. Kursus *upskilling* ini adalah bertujuan untuk memberikan pengetahuan dan kemahiran secara teori dan amali mengenai kaedah pembénihan ikan keli Afrika secara aruhan (Melissa, 2017). Selain itu, menurut Yayasan Usaha Maju peserta kursus juga dapat pengetahuan dan pendedahan mengenai pemilihan induk matang, pengenalan jantina ikan dan penggunaan kaedah suntikan horman. Seperti Kursus Upskilling Teknik Pembinaan Bot Gentian Kaca terdapat banyak lagi kursus yang dianjurkan untuk membantu meningkatkan dan membina kemahiran dalam sektor perikanan terutamanya di Sabah.

4. Kaedah Kajian

Kajian yang dilakukan mengenai program Teknik Pembinaan Bot Gentian Kaca di Kampung Laya-laya Tuaran, Sabah ini menggunakan kaedah kuantitatif. Menurut Kamus Dewan Bahasa Edisi Ketiga, kuantitatif membawa maksud yang berkaitan dengan nilai seperti nilai ilmu, intelek, dan perkhidmatan yang tidak dapat diukur. Menurut Kerlinger (1973), Kuantitatif adalah data kuantitatif seperti dalam bentuk penyelidikan tinjauan dan kaedah persampelan. Kaedah persampelan pula merupakan kaedah yang mengambil sebahagian pecahan daripada satu populasi atau juzuk penuh sebagai wakil populasi atau juzuk tersebut. Kaedah kuantitatif yang dilakukan dalam kajian adalah menggunakan kaedah soal selidik dengan pelbagai soalan. Soal selidik ini dijalankan dengan mengadakan soal selidik terhadap orang awam seramai 45 orang responden bagi mendapatkan maklumat dan maklum balas mengenai kewujudan atau keberhasilan program pembangunan komuniti desa tersebut. Borang soal selidik kami mengandungi tiga bahagian iaitu demografi responden dan faktor-faktor kejayaan dan kegagalan program Kursus Upskilling Teknik Bot Gentian Kaca. Oleh itu, terdapat pelbagai maklumat yang diperolehi daripada kaedah kajian yang digunakan dan kaedah tersebut telah memudahkan pengkaji mendapatkan maklumat mengenai program Kursus Upskilling Teknik Pembinaan Bot Gentian Kaca di Kampung Laya-laya Tuaran, Sabah. 45 responden yang telah kami pilih ini

merupakan peserta program Kursus Upskilling Teknik Pembinaan Bot Gentian Kaca. Majoriti daripada responden kami berjantina lelaki (93.3%) dan berasal daripada latar belakang pekerjaan, tempat tinggal dan pendidikan yang berbeza dan berbagai.

5. Dapatan Kajian

Hasil daripada borang soal selidik yang diedar secara dalam talian kepada 45 peserta program Kursus Upskilling Teknik Pembinaan Bot Gentian Kaca, kami dapat mengetahui maklumat yang diperlukan. Objektif kajian ini yang pertama adalah sama ada Kursus Upskilling Teknik Pembinaan Bot Gentian Kaca yang dijalankan berjaya mencapai matlamat dan objektif yang ditetapkan. Objektif Kursus Upskilling Teknik Pembinaan Bot Gentian Kaca ini adalah untuk memberi pendedahan praktikal dalam pembinaan bot kaca, mengajar teknik dan kemahiran dalam pembinaan bot gentian kaca dan memberi pengetahuan dan pendedahan kepada peserta mengenai teori dan aplikasi bahan komposit dalam pembinaan bot gentian kaca. Melalui soal selidik yang dijalankan kami dapat menyimpulkan bahawa Kursus Upskilling Teknik Pembinaan Bot Gentian Kaca ini berjaya mencapai matlamat dan objektifnya. Menurut soal selidik yang dijalankan seramai 36 responden (80%) sangat setuju bahawa program Kursus Upskilling Teknik Pembinaan Bot Gentian Kaca ini telah berjaya mencapai matlamat atau objektifnya. Manakala, 8 orang responden (17.8%) lagi memerikan balasan setuju manakala hanya seorang responden yang telah memberikan maklum balas tidak pasti. Ini menunjukkan bukti yang majoriti daripada responden sangat bersetuju bahawa program ini telah mencapai matlamatnya. Untuk menyokong bahawa program Kursus Upskilling Teknik Pembinaan Bot Gentian Kaca ini berjaya mencapai objektifnya ialah dimana semua responden sangat setuju yang program atau kursus seperti ini wajar dan perlu diadakan pada masa akan datang. Majoriti daripada responden ini juga telah menyertai Kursus Upskilling Teknik Pembinaan Bot Gentian Kaca ini lebih daripada setahun.

Objektif kedua kajian kami adalah mengkaji faktor-faktor yang menjayakan program Kursus Upskilling Teknik Pembinaan Bot Gentian Kaca. Hasil daripada soal selidik menunjukkan yang faktor utama yang mempengaruhi kejayaan Kursus Upskilling Teknik Pembinaan Bot Gentian Kaca ini adalah peserta memperoleh ilmu dan kemahiran yang baharu dan berguna. Melalui program Kursus Upskilling Teknik Pembinaan Bot Gentian Kaca ini, kemahiran yang diperolehi peserta sangat berguna dan dapat digunakan dalam pekerjaan dan kehidupan seharian peserta. Seramai 39 responden (86.7%) sangat setuju bahawa mereka dapat mempelajari ilmu dan kemahiran yang baharu melalui program ini. Manakala selebihnya iaitu 6 peserta (13.3%) memberi maklum balas setuju. Selepas mendapat maklumat kami telah menanyakan adakah ilmu dan kemahiran yang dipelajari ini dapat diaplikasikan atau digunakan dalam kehidupan seharian dan pekerja. Seramai 38 orang responden (84.4%) sangat bersetuju manakala 7 orang lagi (15.6%) memberi maklum balas setuju.

Faktor kedua kejayaan Kursus Upskilling Teknik Pembinaan Bot Gentian Kaca yang kami dapat tentukan adalah pihak penganjur yang komited untuk mencapai matlamat ini dan menjayakan program ini. Peralatan yang penting dan diperlukan sepanjang program ini disediakan sepanjang perjalanan kursus oleh penganjur dan pihak program. Sebanyak 36 peserta (80%) sangat setuju yang pihak penganjur telah menyediakan peralatan yang diperlukan. Selebihnya iaitu 9 orang responden (20%) pula setuju yang semua peralatan mencukupi.

Faktor terakhir bagaimana program Kursus Upskilling Teknik Pembinaan Bot Gentian

Kaca ini berjaya adalah pihak pengajar yang dipilih untuk mengajar dan melatih kemahiran-kemahiran dalam kursus ini mempunyai kelayakan dan pengetahuan yang tinggi. Hasil kajian menunjukkan yang seramai 37 responden (82.2%) sangat bersetuju yang pihak pengajar adalah kumpulan yang berpengetahuan, berpengalaman serta berkelayakan dalam ilmu yang diberi. 8 orang responden (17.8%) yang selebihnya telah memberi jawapan setuju untuk soalan dia atas.

Jelaslah hasil kajian mendapati yang program Kursus Upskilling Teknik Pembinaan Bot Gentian Kaca ini berjaya dan faktor-faktor yang menyumbang kepada kejayaan adalah memperolehi ilmu dan kemahiran yang baharu dan berguna, pihak penganjur yang komited untuk mencapai matlamat dan menjayakan program ini serta pihak pengajar yang dipilih untuk mengajar dan melatih kemahiran-kemahiran dalam kursus ini mempunyai kelayakan dan pengetahuan yang tinggi.

6. Perbincangan

Program Kursus Upskilling Teknik Pembinaan Bot Gentian Kaca sebagai sebuah kursus upskilling mementingkan pembangunan latihan dan kemahiran dalam sektor perikanan. Menurut Chakma & Chaijinda (2020), kursus upskilling terdiri daripada inovasi dan kreativiti, pemikiran kritikal dan penyelesaian masalah, komunikasi dan kerjasama. Dalam program Kursus Upskilling Teknik Pembinaan Bot Gentian Kaca ini kita dapat melihat elemen penyelesaian masalah, inovasi dan kreativiti. Selain itu, terdapat kemahiran yang boleh dipelajari sendiri dengan mudah dan terdapat kemahiran yang lebih sukar untuk dipelajari dan memerlukan bantuan tenaga pengajar. (Chakma & Chaijinda, 2020). Dalam kajian kita kita dapat lihat yang teknik dan kemahiran membina bot gentian kaca menjadi fokus utama program ini.

Program Kursus Upskilling Teknik Pembinaan Bot Gentian Kaca ini juga merupakan sebuah program yang dijalankan sebagai langkah meningkatkan pembangunan kemahiran masyarakat terutamanya di kawasan wilayah dan luar bandar. Pembangunan kemahiran terutamanya di kawasan wilayah dan luar bandar dapat membantu mengatasi masalah yang penduduk luar bandar hadapi. Antara masalah yang sering kita dengar adalah masalah kemiskinan dan pengangguran. Menurut Kapur (2019), pembangunan kemahiran di kawasan luar bandar dapat meningkatkan kemahiran penduduk dimana dapat meningkatkan penglibatan mereka dalam tugas dan kerja serta dapat meningkatkan kualiti hidup mereka. Dengan pelaksanaan Kursus Upskilling Teknik Pembinaan Bot Gentian Kaca dapat membantu meningkatkan kualiti hidup masyarakat. Hal ini kerana kemahiran membina bot merupakan sebuah kemahiran yang sangat penting terutamanya kepada para nelayan dan masyarakat yang terlibat dalam sektor perikanan.

Antara faktor utama yang membawa kejayaan kepada program Kursus Upskilling Teknik Pembinaan Bot Gentian Kaca ini adalah peserta yang menyertai program ini mendapat ilmu dan kemahiran yang baharu dalam pembinaan dan pembaikan bot gentian kaca. Bot gentian kaca merupakan sebuah alatan atau kenderaan yang penting dalam menjalankan aktiviti perikanan. Tanpa bot gentian kaca aktiviti perikanan akan terhenti dan menjejaskan kualiti kehidupan penduduk terutamanya nelayan. Selain itu, nelayan juga akan mendapat lebih keuntungan jika mempunyai kemahiran untuk membina dan memperbaiki bot gentian kaca sendiri. Mereka tidak lagi perlu membeli bot gentian kaca dari pembuat lain. Peserta yang menyertai program Kursus Upskilling Teknik Pembinaan Bot Gentian Kaca ini bukan sahaja

terdiri daripada nelayan tetapi juga dari berbagai bidang pekerja lain. Selain itu, memiliki kemahiran memperbaiki bot juga sangat menguntungkan terutamanya pada musim tengkujuh. Hal ini kerana banyak bot nelayan akan mengalami kerosakkan dan kebocoran. Menurut seorang pembaikan bot, membaiki bot membawa keuntungan kerana dicaj antara RM 10, 000 sehingga RM 70, 000 mengikut tahap kerosakkan (TheSun, 2019). Kemahiran membina dan memperbaiki bot gentian kaca ini jelaslah sangat penting buat nelayan dan penjual bot. Dengan mempunyai kemahiran ini, peserta dan meningkatkan tahap ekonomi mereka dan kualiti hidup mereka. Isu seperti nelayan hilang punca pendapatan kerana bot gentian kaca kepunyaan mereka rosak disebabkan ribut dapat diatasi dengan kemahiran ini (Azlim, 2018).

Perbincangan faktor yang seterusnya adalah tenaga pengajar yang dipilih untuk mengajar dan melatih kemahiran-kemahiran dalam kursus ini mempunyai kelayakan dan pengetahuan yang tinggi. Tenaga pengajar memainkan peranan yang penting terutamanya dalam program yang memfokuskan kepada kemahiran. Ini selaras dengan matlamat program Kursus Upskilling Teknik Pembinaan Bot Gentian Kaca iaitu pengajaran teori dan aplikasi bahan komposit dalam pembinaan bot. Oleh itu tenaga pengajar yang mengajar dalam kursus ini mempunyai penguasaan yang penuh dalam teknik pembinaan bot gentian kaca. Faktor yang terakhir adalah pihak penganjur yang komited mencapai matlamat program. Pihak penganjur telah menyediakan alatan-alatan yang secukupnya dalam membantu kelangsungan pembinaan bot gentian kaca. Selain itu, suasana yang kondusif juga telah disediakan oleh pihak penganjur. Untuk penerangan cara pembinaan bot, projektor, papan putih, meja dan kerusi serta penghawa dingin disediakan untuk memudahkan aktiviti pengajaran dan keselesaan peserta. Menurut Rusticus et al. (2022), motivasi dan emosi seseorang individu semasa kerja mahupun belajar dipengaruhi secara langsung oleh persekitarannya. Oleh itu, persekitaran yang sesuai dan kondusif bukan sahaja memanfaatkan pelajar tetapi juga tenaga pengajar. Selain itu, hasil daripada perbincangan kami mendapati yang yuran program Kursus Upskilling Teknik Pembinaan Bot Gentian Kaca juga memainkan peranan yang penting. Kursus Upskilling Teknik Pembinaan Bot Gentian Kaca dijalankan secara percuma dan peserta tidak perlu memberi apa-apa bayaran. Perkara ini mempengaruhi penglibatan peserta dalam program ini.

Walaupun program Kursus Upskilling Teknik Pembinaan Bot Gentian Kaca ini telah berjaya terdapat juga dua kelemahan yang dapat dikenalpasti daripada responden. Beberapa responden menyatakan yang kelemahan program pembangunan kemahiran ini adalah bilangan tenaga pengajar yang terhad. Walaupun, semua responden setuju bahawa tenaga atau pihak pengajar yang dipilih untuk mengajar dan melatih kemahiran-kemahiran dalam kursus ini mempunyai kelayakan dan pengetahuan yang tinggi tetapi bilangan tenaga atau pihak pengajar adalah terhad. Oleh itu, penambahbaikan yang boleh diadakan adalah meningkatkan bilangan tenaga pengajar di Kursus Upskilling Teknik Pembinaan Bot Gentian Kaca supaya dapat meningkatkan lagi kepuasan peserta. Kelemahan kedua yang dapat dikenalpasti adalah tiada tempat tinggal khas untuk peserta Kursus Upskilling Teknik Pembinaan Bot Gentian Kaca. Kebanyakan peserta berasal daripada latar belakang kawasan dan kampung yang berlainan. Oleh itu, terdapat beberapa responden yang terpaksa berulang-alik ke pusat latihan. Walaupun terdapat sedikit kelemahan dalam Kursus Upskilling Teknik Pembinaan Bot Gentian Kaca ini kursus ini telah berjaya dalam membantu para peserta dan kesemua bersetuju untuk menyertai seperti ini lagi dan berharap agar terdapatnya pihak-pihak luar untuk menganjurkan program sebegini pada masa akan datang.

Akhir sekali, hasil daripada kejayaan program Kursus Upskilling Teknik Pembinaan Bot Gentian Kaca, pengkaji setuju bahawa program seperti ini perlu diluaskan lagi ke kawasan wilayah dan luar bandar lain di Sabah. Kursus atau program pembangunan kemahiran memainkan peranan yang penting dalam meningkatkan tahap kualiti hidup masyarakat. Selain itu, pembangunan kemahiran juga menerapkan sifat pembelajaran sepanjang hayat di Malaysia.

7. Kesimpulan

Kesimpulannya, program Kursus Upskilling Teknik Pembinaan Bot Gentian Kaca ini mempunyai banyak manfaat dan membantu masyarakat dan penduduk. Selain itu, program ini juga dapat mengurangkan jurang antara kawasan bandar dan luar bandar. Hal ini demikian kerana program kemahiran sebegini dapat memajukan penduduk luar bandar khususnya penduduk Kampung laya-laya, Tuaran. Kursus Upskilling Teknik Pembuatan Bot Gentian Kaca memberi pengalaman dan kemahiran yang mendorong kepada kemajuan taraf hidup penduduk luar bandar. Oleh itu, program sebegini sepatutnya diperbanyakkan supaya dapat merapatkan jurang sosioekonomi penduduk luar bandar dan penduduk bandar. Penduduk dan masyarakat Malaysia juga perlulah mengambil kesempatan dan peluang untuk menyertai program-program pembangunan kemahiran di luar sana.

8. Rujukan

- Azlim, Z. M. (2018). *Nelayan Hilang Punca Pendapatan*.
https://scholar.google.com/scholar?hl=en&as_sdt=0%2C5&q=nelayan+hilang+punca+pendapatan&btnG=#d=gs_qabs&t=1656404395979&u=%23p%3DDzDICWhnIncJ
- Chakma, S., & Chaijinda, N. (2020). Importance of Reskilling and Upskilling the Workplace. *Interdisciplinary Sripatum Chonburi Journal*, Vol. 6(2). <https://so04.tci-thaijo.org/index.php/ISCJ/article/view/245447>
- Ko- Nelayan. (n.d.). *Maklumat korporat*. <https://www.sabah.gov.my/konelayan/>
- Kapur, R. (2019). *Skills Development among Rural Individuals*.
https://www.researchgate.net/publication/332111128_Skills_Development_among_Rural_Individuals
- Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka. (2002). Edisi Ketiga. Kuala Lumpur.
- Melissa. (2017). *Kursus Pembinaan Ikan Keli Afrika*.
<https://www.yumsabah.com.my/my/index.php/iklan/perjawatan/8-berita-semasa/222-kursus-pembinaan-ikan-keli-afrika>
- Rusticus, S. A., Pashootan, T., Mah, A. (2022). What are key elements of a positive learning environment? Perspective from students and faculty. *Learning Environments Research*.
<https://pubmed.ncbi.nlm.nih.gov/35574193/>
- Sabki, A. F. A., & Ismail, N. (2007). Offshore Fishing Vessel Research “Vessel’s Repair and Operation Project. *Fakulti Kejuruteraan Mekanikal Universiti Teknologi Malaysia*.
<https://core.ac.uk/download/pdf/11779079.pdf>
- Shah, J. M., & Selamat, H. H. (2015). Strategi Kelangsungan Aktiviti Perikanan Nelayan Bandar di Pulau Gaya, Kota Kinabalu, Sabah. *International Journal of Environment, Society and Space*, 3(2), 22-31.
https://www.researchgate.net/publication/320394862_STRATEGI_KELANGSUNGAN

_AKTIVITI PERIKANAN NELAYAN BANDAR DI PULAU GAYA KOTA KI
NABALU SABAH

- TheSun. (2019). *Boat repairing skills a blessing for fisherman during monsoon season*.
[https://www.thesundaily.my/local/boat-repairing-skills-a-blessing-for-fisherman-
during-monsoon-season-JC1631795](https://www.thesundaily.my/local/boat-repairing-skills-a-blessing-for-fisherman-during-monsoon-season-JC1631795)
- Vinayan, G., Harikirishanan, D., Ling, S. M. (2020). Upskilling and Reskilling the Workforce
Via Industry Driven Technical and Vocational Education and Training: Strategies to
Initiate Industry/Institution Partnership in Malaysia. *Journal of Economic Info*, Vol.7,
No.2. <https://readersinsight.net/JEI/article/view/1438>

Faktor Kejayaan Program Pembangunan Kemahiran Jahitan KEMAS untuk Komuniti Desa Simpang 3 Santan, Kangar

**Fatin Yusra^{1,*}, Khairani Qabsah², Mahani³, Noor Rizuana⁴, Nur Faridah⁵,
Mohamad Shaharudin Bin Samsurijan⁶**

^{1,2,3,4,5,6}Pusat Pengajian Sains Kemasyarakatan, Universiti Sains Malaysia, Malaysia

Email: ^{1,*}fatinyusra99@student.usm.my, ²qabsahkhairani@gmail.com,

³mahanirahman0726@student.usm.my, ⁴nriзуana@student.usm.my,

⁵nurfarahidah@student.usm.my, ⁶msdin@usm.my

Abstrak

KEMAS merupakan agensi yang memainkan peranan besar dalam memberikan latihan dan kemahiran kepada masyarakat luar bandar khususnya. Antara program yang dijalankan oleh KEMAS ialah kursus jahitan dilihat telah berjaya membentuk bakat komuniti luar bandar supaya boleh menjahit. Oleh itu, program jahit di Desa Simpang 3 Santan, Kangar dilihat menjadi elemen penting melengkapkan aktiviti-aktiviti KEMAS kepada masyarakat setempat. Program ini bermotif membantu mengatasi kemiskinan dengan mendapatkan wang tambahan sekali gus menaiktaraf modal insan yang berdaya saing di luar bandar. Dua objektif kajian ini tertumpu melihat keberkesanan program jahitan dan melihat kejayaan program yang dilaksanakan di Desa Simpang 3 santan, Kangar. Kajian ini telah menggunakan pendekatan kualitatif iaitu dengan menjalankan temu bual bersama 10 orang informan di Pusat Pengeluaran Jahitan, Simpang 3 santan, Kangar. Hasil kajian mendapati bahawa terdapat lima faktor yang telah menjayakan program ini iaitu, lokasi yang strategik, keinginan untuk menjana pendapatan oleh peserta, berminat untuk menambah ilmu dan kemahiran menjahit, sokongan daripada pihak kerajaan melalui KEMAS dan akhir sekali sambutan yang baik daripada masyarakat setempat dan program ini dilihat perlu diteruskan pada masa akan datang khususnya kepada ibu tunggal meningkatkan pendapatan mereka. Program pembangunan jahitan ini berjaya membantu masyarakat setempat yang menyertai program ini. Hal ini kerana ada antara pesertanya berjaya mengambil tempahan menjahit secara pukal lalu menjana pendapatan yang lumayan. Kajian menyimpulkan bahawa program ini merupakan antara usaha yang relevan dengan masyarakat desa kerana ia dapat membantu desa tersebut maju setaraf dengan kemajuan masyarakat di bandar.

Kata kunci: Program pembangunan; luar bandar; pusat jahit; menjahit; KEMAS; keberkesanan program; faktor kejayaan; kurikulum.

1. Pengenalan

Pada era globalisasi kini, perkembangan dan pembangunan sesebuah negara menjadi semakin pesat seiring dengan perkembangan teknologi. Demi memastikan semua pihak membangun tanpa ada satu pun yang ketinggalan khususnya masyarakat luar bandar dan desa, maka kerajaan telah memperkenalkan pelbagai program yang boleh membantu dalam meningkatkan ekonomi dan pendapatan penduduk desa atau luar bandar. Terdapat banyak program pembangunan masyarakat luar bandar dan desa telah diperkenalkan dan dijalankan.

Antaranya ialah Program Pendidikan Kemahiran di bawah Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS) yang dipantau oleh Kementerian Pembangunan Luar Bandar dan wilayah. Program Pendidikan Kemahiran ini mula diperkenalkan pada tahun 1969 dengan dikenali sebagai kelas latih kerja. Tujuan program ini ialah memberikan kemahiran bagi keperluan diri dan keluarga untuk meningkatkan pendapatan keluarga dan masyarakat luar bandar. Program ini pada mulanya dilaksanakan secara tidak formal. Namun begitu, pada tahun 1970, Bahagian Pelajaran Dewasa telah di struktur semula dan dinamakan sebagai Bahagian Kemajuan Masyarakat (KEMAS) selaras dengan pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru (DEB). Tujuan DEB ialah mengubah sikap masyarakat luar bandar agar menerima perubahan dan pembangunan yang progresif dengan memberikan latihan agar masyarakat terlibat secara aktif dalam usaha meningkatkan ekonomi. Pada 19 Januari 2015 penjenamaan semula Bahagian Pendidikan Masyarakat kepada Bahagian Pendidikan Kemahiran. Bahagian Pendidikan Kemahiran atau Program Pendidikan Kemahiran ini memfokuskan 6 bidang utama yang boleh dipilih oleh masyarakat, yang terdiri daripada bidang masakan, jahitan, dandan diri, pendidikan kesejahteraan keluarga (PKK), seni tangan dan komputer.

Bermula tahun 1991, program ini mula dilaksanakan di sekitar perkampungan Santan Utara yang mempunyai Kampung Santan Baroh, Kampung Padang, Kampung Masjid dan Kampung Santan. Kelas Jahitan ini dilaksanakan di Pusat Pengeluaran Jahitan Kemas, Simpang 3 Santan, Batu 3, Jalan Santan, 01000 Kangar yang terletak bersebelahan dengan Dewan Santan Utara. Hampir 31 tahun program ini dilaksanakan di kawasan ini dan sambutan daripada penduduk sekitar terhadap program ini masih menggalakkan. Hal ini disebabkan permintaan terhadap perkhidmatan menjahit pakaian sentiasa tinggi dari hari ke hari oleh orang ramai. Secara tidak langsung, perkhidmatan menjahit ini mendatangkan hasil yang lumayan kepada peserta yang terlibat.

2. Latar Belakang Program

2.1 Nama Program

Program Pendidikan Kemahiran Kemas merupakan program pembangunan masyarakat desa yang telah dilaksanakan di Pusat Pengeluaran Jahitan Kemas, Simpang 3 Santan, Batu 3, Jalan Santan, 01000 Kangar, Perlis. Program ini merupakan program yang dilaksanakan untuk meningkatkan kemahiran kepada komuniti setempat dan mampu menjana pendapatan dengan kemahiran menjahit yang dipelajari. Program Pendidikan Kemahiran dalam bidang jahitan menjadi fokus utama dalam kajian dan tugas ini.

2.2 Sejarah Diperkenalkan

Program ini mula diperkenalkan pada tahun 1969 yang dikenali sebagai kelas latihan kemahiran. Lokasi program terletak di Pusat Pengeluaran Jahitan Kemas, Simpang 3 Santan, Batu 3, Jalan Santan, 01000 Kangar. Bersebelahan dengan Dewan Santan Utara dan berdekatan dengan kawasan perkampungan yang menjadi sasaran program ini. Program ini mula dijalankan pada tahun 1991 hingga sekarang. Program ini dikendalikan oleh seorang guru jahitan yang dilantik oleh pihak KEMAS untuk memberi latihan kemahiran jahitan kepada peserta. Puan Azniyah Binti Abu Bakar merupakan guru yang bertanggungjawab dalam memberikan kemahiran jahitan yang mempunyai pengalaman selama 30 tahun dalam bidang jahitan dan merupakan seorang

tokoh kebaya Perlis yang dikenali ramai dan sangat popular dalam bidang jahitan. Kelas Jahitan ini beroperasi 5 hari seminggu iaitu pada hari Isnin - Jumaat dari pukul 9 pagi sehingga 1 tengah hari.

2.3 Agensi Penaja

Program Pendidikan Kemahiran Jahitan tidak mempunyai banyak agensi penaja. Agensi penaja yang menjadi penaja program ini ialah Kementerian Pembangunan Luar Bandar dan Wilayah. Kementerian ini akan menaja wang berjumlah RM30 ribu kepada peserta yang berjaya mengikuti kelas jahitan sehingga tamat dan berjaya membuka kedai jahitan sendiri. Peserta hanya dibenarkan memilih barangan jahitan dan keperluan lain dengan bajet yang ditaja dan tidak diberi wang secara tunai. Sebagai contoh, mesin jahit, dan kelengkapan jahitan yang lain.

2.4 Penglibatan Peserta Secara Keseluruhan

Program Pendidikan Kemahiran Jahitan telah disambut baik oleh komuniti setempat khususnya kepada golongan yang tidak bekerja dan kurang berkemampuan, seperti suri rumah, anak yatim, ibu tunggal, belia dan sebagainya. Penglibatan peserta dalam program ini paling ramai dalam tempoh setahun seramai 20-22 orang. Jumlah Peserta ini tidak dapat ditentukan jumlah secara tepat kerana penglibatan peserta yang tidak menentu dan jumlah mesin jahit yang dapat digunakan. Oleh itu, penglibatan peserta secara keseluruhan bagi program ini ialah 20-22 orang.

2.5 Matlamat/ Tujuan Program

Matlamat dan tujuan Program Pendidikan Kemahiran ini ialah untuk membimbing, dan meningkatkan kualiti modal insan luar bandar yang berkualiti dan melahirkan usahawan yang berdaya saing. Matlamat ini bertepatan dengan salah satu misi Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS) iaitu meningkatkan kompetensi masyarakat luar bandar supaya mampu berdikari untuk meningkatkan taraf kehidupan dari segi pendidikan, sosial, dan ekonomi.

3. Konsep-Konsep Umum Atau Perbincangan Kajian Lalu Berkaitan Program

Dalam kajian ini, terdapat beberapa konsep-konsep umum yang boleh diperolehi. Antara konsep umum tersebut ialah Jabatan Kemajuan Masyarakat, Kursus Jangka Sederhana dan komuniti setempat. Jabatan Kemajuan Masyarakat, atau lebih dikenali sebagai KEMAS adalah salah satu daripada agensi kerajaan di Malaysia. KEMAS tercipta hasil daripada lanjutan sebuah jabatan iaitu daripada Bahagian Pelajaran Dewasa sejak tahun 1961. Oleh itu, KEMAS ini telah ditubuhkan di bawah Kementerian Pembangunan Luar bandar iaitu khas untuk penduduk di luar bandar. Oleh sebab itulah pada mulanya, KEMAS hanya memberi fokus untuk membasmi buta huruf dalam kalangan penduduk pedalaman supaya mereka celik dengan buku. Selain itu, bagi konsep kursus jangka sederhana boleh didefinisikan sebagai kursus sepenuh masa yang tempohnya melebihi tiga bulan tetapi tidak melebihi dua belas bulan kalendar termasuk hari kelepasan mingguan, kelepasan am dan cuti akademik (Dasar Latihan Sumber Manusia Sektor Awam, 2017).

Latihan pula membawa maksud satu proses pemindahan ilmu pengetahuan secara kemas dan berdisiplin bertujuan untuk menambah pengetahuan dan kemahiran bagi memenuhi

keperluan dan tuntutan semasa dalam organisasi. Latihan dicapai melalui pemberian kursus, 'coaching', latihan semasa bekerja dan sebagainya (Dasar Latihan Sumber Manusia Sektor Awam, 2017). Bagi Program Pendidikan Kemahiran Jahitan ini, kursus ini telah diberikan kepada peserta selama 6 bulan pertama melalui kursus, latihan semasa bekerja serta ada kalanya melalui program 'coaching' dengan mengenakan yuran sebanyak RM 10 sebulan. Peserta akan mendapat sijil kemahiran 1 selepas kursus 6 bulan tersebut dan boleh meneruskan kursus selama 6 bulan lagi untuk mendapat sijil kemahiran 2. Komuniti setempat atau masyarakat setempat merujuk kepada warga desa atau kota yang tinggal dengan kelompok-kelompok kecil masyarakat yang berada dalam sesebuah Kawasan tertentu.

Bagi kajian literatur atau kajian lalu menunjukkan di dalam kajian Zalika Adam, Faridah Kassim & Mohd Johdi Salleh (2009), menyentuh tentang pelaksanaan program Pendidikan di luar bandar. Program ini di bawah Kementerian Kemajuan Luar Bandar supaya masyarakat luar bandar tidak tercicir dengan masyarakat bandar. Pendidikan yang terlibat hasil teretusnya idea YB Dato' Seri Abd Aziz Shamsudin ini ialah Pendidikan di prasekolah, kemahiran memasak, kemahiran menjahit serta berkaitan dengan pembengkelan dengan 3 kategori sijil kemahiran yang ditawarkan. Jadi, pelaksanaan program Pendidikan kemahiran ini dapat melahirkan masyarakat yang bermodal insan tinggi dan berkualiti serta stabil dalam ekonomi dan berdaya saing mengikut keperluan semasa tanpa tercicir.

4. Metodologi Kajian

Menurut "Hornby" (1985), metodologi adalah satu kaedah yang digunakan untuk menjalankan penyelidikan mengenai topik penyelidikan tertentu. Oleh itu, alat dan prosedur penyelidikan atau proses menganalisis data untuk menjawab persoalan kajian yang dikemukakan sebelumnya. Tujuan metodologi ini adalah untuk membantu pemahaman terperinci yang lebih luas mengenai penerapan kaedah dengan menerangkan prosesnya. Kajian ini adalah berbentuk kajian kualitatif. Kajian kualitatif merupakan cara penyelidikan yang bergantung kepada pandangan responden dengan, menanyakan soalan yang umum, mengumpul data & menganalisis teks tersebut dalam bentuk tema.

4.1 Kaedah Kajian

Kaedah penyelidikan ialah satu cara untuk mencari sumber atau maklumat tentang perkara yang ingin dikaji. Dengan menggunakan kaedah tersebut, sesuatu masalah yang dikaji dapat diselesaikan. Kajian ini dilakukan dengan menggunakan pendekatan kualitatif. Hal ini kerana untuk mendapatkan maklumat yang lebih tepat daripada informan sendiri.

4.2 Kaedah Kualitatif

Penyelidikan kualitatif melibatkan kepelbagaian kaedah, termasuk penggunaan pendekatan naturalistik iaitu semula jadi untuk menyelidik sesuatu subjek (Denzin dan Lincoln, 1994). Istilah kaedah kualitatif juga merujuk kepada proses mengumpul data untuk mencari dan mengemukakan bukti. Contohnya melalui komen lisan, pernyataan, pendapat, persepsi, dan di mana semua ini terkandung dalam teknik kaedah kualitatif.

4.3 Kaedah Pengumpulan Data

Matlamat pengumpulan data adalah untuk mendapatkan maklumat yang diperlukan untuk mencapai matlamat kajian. Secara umumnya, Kajian ini telah menggunakan dua kaedah untuk mengumpulkan data iaitu kaedah temu bual dan kaedah rujukan Internet.

4.3.1 Temu bual

Sabitha Marican berkata, temu bual adalah satu situasi di mana penemu bual akan bertanya soalan pada seseorang atau lebih responden secara bersemuka. Berikutan daripada itu pengkaji telah menemubual seramai 10 orang informan yang sedang aktif menyertai program jahit di lokasi yang bernama Kampung Simpang 3 Santan, Kangar secara bersemuka. Sebanyak 16 soalan ditanya kepada informan yang berkaitan dengan profil informan seperti jantina dan jawatan mereka serta soalan-soalan yang berkaitan dengan program jahit tersebut. Contohnya, soalan berkenaan faktor penyertaan mereka di program ini dan kebaikan yang diperoleh melaluinya. Kaedah ini amat berguna kepada pengkaji kerana soalan-soalan yang ditanya dapat dijawab oleh informan secara semula jadi dan spontan. Pelbagai informasi telah dikongsikan oleh mereka yang telah membantu pengkaji mengulas dengan lebih lanjut mengenai keberkesanan program ini.

Lampiran berkaitan Profil Responden serta maklumat-maklumat yang diperoleh berkaitan kajian ini telah dilampirkan di muka surat (I).

4.3.2 Rujukan Internet

Selain itu, Internet digunakan oleh pengkaji sebagai sumber untuk mendapatkan data dan maklumat tambahan yang mungkin digunakan untuk membantu menyiapkan kajian. Contohnya, pelbagai artikel dan jurnal yang menjelaskan mengenai pembangunan luar bandar dan peranan-peranan kerajaan telah dijumpai. Di samping itu, pautan berkaitan Program Jahit KEMAS juga telah dijumpai dan diteliti melalui Internet ini. Pelbagai penjelasan yang telah dijumpai di Internet di mana ia sememangnya telah bantu pengkaji untuk mendalami berkaitan program-program KEMAS dan manfaatnya kepada masyarakat. Maklumat-maklumat yang telah diperoleh digunakan untuk menjelaskan lebih lanjut mengenai program ini. Keupayaan pengkaji juga bertambah untuk mengukuhkan lagi data dan kesimpulan kajian.

5. Dapatan Kajian

5.1 Adakah Program Ini Berjaya Atau Gagal Mencapai Matlamatnya?

Program Pendidikan Kemahiran Jahitan yang merupakan salah satu program di bawah pelaksanaan pihak KEMAS ini telah berjaya dilaksanakan dengan memenuhi matlamat program itu sendiri. Program Pendidikan Kemahiran yang beroperasi di Pusat Pengeluaran Jahitan KEMAS telah mendapat sambutan yang menggalakkan daripada penduduk yang menetap di sekitar Jalan Santan, Kangar, Perlis. Hasil daripada sesi temu bual dengan Pembantu Pembangunan Masyarakat (KEMAS) bagi program ini, Puan Azniyah Binti Abu Bakar atau lebih mesra disapa dengan Cikgu Yah mengatakan bahawa peserta yang mengikuti program kelas jahitan ini berjaya menerima hasil tempahan baju yang banyak sehingga hasil tempahan tersebut mencecah ribuan ringgit. Ini semua sudah tentu hasil daripada bimbingan pihak KEMAS

kepada semua peserta yang terlibat. Keadaan ini bertepatan dengan matlamat dan tujuan utama pihak KEMAS mengadakan Program Pendidikan Kemahiran ini di mana untuk memberi bimbingan, melatih usahawan yang berdaya saing serta meningkatkan kualiti modal insan terutama bagi penduduk di luar bandar. Secara tidak langsung, misi KEMAS tercapai dimana ingin melahirkan masyarakat luar bandar yang berdikari dengan peningkatan taraf kehidupan mereka dalam bidang pendidikan, sosial serta ekonomi. Oleh itu, masyarakat di luar bandar seperti penduduk di sekitar Santan, Kangar, Perlis ini tidak ketinggalan dengan penduduk-penduduk bandar yang lain.

5.2 Faktor-Faktor Kejayaan Pembangunan Program Pendidikan Kemahiran Jahitan

5.2.1 Lokasi Yang Strategik

Program Pendidikan Kemahiran Jahitan ini telah dibangunkan di kawasan desa iaitu Pusat Pengeluaran Jahitan KEMAS, Simpang 3 Santan, Batu 3, Jalan Santan, 01000 Kangar. Dapatan kajian yang dijalankan, menunjukkan bahawa lokasi yang strategik telah mendorong kejayaan Program Pendidikan Kemahiran. Lokasinya yang berdekatan dengan tempat tinggal komuniti setempat memudahkan masyarakat yang berminat untuk menjahit terutamanya wanita untuk mengikuti program kelas jahitan tersebut.

5.2.2 Keinginan Untuk Menjana Pendapatan Oleh Peserta

Faktor lain yang membawa kepada kejayaan Program Pendidikan Kemahiran Jahitan ini ialah mereka dapat menjana sumber pendapatan. Hal ini dikatakan demikian kerana, program menjahit ini telah memberikan mereka peluang untuk membuka kedai sendiri. Berdasarkan temu bual yang dijalankan, ramai responden yang menyatakan bahawa melalui program kelas menjahit ini mereka dapat menjana pendapatan yang lebih tinggi daripada kebiasaannya. Hal ini sekaligus telah berjaya meningkatkan taraf hidup mereka walaupun hanya dengan kemahiran menjahit.

5.2.3 Berminat Untuk Menambah Ilmu Dan Kemahiran Menjahit

Faktor seterusnya yang membawa kepada kejayaan Program Pendidikan Kemahiran Jahitan ini ialah lembah ilmu dan kemahiran menjahit. Hal ini berhubung dengan ramai peserta yang mengikuti program kelas menjahit ini untuk meningkatkan lagi kemahiran mereka. Peningkatan kemahiran dalam menjahit ini boleh digunakan dalam kehidupan seharian mereka terutamanya bagi golongan suri rumah dan ibu tunggal. Kemahiran dan pengalaman sedia ada daripada kelas menjahit juga dapat digunakan dalam membuka perniagaan jahitan secara kecil-kecilan.

5.2.4 Sokongan Daripada Pihak Kerajaan Melalui (KEMAS)

Dapatan kajian ini juga mendapati bahawa faktor kejayaan Program Kelas Menjahit ini ialah sokongan daripada Program Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS). Kerajaan hendak memanfaatkan program yang dilaksanakan agar masyarakat dapat menambahkan pengetahuan mereka dalam program menjahit dari segi sulaman, kraf tangan bagi keperluan diri untuk menjana pendapatan. Secara tidak langsung, hal ini juga dapat membangunkan kawasan kampung serta kawasan luar bandar dalam meningkatkan sosioekonomi komuniti yang berada di luar bandar.

5.2.5 Sambutan Baik Daripada Masyarakat Setempat

Faktor seterusnya yang membawa kepada kejayaan Program Pendidikan Kemahiran Jahitan adalah sambutan daripada komuniti setempat. Projek ini adalah program jahitan pertama yang dibina dalam kampung Santan, Kangar. Sambutan yang sangat positif daripada masyarakat setempat di kawasan kampung tersebut telah berjaya memeriahkan lagi projek jahitan ini. Penduduk setempat juga berasa amat berpuas hati dengan kelas jahitan yang dibina kerana sedikit sebanyak dapat membantu mereka dari segi kemahiran. Program menjahit yang dilaksanakan ini dapat membuka peluang masyarakat untuk mendemonstrasikan kemampuan serta potensi masyarakat secara penuh.

6. Perbincangan Ahli Kumpulan Berkaitan Program

Hasil daripada temu bual dengan informan yang merupakan peserta kelas jahitan tersebut, hasil kajian kami telah menunjukkan program pendidikan kemahiran jahitan bagi komuniti setempat Santan, Kangar, Perlis berjaya mencapai matlamat asal program tersebut. Sambutan yang diberikan oleh komuniti yang menetap di sekitar Santan, Kangar menunjukkan sesuatu yang positif dan menggalakkan. Oleh itu, kami sekumpulan telah berpendapat bahawa kejayaan program yang dijalankan di Santan ini mungkin didorong oleh beberapa faktor. Antara faktor tersebut ialah masyarakat di situ menganggap yang program kelas jahitan ini dapat membekalkan tunjuk ajar dan memberi kemahiran kepada peserta kelas jahitan. Selain itu, kejayaan program ini juga disebabkan oleh faktor untuk menambah lebih banyak ilmu dalam bidang jahitan di samping dapat menjana pendapatan harian kerana peserta kelas jahitan ini kebanyakan dari kalangan ibu tunggal, suri rumah dan belia yang memerlukan pendapatan harian demi kelangsungan hidup mereka. Lokasi kelas jahitan yang strategik kerana berhampiran dengan tempat tinggal masyarakat di situ dan mendapat sokongan yang berterusan daripada pihak KEMAS menjadi faktor penyumbang program ini berjaya.

Kejayaan program Pendidikan kemahiran jahitan ini juga disebabkan faktor jangka masa yang lama program ini telah diadakan. Program ini telah menapak sejak beberapa tahun yang lalu dan masih bertahan sehingga tahun 2022 ini. Faktor ini menjadi sebab kepada para peserta kelas jahitan ini untuk menyertai program tersebut kerana mereka telah mempercayai program Pendidikan kemahiran jahitan ini bukan sesuatu yang sia-sia. Kemahiran jahitan adalah kemahiran sepanjang hayat yang berguna dalam hidup kita.

Kami sekumpulan juga berpendapat bahawa pelaksanaan program di bawah KEMAS ini iaitu program Pendidikan kemahiran jahitan ini umumnya telah memberi beberapa kesan positif terutamanya kepada para peserta kelas jahitan ini. Hasil kajian mendapati, peserta kelas jahitan yang terdiri daripada suri rumah, ibu tunggal dan belia ini sudah pasti antara mereka yang masih baru tentang ilmu jahitan ini. Jadi, dengan adanya program ini, mereka dapat menambah ilmu pengetahuan berkaitan bidang jahitan ini kerana bidang ini juga menjurus dengan pelbagai perkara. Sebagai contoh, jika sebelum menyertai program ini mereka hanya tahu menjahit baju kurung, tetapi selepas program ini mereka sudah pandai menjahit jenis baju yang lain seperti baju kebaya. Ilmu yang dicurahkan bukan hanya ilmu kosong tetapi sudah tentu sarat dengan pelbagai cara dan tunjuk ajar yang betul untuk menjahit pakaian dan sebagainya.

Selain itu, hasil perbincangan kami sekumpulan, program pendidikan kemahiran jahitan ini memberi kesan positif kepada semua peserta yang menyertainya dengan melahirkan peserta yang berjaya dalam perkhidmatan jahitan. Ini bermaksud, dengan menyertai program ini, peserta kelas jahitan tersebut akan lebih proaktif, cekap uruskan masa, dan yang paling penting tidak mudah berputus asa. Dalam kelas jahitan ini mereka sudah tentu akan diajarkan dengan pelbagai ilmu seperti cara menangani masalah yang dihadapi, cara pengurusan masa yang betul dan sentiasa bersikap proaktif. Peserta diajar untuk menjahit dengan penuh ketelitian dan ketekunan untuk memuaskan hati pelanggan. Seorang peserta yang berjaya juga akan melahirkan mereka untuk menanam semangat berpasukan dengan peserta-peserta yang lain tanpa mengira kudrat dan tenaga lalu akan mewujudkan peserta yang berdaya saing.

Kesan seterusnya dengan penyertaan peserta terhadap kelas jahitan ini ialah dapat menambah pendapatan bulanan masing-masing. Hasil dapatan kajian yang kami lakukan, kami sekumpulan memang mempersetujui bahawa program ini mampu menjana pendapatan penduduk kampung di Santan, Kangar, Perlis. Ini kerana, bidang perkhidmatan jahitan adalah satu bidang yang semakin berkembang dari hari ke hari. Orang akan sentiasa mencari pengupah kain untuk menjahit baju. Tambahan pula, di kelas jahitan tersebut, semua peserta telah diajarkan untuk menjahit semua jenis pakaian samada yang baru ataupun yang jenis tradisional. Misalnya, ada peserta kelas jahitan di situ telah menerima hasil tempahan sehingga beribu ringgit. Ini menunjukkan hasil jahitan mereka telah dipercayai oleh penduduk kampung dan orang-orang luar. Dengan adanya tempahan jahitan tersebut, peserta-peserta dapat meningkatkan pendapatan bulanan. Pendek kata, hasil kelas jahitan ini menjadikan lubuk rezeki buat semua peserta yang terlibat.

7. Kesimpulan

Kesimpulannya, terdapat dua objektif yang telah dikaji iaitu keberkesanan program jahitan di Desa Simpang 3 Santan, Kangar dan kejayaan program yang dilaksanakan di Desa Simpang 3 Santan, Kangar. Untuk menjalankan kajian ini dan mencapai objektif kajian ini, soal selidik dan temu bual telah dijalankan dengan 10 orang informan yang telah dipilih daripada kalangan peserta Program Pembangunan Kemahiran Jahitan KEMAS.

Menurut dapatan kajian yang telah dikaji, terdapat lima faktor kejayaan Program Pembangunan Kemahiran Jahitan KEMAS untuk komuniti Desa Simpang 3 Santan, Kangar. Antara faktor kejayaan program ini adalah lokasi yang strategik, keinginan untuk menjana pendapatan oleh peserta, berminat untuk menambah ilmu dan kemahiran menjahit, sokongan daripada pihak kerajaan melalui (KEMAS) dan sambutan baik daripada masyarakat setempat.

Berdasarkan temu bual yang didapati oleh 10 orang informan, mereka mengatakan bahawa program ini sangat memberi impak kepada mereka kerana dapat mengetahui dan mempelajari kemahiran menjahit. Mereka juga dapat menjana pendapatan hasil daripada menyertai program ini. Oleh itu, kerajaan perlulah melaksanakan lebih banyak lagi program seperti Program Pembangunan Kemahiran Jahitan KEMAS ini. Hal ini kerana, program seperti ini banyak memberi manfaat dan kebaikan kepada masyarakat negara kita untuk mempelajari pelbagai kemahiran supaya dapat diterapkan di dalam kehidupan seharian.

8. Rujukan

- Asnul Dahar Minghat' & Siti Azizah Disun (2011) - Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Pemilihan Kursus Rekaan Dan Jahitan Di Daerah Muar, Negeri Johor, 66-74.
- Astro Awani,(9 Oktober 2020), Kursus Kemahiran Jahitan Jana Pendapatan untuk B40, Daripada,<https://www.astroawani.com/berita-malaysia/kursus-kemahiran-jahitan-jana-pendapatan-untuk-b40-262877>
- Berita Harian Online, (18 December 2016). Kemahiran Daripada Kursus RM 5, Jana RM 5,000 Sebulan. Diakses Daripada <https://www.bharian.com.my/bhplus-old/2016/12/224899/kemahiran-daripada-kursus-rm5-jana-rm5000-sebulan>
- Berita Harian Online, (9 November 2017). Menjahit Masa Depan. Diakses Daripada <https://www.bharian.com.my/wanita/lain-lain/2017/11/348564/menjahit-masa-depan>
- Fazurawati Che Lah, (1 September 2019), Lubuk Rezeki Pereka Fesyen, daripada, <https://www.hmetro.com.my/bestari/2019/09/492371/lubuk-rezeki-pereka-fesyen>
- Hilda Maghfiroh, (n.d). Pelaksanaan Kursus Menjahit Untuk Meningkatkan Motivasi Berwirausaha Pada Peserta Didik LKP Modes Aniq Sidoarjo Surabaya: Universitas Negeri Surabaya.
- Maya Bestari@UKM, (18 April 2017). Dasar Latihan Sumber Manusia Sektor Awam. Diakses Daripada <https://mayabestari.ukm.my/mod/page/view.php?id=203&lang=en>
- Mimansha Patel, Nitin Patel. (2019). Exploring Research Methodology: Review Article. *International Journal of Research and Review*, 49-54.
- Munirah Binti Yahya, Kamelia Binti Kamel, Haslinda Binti Jama'in. (2018). Keberkesanan Perlaksanaan Kursus Jahitan Kolej Komuniti Mas Gading Dalam Kalangan Komuniti Setempat, 5-7.
- Ngah, A. P. (2020). Rural Development In Malaysia. *Built of Environment*, 25-37.
- Portal Rasmi Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS),(10 Julai 2019), Wanita Inspirasiku daripada, <https://www.kemas.gov.my/winskemas/>
- Zalika Adam, Faridah Kassim, Mohamad Johdi Salleh. (2009). Peranan Kementerian Kemajuan Luar Bandar Dalam Merealisasikan Pendidikan Luar Bandar. *Sekolah Pembangunan dan Pendidikan Sosial, UMS Sabah* (p. 11). Kota Kinabalu: IIUM Repository (IREP).

Faktor Kejayaan Program Pusat Internet 1Malaysia Sungai Petai, Pasir Puteh, Kelantan

Muhammad Ariff bin Ghazali¹, Nuranis Syahirah binti Noorazmirr², Nur Syuhada binti Surhan³, Siti Aishah binti Mat Zaid⁴, Siti Nur Nadirah binti Riduan⁵, Mohamad Shaharudin bin Samsurijan⁶

^{1,2,3,4,5,6}Pusat Pengajian Sains Kemasyarakatan, Universiti Sains Malaysia
Email: ^{1,*}ariffghazalii98@gmail.com , ⁶msdin@usm.my

Abstrak

Pusat Internet 1 Malaysia merupakan satu projek kerajaan yang diwujudkan pada tahun 2013 di bawah Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) dan dilaksanakan oleh Celcom Axiata Berhad. Projek ini dilaksanakan di bawah pembentangan Belanjawan 2013 sebagai salah satu usaha untuk merapatkan jurang digital dalam kalangan masyarakat bandar dan luar bandar. Pusat internet juga diwujudkan bagi memberi kemudahan capaian internet kepada komuniti setempat serta meningkatkan taraf ekonomi dan sosial masyarakat setempat. Sebuah kajian mengenai kejayaan Pusat Internet 1 Malaysia telah dikaji oleh pengkaji di Pusat Internet 1 Malaysia Sungai Petai, Pasir Puteh, Kelantan. Objektif kajian ini dijalankan adalah untuk mengenal pasti program dan kemudahan yang disediakan di Pusat Internet Sungai Petai, Pasir Puteh, Kelantan dan mengkaji faktor kejayaan program Pusat Internet Sungai Petai, Pasir Puteh, Kelantan kepada komuniti setempat. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif iaitu dengan menggunakan kaedah temu bual. Seramai 10 orang responden yang merupakan komuniti setempat kampung ini telah ditemu bual bagi mendapatkan data dan hasil kajian. Soalan temu bual terdiri daripada profil responden seperti umur, nama kampung, pekerjaan dan pengalaman menyertai program tersebut. Hasil kajian ini telah mengenal pasti program dan kemudahan yang disediakan di pusat internet iaitu program belajar kemahiran menggunakan komputer dan kemudahan seperti perkhidmatan internet dan percetakan. Selain itu, kajian ini turut mendapati beberapa faktor kejayaan pusat internet kepada komuniti setempat seperti faktor pendedahan kepada penduduk, kawasan yang strategik dan faktor kemudahan perkhidmatan yang disediakan. Berdasarkan kemudahan dan faktor kejayaan ini, program pusat Internet ini dilihat berjaya kerana dapat menjadi pemangkin kepada usaha untuk mewujudkan komuniti digital khususnya dalam kalangan masyarakat luar bandar.

Kata kunci: Internet; 1Malaysia; digital; luar bandar.

1. Pengenalan

Teknologi internet sememangnya memberi kesan yang besar dalam kehidupan manusia di segenap pelosok dunia. Pada lewat tahun 1980-an, internet telah mula mengambil ruang dalam landskap kehidupan rakyat Malaysia. Internet juga telah mula diperkenalkan di negara ini secara nasional pada tahun 1987 dan seterusnya memasuki jaringan global pada tahun 1992 (Musa, 2008). Perkara ini telah mengubah norma kehidupan manusia pada zaman kontemporari khususnya masyarakat bandar. Kemahiran menggunakan dan memiliki internet pada zaman digital ini merupakan satu kemestian supaya dapat melancarkan dan memudahkan urusan dan aktiviti harian masyarakat. Kerajaan Malaysia telah memberi peruntukan yang besar bagi merapatkan jurang digital antara masyarakat bandar dan luar bandar supaya masyarakat luar

bandar tidak turut ketinggalan dalam mengecapi manfaat internet. Salah satu daripada usaha berkenaan ialah dengan mewujudkan Pusat Internet 1 Malaysia (PI1M) khususnya di kawasan luar bandar. Pandemik Covid-19 yang telah melanda negara menunjukkan bahawa internet juga merupakan satu kemestian terhadap masyarakat luar bandar khususnya bagi para pelajar serta pekerja di sektor awam mahupun swasta yang perlu meneruskan pembelajaran dan pekerjaan mereka di rumah masing-masing. Bagi masyarakat luar bandar yang sering menghadapi halangan dan akses internet, kewujudan Pusat Internet 1 Malaysia yang kebanyakannya terletak di pusat daerah telah menjadi tumpuan masyarakat setempat dan berjaya dalam mengatasi masalah yang dihadapi oleh masyarakat tersebut.

2. Latar Belakang Kajian

Pusat Internet 1 Malaysia merupakan sebuah program kerajaan dengan inisiatif yang telah diwujudkan pada tahun 2013 lagi. Program ini diwujudkan oleh Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) dan ditaja oleh agensi Celcom Axiata Berhad. Matlamat program Pusat Internet 1 Malaysia ini ditubuhkan untuk merapatkan jurang digital di kalangan masyarakat luar bandar dengan masyarakat bandar. Selain itu, matlamat program ini juga bagi memberikan kemudahan capaian internet kepada masyarakat tempatan, memberikan pendedahan kepada masyarakat tempatan terhadap teknologi komputer dan internet serta meningkatkan taraf ekonomi dan sosial masyarakat melalui kemudahan yang disediakan dan aktiviti yang dijalankan di pusat internet.

3. Objektif Kajian

- A. Mengenal pasti program dan kemudahan yang disediakan di Pusat Internet Sungai Petai, Pasir Puteh, Kelantan.
- B. Mengkaji faktor kejayaan program Pusat Internet Sungai Petai, Pasir Puteh, Kelantan kepada komuniti setempat.

4. Sorotan Karya

Secara umumnya, kebanyakan kajian yang berkaitan dengan pusat internet komuniti banyak tertumpu kepada kesan pelaksanaan (Muhammad Adnan & Shariffah Nur Azita 2021), dan fungsi pusat internet (Halina et al. 2021).

Penggunaan ICT di luar bandar sememangnya amat mustahak dalam mengembangkan pembangunan setempat. Usaha dalam melakukan perubahan sama ada dari aspek sosial mahu pun ekonomi bagi sesebuah kawasan khususnya luar bandar tidak mampu dicapai tanpa penggunaan teknologi mudah alih seperti ICT dan internet. Sehubungan dengan itu, penggunaan ICT mampu dalam meningkatkan pembangunan kawasan luar bandar. Hal ini dikatakan demikian kerana setiap transaksi dapat dilakukan di hujung jari sahaja (Muhammad Adnan, Siti Zobidah, Jusang & Akmar, 2017). Jika pihak luar atau kerajaan tidak mengambil tahu langsung, besar kemungkinan, golongan terpinggir ini mungkin berterusan tertinggal jauh dari arus kemajuan teknologi. Selain itu, masyarakat tersebut turut memerlukan sokongan daripada orang sekeliling (Syafila & Siti Zobidah, 2021).

Jurang penggunaan ICT dan digital dilihat mempunyai jarak yang agak besar antara penduduk bandar dan luar bandar. Dengan itu, kerajaan berusaha memperkenalkan Pusat Internet Desa (PID) di kawasan luar bandar (Pitchan & Syed Anuwa). Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia (2020) berpendapat bahawa, Pusat ICT merupakan sebuah infrastruktur yang menyediakan komputer, perkhidmatan internet, Latihan, dan akses Internet kepada penduduk luar bandar. Kemudahan infrastruktur ini yang membolehkan orang ramai dapat mencari maklumat, membuat, belajar, dan berkomunikasi dengan orang lain semasa membangunkan kemahiran digital melalui akses terhadap ICT (KKMM, 2020).

Seterusnya, kajian telah menunjukkan bahawa bukan sekadar negara Malaysia sahaja yang menghadapi masalah jurang digital dalam kalangan masyarakat luar bandar namun negara luar turut menghadapi isu yang sama. Antara kajian yang mengkaji isu ini dapat dilihat dalam Asian Development Bank (2017) terhadap masyarakat pedalaman Sri Lanka yang mengkaji tentang kesan, kelestarian, dan keterangkuman Pusat ICT awam atau telecenter terhadap penduduk luar bandar. Seterusnya, bagi kajian (Nor Iadah et al. 2007) telah membahaskan isu yang berkait rapat dengan Pusat Internet Desa (PID) sebagai pemangkin kepada pembangunan masyarakat yang berteraskan ilmu. Di samping itu, Zurinah, Jalaluddin, dan Mohd Asruladlyi (2016) pula membincangkan bahawa peranan telecenter dalam pembinaan ICT pintar dalam kalangan masyarakat luar bandar telah menunjukkan implikasi yang positif. Akhir sekali, bagi kajian (Halina 2021) iaitu implikasi pusat internet sebelum dan semasa pandemic Covid-19 terutama Ketika pelaksanaan PKP fasa satu hingga empat telah mendapati bahawa terdapat sambutan yang amat memuaskan dari penduduk di setiap daerah tersebut.

Berdasarkan sorotan karya tersebut, telah menunjukkan bahawa kajian-kajian yang berkaitan dengan pusat internet telah banyak dilakukan. Namun begitu, terdapat juga kajian berkaitan penubuhan pusat internet 1Malaysia yang dilancarkan oleh pihak kerajaan untuk memudahkan golongan yang kurang berkemampuan terutama di kawasan luar bandar. Justeru itu, kajian yang bakal dilakukan ini pula adalah untuk menampung kekurangan maklumat berkaitan pusat internet ini. Hal ini dikatakan demikian supaya dapat menambah ilmu pengetahuan lagi kepada masyarakat mengenai kewujudan pusat internet ini.

5. Metodologi Kajian

Metodologi kajian adalah cara atau kaedah yang dijalankan untuk mendapatkan maklumat dan menilai masalah sesuatu perkara itu dengan menggunakan pengaplikasian saintifik yang spesifik dalam memahami suatu permasalahan. Kaedah kajian ini dijalankan melalui kaedah penyelidikan kualitatif. Hal ini demikian kerana kumpulan kami telah memilih untuk memfokuskan kepada saiz sampel yang kecil sahaja. Kaedah penyelidikan kualitatif juga tidak memerlukan jumlah informan yang terlalu ramai seperti kaedah dalam penyelidikan kuantitatif. Selain itu, kami juga telah menjalankan temu bual secara dalam talian dan bersemuka dengan 10 orang informan yang terdiri daripada penduduk yang tinggal di kampung Sungai Petai dan juga beberapa penduduk yang tinggal berdekatan dengan Pusat Internet 1 Malaysia Sungai Petai bagi memperoleh data dan maklumat berkaitan dengan kajian yang dilaksanakan.

6. Hasil Kajian

6.1 Adakah program berjaya atau gagal mencapai matlamatnya?

Berdasarkan kajian kualitatif dengan penggunaan kaedah temu bual bersama-sama dengan 10 orang informan, pengkaji mendapati program Pusat Internet 1 Malaysia yang bertempat di Sungai Petai, Pasir Puteh Kelantan ini telah berjaya mencapai matlamat dalam membantu komuniti setempat dengan memberikan bantuan-bantuan khusus yang berkaitan dengan komputer dan internet kepada komuniti yang menetap di kawasan tersebut. Hal ini demikian kerana, pengkaji mendapati bahawa majoriti informan telah menyatakan program-program dan kemudahan yang disediakan di Pusat Internet 1 Malaysia ini telah banyak memberikan manfaat kepada mereka.

6.2 Faktor yang Menyumbang kepada Kejayaan Mengikut Sudut Pandang Informan

6.2.1 Penganjuran program kemahiran menggunakan komputer secara percuma

Antara faktor yang menyumbang kepada kejayaan program Pusat Internet 1 Malaysia di Sungai Petai, Pasir Puteh, Kelantan ini menurut sudut pandang informan melalui temu bual yang diadakan ialah menurut informan 1, 3 dan 5, mereka mengatakan bahawa pusat internet ini sangat memberikan banyak manfaat kepada bukan sahaja diri mereka sendiri malahan turut memberikan manfaat kepada penduduk setempat. Berdasarkan daripada jawapan informan ini dapat disimpulkan bahawa penduduk setempat sudah terdedah dan jelas akan kewujudan pusat internet ini. Informan 1, 3 dan 5 turut menyatakan bahawa pelbagai program telah dilaksanakan oleh pusat internet seperti program belajar kemahiran menggunakan komputer tanpa sebarang bayaran (percuma) kepada masyarakat. Informan 1, 3 dan informan 5 turut menyatakan bahawa anak mereka sendiri sudah cekap dan pandai dalam hal-hal berkaitan dengan komputer ini kerana program kemahiran yang ditawarkan kepada penduduk secara percuma tersebut.

“...Sebelum penubuhan pusat Internet di kampung sungai petai tidak ada satu pun tempat untuk masyarakat setempat belajar komputer, fotostat dan print gambar dan tapak pusat Internet 1Malaysia yang digunakan sekarang adalah merupakan tapak rumah masyarakat yang kemudian diberikan sewa untuk dijadikan sebagai pusat Internet bagi memudahkan kerja masyarakat...”

6.2.2 Capaian akses internet dan komputer secara menyeluruh

Selain itu, program ini yang bersifat menyeluruh tanpa mengira faktor usia telah membantu informan 2, 6 dan juga informan 7 ini dalam menyiapkan segala tugas yang diberikan kepada mereka. Informan 2, 6 dan juga informan 7 mengatakan bahawa penyediaan komputer yang mencukupi dan kemudahan akses internet yang pantas di pusat internet tersebut telah membantu mereka kerana ketiga-tiga dalam kalangan mereka ini tidak mempunyai kemudahan komputer di rumah berikutan mereka hadir daripada keluarga yang kurang berkemampuan iaitu b40. Menurut informan-informan ini, mereka mengatakan bahawa setiap minggu mereka akan ke pusat internet untuk melakukan tugas yang memerlukan penggunaan kemudahan komputer seperti menaip, mencari rujukan dalam talian dan sebagainya. Oleh itu, boleh disimpulkan bahawa antara faktor kejayaan kepada program Pusat Internet 1 Malaysia ialah kemudahan akses internet dan juga komputer itu sendiri kepada komuniti desa tersebut. Zaman yang serba serbi memerlukan internet ini sangatlah menyerlahkan lagi kefungsiian Pusat Internet 1Malaysia ini menurut informan.

6.2.3 Pendedahan daripada pusat internet sendiri kepada penduduk

Berdasarkan temu bual ini juga kami mendapati bahawa informan 4 dan juga informan 8 menyatakan bahawa mereka menyedari wujudnya Pusat Internet 1Malaysia ini sejak daripada 5 tahun yang lepas dan ada juga yang menyatakan bahawa mereka tahu akan kewujudan pusat internet ini apabila mereka memerlukan akses kepada penggunaan internet untuk mencari bahan rujukan berkaitan tugas mereka. Selain itu, mereka mengatakan program sukaneka yang diadakan oleh Pusat Internet 1 Malaysia ini telah membuka mata mereka tentang pusat tersebut dan hal ini jelas boleh dikatakan bahawa semenjak daripada penubuhan pusat internet tersebut, penduduk sudah terdedah dengan program yang dijalankan sebelum wujudnya era pandemik covid-19 lagi. Menurut informan, secara umumnya mereka mengatakan bahawa pada permulaan wujudnya pusat internet ini hanya ada beberapa komputer dan tempatnya tidak menarik untuk dikunjungi kerana sempit dan hiasan pusat tidak kemas serta tidak mempunyai ramai pekerja untuk membantu penduduk yang kurang mendalami dengan internet seperti kanak-kanak dan orang berumur.

“...Pusat Internet 1Malaysia di kampung saya ditubuhkan setelah beberapa bulan kerajaan mengisytiharkan program pusat Internet 1Malaysia dan tapak pusat Internet 1Malaysia ini dulunya merupakan rumah penduduk yang kemudiannya di wakafkan untuk dijadikan sebagai pusat Internet 1Malaysia...”

6.2.4 Alternatif kepada Keluarga yang Tidak Mampu dan Kawasan yang Strategik

Informan 9 dan juga 10 mengulas dengan lebih lanjut akan pertanyaan kami dengan mengatakan penduduk yang mempunyai ramai pelajar dan akses kepada internet yang lemah atau terhad semasa era pandemik telah banyak membantu komuniti pelajar yang hadir daripada latar belakang keluarga yang kurang berkemampuan di Sungai Petai untuk mengakses kepada perkhidmatan internet dengan lebih baik lagi. Pusat Internet 1 Malaysia ini boleh dikatakan menjadi salah satu alternatif yang terbaik kepada ibu bapa yang tidak berkemampuan dalam menyediakan anak-anak dengan akses kepada alatan gajet untuk mereka mengikuti pengajaran dan pembelajaran (PDPR) semasa musim pandemik yang berlaku semenjak 2020 yang melanda negara Malaysia. Informan turut menyatakan bahawa beliau menyedari tentang kewujudan pusat internet ini melalui pengiklanan yang dibuat melalui akaun *Facebook* kawasannya. Lokasi pusat internet yang strategik iaitu berada di pinggir jalan dan berdekatan dengan kedai-kedai yang lainnya telah membuatkan pusat internet itu menjadi tumpuan utama kerana pusat internet itu turut berada antara sekolah rendah dan juga sekolah menengah.

6.3 Perbincangan

Program Pusat Internet 1 Malaysia ini dilihat berjaya mencapai matlamatnya dan dapat memberi manfaat kepada penduduk setempat di Sungai Petai, Pasir Puteh, Kelantan yang memerlukan kemudahan dan rangkaian internet. Antara pandangan dan perbincangan pengkaji berkaitan dengan program ini ialah:

6.3.1 Dapat Mengetahui Cadangan untuk Penambahbaikan Pusat Internet

Dengan adanya kajian ini, pengkaji dapat mengetahui cadangan penambahbaikan yang diberikan oleh informan mengenai Pusat Internet 1 Malaysia ini. Antaranya ialah meneruskan program-program berkaitan seperti program mempelajari komputer. Hal ini dapat dibuktikan melalui

informan 4 yang memberi cadangan supaya program kelas mempelajari komputer diadakan semula seperti yang dilakukan sebelum pandemik. Hal ini demikian kerana, program ini dikatakan mendapat sambutan ramai di mana majoriti informan menyatakan minat mereka terhadap program tersebut. Hal ini disebabkan kerana masih ramai masyarakat yang tidak mahir dalam penggunaan komputer. Oleh itu, dengan adanya program ini, mereka dapat mempelajari sesuatu yang baharu.

6.3.2 Dapat memberi manfaat kepada masyarakat

Tujuan penubuhan pusat internet 1 Malaysia ini dapat memberi kemudahan capaian internet dan pendedahan teknologi komputer kepada komuniti tempatan terutamanya penduduk Sungai Petai, Pasir Puteh, Kelantan. Menurut sudut pandang informan 5, Penubuhan pusat internet ini dibina sekitar tahun 2013 atau tahun berikutnya. Ia di bina untuk memudahkan pelajar sekolah atau masyarakat di sekitarnya yang memerlukan penggunaan internet ini sebagai sumber pencarian bahan rujukan atau melayari internet.

“...Sebelum penubuhan pusat internet di kampung Sungai Petai, tidak ada satu pun tempat untuk masyarakat setempat belajar komputer, fotostat dan print gambar dan tapak pusat Internet 1 Malaysia yang digunakan sekarang merupakan tapak rumah masyarakat yang kemudian diberikan sewa untuk dijadikan sebagai pusat internet bagi memudahkan kerja masyarakat...”

7. Kesimpulan

Usaha kerajaan untuk mewujudkan komuniti digital dan merapatkan jurang digital antara masyarakat bandar dan luar bandar sedikit sebanyak tercapai dengan penubuhan beberapa Pusat Internet 1 Malaysia ini terutama di kawasan luar bandar. Pusat internet ini sememangnya menjadi tumpuan masyarakat terutama di kawasan luar bandar untuk mereka mendapatkan akses internet yang stabil. Diharapkan kertas projek ini dapat menjadi pemangkin kepada usaha untuk mewujudkan komuniti digital dan memperkasakan komunikasi alam maya khususnya dalam kalangan masyarakat luar bandar.

8. Penghargaan

Setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada pensyarah kami bagi kursus SBU 201 iaitu Pembangunan Luar Bandar dan Wilayah dari Pusat Pengajian Sains Kemasyarakatan kerana telah memberi sokongan dan dorongan kepada kami sepanjang penulisan kertas projek ini. Tidak lupa juga kepada 10 orang informan yang telah membantu dalam hasil kajian serta sudi meluangkan masa dengan ahli kumpulan untuk ditemu bual. Di samping itu, ribuan terima kasih turut diucapkan kepada semua ahli kumpulan yang telah memberi kerjasama dalam menyumbang melalui perkongsian pendapat dan berusaha untuk menyiapkan kertas projek ini dari awal hingga akhir.

9. Rujukan

- Azlizan Talib, Mohd Nazaruddin Yusof & Zainal Md Zan. (2017). Pembangunan luar bandar melalui penerapan teknologi maklumat dan komunikasi: Kajian di Daerah Kubang Pasu, Kedah. *Journal of Advanced Research in Social and Behavioral Sciences*.
- Firdaus Marzuki.(2022). Rebranding Nama Pusat Internet 1 Malaysia Kepada Pusat Internet Komuniti.
- Marhaini Mohd Noor & Abdul Raufu Ambali. (2014). The significant roles of internet centre (Information Providers) to rural community in Malaysia. *Journal of Administrative Science*.
- Musa Abu Hassan. (2008). *Memfaatkan teknologi maklumat dan komunikasi ICT untuk semua*. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Pitchan, M. A., & Anuwa, S. N. A. S. Kesan Pelaksanaan Pusat Internet Desa ke atas Penduduk Luar Bandar di Beranang dan Tanjung Sepat.
- Pusat internet 1 Malaysia. (2016, Mei 16). Rentas Minda. Dicapai pada 28 Jun 2022, menerusi capaian <https://rentasminda.com/pusat-internet-1-malaysia/>
- Pusat Internet Terus Tingkat Taraf Hidup Komuniti Setempat. (2019). Malaysian Communications And Multimedia Commission (MCMC) | Suruhanjaya Komunikasi Dan Multimedia Malaysia (SKMM). Dicapai pada 28 Jun, 2022, menerusi capaian <https://www.mcmc.gov.my/ms/media/press-releases/pusat-internet-continues-to-uplift-local-communiti>
- Pusat Internet. (n.d.). Digicbc.com. dicapai pada 28 Jun, 2022, menerusi capaian <http://pispgetai.digicbc.com/mengenai.html>
- Super User. (n.d.). Maklumat Pusat Internet. Pil.m.my. Dicapai pada 28 Jun, 2022, menerusi capaian <http://kgmasjid.pil.m.my/index.php/warga-pil.m/maklumat-pil.m/maklumat-pil.m/21-maklumat-pil.m>
- Yakin, H. S. M., Yahcob, O., & Jainun, J. (2021). *Fungsi dan implikasi pusat internet terhadap masyarakat luar bandar di Sabah dalam era pandemik Covid-19*. MANU Jurnal Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa (PPIB)

Wilayah Rawan Longsor di Kecamatan Bantarujeg, Kabupaten Majalengka

Amira Fairuza

Universitas Indonesia, Indonesia

Email: amira.fairuza@ui.ac.id

Abstrak

Salah satu bencana alam yang sering terjadi di Indonesia adalah tanah longsor. Provinsi Jawa Barat merupakan salah satu daerah yang memiliki potensi tinggi untuk terjadinya bencana. Salah satu Kabupaten di Provinsi Jawa Barat dengan Indeks risiko bencana tanah longsor yang tinggi adalah Kabupaten Majalengka. Kecamatan Bantarujeg merupakan salah satu kecamatan di Kabupaten Majalengka. Kecamatan Bantarujeg memiliki daerah bahaya tanah longsor dengan luas sebesar 6,678 ribu ha. Telah terjadi beberapa kali bencana longsor di Kecamatan Bantarujeg salah satunya yang terjadidi Desa Gununglarang pada bulan Januari tahun 2020 yang mengakibatkan beberapa rumah warga terseret longsor, sehingga menyebabkan kerugian materi. Berdasarkan BPS Kecamatan Bantarujeg Tahun 2020 Rincian bencana longsor di Kecamatan Bantarujeg Pada Tahun 2019 terjadi di Desa Sindanghurip sebanyak 1 kejadian, di Desa Cipeundeuy sebanyak 1 kejadian, di Desa Cimangguhilir sebanyak 1 kejadian, serta di Desa Siliwangi sebanyak 1 kejadian. Salah satucara yang dapat diterapkan untuk memperkirakan bencana tanah longsor adalah menggunakan program aplikasi yang mampu menginventarisasi lokasi terdampak menggunakan sistem informasi geografis yang memiliki kemampuan untuk memasukkan, menyimpan, memanggil kembali, mengolah, menganalisis dan menghasilkan data bereferensi geografis. Dari fakta tersebut sebarankerawanan bencana longsor sangat perlu dilakukan terutama dengan skala yang lebih detail, dengan menggunakan Sistem Informasi Geografis (SIG) analisis tersebut dapat dilakukan dengan akurat. Penelitian ini menggumakan metode overlay (tumpang tindih) berbasis SIG yang bertujuan untuk menghasilkan peta daerah rawan longsor di Kecamatan Bantarujeg).

Kata kunci: wilayah rawan longsor; sistem informasi geografis; Bantarujeg.

1. Pendahuluan


Salah satu bencana alam yang sering terjadi di Indonesia adalah tanah longsor. Tanah longsor adalah proses berpindahnya material pembentuk lereng seperti batuan, bahan rombakan, tanah dan materi campuran ke bawah atau keluar lereng (Saputra, dkk. 2015), Sedangkan menurut Kariasa, dkk. (2018) longsor adalah gerakan tanah akibat proses gangguan keseimbangan lereng yang menyebabkan massa tanah bergerak ke tempat yang relatif lebih rendah. Menurut Badan Nasional Penanggulangan Bencana (BNPB) dalam Hasibuan, H. C., & Rahayu, S. (2017), tanah longsor adalah salah satu jenis gerakan massa tanah atau batuan, ataupun percampuran keduanya, menuruni atau keluar lereng akibat terganggunya kestabilan tanah atau batuan penyusun lereng.

Berdasarkan hasil penelitian Dinata, dkk. (2014), faktor-faktor yang menyebabkan terjadinya longsor di Kecamatan Bantarujeg yaitu lereng, curah hujan dan penggunaan lahan.

Menurut data BPBD Kabupaten Majalengka di Kecamatan Bantarujeg telah terjadi beberapa kali bencana longsor salah satunya yang terjadi di Desa Bantarujeg Selatan pada tahun 2020 yang mengakibatkan beberapa rumah warga terseret longsor, sehingga menyebabkan kerugian materi. Berdasarkan BPS Kecamatan Bantarujeg Tahun 2020 Rincian bencana longsor di Kecamatan Bantarujeg Pada Tahun 2019 terjadi di Desa Sindanghurip sebanyak 1 kejadian, di Desa Cipeundeuy sebanyak 1 kejadian, di Desa Cimanggunghilir sebanyak 1 kejadian, serta di Desa Siliwangi sebanyak 1 kejadian.

Dengan luas daratan Jawa Barat sebesar 6,652 ha, Kecamatan Bantarujeg memiliki daerah bahaya tanah longsor dengan luas sebesar 2,980 ribu ha (<https://inarisk.bnppb.go.id/> diakses pada 26 September 2021). Salah satu cara yang dapat diterapkan untuk memperkirakan bencana tanah longsor adalah menggunakan program aplikasi yang mampu menginventarisasi lokasi terdampak menggunakan sistem informasi geografis yang memiliki kemampuan untuk memasukkan, menyimpan, memanggil kembali, mengolah, menganalisis dan menghasilkan data bereferensi geografis. Dari fakta tersebut sebaran kerawanan bencana longsor sangat perlu dilakukan terutama dengan skala yang lebih detail, dengan menggunakan Sistem Informasi Geografis (SIG) analisis tersebut dapat dilakukan dengan akurat. Penelitian ini bertujuan untuk menghasilkan peta daerah rawan longsor di Kecamatan Bantarujeg dengan menggunakan metode *overlay* (tumpang tindih).

2. Alur Pikir Penelitian



Gambar 1: Diagram Alur Pikir Penelitian

Alur pikir penelitian seperti yang terlihat pada Gambar 1. menunjukkan bahwa penelitian ini membutuhkan 4 karakteristik fisik Kecamatan Bantarujeg. Peta-peta karakteristik fisik tersebut yaitu peta penggunaan lahan Tahun 2019, peta kemiringan lereng, peta jenis tanah, dan peta curah hujan yang datanya diolah dengan metode *overlay*. Peta yang dihasilkan merupakan Peta daerah rawan longsor.

3. Metode

Pada penelitian ini data-data yang sudah diperoleh yang diolah dengan metode analisis spasial

berbasis SIG meliputi: pembuatan peta tematik semua parameter longsor, *scoring* (pengharkatan), *overlay* (tumpang susun), dan *reclassify* (klasifikasi). Metode *scoring* (pengharkatan) dilakukan dengan cara memberi harkat/skor pada setiap kriteria di semua parameter longsor berdasarkan klasifikasi yang sudah ditentukan. Pemberian harkat/skor setiap parameter longsor menunjukkan kecil besarnya pengaruh kriteria terhadap proses terjadinya bencana longsor di daerah penelitian. Parameter longsor yang sudah berbentuk peta tematik selanjutnya di input data atribut tabel berupa harkat/skor berdasarkan klasifikasi yang sudah ditentukan. Metode *overlay* (tumpang susun) merupakan penggabungan beberapa data menghasilkan data baru yang memiliki satuan pemetaan (unit pemetaan) yang baru. Peta tematik parameter longsor yang sudah diberi harkat/skor selanjutnya di *overlay* baik itu data spasial maupun data atributnya menggunakan aplikasi ArcGIS 10.8. Peta kerawanan longsor terbentuk dari *overlay* peta tematik seluruh parameter longsor berupa jenis tanah, kemiringan lereng, penggunaan lahan, geologi, dan curah hujan.

Tabel 1: Pengolahan Data

No.	Data	Pengolahan 1	Pengolahan 2	Pengolahan 3	Hasil
1.	DEMNAS Curah Hujan Tahunan	Extrak by mask(clip)	Slope	Reclassify	Kelerengan
2.	Kabupaten Majalengka tahun 2008- 2018	Tabulasi	IDW	Reclassify	Curah Hujan
3.	Geologi Kabupaten Majalengka	Clip	-	-	Jenis Batuan
4.	Jenis Tanah Kabupaten Majalengka	Clip	-	-	Jenis Tanah
5.	Citra Sentinel 2A	Extract by mask(clip)	Supervised Classification	-	Penggunaan Lahan

Model yang digunakan untuk menganalisis kerawanan longsor adalah model pendugaan yang mengacupada penelitian Puslittanak tahun 2004 dengan formula:

$$\text{SKOR TOTAL} = 0,3\text{FCH} + 0,2\text{FBD} + 0,2\text{FKL} + 0,2\text{FPL} + 0,1\text{FJT}$$

Keterangan:


- FCH = Faktor Curah Hujan
- FBD = Faktor Jenis Batuan
- FKL = Faktor Kemiringan Lereng
- FPL = Faktor Penutup Lahan
- FJT = Faktor Jenis Tanah

0,3;0,2;0,1= Bobot Nilai

4. Hasil dan Pembahasan

4.1 Data Curah Hujan di Kecamatan Bantarujeg

Data Curah Hujan Tahunan di Kecamatan Bantarujeg didapatkan dengan melakukan Teknik pengolahan data interpolasi menggunakan *Inverse distance weighted (IDW)*, Hasil dari klasifikasi interval curah hujan dapat dilihat pada peta dan tabel interval curah hujan berikut.



Gambar 2: Peta Curah Hujan Kecamatan Bantarujeg (Sumber : Pengolahan Data Sekunder)

Tabel 2. Luas Area Curah Hujan di Kecamatan Bantarujeg

No.	Curah Hujan	Luas Area (Ha)	Luas Area%	Skor
1	3171 mm – 3224 mm (Sangat Basah)	3065.08	45.97	5
2	3224 mm – 3276 mm (Sangat Basah)	2298.31	34.47	5
3	3276 – 3328 mm (Sangat Basah)	1303.73	19.55	5
Total		6678.36	100	


Sumber : Analisis Data Sekunder

Dari peta dan tabel curah hujan tersebut dapat diketahui bahwa curah hujan tahunan di Kecamatan Bantarujeg termasuk ke dalam klasifikasi jumlah curah hujan dengan tingkat sangat basah yaitu di atas 3000 mm/tahun.

4.2 Tutupan Lahan di Kecamatan Bantarujeg

Data sekunder tutupan lahan Kecamatan Bantarujeg yang didapatkan dari Bappelitbangda

Kabupaten Majalengka. Data yang didapatkan dari instansi pemerintah tersebut kemudian dilakukan validasi secara langsung ke lapangan guna mengetahui tingkat akurasi dari data tutupan lahannya.



Gambar 3: Peta Tutupan Lahan Kecamatan Bantarujeg (Sumber : Pengolahan Data Sekunder, 2021)

Tabel 3: Luas Tutupan Lahan Kecamatan Bantarujeg

No.	Tutupan Lahan	Luas Area (Ha)	Luas Area%	Skor
1	Alang Sabana	31.18	0.4668810906	3
2	Hutan	492.39	7.372917902	2
3	Ladang	1488.05	22.28166795	2
4	Perkebunan	475.22	7.115818854	2
5	Sawah	2809.79	42.07305386	4
6	Semak Belukar	609.78	9.130684779	3
7	Sungai Dua Garis	104.05	1.558017238	1
8	Permukiman	667.90	10.00095832	5
Total		6678.36	100	


Sumber : Analisis Data Sekunder, 2021

Berdasarkan tabel diatas dapat diketahui bahwa sebagian besar wilayah di Kecamatan Bantarujeg didominasi oleh tutupan lahan jenis sawah dengan luas area 2089.79 hektar atau setara dengan (42.07%) luas wilayah Kecamatan Bantarujeg.

4.3 Jenis Tanah di Kecamatan Bantarujeg

Data jenis tanah di Kecamatan Bantarujeg didapatkan dari Bappelitbangda, Jenis tanah yang terdapat pada wilayah Kecamatan Bantarujeg terdiri dari tiga jenis tanah yaitu jenistanah Andosol,

Grumosol, dan Latosol, dimana jenis tanah yang mendominasi di wilayah Kecamatan Bantarujeg yaitu jenis tanah Grumosol dengan luas area sebesar 4004.90 Hektar yang tersebar di bagian barat, timur, dan bagian utara Kecamatan Bantarujeg.



Gambar 4: Peta Jenis Tanah Kecamatan Bantarujeg (Sumber : Pengolahan data sekunder)


Tabel 4: Luas Area Jenis Tanah Kecamatan Bantarujeg

No.	Jenis Tanah	Luas Area (Ha)	Luas Area(%)	Skor
1.	Andosol	248.03	3.71	4
2.	Grumosol	4004.90	59.79	4
3.	Latosol	2424.17	36.30	3
Total		6678.36	100	

Sumber : Analisis Data Sekunder

4.4 Jenis Batuan di Kecamatan Bantarujeg

Data jenis batuan didapatkan dari data geologi Kabupaten Majalengka yang berasal dari Badan Informasi Geospasial Tahun 2020. Jenis Batuan yang terdapat di Kecamatan Bantarujeg terdiri dari Jenis batuan bahan vulkanik dan bahan sedimen.



Gambar 5: Peta Jenis Batuan Kecamatan Bantarujege (Sumber : Pengolahan Data Sekunder)

Tabel 5: Luas Area Jenis Batuan Kecamatan Bantarujege

No.	Jenis Batuan	Luas Area (Ha)	Luas Area%	Skor
1	Bahan Sedimen	3480.68	52.11	3
2	Bahan Vulkanik	3197.71	47.88	2
Total		6678.36	100	

Sumber : Analisis Data Sekunder

Jenis batuan bahan sedimen mendominasi wilayah Kecamatan Bantarujege dengan luas sebesar 3480.68 Ha atau sekitar 52.11% dari total wilayah penelitian.


4.5 Lereng Kecamatan Bantarujege

Data kemiringan lereng didapatkan dengan melakukan pengolahan data SRTM se-Jawa Barat menggunakan *tool slope* untuk mendapatkan nilai kemiringan lereng. Selanjutnya, dilakukan proses *Extract by mask* pada peta *slope* guna memotong wilayah peta kemiringan lereng se-Jawa Barat tersebut menjadi peta kemiringan lereng se-Kecamatan Bantarujege.

Tabel 6: Luas Area Kemiringan Lereng Kecamatan Bantarujege

No.	Lereng	Luas Area (Ha)	Luas Area(%)	Skor
1	<8%	1286.61	20.40	1
2	8-15%	2099.56	33.29	2
3	15-30%	1962.44	31.12	3
4	30-45%	754.74	11.97	4
5	>45%	203.11	3.22	5
Total		6678.36	100	

Sumber : Analisis Data Sekunder, 2021



Gambar 6: Peta Kemiringan Lereng Kecamatan Bantarujeg (Sumber : Pengolahan Data Sekunder, 2021)

Peta dan tabel kemiringan lereng di atas menunjukkan bahwa mayoritas wilayah Kecamatan Bantarujeg memiliki kemiringan lereng yang bergelombang dengan kemiringan 8 - 15% (2099.56 Ha), disusul dengan wilayah dengan kemiringan 15-30% (1962.44 Ha), kemiringan <8% (1286.61 Ha), kemiringan lereng 30-45% (754.74 Ha), dan kemiringan >45% (203.11 Ha).

4.6 Daerah Rawan Longsor di Kecamatan Bantarujeg


Hasil dari metode analisis tumpang-tindih (*overlay*) yang dilakukan pada parameter-parameter kerawan longsor adalah berupa sebuah peta daerah rawan longsor di Kecamatan Bantarujeg. Peta kerawan longsor yang telah dibuat serta tabel atributnya adalah sebagai berikut (Gambar 7.).

Tabel 7. Luas Area Rawan Longsor di Kecamatan Bantarujeg

No.	Tingkat Kerawan	Luas Area (Ha)	Luas Area%
1	Kurang Rawan	67.87	1.07
2	Rawan	4993.69	79.36
3	Sangat Rawan	1230.43	19.55
Total		6678.36	100

Sumber : Analisis Data Sekunder

Berdasarkan peta (Gambar 7.) dan tabel diatas, dapat diinterpretasikan bahwa mayoritas wilayah Kecamatan Bantarujeg memiliki tingkat kerawan yang rawan dengan luas area sebesar 4993.69 Hektar atau sebesar 79.36% dari total luas wilayah Bantarujeg, disusul oleh wilayah dengan tingkat kerawan Sangat Rawan (1230.43 hektar), dan tingkat kerawan Kurang Rawan (67.87 hektar). Wilayah yang sangat rawan akan longsor berada di daerah utara dan beberapa bagian di daerah tenggara Kecamatan Bantarujeg, wilayah rawan tanah longsor tersebar merata di daerah barat, timur, dan selatan Kecamatan Bantarujeg, serta wilayah Kurang rawan tanah longsor yang minoritas berada di sebagian kecil wilayahbagian tenggara di Kecamatan Bantarujeg.



Gambar 7: Peta Daerah Rawan Longsor Kecamatan Bantarujeg (Sumber : Pengolahan Data Sekunder, 2021)

5. Kesimpulan

Model kerawanan bencana longsor di Kecamatan Bantarujeg terdiri atas 3 (tiga) tingkat potensi kerawanan yaitu wilayah dengan tingkat kerawanan yang kurang rawan, rawan, dan sangat rawan. Tingkat kerawanan rawan memiliki luas area terbesar (4993.63 Ha), disusul oleh wilayah dengan tingkat kerawanan yang sangat rawan di sebelah utara Kecamatan Bantarujeg dengan luas area 1230.43 Ha, serta wilayah kurang rawan yang berada di sebagian kecil wilayah tenggara Kecamatan Bantarujeg dengan luas area 67.87 Ha. Berdasarkan data dari BPDB Kabupaten Majalengka, titik terjadinya longsor pada 3 tahun terakhir di Kecamatan Bantarujeg terjadi di wilayah dengan tingkat kerawanan rawan dan sangat rawan. Kejadian longsor yang terjadi di Kecamatan Bantarujeg selama 3 tahun terakhir memiliki karakteristik lokasi yang sejenis. Dilihat dari hasil overlay data titik longsor dengan parameter-parameter kerawanan longsor, didapatkan bahwa longsor di Kecamatan Bantarujeg terjadi pada wilayah permukiman dan kemiringan lereng 8-30%.

6. Daftar Pustaka

- Badan Nasional Penanggulangan Bencana. (2020). Indeks Rawan Indonesia. Jakarta: BNPB Badan
- Pusat Statistik Kabupaten Bantarujeg. (2020). *Kecamatan Bantarujeg Dalam Angka*. Bandung Barat: BPS.
- Dibiyosaputro, S. (1998). *Longsor Lahan di Kecamatan Samigaluh, Kabupaten Kulon Progo, Daerah Istimewa Yogyakarta*: Laporan Penelitian, Lembaga Penelitian Universitas Gadjah Mada.
- Hardiyatmo, H. C., 2006, *Penanganan Tanah Longsor dan Erosi*, Gadjah Mada University Press, Yogyakarta.
- Haryanto, D. (2009). *Kajian Risiko Tanah Longsor Di Kota Semarang Provinsi Jawa Tengah* (Doctoral dissertation, Universitas Gadjah Mada).

- Hasibuan, H. C., & Rahayu, S. (2017). *Kesesuaian Lahan Permukiman Pada Kawasan Rawan Bencana Tanah Longsor Di Kabupaten Temanggung*. *Jurnal Teknik PWK (Perencanaan Wilayah Dan Kota)*, Vol 6(4), 242–256.
- Saputra I Wayan. G. E, dkk. (2016). *Analisis Resiko Bencana Tanah Longsor Di Kecamatan Sukasada, Kabupaten Buleleng*.

Faktor Kejayaan Program Latihan Pengurusan Racun dan Kawalan Perosak Anjuran (IADA) di Kampung Kesapang, Kota Belud, Sabah

Nur Adlina binti Rashdan¹, Nurul Nadiah binti Zainal², Mohammad Azim bin Nasir³, Nursyafiqah Alia binti Saifulanuar⁴, Aida Afrina binti Ghani⁵, Mohamad Shaharudin bin Samsurijan⁶

^{1,2,3,4,5,6}Pusat Pengajian Sains Kemasyarakatan Universiti Sains Malaysia

Email: ¹adlnarshdn@student.usm.my, ²nurulnadiahz@student.usm.my,

³azimnr22@student.usm.my, ⁴nursyafiqahalia@student.usm.my, ⁵afrinaaida@student.usm.my,

⁶msdin@usm.my

Abstrak

Kejayaan dan kegagalan program kemahiran komuniti desa merupakan aspek penting dalam konteks pembangunan yang seimbang khususnya di kawasan wilayah luar bandar. Sektor pertanian merupakan salah satu sumber penting kepada masyarakat setempat khususnya di kawasan luar bandar. Sektor ini juga terdedah kepada pelbagai ancaman seperti serangan penyakit dan perosak dalam penanaman padi. Program Latihan Pengurusan Racun dan Kawalan Haiwan Perosak anjuran agensi kerajaan (IADA) cawangan Kota Belud merupakan satu usaha yang dijalankan bagi mengatasi ancaman gangguan haiwan perosak dalam aktiviti pertanian khususnya penanaman padi. Terdapat dua objektif utama program ini iaitu untuk memberi pendedahan berkaitan pengurusan racun tanaman dan kawalan haiwan perosak kepada penduduk setempat dan mengenal pasti faktor yang mendorong kepada keberhasilan program tersebut. Kajian ini dijalankan dengan menggunakan pendekatan kualitatif iaitu melalui kaedah temu bual di mana seramai 10 orang informan terlibat yang terdiri daripada 9 orang peserta program dan seorang penganjur. Hasil kajian mendapati bahawa program kemahiran ini telah berjaya mencapai matlamatnya untuk menyediakan peserta khususnya para petani kampung Kesapang dengan pengetahuan tentang penggunaan racun perosak, pengesanan dan rawatan penyakit bagi tanaman padi. Informan yang ditemu bual memberi komen positif, iaitu mereka memahami kemahiran yang diajar dalam program kemahiran tersebut dan dapat meningkatkan kemahiran pengurusan racun perosak dan kawalan haiwan perosak dalam penanaman padi. Antara faktor yang mendorong kepada keberhasilan program ini adalah dengan adanya pembentukan jawatankuasa khas serta cara penyampaian output dan kaedah penerangan secara “tutorial” yang dijalankan oleh penganjur program tersebut.

Kata kunci: racun; kawalan haiwan perosak; kemahiran; komuniti desa.

1. Pengenalan

Program Taklimat Racun dan Perosak merupakan sebuah program yang dijalankan oleh pihak tertentu seperti Kawasan Pembangunan Pertanian Bersepadu (IADA) di bawah Jabatan Pertanian. Antara objektif IADA adalah untuk memodenkan sektor pertanian supaya sistem pengeluarannya cekap, menjimatkan tenaga manusia dan mampu bersaing dengan pasaran dalam dan luar negeri (Jabatan Pertanian Negeri Perak, n.d.). Program ini telah dijalankan di banyak negeri yang terlibat dalam sektor pertanian termasuklah di Sabah. Program ini diadakan untuk memberi

pendedahan tentang penggunaan racun tanaman dan makhluk perosak kepada penduduk setempat yang terlibat dalam sektor pertanian khususnya dalam penanaman padi.

Program ini amat penting untuk dilaksanakan agar setiap pengusaha tanaman padi dapat menggunakan racun perosak dalam kuantiti yang betul supaya tidak menjejaskan kualiti padi tersebut. Hal ini demikian kerana, sekiranya pengusaha menggunakan racun kimia tidak mengikut peraturan, ia boleh menyebabkan tanaman mengandungi sisa racun dan boleh menjejaskan kesihatan pengguna dan juga alam sekitar (Utusan Borneo (Sabah), 2016). Dengan adanya pengetahuan tentang penggunaan racun ini, para pengusaha tanaman padi secara tidak langsung dapat mengaplikasikan penggunaan racun mengikut had yang ditetapkan.

Di samping itu, pelaksanaan program ini juga dapat membantu para pengusaha tanaman padi serta tanaman lain dapat memperoleh pengetahuan tentang penggunaan racun terhadap tanaman serta memastikan kualiti tanaman terjamin. Oleh itu, kajian ini memfokuskan tentang program Taklimat Racun dan Perosak di kawasan Kota Belud, Sabah. Hal ini demikian kerana, kawasan ini telah menyumbang kepada pengeluaran tanaman makanan terbesar di Sabah (Utusan Borneo (Sabah), 2016). Tambahan pula, dengan adanya program ini, sektor pertanian di kawasan Kota Belud, Sabah dapat terus berkembang serta dapat menjana pendapatan penduduk setempat. Perkara ini secara tidak langsung memberi kemudahan dan kebaikan kepada penduduk setempat setelah program-program sebegini dilaksanakan.

2. Latar Belakang Program

2.1 Nama Program dan Objektif Utama

Nama program ini ialah “Program taklimat penggunaan racun tanaman padi dan makhluk perosak di kampung Kesapang Batu 6, Kota Belud, Sabah”. Program kemahiran pertanian ini dilaksanakan pada setiap tahun dan bermula sejak tahun 2017. Program ini menyasarkan kawasan kampung-kampung yang cenderung menghasilkan pengeluaran padi seperti kampung Kesapang Batu 6 ini. Tujuan atau objektif utama dari penganjuran program ini adalah untuk memberikan pendedahan kepada komuniti kampung yang terlibat dalam aktiviti penanaman padi iaitu para pengusaha padi tentang kaedah merawat tanaman padi mengikut jenis penyakit dan perosak menggunakan racun dan baja organik. Secara tidak langsung, kemahiran para peserta dapat tingkatkan lagi terutamanya dalam aspek penggunaan racun dan kawalan perosak tanaman padi yang betul serta tepat. Para peserta program ini pula terdiri daripada komuniti kampung Kesapang dan sebahagian besar dari mereka ialah dari kalangan peniaga-peniaga kecil (peniaga tamu mingguan) serta pengusaha padi atau petani yang memiliki sebidang tanah yang diusahakan untuk menanam tanaman padi. (M.S.Ali,2022)

2.2 Agensi Kerajaan dan Pihak Swasta yang Terlibat dengan Penganjuran Program Kemahiran Ini

Program ini merupakan anjuran Pejabat Kementerian Pertanian dan industri asas tani Malaysia di bawah Agensi kerajaan Integrated Agriculture Development Area (IADA) Cawangan Kota Belud dengan Kerjasama dari syarikat Agriculture Chemical Organic iaitu G-Planters Sdn. Bhd. Penceramah Jemputan ialah dari pihak syarikat G- Planters iaitu dalam bahagian Product Knowledge, yang berpengetahuan luas tentang kaedah penggunaan racun dengan betul, seperti

tempoh masa yang bersesuaian, kuantiti yang diperuntukkan, dan simptom-simptom penyakit tanaman padi. Program ini diselenggarakan atau diuruskan sepenuhnya oleh pihak (IADA) Kota Belud di bawah tanggungjawab Pegawai Pertanian (IADA) Kota Belud iaitu Encik Mohd Shahairul Ali bin Madlan.

2.3 Sasaran Penyertaan Peserta bagi Program Kemahiran Ini

Program ini menyasarkan penyertaan peserta sebanyak 30 orang dan berjaya mencapai jumlah kehadiran dan penyertaan peserta yang disasarkan iaitu sebanyak 34 peserta penyertaan.

2.4 Penerimaan Output Program oleh Para Peserta

Dari segi penerimaan output program, respon balas dari para pengusaha padi dan para petani, melihatkan tanda positif di mana mereka memahami perkongsian ilmu yang cuba disampaikan dan banyak di antara mereka telah mengajukan atau mengemukakan banyak soalan-soalan yang mana sebelum ini, mereka tidak memahaminya dan pada waktu program berlangsung, mereka dapat memahami dan mempelajari ilmu-ilmu baharu menerusi penerangan secara santai dan efisien dari penceramah jemputan dan pihak (IADA) sendiri. Kebanyakan dari pengusaha padi telah berjaya memahami konsep atau praktik yang tepat khususnya dalam penggunaan racun padi iaitu dalam penentuan kuantiti racun yang betul. Contohnya mereka telah memahami bahawa kuantiti racun yang digunakan tergantung atau dipengaruhi oleh keluasan tanah penanaman padi yang diusahakan. Hal ini kerana kebiasaannya, para pengusaha tanaman padi ini hanya bergantung kepada pengalaman dari para petani dahulu sebelum mereka dan tidak didedahkan dengan penggunaan secara praktikal, teratur seperti yang sepatutnya dilakukan apabila menggunakan racun tanaman. Sebagai contoh, mereka menggunakan penutup botol sahaja sebagai alat sukatan dan meramal sukatan racun secara rawak. Jika sukatan yang digunakan sebelum ini dilihat tidak berkesan, mereka akan menambah “dos” racun iaitu menggunakan “2 penutup botol”. Tindakan tersebut akan menyebabkan pelbagai kesan negatif kepada pengusaha padi itu sendiri. Kesan negatif tersebut ialah menyebabkan tanaman padi “mati” dengan sendirinya kerana terlebih “dos” racun dan berlakunya pembaziran dalam proses rawatan tanaman padi. Para pengusaha padi ini juga kebiasaannya membeli racun secara berkala kerana kegagalan dalam penggunaan racun tanaman padi yang tepat dan seolah-olah “bereksperimen” terhadap penggunaan racun tersebut.

3. Konsep-Konsep Tertentu Berkaitan Dengan Program/ Kajian Literatur

Serangan serangga perosak serta penyakit yang sering menyerang tanaman padi merupakan antara masalah utama yang perlu diambil perhatian oleh petani dalam penanaman padi. Hal ini demikian kerana, ini dapat mengganggu padi untuk tumbuh dengan baik. Antara serangga perosak yang menyerang tanaman padi adalah bena perang, siput gondang, tikus dan ulat gulung daun manakala serangan penyakit seperti karah padi, masalah rumpai dan hawar seludang. Serangga perosak dan penyakit yang menyerang padi boleh menyebabkan kerugian kepada petani daripada segi kualiti padi yang dihasilkan serta padi yang dihasilkan akan berkurangan. Oleh itu langkah yang proaktif perlulah diambil oleh petani untuk mencegah masalah ini daripada terus berlaku supaya pengeluaran hasil padi dapat ditingkatkan.

Antara langkah yang dilakukan oleh para petani bagi menangani isu ini adalah dengan menggunakan racun untuk mengawal dan mencegah serangga perosak kerana kesannya yang lebih pantas. Namun begitu, penggunaan racun kimia sepenuhnya bagi mengawal perosak adalah tidak digalakkan kerana kesannya kepada kesihatan petani dan alam sekitar serta harganya yang agak tinggi (Badrulhadza, 2013). Penggunaan racun makhluk perosak (RMP) memberi kesan keracunan makanan kepada manusia seperti muntah, perut memulas dan cirit birit. Pengguna atau petani juga boleh mendapat komplikasi kepada kulit, saraf dan sistem badan manusia. RMP juga boleh memudaratkan alam sekitar dengan mencemari sumber air bersih dan udara. (Haliza, 2021).

Di Malaysia, penggunaan racun perosak merupakan pilihan utama petani bagi mengawal serangan perosak secara konvensional khususnya dalam penanaman padi. Namun begitu, kesedaran yang kurang dalam kalangan pesawah padi terutamanya mengenai cara penggunaan racun perosak serta perlindungan terhadap racun perosak. Tahap kesedaran mengenai risiko penggunaan racun perosak adalah sangat penting terutamanya kepada pesawah padi kerana mereka adalah golongan paling hadapan. Kebanyakan pesawah mendapatkan maklumat berkenaan racun perosak daripada rakan sekerja mereka di mana maklumat yang diperolehi mungkin tidak tepat. Ini menyebabkan mereka menggunakan dos racun yang tidak mengikut piawaian yang telah dicadangkan oleh pihak berkuasa iaitu Bahagian Kawalan Racun Perosak, Jabatan Pertanian Malaysia dan juga seperti yang telah digariskan di dalam Akta 149 iaitu Akta Racun Makhluk Perosak 1974 (Jabatan Pertanian Malaysia 2019). Untuk mendapat maklumat yang tepat mengenai racun perosak pesawah boleh merujuk pembekal racun perosak untuk mengetahui tentang racun perosak yang betul dan selamat. Hal ini menunjukkan bahawa adalah penting untuk mempunyai pembekal racun perosak yang terlatih dan diperakui oleh pihak berkuasa agar penyalahgunaan dos racun dapat dikurangkan bagi mengelak berlakunya risiko keracunan dalam kalangan pesawah dan juga pengguna. (Siti Hajar Sabran, 2020)

Seterusnya, kajian ini juga menunjukkan kesedaran petani mengenai jenis perlindungan yang digunakan ketika menggunakan racun perosak adalah berada pada tahap yang sederhana. Tidak sampai separuh daripada jumlah petani di dalam kajian ini memilih untuk memakai topeng perlindungan pernafasan. Hal ini kerana, ketidakselesaan penggunaan topeng perlindungan pernafasan terutamanya dalam keadaan suhu panas yang mengakibatkan peluh di bahagian muka dan boleh mengganggu kerja pesawah (Siti Hajar Sabran, 2020).

Penggunaan racun perosak untuk mencegah makhluk perosak itu sendiri perlulah mengikut dalam kuantiti yang betul supaya ia tidak memberi kesan yang negatif kepada kesihatan manusia dan alam sekitar kerana adanya residu racun perosak di persekitaran. Selain itu, kemusnahan keseimbangan ekologi akan terganggu mengakibatkan produktiviti sistem di sesebuah kawasan itu menurun. Oleh itu, sistem pengeluaran tanaman yang mampan haruslah dilaksanakan dengan mengekalkan kestabilan ekologi dengan anggapan sistem agroekologi yang sihat bergantung pada kepelbagaian biologi seimbang. Konsep ini mempunyai matlamat untuk membentuk sistem pertanian yang mesra alam di samping memberi pulangan yang menguntungkan dari segi ekonomi dengan peningkatan hasil padi (Badrulhadza, 2013).

Antaranya adalah tanaman menggunakan baja organik atau kawalan organik secara sepenuhnya. Di Jepun, sawah padi dikelilingi tanaman dan bunga-bunga. Bukan sahaja sawah padi malah ladang sayur juga dipenuhi dengan bunga. Ekoran daripada ini, satu program

bernama Ecology Engineering telah dilaksanakan dengan mengedarkan ribuan bunga tunera kepada pesawah. Sawah bukan hanya dipenuhi dengan bunga tetapi juga dirawat dengan 'tentera' mikrob. Hasil padi yang diperoleh meningkat daripada 8.5 tan metrik per hektar pada musim pertama kepada 9.6 tan metrik per hektar pada musim kedua (Nur, 2021).

Untuk kawalan dan pengurusan yang berkesan, terdapat beberapa kaedah dalam mengawal perosak dan penyakit sawah padi yang mesti diamalkan secara bersepadu dan menyeluruh. Berikut adalah antara jenis kaedah yang boleh dilaksanakan seperti penggunaan varieti padi rintang. Gabungan beberapa gen berbeza kerintangan dalam satu varieti di kawasan penanaman padi akan mengurangkan tekanan populasi perosak dan penyakit serta menurunkan kadar penggunaan racun kimia. Ini selari dengan konsep penanaman secara mampan serta pengurusan perosak bagi tanaman padi. Di samping itu, kaedah pemeliharaan dan pemuliharaan kawalan semula jadi yang merupakan kawalan biologi secara semula jadi. Dalam ekosistem sawah padi, terdapat pelbagai organisma yang memainkan peranan secara semulajadi sebagai agen kawalan kepada perosak dan penyakit yang menyerang tanaman. Bagi memastikan keseimbangan dan interaksi semula jadi dalam ekosistem sawah padi, penggunaan racun kimia hendaklah dikurangkan. Ini amat penting dalam menyediakan ruang kepada organisma ini terutamanya pelbagai spesies musuh semula jadi kepada perosak untuk meningkatkan populasi seterusnya mengawal populasi perosak daripada berkembang (Badrullahadza, 2013).

Pengurusan tanah juga merupakan salah satu keperluan utama dalam menentukan kejayaan dan kegagalan petani dalam mengurus tanaman. Ini kerana tanah akan mempengaruhi pertumbuhan, hasil serta kualiti tanaman. Pengurusan tanah yang betul juga dapat memelihara kesuburan dan kandungan nutrien agar aktiviti penanaman pada musim seterusnya dapat memberi hasil yang optimum. Pengetahuan berkaitan tanah seperti status kesuburan memberi kelebihan kepada petani dalam usaha meningkatkan hasil tanaman. Hal ini kerana, tanah mempunyai siri dan kelas kesuburan yang berbeza. Tanah yang subur berupaya untuk membekalkan nutrien dengan kadar yang sesuai selain meningkatkan keupayaan tanaman menyerap nutrien bagi meningkatkan hasil padi. Semakin tinggi hasil menunjukkan semakin baik pengambilan dan perpindahan nutrien daripada tanah ke pokok (Muhammad Naim Fadzli Abd Rani, 2015).

Selanjutnya, pengurusan nutrien pula merupakan amalan yang digunakan untuk mengurus kadar, peletakan dan masa penggunaan nutrien kepada tanaman menggunakan baja kimia atau organik. Hal ini bertujuan untuk memberi bekalan nutrien mengikut peringkat pertumbuhan pokok dan pengeluaran hasil yang optimum. Dalam pada itu, ia berperanan untuk mengekal atau membaiki kesuburan tanah. Baja merupakan keperluan input yang perlu diguna pakai dalam pertanian untuk pengeluaran hasil yang tinggi. Pengeluaran hasil yang tinggi bagi varieti padi yang mempunyai tempoh matang singkat hanya boleh dicapai melalui pembajaan yang sempurna, kepadatan tanaman yang tinggi dan penerimaan cahaya matahari yang optimum. Selain itu, penggunaan baja organik secara semula jadi mampu membekalkan nutrien pada kadar rendah secara berterusan dan seimbang serta kosnya yang lebih menjimatkan (Muhammad Naim Fadzli Abd Rani, 2015).

Kesimpulannya, aktiviti pertanian yang dilakukan perlulah memberi manfaat kepada petaninya daripada segi kualiti dan hasilnya serta tidak menjejaskan alam sekitar dan manusia itu sendiri. Oleh itu, langkah yang proaktif perlulah diambil petani dengan tidak mengabaikan

manfaat pertanian. Petani juga mestilah mengawal perosak dan penyakit yang menyerang menggunakan cara yang bersesuaian yang lebih mesra alam seperti kawalan secara alami atau biologi dengan mengurangkan penggunaan racun kimia. Racun kimia mestilah digunakan dalam kuantiti yang dibenarkan pihak berkuasa bagi mengelakkan masalah lain timbul. Pengurusan tanaman secara organik dan menyeluruh juga memberi peningkatan hasil tanaman dalam tempoh jangka masa yang panjang selain kosnya yang lebih menjimatkan.

4. Kaedah Kajian

Terdapat pelbagai kaedah kajian yang telah digunakan oleh pengkaji dalam melengkapkan maklumat berkaitan Program Taklimat Penggunaan Racun Tanaman Padi dan Makhluk Perosak di Kampung Kesapang Batu 6, Kota Belud, Sabah :

4.1 Kaedah kualitatif

4.1.1 Temu bual

Kaedah temu bual mempunyai dua peringkat iaitu secara formal dan tidak formal. Selain itu , kaedah ini juga boleh digunakan secara bersemuka , tidak bersemuka serta menggunakan platform komunikasi secara atas talian. Terdapat 36 peserta yang telah menyertai Program Taklimat Pengurusan Racun Tanaman Padi dan Maklumat Perosak di Kampung Kesapang Batu 6 , Kota Belud Sabah. Program ini telah dianjurkan oleh pihak Integrated Agricultural Development (IADA) dengan kerjasama Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani Malaysia , Kota Belud, Sabah serta G-Planters Sdn.Bhd.

Pengkaji telah melaksanakan kaedah ini secara tidak formal iaitu secara bersemuka yang melibatkan Penolong Pegawai Pertanian (IADA) Kota Belud , Encik Mohd Shahrul Ali bin Madlan di pejabatnya. Beliau merupakan penganjur serta penyelaras bagi menjayakan Program Pengurusan Tanaman Padi dan Racun serta Kawalan Perosak di Kampung Kesapang. Selain itu , pengkaji turut menjalankan kaedah secara temu bual yang melibatkan Encik Madlin bin Awang merangkap ketua kampung Kesapang di rumahnya. Beliau merupakan seorang pengusaha tanaman padi yang menyertai program yang dianjurkan oleh pihak IADA.

Seterusnya ialah pengkaji telah menjalankan temu bual dengan menyenaraikan beberapa soalan untuk diajukan kepada pihak informan bagi menjawab objektif kajian yang dilaksanakan ini. Pengkaji turut menerima respon yang positif dari pihak informan berkaitan program yang dianjurkan oleh pihak IADA. Melalui temu bual bersemuka ini pengkaji dapat meluangkan lebih banyak masa serta beramah mesra dengan pihak informan. Temu bual yang dilaksanakan dengan berstrategik dapat memberikan maklumat yang lebih tepat serta secara terperinci mengenai program tersebut.

Akhir sekali, platform secara atas talian iaitu “whatsapp” telah digunakan oleh pengkaji untuk berkomunikasi dengan pihak informan. Hal ini dikatakan kerana pengkaji mengalami kekangan masa untuk melaksanakan kaedah temu bual secara bersemuka. Kaedah temu bual secara atas talian ini merupakan sebuah kaedah yang strategik kerana ia dapat menjimatkan masa serta tenaga bukan sahaja kepada pengkaji malahan pihak informan juga. Dengan kaedah temu bual secara atas talian mahupun bersemuka ini , pengkaji dapat memperolehi pelbagai jenis

maklumat berkaitan latar belakang informan serta maklumat-maklumat berkaitan program yang dikaji. Berikut merupakan jadual berkaitan informan :

Tabel 1: Latar Belakang Informan

No.	Nama	Umur	Pekerjaan	Penglibatan dalam Program
1.	Mohd Shahrul Ali bin Madlan	34 Tahun	Penolong Pegawai Pertanian	Pegawai penganjur dan penyelaras
2.	Madlin bin Awang	54 Tahun	Ketua Kampung Kesapang dan pengusaha padi	Peserta
3.	Safly Latu	60 Tahun	Petani	Peserta
4.	Sebek bin Adam	54 Tahun	Petani	Peserta
5.	Asat Tonggong	56 Tahun	Pengusaha padi	Peserta
6.	Abdul Rahman bin Akim	34 Tahun	Peniaga kecil dan pengusaha padi	Peserta
7.	Badrun Lab	52 Tahun	Peniaga kecil dan pengusaha padi	Peserta
8.	Arif bin Jafly	37 Tahun	Peniaga kecil dan pengusaha padi	Peserta
9.	Robert bin Jonis	42 Tahun	Petani	Peserta
10.	Jaim Singkam	58 Tahun	Petani	Peserta

4.1.2 Sumber Internet

Seiring dengan arus perkembangan teknologi pada masa kini , internet merupakan sebuah platform yang boleh diguna pakai oleh semua masyarakat bagi mendapatkan pelbagai maklumat untuk dijadikan sebagai sumber rujukan. Berdasarkan kajian ini , pengkaji telah menggunakan sumber internet sebagai rujukan untuk mendapatkan pelbagai maklumat tentang kajian yang

sedang dijalankan ini. Sebagai contoh laman sesawang yang telah digunakan oleh pengkaji ialah laman sesawang tentang pertanian serta sebagainya. Pengkaji turut mengkaji tentang latar belakang Integrated Agricultural Development (IADA) yang merupakan pihak penganjur yang melaksanakan program yang dikaji. Sumber internet ini telah memberikan kebaikan kepada pengkaji untuk memperoleh pelbagai maklumat yang dapat menepati segala skop berkenaan kajian. Segala maklumat yang diperoleh hasil daripada sumber internet ini telah diguna pakai oleh pengkaji telah dikumpul dan disertakan bagi menjayakan penghasilan kajian ini.

5. Dapatan Kajian

5.1 Adakah Program Taklimat Racun dan Kawalan Perosak di Kampung Kesapang Batu 6 Ini Berjaya Mencapai Matlamatnya?

5.1.1 Dari Perspektif Pihak Penganjur Program

Secara umumnya, bagi pihak penganjur, program ini berjaya mencapai objektif utamanya iaitu dari segi penyampaian output atau ilmu kemahiran yang ingin disampaikan kepada para peserta. Hal ini kerana semasa program berlangsung, para peserta kerap mengajukan soalan-soalan berkenaan ilmu kemahiran yang disampaikan. Sebahagian besar dari mereka telah dapat memahami konsep dan cara-cara penggunaan racun organik yang efisien dalam mengawal penyakit tanaman padi dan gangguan perosak. Namun, hasil sebenar dari program ini iaitu “pengaplikasian ilmu kemahiran tersebut di lapangan “oleh para peserta boleh dilihat menerusi pemantauan secara berkala terhadap pelaksanaan penanaman padi oleh para pengusaha padi yang mengikuti program ini. (Shahairul Ali bin Madlan, Pegawai pertanian (IADA).

5.1.2 Dari Perspektif Peserta Program

Program ini berjaya kerana dapat mencapai matlamat asas program iaitu menambah pengetahuan dan kemahiran peserta dalam hal penggunaan racun serangga perosak untuk tanaman.

Menurut beberapa peserta yang telah ditemu bual oleh pengkaji, iaitu Encik Madlin Awang, 54 tahun, Encik Arif bin Jafly, 37 tahun, dan encik Abdul Rahman bin Akim, 34 tahun, mereka bersetuju dan berpendapat bahawa program ini dapat memberikan peluang kepada para peserta untuk menambahkan ilmu pengetahuan yang baharu sekali gus meningkatkan kemahiran mereka tentang cara penggunaan dan sukatan kuantiti serta jadual penyemburan cecair racun secara tepat dan efisien. Secara ringkasnya sebagai seorang peserta program ini, beliau telah mengetahui cara penggunaan sebenar racun tanaman organik dalam menguruskan tanaman padi kerana sebelum ini, beliau hanya meneka sukatan kuantiti suatu racun secara rawak dan tindakan ini sedikit sebanyak telah menyebabkan kerugian kepada saya lebih-lebih lagi dalam kos perawatan tanaman padi untuk mencegah serangga perosak. Selain itu saya telah mengetahui tempoh masa sebenar yang diperuntukkan dalam proses penyemburan racun dan baja bagi menjamin keberkesanan racun tersebut dalam mengawal gangguan penyakit tanaman dan makhluk perosak.

5.2 Faktor-faktor yang Mendorong kepada Kejayaan Program

5.2.1 Dari Perspektif Pihak Penganjur

Menurut Encik Shahairul Ali bin Madlan, selaku pihak penganjur program ini, antara faktor yang menyumbang kepada kejayaan penganjuran program ini adalah Kerjasama yang terjalin antara Pihak (IADA) Kota Belud itu sendiri dengan para pengusaha pertanian khususnya pengusaha padi di daerah ini. Bagi pengetahuan umum, Pihak (IADA) Kota Belud mempunyai kerjasama secara langsung dengan para kelompok-kelompok pengusaha padi di setiap kampung di daerah Kota Belud ini melalui penubuhan Jawatan Kuasa Khas yang dikenali sebagai “Jawatan Kuasa Pengguna Air”. Hal ini dimana setiap kampung di daerah Kota Belud akan menubuhkan jawatankuasa khas ini bagi menjaga dan menguruskan kumpulan tani masing-masing. Sebarang maklumat mengenai perancangan atau idea untuk menganjurkan Program berkaitan kemahiran pertanian yang dianjurkan oleh pihak (IADA) Kota Belud atau agensi kerajaan lain yang berasas tani seperti (RISDA), akan di maklumkan menerusi Jawatankuasa Khas ini dari masa ke semasa. Jawatankuasa Khas ini yang akan disampaikan kepada komuniti desa yang terlibat iaitu para pengusaha tani. Hal ini bagi menjamin kelancaran dalam proses penyampaian maklumat yang teratur di samping dapat menjimatkan masa dan tenaga. (Shahairul Ali bin Madlan, Pegawai Pertanian (IADA)).

Output yang diperoleh oleh para peserta:

- a) Peserta dapat mengetahui tentang kebaikan penggunaan racun serangga perosak, dan
- b) Mengetahui perbezaan baja dan racun dalam penanaman padi.

5.2.2 Dari Perspektif Peserta Program

Antara faktor yang menyumbang kepada kejayaan program ini adalah dari segi cara penyampaian output. Cara penyampaian output oleh penceramah program amat berkesan dan senang difahami oleh masyarakat kampung. Selain itu maklumat yang disampaikan adalah dalam bentuk terperinci yang memudahkan para peserta mengingati ilmu yang disampaikan. Namun begitu faktor terpenting adalah laras bahasa yang digunakan oleh penceramah ketika menyampaikan ilmu tersebut. Hal ini kerana, penceramah amat memahami kesukaran para peserta untuk memahami ilmu yang disampaikan jika larasnya terlalu tinggi atau penggunaan banyak istilah saintifik. Menurut Encik Safly latu, 60 tahun, sebagai seorang petani generasi tua, (salah satu peserta program) beliau amat mudah keliru jika melibatkan istilah-istilah yang baharu lebih-lebih lagi berkaitan nama-nama saintifik. Cara penyampaian yang santai dan penggunaan istilah-istilah “lokal” atau istilah tempatan oleh penceramah program ini amat membantu beliau dalam memahami ilmu yang cuba disampaikan.

Seterusnya ialah kaedah “tutorial” secara langsung yang dipertontonkan oleh penceramah program kepada para peserta. Hal ini juga merupakan kunci utama kepada penyampaian ilmu yang berkesan khususnya dalam ilmu yang melibatkan kemahiran di lapangan. Kaedah penyampaian secara “praktikal” oleh penceramah dimana penceramah menunjukkan cara-cara penggunaan racun atau baja bagi mengawal makhluk perosak pada tanaman padi. Langkah demi Langkah ditunjukkan dan diajarkan iaitu dari cara penentuan jenis racun, kuantiti cecair atau isipadu cecair yang bersesuaian dengan keluasan tanah, dan sehingga kepada penjadualan penyemburan racun yang tepat. Kecekapan dalam menerangkan hal-hal

tersebut telah menjamin kepada kefahaman para peserta. Sebagai peserta, Encik Badrun Lab, 52 tahun, telah berjaya memahami penggunaan racun makhluk perosak bagi tanaman padi dengan baik hasil daripada kaedah tutorial yang digunakan oleh penceramah program.

6. Perbincangan

Berdasarkan dapatan kajian ini, pengkaji mendapati bahawa kesemua responden yang telah ditemu bual memberikan pendapat yang positif dimana mereka menyatakan bahawa program ini telah berjaya mencapai matlamat utamanya iaitu menyampaikan ilmu kemahiran dalam penggunaan racun dan kawalan perosak dalam konteks pengurusan tanaman padi kepada komuniti petani di Kampung Kesapang, Kota Belud, Sabah.

Menurut Encik Sebek bin Adam, 54 tahun. Sebagai salah seorang peserta program ini, beliau berpendapat bahawa program ini telah berjaya mencapai kejayaan dalam memberikan peluang kepada para peserta untuk mempelajari ilmu kemahiran pertanian baharu. Dengan penganjuran program ini, beliau dapat meningkatkan kemahiran bertani khusus dalam perawatan tanaman padi dari segi penyakit dan jenis makhluk perosak.

Para responden juga bersetuju bahawa faktor penyampaian ilmu dan kaedah penerangan secara tutorial yang dipraktikkan dalam program ini telah menyumbang kepada kejayaan program kemahiran ini sekaligus dapat memudahkan para peserta untuk mempelajari ilmu kemahiran yang disampaikan. Contohnya, menurut encik Robert bin Jonis, 42 tahun, Encik Asad Tongong, 56 tahun, dan Encik Jaim Singkam, 58 tahun menyatakan bahawa sebelum mengikuti program kemahiran ini, mereka tidak didedahkan dengan langkah perawatan tanaman padi yang efisien dan hanya mengikuti “langkah yang diajarkan oleh generasi petani terdahulu” dalam mengurus penyakit tanaman padi dan mencegah gangguan perosak. Antara jenis perosak tanaman padi yang sering mengganggu tanaman padi para petani ini ialah “Gondang Emas” yang memerlukan penggunaan jenis racun serta sukatan isipadu cecair yang tepat untuk menghalang perosak ini dari mengganggu tanaman padi. Selepas mengikuti program ini, mereka dapat mengatasi masalah “gangguan perosak” pada tanaman padi mereka kerana telah mengetahui jenis racun serta isipadu yang betul dalam menggunakan racun serta baja tanaman khususnya dalam tanaman padi.

Berdasarkan pendapat para responden yang telah ditemu bual, pihak pengkaji bersetuju bahawa program Kemahiran berasaskan tani ini iaitu “Program Taklimat Pengurusan Racun tanaman Padi dan Kawalan Perosak di Kampung Kesapang, Kota Belud, Sabah ini, telah mencapai kejayaan dalam memenuhi matlamat program sekaligus meningkatkan kemahiran para peserta dalam pengurusan padi khususnya dalam rawatan penyakit tanaman padi yang seterusnya dapat menyumbang dalam peningkatan hasil keluaran padi di daerah Kota Belud sebagai salah satu kawasan jelapang padi di negara ini.

Di samping itu, bagi aspek faktor-faktor yang mendorong kepada kejayaan program kemahiran ini, ramai diantara responden yang telah ditemu bual oleh pihak pengkaji berpendapat bahawa faktor seperti penyampaian output yang bersifat santai yang merangkumi penggunaan bahasa dan istilah tempatan dalam konteks pertanian oleh para penceramah program dan penggunaan kaedah “tutorial” telah memudahkan proses penerangan kepada para peserta.

7. Kesimpulan

Program Pembangunan Kemahiran merupakan satu program pembangunan yang dijalankan untuk proses pembelajaran yang menekankan pekerjaan yang akan dilakukan pada masa akan datang. Ia juga boleh disamakan sebagai proses meningkatkan kemahiran, dan kemampuan umum dan menambahkan ilmu pengetahuan individu melalui pembelajaran secara sedar dan secara tidak sedar. Program Taklimat Pengurusan Racun Tanaman Padi dan Maklumat Perosak merupakan program pembangunan kemahiran yang telah dipilih oleh kumpulan kami untuk dikaji. Program ini dijalankan khususnya untuk memodenkan sektor pertanian supaya sistem pengeluarannya cekap, menjimatkan tenaga manusia dan mampu bersaing dengan pasaran dalam dan luar negeri. Program ini diadakan untuk memberi pendedahan tentang penggunaan racun tanaman dan makhluk perosak kepada penduduk setempat yang terlibat dalam sektor pertanian khususnya dalam penanaman padi.

Program Taklimat Pengurusan Racun Tanaman Padi dan Maklumat Perosak telah mencapai matlamatnya iaitu untuk menyampaikan ilmu kemahiran dalam penggunaan racun dan kawalan perosak dalam konteks pengurusan tanaman padi kepada komuniti petani di kampung Kesapang, Kota Belud, Sabah. Buktinya, para peserta dapat mempelajari ilmu kemahiran pertanian baharu serta dapat meningkatkan kemahiran bertani khususnya dalam perawatan tanaman padi dari segi penyakit dan jenis makhluk perosak. Selain itu, peserta program ini juga turut menyatakan bahawa selepas mengikuti program ini, mereka dapat mengatasi masalah "pengaruh perosak" dalam tanaman padi kerana mereka tahu jenis racun dan jumlah yang tepat bagi racun dan baja untuk digunakan pada tanaman terutamanya dalam tanaman padi.

Jelaslah bahawa program yang dijalankan oleh Pejabat Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani Malaysia di bawah Agensi kerajaan *Integrated Agriculture Development Area* (IADA) ini dapat memaklumkan kepada masyarakat luar bandar yang terlibat dalam aktiviti penanaman padi tentang kaedah rawatan tanaman padi mengikut jenis penyakit dan perosak menggunakan racun perosak dan baja organik sekaligus kemahiran peserta dapat dipertingkatkan lagi terutama dalam aspek penggunaan racun serangga dan kawalan serangga perosak tanaman padi yang betul dan tepat.

8. Rujukan

Abdul Rahman bin Akim (2022), 34 tahun, Peniaga kecil dan pengusaha padi, Peserta Program Latihan Pengurusan Racun dan Kawalan Perosak Anjuran (IADA) di Kampung Kesapang, Kota Belud, Sabah. "*Apakah Program Latihan Pengurusan Racun dan Kawalan Perosak Anjuran (IADA) di Kampung Kesapang Berjaya Mencapai Matlamatnya dan Apakah Faktor-Faktor yang Mendorong Kejayaan Program Ini?*". Kampung Kesapang, Kota Belud, Sabah.

Arif bin Jafly (2022), 37 tahun, Peniaga Kecil dan pengusaha padi, Peserta Program Latihan Pengurusan Racun dan Kawalan Perosak Anjuran (IADA) di Kampung Kesapang, Kota Belud, Sabah. "*Apakah Program Latihan Pengurusan Racun dan Kawalan Perosak Anjuran (IADA) di Kampung Kesapang Berjaya Mencapai Matlamatnya dan Apakah Faktor-Faktor yang Mendorong Kejayaan Program Ini?*". Kampung Kesapang, Kota Belud, Sabah.

- Asat Tongong (2022), 56 tahun, Pengusaha padi, peserta Program Latihan Pengurusan Racun dan Kawalan Perosak Anjuran (IADA) di Kampung Kesapang, Kota Belud, Sabah. “*Apakah Program Latihan Pengurusan Racun dan Kawalan Perosak Anjuran (IADA) di Kampung Kesapang Berjaya Mencapai Matlamatnya dan Apakah Faktor-Faktor yang Mendorong Kejayaan Program Ini?*”. Kampung Kesapang, Kota Belud, Sabah.
- Badrulhadza Amzah, Siti Norsuha Misman, Maisarah Mohamad Saad, Azmi Man, Allicia Jack, Mohd Fitri Masarudin dan Chong Tet Vun. Pengurusan bersepadu perosak, penyakit dan rumpai dalam pengeluaran mampan tanaman padi. Buletin Teknologi MARDI, Bil. 3(2013): 1 – 10. Diambil daripada https://www.researchgate.net/publication/290195285_Pengurusan_bersepadu_perosak_penyakit_dan_rumpai_dalam_pengeluaran_mampan_tanaman_padi_Integrated_pest_di_sease_and_weed_management_through_sustainable_rice_production
- Badrun Lab (2022), 52 tahun, Peniaga kecil dan pengusaha padi, Peserta Program Latihan Pengurusan Racun dan Kawalan Perosak Anjuran (IADA) di Kampung Kesapang, Kota Belud, Sabah. “*Apakah Program Latihan Pengurusan Racun dan Kawalan Perosak Anjuran (IADA) di Kampung Kesapang Berjaya Mencapai Matlamatnya dan Apakah Faktor-Faktor yang Mendorong Kejayaan Program Ini?*”. Kampung Kesapang, Kota Belud, Sabah.
- Haliza Abdul Rahman. (2021, Mei 18). Mudarat racun perosak berlebihan. Sinar Harian. Diambil daripada <https://www.sinarharian.com.my/article/139035/KHAS/Pendapat/Mudarat-racun-perosak-berlebihan>
- Jabatan Pertanian Negeri Perak. (n.d.). IADA. (2022, Jun 7). Diambil daripada <http://www.pertanianperak.gov.my/index.php/fokus/projek-perdana/iada>
- Jaim Singkam (2022), 58 tahun, Petani, Peserta Program Latihan Pengurusan Racun dan Kawalan Perosak Anjuran (IADA) di Kampung Kesapang, Kota Belud, Sabah. “*Apakah Program Latihan Pengurusan Racun dan Kawalan Perosak Anjuran (IADA) di Kampung Kesapang Berjaya Mencapai Matlamatnya dan Apakah Faktor-Faktor yang Mendorong Kejayaan Program Ini?*”. Kampung Kesapang, Kota Belud, Sabah.
- Madlin bin Awang (2022), 54 tahun, Ketua kampung Kesapang dan Pegusaha Padi, Peserta Program Latihan Pengurusan Racun dan Kawalan Perosak Anjuran (IADA) di Kampung Kesapang, Kota Belud, Sabah. “*Apakah Program Latihan Pengurusan Racun dan Kawalan Perosak Anjuran (IADA) di Kampung Kesapang Berjaya Mencapai Matlamatnya dan Apakah Faktor-Faktor yang Mendorong Kejayaan Program Ini?*”. Kampung Kesapang, Kota Belud, Sabah.
- Mohammad Shahrul Ali bin Madlan (2022), 34 tahun, Pegawai Pertanian IADA Cawangan Kota Belud. “*Program Taklimat Racun dan Haiwan Perosak*”. 18 dan 19 Mei, 2022. Pejabat Integrated Agriculture Development Area (IADA), Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani Malaysia Cawangan Kota Belud.
- Muhammad Naim Fadzli Abd Rani, Mohamad Najib Mohd Yusof, Shahida Hashim, Elixon Sunian @ Elixson Sulaiman dan Asfaliza Ramli. Pengurusan kesuburan tanah dan nutrien untuk tanaman padi di Malaysia. Buletin Teknologi MARDI, Bil. 8(2015): 37 – 44. Diambil daripada <http://ebuletin.mardi.gov.my/buletin/08/Pengurusan%20kesuburan%20tanah.pdf>

- Nur Wahidah Hambali. (2021, Oktober 27). Baja organik dapat tingkatkan hasil padi. Kosmo!. Diambil daripada <https://www.kosmo.com.my/2021/10/27/baja-organik-dapat-tingkatkan-hasil-padi/>
- Padi. Diambil daripada https://jpn.penang.gov.my/index.php?option=com_content&view=article&id=58&Itemid=58&lang=ms
- Robert bin Jonis (2022), 42 tahun, Petani, Peserta Program Latihan Pengurusan Racun dan Kawalan Perosak Anjuran (IADA) di Kampung Kesapang, Kota Belud, Sabah. "*Apakah Program Latihan Pengurusan Racun dan Kawalan Perosak Anjuran (IADA) di Kampung Kesapang Berjaya Mencapai Matlamatnya dan Apakah Faktor-Faktor yang Mendorong Kejayaan Program Ini?*". Kampung Kesapang, Kota Belud, Sabah.
- Safly Latu (2022), 60 tahun, petani, Peserta Program Latihan Pengurusan Racun dan Kawalan Perosak Anjuran (IADA) di Kampung Kesapang, Kota Belud, Sabah. "*Apakah Program Latihan Pengurusan Racun dan Kawalan Perosak Anjuran (IADA) di Kampung Kesapang Berjaya Mencapai Matlamatnya dan Apakah Faktor-Faktor yang Mendorong Kejayaan Program Ini?*". Kampung Kesapang, Kota Belud, Sabah.
- Sebek bin Adam (2022), 54 tahun, petani, peserta Program Latihan Pengurusan Racun dan Kawalan Perosak Anjuran (IADA) di Kampung Kesapang, Kota Belud, Sabah. "*Apakah Program Latihan Pengurusan Racun dan Kawalan Perosak Anjuran (IADA) di Kampung Kesapang Berjaya Mencapai Matlamatnya dan Apakah Faktor-Faktor yang Mendorong Kejayaan Program Ini?*". Kampung Kesapang, Kota Belud, Sabah.
- Siti Hajar Sabran, Azlan Abas, Sytty Mazian Mazlan & Sharminii Devi Supramaniam. (2020). Amalan Penggunaan Racun Perosak dalam Kalangan Pesawah di Pulau Pinang. *Akademika 90*(Isu Khas 1/Special Issue), 5-19. Diambil daripada <http://journalarticle.ukm.my/15488/1/38563-125930-1-PB.pdf>
- Utusan Borneo (Sabah). (2016, October 22). Kota Belud mampu mengeluarkan makanan. *PressReader.com - Digital Newspaper & Magazine subscriptions*. Retrieved from <https://www.pressreader.com/malaysia/utusan-borneo-sabah/20161022/282041916665460>

Skema Networking antara Universitas dan Komunitas dalam Pengelolaan Sampah Berkelanjutan: Belajar dari Pengalaman Bank Sampah Berkah di Sidoarjo

Faza Saila Salsabila¹, Umi Nur Habibah², Kurniawan Fery Arianto³

^{1,2,3}Universitas Negeri Surabaya, Indonesia

Email: ¹fazasaila.20055@mhs.unesa.ac.id

Abstrak

Kerjasama antara universitas dan masyarakat dalam pengelolaan sampah berbasis *networking* masih belum banyak dikaji. Padahal, sampah merupakan salah satu permasalahan utama masyarakat dan menjadi agenda penting dalam upaya pencapaian SDGs. Penelitian ini bertujuan untuk mendeskripsikan model kerjasama antara institusi pendidikan tinggi dengan masyarakat dan menawarkannya sebagai model alternatif pengelolaan sampah. Penelitian ini merupakan penelitian deskriptif. Teknik pengumpulan data dilakukan dengan observasi, wawancara dan analisis data sekunder. Lokasi penelitian di komunitas Bank Sampah Berkah di Perumahan Permata Kwangsan Residence Desa Kwangsan Kabupaten Sidoarjo. Penelitian ini menemukan bahwa skema kerjasama antara Perguruan Tinggi dengan komunitas dapat menginisiasi hadirnya organisasi bank sampah Berkah dengan tata kelola yang efisien. Model *networking* antara Universitas Negeri Surabaya dengan komunitas Bank Sampah Berkah tidak hanya berhasil memunculkan upaya pengelolaan sampah di level domestik, tetapi juga membuktikan bahwa skema kerjasama yang sederhana bisa memberikan implikasi pada konsep pembangunan berkelanjutan. Penelitian ini memiliki keterbatasan pada cakupan wilayah yang hanya terfokus pada satu lokasi. Namun keterbatasan komparasi ini membukakan peluang bagi penelitian lain untuk dapat mengisinya. Kerjasama antara universitas dengan komunitas dapat menjadi alternatif solusi di tengah upaya global untuk pencapaian tujuan SDGs.

Kata kunci: pengelolaan sampah; *networking*; universitas-komunitas; SDGs.

1. Pengantar

Skema kerja sama jejaring (*networking*) antara perguruan tinggi dan masyarakat dalam pengelolaan sampah berkelanjutan masih jarang ditemui karena lazimnya dilakukan oleh pemerintah maupun LSM. Padahal, skema *networking* ini dinilai mampu menginisiasi dan memediasi pengetahuan dan sumber daya yang dibutuhkan untuk memecahkan masalah lingkungan di masyarakat (Loh, 2016). Perguruan Tinggi dalam hal ini dapat berperan dalam agenda pembangunan berkelanjutan dengan memberikan edukasi dan turut terlibat langsung dalam manajemen pengelolaan sampah yang tepat demi mendukung terciptanya pola produksi dan konsumsi yang berkelanjutan. Dengan begitu, kolaborasi yang terjalin antara masyarakat, pemerintah, perguruan tinggi dan lembaga non-pemerintahan diharapkan akan memunculkan peluang baru untuk pengelolaan sampah berkelanjutan.

Salah satu kontribusi yang diharapkan dari keberlanjutan pengelolaan sampah adalah penurunan emisi gas rumah kaca. Kontribusi tersebut juga didasarkan kesepakatan lingkungan 196 negara pada Perjanjian Paris yang membatasi pemanasan global hingga 1,5 derajat celsius


(Harmono, 2020). Pemerintah Indonesia telah menyikapi Perjanjian Paris melalui NDC (*Nationally Determined Contribution*) yang salah satu rencananya yakni mengurangi sampah di Tempat Pembuangan Akhir (TPA) melalui pendekatan *Reduce, Reuse, Recycle* (Direktorat Jenderal Pengendalian Perubahan Iklim, 2017; Nathania, 2021). Namun, dengan timbunan sampah yang mencapai 26 juta ton per tahun (Kementerian Lingkungan Hidup dan Kehutanan, 2021), sebagian besar TPA di Indonesia masih menggunakan sistem pembuangan terbuka (*open dumping*). Terbitnya Undang-Undang No.18 Tahun 2008 tentang Pengelolaan Sampah yang melarang adanya sistem pembuangan terbuka nyatanya belum diimplementasikan secara optimal pada praktiknya tingkat bawah (Kusumaningrum et al., 2020)

Tabel 1: Perbandingan Pengelolaan Sampah di Indonesia dan Korea Selatan

Perbandingan	Indonesia	Korea Selatan
Aspek Kelembagaan	Rawan terjadi ketidakjelasan peran regulator dan operator	Kementerian Lingkungan Hidup sebagai regulator dan Pengelola TPA sebagai eksekutor
Aspek Dana	Masih mengalami keterbatasan sumber pendanaan dan manajemen	Cukup berasal dari anggaran pemerintah, tipping fee, dan keuntungan lainnya
Aspek Kebijakan	Regulasi terbatas baik di tingkat lokal maupun nasional serta tingkat implementasi rendah	Regulasi terkait hal teknis, pengelolaan, pembiayaan, serta penegakan hukum yang jelas
Aspek Sosial	Keterlibatan masyarakat dalam mengelola sampah belum merata	Kesadaran dan partisipasi masyarakat dalam pengelolaan sampah tinggi

Kondisi sulitnya pengelolaan sampah di negara berkembang dibandingkan di negara maju dinilai terjadi akibat manajemen pengelolaan sampah yang belum berhasil (Marshall & Farahbakhsh, 2013). Di Indonesia, model pengelolaan sampah masih mengacu pada jenis teknologi pembukaan lahan (*open dumping*) yang lebih cocok diterapkan di negara maju karena tidak mempertimbangkan pengolahan sampah yang sederhana, aktivitas pemulung, dan tingkat pelayanan pengelolaan sampah yang tergolong masih rendah, serta kurangnya data sampah yang akurat (Kusumaningrum et al., 2020). Karena itu, pengelolaan sampah sejak pada level domestik di negara berkembang masih perlu banyak mendapat perhatian. Berdasarkan catatan Kementerian Lingkungan Hidup dan Kehutanan Republik Indonesia (MenKLHK), level rumah tangga (domestik) tercatat menyumbang 40,6% dari total keseluruhan sampah di Indonesia (Gambar 1). Di samping itu, masyarakat juga masih belum terlibat banyak dalam pengelolaan sampah, misalnya dengan memilah sampah dari sumbernya dan melakukan proses daur ulang (Kusumaningrum et al., 2020). Selama ini, nampaknya peran masyarakat masih terbatas hanya

pada biaya retribusi yang pada kenyataannya belum mampu mengoptimalisasi pengelolaan sampah (DLHK Sidoarjo, 2019).



Gambar 1: Sampah berdasarkan sumbernya (Kementerian Lingkungan Hidup dan Kehutanan, 2021)

Dewasa ini, pengelolaan sampah masih menjadi tanggung jawab pemerintah semata, meski pemerintah juga memiliki keterbatasan dalam hal sumber daya manusia, teknologi, dan anggaran. Di samping itu, masih terdapat masalah kelembagaan dimana masih belum ada sinergitas antara dinas, swasta dengan masyarakat terkait (Wati et al., 2021). Pembangunan tempat penampungan sampah kerap kali ditolak oleh masyarakat yang menjadi indikasi manajemen pengelolaan sampah masih dianggap bermasalah oleh publik (DLHK Sidoarjo, 2019). Manajemen sampah yang buruk tersebut turut memunculkan beragam respons dari aktor-aktor informal untuk mengatasi persoalan pengelolaan sampah (Wilson et al., 2009) seperti pekerja informal, NGO (*Non Government Organization*), dan CBO (*Community Based Organization*).

Salah satu pihak non-pemerintah yang berpotensi mengelola sampah di tingkat domestik adalah universitas dan komunitas masyarakat itu sendiri. Berdasarkan kondisi di lapangan, praktek pengelolaan bank sampah secara berkelanjutan dapat diinisiasi melalui skema sederhana dengan melibatkan universitas dan komunitas yang dimanifestasikan dalam bentuk bank sampah. Bank sampah adalah tawaran alternatif bagi komunitas ketika ada kebutuhan merespons permasalahan sampah (Wati et al., 2021). Meskipun bank sampah bukan hal yang baru namun, bank sampah kerap kali mengalami kendala terkait biaya, sumber daya manusia, jaringan yang belum kuat, dan birokrasi yang berbelit. *Networking* menjadi salah satu solusi dalam menawarkan tindakan kerjasama untuk meminimalisir kendala terkait sumber daya yang selama ini menjadi penghambat tumbuhnya organisasi (Nascimbeni, 2018).

Kerjasama *networking* antara Universitas Negeri Surabaya dan masyarakat Perumahan Permata Kwangsari Sidoarjo menjadi skema kerja sama nyata antara aktor formal dan informal yang berwujud Bank Sampah Berkah. Dengan timbulan sampah yang bisa mencapai 1.300 ton/hari, DLHK Sidoarjo menyatakan bahwa sarana dan prasarana pengolahan sampah di tingkat desa maupun kelurahan masih sangat terbatas, termasuk di Perumahan Permata Kwangsari. Kerjasama berbasis *networking* antara universitas dan masyarakat menunjukkan bahwa skema

kolaborasi tersebut memungkinkan pengelolaan sampah dengan benar dapat mendukung pola produksi dan konsumsi yang berkelanjutan melalui pendekatan terpadu dan kolaboratif yang mampu terhubung dengan berbagai *stakeholders*.

2. Pernyataan Tujuan dan Pertanyaan Penelitian

Penelitian ini bertujuan untuk mendeskripsikan model kerjasama berbasis *networking* antara institusi pendidikan tinggi dengan komunitas masyarakat dan menawarkannya sebagai model alternatif pengelolaan sampah. Pertanyaan penelitian yang diangkat oleh peneliti adalah bagaimana *networking* antara universitas dan komunitas dapat mempengaruhi pengelolaan sampah yang berkelanjutan.

3. Metode

This research was conducted based on qualitative research methods by using semi-formal interviews as research instruments. This method aims to collect information through (verbal) answers from informants. Informants are more likely to approach in a semi-formal setting, and the researcher can clearly explain the research or question's meaning. It can also avoid misjudgment and misconceptions from both parties. The interviewer can also evaluate the respondents through the tone of the answers. The questions were related to their understanding of the 13 May 1969 racial riot and the formation of unity in ethnic relations after the 13 May 1969 riot. The interview questions also touched on the respondent's satisfaction with the unity and the changes it causes in the country's policy.

3.4 Data Collection

This research was conducted using qualitative methods. A total of 5 informants from the Y generation with different ethnicity in Malaysia were involved in this research. Since the country is facing a Covid-19 endemic, the researchers conducted this interview session through the WhatsApp application (voice message) to obtain data. The selection of informants is made by using purposive sampling, that is, selecting informants with a specific purpose and demography. In this interview session, the researcher will ask the questions to informants. Next, the researchers listened to and recorded the results of the interviews for transcription. In addition, the

researchers also obtain secondary data by referencing past studies through social sites to get more data about the research.

3.5 Data Analysis

The results of the data obtained from informants through the WhatsApp application (voice message) are transcribed. The data will be analyzed using thematic analysis. The completed transcribed data will be translated in tabular form to show clearly and organize the collected data. Next, the researchers searched for appropriate themes for the collected data results.

4. Research Findings and Discussions

Research findings are the result of analyzing the data gathered from an interview with the informants. The data are analyzed using thematic analysis by forming typologies according to the contents.

4.1 The factors that Led to the Racial Riot

The factors that led to the 13 May 1969 racial riot will be evaluated based on answers from interviewing five informants and secondary data as supportive data. The informant had various opinions regarding why the racial riot happened. It is noticed that there are many versions of the story being told by their parents and on social media. However, the common typologies that arise from the interviews are politics, economics, and intrinsic factors.

4.1.1 Politics

All the informants believed that the racial riot was due to the aftermath of the 1969 Malaysian general election when the opposition parties, mainly controlled by the Chinese, won the election. The number of seats in the parliament has decreased. The opposition parties' celebratory parade had a major role in the events that gave rise to this tragedy. Political leaders from the United Malay National Organizations (UMNO) organised a counter-rally for the Malay people as a response (Vethamani, 2020). This sequence of events made the Malay feel frightened since they thought their status was in jeopardy. Then, in the streets of Kuala Lumpur and other key areas, there were violent battles that resulted in the destruction of both property and lives. Informants 3 and 5 stated that the Chinese had a big win during the election, and the act of having a procession inflamed the situation. Causing the Alliance Party, consisting of Malay elites, to be angry and unsatisfied. Informants 1 and 4 added that the procession was so offensive that the processor brought out issues sensitive to Malay. It has been said that DAP brought up the dissatisfaction with the privileges Malay had back then. A secondary data obtained from online resource, further described the procession were very provocative as the Chinese would tie broom at their cars during the procession, and broom has a connotation meaning of "to get rid of" Malay (*Urutan Kronologi Peristiwa 13 Mei 1969*, 2018). An interview with informant 2 gives new insight as the informant believed that the racial riot was due to politicians trying to manipulate Malay citizens by spreading and nurturing extremist ethnocentric ideology, thus, maintaining the privilege they have as Malay elites.

4.1.2 Economic

Spices and porcelain were widely traded during the 17th century in a number of Malay states. Several Malay states have large tin mine deposits. Later, as the British began to rule Malaya,

trees for the production of palm oil and rubber were planted for commercial purposes. The British imported Chinese and Indians to work in the mines and plantations and provide skills rather than depending on the native Malay as a source of labour. After their pre-agreed term ended, the majority of them left Malaysia, while some stayed and made Malaysia their residence. High inequality and a clear ethnic component remained from Malaysia's colonial past at the time of its independence in 1957 (Vengadesan, 2008). The Bumiputera (mostly Malay ethnicity), which made up the majority, were the poorest of the major ethnic groupings. Chinese and Indian people are the other two major ethnic groups (though almost all were born in Malaysia). Ethnic inequalities appears to have received less attention from policymakers than economic progress since independence (Ravallion, 2019). Uneven economic distribution across ethnic groups was the result of neglect. Chinese economic dominance, Malay agricultural dominance, and Malay elites in government. Informant 4 concurred that the Chinese had monopolised some economic sectors, which angered the Malay since they believed the Chinese will eventually take over the country. The riot, according to Informant 3 is the consequence of cumulative dissatisfaction with the economic distribution.

4.2 Impact of the 13 May 1969 Riot on the Y Generation in terms of the Formation of Unity in Ethnic Relations.

In this section, the researcher will examine the impact of the 13 May 1969 riot on the Y generation regarding the formation of unity in ethnic relations. Most of the informants have a moderate satisfaction with the unity of ethnic relations in Malaysia. The government created multiple policies to reinforce the unity between ethnic, yet inequalities and ethnic hatred still persist in institutions. Informant 1 pointed out that the racial unity of Malaysian is still beyond the satisfaction he added, people from the same ethnic group will be easier to gather with the same race instead of mixing with each other from different races. Informant 4 also stated that his parent always reminds him not to mess up with other races. Although he was thought to be nice and respects other races, he rarely talked to them unless necessary. Informant 5 added that the incident leaves scares in Malaysian history. Although citizens live harmonically together, the history that occurred gave us a bad image and stereotypes of other races. On the other hand, informant 3 believed that it is a problem since, until today, politicians still use sensitive issues to get votes.

The informants are aware that the riot has caused significant impacts on Malaysia. In terms of the formation of unity in ethnic relations, all the informants talked about the government's New Economic Policy (NEP). The New Economic Policy (NEP) was a social re-engineering and affirmative action program formulated in the aftermath of the 13 May 1969 racial riot in Malaysia (Jones, 2014). The National Empowerment Plan (NEP) has two major goals: 1) to establish national unity, harmony, and integrity via socioeconomic reform; and 2) to reduce the country's degree of poverty (poverty eradication). Informant 1 further added the government had drawn up a comprehensive action plan to curb the problem of socio-economic imbalances between races. As Y generation, they enjoyed a more balanced and comprehensive economic opportunity through this system. Informant 5 also stated there are policies created to control the citizens' behavior to avoid any extremist event occurring in the future. Any political participation that might bring a threat to the ethnic relation of the country will be against. The statement is supported by informant 3, who points out National Unity Policy is one of those. The National Unity Policy (DPN) is a set of long-term plans that have been continuously created to

define the national unity's direction in promoting, conserving, and enhancing Malaysian unity. As a result of this approach, Malaysia is propelled toward unification, harmony, and prosperity.

4.3 Discussion

There are various reasons that contributed to the racial riot, and Y generation hears varieties of stories with different perspectives on the riot. The researcher believed that this incident arose from a root cause by inequalities, which turned into hatred of different parties. Therefore, the researcher believed it is essential to talk about the importance of ethnic relations, especially to multicultural countries such as Malaysia.

6. Conclusion and Recommendations

5.1 Conclusion

Racial unity is an important goal for every country, especially in a country populated by various ethnic, races, and religions such as Malaysia. This is very important because, without unity, a country will be weak, difficult to develop, and easily threatened either by external forces or internal turmoil of the country itself. The tragedy of 13 May 1969 was not only recorded as a history of racial strife that delineates boundaries that must be scrutinized and preserved by all parties, but it also displays the story behind the building of the nation, which covers the political, social, and economic fields. This event also marked a black moment in the country's history as the racial clashes have resulted in the country losing many lives and property. The riot of 13 May 1969 made all Malaysians aware of the importance of unity and being united with a peaceful life and to avoid all suspicious traits between one race and another. If inter-racial consensus fails to be reached, the hope of building Malaysia as a developed and prosperous country will be difficult to achieve. All citizens need to be convinced that this country belongs together regardless of race, religion, and culture has common rights. 13 May is an experience and a lesson for all Malaysians that we cannot forget forever. We should be proud of the unity we have achieved so far. With the spirit of unity and harmony as well as cooperation and a sense of goodwill, only then we can overcome all difficulties to achieve progress and prosperity. Therefore, it is very important for all of us to try our best to live together. We must try to understand and respect each other so that we continue to preserve the harmony and peace of the country that we have now.

5.1 Recommendations

The events of the 13 May 1969 racial riot provided many lessons for us not to repeat the same mistakes from happening again. With that, only then can we live in peace in a multiracial country. Therefore, some suggestions to prevent the 13 May riot from happening again are:

- i. Awareness among politicians not to raise racist sentiments and touch on sensitive issues that can spark racial strife. Politicians need to unite and focus on advancing the country regardless of race.
- ii. The government needs to be more assertive by taking immediate action against those who arouse racist sentiments and insult religion. For example, a handful of individuals make

extreme comments that threaten racial peace on social media. Such provocative actions are very dangerous to the harmony of the country, and stern action must be taken against them.

- iii. Celebrate the cultural events and celebrations of each race together. Every time there is a festival, a JKK or NGO must organize a program that involves all Malaysians. All those involved can understand the culture of other races and forge friendliness and form a sense of love and unity among the multiracial people in the community in that place.

7. References

- Abdul Aziz, A. R. (2010). *Rukun Negara dalam memperkukuhkan ketahanan negara* (pp. 443-457). Institute of Tun Dr. Mahathir Mohamad's Thoughts, Universiti Utara Malaysia. Retrieved from <https://repo.uum.edu.my/id/eprint/3186/1/S22.pdf>
- Agamben, G. (2005). *State of Exception*. Translated by Kevin Attell. Chicago: University of Chicago Press
- Jones, K. (2014). "A Time of Great Tension": Memory and the Malaysian Chinese Construction of the May 13 Race Riots. *Berkeley Undergraduate Journal*, 27(2). Retrieved from <https://doi.org/10.5070/B3272024064>
- Mamat, M. A. A., Saat, I., & Ariffin, K. (2014). Impak Dasar Ekonomi Baru ke atas Peningkatan Ekonomi Bumiputera Selepas Tragedi 13 Mei 1969. *Perspektif Jurnal Sains Sosial dan Kemanusiaan*, 6(3), 138-151. Retrieved from <http://ojs.upsi.edu.my/index.php/PERS/article/view/1680/1218>
- Maxwell, J. A. (2008). *Designing a qualitative study* (Vol. 2, pp. 214-253). The SAGE handbook of applied social research methods. Retrieved from https://books.google.com.my/books?hl=en&lr=&id=m4_MAwAAQBAJ&oi=fnd&pg=PA214&dq=what+is+qualitative+study&ots=ZVXJUKITxu&sig=PObEvV-Iandlt9AqsEDr_iDbVnU&redir_esc=y#v=onepage&q=what%20is%20qualitative%20study&f=false
- Ramli, A. H., & Othman, M. R. (2012). Gagasan Malaysian Malaysia Wawasan Pap: Kesenambungan Dan Penentangan Orang Melayu, 1964-1969. Retrieved from https://www.academia.edu/download/31570458/Jurnal_Sarjana_Abdul_Halim_et_al_6.pdf
- Ravallion, Ma. (2019, April 19). *Ethnic inequality and poverty in Malaysia since May 1969* | VOX, CEPR Policy Portal. <https://voxeu.org/article/ethnic-inequality-and-poverty-malaysia-may-1969>
- Saat, I. (2014). Tun Abdul Razak Hussein: Survival Politik Melayu 1963–1976. *Perspektif Jurnal Sains Sosial dan Kemanusiaan*, 6(3), 122-137. Retrieved from <http://ojs.upsi.edu.my/index.php/PERS/article/view/1679/1217>
- Urutan Kronologi Peristiwa 13 Mei 1969*. (2018). <https://www.sistemguruonline.my/2014/11/urutan-kronologi-peristiwa-13-mei-1969.html>
- Vengadesan, M. (2008, May 11). May 13, 1969: *Truth and reconciliation - The Malaysian Bar*. Retrieved from <https://www.malaysianbar.org.my/article/news/legal-and-general-news/general-news/may-13-1969-truth-and-reconciliation>
- Vethamani, M., E. (2019) The Malaysia Albatross of May 13, 1969, Racial Riots. *Sun Yat-sen Journal of Humanities*, no. 49 (July 2019): 19-41

- Show, Y. X. (2021). Narrating the racial riots of 13 May 1969: gender and postmemory in Malaysian literature. *South East Asia Research*, 29(2), 214–230.
<https://doi.org/10.1080/0967828X.2021.1914515>
- Yusuff, N. A. (2007). Pengajaran Pengalaman Konflik Hubungan Etnik di Malaysia: Sorotan Faktor Berdasarkan Penganalisisan Masyarakat. Retrieved from
<http://umkeprints.umk.edu.my/6121/1/Kursus%20Induksi%20Modul%20Umum%20Kumpulan%20Pengurusan%20dan%20Profesional.pdf>

Konsep Keluarga Malaysia Simbol ke Arah Pengukuhan Ksepaduan Hubungan Etnik Pasca Pandemik COVID-19 di Malaysia

Nur Syuhada binti Surhan¹, Nurfarah Hana binti Abdul Fatta², Nurul Anis Amirah Binti Omar³, Syafiq Bin Sulaiman⁴ dan Mohd Khairuddin Mohad Sallehuddin⁵

^{1,2,3,4,5}Pusat Pengajian Sains Kemasyarakatan, Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang, Malaysia
Email: ⁵m.khairuddin@usm.my

Abstrak

Konsep 'Keluarga Malaysia' telah diperkenalkan oleh Perdana Menteri Malaysia yang kesembilan, iaitu Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob semasa negara kita menghadapi situasi sukar dalam membendung pandemik Covid-19. Pengenalan konsep Keluarga Malaysia ini selari dengan matlamat kerajaan untuk memperkukuhkan kesepaduan dan titik awal ke arah perpaduan dalam kalangan etnik yang diversiti di negara ini walaupun negara berhadapan dengan pandemik Covid-19. Justeru, konsep Keluarga Malaysia dengan tiga teras utamanya mampu menyedarkan kita bahawa walaupun wujud perbezaan agama dan budaya serta berada dalam situasi pandemik, tetapi inilah masanya untuk bertindak sebagai sebuah keluarga yang besar. Objektif kajian ini adalah untuk meneroka tiga teras utama yang merangkumi elemen-elemen keterangkuman, kebersamaan dan kesyukuran dalam konsep Keluarga Malaysia ke atas pengukuhan kesepaduan etnik dalam kalangan masyarakat yang diversiti di negara ini. Kertas konsep ini telah menggunakan kaedah analisa kandungan ke atas bahan-bahan ilmiah seperti jurnal, jurnal atas talian dan surat khabar yang berkaitan dengan Konsep Keluarga Malaysia. Tambahan pula, jenis instrumen kajian yang digunakan dalam kajian ini ialah kaedah temubual. Hasil kajian mendapati bahawa intipati atau teras kepada Konsep Keluarga Malaysia iaitu nilai keterangkuman, kebersamaan dan kesyukuran dalam konteks dilihat sebagai satu bentuk sokongan dari segi sebuah kasih sayang merentasi etnik dan agama selain bersatu hati dan bekerjasama ke arah pemulihan negara dalam segala aspek termasuk kesihatan, pengawalan jangkitan dan ekonomi yang terkesan oleh penularan pandemik Covid-19. Oleh yang demikian, boleh dikatakan bahawa konsep Keluarga Malaysia merupakan serampang dua mata, iaitu sebagai simbol pengukuhan kesepaduan hubungan antara etnik dan pada masa yang sama memacu negara ini untuk keluar daripada krisis kesihatan dan ekonomi, seterusnya menjamin kesejahteraan setiap penduduk tanpa mengira agama, budaya dan warna kulit di negara bertuah ini.

Kata kunci: Keluarga Malaysia; Covid-19; perpaduan; kesepaduan; hubungan etnik.

1. Pengenalan

Konsep 'Keluarga Malaysia' ketika ini menjadi tumpuan dalam perbincangan memulih semula keadaan masyarakat dari pelbagai kaum yang lebih kukuh kerana ia dapat memberi harapan besar kepada rakyat yang mahukan hidup penuh kebahagiaan dan harmoni, namun ia bukanlah sesuatu yang begitu mudah untuk dicapai. Menurut Othman (2021) keluarga dikategorikan sebagai elemen penting membangunkan tamadun Islam. Tanpa keluarga yang sakinah, pastinya komuniti yang lebih besar seperti bangsa dan negara yang baik sukar diwujudkan. Menurutnya lagi, konsep ini merujuk kepada sebuah keluarga yang sejahtera memiliki hubungan yang serasi dan seimbang antara ahlinya, saling memberi dan menerima, selain setiap perbezaan diterima

dengan hati terbuka, manakala kelemahan yang timbul pula diatasi secara bersama. Dalam berkeluarga, kita pastinya merasakan keperluan untuk memastikan ahli keluarga selesa dan hidup dengan keperluan yang sempurna (Othman, 2021). Justeru itu, keperluan asas ahli keluarga perlulah diutamakan dan saling melengkapi antara satu sama lain. Menurut Abd Zunaidi (2021), konsep ini menekankan pentingnya kesatuan dalam sebuah keluarga. Setiap perbezaan perlu dirai dan diterima dalam usaha melahirkan masyarakat harmoni dan bersatu padu di bawah bumbung yang sama dalam negara ini. Hal ini jelas menunjukkan seluruh rakyat bekerjasama dalam pelbagai aspek ekonomi, kesihatan, kawalan wabak penyakit berjangkit dan sebagainya apabila mereka mengamalkan prinsip Keluarga Malaysia seperti nilai kasih sayang serta prihatin.

1.1 Latar Belakang Kajian

Konsep Keluarga Malaysia wujud kena pada masanya iaitu ketika ramai rakyat Malaysia terkesan akibat pandemik Covid-19. “Keluarga Malaysia” telah diperkenalkan oleh Dato’ Sri Ismail Sabri bin Yaakob Perdana Menteri Malaysia kesembilan pada 22 Ogos 2021 tahun lalu. Konsep Keluarga Malaysia ini telah dipilih kerana Keluarga Malaysia ini mencerminkan keutuhan negara yang terikat dengan nilai-nilai murni yang terdapat dalam sesebuah keluarga. Dalam konsep Keluarga Malaysia perlu melibatkan fundamental rakyat Malaysia, cinta dan kasih kepada rakyat mestilah merentasi agama, kaum, warna kulit dan sempadan negeri.

Terdapat tiga teras utama yang telah digariskan dalam Konsep Keluarga Malaysia iaitu Keterangkuman (*inklusiviti*), Kebersamaan (*titik persamaan*) dan Kesyukuran (*kepuasan*) serta 20 pengkayaan nilai terutamanya penekanan kepada budaya integriti, amanah dan keadilan sebagai teras pengukuhan keluarga. Umumnya teras-teras yang ada dalam konsep Keluarga Malaysia telah menggambarkan semangat ‘kekitaan’ yang erat dalam hubungan etnik di negara ini sebagai keluarga yang besar. Mereka yang berkeluarga selalunya rasa lebih berani dan kuat menghadapi cabaran dalam hidup berbanding mereka yang hidup berseorangan. Oleh yang demikian, secara prinsipnya, ‘keluarga’ yang sebenar perlu diwujudkan daripada konsep Keluarga Malaysia dalam rakyat Malaysia yang mempunyai latar belakang etnik dan agama yang berbeza bukan sahaja memperkukuhkan ikatan kesepaduan yang telah ada, tetapi pada masa yang sama mewujudkan titik-titik kearah perpaduan walaupun dalam situasi pandemik Covid-19.

1.2 Permasalahan Kajian

Di Malaysia, banyak isu dan masalah utama yang menjadi kekangan dalam mencapai kualiti hidup yang baik seperti perpaduan dan hubungan etnik ketika Covid-19 melanda. Menurut Abd Zunaidi (2021), negara Malaysia adalah sebuah negara yang bersatu dalam kepelbagaian dari segi kaum, bangsa, budaya, bahasa dan agama. Variasi ini boleh menjadi satu cabaran kepada Malaysia sekiranya perpaduan dan persefahaman antara warganya tidak diperkukuhkan. Menurut Ahmad (2020), kerajaan terpaksa merangka pelbagai dasar dan meminda beberapa perkara Perlembagaan Persekutuan untuk memulih kembali hubungan baik antara kaum dan memelihara ketenteraman awam. Oleh hal demikian, hal ini menunjukkan bahawa konsep Keluarga Malaysia merupakan serampang dua mata iaitu simbol pengukuhan kesepaduan hubungan antara etnik dan pada masa yang sama memacu negara ini untuk keluar dari krisis kesihatan akibat pandemik Covid-19

2. Objektif Kajian

Kajian ini dijalankan bagi mencapai objektif berikut:

- a. Meneroka tiga teras utama yang merangkumi elemen-elemen keterangkuman, kebersamaan dan kesyukuran dalam konsep Keluarga Malaysia ke atas pengukuhan kesepaduan etnik dalam kalangan masyarakat yang diversiti di negara ini

3. Sorotan Karya

Dalam kajian Ab Ghani, et. al., (2013) yang mana mengenai konsep 1 Malaysia iaitu gagasan yang diperkenalkan oleh Perdana Menteri pada ketika itu, Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Abdul Razak. Ia bertujuan untuk membentuk generasi muda Malaysia yang global iaitu bertaraf antarabangsa tetapi tetap berpegang kepada ciri-ciri kebangsaan. Pelbagai agenda nasional sejak negara mencapai kemerdekaan lagi bagi memupuk perpaduan serta membina jati diri rakyat Malaysia yang hidup dalam masyarakat yang majmuk. Sebagai sebuah negara yang mempunyai penduduk yang bersifat homogeneous, cabaran Malaysia adalah lebih besar berbanding dengan negara-negara yang mempunyai penduduk yang bersifat heterogeneous dan merupakan cabaran utama dalam merealisasikan konsep 1 Malaysia ini. Gagasan ulung sesebuah negara di dalam dunia ini adalah membentuk nilai kebangsaan iaitu satu bangsa satu negara dalam kalangan rakyat mereka. Dalam konteks ini, Indonesia merupakan antara negara yang telah membuktikan kejayaan mereka dalam pembentukan negara bangsa. Manakala bagi Malaysia pula, setelah lebih enam puluh tahun merdeka, negara kita masih dibelenggu dengan persoalan perpaduan nasional dan pembinaan negara bangsa Malaysia.

Manakala dalam kajian Ramli, et. al., (2021) pula Keluarga Malaysia adalah merupakan konsep terbaru yang diperkenalkan oleh Perdana Menteri Malaysia kesembilan, iaitu Dato' Sri Ismail Sabri Yaakob pada 22 Ogos 2021. Dalam budaya kepenggunaan di Malaysia, asas cara hidup ala Keluarga Malaysia telah lama wujud yang mana halal telah diterima oleh rakyat Malaysia sebagai gaya hidup, merentasi makanan dan bukan makanan. Namun begitu, masih wujud lagi isu-isu sensitif berhubungkait dengan kepenggunaan umumnya dan pemakanan khususnya. Isu ini walaupun tidak menimbulkan konflik fizikal serta rusuhan kaum dan agama, ia boleh memberi kesan terhadap keharmonian kaum dan kedamaian negara jika dibiarkan berterusan tanpa sebarang tindakan. Jadi, setiap rakyat Malaysia haruslah bersifat lebih terbuka dalam memahami antara satu sama lain serta menyelesaikan masalah yang timbul dengan semangat Keluarga Malaysia. Sewajarnya, isu sensitif yang bersifat provokasi terhadap kaum dan agama tidak lagi timbul kerana setiap kaum telah lama hidup bersama dan mampu memahami setiap pantang larang dan larangan sesama ahli Keluarga Malaysia. Orang bukan Islam boleh menerima makanan dan produk halal tanpa prejudis (Chong, et. al., 2021). Dari segi makanan, masyarakat Malaysia dapat menerima Capati, Nasi Lemak, Roti Canai, Tauhu dan Steamboat tanpa sebarang masalah serta menerima budaya pemakanan kaum lain tanpa halangan. Hal ini merupakan satu interaksi positif dan ia dapat membentuk perpaduan menerusi aspek pemakanan. Melalui makanan, budaya toleransi meja makan dapat dibentuk (Saliro, et. al., 2021).

Secara keseluruhannya, seperti yang kita tahu bahawa konsep Keluarga Malaysia ini merupakan kesinambungan daripada dasar-dasar pemimpin terdahulu seperti Wawasan 2020, 1 Malaysia dan banyak lagi. Bukan mudah untuk mencapai kesepaduan hubungan etnik terutama selepas pasca pandemik Covid-19 kerana terdapat banyak faktor dan cabaran yang perlu

ditempuh dalam mencapai agenda nasional atau gagasan yang diperkenalkan. Negara sekarang ini bukan sahaja dilanda dengan wabak pandemik atau kini sudah berubah ke endemik namun juga dilanda dengan ketidakstabilan politik. Masyarakat tanpa mengira kaum bersatu dan bersama-sama dengan petugas barisan hadapan mengamalkan norma baharu bagi memutuskan rantaian virus Covid-19. Landskap politik Malaysia itu sendiri telah menyebabkan perpecahan masyarakat yang disebabkan isu-isu sensitif dan provokasi yang dibawa oleh golongan yang bersifat etnosentrik tanpa rasa bersalah. Perpaduan yang diusahakan pasca kemerdekaan negara telah diperkotak-katikkan oleh golongan *chauvinis* dan pelampau kaum sehingga mengganggu keharmonian yang selama ini telah dibina. Jika konsep atau ideologi nasional yang diperkenalkan tidak diamalkan, tidak mustahil peristiwa 13 Mei 1969 boleh berulang.

4. Metodologi Kajian

Dalam kajian ini, orientasi kajian utama yang dipilih adalah berorientasikan kaedah kualitatif. Pemilihan orientasi kajian berbentuk kualitatif kerana kajian ini melibatkan bentuk kajian meneroka (*exploration*) dan menghurai (*description*). Penggunaan orientasi kajian berbentuk kualitatif ini bersesuaian dengan kemampuannya untuk mengkaji sesuatu fenomena dengan lebih mendalam dan teliti (Patton 1990). Dalam erti kata yang lain, pendekatan fenomenologi digunakan dalam kajian ini untuk menghuraikan secara spesifik dan mengenalpasti sesuatu fenomena yang berlaku melalui pengalaman yang dialami/ dirasai oleh seseorang aktor. Menurut Greene (1997) pendekatan fenomenologi memberi perhatian untuk memahami fenomena sosial dan psikologikal dari pengalaman hidup yang dialami oleh seseorang yang terlibat atau sedang terlibat dengan sesuatu fenomena yang dikaji. Dalam kajian ini, teknik pengumpulan data yang digunakan terbahagi kepada dua bentuk, iaitu; (1) teknik pengumpulan data primer; dan (2) teknik pengumpulan data sekunder. Teknik pengumpulan data primer meliputi kaedah temubual mendalam ke atas 5 orang informan yang terdiri daripada mahasiswa Universiti Sains Malaysia yang mempunyai latar belakang etnik yang berlainan. Kesemua informan dipilih dengan menggunakan persampelan rawak bertujuan. Pemilihan informan yang terdiri daripada golongan mahasiswa adalah kerana mereka mempunyai pandangan yang berbeza dengan orang biasa tentang konsep Keluarga Malaysia kerana mereka mempunyai latar belakang pendidikan tinggi. Manakala teknik pengumpulan data sekunder pula hasil daripada analisa kandungan daripada kajian kepustakaan seperti jurnal, surat khabar, buku ilmiah dan majalah yang berkaitan dengan konsep Keluarga Malaysia. Kesemua data-data yang diperolehi akan dianalisa dengan menggunakan teknik analisis tematik secara manual.

5. Hasil Kajian

5.1 Tiga Teras Utama Keluarga Malaysia dalam Mengukuhkan Kesepaduan Kaum

Dalam konteks negara, kita adalah Keluarga Malaysia yang terdiri daripada pelbagai agama, bangsa, kaum dan usia. Meskipun berbeza kepercayaan, latar belakang dan budaya, kita meraikan 'keterangkuman' (*inklusiviti*) dalam perbezaan, menjunjung semangat Malaysia sebagai sebuah negara bangsa. Seterusnya, terdapat pelbagai gerak kerja dan usaha merentas kementerian dan agensi diatur bagi memudah cara pelaksanaan program dan inisiatif, untuk rakyat dengan pantas dan berkesan. Ini merupakan usaha mencari 'kebersamaan' (*titik persamaan*) agar pemegang taruh utama iaitu Keluarga Malaysia merasai nikmatnya. Toleransi masyarakat yang berbeza agama, bangsa dan kaum dalam kalangan Keluarga Malaysia sudah

berlangsung puluhan tahun. Namun, tidak mudah mempertahankan payung toleransi andainya Keluarga Malaysia meminggirkan nilai-nilai yang boleh mewujudkan konflik dan perbezaan. Rasa 'kesyukuran' (*kepuasan*) terhadap toleransi ini telah diterjemahkan sebagai salah satu ciri-ciri Keluarga Malaysia. selaras dengan keadaan, konsep Keluarga Malaysia yang mendasari kerajaan baharu untuk mengukuhkan kesepaduan tanpa mengira kaum, agama dan fahaman politik, seluruh warganegara Malaysia bersama-sama berganding bahu membantu negara mengharungi krisis akibat pandemik Covid-19. Dalam konsep "Keluarga Malaysia" turut menggariskan tiga teras dan 20 pengkayaan nilai. Tiga teras utama yang digariskan adalah Keterangkuman (*inklusiviti*), Kebersamaan (*titik persamaan*) dan Kesyukuran (*kepuasan*). Hal ini sedemikian kerana, ketiga-tiga teras utama ini merupakan nilai dalam konsep Keluarga Malaysia. Seperti yang kita tahu, nilai-nilai ini bertujuan untuk menyatukan rakyat Malaysia terutamanya dalam keadaan pandemik Covid-19 yang telah memberi impak yang mendalam kepada semua orang.

Tiga teras utama Keluarga Malaysia ini telah digunakan untuk mengukuhkan kesepaduan hubungan etnik di Malaysia. Tiga nilai dalam teras ini iaitu nilai keterangkuman, kebersamaan dan kesyukuran merupakan nilai-nilai yang sangat penting untuk diterapkan dalam diri setiap rakyat untuk mengukuhkan kesepaduan antara etnik. Menurut informan 1, beliau menyatakan bahawa konsep Keluarga Malaysia ini penting supaya dapat memulihkan semula hubungan sesama kaum dan pelbagai kaum kerana mereka sudah lama tidak berjumpa dan berkomunikasi akibat Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Menurut Informan 4 pula, beliau juga bersetuju bahawa konsep Keluarga Malaysia ini dapat mengukuhkan kesepaduan etnik di Malaysia kerana sebelum wujudnya Keluarga Malaysia, negara terlebih dahulu diperkenal dengan konsep Gagasan 1 Malaysia oleh Perdana Menteri ke-6. Dari konsep 1 Malaysia tersebut, nilai perpaduan sudah dapat dipupuk dengan jelas dan ketara dan secara tidak langsung, kesepaduan antara etnik dapat dibentuk dengan mudah. Pada masa yang sama, tiga teras utama Keluarga Malaysia ini juga digunakan semasa pandemik Covid-19. Perkara ini sangat penting digunakan ketika pandemik supaya dapat memutuskan rantaian Covid-19. Sebagai contoh, kebanyakan rakyat Malaysia mempunyai rasa tanggungjawab dengan mengambil vaksin supaya Covid-19 tidak berjangkit kepada orang lain dan pada masa yang sama masyarakat dapat membentuk kebersamaan seperti imuniti kelompok dalam mengekang wabak ini. Rakyat Malaysia juga dilihat mematuhi *Standard Operating Procedure* (SOP) yang telah ditetapkan oleh kerajaan seperti memakai pelitup muka di tempat awam supaya dapat memutuskan rantaian Covid-19. Rakyat Malaysia juga dilihat mempunyai sikap prihatin antara satu sama lain sehingga tercetusnya kempen bendera putih. Idea kempen bendera putih ini datang secara spontan oleh seorang rakyat Malaysia untuk menolong golongan dalam kesusahan sewaktu pandemik ini. Hal ini juga dapat dibuktikan seperti yang dinyatakan oleh Informan 2 iaitu semasa berlakunya Covid-19, rakyat Malaysia telah menghadapi pelbagai jenis masalah seperti pembuangan kerja, kesihatan mental yang terjejas dan kemerosotan perniagaan. Menurut beliau, ketika Covid-19 ini melanda dapat melihat semangat kerjasama dan saling membantu antara satu sama lain walaupun berlainan kaum dan agama. Menurut Informan 1 pula, beliau menyatakan bahawa semasa pandemik Covid-19 telah melanda, kerajaan juga telah memberi bantuan seperti wang dan makanan terutama kepada keluarga yang berpendapatan B40 dan M40 tanpa mengira kaum. Perkara ini jelas menunjukkan seluruh rakyat Malaysia diberi layanan yang sama rata dan sekaligus dapat mengukuhkan kesepaduan hubungan etnik di Malaysia. Menurut Informan 3 pula, semasa pandemik Covid-19 yang melanda, negara juga turut dilanda musibah banjir dan ketika itu ramai rakyat yang bekerjasama untuk membantu meringankan beban mangsa-mangsa banjir.

Rakyat dilihat tidak mengira perbezaan kaum dan agama bersama-sama dalam mengumpul dan memberi sumbangan makanan mahupun tenaga kepada mereka yang terjejas akibat banjir.

Inilah konsep Keluarga Malaysia yang dianggap sebagai serampang dua mata iaitu pengukuhan kesepaduan dan memutuskan rantaian Covid-19 dengan teras-teras yang telah dinyatakan.

Pelaksanaan konsep Keluarga Malaysia telah memberikan pelbagai impak yang positif ke arah pengukuhan kesepaduan hubungan etnik di Malaysia. Walaupun pandemik Covid-19 turut memberi kesan kepada kesejahteraan hidup masyarakat di negara ini, namun kita sebagai sebuah Keluarga Malaysia telah mampu bersama-sama mengharungi ujian ini dengan cekal. Tiga kata kunci dalam konsep Keluarga Malaysia yang menekankan aspek keterangkuman, kebersamaan dan kesyukuran telah membawa budaya dan nilai yang tinggi dalam diri setiap rakyat. Sebagai Keluarga Malaysia yang besar, setiap rakyat dipupuk dengan sifat toleransi, hormat menghormati serta mengekalkan perpaduan yang merentasi ideologi politik demi kemakmuran bersama.

6. Kesimpulan

Konsep Keluarga Malaysia merupakan panduan ataupun tunjang kepada rakyat Malaysia dalam menyatupadukan masyarakat yang berbilang kaum di Malaysia. Hal ini kerana, negara yang mempunyai pelbagai etnik ini terutamanya negara kita harus menanamkan sikap bertoleransi dan saling hormat-menghormati antara satu sama lain agar negara Malaysia mampu membentuk sebuah negara yang harmoni dan aman tanpa perbalahan antara kaum berlaku. Konsep Keluarga Malaysia telah berjaya menyuntik kembali semangat kebersamaan dalam keluarga, komuniti dan negara. Ia menjadi aspirasi untuk seluruh rakyat tanpa mengira agama, suku kaum dan fahaman politik supaya saling bersaudara dan mengelakkan permusuhan. “Ibarat sepon pokok, akar Keluarga Malaysia bertunjangkan Perlembagaan Persekutuan dan Rukun Negara, manakala batang dan ranting menjulang kukuh nilai-nilai Keluarga Malaysia yang kemudiannya membuah hasil seperti daun, bunga dan buah yang subur, dan inayatnya memanfaatkan rakyat. Ianya dapat merangkumi nilai keterangkuman, kebersamaan dan kesyukuran yang diketengahkan dalam konsep Keluarga Malaysia. Bersandarkan konsep Keluarga Malaysia ini, negara akan dipacu untuk keluar daripada krisis kesihatan dan ekonomi, seterusnya menjamin kesejahteraan setiap penduduk di negara bertuah ini bagi membina Keluarga Malaysia yang sejahtera dan mampu mendepani sebarang cabaran mendatang.

7. Penghargaan

Setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada Pensyarah kami bagi kursus SHE101 iaitu Hubungan Etnik dari Pusat Pengajian Sains Kemasyarakatan kerana telah memberi sokongan dan dorongan kepada kami sepanjang penulisan kertas kerja ini. Tidak lupa juga kepada 5 orang informan yang telah membantu dalam hasil kajian serta sudi meluangkan masa dengan ahli kumpulan untuk ditemubual. Di samping itu, ribuan terima kasih turut diucapkan kepada semua ahli kumpulan yang telah memberi kerjasama dalam menyumbang melalui perkongsian pendapat dan berusaha sedaya upaya tidak kira waktu untuk menjayakan sesi temu bual dari awal hingga akhir semasa menyiapkan kertas konsep ini.

8. Rujukan

- Ab Ghani, Rohani and Yusoff, Ismail and Ahmad, Mohd Khairie and Paidi, Zulhilmi (2013). *Konsep 1Malaysia dan proses pembinaan negara bangsa: ke arah pembentukan generasi muda Malaysia global*. In: Fourth Seminar on National Resilience (SNAR IV), 4 - 7 September 2013, Universitas Muslim Nusantara al-Washliyah, Medan, Indonesia.
- Chong, S.C., Yeow, C.C., Low, C.W., Mah, P.Y. & Tung, D.T. (2021), "Non-Muslim Malaysians' purchase intention towards halal products", *Journal of Islamic Marketing*, Vol. ahead-of-print No. ahead-of-print. <https://doi.org/10.1108/JIMA-10-2020-0326>
- Dr Siti Suriani Othman (2021). *Konsep Keluarga Malaysia Wujud Tepat Pada Masanya*. <https://www.bernama.com/bm/tintaminda/news.php?id=2034655>
- Greene, M. (1997). *The lived world, literature and education*. Dlm. Vandenberg, D. (pnyt.). *Phenomenology & Education Discourse*. Johannesburg: Heinemann.
- Ibrahim Ahmad. (2020). *Kerajaan Perlu Bijak Urus Hubungan Antara Kaum*. <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/kerajaan-perlu-bijak-urus-hubungan-antara-kaum-228779>
- Patton, M., Q. (1990). *Qualitative Evaluation and Research Methods*. Edisi ke-2. USA: Sage Publications.
- Ramli, Mohd Anuar & Md Ariffin, Mohd & Jamaludin, Mohammad & Hamdan, Mohammad & Meerangani, Khairul. (2021). *Isu Sensitif Dalam Budaya Kepenggunaan Semasa Bagi Keluarga Malaysia*.
- Saliro, S.S., Muchsin, T., & Baharuddin, B. (2021). Toleransi Meja Makan: Bisnis, Budaya Pedagang Kuliner, dan Interaksi Sosial Pedagang di Kota Singkawang. *NALAR: Jurnal Peradaban dan Pemikiran Islam*, 5(1), 31-40.
- Shamsul A.B (2013) *Masyarakat Malaysia Menjelang Tahun 2020: Memperkukuh Kesepaduan Sosial Ke Arah Mencapai Matlamat Perpaduan Nasional*. Seminar Pertemuan Profesor-Profesor, anjuran Majlis Universiti Islam Malaysia pada 19-20 Januari 2013.
- Nurzulaikhawani Abd Zunaidi (2021). *Konsep Keluarga Malaysia Kukuhkan Perpaduan*. *Berita Harian*

Lampiran

1. Apa yang anda faham mengenai konsep Keluarga Malaysia sewaktu ia dilancarkan?
2. Bolehkah anda senaraikan kepentingan Konsep Keluarga Malaysia dalam mengukuhkan kesepaduan? Adakah ia akan dapat memupuk hubungan etnik?
3. Berikan pendapat anda, adakah anda bersetuju atau tidak mengenai kesepaduan dalam pelbagai hubungan etnik dapat dipupuk melalui konsep tersebut?
4. Sekiranya ya, berikan contoh isu atau situasi yang anda ketahui ketika pandemik Covid-19 yang membawa kepada pengukuhan kesepaduan hubungan etnik.

Peranan Agama dalam Pembentukan Integrasi Etnik di Malaysia

Kamilia Fazrin Binti Rusli¹, Nurshelawati Binti Mohd Pauzi², Rakhael Bin Kosman³, Wan Syazwina Binti Wan Mohd Noor⁴, Mohd Khairuddin Mohad Sallehuddin^{5,*}

^{1,2,3,4,5}Universiti Sains Malaysia, Malaysia

E-mel: ¹kamiliafazrin@student.usm.my, ²shela@student.usm.my, ³rakhael69@student.usm.my, ⁴wansyazwina@student.usm.my, ^{5,*}m.khairuddin@usm.my

Abstrak

Dari adat, gaya hidup dan agama, Malaysia menjadi negara yang memiliki dan menerima budaya yang berpelbagai. Walaupun kita sudah hidup bersama bertahun-tahun selepas kemerdekaan, Malaysia masih menghadapi isu integrasi akibat ketidaksefahaman agama etnik lain dalam kalangan ahli masyarakatnya. Walaupun kita menganut dan mengamalkan agama yang berlainan, tetapi setiap agama menyuruh penganutnya melakukan kebaikan kepada manusia yang lain. Tiada satu agama pun, sama ada agama wahyu (samawi) atau agama budaya yang menyeru penganutnya melakukan kerosakan dan menyakiti manusia/ orang yang lain. Objektif kajian ini adalah untuk mengkaji bahawa agama adalah lambang perpaduan dan bukannya perpecahan dalam pembentukan integrasi etnik di negara ini. Kertas konsep ini menggunakan kaedah analisa kandungan ke atas bahan-bahan ilmiah seperti jurnal, jurnal di atas talian, buku, majalah, kitab-kitab agama serta surat khabar yang berkaitan dengan isu integrasi dan perpaduan bagi kumpulan etnik di Malaysia. Hasil kajian mendapati bahawa pemahaman agama memainkan peranan yang penting dalam pembentukan integrasi etnik yang pelbagai di negara ini, antaranya sebagai; (1) meningkatkan semangat nasionalisme; (2) menentukan tradisi dan budaya; dan (3) menentukan nilai hidup masyarakat. Bagi meniti titik-titik perpaduan di negara serta memacu negara ini sentiasa aman dan makmur, kita sebagai rakyat Malaysia seharusnya menguatkan lagi kefahaman tentang agama etnik lain supaya kita belajar, faham, hormat dan terima setiap perbezaan agama di negara ini.

Kata kunci: Agama, enik; integrasi; perpaduan; hubungan etnik.

1. Pengenalan

Malaysia sering kali dijadikan negara contoh atau model dalam aspek yang membabitkan integrasi pelbagai etnik yang dipamerkan kepada mata dunia bahawa negara kita dapat mewujudkan keharmonian dalam kalangan etnik yang berbilang kaum dan agama. Hal ini juga merupakan antara keunikan yang menjadi faktor tarikan pelancong dari serata dunia untuk datang melawat Malaysia. Namun begitu, keunikan ini mempunyai kebaikan dan keburukannya tersendiri. Pada satu aspek, kepelbagaian di Malaysia memperlihatkan ia seperti sebuah negara yang maju dengan rakyat yang bertoleransi tinggi. Akan tetapi, kepelbagaian ini sendiri merupakan faktor kepada konflik etnik yang terasnya disebabkan oleh ketidaksefahaman dan perbezaan yang wujud dalam kalangan rakyat Malaysia. Masyarakat yang terdiri daripada budaya, bahasa dan agama yang berlainan, sering dilihat sukar untuk dikawal kerana wujudnya perbezaan keperluan, kepercayaan dan aspirasi masyarakat dalam pelbagai budaya dan tradisi masyarakat, terutamanya dalam keadaan ekonomi dan sosial yang terjejas pada masa kini. Walau

bagaimanapun, sebahagian daripada pencapaian keharmonian negara ini merupakan hasil usaha bersama pihak kerajaan, swasta dan pelbagai badan bukan kerajaan. Walaupun dalam Perkara 3(1) Perlembagaan Persekutuan jelas tersebut bahawa agama Islam dijadikan agama Persekutuan secara rasmi, akan tetapi, hak penganut-penganut agama lain tidak disekat mahupun dinafikan sama sekali. Begitu juga dengan kebebasan agama yang diberikan kepada setiap rakyat Malaysia dengan toleransi beragama yang berlandaskan Perkara 11 (1) Perlembagaan Persekutuan, yang ternyata bahawa “tiap-tiap orang berhak menganuti dan mengamalkan agamanya dan tertakluk kepada Fasal (4), bagi mengembangkannya” (Perlembagaan Persekutuan, 1983). Hak untuk menganuti dan mengamalkan agama ini tidak boleh disekat oleh mana-mana pihak atas apa-apa alasan sekalipun, melainkan ia berlawanan dengan apa-apa undang-undang am berhubung dengan ketenteraman awam, kesihatan awam atau moraliti yang boleh disabit kesalahan jenayah (Syahredzan, 2013).

Sebelum kita bertanyakan, bagaimana agama memainkan peranan dalam pembentukan integrasi etnik, apakah yang dimaksudkan dengan integrasi yang disebutkan tadi? Menurut Holzner (1967), integrasi secara amnya membawa erti hubungan antara bahagian-bahagian yang akan membentuk satu keseluruhan, dan dengan itu diiktiraf sebagai entiti yang berstruktur dan berasingan. Dalam erti kata lain, integrasi yang dimaksudkan dalam kertas ini adalah pergabungan dua atau lebih etnik ke arah pembentukan masyarakat beridentiti Malaysia. Memandangkan jumlah kumpulan etnik di Malaysia adalah banyak, isu integrasi akibat ketidaksefahaman antara ahli masyarakatnya masih berlaku. Tidak asing bagi kita untuk memperlihatkan kemunculan isu-isu perkauman yang tercetis akibat perbezaan kepercayaan dan amalan kerohanian. Satu isu yang hangat dibicarakan oleh orang awam dahulu terdiri daripada isu pembinaan Kuil Hindu di Seksyen 23 Shah Alam, Selangor, di mana kemarahan penduduk orang Melayu Islam tercetis atas cadangan pembinaan kuil di kawasan tersebut kerana majoriti penduduknya beragama Islam berbanding penganut agama Hindu yang hanya terdiri daripada 40 orang secara keseluruhan (Aziz, 2009). Kes ini menimbulkan perbalahan di antara kumpulan Melayu Islam dan penganut agama Hindu yang hingga kini impaknya mewujudkan jurang integrasi antara kedua-dua kumpulan etnik tersebut di kawasan kejiranan berkenaan.

Walaupun punca kemunculan isu ini adalah perbezaan agama dan kepercayaan, kita harus ingat bahawa tiada satu agama dan kepercayaan yang mengarahkan pengikutnya untuk berbuat buruk terhadap orang lain. Malahan, semua agama dan kepercayaan mempunyai nilai teras yang sinonim iaitu untuk mencapai keamanan dan kesejahteraan hidup yang sejagat. Untuk mencapai tahap pembentukan integrasi etnik yang diingini, rakyat Malaysia, tidak kira bangsa dan budaya, wajar menekankan nilai-nilai murni yang diangkat oleh agama dan kepercayaan yang mereka pegang dan anuti. Setiap agama memandu pengikutnya ke arah nilai-nilai murni yang tertinggi. Boleh kita andaikan bahawa dengan pegangan agama dan kepercayaan yang kukuh, individu juga mampu menjalankan peranan mereka sebagai ahli masyarakat Malaysia yang bersifat menyeluruh dari pelbagai sudut kehidupan.

1.1 Objektif Kajian

Objektif penyelidikan ini ialah untuk mengkaji agama adalah lambang perpaduan dan bukannya penyebab disebalik perpecahan dalam pembentukan integrasi etnik di negara ini. Selain daripada itu, penyelidikan ini juga dijalankan untuk menilai kepentingan agama dan kepercayaan dalam menyelesaikan isu integrasi etnik di Malaysia bagi menjamin kelangsungan perpaduan negara.

1.2 Hipotesis Kajian

Penyelidikan ini menggunakan teori hipotesis berbentuk jawapan yang tentatif untuk menjawab persoalan kajian (Blaikie, 2009) iaitu peranan yang dipegang oleh agama dan kepercayaan dalam proses integrasi etnik di Malaysia. Hipotesis awal penyelidikan menjangkakan agama dan kepercayaan memainkan peranan yang besar dalam pembentukan integrasi etnik di Malaysia menerusi penerapan nilai-nilai murni yang akan memupuk semangat nasionalisme (Mohamed et al., 2010), mengukuhkan tradisi dan budaya, dan menentukan nilai hidup dalam masyarakat (Hanafi & Ismail, 2006). Kajian ini perlu menekankan inisiatif untuk membentuk dan mengukuhkan lagi hubungan etnik sedia ada di Malaysia. Justeru itu, peranan agama dan kepercayaan amat penting bagi merealisasikan pelaksanaan inisiatif tersebut.

1.3 Permasalahan Kajian

Malaysia merupakan negara multietnik dengan kumpulan etnik yang terdiri daripada pelbagai etnik seperti Melayu, India, Cina, Iban, Bidayuh, Bajau dan banyak lagi. Malaysia bukan sahaja memiliki kumpulan etnik yang berpelbagai malahan setiap individu dalam kumpulan etnik yang diidentitikan pula memegang agama yang berbeza-beza (Pattani, 2015). Kerana ini, isu etnik bukanlah sesuatu yang asing bagi negara yang mempunyai rakyat yang berpelbagai seperti negara Malaysia dan ia menjadi satu cabaran dalam mewujudkan integrasi etnik melalui pemahaman agama dan kepercayaan etnik yang lain. Oleh yang demikian, pada hakikatnya, agama sebenarnya memainkan peranan yang besar dalam mengintergrasikan masyarakat yang pelbagai di negara walaupun mereka berpegang kepada kepercayaan agama yang berlainan. Barangkali konflik antara etnik berlaku kerana provokasi negatif mahupun ketidakfahaman tentang agama etnik lain. Tidak dinafikan bahawa konflik antara etnik yang terkait dengan agama di Malaysia masih di tahap yang masih boleh ditangani lagi sehingga tidak menjejaskan keamanan negara. Walau bagaimanapun, isu-isu kecil yang tercetus masih menjadi duri di dalam daging yang apabila tidak dibuang, akan mengancam segala kemajuan negara yang tercipta serta mengundangnya pengulangan Peristiwa 13 Mei 1969.

2. Metodologi Kajian

Kaedah penyelidikan yang diguna pakai dalam kertas penyelidikan ini ialah kaedah analisis kandungan ke atas bahan-bahan ilmiah. Krippendorff (2004) dan White & Marsh (2006) mengatakan analisis kandungan dokumen merupakan teknik kajian yang digunakan bagi membuat kesimpulan yang boleh diulang dan sah dari teks ataupun bahan lain mana yang juga bermakna bagi konteks yang diguna pakai. Analisis kandungan yang kami aplikasikan ke dalam penyelidikan ini ialah bahan-bahan ilmiah seperti jurnal, jurnal di atas talian, buku, majalah, kitab-kitab agama serta surat khabar yang berkaitan dengan isu integrasi dan perpaduan bagi kumpulan etnik di Malaysia serta peranan agama dalam mengukuhkan integrasi nasional. Pelbagai rujukan lepas yang telah digunakan dalam penyelidikan ini bagi menghasilkan kertas konsep yang dapat membantu kajian masa hadapan. Umumnya mengetahui, kertas penyelidikan ini menggunakan analisis data hanya sebagai langkah awal kepada penyelidikan akan datang

yang disarankan untuk mengaplikasi jenis kaedah kajian lain seperti kaedah kajian lapangan dan sebagainya bagi mencapai hasil kerja yang lebih menyeluruh.

3. Hasil Kajian

Integrasi antara kumpulan masyarakat yang berbeza budaya dan agama menjadi persoalan umum yang sering dibahaskan dalam isu perpaduan etnik di negara kita. Pada satu bahagian, konsep kepelbagaian di antara penduduk di Malaysia ini menjadi salah satu faktor kepada perbalahan antara etnik yang tercetus akibat jurang kesefahaman di antara mereka yang berlainan etnik dan gaya hidup. Walau bagaimanapun, terdapat satu bahagian dalam perbincangan ini yang percaya bahawa kepelbagaian yang ada dalam kumpulan masyarakat Malaysia menjadi tunjang kepada peradaban dan perkembangan sesebuah negara. Agama banyak membantu dalam aspek perpaduan, kepercayaan, keamanan dan kemajuan sesebuah negara (Olorunda, 2019). Kepelbagaian dalam agama dan kepercayaan dilihat boleh mencagak integrasi di Malaysia dan bukannya menjadi punca kepada masalah integrasi di negara ini.

Kedua, transaksi ekonomi. Transaksi ekonomi ini tidak hanya merujuk pada jual beli melalui alat tukar uang. Melainkan, juga terdapat sesekali para pedagang senior masih menggunakan sistem barter. Misalnya, barter antara barang dagangan tape dengan daun pisang biji. Ketiga, sebagai wisata sosia. Pasar tradisional menjadi wisata sosial bagi para perempuan Madura, terutama bagi para pembeli lansia. Beberapa data lapangan menunjukkan bahwa para lansia perempuan di desa Labang seringkali mengalami kebosanan dengan kegiatannya di rumah. Sehingga, untuk menyelesaikan rasa bosan itu, para lansia atau mbok-mbok memilih untuk pergi ke pasar tradisional desa Labang untuk sekadar bertemu banyak orang, teman lama dalam berdagang, melakukan banyak tegur sapa, dan sedikit banyak berbelanja.

Keempat, pasar tradisional memungkinkan percepatan mobilitas informasi. Di pasar tradisional desa Labang mobilitas informasi terjadi secara sistematis loursolor (bergilir). Informasi di salurkan dari pedagang satu ke pedagang lain. Informasi yang digilirkan mulai dari bantuan sembako dari pemerintah desa, kasus kasus criminal terbaru, dan tentu berita-berita terkait kenaikan bahan-bahan pokok, terutama yang terdekat terkait isu kenaikan harga bbm dan minyak goreng (Hamdani, 2022). Isu terkini ini telah menjadi diskurus sehari-hari bagi perempuan desa di pasar tradisional. Maka dari itu, pasar tradisional adalah ruang publik potensial perempuan desa yang selama ini terabaikan dan dalam karya ilmiah ini berusaha dimunculkan untuk membongkar budaya patriarki yang selama ini terlampau gagah menjajah eksistensi perempuan Madura.

4.3 Patriarki yang Terbongkar: Perempuan Madura dan Kesempatan Emansipasi

Deteksi hadirnya pasar tradisional sebagai ruang publik perempuan di desa Labang membuka sirkulasi terbongkarnya patriarki sebagai ideologi dominan masyarakat Madura. Meminjam pengandaian dari Raditya (2021) bahwa selama ini sejatinya perempuan desa di Madura tengah berada di brankas patriarki yang terkunci. Namun, ada sedikit lubang kunci yang mampu menjadi jalan pembuka sekaligus pembongkar brankas patriarki itu dengan ruang publik bernama pasar tradisional. Pembongkaran ini menjadi mungkin jika secara fenomenologis dan substansial, para perempuan desa Madura, terutama kalangan perempuan mudanya mau dan hendak menghidupkan kesadarannya sebagai kalangan peretas sekaligus pembongkar dominasi patriarki melalui ruang publik pasar tradisional (Raditya, 2021).

Patriarki yang terbongkar melalui pasar tradisioanl mampu menjadi batu loncatan untuk perempuan desa mampu menjamah ruang publik yang lebih luas: warung kopi, dunia kerja berjenjang karir, pendidikan, yang secara subtansial merujuk pada perjuangan emansipasi. Kesempatan emansipasi harus terus digalakkan dan direngkuh saat perjuangan kalangan perempuan telah mencapai puncak (Maulana, 2013). Puncak dari keberhasilan emansipasi adalah ketika perempuan tidak lagi menjadi kalangan rentan dan marginal di negara demokrasi hukum modern (Hardiman, 2009). Meskipun demikian, karya ilmiah ini menyorot secara tajam pada perempuan di desa: kalangan perempuan yang seringkali tidak terjamah suara-suara feminisme di perkotaan, kalangan perempuan yang seringkali dimarginalisasi oleh narasi feminisme barat, dan kalangan perempuan yang menjadi subaltern (Gayatri C. Spivak, 2021). Maka dari itu, karya ilmiah ini mampu menjadi pembanding dan tulisan tanding untuk mewujudkan emansipasi perempuan secara menyeluruh dan massif. Emansipasi yang menyeluruh menjadi konsekuensi

terbongkarnya budaya patriarki dan upaya untuk menata ulang kehidupan sosial yang lebih emansipatoris serta mengedepankan keadilan sosial secara plural (Hebermas, 2004).

5. Kesimpulan

Budaya patriarki Madura dapat dibongkar melalui sirkulasi ruang publik pasar tradisional. Riset ilmiah ini menunjukkan bahwa di pasar tradisional desa Labang terjadi diskursus publik yang menjadikan pasar tradisional sebagai ruang publik non scenario. Di pasar tradisional terdapat berbagai transaksi yang tidak melulu bersifat instrumental.

Mulai dari transaksi Nurani, transaksi ekonomi, wisata sosial, dan sarana mobilitas sosial informasi secara alami dan sosiologis. Sehingga, dengan adanya pasar tradisional sebagai ruang publik yang demokratis untuk perempuan desa di Madura, maka budaya patriarki yang mengakar dapat tercerabut dan lepas. Lepasnya budaya patriarki ini akan menjadi angin segar feminis di akar rumput desa untuk mencapai emansipasi dan perempuan di desa mampu menjamah ruang publik yang lebih luas, terutama melalui bidang pendidikan, ekonomi, dan sosial budaya.

6. Saran

Pertama, saran untuk pemangku kebijakan di desa, terutama di pasar tradisional desa Labang agar setidaknya dalam sebulan ada diskusi publik antar perempuan desa di pasar tradisional. Dengan begitu, ruang publik perempuan desa dapat lebih terlihat dan mampu memercikkan kesadaran emansipasi perempuan di desa. Kedua, saran untuk pihak juri dan panitia lomba untuk mempertimbangkan kelayakan karya tulis ilmiah ini untuk bisa lolos ke tahap final. Sebab, di babak final akan kami sajikan secara verbatim narasi pasar tradisional sebagai ruang publik perempuan desa di Madura yang mampu menumbangkan budaya patriarki di Madura. Dengan tumbangannya patriarki, maka emansipasi dapat tercipta, dan peran gagasan ini akan mencuat sebagai bagian dari peran generasi milenial (kami) dalam menciptakan peradaban yang berkeadilan sosial di masa depan.

7. Daftar Pustaka

- Agger, B. (2009). *Teori Sosial Kritis*. Kreasi Wacana.
- Aliyah, Istijabatul. (2017). Pemahaman Konseptual Pasar Tradisional di Perkotaan. Istijabatul Aliyah. *Cakra Wisata*, 18(2), 16.
- Ariyani, N. I., & Nurcahyono, O. (2014). Digitalisasi Pasar Tradisional: Perspektif Teori Perubahan Sosial. *Jurnal Analisa Sosiologi*, 3(1), 1–12.
- Arsini. (2014). Peran Ganda Perempuan pada Keluarga Masyarakat Agraris: Kasus 10 Istri Buruh Tani di Desa Putat Purwodadi Grobogan. *Sawwa*, 10(1), 2. Aziz Samudra, A. (2010). Analisis Persepsi Pelanggan Terhadap Kinerja Organisasi Publik Pengelola Pasar Tradisional: Studi Kasus Pada Perusahaan Daerah Pasar Tohaga (Bumd) Kabupaten Bogor. *Sosiohumaniora*, 12(2), 103.
<https://doi.org/10.24198/sosiohumaniora.v12i2.5444>
- Beauvoir, S. de. (2016). *Second Sex: Fakta dan Mitos*. Narasi.
- Bourdieu, P. (2010). *Dominasi Maskulin*. Jalasutra.

- Bratky, S. L. (1990). *Femininity and Domination: Studies in The Phenomenology of Oppression*. Routledge.
- Budiawan, Aryamami, D., Junaedi, F., Raditya, A., Maimunah, Sosiawan, E. A., Yuwon, A. I., Wijaya, B. S., Narwaya, S. T. G., & Faisal, A. (2015). *Media (Baru), Tubuh, dan Ruang Publik* (Budiawan (ed.); 1st ed.). Jelasutra.
- Candra, P. H. (2019). Kritik Feminisme Postkolonial Untuk Membongkar Kultur Patriarki Dalam Budaya Manggarai. *Jurnal Pendidikan Dan Kebudayaan Missio*, 11(1), 1–10. <http://www.ejournal.stkipsantupaulus.ac.id/index.php/jpkm/article/view/299>
- Christian Elfan Pratama.W. (2019). *Pasar Tradisional Berkonsep City Walk di BSB Kota Semarang* (Issue September 2018). Universitas Katolik Soegijapranata. Clark, R. M. (2010). *Childhood in Society for Early Childhood Studies*. Learning Matter Ltd.
- Fakih, M. (2020). *Analisis Gender & Transformasi Sosial* (Pertama). insist press. Farid, Mohtazul. (2017). *Hegemoni Patriarki Dalam Poligami di Madura*. Universitas Negeri Airlangga.
- Farid, Mohzatul, & Hidayat, M. A. (2021). Perlawanan Perempuan Pesantren Terhadap Poligami Kiai Di Madura. *Edukasi Islami: Jurnal ...*, 10(02), 992–1009. <https://doi.org/10.30868/ei.v10i02.1805>
- Fitlayeni, R., Marleni, M., & Elvawati, E. (2015). Strategi Organisasi Informal Menjaga Persistensi Pasar Tradisional di Kecamatan Padang Barat. *MIMBAR, Jurnal Sosial Dan Pembangunan*, 31(1), 61. <https://doi.org/10.29313/mimbar.v31i1.1106>
- Foucault, M. (2017). *Power/Knowledge: Wacana Kuasa/Pengetahuan* (T. Setiawan, Sufianto, & Dkk (eds.)). Narasi-Pustaka Promothea.
- Fromm, E. (2018). *Seni Mencintai* (1st ed.). Basa Basi.
- Fromm, E. (2019). *Revolusi Harapan*. IRCiS0D.
- Geertz, C. (2013). *Agama Jawa: Abangan, Santri, Priyai dalam Kebudayaan Jawa*. Komunitas Bambu.
- Giddens, A. (2010). *Teori Strukturasi* (I). Pustaka Pelajar.
- Gramsci, A. (2019). *Catatan-Catatan dari Penjara*. Yayasan Pustaka Obor Indonesia. Gultom, S. C. M. F. (2009). *Wanita dan Ruang Publik*. Universitas Indonesia. Hamdani, T. (2022). *Akar Masalah Kelangkaan Minyak Goreng Meski Bahan Baku Melimpah*. DetikFinance. <https://finance.detik.com/berita-ekonomi-bisnis/d/5958851/akar-masalah-kelangkaan-minyak-goreng-meski-bahan-baku-melimpah>
- Handoyo, P. (2018). *Pengantar Metode Penelitian Sosial*. Unesa Press. Hannan, A. (2016). Gender dan Fenomena Patriarki Dalam Sosial Pendidikan Pesantren (Studi Tentang Hegemoni Kiai Pesantren Terhadap Sosial Pendidikan Bias Gender). *Seminar Nasional Gender Dan Budaya Madura III, Madura: Perempuan, Budaya & Perubahan*, 229–234.
- Hardiman, F. budi. (2009). *Demokrasi Deliberatif: Menimbang “Negara Hukum” dan “Ruang Publik” dalam Teori Diskursus Jurgen Habermas*. Pustaka Filsafat.
- Hebermas, J. (2004). *Krisis Legitimasi* (Y. Santoso, M. Syukri, & D. Nurdin (eds.)). Qalam.
- Hefni, Moh. (2007). *Bhuppa'-Bhâbhu'-Ghuru-Rato* (Studi Konstruktivisme Strukturalis tentang Hierarki Kepatuhan dalam Budaya Masyarakat Madura). *Karsa*, XI(1), 13–20.

- Hefni, Mohammad. (2019). *Islam Madura: Sebuah Studi Konstruktivisme-Strukturalis tentang Relasi Islam Pesantren dan Islam Kampung di Sumenep Madura* (R. Zaiful & T. Subakti (eds.); Pertama). Literasi Nusantara.
- Hidayati, S., Kurniasari, N. D., & Rahmawati, Y. (2017). Motif Dan Persepsi Sunat Perempuan Di Madura. *Jurnal Komunikasi*, 11(2), 159.
<https://doi.org/10.21107/ilkom.v11i2.3331>
- Kurniawan. (2021, November). Tersangka Kasus Menwa UNS, Baru Wisuda Langsung Terancam Penjara. *Bisnis.Com*.
- Kurniawan, K. N. (2020). *Kisah Sosiologi*. Yayasan Pustaka Obor Indonesia.
- Listyani, R. H. (2018). *Sosiologi Gender*. Unesa University Press.
- Mahfudin, A., & Waqi'ah, K. (2016). Pernikahan Dini dan Pengaruhnya terhadap Keluarga di Kabupaten Sumenep Jawa Timur. *Jurnal Hukum Keluarga Islam*, 1(April), 33–49.
- Martin, V. (2003). *Filsafat Eksistensialisme*. Pustaka Pelajar.
- Maulana, A. M. R. (2013). Feminisme sebagai Diskursus Pandangan Hidup. *Kalimah*, 11(2), 271. <https://doi.org/10.21111/klm.v11i2.96>
- Mawlana, A. (2022). *Habitus Patriarki Pemilihan Calon Kepala Sekolah Di SMA Negeri Sumenep*. Universitas Negeri Surabaya.
- Muchlis, I. (2019). *Fenomena Pologami Pemuda Di Kampung Batuampar Desa Pangabtoh Kec. Proppo Kabupaten Pamekasan Madura (Study Antropologi Sosial)*. Universitas Islam Negeri Sunan Ampel Surabaya.
- Mulyani, T. (2018). Kajian Sosiologis mengenai Perubahan Paradigma dalam Budaya Patriarki untuk Mencapai Keadilan Gender. *Paradigma Hukum Pembangunan*, 3(2), 149–158.
- Munawara, Yasak, E. M., & Dewi, S. I. (2015). Budaya Pernikahan Dini Terhadap Kesetaraan Gender Masyarakat Madura. *Jurnal Ilmu Sosial Dan Ilmu Politik Universi*, 4(3), 426–431.
- Muzzammil, S., Affan, M., HS, M. A., & Masturiyah, M. (2021). Motif, Konstruksi, dan Keadilan Semu dalam Praktik Poligami Kiai Pesantren di Madura. *Jurnal SMART (Studi Masyarakat, Religi, Dan Tradisi)*, 7(01), 129–142.
<https://doi.org/10.18784/smart.v7i01.1207>
- Navlia, R. (2020). *Pergeseran peran Gender di Pondok Pesantren Al-Amien Putri 1 dan Tahfidz Al-Ifadah Sumenep-Madura* [Universitas Islam Negeri Sunan Ampel].
<http://digilib.uinsby.ac.id/id/eprint/44999>
- Nietzsche, F. (2014). *Sabda Zarathustra* (Kamdani (ed.)). pustaka pelajar. Noer, K. U. (2021). *Menolak (di)lupa(kan): Politik Tubuh dan Kuasa Tanean dalam Bingkai Kultural Madura*. Perwatt.
- Nugroho, W. B., & Kamajaya, G. (2019). Menakar Idealitas Lapangan Puputan Sebagai Ruang Publik Masyarakat Kota Denpasar. *Politika*, 10(1), 78–92.
- Nurhayati, S. F. (2014). Pengelolaan Pasar Tradisional Berbasis Musyawarah Untuk Mufakat. *Jurnal Manajemen Dan Bisnis*, 18(1), 49–56.
- Nurmila, N. (2015). Pengaruh Budaya Patriarki Terhadap Pemahaman Agama dan Pembentukan Budaya. *KARSA*, 23(105), 1–16.

- Palulungan, L., K., M. G. H. K., & Ramli, M. T. (2020). *Perempuan, Masyarakat Patriarki & Kesetaraan Gender* (1st ed.). Yayasan Bursa Pengetahuan Kawasan Timur Indonesia.
- Prasetyo, A. G. (2012). Menuju Demokrasi Rasional: Melacak Pemikiran JÃ¼rgen Habermas Tentang Ruang Publik. *Jurnal Ilmu Sosial Dan Ilmu Politik*, 16(2), 37770.
- Prastiwi, merlia indah. (2016). *Perempuan dan Kekerasan Merlia*. 9(1), 61–68. Prihutami, D. (2008). *Successfull Urban Public Space*. Departemen Arsitektur, Fakultas Teknik, Universitas Indonesia.
- Putri, R. A., Artaria, M. D., & Graham-Davies, S. (2018). Traditional body care of women in Madura Island. *Masyarakat, Kebudayaan Dan Politik*, 31(3), 339–349. Raditya, A. (2014). *Sosiologi Tubuh: Membentang Teori di Ranah Aplikasi* (M. Mudzakkir (ed.); 1st ed.). Kaukaba Dipantara.
- Raditya, A. (2020). Karakter Orang Madura, Nasionalisme, Dan Globalisasi. *Masyarakat Indonesia*, 46(1), 15–33.
- Raditya, A. (2021). *Pedagogi Kaum Terkunci: Kegilaan dan Kebutaan dalam Modernitas Pendidikan*. Inira Publisher.
- Read, E. (2020). *Mitos Inferioritas Perempuan*. Independen.
- Sabariman, H. (2019). Perempuan Pekerja (Status dan Peran Pekerja Perempuan Penjaga Warung Makan Kurnia). *Jurnal Analisa Sosiologi*, 8(2), 164. Sakina, A. I., & A., D. H. S. (2017). Menyoroti Budaya Patriarki Di Indonesia. *Social Work Journal*, 7(1), 71. <https://doi.org/10.24198/share.v7i1.13820>
- Salim, A. (2006). *Teori dan Paradigma Penelitian Sosial* (2nd ed.). Tiara Wacana. Schutz, A. (1945). The Homecomer. *Amerikan Journal of Sociology*, 50(5). Sedayu, D. W. (2018). *The Effects of Patriarchal Culture To Female Characters As Seen in Without Mercy By Java Wain*. Departement of English Letters, Sanata Dharma University.
- Sinaga, K. C., Lubis, Z., & Saragih, F. H. (2019). *Analisis Profil Sosial Ekonomi Pedagang Sayur Lesehan di Pasar Tradisional*. 8(April), 31–38.
- Sinergi Madura.com. (2021, October). Legenda Bindara Saod dan Ratu Perempuan Pertama di Kerajaan Sumenep Madura. *Sinergi Madura.Com*.
- Spivak, gayatri C. (2021). *Dapatkan Subaltern Berbicara? Circa*.
- Spivak, G. (2009). *Nationalism and the imagination*. Lectora.
- Sugiyono. (2017). *Metode Penelitian Kualitatif*. Alfabeta.
- Sugiyono. (2020). *Metode Penelitian Kualitaif* (S. Y. Suryandari (ed.); 3rd ed.). Alfabeta.
- Sukaatmadja, I. P. G., Nyoman, N., Yasa, K., & Rahyuda, H. (2015). Strategi Pengembangan Pasar Tradisional Berbasis Kearifan Lokal Untuk Mengentaskan Kemiskinan Di Bali. *Jurnal Manajemen, Strategi Bisnis Dan Kewirausahaan*, 8(2), 121–129.
- Supraja, M., & Akbar, N. Al. (2020). *Alfred Schutz: Pengarusutamaan Fenomenologi dalam Tradisi Ilmu Sosial*. Gadjah Mada University Press.
- Susen, S. (2015). Critical Notes on Habermas’s Theory of the Public Sphere. *Sociological Analysis*, 5(October 2011), 37–62.

- Syamsuddin, M. (2019). *History of Madura*. Araska.
- Syarifuddin, D., Tradisional, P., Perspektif, D., Daya, N., Wisata, T., Tentang, S., Pagi, P., Kota, M., Tentang, S., Pagi, P., Kota, M., Pasar, A., Bandung, P. M., Monju, P., Monju, P., Monju, P., Minggu, H., Juang, M., Indonesia, P. T. T., ... Kunci, K. (2018). Pasar Tradisional Dalam Perspektif Nilai Daya Tarik Wisata. *Jurnal Manajemen Resort Dan Leisure*, 15(1), 19–32. <https://doi.org/10.17509/jurel.v15i1.11266>
- Tong. (2010). *Feminist Thought*. Jelasutra.
- Weir, A. (1996). *Sacrificial Logics, Feminist Theory and The Critique of Identity*. Routledge.
- Wismantara, P. P. (2009). Politik Ruang Gender Pada Permukiman Taneyan Lanjhang Sumenep. *Egalita*, IV(2), 185–198. <https://doi.org/10.18860/egalita.v0i0.1991>
- Zamroni, I. (2011). Sunat Perempuan Madura (Belunggu Adat, Normativitas Agama, dan Hak Asasi Manusia). *KARSA: Jurnal Sosial Dan Budaya Keislaman*, 19(2), 218–237.

Faktor Pengembangan Budaya Konsumerisme Norma Baharu dalam Kalangan Mahasiswa di USM: Satu Tinjauan

Hazwani Binti Mohd Fauzi¹, Siti Khadijah Binti Abu Hasan², Nurul Syazwanie Binti Abd Shukor³, Nurfarah Hana Binti Abdul Fatta⁴, Mohd Khairuddin Mohad Sallehuddin^{5,*}

^{1,2,3,4,5}Pusat Pengajian Sains Kemasyarakatan, Universiti Sains Malaysia

Email: ¹hazwanimf@student.usm.my, ²khadijahhasan@student.usm.my,

³syazwanie@student.usm.my, ⁴farahhana21@student.usm.my, ^{5,*}m.khairuddin@usm.my

Abstrak

Seiring dengan era globalisasi ini, perkembangan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) serta inovasi dalam sistem digital yang semakin pesat telah membawa kepada pelbagai perubahan dalam masyarakat. Budaya pembelian atas talian telah menjadi norma baru dan telah menjadi pilihan pengguna terutama apabila Covid-19 melanda seluruh dunia yang mana telah menjadi salah satu faktor terbesar kepada perubahan dalam cara kita berurusan dalam aktiviti menjual beli sesuatu komoditi. Bagi mengutamakan keselamatan dari terdedah dengan wabak Covid-19, pembelian atas talian lebih menjadi pilihan yang diutamakan berbanding secara fizikal di samping tuntutan mematuhi perintah kawalan pergerakan yang mengehendkan aktiviti transaksi jual beli secara fizikal. Justeru itu, kajian ini dijalankan untuk mengkaji faktor-faktor yang mempengaruhi tingkah laku pembelian atas talian dalam kalangan pelajar di USM sebagai pengguna serta untuk mengenalpasti reaksi atau pandangan pelajar USM terhadap pembelian atas talian pada musim Covid-19. Kajian ini memfokuskan kepada corak konsumerisme dan budaya pembelian atas talian dalam kalangan pelajar di USM. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan kaedah temu bual mendalam ke atas sepuluh orang pelajar USM yang terlibat secara aktif dengan aktiviti konsumsi di atas talian. Semua data akan dianalisa dengan menggunakan kaedah analisa tematik. Hasil kajian mendapati bahawa penjimatan dari segi masa, tenaga serta kos menjadi faktor utama yang mempengaruhi pelajar untuk membuat pembelian atas talian. Kajian juga mendapati bahawa pembelian atas talian menjadi pilihan pelajar terutama ketika wabak Covid-19 melanda. Selain itu, didapati persepsi pelajar terhadap pembelian atas talian juga memuaskan kerana memudahkan urusan. Seterusnya, kepercayaan dan harga merupakan faktor dalam membeli barangan atas talian. Pembelian secara atas talian pada masa kini bukan sahaja memudahkan pengguna untuk menikmati aktiviti membeli belah dengan mudah, pantas dan cepat, tetapi pada masa yang sama juga dapat memutuskan rangkaian jangkitan Covid-19.

Kata kunci: Konsumerisme; pembelian atas talian; komoditi; gaya hidup; Covid-19.

1. Pengenalan

Seiring dengan era globalisasi ini, perkembangan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) serta inovasi dalam sistem digital yang semakin pesat telah membawa kepada pelbagai perubahan dalam masyarakat. Budaya pembelian atas talian telah menjadi norma baharu dan telah menjadi pilihan pengguna terutama apabila Covid-19 melanda seluruh dunia yang mana telah menjadi salah satu faktor terbesar kepada perubahan dalam cara kita berurusan dalam aktiviti menjual beli sesuatu komoditi. Walaupun banyak sektor yang terjejas akibat pandemik ini, namun sektor perniagaan khususnya dalam e-dagang bukanlah salah satu daripada sektor

yang terkesan, malah ianya adalah satu perubahan yang dilihat baik dalam dunia konsumerisme atas talian. Dalam konteks ini, kita dapat lihat pengusaha tidak melepaskan peluang ini untuk terus berkecimpung dalam budaya pembelian atas talian. Fenomena ini dapat dibuktikan dengan kemajuan peningkatan e-dagang contohnya dalam platform membeli belah atas talian seperti Shopee, Lazada, Zalora dan sebagainya. Ketiga-tiga aplikasi ini dan banyak lagi aplikasi membeli belah atas talian menunjukkan peningkatan dalam urusan jual beli yang memberi keuntungan yang berlipat ganda terutamanya selepas pandemik Covid-19 tercetus. Pada tahun 2019, Lazada merekodkan peningkatan bagi pendaftaran peniaga baru sejak 2018 sehingga 97% (Berita Harian Online, 2019). Selain itu, Pengarah Urusan Serantau Shopee, Ian Ho dalam berita Sinar Harian Online pada Oktober 2020 lepas, berkata permintaan telah bertambah pada tahun 2020 untuk e-dagang dan aplikasi membeli belah atas talian ini melihat peningkatan yang selari dengan tahap penyelesaian serta kepercayaan orang ramai membeli belah atas talian. Peningkatan dalam penggunaan platform e-dagang ini cukup menunjukkan pengembangan budaya konsumerisme yang disebabkan oleh norma baharu. Kertas ini ditulis untuk mengkaji apakah faktor-faktor trend membeli-belah dalam talian yang menjadi norma baharu pada masa kini di samping perubahan gaya hidup pengguna yang semakin sibuk. Kertas ini memfokuskan kepada corak konsumerisme dan budaya pembelian atas talian dalam kalangan pelajar di Universiti Sains Malaysia (USM).

2. Objektif Kajian

Bagi menjawab permasalahan kajian yang dibangkitkan dalam kertas ini, dua objektif kajian telah ditetapkan. Objektif kajian bagi penulisan ini adalah untuk mengenalpasti faktor yang mempengaruhi tingkah laku pembelian atas talian dalam kalangan pelajar di USM sebagai pengguna.

3. Sorotan Karya

Kemunculan pelbagai platform seperti media sosial mahupun e-dagang yang telah diperkenalkan memudahkan urusan kehidupan harian. Nazathul Nadia Abd Talib et al., (2016) menyatakan bahawa perubahan era teknologi baru ini telah memperlihatkan kewujudan teknologi komunikasi melalui media sosial yang telah memberi impak yang besar kepada kehidupan masyarakat terutamanya kepada generasi muda. Perkara ini merangkumi aspek perniagaan, perkongsian maklumat, penerimaan berita serta pemasaran dan periklanan. Dari aspek perniagaan, e-dagang diperkenalkan bagi memudahkan aktiviti jual beli. Ledakan teknologi yang semakin meningkat di negara ini telah menyumbang kepada peningkatan permintaan terhadap pembelian di atas talian. Hal ini demikian kerana pembeli merasa membeli secara atas talian merupakan satu kaedah pembelian yang baharu (Norain Mohd Asri & Fatin Nur Alia Hamid, 2018).

Satu kajian telah dijalankan oleh Nur Farahiah & Lew (2014) serta Kweek et al., (2010) menyatakan pembelian secara atas talian telah memberi keselesaan kepada pembeli berbanding dengan kaedah pembelian secara fizikal. Bukan itu sahaja, faktor lain yang menyumbang kepada pembelian atas talian adalah kerana dapat menjimatkan masa dan usaha pembeli untuk mendapatkan barang atau perkhidmatan yang diinginkan. Perkara ini disokong oleh Abidatul Shakira (2013) dengan menyatakan bahawa kepelbagaian barangan dan perkhidmatan yang dijual secara atas talian membolehkan pengguna membuat pilihan dan kebebasan daripada gangguan sosial yang tidak diinginkan dapat meningkatkan kawalan serta kepuasan dalam

pembelian secara atas talian. Faktor lain yang dapat dikenal pasti adalah faktor kepercayaan. Seterusnya, trend budaya pembelian atas talian ini telah meningkat sewaktu pandemik Covid-19. Menurut Noraznida Husin & Siti Nurashidah Roslan (2021) Pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang bermula pada Mac 2020 telah menyaksikan peralihan trend pengguna yang memanfaatkan sepenuhnya platform e-dagang untuk membendung penularan wabak Covid-19 ini.

Secara umumnya, budaya jual beli atas talian ini telah mendapat tempat dalam hati masyarakat pada era kini. Peningkatan ini disebabkan terdapatnya permintaan terhadap pembelian secara atas talian yang disebabkan oleh khususnya platform e-dagang yang diperkenalkan untuk memudahkan urusan jual beli. Selain itu, daripada kajian lepas juga dapat dikenalpasti beberapa faktor yang menyumbang kepada pembelian atas talian adalah seperti faktor keselesaan, masa dan kepercayaan. Berikutan SOP yang diperkenalkan akibat Covid-19 juga menjadi salah satu penggerak kepada trend budaya pembelian atas talian.

4. Metodologi

Kajian ini akan menggunakan kaedah kualitatif telah dipilih dan digunakan adalah kerana kajian ini melibatkan bentuk kajian meneroka (*exploration*) dan menghurai (*description*). Kaedah kualitatif juga bersifat fenomenologis iaitu memberi fokus pada proses dan peristiwa secara interaktif. Menurut Greene (1997) pendekatan fenomenologi memberi perhatian untuk memahami fenomena sosial dan psikologikal dari pengalaman hidup yang dialami oleh seseorang yang terlibat atau sedang terlibat dengan sesuatu fenomena yang dikaji. Dengan menggunakan pendekatan fenomenologi dalam kajian ini, sesuatu fenomena yang berlaku melalui pengalaman yang dialami atau dirasai oleh seseorang aktor dapat dihuraikan secara spesifik dan dikenalpasti. Dalam kajian ini, teknik pengumpulan data yang digunakan terbahagi kepada dua bentuk, iaitu; (1) teknik pengumpulan data primer; dan (2) teknik pengumpulan data sekunder. Teknik pengumpulan data primer meliputi kaedah temubual mendalam ke atas sepuluh orang informan yang terdiri daripada mahasiswa Universiti Sains Malaysia. Kesemua informan yang dipilih dengan menggunakan persampelan rawak bertujuan. Pemilihan informan yang terdiri daripada golongan mahasiswa adalah kerana mereka mempunyai pandangan yang berbeza dengan orang biasa tentang konsumerisme dan budaya pembelian atas talian dalam kalangan pelajar kerana mereka mempunyai latar belakang pendidikan tinggi serta kebanyakan generasi muda zaman kini sering membuat pembelian atas talian seiring dengan kepesatan teknologi. Manakala teknik pengumpulan data sekunder pula hasil daripada analisa kandungan daripada kajian kepustakaan seperti jurnal, surat khabar, buku ilmiah dan majalah yang berkaitan dengan kajian. Kaedah analisa tematik digunakan secara manual untuk menganalisa kesemua data-data bagi mendapatkan persepsi mereka terhadap konsumerisme dan budaya pembelian atas talian dalam kalangan pelajar.

5. Hasil Kajian

5.1 Penjimatan dari Segi Masa, Tenaga serta Kos menjadi Faktor Utama yang Mempengaruhi Pelajar untuk Membuat Pembelian Atas Talian

Hasil dapatan kajian menunjukkan bahawa majoriti informan yang terdiri daripada seramai 10 orang pelajar yang ditemubual bersetuju bahawa mereka lebih selamat dan selesa membuat

pembelian atas talian berbanding secara fizikal. Hal ini seperti yang dinyatakan oleh jawapan salah seorang informan kami yang menyatakan bahawa,

“Saya rasa lebih selamat kerana tidak perlu bersesak dengan orang ramai semasa membeli. Tidak perlu keluar rumah, hanya tunggu pesanan sampai.”

Hal ini demikian kerana mereka tidak perlu mengeluarkan sebarang kos bahan bakar kenderaan serta membazirkan masa mereka untuk mencari barangan tersebut. Laman e-dagang menjadi pasaran perniagaan atas talian yang menjadi pilihan majoriti pengguna jalur lebar. Mereka berpendapat bahawa kaedah ini bukan sahaja menjimatkan masa malahan lebih selamat untuk digunakan oleh penggunaanya (Hoga Saragih & Rizky Ramdhany, 2012). Di samping itu, penularan wabak Covid-19 yang semakin berleluasa turut menjadi punca mereka tidak mahu membahayakan kesihatan diri serta keluarga mereka. Kesemua informan bersetuju bahawa kaedah pembelian atas talian dapat membantu mereka mengurangkan risiko terkena jangkitan wabak Covid-19 seperti yang disarankan oleh pihak kerajaan. Sehubungan dengan itu, tawaran harga yang menarik di beberapa laman e-dagang seperti Shopee dan Lazada membuatkan ramai pelajar Universiti Sains Malaysia gemar membuat pembelian atas talian. Hal ini disebabkan oleh kesemua informan bersetuju bahawa laman e-dagang tersebut sentiasa menawarkan potongan harga yang jauh lebih murah daripada harga pembelian secara fizikal. Merujuk kepada data Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia pada tahun 2019, sebanyak 51.2% rakyat di negara ini membeli-belah serta menjalankan perniagaan atas talian menggunakan laman e-dagang. Sebahagian besar peruncit atas talian menggunakan pelbagai cara bagi memastikan barangan mereka terjual dengan kuantiti yang banyak seperti rebat tunai dan pemberian baucar diskaun kepada para pelanggan (Noraznida Husin & Siti Nurashidah Roslan, 2021). Kaedah ini dilihat mampu menarik sebilangan besar pelajar untuk membeli barangan mereka atas talian. Hal ini demikian kerana sebagai seorang pelajar di sebuah institut pengajian tinggi, perkara ini cukup penting bagi mereka kerana mereka perlu mengawal jumlah perbelanjaan mereka untuk sesuatu barangan. Penggunaan baucar tersebut dapat menjimatkan kos perbelanjaan mereka terhadap sesuatu barangan yang dibeli atas talian. Oleh itu, kita dapat memahami bahawa penjimatan dari beberapa perkara membuatkan para pelajar Universiti Sains Malaysia terus memilih kaedah pembelian atas talian.

5.2 Faktor Kepercayaan dan Harga dalam Membeli Barangan Atas Talian

Hasil temu bual yang telah dijalankan ke atas 10 orang informan mendapati 3 daripada 10 informan tidak gemar membeli barangan yang dikonsumsi secara atas talian. Hal ini kerana barangan yang dibeli di atas talian dikhuatiri tidak menepati citarasa yang dikehendakinya oleh mereka. Malah, mereka mengatakan bahawa mereka bimbang akan kerosakan serta kualiti barangan yang dibeli secara atas talian tidak dijamin. Kenyataan ini disokong oleh informan 3:

“...saya lebih gemar membeli secara fizikal. Sebabnya, lebih dipercayai ketulenannya, lebih mudah menyemak tarikh luput. Lebih selamat gitu. Risau jika barang yang dipesan sampai lambat, boleh menjejaskan kualiti dan kesegaran barang. Contoh, supplement beli di farmasi lebih dipercayai berbanding atas talian.”

Menurut Ahmad Fariz dan Wan Nurul Kamariah Wan Ahmad (2020) menyatakan masyarakat menyedari kelebihan internet dalam melakukan aktiviti membeli barangan keperluan harian, perhatian rakyat Malaysia terhadap pembelian secara atas talian masih kurang kerana

pengguna lebih memilih untuk membeli barangan di premis perniagaan. Dalam istilah lain, faktor kepercayaan menjadikan mereka kurang gemar membeli barangan yang dikonsumsi oleh mereka secara atas talian. Kenyataan ini disokong oleh informan 7:

“...Tidak. Saya sebenarnya lebih gemar membeli secara ftf kerana dapat menilai sesuatu barang itu dengan lebih baik. Hal ini kerana kadang-kala barang yang dibelisecara atas talian tidak sama dengan apa yang kita harapkan. Seperti indah khabar dari rupa sahaja.”

Manakala informan selebihnya, gemar membeli barangan yang dikonsumsi secara atas talian. Di samping itu juga, terdapat informan mengatakan bahawa dia gemar membeli barangan atas talian dek penawaran harga yang jauh lebih murah berbanding barangan yang dibeli secara fizikal. Hal ini kerana perniaga atas talian sentiasa menawarkan potongan harga ataupun diskaun untuk menarik pembeli. Kenyataan ini disokong oleh informan 9:

“...Saya suka membeli barangan di atas talian kerana penawaran harga yang begitu berbaloi bagi saya. Jika dilihat bahawa pembelian di atas talian membeli pulangan tunai yang lebih baik berbanding kita beli secara fizikal”

Selain itu juga, terdapat beberapa informan perempuan lebih gemar membeli barangan secara atas talian berbanding lelaki. Perkara ini telah bertitik mula daripada faktor pembelian yang fleksibel (Farhan Mat Arisah, Shamsul Azahari Badari dan Ahmad Hariza Hashim, 2016). Perkara ini diperkuatkan lagi dengan terdapat satu kajian lepas yang telah dijalankan oleh Nur Ain (2021) menyatakan bahawa jumlah pengguna wanita yang menggunakan perkhidmatan transaksi secara atas talian lebih ramai jika dibandingkan dengan lelaki.

5.3 Pembelian atas Talian menjadi Pilihan Pelajar Terutama Pada Wabak COVID-19 Melanda Dunia

Hasil dapatan kajian menunjukkan bahawa majoriti informan yang terdiri daripada seramai 10 orang pelajar yang ditemubual bersetuju bahawa mereka lebih selesa membuat pembelian atas talian berbanding secara fizikal. Akibat daripada virus Covid-19 ini telah meragut banyak nyawa dan amat berbahaya, yang mana telah menyebabkan angka kematian melebihi 6.33 million orang setakat Jun 2022 dan lebih kurang 545 million orang telah dijangkiti oleh Covid-19 ini. Seperti yang dinyatakan oleh informan 2:

“...pada era Covid-19 ini, memang saya lebih banyak melakukan pembelian atas talian untuk memastikan saya kurang terdedah dengan virus Covid-19 ini. Pada masa yang sama, saya boleh melindungi diri dan keluarga saya daripada terkena virus Covid-19.”

Berdasarkan kenyataan informan tersebut menunjukkan bahawa mereka penularan wabak Covid-19 yang semakin berleluasa turut menjadi punca mereka tidak mahu membahayakan kesihatan diri serta keluarga mereka. Menurut Zainuddin menerusi Berita Harian (2021), pengguna Malaysia membeli 50 peratus lebih banyak secara dalam talian berbanding tahun lalu, didorong terutama oleh sekatan COVID-19. Kategori seperti barangan runcit dan penjagaan diri serta kecantikan memperoleh jualan tinggi, dengan lonjakan bahagian runcit atas

talian masing-masing sebanyak 4.2 kali ganda dan 2.1 kali ganda. Kenyataan ini juga turut disokong oleh informan 1,4,7 dan 8 dalam memberikan kenyataan masing-masing.

Di samping itu, informan 5,6,7,8 dan 10 bersetuju bahawa kaedah pembelian atas talian dapat membantu mereka mengurangkan risiko terkena jangkitan wabak Covid-19 seperti yang disarankan oleh pihak kerajaan. Akibat daripada banyak limitasi iaitu prosedur operasi standard (SOP) yang telah diperkenalkan oleh kerajaan seperti penjarakkan sosial, had tempoh operasi premis perniagaan serta *lockdown* yang mana hanya seorang sahaja yang boleh keluar rumah untuk membeli barangan. Seperti yang dinyatakan oleh informan 6:

“...kebanyakan kedai mempunyai limitasi dan faktor-faktor yang lain seperti penjarakkan sosial, prosedur standard operasi yang diperkenalkan oleh kerajaan dan lain-lain yang membuatkan kecenderungan saya untuk melakukan pembelian atas talian berbanding kemudahannya itu sendiri.”

Berdasarkan kenyataan informan tersebut menunjukkan bahawa pembelian atas talian menjadi pilihan pelajar kerana lebih memudahkan dalam urusan jual beli dan mesra pengguna. Ini telah menunjukkan bahawa wabak Covid-19 ini menjadi salah satu faktor pengembangan budaya konsumerisme norma baharu dalam kalangan mahasiswa-mahasiswi di USM yang mana menunjukkan perubahan dalam gaya dan tingkahlaku perbelanjaan terutama semasa wabak pandemik Covid-19 mula menular sehingga kini walaupun wabak Covid-19 telah diisytiharkan sebagai endemik. Sekaligus ia telah mengubah landskap dan trend dalam urusan jual beli termasuk di kalangan mahasiswa di Universiti Sains Malaysia. Menurut Zainuddin menerusi Berita Harian (2021), kira-kira 47 peratus pengguna di Malaysia beralih kepada kaedah atas talian sebagai saluran paling kerap digunakan untuk melakukan pembelian barang. Jadi, pembelian atas talian telah menjadi norma baharu bukan sahaja dalam kalangan pelajar USM sahaja malah semua orang di seantero dunia yang mana telah menjadi kebiasaan terutama manusia yang hidup dalam zaman moden yang penuh dengan kecanggihan teknologi.

5.4 Persepsi Pelajar terhadap Pembelian Atas Talian

Setelah hasil temubual bersama sepuluh orang informan dianalisa, didapati bahawa persepsi mahasiswa/i USM terhadap pembelian atas talian adalah memuaskan. Rata-rata berpendapat bahawa pembelian atas talian memudahkan urusan mereka samada dalam urusan perkhidmatan penghantaran makanan atau pembelian barangan. Rata-rata informan bersetuju bahawa pembelian atas talian adalah jauh lebih murah berbanding membeli di stor dan lebih fleksibel kerana pembelian boleh dibuat pada bila-bila masa dan di mana sahaja. Seperti yang dinyatakan oleh informan 3:

“Jimat masa dan tenaga selain tidak perlu beratur panjang untuk proses pembayaran dan tidak perlu bersesak dengan orang ramai dan harga kebiasaannya lebih murah kerana lebih banyak promosi dan diskaun atas talian.”

Berdasarkan kenyataan informan diatas, pembelian atas talian bukan sahaja memudahkan urusan pelajar dalam jual beli, malah menjimatkan masa dan tenaga. Dalam penyelidikan M.W. Ramli (2021, pg. 84) dapat dilihat bahawa faktor dominan bagi aspek masa ialah dapat menjimatkan masa, usaha dan tenaga serta proses pembelian dalam talian mudah dan

cepat. Dengan status negara semakin membangun, Malaysia yang berada pada tahap revolusi keempat, perkara ini sudah cukup memberi kepuasan kepada pengguna e-dagang, meski tidak dapat diandaikan bahawa Malaysia mempunyai banyak lagi ruang yang boleh diperbaiki dan ditambah baik dalam platform ini bagi memberikan kepuasan yang penuh kepada pengguna. Kemajuan internet sememangnya memudahkan pengguna untuk mencari produk dan barangan yang diinginkan dengan mudah dan cepat (M.W Ramli, 2021, pg. 86). Namun begitu, sungguhpun masing-masing berpendapat pembelian atas talian memudahkan pengguna, penghantaran barangan yang dibeli dalam talian mengambil masa yang lebih lama berbanding dengan membeli barang tersebut secara fizikal. Hal ini dinyatakan oleh informan 10:

“...seperti yang saya kata tadi ianya banyak pilihan dan jauh lebih murah. Namun ianya tidak semestinya menjimatkan masa. Ada yang mengambil masa yang singkat ada yang mengambil masa yang lama.”

Sungguhpun pengguna menyedari akan lonpong yang jelas, ianya tidak menghentikan mereka untuk terus membeli atas talian kerana dengan berbuat demikian, ianya lebih mudah dibandingkan dengan pembelian secara fizikal. Ditambah pula faktor keselamatan dan kesihatan yang perlu diambil kira terutama pada musim Covid-19 yang masih dikhuatiri orang ramai. Walaupun pembelian atas talian mempunyai kekurangan, namun begitu ianya tetap memuaskan hati pengguna khususnya pelajar USM kerana memudahkan masa pengguna dalam kesibukan kehidupan seharian mereka.

6. Rumusan

Secara tuntasnya, di dalam kajian berbentuk tinjauan ini, pengkaji ingin mengkaji faktor pengembangan budaya konsumerisme norma baharu dalam kalangan mahasiswa di USM. Tujuan kajian ini dijalankan adalah untuk mengenalpasti faktor yang mempengaruhi tingkah laku pembelian atas talian dalam kalangan pelajar di USM sebagai pengguna serta untuk mengenalpasti reaksi atau pandangan pelajar USM terhadap pembelian atas talian pada musim Covid-19. Dalam kajian ini, seramai 10 informan digunakan untuk ditemu bual menggunakan dua objektif di atas. Kesemua informan iaitu pelajar-pelajar mahasiswa Universiti Sains Malaysia ini dipilih menggunakan persampelan rawak bertujuan. Hasil temu bual pengkaji dapat mengetahui faktor utama, persepsi mereka serta sama ada mereka lebih memilih pembelian atas talian ataupun pembelian secara fizikal. Hasil dapatan kajian pula mendapati penjimatan dari segi masa, tenaga serta kos menjadi faktor utama yang mempengaruhi pelajar untuk membuat pembelian atas talian serta kaedah ini menjadi pilihan utama pelajar sepanjang berlakunya musim Covid-19. Faktor-faktor yang diperolehi daripada hasil temubual termasuklah penjimatan dari segi masa, tenaga, dan kos serta kepercayaan dan harga dalam membeli barangan atas talian. Jika dibandingkan dengan kajian lepas, faktor ini masih tiada perbezaan yang ketara. Kemajuan teknologi serta langkah berjaga-jaga daripada terkena wabak Covid-19 juga menjadi sebab peningkatan pembelian atas talian ini. Oleh itu, jelaslah bahawa budaya pembelian atas talian dalam kalangan mahasiswa USM semakin meningkat dari tahun ke tahun dan sentiasa menjadi pilihan para pelajar.

7. Rujukan

- Azmi, N. F., & Peng, L. W. (2014). Factors influencing the intention for online purchasing: a study among university students in Malaysia. *International Journal of Management Sciences*, 4(2), 69-74. Dicapai daripada <https://ideas.repec.org/a/rss/jnljms/v4i2p3.html>
- Amri, S. A. K. (2019, October 8). *Peniaga baharu di Lazada meningkat 97 peratus*. Berita Harian Online. <https://www.bharian.com.my/bisnes/teknologi/2019/10/615361/peniaga-baharu-di-lazada-meningkat-97-peratus>
- Bobbitt, L. M., & Dabholkar, P. A. (2001). Integrating Attitudinal Theories to Understand and Predict Use of Technology-Based Self-Service: The Internet as an Illustration. *International Journal of Service Industry Management* 12(5): 423-450.
- Coker, B. L. (2011). Freedom to Surf: The Positive Effects of Workplace Internet Leisure Browsing. *New Technology, Work and Employment* 26(3): 238-247
- Greene, M. (1997). The lived world, literature and education. Dlm. Vandenberg, D. (pnyt.). *Phenomenology & Education Discourse*. Johannesburg: Heinemann.
- Hoga Saragih & Rizky Ramadhany. (2012). Pengaruh Intensi Pelanggan dalam Berbelanja Online Kembali Melalui Media Teknologi Informasi Forum Jual Beli (FJB) Kaskus. *Journal of Information Systems*, 8(2): 100-103. Dicapai daripada <https://jsi.cs.ui.ac.id/index.php/jsi/article/view/331/288>
- Kwek, C.L., Tan, H.P., & Lau, T.C. (2010). Investigating the shopping orientations on online purchase intention in the e-commerce environment: A Malaysian study. *Journal of Internet Banking and Commerce*, 15(2), 1-22. Dicapai daripada <https://www.icommercenral.com/open-access/investigating-the-shopping-orientations-on-online-purchase-intention-in-the-ecommerce-environment-a-malaysian-study-1-21.php?aid=38386>
- Mazlina, J. , Nek Kamal Y.Y. (2014). Tinjauan: Pola Gelagat Pengguna Keatas Keputusan Pembelian Secara Atas Talian. *Unpublished Article*.
- Noraznida Husin & Siti Nurashidah Roslan,. (2021). Pembelian Dalam Talian Menjadi Norma Baharu: Satu Tinjauan. *Proceeding of the 8th International Conference on Management and Muamalah 2021 (ICoMM 2021)*. Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor: Selangor.
- Nazathul Nadia Abd Talib, T. R. (2016). Faktor-Faktor Pembelian Produk di Media Sosial dalam Kalangan Generasi Muda KUIS. *Proceeding of the 3rd International Conference on Management and Muamalah*, 1-13. Dicapai daripada <http://conference.kuis.edu.my/icommm/3rd/e proceedings/IC-012.pdf>
- Ramli, M. W. (2021). *Faktor golongan muda Malaysia membeli dalam talian: Satu tinjauan awal*. *Journal of Social Sciences and Humanities*, 18(5), 79–87. https://www.researchgate.net/publication/353355847_Faktor_golongan_muda_Malaysia_a_membeli_dalam_talian_Satu_tinjauan_awal
- Zainuddin, M. Z. (2021, October 19). *Separuh rakyat Malaysia beli barang dalam talian*. Berita Harian Online. <https://www.bharian.com.my/bisnes/lain-lain/2021/10/877743/separuh-rakyat-malaysia-beli-barang-dalam-talian>

Zuki, N. M. (2020, October 24). *Trend beli-belah online meningkat*. Sinarharian.
<https://www.sinarharian.com.my/article/106760/BISNES/Trend-beli-belah-online-meningkat>

Gaya Hidup Pembelian Atas Talian dalam Kalangan Pelajar Sains Kemasyarakatan Universiti Sains Malaysia

**Siti Aisyah Binti Fauzi¹, Hanisah Binti Shaari², Rosnida Binti Md Isa³, Muhammad Izzul
Islam Bin Ghafran⁴, Sharifah Asma Amira Binti Syed Mohamad Noruddin⁵, Mohd
Khairuddin Bin Mohad Sallehuddin⁶**

^{1,2,3,4,5,6}Pusat Pengajian Sains Kemasyarakatan, Universiti Sains Malaysia
Email: ⁶m.khairuddin@usm.my

Abstrak

Era globalisasi telah memperlihatkan kecanggihan teknologi dan ketersediaan jalur lebar yang telah mencetuskan revolusi pembelian dalam talian sebagai norma baharu dalam masyarakat. Budaya konsumerisme secara dalam talian ini telah menjadi pilihan dalam kalangan masyarakat seiring dengan perubahan gaya hidup yang semakin sibuk dan mencabar. Kajian ini berkaitan dengan isu pembelian dalam talian sebagai cara hidup generasi 'Z' kini. Metodologi yang digunakan dalam kajian ini adalah kaedah temu bual mendalam, serta analisa kandungan ke atas bahan-bahan ilmiah seperti jurnal dan artikel. Seramai 15 orang informan telah ditemubual untuk memperoleh data yang diperlukan. Kajian ini menfokuskan kepada objektif utama iaitu untuk mengkaji faktor-faktor yang mempengaruhi budaya konsumerisme dalam kalangan pelajar Pusat Pengajian Sains Kemasyarakatan (PPSK). Hasil kajian mendapati bahawa kemajuan teknologi menjadi penyumbang terbesar kepada perkembangan budaya konsumerisme melalui pembelian dalam talian. Senario ini jelas membuktikan bahawa budaya konsumerisme kian meningkat dan ia telah mempengaruhi gaya hidup dalam kalangan pelajar Pusat Pengajian Sains Kemasyarakatan di Universiti Sains Malaysia.

Kata kunci: Budaya; Konsumerisme; gaya hidup; internet.

1. Pendahuluan

Gaya hidup moden pada era digitalisasi kini telah memperlihatkan kecanggihan teknologi dan ketersediaan jalur lebar yang semakin luas di serata dunia. Kini, Masyarakat cenderung mempunyai akses yang meluas terhadap teknologi terutamanya teknologi komunikasi. Ekoran daripada itu penggunaan internet juga meningkat dalam kalangan masyarakat. Umumnya masyarakat mengetahui penggunaan internet ini membawa kepada banyak manfaat. Salah satu kelebihan internet ialah dapat membantu pengguna untuk mendapatkan maklumat yang diinginkan. Menurut Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka Edisi ke Empat, definisi internet adalah rangkaian komputer antarabangsa yang membolehkan pengguna teknologi ini mengakses internet untuk berhubung antara satu sama lain dan mencari maklumat di pangkalan data dari seluruh dunia. Pengguna internet ini selalu menggunakan aplikasi media sosial tertentu untuk mereka berhubung antara satu sama lain. Antara aplikasi media sosial yang popular digunakan ialah *Facebook*, *Whatsapp*, *Twitter*, *Skype* dan lain-lain. Oleh itu, dengan adanya pelbagai platform dan kecanggihan yang wujud pada masa kini telah mencetuskan satu fenomena iaitu pembelian dalam talian.

Fenomena ini telah menjadi salah satu gaya hidup dalam kalangan masyarakat pada masa ini. Pada perspektif sosiologi, gaya hidup adalah cara seseorang hidup yang melibatkan karakteristik perilaku yang masuk akal seperti hubungan sosial, penggunaan, hiburan dan cara berpakaian. Menurut Kotler (2002) menyatakan bahawa gaya hidup (*lifestyle*) merupakan pola hidup seseorang di dunia dalam aktiviti, minat dan pendapat. Menurut beliau juga, gaya hidup menggambarkan “keseluruhan diri seseorang” yang digunakan untuk berinteraksi dengan orang sekeliling. Kini, ketersediaan jalur lebar yang semakin canggih telah mewujudkan satu fenomena gaya hidup yang melibatkan pembelian barangan dalam talian. Masyarakat kini telah menjadikan pembelian dalam talian satu perkara yang biasa untuk memenuhi keperluan hidup dan memuaskan keinginan diri sendiri. Menurut teori Bourdieu dalam bidang konsumerisme, kehidupan manusia sangat berkait dengan penelitian tentang konsumerisme dan gaya hidup dalam kalangan masyarakat pada masa kini. Pembelian barang secara dalam talian tidak asing lagi dalam kalangan pelajar pada hari ini. Hal ini dikatakan demikian kerana, kebanyakan pelajar telah celik teknologi dan sudah terdedah dengan perkara sebegini sejak di bangku sekolah. Rata-rata pelajar memilih untuk melakukan pembelian secara dalam talian kerana ianya lebih cepat, mudah dan menjimatkan masa mereka. Mereka tidak perlu keluar daripada tempat tinggal mereka untuk mendapatkan barangan yang tertentu dan ia boleh didapati secara dalam talian dan terus sampai ke rumah mereka.

1.1 Permasalahan Kajian

Antara permasalahan kajian yang ingin dirungkai ialah apakah faktor-faktor yang mempengaruhi pelajar Pusat Pengajian Sains Kemasyarakatan Universiti Sains Malaysia (PPSK USM) apabila melakukan pembelian secara dalam talian. Pengkaji tertarik untuk mengetahui apakah faktor yang mendorong seorang pelajar melakukan pembelian secara dalam talian. Oleh itu, pengkaji telah meneroka isu dengan mendalam bagi mencari makna akan fenomena ini.

1.2 Objektif Kajian

Bagi mengkaji faktor-faktor yang mempengaruhi budaya konsumerisme dalam kalangan pelajar Pusat Pengajian Sains Kemasyarakatan (PPSK).

2. Sorotan Karya

Banyak kajian yang telah dijalankan ke atas tingkah laku pembelian secara dalam talian. Sesuai dengan perubahan gaya hidup pengguna yang semakin sibuk, kaedah pembelian dalam talian (online) semakin mendapat tempat dalam kalangan pengguna (Mat Arish et.al 2015; Noraznida & Norashidah 2021). Berdasarkan penelitian daripada kajian-kajian lepas, pembelian secara online berlaku disebabkan oleh faktor-faktor tertentu seperti penggunaan media sosial dan mengikuti trend semasa (Rachel dan Purta Rangkuty 2020; Dzakkiyah et al. 2020; Muhammad Abdullah 2011), perkembangan teknologi (Eva 2015 & Fatmawati 2020), dan perkhidmatan capaian internet yang pantas (Norain et.al 2018). Masyarakat dilihat semakin selesa dengan penggunaan keseluruhan ekosistem digital (Noraznida & Norashidah 2021) melalui penggunaan e-dagang yang terkenal seperti shopee, Lazada, mudah.My, Zalora dan sebagainya.

Budaya konsumerisme menunjukkan peningkatan yang berterusan dengan adanya kepelbagaian platform e-dagang. Menurut Noraznida & Norashidah 2021, peningkatan trend

gaya hidup pembelian online dapat dilihat sejak Mac 2020 di mana pelaksanaan perintah kawalan pergerakan ke atas Malaysia. Konsumerisme banyak berkembang secara pesat telah mewujudkan nilai materialistik, tingkah laku, pola pemikiran dan sikap (Nurafandi 2022). Gaya hidup mahasiswa setelah wujudnya pembelian secara dalam talian menunjukkan bahawa pembelian secara online ini telah mengubah gaya hidup mahasiswa menjadi berperilaku konsumtif iaitu wujud dari konsumerisme. Mahasiswa yang memiliki gaya hidup konsumerisme ini selalu berpenampilan menarik, memiliki *standard* hidup kelas atas menengah dan sebagainya. Hal ini juga searah dengan teori masyarakat konsumerisme yang memperlihatkan bahawa mereka mengkonsumsi barang kerana perkembangan zaman moden melalui pemakaian yang dibeli secara dalam talian (Noor Fatmawati, 2020). Gaya hidup merupakan cara hidup seseorang untuk menghabiskan waktu yang mereka anggap penting dalam lingkungannya dan apa yang mereka fikirkan tentang diri mereka sendiri serta lingkungan sekitarnya (N.Setiadi, 2005).

Radio merupakan sebuah medium buta yang mempunyai keupayaan untuk mempengaruhi pemikiran masyarakat (McLeish, 2005). Bagi negara yang kurang membangun, radio menjadi medium utama dalam penyampaian maklumat kerana teknologi internet masih belum berkembang dengan baik. Kepentingan peranan radio sebagai penyalur maklumat kepada masyarakat dapat ditonjolkan dengan baik (Darusslam, 2005). Wanita merupakan sebuah ejen terpenting dalam setiap keluarga kerana golongan ini akan menjadi suri teladan kepada anak-anak mereka pada masa akan datang. Radio dipilih sebagai ejen dalam mentransformasikan konflik kerana ianya mampu menembusi kawasan pedalaman kerana menggunakan gelombang berbanding internet yang masih belum meluas di Sudan Selatan. Bagi membanteras keganasan terhadap wanita di Sudan Selatan, pelbagai jenis syarikat radio yang dikelolai oleh wanita tampil untuk bersama-sama dalam mentransformasikan masalah ini supaya titik penyelesaian dapat dicapai kelak. Antara radio yang berpartisipasi dalam aktiviti ini adalah Eye Radio, Miraya Radio dan Anisa Radio.

Eye Radio merupakan radio yang paling dominan dalam usaha memberi maklumat berkaitan pembanteras keganasan terhadap wanita di Sudan Selatan. Eye Radio ini juga memulakan penyiaran ke udara sejak Jun 2010 iaitu setahun sebelum Sudan Selatan mencapai kemerdekaan sepenuhnya pada tahun 2011. Bagi mewujudkan kempen kesedaran dalam mendidik masyarakat berkaitan pentingnya martabat seorang wanita, Eye Radio melaksanakan kerjasama dengan Oxfam International dimana ianya merupakan organisasi amal kebajikan yang memfokuskan pengurangan kemiskinan global dan sebarang penindasan. Dengan kerjasama ini, kedua-dua organisasi ini sepakat untuk mewujudkan sebuah rancangan radio yang bertajuk "*Peace of Her Mind*" dimana ianya merupakan rancangan radio yang membincangkan martabat, kepentingan dan peranan wanita agar sebarang penindasan dan ketidaksetaraan gender tidak berlaku lagi.

"*Peace of Her Mind*" merupakan sebuah rancangan yang paling berkesan dalam kempen membanteras keganasan terhadap wanita. Rancangan radio ini telah mampu memberi kesedaran kepada orang ramai dan menjadikan masyarakat belajar tentang intipati program ini. Tentatif program ini adalah semua wanita di seluruh Sudan Selatan dijemput untuk menyuarakan pendapat, berkongsi pengalaman dan harapan kepada setiap wanita. Radio yang berpangkalan di Juba ini juga menggunakan wanita sebagai penyampai radio iaitu individu yang dikenali sebagai Mama Hellen. Mama Hellen bertanggungjawab dalam mendidik golongan lelaki supaya berhenti untuk membudayakan aktiviti memukul, mencederakan dan mengugut wanita kerana ianya salah disisi undang-undang. Selain itu, perkahwinan kanakkanak perempuan di bawah umur juga sering dibahaskan di dalam rancangan ini memandangkan kanak-kanak perlu menjalani pendidikan terlebih dahulu berbanding perkahwinan kerana kanak-kanak merupakan pewaris legasi kepimpinan negara.

Disamping itu, radio ini juga memberikan didikan kepada para lelaki bahawa aktiviti merogol wanita secara paksaan dan seks bebas adalah salah kerana ia mampu memberikan kesan trauma kepada wanita tersebut. Perkara ini juga mampu memberikan penyebaran penyakit HIV dan AIDS kepada individu yang terlibat. Apabila mangsa rogol meningkat maka isu kelahiran

luar nikah juga semakin meningkat. Perkara ini hangat dibincangkan dalam Eye Radio kerana masalah rogol ini akan membawa pelbagai kesan serius dan menjadi tanggungjawab mereka dalam menyedarkan masyarakat terutama kaum lelaki supaya dapat mentransformasikan pemikiran dan minda mereka agar aktiviti ini dapat ditinggalkan oleh mereka. Justeru itu, *“Peace of Her Mind”* telah banyak mengubah masyarakat melalui “cuci minda” berkaitan kepentingan martabat wanita, keburukan merogol dan akibat negative daripada pengeksploitasian wanita.

Antara perubahannya adalah rancangan di radio yang dikelolakan oleh wanita ini juga mampu menjadikan proses kelahiran wanita yang lebih selamat dan terjamin iaitu mangsamangsa rogol oleh lelaki yang tidak bertanggungjawab. Mengapa dikatakan lebih selamat? Hal ini demikian kerana selepas minda pihak lelaki “dicuci” oleh media terutamanya radio, maka sebahagian daripada mereka sudi untuk bertanggungjawab dengan memperisterikan wanita yang dirogol tersebut. Walaupun bukan semua yang bertindak sedemikian, tetapi usaha ini mampu untuk mengubah sikap lelaki walaupun dan ianya memerlukan masa yang sesuai untuk masalah ini selesai. Wanita yang mengalami keganasan berasaskan jantina ini kebiasaannya berlaku di luar bandar dan mereka tidak tahu tentang hak asasi diri mereka. Akses ke kawasan terpencil ini sukar tetapi radio mampu untuk sampai dikawasan tersebut. Jadi, kita dapat lihat bahawa Eye Radio ini lebih menumpukan kepada kempen kesedaran bagi mengubah pemikiran terhadap masyarakat berkaitan membanteras keganasan terhadap wanita di Sudan Selatan.

6.2 Miraya Radio

Sebuah lagi radio yang juga dominan dan terkenal dalam menumpukan perhatian terhadap membanteras keganasan wanita di Sudan Selatan. Miraya FM ini memulakan operasi penyiarannya semenjak dari Jun 2006. Radio ini juga dimiliki oleh United Nations Mission in South Sudan (UNMISS) iaitu sebuah organisasi dibawah naungan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu. Sebuah yayasan kemanusiaan iaitu Fondation Hironnelle juga mengambil bahagian dalam membangunkan rasdio ini agar hasrat untuk mentrasformasikan masalah keganasan wanita di Sudan Selatan dapat dicapai. Miraya Radio mengutamakan perbincangan meja bulat bersama tokoh-tokoh wanita, pemimpin wanita dan aktivis wanita berkaitan penyelesaian isu keganasan terhadap wanita manakala Eye Radio pula lebih menumpukan kepada kempen dan didikan kesedaran terhadap masyarakat, Pelbagai isu wanita dibincangkan dalam platform ini terutama partisipasi wanita dalam politik, ekonomi dan sosial.

Perbincangan meja bulat sambil diudarkan di Miraya FM menjadi sebuah kepastian dengan kadar yang kerap. Bukan sahaja perbincangan meja bulat, sesi perdebatan juga sering dilaksanakan dan kesemuanya merupakan perbincangan isu untuk membanteras keganasan terhadap wanita. Perbincangan berkaitan partisipasi wanita dalam bidang sosial juga dilaksanakan. Bidang sosial merupakan bidang yang penting kerana ianya melibatkan penglibatan wanita dalam masyarakat. Antaranya, Miraya FM ini sering menekankan bahawa wanita perlu melibatkan diri untuk menjadi pemimpin organisasi komuniti setempat supaya sifat kepimpinan yang wujud dalam diri wanita dapat membuatkan kaum lelaki berasa segan untuk menindas. Perkara ini sedikit sebanyak akan membantu masalah keganasan terhadap wanita ini dapat dikurangkan dari masa ke semasa kerana jurang ketaksamaan gender dapat dirapatkan.

Selain itu, perbincangan berkaitan partisipasi wanita dalam politik juga berlaku di

Miraya Radio ini. Satusesi perbincangan meja bulat telah berlaku dan mempunyai ahli politik wanita sebagai tetamu jemputan iaitu Menteri Pertahanan Sudan Selatan iaitu Angelina Teny bagi mendiskusikan peranan dan hala tuju wanita dalam arena politik. Sudan Selatan memerlukan lebih ramai individu seperti Angelina Teny bagi merapatkan jurang antara lelaki dan wanita dalam dunia politik. Wanita perlu melibatkan diri mereka dalam arena politik walaupun di peringkat akar umbi agar suara mereka didengari oleh pihak atasan dengan lebih cepat dan jelas. Hal ini kerana jika wanita banyak melibatkan diri dalam arena politik maka mereka juga mempunyai autoriti dalam setiap dasar yang dibuat oleh pihak kerajaan terutama dasar yang melibatkan wanita. Dengan wujudnya diskusi seperti ini di radio maka pendengar juga akan terbuka minda mereka terutama wanita supaya transformasi atau perubahan dapat dilaksanakan dengan segera. Umum kita ketahui, media merupakan ejen paling penting dalam setiap proses transformasi konflik kerana media mampu mentransformasikan minda seseorang dalam melakukan setiap tindakan sama ada positif atau negatif.

Radio Miraya ini dianggap radio yang paling relevan untuk mentransformasikan isu keganasan terhadap wanita agar dapat mencari titik penyelesaian. Hal ini kerana radio Miraya ini berjaya untuk menjangkau kawasan terpencil sehingga ke 10 negeri bagi menyuarakan hak dan suara wanita di Sudan Selatan seperti Warrap, Upper Nile dan Jonglei. Radio ini juga merupakan radio yang tidak berat sebelah dan bersifat neutral serta diiktiraf UNMISS bagi menjadi platform atau medium utama dalam menyebarkan agenda kesaksamaan gender dan sambutan Hari Wanita Sedunia. Kesannya, wanita lebih berani untuk bersuara di radio dan dapat mempelajari perkara baharu tentang hak-hak mereka yang tidak pernah mereka ketahui kerana minda mereka telah dibudayakan dengan wanita hanya untuk dieksploitasi.

6.3 Transformasi Yang Berlaku

Transformasi yang paling jelas dapat dilihat melalui peranan wanita dalam media radio ini adalah transformasi pemikiran. Hal ini kerana kita dapat lihat bahawa radio merupakan sebuah platform media buta (hanya boleh didengar). Dengan ini, hanya minda sahaja yang dapat mentafsir apa yang disampaikan oleh sesebuah radio tersebut. Di Sudan Selatan, kita dapat melihat bahawa wanita sudah ramai yang bangkit bagi mendapatkan hak-hak mereka dan mereka berpartisipasi dalam bidang media seperti menjadi penyampai radio, wartawan, penulisan jurnal dan pembaca berita. Bukan itu sahaja, golongan wanita di Sudan Selatan sememangnya mempunyai kada buta huruf yang tinggi berbanding lelaki tetapi mereka semua boleh berbicara dalam bahasa mereka. Justeru itu, penyampai radio wanita memainkan peranan yang penting dengan menggalakkan lagi mereka buat berbual bicara di radio supaya mereka lebih faham apa yang ingin disampaikan berkaitan hak-hak mereka. Hasilnya, kita dapat lihat sekarang bahawasanya golongan wanita sudah ramai yang menjadi cerdik pandai seperti belajar di universiti, menguasai latihan kemahiran, mempelajari ilmu perniagaan dan sebagainya.

Jadi, sudah terbukti bahawa peranan wanita dalam media radio di Sudan Selatan ini berjaya membuahkan hasil menerusi proses transformasi konflik agar dapat mengubah masalah ini supaya menjadi lebih baik bagi membina kedamaian kelak. Media yang neutral akan dapat menambah lagi kepercayaan wanita dalam menjadikan radio sebagai platform untuk mereka mencari penyelesaian terhadap isu ini. Bukan itu sahaja, kawasan pedalaman juga turut memberikan kesan yang positif seperti wanita sudah menjadi pemimpin lokaliti, membuka perniagaan dan menjadi tenaga pengajar bagi kanak-kanak. Semua ini akan membuatkan wanita

lebih tinggi martabatkan dan kaum lelaki akan mula menghormati kaum wanita kerana boleh dikatakan kedudukan mereka agak setaraf. Walaupun, perubahan ini memakan proses yang lama tetapi ianya akan sentiasa menjadi proses yang bergerak dari masa ke semasa supaya wanita akan menjadi kaum yang disegani dan dihormati di seluruh Sudan Selatan.

7. Perbincangan Peranan Wanita Dala Perniagaan/Keusahawanan

Bahagian ini akan membincangkan bagaimana golongan wanita diperkasakan dengan menjalankan perniagaan. Antara golongan yang membantu untuk memperkasakan golongan wanita di Sudan Selatan adalah Persatuan Usahawan Wanita Sudan Selatan (SSWEA). SSWEA adalah organisasi swasta yang bertujuan untuk mengubah golongan wanita di Sudan Selatan menjadi wanita yang bebas dari segi ekonomi dan mempunyai keyakinan, kehendak serta keupayaan untuk memacu negara mereka ke arah pembangunan yang mampan (Hoth Mai, 2015). Sebanyak 50 orang wanita perniagaan dari Persatuan Usahawan Wanita Sudan Selatan (SSWEA) "*Southern Sudanese Woman Entrepreneurs' Association*" telah dipilih untuk menambahkan kefahaman mereka tentang kewujudan undang undang perniagaan di Sudan Selatan dan menyiapkan mereka dengan kemahiran undang undang perniagaan untuk meningkatkan jualan mereka (Hoth Mai, 2015).

Selain itu, terdapat pelbagai series seminar juga disediakan oleh persatuan ini seperti membincang isu tentang cara berurus dengan gangguan seksual, agensi penguatkuasaan undang-undang, kemahiran pengurusan perniagaan dan undang-undang yang menawarkan perlindungan kepada wanita (Hoth Mai, 2015). Seterusnya, pelbagai kursus latihan yang disediakan juga telah membolehkan wanita untuk mengembangkan kemahiran perniagaan mereka seperti aliran wang tunai dan pengurusan inventori (Hoth Mai, 2015). Selain itu, ia juga telah membantu mereka dalam peningkatan keyakinan mereka untuk berurus dengan bank dan menubuhkan persatuan keusahawanan, di mana mereka boleh membincang tentang bagaimana untuk memperluaskan jangkauan aktiviti mereka (Hoth Mai, 2015).

Program yang membantu untuk memperkasakan golongan wanita di Sudan Selatan adalah Pelan Tindakan Global (GAP) (The World Bank, 2011). Pada tahun 2009, kerajaan Sudan Selatan dan GAP telah melancarkan persaingan pelan perniagaan (BPC) "*business plan competition*" (The World Bank, 2011). Ini adalah untuk membantu perkembangan dan pertumbuhan perusahaan kecil dan sederhana. Sebagai hasil, geran sebanyak USD 1.1 million telah diperuntukkan untuk pembangunan kemahiran keusahaan wanita dan geran pembiayaan mikro (The World Bank, 2011). Selain itu, terdapat juga 1600 aplikasi yang telah diterima dari negeri selatan (The World Bank, 2011). Pada masa yang sama, program ini bukan sahaja dapat memberikan bantuan kepada golongan wanita untuk menjadi keusahawanan tetapi juga mewujudkan peluang pekerjaan kepada golongan wanita termasuk graduan-graduan baru.

Terdapat juga Pelan Tindakan Jantina II (2016-2020) yang dilaksanakan oleh Kesatuan Eropah (EU) dan negara-negara anggotanya bertujuan untuk menggalakkan pemerksaan ekonomi, politik dan sosial wanita pada peringkat tempatan, khususnya kepada mereka yang berada di dalam situasi yang kurang selamat (European Commission, 2019). Melalui usaha pembinaan kapasiti, mereka juga berobjektif untuk menyokong pelaksanaan dan penguatkuasaan yang berkesan terhadap semua undang-undang mengenai hak wanita (European Commission, 2019).

Program yang kedua yang menyumbang untuk memperkasakan golongan wanita di Sudan Selatan adalah BRACE 2 (World Vision International, 2018). Ini merupakan program yang dilaksanakan oleh World Vision, bertujuan untuk membantu dalam memperkasakan komuniti, terutamanya golongan wanita, kerana mereka merupakan golongan yang menjaga dan bertanggungjawab terhadap keluarga (World Vision International, 2018). Misalnya, apabila ahli keluarga lapar, wanita adalah pihak utama yang menanggung beban. Oleh itu, bagi membina komuniti yang kuat, golongan wanita sebenarnya merupakan pihak utama yang patut disasarkan (World Vision South Sudan Project Director Kenneth Munyengerwi). Melalui temu janji dengan seorang wanita dari Sudan Selatan yang menerima bantuan dari program ini bernama Rebecca, beliau telah mengisahkan pengalamannya tentang kehidupan beliau memang mempunyai perubahan ke arah yang positif selepas mendapat bantuan dari “BRACE 2” kerana beliau sudah mendapat kemahiran untuk menanam dan menjual tanaman sendiri bagi menyara keluarganya tanpa kehadiran suami (World Vision International, 2018). Beliau berkemampuan untuk menyara keluarga dengan menggunakan kemampuan diri. Beliau juga mengatakan program ini bukan hanya dapat bantu beliau seorang wanita sahaja, tetapi beribu ribu wanita yang pernah kehilangan harapan untuk hidup (World Vision International, 2018). Pendek kata, program ini telah menonjolkan dan membuktikan kebolehan serta kepentingan peranan wanita dalam masyarakat.

Seterusnya bahagian ini akan membincangkan bagaimana transformasi konflik berlaku dan hak wanita dipertahankan apabila mereka terlibat dengan kursus-kursus latihan dan persatuan keusahawan. Yang pertama adalah konflik etnik akan berkurangan kerana berlakunya peningkatan kefahaman budaya antara satu sama lain. Keadaan ini telah melibatkan transformasi hubungan dalam kalangan masyarakat pada Track 3 dalam model Lederach. Pendekatan ini boleh menyumbang dalam pembinaan perdamaian yang mampan kerana ini merupakan kesudian oleh pelbagai etnik dalam kalangan masyarakat untuk bekerjasama bagi mengekalkan keamanan dalam masyarakat.

Seterusnya, melalui penglibatan diri dalam persatuan-persatuan keusahawanan bermakna masing-masing mempunyai objektif yang sama dan memahami bahawa keamanan masyarakat amat penting untuk melindungi ahli keluarga sendiri. Apabila mereka terlibat dengan kegiatan keusahawanan bermakna keperluan asas dalam kehidupan dapat dipenuhi, ini akan mengurangkan niat mereka untuk menimbulkan konflik dalam masyarakat. Pada masa yang sama, mereka juga memainkan peranan untuk memberikan pengaruh kepada orang sekeliling supaya mengurangkan peluang untuk berlakunya konflik dalam masyarakat. Hal ini demikian kerana salah satu faktor yang menimbulkan konflik adalah disebabkan kepada keperluan asas dalam kalangan masyarakat tidak dapat dipenuhi dengan sepenuhnya.

Tambahan pula, status wanita juga boleh dikukuhkan dalam masyarakat Sudan Selatan apabila mereka mempunyai pengetahuan yang luas dalam pelbagai aspek seperti perniagaan dan hak asasi manusia serta hak wanita yang ada. Di sini berlakunya transformasi kerana golongan wanita merupakan golongan yang boleh membangkit and mampu bersuara bukan sahaja kepada kerajaan tempatan tetapi juga pada peringkat antarabangsa kerana mereka telah melengkapkan diri dengan pelbagai ilmu pengetahuan yang diperlukan. Sebagai hasil, mereka berkeupayaan untuk menahan dan melindungi diri serta ahli keluarga apabila dcederakan oleh individu lain.

Jadi, hak wanita boleh dipertahankan terutamanya di tempat pekerjaan dan sosial masyarakat. Pada masa yang sama, perikatan golongan wanita di Sudan Selatan dengan aktoraktor pada peringkat antarabangsa juga boleh memberikan tekanan kepada kerajaan tempatan supaya mengambil berat tentang undang-undang yang digubal berkenaan dengan hak wanita dan hak asasi manusia.

Pendek kata, melalui usaha memperkasakan golongan wanita di Sudan Selatan boleh membina perdamaian yang mampan kerana golongan ini yang memainkan peranan yang besar untuk mendidik anak-anak mereka. Pada masa yang sama, golongan ini juga merupakan kumpulan yang menerima kegiatan keganasan yang paling banyak dalam konflik yang berlaku di Sudan Selatan. Oleh itu, sekiranya bantuan yang memberikan mampu menyalakan harapan mereka terhadap kehidupan. Maka, sudah pasti, golongan wanita dan generasi muda akan menjadi asas kepada pembangunan perdamaian yang mampan di Sudan Selatan. Tambahan pula, status wanita juga boleh diubah dan ditingkatkan serta diprihatinkan oleh masyarakat dan kerajaan kerana perspektif generasi muda akan menjadi pelbagai hala sekiranya mendapat pendidikan yang berkualiti yang disediakan oleh pihak ketiga seperti organisasi bukan kerajaan, organisasi tempatan dan aktor pada peringkat antarabangsa. Pembangunan perdamaian bukan merupakan proses yang cepat tetapi perlu dicapai dengan adanya asas dahulu dan ini mengambil masa.

8. Perbincangan Peranan Wanita dalam Pendidikan

Seterusnya, antara peranan lain wanita dalam membanteras keganasan di Sudan Selatan adalah melalui pendidikan. Seperti yang kita ketahui, pendidikan boleh membantu masyarakat dalam mendapatkan kehidupan yang lebih sejahtera. Hal ini kerana, pendidikan sentiasa memberi perhatian yang tinggi kepada masyarakat mereka. Pendidikan juga secara tidak langsung dapat membantu masyarakat untuk memperoleh reputasi yang lebih baik dengan memberikan pendedahan atau pengetahuan tentang segala perkara. Selain itu, dengan pendidikan juga masyarakat dapat meningkatkan taraf hidup mereka di samping merapatkan jurang ekonomi.

Pendidikan boleh dikatakan sebagai salah satu transformasi yang boleh membantu masyarakat membangunkan semua perdamaian. Melalui transformasi ini masyarakat akan lebih terdedah dengan pengetahuan tentang kepentingan wanita dalam membuat polisi atau keputusan. Dalam menghadapi keganasan di Sudan Selatan, pengetahuan dan pendidikan sangat memainkan peranan penting dalam kehidupan mereka. Apabila masyarakat di Sudan Selatan berjaya mendapatkan pendidikan yang secukupnya, proses transformasi pemikiran turut berlaku. Hal ini demikian kerana, melalui pengetahuan ini pemikiran masyarakat akan berubah daripada berfikir bahawa wanita di Sudan Selatan itu lemah dan akan sentiasa ditindas dan tidak boleh mendapatkan pendidikan yang setara dengan lelaki akan berubah kepada pendidikan adalah penting untuk semua lapisan masyarakat termasuk wanita.

8.1 Pendidikan di Sudan Selatan

Pendidikan di Sudan Selatan ini terdiri daripada pendidikan rendah, pendidikan menengah dan seterusnya adalah pengajaran di universiti. Bahasa utama yang digunakan dalam pembelajaran harian adalah Bahasa Inggeris, (Davidson, 2011). Kesan daripada konflik yang telah berlaku sebelum ini telah menyebabkan beberapa kekangan yang menyebabkan pelajar di Sudan Selatan

sukar untuk mendapatkan pendidikan yang lebih baik. Hal ini berlaku disebabkan oleh kemudahan pendidikan dan kesihatan di Sudan Selatan dibakar dan dipaksa tutup. Guru yang mengajar di sekolah juga terpaksa berpindah ke tempat lain kerana kehilangan tempat tinggal mereka. Kekurangan kemudahan ini menyebabkan anak-anak di Sudan Selatan sukar mendapatkan akses pendidikan yang lebih baik.

Mengikut satu kajian yang pernah dibuat di Sudan Selatan, jurang pendidikan yang berlaku di sana adalah disebabkan oleh adanya perbezaan antara jantina. Tahap literasi bagi wanita adalah 16% manakala kadar untuk lelaki adalah 40%. Majoriti wanita di Sudan Selatan tidak pernah mendapatkan pendidikan formal yang sepatutnya. Dalam kajian terhadap 490 orang, dicatatkan bahawa 64% wanita dan 38% lelaki tidak pernah bersekolah. Antara punca kanak-kanak perempuan di Sudan Selatan tidak mendapatkan pendidikan adalah kerana perkahwinan awal di sana. Kebanyakan kanak-kanak perempuan ini dipaksa untuk berkahwin awal kerana lelaki akan membayar sejumlah wang kepada pengantin perempuan. Perkara seperti ini seringkali berlaku kerana kekangan wang atau keluarga pengantin perempuan sedang mengalami masalah ekonomi yang sangat ketara. Walaupun ini boleh dikatakan sebagai menjual anak namun, ia tetap menjadi kebiasaan dalam masyarakat di sana.

8.2 NGO yang Membantu Memberikan Pendidikan yang Lebih Baik

Antara badan yang membantu wanita untuk mendapatkan pendidikan yang lebih baik adalah seperti GESS iaitu Girls' Education South Sudan. Badan ini sangat membantu wanita dalam mendapatkan pendidikan formal yang lebih baik dan berusaha untuk membantu wanita dan kanak-kanak perempuan untuk mengubah peluang hidup mereka kearah yang lebih baik. Antara perkara yang dilakukan oleh badan GESS ini adalah seperti mengembangkan maklumat yang lebih luas tentang perkara yang berkesan dalam pendidikan terhadap kanak-kanak perempuan serta menggabungkan pemantauan proses ke dalam pembelajaran tentang kejayaan dan kegagalan dalam reka bentuk pelaksanaan dan melindungi kanak-kanak perempuan dan wanita daripada mendapatkan kemudaratan.

Badan lain yang turut membantu wanita dalam pendidikan supaya dapat membanteras keganasan di Sudan Selatan juga adalah seperti WEP iaitu "Women's Education Partnership". Badan ini sangat memberi penekanan dan perhatian terhadap pendidikan wanita di Sudan Selatan kerana mereka percaya bahawa dengan pendidikan, kedamaian dapat dicapai. Antara program yang dilaksanakan adalah seperti memberikan sokongan kepada wanita untuk melanjutkan pelajaran mereka hingga ke peringkat universiti dengan memberi bantuan biasiswa universiti yang ditanggung penuh oleh pihak mereka. Selain itu, mereka turut berusaha memberikan bantuan kesihatan yang lebih baik kepada wanita di Sudan Selatan serta berusaha membangunkan kalangan celik huruf dengan pelbagai program latihan. Mereka sentiasa memberikan bantuan yang sempurna kepada wanita di sana kerana mereka yakin dan percaya bahawa dengan memberikan pendidikan dan pengetahuan yang banyak kepada wanita di Sudan Selatan, para wanita di sana dapat melahirkan anak-anak yang sihat, sempurna serta cerdas yang boleh memberikan harapan yang lebih baik kepada Sudan Selatan.

Selain itu, PESS iaitu "Project Education South Sudan" juga turut berusaha dalam membantu proses transformasi jangka panjang di Sudan Selatan dengan membina beberapa buah sekolah di sana yang bertujuan untuk meningkatkan lagi fasiliti pendidikan formal di Sudan

Selatan. Badan ini sangat percaya dan yakin bahawa pendidikan adalah salah satu jalan yang mampu untuk mengubah pandangan dan persepsi masyarakat tentang maruah dan kepentingan wanita dalam masyarakat. Projek yang dijalankan oleh PESS ini membantu dalam transformasi jangka panjang dengan membiayai pembangunan semula struktur besar. Mereka ini juga turut membantu dalam membiayai pembinaan semula sekolah dan membina sekolah baru yang berada di Kawasan luar bandar.

8.3 Kepentingan Memberikan Pendidikan Kepada Wanita

Antara kepentingan memberikan pendidikan dan pengetahuan yang sama rata kepada wanita ini adalah untuk membanteras keganasan terhadap wanita di Sudan Selatan. Apabila wanita telah mendapatkan pendidikan yang sempurna maka mereka akan mempunyai pengetahuan dan ilmu yang cukup untuk mempertahankan diri mereka daripada ditindas oleh sesiapa sahaja lebih-lebih lagi kepada golongan lelaki. Apabila wanita telah berjaya didedahkan dengan pelbagai pengetahuan, secara tidak langsung mereka akan berusaha membantu negara ke arah kedamaian.

Selain itu, apabila wanita menjadi lebih berpendidikan, mereka akan sentiasa memastikan bahawa pendidikan anak-anak mereka juga akan turut terjamin. Hal ini kerana, pendidikan daripada wanita juga adalah asas kepada pembinaa masyarakat sivil. Perkara ini terjadi kerana wanita merupakan ibu atau ketua kepada pendidikan di rumah. Apabila anak yang lahir itu daripada seorang ibu yang berpendidikan, maka secara tidak langsung ia dapat membantu dalam membina dan memupuk masyarakat supaya sentiasa menjadi seorang yang lebih berkemusiaan. Apabila seseorang wanita itu mempunyai pengetahuan mereka akan mengetahui dan menghargai setiap nyawa yang ada di dunia ini. Hal ini akan mewujudkan suasana yang lebih harmoni dan keganasan terhadap wanita dapat dihapuskan.

Berdasarkan satu kata pepatah iaitu “*educate a boy, you educate one person, educate a girl or young woman, you educate an entire nation*” dapat disimpulkan bahawa pentingnya pendidikan kepada wanita supaya sesebuah negara itu dapat mencapai sebuah negara yang aman dan damai. Pendidikan turut dikatakan sebagai sebuah transformasi pemikiran kerana ia mampu mengubah minda seseorang supaya berfikir ke arah yang lebih baik. Ia juga mampu untuk memupuk seseorang supaya mengubah tanggapan dan persepsi buruk wanita kepada pemikiran yang lebih sempurna. Selain itu, peranan wanita dalam pendidikan juga adalah untuk mendedahkan kepentingan hak asasi manusia kepada masyarakat di samping mengembangkan lagi konsep pembangunan perdamaian.

Apabila seseorang wanita itu telah diperkukuhkan pengetahuan mereka, mereka ini akan mampu untuk membentuk sebuah ketua atau *leadership* dalam membanteras dan menghapuskan keganasan terhadap gender mereka. Wanita yang telah dipersiapkan dengan ilmu pengetahuan lebih-lebih lagi ilmu tentang pendidikan keamanan, sudah pasti dapat mempertahankan diri mereka daripada ditindas kerana mereka telah bersedia dengan pengetahuan yang cukup.

Pendidikan juga adalah strategi dalam membina keamanan yang mengubah minda masyarakat dan penduduk yang lebih luas mengenai keamanan dan peperangan. Ia juga bertujuan untuk memupuk sikap, pengetahuan serta kemahiran yang akan memberi keamanan tanpa kekerasan. Pendidikan keamanan turut dimasukkan ke dalam silibus pendidikan formal di Sudan Selatan, jadi perkara ini sangat membantu komuniti dan masyarakat di Sudan Selatan

untuk mewujudkan masyarakat yang aman tanpa melibatkan kekerasan dan mampu untuk menerapkan sikap adil dan mementingkan hak asasi manusia. Pendidikan keamanan yang telah diserapkan di dalam pengajaran di Sudan Selatan juga turut membantu komuniti untuk mencapai perpaduan dan keharmonian yang lebih baik.

Menurut Toh Swee-Hin (2004) terdapat rangka kerja yang menggambarkan kelopak bunga yang merangkumi enam tema iaitu iaitu: hidup dengan belas kasihan dan keadilan; mempromosikan hak dan tanggungjawab manusia; merungkai budaya perang; membina antara budaya penghormatan, perdamaian dan perpaduan; hidup dalam harmoni dengan Bumi; dan memupuk kedamaian batin. Berdasarkan rangka kerja ini pendidikan keamanan dapat dicapai jika ia diajar di dalam pengajaran dan diterapkan di dalam kehidupan penduduk dan masyarakat. Hal ini secara tidak langsung dapat membantu wanita di Sudan Selatan untuk lebih terlibat di dalam pelbagai bidang tanpa dipandang rendah oleh masyarakat dan komuniti lain. Jika rangka kerja ini dipraktikkan, sudah pasti masalah berkaitan dengan penindasan terhadap wanita dapat dihapuskan. Hal ini secara tidak langsung dapat membantu negara Sudan Selatan untuk mencapai perdamaian yang sangat didambakan selama ini.

9. Peranan Kerajaan dalam Membanteras Keganasan terhadap Wanita

9.1 Aspek Perlindungan

Setiap konflik atau permasalahan yang berlaku sudah semestinya mempunyai tindakan daripada pihak kerajaan. Sebegitu juga situasi di Sudan Selatan ini, dimana pihak kerajaannya telah mempunyai polisi atau undang-undang bertulis berkaitan hak-hak wanita. Perkara ini dapat dilihat melalui Akta Kerajaan Tempatan 2009, Sudan Selatan dimana dalam Seksyen 110 (Hak-hak Wanita) telah menetapkan bahawa terdapat lima pecahan undang-undang berkaitan wanita. Pertamanya adalah wanita dikehendaki diberikan maruah yang penuh dan sama rata antara seseorang wanita dengan lelaki. Kedua, wanita berhak mendapat gaji yang sama untuk kerja yang sama dan lain-lain yang berkaitan faedah bersama lelaki. Ketiga, wanita mempunyai hak untuk mengambil bahagian sama dengan lelaki dalam kehidupan awam. Keempat, semua Majlis Kerajaan Tempatan hendaklah menggalakkan penyertaan wanita dalam kehidupan awam dan menguatkuasakan perwakilan mereka dalam badan perundangan dan eksekutif sekurangnya dua puluh lima peritus sebagai tindakan afirmatif untuk memperbetulkan ketidakseimbangan dicipta oleh sejarah, adat dan tradisi serta memerangi adat yang menjatuhkan status wanita. Kelima, wanita hendaklah mempunyai hak dalam mewakili harta pusaka mereka terhadap suami yang meninggal dunia bersama dengan waris sah si mati (Government of Southern Sudan, 2009).

9.2 Aspek Menangani Masalah

Kementerian Jantina, Kanak-Kanak dan Kebajikan Sosial Sudan Selatan telah banyak melakukan kaedah dalam menangani masalah berkaitan keganasan terhadap wanita di Sudan Selatan ini. Antaranya adalah dengan menubuhkan Mahkamah Khas Keganasan dan Juvana Berasaskan Jantina. Mahkamah khas ini ditubuhkan pada tahun 2020. Penubuhan mahkamah khas ini telah memberikal signal bahawa kerajaan Sudan Selatan sentiasa komited dalam memastikan keganasan terhadap wanita ini dapat dibanteras dan dilenyapkan dengan kadar yang segera. Walaupun berdepan dengan cabaran seperti adat, tradisi dan normalisasi, ini semua tidak

menjadi penghalang kepada hasrat kerajaan dalam memastikan martabat wanita diangkat tinggi. Mahkamah khas ini dirasmikan oleh Ketua Hakim Negara Sudan Selatan iaitu Reec Chan Madut dan menjadi simbol penting kepada kebangkitan wanita. Penubuhan ini sememangnya akan dapat menangani masalah ini agar ianya tidak berlarutan. Selain itu, ia juga akan menjadi kayu ukur bagi negara lain terutamanya negara yang mempunyai isu keganasan terhadap wanita (United Nations Development Programme, 2020).

10. Kesimpulan

Secara kesimpulan, peranan wanita sememangnya dilihat sangat memainkan peranan yang penting dalam membantu proses transformasi konflik. Peranan media, keusahawanan dan juga pendidikan hanya sebahagian daripada usaha masyarakat dan komuniti di Sudan Selatan untuk membanteras keganasan terhadap wanita di sana. Selain daripada usaha tersebut, terdapat juga program dan aktiviti yang dilaksanakan oleh masyarakat di Sudan Selatan untuk mendapatkan keamanan negara mereka seperti melalui budaya, seni dan banyak lagi.

Konflik yang terjadi di sesebuah negara bukanlah satu perkara yang boleh ditepis begitu sahaja kerana ia melibatkan ekonomi, sosial mahupun politik negara tersebut. Untuk membanteras keganasan dan peperangan, transformasi konflik hendaklah dibuat dan ia bukanlah urusan dan tanggungjawab kepimpinan negara sahaja tetapi masyarakat, penduduk dan komuniti juga hendaklah bersatu dan bertanggungjawab mencari penyelesaiannya.

Walaupun masalah dan konflik di Sudan Selatan ini masih belum dapat diselesaikan sepenuhnya, namun transformasi konflik telah berjaya dilihat sedikit demi sedikit. Masalah berkaitan penindasan terhadap wanita di sana juga semakin ketara berkurangan. Hal ini dapat dibuktikan apabila penyertaan wanita di dalam politik di Sudan Selatan lebih tinggi berbanding dengan negara-negara Afrika yang lain. Selain itu, keberhasilannya juga dapat dilihat apabila Sudan Selatan memiliki struktur undang-undang tambahan untuk mempromosikan hak wanita. Antara perkara yang dinyatakan di dalam undang-undang tersebut adalah seperti wanita perlu mendapatkan martabat yang penuh dan setara seperti orang lelaki. Selain itu, wanita juga berhak mendapat bayaran gaji yang sama rata untuk pekerjaan yang sama dengan lelaki. Wanita di Sudan Selatan juga berhak untuk berpartisipasi dalam kehidupan sosial dan juga awam.

Di sini jelas dilihat dengan adanya peranan wanita di dalam usaha untuk mentransformasikan konflik di Sudan Selatan ini, masalah berkaitan dengan keganasan terhadap wanita dapat dikurangkan. Peranan media, keusahawanan dan pendidikan sangat membantu dalam mentransformasikan minda masyarakat di Sudan Selatan. Mereka berjaya mendapatkan pengetahuan dan banyak didedahkan dengan perkara yang baik. Hal ini secara tidak langsung dapat menjadikan pemikiran mereka daripada pemikiran yang negatif kepada sebuah pemikiran yang positif. Dengan adanya pengetahuan dan pemikiran yang lebih baik sudah pasti Sudan Selatan dapat mencapai keamanan dan keganasan dapat disingkirkan.

11. Rujukan

ALinks. (2020, April 30). “*Ketahui Sistem Pendidikan Di Sudan Selatan*”. Dicapai daripada <https://ms.alinks.org/know-the-education-system-in-south-sudan/>

- Ayesah, U. Abubakar & Norbert.R (2021). “Transforming Conflict” in Kamarulzaman Askandar (Ed.), *Peace and Conflict Transformation in Southeast Asia* (pp. 98-133). Bangkok: ASEAN University Network and SHAPE-SEA).
- B. Stirton (2013). “*This Old Man Can Feed Us, You Will Marry Him*” Dicapai daripada <https://www.hrw.org/report/2013/03/07/old-man-can-feed-us-you-will-marry-him/child-and-forced-marriage-south-sudan>
- Banks, T. [Tamara Banks]. (2018, May 9). “*Project Education South Sudan Girls Education*” [Video]. https://www.youtube.com/watch?v=fe9DBasIAZc&ab_channel=TamaraBanks
- Darusslam, A. B. (2005). *Penyiaran Malaysia : Dalam Era Perang*. Kuala Lumpur: Univision Press Sdn Bhd.
- Davidson, M. (2011, Januari 11). *Sudan needs English to build bridges between North and South*. Retrieved from The Guardian: <https://www.theguardian.com/education/2011/jan/11/tefl-sudan>
- Empowering people to help themselves and lead transformation of their own communities*. (2018, November 8). World Vision International. <https://www.wvi.org/africa/article/empowering-people-help-themselves-and-lead-transformation-their-own-communities>
- Female Entrepreneurs in Africa—Southern Sudanese Women Make their Mark on the Private Sector. (2011, May 25). The World Bank. <https://www.worldbank.org/en/news/feature/2011/05/25/female-entrepreneurs-in-africa-southern-sudanese-women-make-their-mark-on-the-private-sector>
- Firman.T. (2017 Jun 15). “*Sudan Selatan, Negara Baru yang Terus Bergejolak*”. Dicapai daripada <https://tirto.id/sudan-selatan-negara-baru-yang-terus-bergejolak-cqJz> Girls’ Education South Sudan. (n.d). *Quality Education*. <https://girlseducationsouthsudan.org/activity/quality-education/>
- Global Campaign for Peace Education. (2016, April 26). “*Suara mengenai peranan pendidikan untuk membina keamanan*”. Dicapai daripada <https://www.peace-ed-campaign.org/ms/voices-role-education-build-peace/>
- Government of Southern Sudan. (2009). Section 110 (Rights of Women). *Local Government Act 2009*, 55.
- Hoth Mai, N. J. (2015). The Role of Women in Peace-Building in South Sudan., 1–14. https://www.academia.edu/download/43355992/Role_of_women_in_peace_building_in_South_Sudan_.pdf
- McLeish, R. (2005). *Radio Production*. United States of America: CRC Press.
- Prabowo.G (2020 disember 4). “*Perang Saudara di Sudan (1956-2011)*”. Dicapai daripada <https://www.kompas.com/skola/read/2020/12/04/155019669/perang-saudara-disudan-1956-2011?page=all>
- South Sudan Women Empowerment*. (2019, December 12). European Commission. https://ec.europa.eu/trustfundforafrica/region/horn-africa/south-sudan/south-sudan-women-empowerment_en
- Takpiny, B. (2021, Jun 18). *South Sudanese Women Urge Government to Address Issues Related to Gender Based Violence*. Retrieved from Anadolu Agency: <https://www.aa.com.tr/en/africa/south-sudanese-women-urge-gov-t-to-address-issues->

related-to-gender-based-violence/2278597

United Nations Development Programme. (2020, Disember 3). *South Sudan's Gender Based Violence Court Inaugurated During #16DaysOfActivism*. Retrieved from https://www.ss.undp.org/content/south_sudan/en/home/presscenter/pressreleases/2020/gbv-court-south-sudan-launch.html

United States Institute of Peace. (2011, Disember 2). "*Gender and Statebuilding in South Sudan*". Dicapai daripada <https://tinyurl.com/54pehfw>

Women's Education Partnership. (n.d). Power to the Powerless through Education. <https://womenseducationpartnership.org/>

Women's Education Partnership. [Women's Education Partnership]. (2014, Nov 11). "*Women's Education Partnership - Change and Hope*" [Video]. https://www.youtube.com/watch?v=e21eQvGdx2s&ab_channel=Women%27sEducationPartnership

Wanita Dan Keganasan Rumah Tangga

Izzat Izzuddin Abdul Rashid¹, Azlinda Azman², Paramjit Singh Jamir Singh³

^{1,2,3} Program Kerja Sosial, Pusat Pengajian Sains Kemasyarakatan, Universiti Sains Malaysia
Email: ¹izztizddin@gmail.com, ²azlindaa@usm.my

Abstrak

Keganasan rumah tangga merujuk kepada penyalahgunaan kuasa yang digunakan sama ada oleh suami kepada isteri atau sebaliknya melalui keganasan, ancaman keganasan atau mengawal ekonomi serta kehidupan sosial. Keganasan rumahtangga ini boleh berlaku terhadap sesiapa pun tidak kira lelaki atau wanita. Penyalahgunaan kuasa ini tidak hanya berlaku secara fizikal tetapi juga boleh berlaku dalam bentuk seksual, ekonomi dan juga psikologikal sehingga menyebabkan individu tersebut hidup dalam ketakutan. Tambahan pula, statistik kini menunjukkan keganasan rumahtangga majoritinya berlaku terhadap kaum wanita berbanding lelaki. Hal ini terjadi kerana sikap lelaki yang menyalahguna kuasa dan mendominasi wanita secara menerus. Justeru, artikel ini akan membincangkan tentang keseluruhan konsep wanita dan keganasan rumah tangga dan segala faktor yang menyebabkan berlakunya kes keganasan rumahtangga dalam kalangan wanita. Artikel ini juga turut membincangkan permasalahan ini dalam praktis kerja sosial. Maklumat mengenai isu ini mestilah kita semua ambil berat supaya semua masyarakat semakin peka berkenaan isu keganasan rumah tangga ini.

Kata kunci: Wanita; keganasan rumah tangga; praktis kerja sosial.

1. Pengenalan

Keganasan rumah tangga merujuk kepada penyalahgunaan kuasa yang digunakan sama ada oleh suami kepada isteri atau sebaliknya melalui keganasan, ancaman keganasan atau mengawal ekonomi serta kehidupan sosial. Keganasan rumahtangga ini boleh berlaku terhadap sesiapa pun tidak kira lelaki atau wanita. Penyalahgunaan kuasa ini tidak hanya berlaku secara fizikal tetapi juga boleh berlaku dalam bentuk seksual, ekonomi dan juga psikologikal sehingga menyebabkan individu tersebut hidup dalam ketakutan. Menurut Maizatul et.al (2009), Shaiful Azli (2010) dan Maznah Daud (2013), berpendapat mengenai keganasan rumahtangga yang boleh dengan lima bentuk penganiayaan seperti penderaan fizikal, psikologi, emosi, sosial, seksual dan juga kewangan. Kelima-lima penganiayaan ini akan memberi impak yang buruk tidak kiralah dari segi mental atau fizikal mangsa malah boleh juga memusnahkan kehidupan mangsa serta menyebabkan sehingga kematian. Sebagai contoh, melalui laporan akhbar yang dikeluarkan oleh Berita Harian 13 Ogos 2020 yang lalu, terdapat satu kes di mana seorang pensyarah universiti awam dibunuh oleh suaminya yang zalim. Tindakan suaminya ini bermula dengan penderaan kecil sehinggalah mangsa meninggal dijerut suaminya. Kes ini hanya berpunca kerana tindakan mangsa yang memfailkan keceraian menyebabkan suami mangsa terlalu marah. Perkara ini jelas menunjukkan bahawa keganasan rumahtangga ini bukanlah satu perkara yang boleh dinormalisasikan kerana hal ini bukanlah sahaja melibatkan penderaan secara fizikal dan mental malah boleh menyebabkan sehingga berlakunya kematian.

Terdapat pelbagai kes keganasan rumahtangga dan majoritinya berlaku terhadap kaum

wanita berbanding lelaki. Tambahan pula, berdasarkan kajian yang dijalankan oleh Pusat Penyelidikan Wanita dan Gender (KANITA), Universiti Sains Malaysia mendapati bahawa peratus wanita pernah mengalami keganasan secara fizikal manakala 7.8 peratus pernah mengalami keganasan emosi yang dilakukan oleh pasangan sendiri. Hal ini terjadi kerana sikap lelaki yang menyalahguna kuasa dan mendominasi wanita secara menerus. Jelaslah bahawa wanita dan keganasan rumahtangga ini telah menjadi satu perkara yang perlu semua pihak ambil serius dan melakukan tindakan secara cepat supaya perkara ini dapat dikurangkan serta sekaligus dicegah daripada berlaku.

2. Faktor-faktor Keganasan Rumahtangga terhadap Wanita

Terdapat beberapa faktor yang menyebabkan berlakunya keganasan rumahtangga terhadap kaum wanita. Kaum wanita lebih terdedah kepada keganasan berbanding lelaki walaupun mereka juga ada menjadi mangsa kepada keganasan wanita tetapi nisbahnya terlalu kecil dan kesan tindakan tersebut terhadap mereka adalah sedikit. Faktor gender jelas memainkan peranan di mana lelaki disifatkan sebagai seorang yang gagah, tidak mudah terpengaruh dengan emosi, pantang dicabar, suka sesuatu yang ganas dan berkeinginan untuk selalu berada di tahap yang tinggi. Manakala wanita disifatkan berlawanan kepada lelaki, tidak suka kepada keganasan, lebih beremosi dan lebih mudah mengalah. Melalui gambaran ini sedikit sebanyak mempengaruhi tindakan lelaki untuk melakukan keganasan terhadap kaum wanita. Mereka juga melihat kaum wanita ini sebagai satu objek yang perlu dikawal. Selain itu, keganasan rumahtangga berlaku atas sebab tekanan yang dihadapi oleh seseorang individu. Mereka tidak mampu mengawal diri daripada melakukan keganasan kerana tekanan hidup yang dihadapi seperti masalah kewangan serta di tambah pula dengan peningkatan kos sara hidup pada waktu ini. Hal ini telah menyebabkan seorang suami mengambil tindakan untuk melepaskan geram dan segala tekanan dengan melakukan keganasan sehingga menyiksa fizikal dan mental si isteri. Perkara ini jelas merumitkan lagi keadaan dan tiada pihak yang beroleh manfaat daripada tindakan sedemikian. (Abdullah Al-Hadi Mohamed, 1993, Ng Yen Ti, 2010).

Faktor lain yang menyumbang kepada berlakunya keganasan rumahtangga terhadap kaum wanita ialah faktor berlakunya perselisihan faham atau pendapat dengan individu-individu tertentu terutamanya yang amat dihormati dan dikasihi seperti ibu bapa, adik-beradik mahupun isteri sendiri. Hal ini telah menjadi punca berlakunya tekanan perasaan atau emosi terhadap seseorang individu tersebut sehingga mendorong mereka untuk bertindak secara kekerasan terhadap isteri. Dalam pada itu, isteri itu sendiri juga memainkan peranan penting dengan lebih memahami suami mereka supaya tidak menambahkan lagi tekanan kemarahan terhadap suami. Hal ini bagi mengelakkan si suami bertindak secara luar kawalan kerana tidak dapat mengawal kemarahan mereka. Oleh yang demikian, jelaslah setiap tekanan yang dihadapi seseorang individu tersebut menjadi punca utama dalam berlakunya keganasan rumahtangga terhadap kaum wanita. Permasalahan ini dapat dibendung sekiranya semua pihak memandang serius terhadap keganasan rumahtangga.

3. Bentuk-bentuk Keganasan Rumahtangga

Menurut pernyataan yang dibuat oleh Maizatul, Hazalina, Latifenossadat dan Faizah (2008) terdapat beberapa kategori keganasan terhadap wanita iaitu:

A. Penderaan Psikologi dan Emosi

Segala jenis ugutan, penghinaan dan perkara-perkara yang boleh menjatuhkan maruah wanita akan meninggalkan impak yang negatif dan buruk sama seperti penderaan fizikal. Hal ini dikatakan demikian kerana segala perbuatan tersebut boleh memberi impak buruk terhadap nilai harga diri dan perasaan wanita serta keupayaan mereka mengawal kehidupan sendiri.

B. Penderaan Fizikal

Semua sedia maklum bahawa penderaan fizikal ini termasuklah segala jenis keganasan fizikal seperti menumbuk, menampar, menendang, melukakan termasuklah membaling barangan dan menggunakan senjata tajam atau merbahaya. Selain itu, segala bentuk keganasan seperti menghalang untuk makan, minum dan tidur juga merupakan bentuk keganasan yang tergolong dalam penderaan ini.

C. Penderaan Seksual

Penderaan seksual ini sering berlaku terhadap kaum wanita tidak kiralah sama ada pasangan tersebut sudahpun berkahwin atau belum berkahwin. Contohnya, pihak lelaki akan memaksa untuk melakukan sesuatu bentuk seksual tanpa kemahuan atau persetujuan wanita tersebut. Mereka juga akan menyakiti wanita ketika melakukan hubungan.

D. Penderaan Sosial

Penderaan sosial ini kerap berlaku di dalam rumah di mana wanita akan dipaksa atau didorong untuk bergantung kepada pasangan mereka dan tidak dibenarkan untuk berinteraksi dengan orang luar mahupun untuk mendapat sebarang sokongan luar.

E. Penderaan Kewangan

Penderaan kewangan ini berlaku di mana wanita yang dihalang dari mencari sumber pendapatan atau tidak dibenarkan untuk membuka mana-mana akaun bank atau menyimpan wang pendapatannya sendiri. Tanpa kawalan terhadap kedudukan kewangannya akan menyebabkan seorang wanita tersebut bergantung sepenuhnya kepada tindakan orang lain untuk mendapatkan walaupun keperluan asas beliau.

4. Peranan Pekerja Sosial

A. Broker

Pekerja sosial akan menghubungkan klien dengan kepakaran luar yang boleh membantu klien dalam memberi informasi-informasi tertentu yang penting serta demi kebaikan klien itu sendiri. Sebagai contoh, pekerja sosial menghubungkan klien yang menghadapi masalah keganasan rumahtangga kepada mana-mana agensi kerajaan atau bukan kerajaan seperti hospital, Jabatan Kebajikan Masyarakat, Jabatan Polis dan juga Women's Aid Organization. Hal ini supaya dapat memastikan keadaan klien tersebut selamat serta dapat merujuk klien kepada agensi-agensi lain yang akan membantu klien tersebut dalam menghadapi

permasalahan keganasan rumahtangga yang dialami olehnya. Justeru itu, jelaslah peranan yang dimainkan oleh pekerja sosial sebagai broker amatlah penting bagi seseorang individu yang mengalami kesusahan dan buntu untuk mencari jalan penyelesaian yang lebih baik terhadap masalah yang dialami.

B. Enabler

Pekerja sosial akan bertindak untuk membantu klien mengenalpasti kekuatan dan sumber-sumber yang ada pada klien itu sendiri. Hal ini bagi membantu klien dalam mengembalikan dan meningkatkan kefungsiian sosial klien tersebut. Perkara yang penting dalam peranan ini ialah pekerja sosial perlu memberi galakkan kepada klien berubah mengikut usahanya sendiri. Sebagai contoh, pekerja sosial membantu klien tersebut untuk mencari sumber-sumber penting untuk klien tersebut guna bagi mencapai objektif dan matlamatnya dalam menyelesaikan permasalahan yang dihadapi. Melalui pendekatan ini, sedikit sebanyak dapat memupuk semangat yang ada dalam diri klien untuk mencapai matlamat serta objektif yang ingin dicapai.

C. Guru/Pendidik (Educator)

Pekerja sosial akan memberikan informasi-informasi tertentu untuk digunakan oleh klien. Segala jenis maklumat berkaitan perkara-perkara yang boleh meningkatkan masalah keganasan rumahtangga tersebut. Sebagai contoh, pekerja sosial memberikan maklumat atau informasi tentang pusat-pusat atau rumah kebajikan yang boleh menyediakan tempat tinggal sementara yang selamat untuk kliennya yang berada dalam ketakutan untuk tinggal bersama suami. Selain itu, pekerja sosial juga boleh menjelaskan tentang akta-akta dan segala hak serta tindakan yang boleh diambil oleh kliennya yang menghadapi masalah rumahtangga ini. Peranan pekerja sosial sebagai guru ini bukanlah untuk memberi nasihat, tetapi peranan ini dimainkan bagi menyalurkan maklumat-maklumat tertentu berkaitan dengan masalah yang dihadapi oleh klien.

D. Orang Tengah (Mediator)

Pekerja sosial menjadi orang tengah dalam usaha untuk menyelesaikan permasalahan keganasan rumahtangga ini yang melibatkan dua pihak iaitu klien dan juga suami klien. Hal ini bagi membantu klien dan pihak suami untuk mencapai satu resolusi yang dipersetujui kedua-dua pihak atau erti kata lain ialah untuk mencapai kompromi daripada kedua-dua pihak. Justeru itu, peranan yang dimainkan oleh pekerja sosial ini jelaslah penting bagi mengelakkan berlakunya perselisihan faham atau ketidakpuas hatian antara kedua-dua belah pihak dalam menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh mereka.

E. Perkasaan (Empowerer)

Pekerja sosial membantu klien mengenalpasti kekuatan yang ada pada diri mereka dan seterusnya memberi sokongan kepada klien untuk menggunakan kekuatan tersebut ke arah perubahan. Melalui peranan yang dimainkan oleh pekerja sosial ini, bakat yang ada pada diri klien tersebut akan lebih kukuh sekaligus memberi keyakinan kepada klien tersebut untuk

menghadapi perubahan. Sebagai contoh, pekerja sosial membantu wanita yang mengalami masalah keganasan rumahtangga dengan memberi cadangan kepada klien tersebut untuk memulakan bisnes atau perniagaan dengan membuka sebuah warung atau restoran makan selepas ditinggal oleh bekas suaminya. Hal ini kerana klien tersebut mempunyai pengalaman dan juga bakat dalam bidang masakan serta pernah bekerja sebagai chef di sebuah hotel. Oleh yang demikian, klien tersebut dalam memanfaatkan kekuatan atau kelebihan yang ada pada dirinya ke arah perubahan yang lebih baik sekaligus dapat mencari sumber pendapatan untuk teruskan hidupnya.

F. Fasilitator (Facilitator)

Pekerja sosial berperanan sebagai fasilitator ini banyak dilakukan apabila bekerja dengan mana-mana kumpulan atau kelompok. Peranan yang diambil ini lebih kepada untuk memberi sokongan serta galakkan kepada segala matlamat yang hendak di capai oleh kumpulan tersebut. Sebagai contoh, pekerja sosial memainkan peranan penting dalam membantu kumpulan-kumpulan ibu tunggal atau wanita-wanita mangsa keganasan rumahtangga untuk memepertingkatkan kefungsi sosial mereka.

G. Perancang (Planner)

Pekerja sosial berperanan untuk membantu komuniti dalam menyelesaikan masalah seperti mengenalpasti keperluan-keperluan yang ingin dicapai serta membentuk gol-gol tertentu bagi mencapai keperluan-keperluan tersebut. Untuk itu, pekerja sosial akan menggunakan kesemua pengetahuan dan kemahirannya dalam proses perancangan dan penyelidikan. Melalui cara ini, pekerja sosial dapat membantu mana-mana komuniti misalnya komuniti ibu-ibu tunggal untuk mencari peluang pekerjaan untuk mereka serta membantu dari segi mencapai segala tuntutan atau keperluan yang mereka inginkan.

H. Aktivis (Activist)

Pekerja sosial berperanan untuk mengumpulkan ahli-ahli komuniti bagi menggalakkan untuk perubahan sosial. Pekerja sosial akan menggunakan strategi tindakan sosial dan advokasi sosial bagi membantu komuniti memepertingkatkan keadilan sosial mereka. Contohnya, pekerja sosial akan mengagihkan sumber-sumber yang betul dan melobi perubahan polisi-polisi sosial. Melalui peranan yang dipegang oleh pekerja sosial ini, sebarang aktiviti-aktiviti yang melibatkan tindakan sosial akan berada dalam saluran yang betul sekaligus dapat meningkatkan kefungsi sosial komuniti tersebut.

5. Corak Intervensi

5.1 Kerja Kes (Casework)

Melalui pelapor kes kerja saintifik iaitu Mary Richmond menyatakan bahawa kerja kes ini melibatkan proses-proses yang boleh membentuk atau membangunkan personaliti yang ada pada seseorang individu tersebut melalui kesedaran individu itu sendiri dan interaksinya dengan keadaan persekitaran. Proses ini akan menghubungkan klien dengan pekerja sosial dalam menyelesaikan sesuatu masalah. Pekerja sosial memainkan peranan penting bagi menghapus

segala halangan dan juga menyelesaikan permasalahan yang wujud. Oleh itu, pekerja sosial perlu membuat kajian secara mendalam dan lebih terperinci. Pekerja sosial akan menggunakan segala pengetahuan dan kemahiran untuk mempelbagaikan corak usaha dan tindakan dalam menyelesaikan masalah yang dialami oleh klien.

Kerja kes ini biasanya dijalankan secara bersemuka, di mana seorang pekerja sosial akan berinteraksi secara langsung bersama klien dengan memberi perkhidmatan kaunseling atau terapi. Tambahan pula, pekerja sosial perlulah menggunakan kemahiran-kemahiran tertentu dalam membina hubungan yang professional bersama klien. Terdapat beberapa fasa sepanjang proses kerja kes ini berlangsung iaitu pengkajian, penentuan situasi, intervensi, penilaian dan juga penamatan.

A. Pengkajian

Pada proses pengkajian ini, pekerja sosial akan pertama kali berjumpa bersama klien dan berusaha untuk membina hubungan yang baik bersama klien. Hal ini kerana hubungan yang baik bersama klien tersebut dapat membantu pekerja sosial untuk mengumpul segala maklumat berkaitan dengan masa-masa silam dan latar belakang klien dan suaminya. Dalam situasi yang dihadapi klien seperti kes keganasan rumahtangga ini sudah pasti akan menyebabkan klien berasa sedih dan juga buntu untuk meminta pertolongan. Oleh itu, pekerja sosial hendaklah mempunyai tahap kesedaran yang tinggi dalam keadaan ini sekaligus memberi motivasi kepada klien tersebut agar klien berasa yakin dengan segala tindakan yang diambil oleh pekerja sosial.

B. Penilaian

Melalui situasi yang dihadapi oleh klien akibat mengalami keganasan rumahtangga yang dilakukan oleh suaminya, pekerja sosial perlu melihat dengan lebih mendalam kepada situasi sebenar yang berlaku dalam persekitaran masyarakat. Pekerja sosial perlu cekap dalam mengambil tahu dimana sebenarnya berlaku ketidakfungsian atau akar umbi masalah berdasarkan pada individu, keluarga dan persekitaran. Meskipun kes keganasan rumahtangga ini berlaku terhadap klien akan tetapi pekerja sosial juga perlu tahu segala sebab mengapa suaminya bertindak secara ganas. Berkemungkinan suami klien tersebut mengalami tekanan di tempat kerja ataupun mengalami masalah kewangan sehingga beliau berpelakuan ganas dan menjadikan klien sebagai tempat untuk melepaskan geram.

Seterusnya, pekerja sosial harus mempunyai kemahiran komunikasi yang tinggi seperti pandai menyoal, memberi komen, peka dengan bahasa badan, dan komunikasi verbal dan komunikasi bukan verbal. Selain itu, pekerja sosial juga perlulah menguasai bidang psikologi iaitu merangkumi tingkah laku manusia dan persekitaran sosial masyarakat juga amat penting bagi mengawal situasi tertentu seperti menguruskan individu yang sedang marah atau panas baran. Segala pengetahuan dan kemahiran ini sedikit sebanyak dapat membantu pekerja sosial untuk mencungkil segala rahsia atau mendapatkan maklumat-maklumat yang lebih daripada klien. Hal ini secara tidak langsung dapat membantu pekerja sosial untuk mengenalpasti masalah sebenar yang telah berlaku dalam usaha untuk menyelesaikan permasalahan yang dialami oleh klien.

C. Intervensi

Intervensi ini merupakan satu proses menyusun dan mengolah serta melaksanakan aktiviti praktis kerja sosial untuk menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh klien. Proses intervensi ini haruslah menjurus kepada kehendak, keperluan, matlamat dan perubahan yang ingin dicapai oleh klien itu sendiri. Pekerja sosial perlu membuat pelan perancangan tindakan yang relevan dengan masalah klien. Perancangan amat penting bagi membolehkan kedua-dua klien dan pekerja sosial melihat perkara yang cuba di capai atau diselesaikan.

Sebagai contoh bagi permasalahan keganasan rumah tangga ini, tindakan yang terbaik adalah melalui perbincangan kedua-dua pihak iaitu klien dan suaminya. Perbincangan ini boleh dilakukan secara bersemuka dan pekerja sosial akan mengadakan sesi kaunseling bersama kedua-dua pihak. Hal ini secara tidak langsung dapat memberi kesedaran kepada mereka tentang masalah yang dihadapi dan mendapat kata putus yang dipersetujui kedua-dua pihak. Selain itu, sewaktu sesi intervensi ini, pekerja sosial juga perlu memastikan keselamatan klien terjamin. Klien perlu diberikan perlindungan daripada suaminya supaya dapat mengelak daripada diancam dan mengurangkan trauma yang dialami oleh klien. Jika kes keganasan rumahtangga ini berulang lagi terhadap klien, maka klien tersebut perlu segera dilindungi dibawah undang-undang. Seterusnya, Pekerja sosial boleh merujuk kepada Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) atau agensi-agensi kebajikan lain. Setiap agensi ini bertujuan untuk memberikan sumber kewangan serta perlindungan kepada klien. Untuk kes keganasan rumahtangga ini, klien perlu mendapatkan rawatan untuk mengurangkan dan sekaligus menghilangkan trauma serta ketakutan yang dialami oleh klien dalam pada itu memberi semangat kepadanya untuk meneruskan hidup walaupun hidup tanpa suami. Akhir sekali, klien tersebut berhak untuk meminta penceraian daripada suaminya jika suaminya tidak menunjukkan sebarang perubahan malah tetap melakukan keganasan rumahtangga terhadapnya. Penceraian ini merupakan satu peringkat dimana klien dan suami tidak lagi boleh hidup bersama dan tiada kata sepakat semasa sesi perbincangan. Pekerja sosial perlu memastikan sama ada penceraian tersebut merupakan jalan terbaik bagi membela nasib klien. Jika berlaku sebarang halangan dari pihak suami melalui ancaman dan ugutan, pekerja sosial perlu segera membantu klien dengan membuat laporan polis dan menguruskan proses penceraian.

Penilaian semula akan dilakukan bagi memastikan khidmat atau servis yang diberikan mengikut rancangan yang telah dirancang oleh pekerja sosial. Fasa ini di mana pekerja sosial menilai sama ada matlamat yang telah dirancang itu tercapai atau tidak. Jika tidak tercapai, pekerja sosial perlu mengulangi semua proses yang telah dilakukan sebelum ini. Hal ini kerana keputusan yang diambil sebelum ini telah memberikan kesan yang negative terhadap klien. Sebagai contoh, klien mengalami kesedihan atau kemurungan selepas berlakunya penceraian. Pekerja sosial boleh mengambil tindakan yang sepatutnya seperti memberi khidmat kaunseling dan motivasi bagi mengembalikan dan memulihkan semangat klien tersebut.

D. Penamatan

Penamatan merupakan satu proses akhir di mana terdapat perubahan pada diri klien atau klien berupaya berfungsi dengan lebih baik. Selain itu, pekerja sosial juga mempunyai keyakinan terhadap klien untuk menguruskan masalah yang sedia ada atau yang akan timbul.

Melalui proses penamatan ini, kebergantungan klien terhadap pekerja sosial dapat ditamatkan. Contohnya, pekerja sosial menghentikan khidmat klien selepas melihat kebolehan dan kemampuan klien dalam meneruskan hidup dengan baik selepas berlakunya penceraian.

5.2 Kerja Sosial dengan Kumpulan

Kerja kumpulan ini merupakan salah satu kaedah kerja dengan satu kumpulan yang di mana mempunyai dua individu atau lebih. Kerja kumpulan ini bertujuan bagi membantu individu-individu dalam kumpulan tersebut untuk mengembangkan diri mereka, meningkatkan kefungsan sosial serta mencapai matlamat yang dikehendaki. Melalui pendekatan ini, individu-individu dalam kumpulan tersebut boleh berkongsi kekuatan mereka masing-masing dalam pencarian penyelesaian masalah (Middleman & Goldberg, 1974). Sebagai contoh, bagi permasalahan wanita dan keganasan rumahtangga ini, model kerja kumpulan bermatlamat timbal-balas boleh ditubuhkan. Model bermatlamat timbal-balas ini amat mementingkan kedua-dua individu dan masyarakat kerana lebih memfokuskan kepada interaksi antara individu dan masyarakat. Melalui model kumpulan ini, individu dapat dipengaruhi, dibentuk dan diubah berikutan perhubungan mereka dengan institusi sosial dan kebergantungan dengan masyarakat atau keadaan persekitaran. Sebuah kumpulan atau kelompok sokongan bagi ibu ibu tunggal, wanita-wanita yang merupakan mangsa keganasan rumahtangga dapat ditubuh sekaligus memartabatkan hak-hak wanita serta memberi kesedaran kepada masyarakat tentang kepentingan dan keselamatan wanita. Dalam kaedah kerja kumpulan atau komuniti ini, pekerja sosial hanya bertindak sebagai orang tengah atau pemudah cara untuk memudahkan dan melancarkan segala perjalanan kelompok atau kumpulan ini. Hal ini secara tidak langsung dapat memanfaatkan segala kemahiran dan pengetahuan yang seseorang pekerja sosial itu ada bagi membantu ahli-ahli kumpulan untuk menyelesaikan segala konflik dan informasi informasi yang relevan mengenai isu keganasan rumahtangga yang kebanyakan wanita alami.

5.3 Kerja Sosial dengan Komuniti

Kerja sosial dengan komuniti merupakan salah satu bentuk intervensi yang dilakukan dalam bentuk program. Berdasarkan definisi Dunham tentang perorganisasian komuniti ini, beliau menyatakan bahawa ini merupakan satu proses interaksi sosial untuk mencapai mana mana objektif seperti memenuhi dan mengekalkan keperluan-keperluan dan sumber-sumber dalam satu komuniti atau kawasan. Selain itu, kerja sosial dengan komuniti ini juga dapat membantu orang ramai melalui pembangunan, pemantapan dan mengekalkan kualiti penyertaan serta arah tuju dan kerjasama semua pihak dalam menghadapi sebarang masalah dengan lebih berkesan. Perkara ini dapat dijelaskan lagi melalui andaian-andaian yang berkait dengan kerja komuniti ini. Sebagai contoh, setiap individu dalam komuniti mempunyai kapasiti untuk menghadapi masalah mereka sendiri serta semua orang berkehendakan untuk melakukan perubahan dan boleh berubah. Penglibatan setiap individu dalam komuniti amatlah penting dan memberi impak yang besar dalam membantu menyelesaikan permasalahan seperti masalah wanita dan keganasan rumahtangga. Kecenderungan orang ramai untuk melibatkan diri dapat membantu mereka meningkatkan kefungsan hidup dan memberi motivasi pada setiap kelompok masyarakat yang ada. Melalui pelbagai aktiviti dan program yang dijalankan mengenai keganasan rumahtangga ini bukan sahaja bertujuan meningkatkan kefungsan sosial malah meningkatkan lagi pengetahuan orang ramai tentang segala maklumat dan informasi berkenaan dengan keganasan rumahtangga. Model komuniti yang boleh dilakukan bersesuaian dengan permasalahan ini ialah

model tindakan sosial. Tindakan sosial ini merupakan model yang berpendapat bahawa golongan yang tidak bernasib baik perlu dikenalpasti supaya mereka dapat membuat tuntutan sewajarnya. Selain itu, ia juga berkait rapat dengan perjuangan ke arah keadilan sosial dan pengagihan kuasa. Komuniti yang menjadikan model tindakan sosial ini sebagai salah satu bentuk mereka memperjuangkan segala hak mereka dalam menghapuskan ketidakadilan sosial atau diskriminasi yang mereka sedang atau telah alami. Perkara ini seiring dengan perjuangan bagi mangsa-mangsa keganasan rumahtangga terutamanya kaum wanita itu sendiri dalam memperjuangkan hak mereka serta memberi kesedaran kepada masyarakat tentang kepentingan hak-hak sebagai seorang wanita.

6. Kesimpulan

Meskipun keganasan rumahtangga yang berlaku terhadap kaum wanita ini telah lama wujud di negara ini dan kes-kes seperti sering menjadi muka hadapan keratan akhbar, namun kes keganasan rumahtangga ini masih menunjukkan peningkatan dari tahun ke tahun. Perkara ini perlulah semua ambil berat dan perhatian yang serius supaya permasalahan ini tidak terjadi secara menerus serta dapat dicegah. Usaha bersepadu semua pihak perlu diambil bagi meningkatkan tahap kesedaran masyarakat terutamanya wanita terhadap tanggungjawab dalam menangani isu keganasan rumahtangga ini. Program kesedaran dan latihan berkaitan keganasan terhadap wanita hendaklah melibatkan setiap lapisan masyarakat termasuk kaum lelaki. Perkhidmatan sokongan sosial perlu ditingkatkan terutama aspek pencegahan, perlindungan dan pemulihan. Hal ini bagi memastikan permasalahan ini dapat dibendung serta meningkatkan kefungsi sosial dalam sesebuah masyarakat. Semua pihak tidak boleh memandang remeh berkenaan dengan isu ini meskipun jika dibandingkan dengan negara negara luar, kadar keganasan yang dilaporkan di Malaysia masih di tahap terkawal.

9. Sumber Rujukan

- binti Muhazir, S. M., & binti Marzuki, E. M. KEGANASAN TERHADAP WANITA. Ghani, F. B. A., & Zahari, A. B. M. (2021). Punca Keganasan Rumah Tangga Terhadap Wanita Ketika Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). E-PROSIDING WEBINAR KONVENSYEN KAUNSELING KEBANGSAAN KALI KE-22, 19.
- Maizatul Akmam Abu Bakar, Hazalina Mohd Haniff, Latifenossadat Madanian dan Faizah Abd Ghani (2008). Keganasan Rumah Tangga: Corak, Punca Dan Kaedah Penyelesaian. Johor: Universiti Teknologi Malaysia.
- Maznah Daud. 2013. Bersama hentikan keganasan terhadap wanita - wanita IKRAM. *Malaysia Harmoni*. 11 Mac.
- Middleman, R. R., & Goldberg Wood, G. (1990). From social group work to social work with groups. *Social work with groups*, 13(3), 3-20.
- Sharil, S. (2020). Punca-punca Keganasan Terhadap Wanita di Tempat Awam: Kajian di Kuala Lumpur. *Jurnal Islam Dan Masyarakat Kontemporari*, 21(1), 235.
- Shaiful Azli. 2010. Menangani keganasan terhadap wanita dari perspektif undang-undang dan gender. Kertas Kerja Bicara Undang-Undang. Anjuran Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.
- Subardhini, M (2013). Intervensi Kerja Kumpulan dalam Kalangan Wanita yang Mengalami Keganasan Rumahtangga di Indonesia. Universiti Sains Malaysia 2013. (n.d.).

<http://eprints.usm.my/45124/1/Meiti%20Subardhini24.pdf>

Kedudukan Kewangan Mempengaruhi Aktiviti Keganasan Rumahtangga

Nurfatihah Binti Mohd Sharif¹, Paramjit Singh Jamir Singh², Azlinda Azman³

^{1,2,3}Program Kerja Sosial, Pusat Pengajian Sains Kemasyarakatan, Universiti Sains Malaysia
Email: ¹nurfatihahsharif@student.usm.my, ²paramjit@usm.my

Abstrak

Keganasan rumahtangga adalah isu yang tidak asing lagi dengan masyarakat kita terutamanya bagi kaum wanita dan kanak-kanak. Aktiviti keganasan rumahtangga ini dapat ditakrifkan sebagai satu tindakan melakukan kekerasan seperti memukul, mengugut, melontar kata-kata kesat dan gangguan seksual. Isu permasalahan sosial ini dapat memberi kesan yang mendalam terhadap aspek psikologi. Pada tahun 2020, dunia dikejutkan dengan satu wabak berjangkit dikenali sebagai Covid-19 dan memberi impak besar kepada masyarakat seperti kesan dalam aspek ekonomi seperti kehilangan kerja. Hal ini memberikan isu kewangan yang kritikal dan mendorong kepada permasalahan dalam rumahtangga. Kerja kes ini ditulis dengan situasi kes yang menggunakan pendekatan kerja sosial iaitu matlamat, nilai, hak, pengetahuan dan kaedah. Kewangan yang tidak stabil berpunca daripada tingkahlaku pelaku, faktor semula jadi iaitu Covid-19, dan sifat boros pelaku sehingga menyebabkan mangsa menjadi tempat untuk melepaskan tekanan. Implikasinya, mangsa yang teraniaya ini pasti akan mengalami trauma sepanjang hidup dan pihak tertentu perlu memainkan peranan penting dalam membanteras jenayah yang giat berlaku di negara ini dengan memberi pengetahuan dan pendedahan yang mendalam kepada masyarakat khususnya mereka yang berisiko seperti golongan suri rumah.

Kata kunci: Kerja kes; kewangan; keganasan rumah tangga; wanita; kanak-kanak.

1. Pengenalan

Menurut Friedman (1998), keluarga adalah golongan manusia yang disatukan melalui aktiviti perkahwinan, pengangkatan serta kelahiran yang berfungsi untuk mewujudkan dan meneruskan sesuatu budaya kaum itu. Perkataan “Keluarga” yang digabungkan daripada Bahasa Sanskrit ini juga dapat didefinisikan sebagai satu pola hubungan yang saling bergantung dari segi fizikal, mental, emosi dan sosial untuk meningkatkan perkembangan dan matlamat bersama. Secara amnya, keluarga merupakan satu kumpulan manusia yang terbentuk daripada hasil perkahwinan, pertalian darah serta pengambilan anak angkat namun ahli-ahli antropologi menganggap bahawa makna “darah” adalah berasaskan metaforik kerana terdapat juga institusi keluarga yang tidak berasaskan satu kumpulan “darah” yang sama. Keluarga juga adalah unit terkecil dalam masyarakat yang terdiri daripada Keluarga Asas, Keluarga Luas, Keluarga Orientasi dan Keluarga Prokreasi.

Setiap individu sudah tentu mengidamkan sebuah keluarga yang bahagia dan harmoni terutamanya golongan wanita dan kanak-kanak namun golongan-golongan inilah yang selalu dikaitkan sebagai mangsa keganasan rumah tangga. Isu keganasan rumah tangga bukanlah suatu kes yang baharu tetapi semakin meningkat dan hangat berlaku dalam masyarakat kita. Isu sosial yang sering diperkatakan ini dapat ditakrifkan sebagai satu tindakan keganasan yang dilakukan kepada pasangan atau bekas pasangan dan perlakuan ini hadir dalam pelbagai bentuk seperti pengabaian emosi dan kewangan, buli, keganasan pertuturan dan ugutan. Menurut H. Faizal

(2022), statistik menunjukkan peningkatan sebanyak 42% bersamaan dengan 7,468 kes pada tahun 2022 berbanding tahun sebelumnya iaitu sebanyak 5,260 kes. Keganasan rumah tangga ataupun turut dikenali sebagai penderaan domestic ini adalah antara jenayah yang paling kurang mendapat laporan di seluruh dunia. Definisi dan tanggapan bagi masalah sosial ini adalah berbeza bagi setiap negara.

1.1 Situasi Kes

Situasi kes yang dapat kita gambarkan adalah dengan meneliti kisah Puan Wani (bukan nama sebenar) berumur 35 tahun yang menjadi seorang mangsa keganasan rumah tangga oleh suaminya sendiri, Encik Khai. Encik Khai merupakan seorang ahli perniagaan yang berjaya tetapi mempunyai sifat panas baran, kaki pukul dan masih lagi terlibat dalam gejala sosial seperti berparti, berjudi dan kaki perempuan. Usia perkahwinan mereka yang mencecah 8 tahun ini bukan sahaja dipenuhi dengan saat-saat romantik tetapi juga diselitkan dengan adegan-adegan ganas yang menimbulkan kesakitakan kepada Puan Wani.

Hampir setiap hari, wajah dan tubuh kecil beliau dipukul sehingga meninggalkan kesan lebam dan bengkak yang teruk. Encik Khai sering menjadi seorang yang pemarah jika melihat wajah isterinya seolah-olah ada yang tidak kena. Bukan sahaja dipukul, malah dilemparkan dengan kata-kata kesat dan ugutan. Puan Wani dinasihatkan oleh jirannya untuk membuat laporan polis namun beliau risau akan dikenakan hukuman yang lagi berat dan menyakitkan. Apa yang menjadikan kisah ini lebih teruk adalah apabila Encik Khai sanggup memukul isterinya di hadapan cahaya mata mereka yang baru berumur 5 tahun, iaitu Muhammad Aqif. Setiap kali ibunya dipukul, Aqif hanya mampu menangis dan masuk ke bilik kerana dia masih tidak faham dengan apa yang sedang berlaku. Puan Wani menjadi tempat melepaskan stress suaminya sahaja. Contohnya, tekanan tempat kerja juga mendorong Encik Khai untuk memukul isterinya sehingga Puan Wani mendapat masalah kesihatan iaitu kehilangan berat badan yang drastik.

Pada suatu hari, jirannya terdengar suatu hentakan dan suara amarah yang kuat dari rumah Puan Wani, tanpa berlembang lagi, jirannya telah menghubungi Polis di talian 999 dan apabila Polis tiba di rumahnya, Puan Wani ditemui terbaring dengan kesan berlumuran darah akibat pendarahan yang teruk dikepala. Beliau dikejarkan ke hospital dan hasil siasatan menunjukkan bahawa kepala beliau telah dihentak dengan objek tajam iaitu botol kaca yang mengakibatkan Puan Wani kini koma. Selepas kejadian itu, suami beliau ditahan oleh pihak polis untuk membantu siasatan dan mahkamah memutuskan bahawa beliau dikenakan Seksyen 323 Kanun Keseksan Akta Keganasan Rumah tangga. Hasil daripada sesi temubual dan siasatan yang dilakukan oleh pihak Polis DiRaja Malaysia (PDRM) terhadap Encik Khai menyatakan bahawa antara sebab beliau menjadi ganas adalah kerana trauma yang membelenggu beliau semenjak kecil.

Ayah beliau merupakan seorang penagih dadah yang sering memukul ibunya di hadapan beliau dan adik beradik yang lain. Ketika itu, beliau yang terpinga-pinga dengan keadaan itu hanya mampu terdiam bersama adik-beradik. Akibatnya, beliau ingin mencuba keganasan tersebut dengan menjadi seorang pemukul. Hasilnya, isterinya yang menjadi mangsa kegilaan beliau. Kini, Puan Wani kekal menghidap penyakit strok dan terlantar di rumah ibunya. Kes ini mendapat perhatian media dan menjadi satu pengajaran kepada masyarakat di luar sana yang sentiasa memandang enteng terhadap keselamatan mangsa penderaan domestik ini.

2. Faktor Kewangan dan Keganasan Rumahtangga

2.1 Individu

2.1.1 Ilmu Keibubapaan yang Lemah

Rata-rata masyarakat Asia ini lebih mengamalkan budaya hidup patriarki dimana ia menjadikan kaum lelaki iaitu para suami mendominasi kaum wanita dalam pelbagai urusan. Mereka juga mengamalkan konsep hanya kaum lelaki sahaja yang lebih layak untuk keluar bekerja dan menerima pendidikan tinggi, namun peraliran zaman moden telah mengubah segalanya apabila kaum hawa telah mendominasi beberapa tempat di Insitusi Pengajian Tinggi (IPT). Menurut Mohd Fazli Che Din (2020), pelajar perempuan mencapai tahap kematangan lebih cepat berbanding lelaki iaitu pada usia 15 tahun manakala lelaki pula adalah pada 18 tahun. Hal ini membuktikan bahawa wanita layak dalam menjadi pemimpin. Secara logiknya, setiap individu itu perlu dipupuk dengan nilai-nilai kasih sayang semenjak kecil sepertimana yang dituntut oleh setiap budaya dan agama. Apabila sudah tiada lagi pertimbangan dan persefahaman, sifat amarah yang wujud daripada kekurangan nilai keibubapaan ini akan mendorong pelaku untuk menjadi lebih agresif.

2.1.2 Pengamalan Gaya Hidup Tidak Sihat

Akhbar The Sun, United Kingdom menyatakan bahawa kajian terkini menunjukkan kaum lelaki mempunyai personaliti buruk berkaitan kecurangan berbanding kaum wanita termasuklah mempunyai sifat manipulatif. Perkara ini dapat dikaitkan apabila ada segelintir para suami yang masih tidak boleh meninggalkan dunia bujang mereka yang begitu mengasyikkan. Merekaini kebiasaannya akan mengunjungi ke pusat-pusat hiburan, mengambil alkohol serta berjudi. Ada juga yang menyimpan perempuan simpanan tanpa pengetahuan isteri. Tujuan mereka berhibur adalah kerana ingin melepaskan stress di tempat kerja dan sebagainya. Jika dipandang dari sudut rohani, golongan-golongan ini mungkin masih samar-samar terhadap penghayatan ilmu agama sedangkan di dalam Surah Al-Baqarah, ayat ke 148 menyeru agar umat Islam untuk terus membuat kebaikan dan menjauhi yang buruk. Contohnya, apabila seseorang itu mabuk dan pulang ke rumah, ia akan menimbulkan halusinasi dan boleh bertindak untuk melakukan apa sahaja termasuklah keganasan terhadap isteri. Menurut Jabatan Kebajikan Masyarakat (2020), statistik menunjukkan bahawa 83% kes keganasan rumahtangga adalah berpunca dari aktiviti penagihan dadah. Apabila menyebut tentang dadah, banyak perkara boleh berlaku tanpa diduga. Mereka yang menjadi penagih dadah ini akan memberontak selagi mereka tidak melepaskan nafsu mereka, akibatnya isteri akan menjadi mangsa untuk meminta wang. Justeru, tugas ketua keluarga itu adalah menjadi nakhoda kepada kapal yang dilayar iaitu dengan mempunyai ilmu kewangan yang baik

2.1.3 Masalah Kewangan Ketua Keluarga

Apabila tiada punca pendapatan, ia akan menjadi bebanan kepada ketua keluarga tambahan pula jika keluarga tersebut mempunyai isteri yang tidak bekerja. Sang isteri sering dipersalahkan dan dianggap menjadi bebanan kepada suami. Disinilah titik permulaan pergaduhan akan berlaku. Menurut Hanna Yeoh (2019), penyebab utama kes penceraian di Malaysia adalah disebabkan

masalah kewangan dimana 6,901 kes penceraian pada tahun 2018 dalam kalangan pasangan bukan Islam dan 2,971 kes pasangan Islam adalah disebabkan itu. Pergaduhan mengenai kewangan tersebut sudah semestinya mengandungi kata-kata kesat, hinaan dan cacian kepada para isteri. Apabila pergaduhan berlaku, si isteri akan tertekan menyebabkan gangguan emosi kepada para isteri lalu mengakibatkan penyakit-penyakit mental yang lain iaitu seperti kemurungan, bipolar, dan trauma. Tambahan pula, anak-anak juga berisiko tinggi dalam menjadi mangsa penderaan si ibu. Oleh itu, seorang suami yang banyak mendalami ilmu agama akan sentiasa redha akan cabaran yang menimpa dalam alam perkahwinan dan tidak akan menyalahkan sesiapa terutamanya pasangan sendiri

3. Kesan Keganasan Rumahtangga kepada Kumpulan Mikro, Makro dan Mezo

3.1 Individu

3.1.1 Kemerosotan tahap kesihatan

Individu yang sering menerima penderaan fizikal seperti dipukul, ditampar, dipijak lebih mudah menjadi trauma yang sentiasa menimbulkan rasa takut, keyakinan diri rendah dan tekanan emosi. Kesan-kesan lebam yang timbul juga menyebabkan mangsa yang bekerja perlu menebal muka bagi menahan malu kepada rakan sekerja yang seterusnya akan menyebabkan budaya “gossip” wujud. Budaya ini sedikit sebanyak menyebabkan maruah mangsa tercalar jika dikelilingi dengan rakan sekerja yang kurang beretika. Seterusnya, mangsa yang menerima penderaan domestik secara seksual pula akan mudah untuk dijangkiti penyakit kelamin seperti AIDS, HIV, Herpes, Syphilis dan sebagainya. Penyakit-penyakit ini sukar untuk mendapatkan kesembuhan serta menyebabkan tugas harian akan tergendala kerana mangsa perlu menahan kesakitan yang dialami.

3.1.2 Perubahan Personaliti

Mangsa akan berubah menjadi pendiam dan suka menyendiri. Sifat suka menyendiri ini tidak bagus untuk diamalkan dalam jangka masa yang panjang kerana ia dapat menyumbang kepada penyakit mental seperti Skizofrenia yang mempunyai simptom seperti suka bercakap dengan diri sendiri, kurang keyakinan diri dan berhalusinasi. Kepada mangsa yang mempunyai pekerjaan, kebarangkalian untuk diberhentikan kerja adalah tinggi kerana mereka ini berisiko untuk melakukan perkara tidak sepatutnya ketika mereka berhalusinasi. Kehilangan pekerjaan akan menyebabkan mereka tidak mempunyai pendapatan untuk menampung segala hutang mereka dan ini juga mendorong kepada gejala bunuh diri. Semenjak beberapa bulan ini, kes kematian disebabkan bunuh diri meningkat terutamanya di tempat hangat iaitu di Jambatan Pulau Pinang.

3.2 Kumpulan Makro

3.2.1 Tauladan Buruk kepada keluarga

Keluarga yang sudah mempunyai cahaya mata sepatutnya dipenuhi dengan corak-corak kekeluargaan yang indah dan bukannya dipenuhi dengan aksi-aksi ibubapa bergaduh di hadapan anak-anak. Hal ini akan memberi kesan kepada emosi anak-anak dan membuatkan mereka mempunyai sifat kekerasan. Ibu bapa adalah individu yang bertanggungjawab dalam mencorak

kain yang putih. Bukan itu sahaja, anak-anak juga akan merasakan bahawa mereka bukan berada dalam sebuah kehidupan yang bahagia. Menurut Eamon McRory, anak-anak yang melihat ibubapa bertengkar akan meniru aksi terbabit. Contohnya, anak-anak yang terkesan akan mencuba untuk melakukan keganasan tersebut di sekolah sedangkan perkara itu adalah masalah disiplin yang berat. Ada juga anak-anak yang mempunyai sifat dendam yang tinggi dalam diri sehingga menimbulkan kes buli dalam kalangan pelajar sekolah yang boleh menyebabkan kematian.

3.3 Kumpulan Mezo

3.3.1 Mencalarkan Imej Organisasi Luar

NGO “Non-Governmental Organisation” adalah pertubuhan swasta yang bertujuan untuk memperjuangkan sesuatu kepentingan awam. Dalam kes ini, masyarakat akan terus menimbulkan stigma yang buruk kepada NGO ini dengan mempersoalkan tanggungjawab mereka dalam memastikan kesejahteraan sosial masyarakat. Bagi pertubuhan kerajaan pula seperti Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) sudah tentu mendapat maklumbalas negatif daripada masyarakat seperti menganggap bahawa agensi-agensi ini hanya memakan gaji buta dan tidak menjalankan kerja dengan betul. Kenyataannya, yang menjadi masalah adalah apabila mangsa sendiri tidak mahu berkongsi masalah dengan melaporkan ke jabatan tersebut. Hal ini akan meninggalkan imej yang buruk bagi agensi-agensi tersebut dan menyukarkan mereka untuk menjalankan tugas dengan baik. Agensi tersebut juga mempunyai standard operasi piawai mereka yang tersendiri dan kita tidak boleh menilai dengan hanya mendengar cerita daripada sebelah pihak. Hal remeh seperti ini sepatutnya dijauhkan supaya masyarakat akan lebih mudah mendapat keadilan sosial. Misalnya, masyarakat yang tidak berpuas hati dengan sistem pentadbiran ini akan menyebarkan propaganda atau isu yang tidak sah dengan mengadakan kempen, demonstrasi serta perhimpunan haram. Selain menjejaskan imej agensi berkaitan, ianya juga akan menonjolkan imej masyarakat yang kurang cerdik dalam menilai sesuatu perkara

4. Inisiatif Membanteras Isu Keganasan Rumahtangga

4.1 Memberi kesedaran ilmiah

Pekerja sosial boleh menyediakan beberapa buah artikel, jurnal, keratan akhbar yang mengandungi informasi-informasi berkaitan isu ini seperti talian-talian kecemasan yang boleh dihubungi untuk memaklumkan kes keganasan, cara untuk menenangkan mangsa dan sebagainya melalui aplikasi sosial seperti WhatsApp, Instagram, Facebook dan lain-lain. Contohnya, di negeri Selangor, portal Wanita Berdaya Selangor (WBS) ada menempatkan talian E-SELamat yang beroperasi 24 jam khusus untuk menerima panggilan berkaitan keganasan rumahtangga. Pekerja sosial boleh mengambil contoh ini dengan menyampaikan maklumat yang dinyatakan secara ringkas tetapi padat. Kaedah ini sedikit sebanyak akan membantu golongan makro untuk turut membantu mangsa tanpa ragu-ragu terutamanya ketika dalam waktu kecemasan.

4.2 Melakukan Sesi Intervensi

Sebagai pekerja sosial yang professional, cara untuk membantu mangsa adalah dengan menjadi seorang “enabler” yang membantu klien untuk mencungkil kelebihan diri mereka. Contohnya, semasa sesi temubual yang dipenuhi dengan kemahiran kognitif yang baik, pekerja sosial boleh

bertanya mengenai minat klien seperti menjahit, melukis dan memasak. Apabila sudah mendapat info itu, pekerja sosial boleh mengesyorkan klien untuk bekerja di tempat-tempat pekerjaan yang sesuai dengan minat mereka. Misalnya, agensi kerajaan seperti Jabatan Kebajikan Masyarakat dan Kementerian Pembangunan Wanita dan Kanak-kanak ada menganjurkan beberapa program kerjaya yang berfokuskan kepada kumpulan sasar seperti golongan Orang Kurang Upaya (OKU), wanita atau ibu tunggal dan bekas banduan serta memberi mereka tempat perlindungan percuma. Buktinya, peruntukan sebanyak RM10 Juta telah diterima baik oleh Gerakan asasi wanita pada simposium Bajet 2022. Hal ini secara tidak langsung akan mendorong mereka untuk lebih bermotivasi dalam mencapai matlamat hidup mereka. Bukan itu sahaja, mereka juga akan rasa tidak tersisih daripada komuniti yang lain.

4.3 Kerjasama antara Dua Pihak

Kebanyakan kawasan kejiranan sudah pun menubuhkan ahli Jawatankuasa Keselamatan dan Kemajuan Kampung (JKKK) yang bertujuan membantu penduduk mendapat kehidupan yang lebih baik dari aspek keselamatan. Pekerja sosial boleh menganjurkan beberapa program kerjasama seperti mesyuarat, kempen, aktiviti dan seminar. Misalnya, mesyuarat yang diadakan bersama ahli JKKK kampung akan memberi ruang kepada penduduk untuk memberitahu permasalahan yang terjadi dan seterusnya dapat memangkin pekerja sosial untuk mencari jalan penyelesaian kepada masalah tersebut kerana ini adalah sebagai daripada medium penghubung antara masyarakat setempat dengan agensi kerajaan atau bukan kerajaan (NGO). Hal ini menjadi lebih mudah untuk diselesaikan jika mendapat campur tangan daripada pihak atasan seperti Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat. Misalnya, Datuk Seri Rina Harun menyatakan bahawa beliau akan mengusulkan isu keengganan sesetengah pihak yang enggan menerima laporan berkaitan keganasan rumahtangga kepada Kementerian Dalam Negeri (KDN). Hal ini membuktikan betapa pentingnya komunikasi dan hubungan antara pekerja sosial dan kumpulan makro.

5. Kesimpulan

Kesimpulannya, kerja sosial merupakan antara bidang kerjaya yang mempunyai tanggungjawab dan matlamat untuk memenuhi keperluan-keperluan sosial dalam sesebuah masyarakat. Falsafah, teori, kemahiran asas dan praktis merupakan antara pengetahuan yang dimiliki oleh setiap pekerja sosial yang professional. Dalam konteks masyarakat, warna kulit, latarbelakang agama dan budaya seseorang bukanlah menjadi jurang penghalang untuk pekerja sosial membantu mencapai matlamat hidup mereka dalam mencapai kehidupan yang lebih baik. Topik keganasan rumahtangga ini juga jelas menunjukkan perkaitan yang erat antara individu dan golongan pekerja sosial. Menerusi arus pemodenan dunia kini, setiap permasalahan dapat diselesaikan dengan lebih efektif selari dengan perkembangan teknologi. Dengan ini, masyarakat seharusnya membuang sikap seperti katak di bawah tempurung dan perlulah sedikit sebanyak bersikap prihatin terhadap keadaan sekeliling. Selain itu, pihak kerajaan perlu memandang semula statistik-statistik kes sosial yang semakin meningkat ini dan cuba membuka mata agar misi untuk menjadi negara maju tercapai.

6. Rujukan

- Faizal, H. (2022, 13 Februari). *Kes keganasan rumah tangga meningkat 42 peratus*.
<https://www.utusan.com.my/nasional/2022/02/kes-keganasan-rumah-tangga-meningkat-42-peratus/>
- Mahani, M. Elinawati, M. (2015). *Keganasan Terhadap Wanita*.
<https://docs.jpa.gov.my/docs/pelbagai/Artikel/2015/KeganasanTerhadapWanita.pdf> 2-12
- Rohaniza, I. (2020, 18 Ogos). *Pelajar perempuan lebih matang, punca ramai masuk IPT*.
<https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/08/722545/pelajar-perempuan-lebih-matang-punca-ramai-masuk-ipt>
- Noor Hayati, W.A. (2019, 22 Jun). *Mangsa keganasan rumahtangga berpunca dadah*.
<https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2019/06/577008/wanita-83-peratus-mangsa-keganasan-rumah-tangga-berpunca-dadah>
- Lucy, M. (2016, 21 Jun). *'I saw things children shouldn't see' – surviving a troubled childhood*.
<https://medicalxpress.com/news/2016-06-children-shouldnt-surviving-childhood.html>
- Maridah, A. (2013, 16 Jun). *Definisi Pentaksiran, Pengujian dan Penilaian*.
<http://drmaridah.blogspot.com/2013/06/definisi-pentaksiran-pengujian-dan.html>
- Sheila, M. (2014, 3 Jun). *Mengatasi Keganasan Rumah Tangga*.
<http://www.myhealth.gov.my/coping-with-domestic-violence/>
- Rafidah, R. (2022, 28 Mac). *Bawa isu keganasan rumah tangga ke KDN*.
<https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2022/03/939612/bawa-isu-keganasan-rumah-tangga-ke-kdn-rina>
- Lydia, N. (2021, 1 Disember). *RM10 juta untuk rumah perlindungan berita baik buat mangsa keganasan rumah tangga*.
<https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2021/12/01/rm10-juta-untuk-rumah-perindungan-berita-baik-buat-mangsa-keganasan-rumah-tangga/>

Faktor Emosi Punca Keganasan Rumah Tangga di Malaysia

Aqilliana Siti Amirah Tajarudin¹, Nuraisyah Radzuan², Nurin Maisarah Mohd Sabri³,
Nurul Atila Anis Mohammad Adnan⁴, Paramjit Singh Jamir Singh⁵

^{1,2,3,4,5}Program Kerja Sosial, Pusat Pengajian Sains Kemasyarakatan, Universiti Sains Malaysia

Email: ¹aqilliana@student.usm.my, ⁵paramjit@usm.my

Abstrak

Kesihatan mental masih dipandang remeh dalam kalangan rakyat Malaysia. Kesan daripada penyakit mental yang tidak dirawat sama seperti penyakit yang lain iaitu akan mendatangkan kesan buruk dalam kehidupan seharian termasuk kehidupan berumah tangga. Tingkah laku panas baran, kuat pemarah dan apa-apa jua tindakan yang disebabkan emosi yang tidak stabil berkait rapat dengan kesihatan mental seseorang. Tujuan utama kajian ini dijalankan adalah untuk membincangkan sejauh mana keadaan emosi seseorang individu mampu mengundang kepada berlakunya isu keganasan rumah tangga. Kajian ini memfokuskan kepada golongan wanita dan lelaki, iaitu pasangan suami isteri yang kedua-duanya boleh menjadi pelaku atau mangsa keganasan rumah tangga berpunca daripada masalah emosi yang dialami kedua-dua belah pihak. Hasil penyelidikan mendapati bahawa kegagalan pengurusan emosi merupakan pencetus kepada keruntuhan rumah tangga. Oleh itu, sesi intervensi kerja sosial yang diadakan bersama klien sedikit sebanyak dapat membantu meningkatkan kefungsi sosial klien di mana pekerja sosial boleh menghubungkan klien dengan pakar psikiatri supaya klien terdedah dengan cara pengurusan emosi yang betul. Perhatian yang serius patut diberikan penekanan dengan harapan masyarakat dan pihak berautoriti dapat membuka mata terhadap isu keganasan rumah tangga yang semakin berleluasa pada masa kini.

Kata kunci: Emosi; mental; keganasan rumah tangga; kefungsi sosial.

1. Pengenalan

Secara umumnya, keganasan adalah berkenaan dengan tingkah laku yang melibatkan kekerasan fizikal bertujuan untuk menyakiti, mencederakan dan merosakkan sesuatu atau seseorang. Pertubuhan Kesihatan Sedunia telah mentakrifkan keganasan sebagai penggunaan kekuatan fizikal atau kuasa secara sengaja, terancam atau yang sebenar-benarnya sama ada terhadap diri sendiri, orang lain, kumpulan serta komuniti. Tindakan ini seterusnya akan meninggalkan kesan yang negatif terhadap mangsa dan sistem yang berada di persekitaran mereka kerana berkemungkinan akan mengalami kecederaan, kematian, gangguan psikologi dan kepincangan dalam perkembangan (Krug, Dahlberg, Mercy, Zwi, & Lozano, 2002).

Keganasan rumah tangga digambarkan sebagai ancaman atau tindakan pencerobohan fizikal, psikologi atau emosi terhadap orang lain dengan niat untuk meletakkan mereka dalam risiko atau mengawal mereka. (Flury, Nyberg & Riecher-Rössler, 2010). Kebiasaannya, kita seringkali melihat kes keganasan rumah tangga yang berlaku ini melibatkan golongan lelaki dan wanita iaitu pasangan suami isteri yang mana kedua-dua daripada mereka boleh menjadi pelaku atau mangsa terhadap keganasan rumah tangga. Jika sebelum ini golongan wanita dikatakan lebih dominan menjadi mangsa dan golongan lelaki pula dikatakan lebih dominan menjadi pelaku, namun realitinya pada harini adalah sebaliknya.

Masalah keganasan yang berlaku dalam persekitaran rumah tangga ini sememangnya mendatangkan pelbagai implikasi, bukan sahaja kepada mangsanya tetapi turut melibatkan sistem-sistem sosial lain yang berhampiran dengan mangsa. Suami atau isteri, bekas suami atau bekas isteri, ahli keluarga, rakan atau kenalan merupakan antara sistem-sistem sosial yang turut menerima tempiasnya. Mangsa terhadap keganasan ini juga merupakan golongan yang paling terkesan bukan sahaja dari aspek fizikal malahan dari aspek emosi, spiritual dan sosial yang mana ia boleh menjejaskan kefungsi sosial mereka. Salah satu pembolehubah utama yang dianggap menyumbang kepada punca keganasan rumah tangga ialah kegagalan pengurusan dari perspektif emosi. Buktinya, sumber daripada buku Laporan Statistik Jabatan Kebajikan Masyarakat (2019) yang didapati pada Bahagian A: Perkhidmatan Luar mengenal pasti 331 kes keganasan rumah tangga dalam kalangan pasangan suami isteri di Malaysia yang berpunca daripada ketidakstabilan emosi atau mental.

Keganasan rumah tangga dapat diklasifikasikan sebagai salah satu perbuatan jenayah. Kes-kes yang melibatkan jenayah jenis ini juga dilihat semakin meningkat kian hari dan mendorong kepada terjadinya masalah yang melibatkan sosial. Jika dibiarkan, masalah sosial ini boleh membawa kepada keruntuhan kefungsi sosial dalam kalangan masyarakat pula. Akta Keganasan Rumah Tangga 1994 (Pindaan) 2017 telah dilaksanakan oleh kerajaan di seluruh Malaysia berikutan (Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia, 2022). Akta Keganasan Rumah Tangga 1994 ialah undang-undang yang memberi perhatian khusus kepada situasi keganasan rumah tangga dan menawarkan beberapa penyelesaian kepada kes yang dipersoalkan. Mengikut Akta, jika mereka atau seseorang yang mereka kenali mengalami penderaan rumah tangga, mereka boleh mengemukakan aduan dengan pegawai kebajikan masyarakat atau pegawai polis yang juga berkhidmat sebagai pegawai penguat kuasa.

2. Pengaruh Emosi

Perkataan emosi berasal daripada bahasa Latin, iaitu 'emovere' atau dalam bahasa Melayu bermaksud untuk keluar. Hal ini menjelaskan bahawa emosi itu dikeluarkan untuk mendapatkan kepuasan atau menunjukkan perasaan yang sedang dialami (Shuib, 2012). Emosi merangkumi perasaan yang kompleks dan efektif yang dialami oleh seseorang individu. Emosi boleh ditunjukkan dengan pelbagai bentuk seperti gembira, sedih, takut, marah, trauma, dan sebagainya. Luahan emosi memberi gambaran apa yang seseorang individu itu rasa terhadap individu lain. Emosi merupakan perasaan yang mempunyai elemen fisiologikal dan kognitif yang mempengaruhi tingkah laku (Feldman, 2021). Hal ini dinyatakan kerana emosi seseorang boleh mempengaruhi tingkah laku mereka, sama ada mereka melakukan perkara yang baik atau tidak. Sebagai contoh, seorang suami marah apabila dia dituduh bersubahat dalam kes kecurian pekerja yang membawa kepada penggantungan kerja. Dia tiba di rumah dalam keadaan tidak terkawal akibat gangguan emosi, dan dia bersikap jahat terhadap isteri dan anak-anaknya.

Emosi berfungsi sebagai menyediakan individu untuk bertindak, membentuk kelakuan masa hadapan, dan membantu individu berinteraksi dengan lebih efektif dengan orang lain. Terdapat beberapa teori yang menerangkan berkaitan emosi ini. Antaranya ialah teori James-Lange. Teori ini membawa maksud bahawa reaksi emosi berlaku adalah disebabkan oleh tindak balas fisiologi terhadap sesuatu peristiwa atau stimulus. Dalam hal ini, seseorang individu akan mengalami emosi selepas ransangan fisiologi berlaku. Dalam kata lain, stimulus dalam

persekitaran mencetuskan tindak balas fisiologi individu dan seterusnya akan diinterpretasikan oleh otak lalu menghasilkan pengalaman emosi (Feldman, 2021). Selanjutnya ialah teori Cannon-Bard. Teori ini menjelaskan bahawa seseorang itu merasakan emosi dan mengalami reaksi fisiologi secara serentak. Perkara ini dikatakan demikian berlaku kerana orang ramai kerap melakukan keseimbangan dan mengubah suai tingkah laku mereka sebagai tindak balas terhadap persekitaran mereka. Menurut Cannon dan Bard, yang melihat emosi sebagai peristiwa kognitif, semua tindak balas badan terhadap pelbagai emosi mempunyai kesan fizikal yang sama (Feldman, 2021). Selain itu, menurut teori Schachter-Singer, emosi adalah hasil sampingan daripada proses fisiologi dan kognitif. Satu kajian membolehkan mereka membuat kesimpulan bahawa orang akan bertindak balas terhadap suntikan adrenalin secara berbeza bergantung pada persekitaran mereka (Feldman, 2021). Emosi disebabkan oleh dua perkara, pertama, fungsi badan fizikal seperti pengaktifan sistem saraf simpatetik, yang meningkatkan kadar denyutan jantung. Aspek kedua melibatkan proses kognitif, di mana seseorang itu akan cuba mentafsir reaksi fisiologi ini dengan memerhatikan persekitarannya. Pada akhirnya, setiap hipotesis ini menunjukkan bahawa orang mempunyai kawalan emosi yang baik kerana tingkah laku mereka sangat dipengaruhi oleh emosi mereka dan juga oleh psikologi.

Dalam isu keganasan rumah tangga, gangguan emosi boleh berlaku apabila pelaku itu mempunyai sikap panas baran dan kuat pemarah. Keganasan rumah tangga boleh tercetus apabila adanya perasaan cemburu dan rendah diri apabila pasangan mempunyai pangkat yang lebih tinggi, serta gagal untuk mengawal emosi (Abdul Ghani, 2020). Selain daripada panas baran, gangguan emosi yang menyebabkan berlakunya keganasan rumah tangga turut terjadi akibat stress. Dalam hal ini, kemungkinan kedua-dua pasangan suami isteri ini menanggung tekanan di tempat kerja sehingga tidak dapat menguruskan bebanan yang dipikul itu dengan baik lalu melepaskannya dengan cara memukul pasangan mereka. Keadaan ini akan mendatangkan kesan negatif terhadap mangsa keganasan rumah tangga seperti berasa sedih, trauma, dan takut. Berdasarkan faktor stress ini dapatlah dilihat bahawa ia berkaitan dengan emosi. Tambahan pula, persekitaran rumah yang sempit dan tidak kondusif membuatkan pasangan suami isteri berasa lemas apabila berada di rumah. Penyumbang utama dalam isu keganasan rumah tangga ini adalah berpunca daripada panas baran (Abdul Karim, 2019). Situasi ini juga menyaksikan bahawa bukan hanya golongan wanita sahaja, malah golongan lelaki turut terlibat menjadi mangsa dalam institusi kekeluargaan. Jelaslah bahawa, pengaruh emosi memainkan peranan penting dalam institusi kekeluargaan yang boleh tercetusnya keganasan rumah tangga.

3. Hasil Kajian Lepas

Malaysia merupakan negara yang masih kecil dalam pendedahan tentang kesihatan mental. Persepsi dan penerimaan masyarakat tentang penyakit ini masih dipandang remeh dan tidak diambil berat. Sebanyak 673 laporan kes dibuat mengenai keganasan rumah tangga yang berlaku di Malaysia termasuk bukan warganegara dan 331 jumlah laporan adalah berkaitan keganasan rumah tangga dari segi emosi.

Jadual 1: Faktor Keganasan Rumah Tangga dan Bilangan Kes pada Tahun 2019

Faktor Keganasan Rumah Tangga	Bilangan Kes
Panas baran	206
Mengalami tekanan jiwa	8
Menghadapi tekanan di tempat kerja	1
Pesakit Mental	13
Melakukan penderaan secara psikologi dan emosi terhadap mangsa	42
Cemburu	61

Sumber: Laporan Statistik Jabatan Kebajikan Masyarakat 2019

Dapat dilihat daripada data 1 menunjukkan jumlah faktor keganasan rumah tangga banyak berkait dengan emosi dan keadaan mental. Kegagalan dari mengawal emosi menyebabkan seseorang individu bertindak luar kawalan dan membawa kepada keganasan rumah tangga. Seseorang boleh menerima kelas kawalan emosi di mana-mana Jabatan Psikologi untuk membantu mengawal perasaan mereka. Faktor yang disenaraikan berkait rapat dengan cara seseorang berfikir, tingkah laku, perasaan dan keadaan emosi seseorang individu. Diskriminasi terhadap individu yang menerima perubatan kesihatan mental masih berlaku di Malaysia dengan tanggapan seseorang individu itu berpura-pura dan lemah. Oleh yang demikian, pengetahuan mengenai kesihatan mental di Malaysia harus dipertingkatkan untuk memberikan pendedahan kepada kawalan emosi yang lebih baik.

4. Perbincangan, Implikasi dan Cadangan

Hasil dapatan dari kajian mendapati, faktor panas baran merupakan faktor utama keganasan rumah tangga. Mempunyai sifat panas baran adalah satu bentuk ekspresi emosi yang disembunyikan oleh orang ramai untuk melepaskan kemarahan dan keagresifan yang tidak terkawal. Sifat cemburu yang berlebihan, gagal mengawal tekanan emosi, tekanan jiwa dan penyakit mental yang tidak dirawat memburukkan keadaan emosi seseorang. Didikan ibu bapa zaman dahulu yang berkeras kepada anak-anak memberikan kesan emosi jangka masa panjang sehingga ke peringkat dewasa. Hal ini dapat dikaitkan dengan Teori Erikson yang membincangkan tentang perkembangan seseorang terbentuk daripada 8 peringkat psikososial yang mempengaruhi tingkah laku mereka sepanjang perkembangan usia (Erikson, 1963). Kanak-kanak yang terdedah kepada tingkah laku ibu bapa yang panas baran akan dicontohi oleh mereka dan menyebabkan kitaran dalam melahirkan generasi yang panas baran pada masa hadapan terus berulang.

Setiap kejadian atau perkara yang berlaku pasti mempunyai implikasi. Berdasarkan isu keganasan rumahtangga, mangsa penderaan pasti menerima kesan yang mendalam bukan sahaja dari aspek fizikal malahan dari aspek spiritual, emosi dan sosial. Dari aspek emosi, masalah kesejahteraan jiwa seperti kebimbangan, ketakutan, trauma dan cemas boleh berlaku akibat tekanan melampau yang dialami oleh mangsa penderaan (Yahya, 2014). Jika tekanan yang dialami oleh mangsa tidak diurus dengan baik, maka hal ini boleh mengundang kepada perbuatan

bunuh diri atau mencederakan diri dengan sengaja. Mangsa juga cenderung untuk mengalami masalah trauma seperti Post Traumatic Disorder iaitu sejenis penyakit psikiatri yang berlaku kepada individu selepas mengalami atau menyaksikan sebuah peristiwa traumatik atau traumatic event seperti bencana alam, kemalangan yang tragis, peperangan, rogol atau penderaan fizikal (American Psychiatric Association, 2020). Dalam konteks isu keganasan rumahtangga, mangsa akan berpotensi mengalami mimpi buruk, perasaan sedih, marah dan takut yang melampau sehingga boleh menjejaskan kelancaran kehidupan seharian.

Dari aspek sosial, mangsa cenderung untuk berasa terasing dari orang lain (American Psychiatric Association, 2020). Hal ini kerana wujud satu stigma dalam masyarakat di mana individu yang mengalami penderaan dianggap gagal dalam perkahwinan menyebabkan timbul rasa malu dalam diri mangsa serta ibu bapa mangsa (Ayob et al., 2021, ms 76). Oleh hal yang demikian, mangsa penderaan akan lebih memilih untuk berdiam diri akibat takut dihina atau dipercayakan oleh masyarakat di sekeliling. Bagi mangsa yang bekerjaya, mereka akan cenderung untuk hilang fokus dan lemah semangat ketika bekerja menyebabkan kesan buruk kepada diri mereka seperti selalu dimarahi majikan atau rakan sekerja, selalu mengambil cuti atau lambat tiba di tempat kerja dan menghadapi tekanan yang melampau akibat kerja yang menimbun (Umar Abdullahi, 2018).

Dalam praktis kerja sosial, salah satu cadangan yang boleh dilakukan bagi mengurangkan pengaruh emosi dalam isu keganasan rumah tangga ialah mengadakan sesi intervensi kerja sosial secara individu dan keluarga (Mohamad Yusof et al., 2020). Secara individu, pekerja sosial boleh mengadakan sesi intervensi bersama mangsa penderaan seperti isteri dan bersama pendera seperti suami secara berasingan. Ketika sesi intervensi bersama mangsa penderaan, pekerja sosial boleh menumpukan kepada rawatan psikososial agar dapat meningkatkan semula kefungsi sosial mangsa (Mohamad Yusof et al., 2020) iaitu keupayaan individu dalam menjalankan aktiviti-aktiviti dalam kehidupan seharian serta memainkan peranan sosial yang sepatutnya bagi mencapai keperluan asas mereka. Ketika sesi intervensi bersama pendera, pekerja sosial dapat mengenalpasti punca berlakunya keganasan rumah tangga seperti sikap panas baran, tidak tahu cara mengawal emosi dan mengalami tekanan jiwa melalui sesi perbincangan dan luahan perasaan semasa intervensi di samping merangka plan tindakan yang terbaik bagi memastikan bukan sahaja pendera malahan mangsa penderaan dapat mencapai matlamat yang mereka tetapkan. Contohnya, pekerja sosial berbincang dengan pendera tentang implikasi jika emosi tidak dapat dikawal dengan baik atau menghubungkan pendera dengan pakar psikiatri dalam membantu memulihkan pendera yang mengalami masalah mental. Semasa sesi intervensi secara keluarga dijalankan, pekerja sosial akan memfokuskan kepada rawatan terapi keluarga supaya setiap ahli keluarga cakna dan faham tentang peranan masing-masing yang perlu di mainkan dalam menjaga kesejahteraan sesebuah institusi kekeluargaan (Mohamad Yusof et al., 2020).

5. Kesimpulan

Kesimpulannya, kesihatan emosi rakyat Malaysia adalah membimbangkan. Banyak isu emosi yang menyebabkan suami dan isteri bertindak ganas terhadap jiwa pasangan adalah antara elemen yang menyumbang kepada keganasan rumah tangga. Dapatan analisis ini dapat membantu masyarakat umum memahami dengan lebih jelas bahawa keganasan rumah tangga dalam kalangan rakyat Malaysia sebenarnya berpunca daripada kegagalan mengawal sentimen

dan emosi. Selain itu, analisis ini menawarkan beberapa cadangan penyelesaian yang mungkin digunakan oleh orang ramai, keluarga dan komuniti. Pekerja sosial adalah penting dalam memastikan bahawa stigma yang menyelubungi penyakit mental tidak lagi berasas dan ia ditangani sebagai keadaan yang sah.

6. Rujukan

- Abdul Ghani, F. (2020, April 3). Mengapa Kes Keganasan Rumah Tangga Meningkatkan Semasa PKP? Astro Awani. <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/mengapa-kes-keganasan-rumah-tangga-meningkat-semasa-pkp-236528>
- Abdul Karim, L., A. (2019). Panas Baran Punca Utama Keganasan Rumah Tangga. Berita Harian Online. <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2019/11/630775/panas-baran-punca-utama-keganasan-rumah-tangga>
- Abdullahi, U. (2018, Oktober). The Insight of Domestic Violence from the Perspective of Female Victims in Ebiraland, Nigeria. (Unpublished master's thesis). University Utara Malaysia.
- American Psychiatric Association. (2020, Ogos). What is posttraumatic stress disorder (PTSD). <https://psychiatry.org/patients-families/ptsd/what-is-ptsd>
- Ayob, N., Abdul Rauf, S.H., Samsudin, N.M. (2021). Tahap pengetahuan masyarakat Kelantan terhadap keganasan rumah tangga. *Asian People Journal*, 4(2), 72-79. <https://journal.unisza.edu.my/apj/index.php/apj/article/view/228/196>
- Erikson, E. H. (1963). *Childhood and society*, (2nd ed.). NY: W.W. Norton. CLASSIC.
- Feldman, R., S. (2021), *Understanding Psychology* (15th ed). Mc Graw Hill.
- Flury, M., Nyberg, E., & Riecher-Rössler, A. (2010). *Domestic violence against women: definitions, epidemiology, risk factors and consequences*. *Swiss Medical Weekly*, 2. <https://smw.ch/article/doi/smw.2010.13099>
- Krug, E., Dahlberg, L., Mercy, J., Zwi, A., & Lozano, R. (2002). *World report on violence and health*. Geneva: World Health Organization. https://apps.who.int/iris/bitstream/handle/10665/42495/9241545615_eng.pdf
- Laporan Statistik Keganasan Rumah Tangga Jabatan Kebajikan Masyarakat Tahun 2019 https://www.jkm.gov.my/jkm/uploads/files/pdf/laporan_statistik/FINAL%20Web%20Upload%20-%20Laporan%20Statistik%202019.pdf
- M. Razis (2021, Mac 16), Pejuang kesihatan mental *Harian Metro* <https://www.hmetro.com.my/WM/2021/03/684499/pejuang-kesihatan-mental>
- Mohamad Yusof, M., Azman, A., Kamarul Bahrin, F., Yahaya, M. (2020). *International Conference on Social Work* (pp. 133-143). University of Muhammadiyah Jakarta. <https://jurnal.umj.ac.id/index.php/ICSW2019/article/view/6888/4302>
- Rutherford, A., Zwi, A., Grove, N., & Butchart, A. (2007). Violence: a glossary. *J Epidemiol Community Health*, 676. <https://www.ncbi.nlm.nih.gov/pmc/articles/PMC2652990/>
- Shuib, S. (2012, September 23). *Perkembangan Sosio Emosi*. <https://www.slideshare.net/SuhaizaShuib1/perkembangan-sosio-emosi-14413903>
- Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia. (2022, Jun 29). *Keganasan Rumahtangga*. <https://www.malaysia.gov.my/portal/content/28911?language=my>

Yahya, N. (2014). Kesan Emosi yang Dihadapi oleh Wanita yang Bercerai Akibat Keganasan Rumah Tangga: Satu Kajian di Negeri Johor. (Unpublished master's thesis). University Teknologi Malaysia.
<http://eprints.utm.my/id/eprint/41895/1/NurfadhilahYahyaMFP2014.pdf>

Isu Transeksual dan Peranan Pekerja Sosial

Nur Farain Suhaila Mohamad Helmy¹, Mohamad Syazni Rosli²,
Paramjit Singh Jamir Singh³, Azlinda Azman⁴

^{1,2,3,4}Program Kerja Sosial, Pusat Pengajian Sains Kemasyarakatan, Universiti Sains Malaysia

Email: ¹farainsuhaila@student.usm.my, ³paramjit@usm.my

Abstrak

Tajuk kajian adalah faktor terjadinya isu transeksual di Malaysia serta peranan pekerja sosial dalam mengurangkan isu transeksual di Malaysia. Objektif yang digunakan ialah faktor atau punca terjadinya kegiatan transeksual dalam kalangan rakyat Malaysia dan peranan yang dimainkan oleh badan bertanggungjawab iaitu pekerja sosial dalam menangani kegiatan tersebut. Kedua-dua objektif dipilih bagi mengkaji dua aspek tersebut. Selain itu, kajian ini dijalankan dalam kelompok rakyat Malaysia yang terlibat dalam isu transeksual sahaja. Tambahan lagi, kaedah yang dijalankan bagi menyiapkan kertas kerja ini ialah melalui rujukan. Dalam kajian ini, kami telah mengenalpasti faktor terjadinya isu transeksual dalam kelompok masyarakat di Malaysia. Dapatan menunjukkan faktor ketidakseimbangan hormon-hormon seks, faktor kekeluargaan dan faktor pengetahuan agama yang lemah antara punca terjadinya isu transeksual tersebut. Selain itu, dapat dikenalpasti juga beberapa jenis peranan yang akan dimainkan oleh pekerja sosial bagi menangani isu ini seperti broker, guru/pendidik serta fasilitator. Secara kesimpulannya, daripada kertas projek ini kami telah mengetahui serba sedikit faktor atau punca terjadinya isu transeksual ini di Malaysia serta peranan-peranan yang dimainkan oleh badan bertanggungjawab untuk menangani isu ini.

Kata kunci: Isu transeksual; masyarakat; peranan pekerja sosial.

1. Definisi

Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2017) transeksual didefinisikan sebagai lelaki atau perempuan yang mempunyai perasaan terhadap sama jantina dan berpakaian melawan jantina serta ada yang sesetengah yang telah menukarkan alat kelamin kepada lawan jantina melalui proses pembedahan. Transeksual terdiri daripada perkataan 'trans' dan 'seksual' dimana trans membawa maksud mengubah manakala seksual bermaksud jantina. Oleh itu, gabungan perkataan 'trans' dan 'seksual' transeksual adalah mengubah jantina samada perempuan kepada lelaki atau lelaki kepada perempuan. Perkataan transeksual menurut Barat memberi maksud yang banyak dan pelbagai, sesetengah mengatakan bahawa transeksual merupakan identiti utama yang memberi makna kepada siapa diri mereka yang boleh dilihat. Bagi sesetengah sarjana Barat yang lain pula, transeksual membawa maksud kategori yang samar-samar. Tambahan lagi, golongan transeksual ialah masyarakat atau individu yang mempunyai gangguan identiti. Hal ini demikian kerana mereka tidak berminat dengan seks atau perasaan, tetapi naluri hidup mereka cenderung kepada aktiviti songsang. Menurut Islam, transeksual merupakan amalan songsang dan perlakuan yang bertentangan dengan jantina asal. Seterusnya, Imam An-Nawawi mendefinisikan seorang lelaki yang dalam pergerakan, penampilan dan bahasanya membawa ciri-ciri seorang wanita sebagai mukhannas atau dikenali sebagai khunsa. Mukhannas atau khunsa bermaksud individu yang mempunyai dua alat kelamin, iaitu alat kelamin lelaki dan wanita, atau individu yang tidak mempunyai kedua-dua alat kelamin berkenaan, tetapi mempunyai lubang untuk kencing.

Menurut Jabatan Agama Islam Selangor (2016) terdapat dua jenis mukhannas menurut iaitu yang pertama ialah seseorang individu yang mempunyai ciri-ciri semula jadi dan dia tidak meletakkan ciri-ciri tersebut pada diri mereka dengan sendiri. Oleh yang demikian tidak ada kesalahan padanya, tidak ada dosa dan tidak perlu malu dengannya, selagi dia tidak melakukan perbuatan haram, atau mengeksploitasinya untuk wang seperti aktiviti pelacuran. Jenis kedua ialah berperwatakan seperti perempuan dengan tujuan tidak bermoral, dan dia dikira melakukan dosa.

2. Faktor kepada Permasalahan Transeksual

Terdapat beberapa faktor yang menyumbang terhadap segelintir individu untuk melibatkan diri dalam menjadi lesbian dan gay atau dikenali sebagai homoseksual. Menurut Kartini (1989) terdapat beberapa teori yang telah dikemukakan bagi menerangkan sebab-sebab masyarakat terjebak dalam isu transeksual ini.

2.1 Faktor Herediter

Antaranya ialah faktor herediter dimana faktor tersebut merupakan ketidakseimbangan hormone-hormon seks yang juga dikenali sebagai teori 'gay gene'. Teori ini merupakan teori pertama yang ditemukan oleh Magnus Hirschfeld yang menegaskan bahawa transeksual adalah sebuah penerimaan yang menyeru persamaan terhadap hukum bagi semua kaum yang terlibat dalam transeksual.

2.2 Faktor Keluarga

Selain itu adalah faktor keluarga. Kanak-kanak di usia yang muda yang mempunyai pengalaman dalam menghadapi sebuah institusi kekeluargaan yang bermasalah pasti akan hidup dalam ketakutan atau trauma. Hal ini demikian kerana, kanak-kanak pernah dikasari oleh ibu mahupun bapa sehingga menjadikan si anak beranggapan bahawa semua perempuan dan lelaki adalah sama dimana mempunyai sikap yang kasar dan panas baran. Sebagai contoh, terdapat seorang kanak-kanak perempuan yang sering dimarahi dan dipukul oleh ayahnya yang menjadikannya benci terhadap ayahnya serta trauma terhadap perbuatan yang pernah dilalui olehnya mengakibatkan kanak-kanak tersebut mengalami gangguan dari segi fizikal, mental, emosi dan seksual yang menjadikannya benci terhadap semua lelaki. Oleh yang demikian, minatnya terhadap lelaki telah luntur disebabkan masa silamnya yang menjadikan dia trauma dengan lelaki. Di samping itu, kemahuan ibu bapa yang menginginkan zuriat yang berlain jantina juga merupakan faktor yang besar kenapa terjadinya budaya transeksual. Hal ini demikian kerana, ibu bapa mempunyai peranan yang utama dalam mendidik serta mencorakkan anak sejak kecil lagi. Sebagai contoh, apabila dalam sesebuah institusi kekeluargaan itu anaknya semua berjantina lelaki dan pasangan tersebut amat menginginkan zuriat perempuan dan menjadikan mereka melayan anak terakhir mereka dengan cara yang salah dimana memakaikan pakaian perempuan sejak kecil dan pada awalnya tidak mempunyai apa-apa sebab dan hanya sekadar untuk menyeronokkan. Oleh yang demikian, apabila cara tersebut sudah terbiasa dipraktikkan maka apabila kanak-kanak tersebut sudah dewasa akan berlakunya kecelaruan identiti.

2.3 Faktor Pengetahuan Agama Yang Lemah

Tambahan pula, Menurut Noor Azilawati Mohd Sabda (2016) pengetahuan agama yang lemah juga mendorong masyarakat mudah terjebak dalam gejala transeksual. Hal ini demikian kerana,

pengetahuan agama yang lemah merupakan faktor dalaman seseorang yang boleh mempengaruhi seseorang itu terlibat dalam homoseksual. Hal ini kerana, didikan agama dan akhlak adalah sangat penting untuk membentuk jati diri, akal serta peribadi seseorang individu agar ianya tidak mudah terpesong ke jalan yang salah dan memudaratkan. Pengetahuan agama yang mendalam dan tinggi dalam diri seseorang memainkan peranan yang penting kerana ia merupakan benteng pertahanan yang utama dalam mendidik diri untuk membezakan yang mana yang baik dan yang mana yang buruk serta yang mana yang halal dan yang mana yang haram.

3. Golongan yang Terlibat

Menurut Irsyad Al-Hukmi (2019) secara umumnya, gambaran masyarakat luar terhadap kelompok transeksual ini menjurus kepada lelaki yang bersifat keperempuanan atau perempuan yang bersifat kekelakian yang sering dikaitkan dengan homoseksualiti iaitu lesbian dan gay. Tambahan pula, kajian yang dilakukan terhadap kelompok golongan transeksual atau LGBT ini mendapati 65% daripada transgender menjadikan aktiviti pelacuran sebagai salah satu mata pencarian wang perbelanjaan untuk kehidupan manakala 25% daripada mereka terlibat dengan kelab malam dan sekitar 10% sahaja yang tidak melibatkan diri dengan aktiviti seumpamanya iaitu sektor perniagaan dan lain-lain. Tambahan lagi, golongan yang terlibat dengan LGBT terbahagi kepada dua kelompok utama iaitu pesakit yang memerlukan rawatan daripada pakar psikiatri dan golongan yang berjuang menuntut hak asasi manusia untuk membela golongan tersebut. Justeru itu, golongan yang kedua yang mana berjuang dalam menuntut hak asasi membela golongan transeksual tersebut adalah golongan yang dilabel sebagai menyimpang atau sesat dari norma masyarakat dan sering dipinggirkan. Oleh yang demikian, atas faktor tersebut mereka berjuang menuntut supaya masyarakat menerima dan mengiktiraf kehadiran mereka dalam persekitaran masyarakat.

4. Isu yang Dihadapi Golongan yang Terlibat

Menurut Siti Amirah (2019) isu yang timbul berkaitan transeksual di Malaysia lebih daripada 20 buah negara telah mengiktiraf golongan LGBT. Perkembangan golongan ini dapat dilihat bukan sahaja di negara yang mengiktiraf tetapi juga pada negara yang mengambil langkah sebaliknya termasuklah Malaysia. Oleh yang demikian, perkembangan golongan transeksual di Malaysia menimbulkan pelbagai isu dan cabaran kepada negara. Terdapat beberapa aspek terhadap isu yang dihadapi golongan transeksual di Malaysia ini.

4.1 Kesihatan

Antaranya ialah dari aspek kesihatan. Menurut Amarjit Kaur (2019), sebanyak 111,916 rakyat Malaysia menghidap HIV atau AIDS dari tahun 1986 hingga 2016. Penyakit HIV dan AIDS ini disebarkan melalui suntikan dan hubungan kelamin dimana ianya sinonim dengan golongan transeksual serta lelaki yang bersetubuh dengan lelaki. Oleh yang demikian kajian telah melaporkan bahawa golongan ini kebanyakannya mengetahui hal-hal seperti *safe sex* namun bertindak atas kehendak klien dan status klien. Bagi golongan transeksual ini, penyakit itu bukan satu masalah bagi mereka tetapi yang mengrisaukan mereka adalah duit dan juga penerimaan mereka dalam kelompok masyarakat. Tambahan pula, isu lain yang wujud dari aspek kesihatan ialah pembedahan alat kelamin. Pembedahan ini telah diharamkan di Malaysia tetapi golongan-golongan transeksual ini mereka memilih untuk menjalani pembedahan di negara luar iaitu

Thailand atau Singapura. Menurut Marziana (2014) terdapat beberapa buah hospital swasta yang telah membenarkan pembedahan alat kelamin ini berlaku di Malaysia secara haram. Oleh yang demikian dari sudut psikologi, beberapa kajian mendapati bahawa pembedahan alat kelamin ini dapat mengurangkan risiko serta mengatasi masalah mental seperti depresi dan cemas. Namun demikian, terdapat dua aspek dalam isu ini yang diketengahkan iaitu transgender atau *gender identity disorder* telah diklasifikasikan sebagai masalah mental. Klasifikasi ini sering dibualkan dan kebenaran transgender sebagai masalah mental sukar untuk dinafikan dan ia sepatutnya ditangani secara psikologi bukan melalui pembedahan alat kelamin. Aspek kedua adalah kesan dan komplikasi pembedahan ini. Hal ini sangat membimbangkan kerana pembedahan alat kelamin adalah sangat rumit, memerlukan tenaga pakar dan mempunyai banyak komplikasi kesihatan.

4.2 Komuniti

Seterusnya ialah aspek komuniti dan masyarakat. Pada tahun 2015, Presiden Amerika Syarikat iaitu Barack Obama telah mengumumkan bahawa institusi sekolah harus membenarkan pelajar transeksual menggunakan tandas mengikut kehendak masing-masing. Namun demikian, perkara ini telah menimbulkan perdebatan yang panjang bahawa peraturan ini telah memberi akses kepada lelaki yang berlakon sebagai wanita untuk memasuki tandas wanita justeru membuka peluang kepada gangguan seksual dan menyebabkan gejala salah laku seks berleluasa tanpa kawalan. Tambahan pula, masalah yang lebih membimbangkan pelbagai pihak adalah struktur komuniti di Malaysia. Perempuan yang menukar jantinya kepada lelaki masih boleh mengandungkan kandungan atau bayi manakala lelaki yang menukar jantina kepada perempuan tidak boleh mengandung sama sekali. Oleh yang demikian, perkara dimana lelaki bertukar kepada perempuan dan berkahwin dengan dengan sama jantina iaitu lelaki juga, penghasilan zuriat tidak akan terjadi manakala apabila perempuan bertukar kepada lelaki telah membentuk suatu kekeliruan sedia ada dalam isu transgender secara biologi dimana hanya perempuan yang asli sahaja yang mampu mengandung dan melahirkan anak. Hal ini lantas membenarkan kepincangan dalam sistem masyarakat dan kekeluargaan.

4.3 Agama

Di samping itu, aspek agama Islam. Kelompok transeksual atau transgender ini datang daripada pelbagai latar belakang kaum dan agama. Kebanyakan golongan transeksual yang menganut agama yang bertentangan dengan naluri mereka iaitu mereka lebih memilih untuk meninggalkan agama asal mereka. Hal sedemikian ini terjadi termasuk kepada golongan transeksual yang beragama Islam. Namun demikian, perlakuan keluar agama atau murtad merupakan dosa yang amat besar yang tidak diampuni oleh Allah SWT melainkan mereka bertaubat dengan taubat nasuha iaitu taubat yang sebenar-benarnya. Selain itu, terdapat garis panduan yang jelas tentang aurat antara lelaki dan perempuan di dalam Islam. Aurat lelaki secara keseluruhannya adalah antara pusat hingga lutut, manakala perempuan yang berhadapan dengan ajnabi iaitu mereka yang dibenarkan berkahwin adalah semua anggota badan kecuali muka dan tapak tangan. Tambahan pula, dalam konteks golongan mak nyah atau transgender, batasan aurat masih mengikut jantina asal namun penampilan mereka adalah bertentangan dengan jantina asal mereka. Isu ini seterusnya telah menimbulkan konflik dalam pelaksanaan ibadah dan muamalah seperti solat, puasa dan pembahagian harta pusaka. Golongan transgender, perempuan kepada lelaki, tidak boleh berjemaah bersama kaum lelaki. Tambahan pula, masalah juga timbul dalam

isu pembahagian harta pusaka kerana lelaki dan perempuan mempunyai bahagian tertentu dalam memperoleh harta pusaka. Oleh yang demikian, masalah tersebut akan lebih jelas apabila golongan transgender ini bertaubat dan ingin kembali kepada Islam yang sebenar.

5. Corak Intervensi

Corak intervensi bagi pekerja mempunyai tiga tahap iaitu tahap mikro, mezzo dan makro. Tahap mikro merupakan corak intervensi yang didefinisikan sebagai tahap dalam skala yang kecil dimana ianya lebih tertumpu kepada individu itu sendiri. Tahap mikro ini lebih memfokuskan kepada individu atau klien yang terlibat dan interaksi individu atau klien tersebut dengan orang-orang terdekatnya yang dapat dilihat jelas memberi impak secara terus terhadap diri individu atau klien tersebut. Contohnya, ahli keluarganya. Tahap kedua ialah tahap mezzo. Tahap mezzo adalah tahap yang memfokuskan terhadap persekitaran sekeliling individu iaitu focus kepada perhubungan individu dengan rakan sebaya, jiran tetangga, tempat kerja serta sekolah. Tahap yang terakhir ialah tahap makro. Tahap makro adalah tahap yang melibatkan dalam skala yang besar dalam corak intervensi. Hal ini demikian kerana, tahap makro memfokuskan kepada praktis yang melibatkan organisasi, komuniti atau masyarakat secara menyeluruh. Oleh yang demikian penglibatan pekerja sosial pada tahap makro ini berkait dengan aktiviti-aktiviti pentadbiran, kutipan derma, menganalisis polisi, pembangunan sumber-sumber manusia dan cadangan perundangan. Sebagai contohnya sistem bagi tahap makro adalah organisasi, institusi, komuniti dan budaya.

Oleh yang demikian, isu transeksual yang dihadapi di negara Malaysia ini kesemua tahap intervensi boleh diguna pakai ketika sesi intervensi dijalankan dengan golongan yang terlibat dalam isu transeksual ini. Hal ini demikian kerana, ada sesetengah isu atau kes yang dihadapi oleh individu atau klien boleh dibuat dalam tahap mikro sahaja iaitu dalam kalangan individu malah ada beberapa isu atau kes yang dihadapi perlu diselesaikan dalam tahap mezzo iaitu kalangan kelompok persekitarannya seperti keluarga, rakan sekerja, rakan sebaya dan sebagainya ataupun yang melibatkan komuniti masyarakat iaitu pada tahap makro.

5.1 Tahap Mikro

Antara corak intervensi pertama yang boleh dilaksanakan bagi golongan yang terlibat dalam isu transeksual adalah corak intervensi mikro. Menurut Dobuis dan Miley (2014) intervensi mikro dalam kerja sosial merangkumi individu, keluarga dan kumpulan yang kecil untuk memudahkan perubahan dalam tingkah laku individu atau dalam hubungan mereka dengan orang lain. Tambahan pula, individu sering mendapatkan perkhidmatan pekerja sosial kerana pengalaman pahit mereka dalam penyesuaian, perhubungan interpersonal, atau kerana tekanan daripada persekitaran. Fokus perubahan dan pada tahap mikro ini adalah untuk mewujudkan fungsi individu.

5.2 Tahap Mezzo

Seterusnya, tahap mezzo. Menurut Dobuis dan Miley (2014) corak intervensi pada peringkat mezzo merangkumi interaksi kumpulan formal dan organisasi yang kompleks. Campur tangan tahap mezzo ini memfokuskan pada menukar kumpulan atau organisasi itu sendiri. Faktor

kumpulan dan organisasi ialah fungsi, struktur, peranan, corak membuat keputusan, dan gaya pengaruh interaksi mereka untuk proses perubahan. Tambahan pula, tahap mezzo memerlukan pemahaman yang harus mendapat perhatian yang tajam daripada kumpulan dan struktur organisasi. Tambahan lagi, peringkat ini keberkesannya memerlukan kemahiran dalam perancangan organisasi, membuat keputusan dan rundingan konflik.

5.3 Tahap Makro

Akhir sekali ialah corak intervensi tahap makro. Menurut Dobuis dan Miley (2014) tahap intervensi makro dalam kerja sosial merangkumi persekitaran, komuniti dan masyarakat untuk mencapai perubahan sosial. Tambahan pula, amalan kerja sosial peringkat makro memerlukan pengetahuan tentang piawai dan nilai komuniti dan kemahiran mobilisasi komuniti yang diperlukan untuk memulakan sesi penyelesaian masalah. Contohnya, pekerja sosial bersama-sama bekerjasama dengan badan-badan bertanggungjawab seperti Badan Pengurusan Hal Ehwal Agama Islam yang pakar dalam bidang transeksual yang terjadi di Malaysia kini dengan memberi pendedahan mengenai kesedaran undang-undang terhadap golongan yang terlibat. Misalnya, pekerja sosial dan badan bertanggungjawab memberi pendedahan dan kesedaran mengenai penentuan dan pelaksanaan hukum Syariah yang dijalankan di Malaysia iaitu didedahkan mengenai Kesalahan Jenayah Syariah Negeri-Negeri yang melibatkan peruntukan kesalahan

6. Peranan yang Dimainkan Pekerja Sosial untuk Mengurangkan atau Menyelesaikan Masalah Tersebut

Menghadapi cabaran transeksual dalam masyarakat di Malaysia zaman kini bukanlah sesuatu perkara yang mudah, pelbagai usaha telah diambil oleh pihak-pihak kerajaan seperti JAKIM, majlis dan jabatan agama negeri, NGO dan individu-individu yang peka terhadap isu ini seperti pekerja sosial yang terlatih. Pekerja sosial juga merupakan antara badan yang bertanggungjawab dalam memberi nasihat serta mengurangkan isu transgender ini di Malaysia. Tambahan pula, kajian-kajian akademik juga telah banyak dilakukan bagi mencari jalan penyelesaian bagi masalah tersebut. Oleh yang demikian, kajian ini turut merangka pelan bimbingan terhadap golongan transgender berdasarkan perspektif psikospiritual Islam di samping hal-hal berkaitan yang memberi penekanan merangkumi beberapa perkara.

Pekerja sosial mempunyai beberapa peranan utama yang dimainkan dalam diri mereka ketika berurusan dengan klien. Peranan-peranan tersebut adalah berbeza mengikut jenis situasi atau masalah yang dihadapi klien. Pekerja sosial yang profesional bijak dalam menentukan jenis peranan apa yang perlu dimainkan ketika berurusan dengan klien-klien mereka. Oleh yang demikian, terdapat tiga jenis peranan pekerja sosial yang boleh diaplikasikan dalam diri pekerja sosial ketika berhadapan dengan klien yang dari golongan jenis transeksual atau transgender

6.1 Broker

Antaranya ialah broker. Pekerja sosial yang mengaplikasikan peranan broker dalam intervensi akan menggunakan kepakaran luar yang dilihat dapat membantu klien, kumpulan atau masyarakat. Tambahan pula, kepakaran luar ini dilihat dapat memberikan informasi-informasi

yang penting dan tertentu kepada individu, kumpulan dan masyarakat. Pekerja sosial akan menggunakan kenalannya iaitu dengan menghubungi mereka yang mempunyai kepakaran dalam bidang yang dikhususkan untuk kebaikan klien

6.2 Guru/Pendidik

Selain itu ialah berperanan sebagai guru atau pendidik. Pekerja sosial berperanan memberikan informasi-informasi tertentu untuk digunakan dalam sesi intervensi bersama klien. Sebagai contoh, memberikan maklumat berkaitan perkara-perkara yang boleh meningkatkan penyelesaian masalah yang dihadapi klien. Tambahan pula, peranan sebagai guru ini adalah untuk memberi maklumat tertentu sahaja dan bukannya memberi nasihat. Memberi maklumat meliputi informasi berkaitan data, input dan pengetahuan-pengetahuan tertentu yang ada pada diri pekerja sosial yang terlatih.

6.3 Fasilitator

Akhir sekali ialah berperanan sebagai fasilitator. Peranan seorang pekerja sosial sebagai fasilitator banyak digunakan apabila bekerja dengan kumpulan atau kelompok. Seterusnya, peranan fasilitator lebih bersifat memberi sokongan dan galakan kepada matlamat-matlamat yang hendak dicapai oleh kumpulan tersebut dan ianya bertujuan membantu ahli-ahli kumpulan dalam mempertingkatkan kefungsi sosial mereka dengan lebih baik lagi.

7. Kesimpulan

Isu transeksual ini merupakan satu isu yang telah lama berlaku disebabkan beberapa faktor yang mendorong mereka seperti faktor keluarga yang dapat mempengaruhi seseorang secara langsung, herediter dan juga kelemahan pengamalan agama dalam kehidupan seharian. Di samping itu, isu transeksual ini juga turut memberikan kesan kepada golongan yang terlibat seperti kesihatan terjejas, dipandang serong oleh komuniti dan juga kesalahan disisi agama. Disebabkan itu, sebagai seorang pekerja sosial yang berkemahiran dan berpengetahuan, kita perlu menggunakan kemahiran yang dimiliki agar dapat membantu dalam mencari jalan penyelesaian isu transeksual ini. Hal ini disebabkan oleh perkara ini perlu dibendung agar ianya tidak merebak dalam komuniti dan mengelakkan lebih ramai anak muda terpesong ke arah transeksual ini.

8. Rujukan

- Arifudin, A. (2019). Akademi Tamadun Islam, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan. *Media Sosial dan Penyebaran Budaya Transeksual Menurut Islam*, 3, 3-7.
https://www.researchgate.net/publication/339552685_Media_Sosial_dan_Penyebaran_Budaya_Transeksual_Menurut_Islam
- Azilawati, M. (2016). Jurusan Psikologi Pendidikan. *Kajian Teori Konsep Transeksual*.
<http://digilib.uinsby.ac.id>
- Brown, M. L., & Rounsley, C. A. (2003). *True Selves: Understanding Transsexualism--For Families, Friends, Coworkers, and Helping Professionals*. Wiley.
- Boswell (1997). BMC Public Health. *Intervenable factors transgender persons*, 15(1), 525.
<https://sk.sagepub.com/books/the-transgender-phenomenon>

- Dobuis & Miley. (2014). United States of America. *Social work with groups*, 21, 146-154.
https://scholar.google.com.my/scholar?q=dubois+dan+miley+kerja+sosial&hl=en&as_sdt=0&as_vis=1&oi=scholart
- Irsyad, A. (2016). Jabatan Mufti Negeri Kedah. *Isu Lesbian, Gay, Biseksual & Transgender (LGBT)*, 1, 1-4. <https://mufti.kedah.gov.my/images/PDF/Irsyadhukum/ISU-LESBIAN-GAY-BISEKSUAL--TRANSGENDER-LGBT-dimampatkan.pdf>
- Kartini, K. (1989). Islam Library. *Kajian Teori Konsep LGBT (Lesbian, Gay, Biseksual & Transgender)*, 2, 1-13. <http://digilib.uinsa.ac.id/19559/3/Bab%202.pdf>
- Kamus Dewan Edisi Keempat. (2017). *Transeksual*.
<https://prpm.dbp.gov.my/cari1?keyword=picisan>
- Marziana. (2014). Journal of Business and Social Development. 'Gejala Transeksual: Implikasi Yang Membimbangkan, Bagaimana Keprihatinan Kita?', 2(2), 48-61.
<https://jbsd.umt.edu.my/wp-content/uploads/sites/53/2014/11/6.pdf>
- Rahim, Siti & Abdul Rahman, Hanisah & Yusof, Farahwahida. (2020). Transgender Di Malaysia (Transgender In Malaysia). UMRAN - International Journal of Islamic and Civilizational Studies. <https://doi.org/10.11113/umran2020.6n3-2.422>
- Sumber R&D. (2016). Jabatan Agama Islam Selangor. *Isu Transgender Suatu Tinjauan Umum*, 31(2), 191-199. <https://www.jais.gov.my/v2/index.php>
- Wan, A. (1991). Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd. *Dilema Mak Nyah Kuala Lumpur*.
<https://islamic.library>
- Yayasan Ihtimam Malaysia. (2016). Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM). MEMAHAMI LESBIAN, GAY, BISEKSUAL, DAN TRANSGENDER (LGBT), 18, 1-18.
https://www.islam.gov.my/images/ePenerbitan/Memahami_LGBT_Dari_Perspektif_Seorang_Muslim.pdf

Impak Penghidap Autisme Dan Keluarga Di Malaysia

Amber Wang Zi Yan¹, Nur Athirah Mohd Tajjuddin², Muhammad Razlan Ramli³,
Muhammad Nazran Wafiq Nazri⁴, Paramjit Singh Jamir Singh⁵

^{1,2,3,4,5}Program Kerja Sosial, Pusat Pengajian Sains Kemasyarakatan, Universiti Sains Malaysia
Email: ¹amberwang@student.usm.my, ⁵paramjit@usm.my

Abstrak

Hari Kesedaran Autisme Sedunia ialah hari yang diiktiraf antarabangsa pada tanggal 2 April setiap tahun. Tujuan Hari Kesedaran Autisme Sedunia ini diadakan adalah untuk meningkatkan tahap kesedaran di pelbagai peringkat masyarakat dalam menyantuni dan memahami golongan istimewa ini. Autisme dapat ditakrifkan sebagai salah satu gangguan neurologi dan perkembangan yang paling terkenal. Statistik yang dikeluarkan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat menyatakan bahawa setakat Mei 2017 mencatatkan sebanyak 15,484 di seluruh negara telah didiagnosis dengan masalah autisme berbanding dengan tahun sebelumnya, 2016. Daripada statistik yang telah dikeluarkan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat ini menunjukkan bahawa bilangan penghidap Autisme semakin bertambah dan dijangkakan akan berlaku peningkatan lagi pada tahun-tahun yang akan datang. Walaupun kesedaran autisme semakin meningkat, penghidap autisme masih tidak diterima oleh masyarakat di negara ini. Matlamat kertas ini adalah untuk memberi tumpuan kepada kesan-kesan yang diterima oleh orang yang didiagnosis dengan autisme dan terhadap keluarga mereka. Metodologi yang digunakan dalam kajian ini terdiri daripada kajian kes dan sumber sekunder seperti artikel dan kertas penyelidikan. Selain itu, kertas kerja ini juga akan membincangkan intervensi yang boleh disediakan untuk menyokong penghidap autisme dan keluarga mereka. Kertas kerja ini berhasrat untuk memberikan kesedaran mengenai autisme dan menjadi medium dalam meningkatkan pengetahuan kerja sosial terhadap penghidap autisme dan keluarga mereka secara holistik.

Kata kunci: Autisme; keluarga; perhubungan; intervensi, mikro.

1. Pengenalan

Berdasarkan National Institute of Mental Health (2022), autisme atau dikenali sebagai *Autism Spectrum Disorder* adalah gangguan neurologi dan perkembangan yang menjejaskan cara seseorang individu berinteraksi dengan orang lain, berkomunikasi, belajar dan berkelakuan. Walaupun autisme boleh didiagnosis pada pelbagai peringkat umur, ia digambarkan sebagai “gangguan perkembangan” disebabkan gejala autisme biasanya boleh dilihat dalam dua tahun pertama dalam kehidupan seseorang (National Institute of Mental Health, 2022). Dalam kata lain, autisme adalah satu kondisi jangka panjang iaitu tiada sebarang ubatan yang boleh dirawat sepenuhnya. Namun begitu, terdapat banyak jenis rawatan dan perkhidmatan yang boleh memperbaiki gejala dan kefungsiannya harian penghidap autisme dalam jangka masa panjang. Menurut Ishak *et al.* (2020) dan National Institute of Mental Health (2018), autisme boleh berlaku kepada sesiapa sahaja tanpa mengira agama, kumpulan etnik, kaum, jantina dan kumpulan ekonomi. Hampir majoriti masyarakat umum di negara ini sudah mengetahui bahawa bulan April pada setiap tahun merupakan satu bulan yang sangat istimewa bagi penghidap autisme. Untuk pengetahuan, Hari Kesedaran Autisme Sedunia ialah hari yang diiktiraf antarabangsa pada tanggal 2 April setiap tahun. Tujuan Hari Kesedaran Autisme Sedunia ini

diadakan adalah untuk meningkatkan tahap kesedaran di pelbagai peringkat masyarakat dalam menyantuni dan memahami golongan istimewa ini.

Menurut Persatuan Kebangsaan Autisme Malaysia (2022), gejala autisme boleh ditemui pada kanak-kanak berumur antara dua hingga enam tahun. Individu yang mempunyai autisme mengalami kesukaran dengan komunikasi dan interaksi sosial serta mempunyai minat terhad dan tingkah laku berulang (National Institute of Mental Health, 2018). Antara contoh komunikasi sosial yang biasanya dilihat pada seseorang yang menghidap autisme adalah mempunyai kontak mata yang minimal, tidak memberi perhatian atau mendengar dalam tempoh masa yang lama terhadap orang yang bercakap, dan memberi tindak balas yang lambat atau tiada tindak balas langsung apabila seseorang memanggil nama mereka. Selain itu, terdapat juga beberapa tingkah laku berulang (*repetitive behavior*) yang dapat dilihat terhadap individu yang autistik (National Institute of Mental Health, 2018). Misalnya, mengulang tingkah laku tertentu seperti mengulangi sesuatu perkataan atau ayat yang juga dikenali sebagai ekolalia, menjadi lebih sensitif terhadap beberapa input deria seperti bunyi dan suhu serta mempunyai kesukaran jika terdapat perubahan dalam rutin (National Institute of Mental Health, 2018). Berdasarkan Gal *et al.* (2009), penghidap autisme boleh diklasifikasikan dalam dua kategori iaitu Autisme Berfungsi Tinggi (*High-Functioning Autism, HFA*) dan Autisme Berfungsi Rendah (*Low-Functioning Autism, LFA*), beliau menyatakan bahawa klasifikasi ini adalah berdasarkan kepada beberapa aspek iaitu darjah kecerdasan, kemampuan berkomunikasi dan kemampuan mereka untuk berdikari (Bujang, Jima'ain @ Ajmain dan Saari, 2020).

Bagi mengenal pasti jika seseorang mempunyai autisme, Centers for Disease Control and Prevention (2022) menyatakan bahawa tiada ujian perubatan untuk menentukan jika seseorang mempunyai autisme dan doktor hanya dapat menentukan dengan melihat tingkah laku dan perkembangan mereka. Walau bagaimanapun, Centers for Disease Control and Prevention (2022) menyatakan bahawa penilaian perlu didapatkan secepat mungkin supaya diagnosis dapat dibuat dan rawatan boleh dimulakan. Menurut Bernier, Mao dan Yen (2010), autisme kini dianggap sebagai gangguan perkembangan yang paling biasa (ms. 855). Walau bagaimanapun, terdapat stigma sosial dan cabaran yang dihadapi oleh golongan autisme dan keluarganya.

Antara stigma sosial yang diterima dan cabaran yang dihadapi oleh golongan autisme dan keluarganya adalah banyak cemuhan yang tidak berasas kadangkala dilemparkan kepada golongan ini. Apa yang menyedihkan adalah tanggapan yang salah dan stigma negatif itu bukan sahaja datang dari masyarakat sekeliling sahaja malahan ada yang datangnya dari keluarga terdekat penghidap autisme itu sendiri. Antara tanggapan yang biasa dilontarkan kepada penghidap autisme ini adalah, mereka beranggapan penghidap autisme ini seorang yang cacat mental, tidak boleh belajar atau diajar, berisiko menjadi ganas dan tidak terkawal, berbahaya kepada orang lain, serta sebagai sumber ancaman kepada keharmonian ibu bapa dan keluarga serta masyarakat setempat. Inilah merupakan asas kepada stigma negatif dan tanggapan yang salah yang telah lama berakar umbi dalam masyarakat.

Masyarakat umum di luar sana perlu mengetahui bahawa penghidap autisme ini juga seperti manusia normal yang boleh bekerja, mendirikan rumah tangga, mempunyai cahaya mata tetapi, mereka ini perlu dibantu dengan intervensi yang khusus pada peringkat lebih awal lagi. Malah, terdapat juga kajian yang menunjukkan bahawa, penghidap autisme ini mampu berfungsi

seperti individu normal yang lain dari segi fungsi intelek dan pembelajaran. Terdapat diantara penghidap autisme ini yang mempunyai kelebihan dan keupayaan fungsi intelek serta bakat yang lebih baik dari individu normal. Suatu perkara yang perlu difahami dan diberitahu kepada masyarakat ialah, terdapat juga penghidap autisme ini masih memiliki fungsi intelek yang tinggi dan baik serta boleh menerima dan memahami input pendidikan dan latihan yang diberikan dan diajar. Tetapi setiap input dan pendidikan yang diberikan itu adalah yang bersesuaian dengan keupayaan mereka ini sendiri.

Menurut statistik yang dikeluarkan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat menyatakan bahawa setakat Mei 2017 mencatatkan sebanyak 15,484 di seluruh negara telah didiagnosis dengan autisme berbanding dengan tahun sebelumnya, 2016. Daripada statistik yang telah dikeluarkan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat ini menunjukkan bahawa bilangan penghidap autisme semakin bertambah dan dijangkakan akan berlaku peningkatan lagi pada tahun-tahun yang akan datang. Dari jumlah tersebut, 2,080 orang yang didaftarkan adalah berumur bawah enam tahun, 7,167 orang berumur tujuh hingga 12 tahun, 2,248 orang berumur 13 hingga 18 tahun. Menurut Pakar Psikiatrik Kanak-Kanak, Profesor Madya Dr. Fairuz Nazri Abd Rahman berkata, masalah perkembangan kesihatan mental ini merangkumi kes autisme. Masalah perkembangan kesihatan mental yang merangkumi autisme ini dikatakan berpunca daripada isu genetik atau keturunan dan trauma ibu ketika kelahiran seperti pendarahan, pembedahan serta oksigen tidak mencukupi hingga memberi impak terhadap otak anak. Menurut beliau lagi, gejala masalah perkembangan mental ini memakan masa untuk dikesan. Dr. Fairuz Nazri juga menyifatkan autisme adalah antara masalah paling popular yang berlaku pada kanak-kanak hari ini dengan anggaran satu daripada 100 kanak-kanak adalah penghidap autisme.

2. Contoh Kajian Kes

Oliver (bukan nama sebenar), ialah seorang lelaki berumur 15 tahun. Oliver dilahirkan cukup bulan dan melalui kehamilan dan bersalin normal. Keputusan penilaian kesihatan Oliver adalah normal dan tiada tanda-tanda luar biasa padanya. Dia mula berjalan pada usia 12 bulan. Ibu Oliver, Lily (bukan nama sebenar), menyedari bahawa dia tidak mula bercakap dan tidak banyak memberi kontak mata, menyebabkan Lily mempunyai kebimbangan pada masa itu. Oleh itu, ibu bapa Oliver membawanya ke hospital untuk membuat pemeriksaan kesihatan lanjut pada usia dua tahun. Selepas beberapa penilaian dijalankan, Oliver disahkan menghidap autisme.

Oliver kini tinggal bersama keluarganya dan mempunyai seorang abang yang berumur 16 tahun. Bapanya yang bernama George (bukan nama sebenar) adalah seorang pengurus yang sedang bekerja di sebuah syarikat multinasional dan ibunya adalah seorang suri rumah tangga. Abangnya, Alex (bukan nama sebenar), sedang menyambungkan pelajarannya di sebuah kolej komuniti. Oliver mempunyai hubungan yang rapat dengan keluarganya. Oliver dan keluarganya akan melakukan aktiviti-aktiviti pada setiap hari Ahad seperti melawat ke zoo, berjoging, main bola sepak dan sebagainya. Oliver sedang bersekolah di sebuah sekolah menengah kebangsaan di Selangor di bawah Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI).

Berdasarkan Lily, tingkah laku yang ditunjukkan oleh Oliver adalah berulang. Contoh yang dinyatakan adalah mengulangi sesuatu perkataan atau ayat, menjatuhkan mainan dari sofa dan sensitif terhadap bunyi yang kuat. Lily juga menyatakan bahawa Oliver tidak suka bergaul dengan orang selain daripada keluarga dan saudara terdekatnya. Tingkah laku sebegini dapat

menunjukkan bahawa Oliver menentang aktiviti yang memerlukan interaksi dengan orang yang tidak dikenali dan lebih suka untuk hanya mengambil bahagian dalam aktiviti yang terhad kepada tuntutan peribadinya atau berkaitan dengan kepentingannya sendiri.

3. Metodologi

Semasa menjalankan kajian ini, kami memilih kepada kajian kes dan sumber sekunder seperti artikel dan kertas penyelidikan. Apabila merujuk kepada kajian kes dan sumber sekunder ini, kami melakukan banyak pembacaan untuk mendapatkan pengetahuan dan maklumat tentang impak penghidap autisme dan keluarga di Malaysia.

4. Impak Penghidap Autisme dan Keluarga

Dengan diagnosis autisme terhadap seseorang, pelbagai stigma-stigma sosial yang akan dihadapi oleh golongan autisme sendiri. Berdasarkan Alex (2018) dalam *The Stigmatization of Children with Autism Spectrum Disorder as Influenced by Gender*, walaupun autisme adalah gangguan yang paling dikenali, kesedaran tersebut tidak cukup untuk menghalang golongan autisme daripada menjadi satu stigma syarat (ms.11). Hal ini demikian kerana stigma yang mengelilingi sesuatu gangguan seperti autisme akan menyebabkan individu tersebut tidak mencari rawatan untuk diri sendiri atau untuk tanggungan (Alex, 2018).

Selain daripada stigma yang dihadapi oleh golongan autisme, kita tidak boleh menafikan bahawa terdapat juga stigma sosial yang dihadapi oleh orang yang paling terdekat dengan golongan autisme iaitu ahli keluarga. Dalam *Psychopathology, Families, and Culture: Autism* (2010), bagi keluarga yang menjaga anak autisme, terdapat banyak kesusahan yang dihadapi dan salah satu cabaran yang paling sukar untuk dihadapi oleh ibu bapa adalah tindak balas terhadap diagnosis autisme (ms.859). Berdasarkan Farrugia (2009) dalam Veroni (2019), ibu bapa mempunyai kesukaran dalam berhubung dengan anak mereka yang menghidap autisme disebabkan untuk melepaskan perasaan diri daripada merasakan mereka mempunyai anak yang ada “identiti yang rosak” (ms.6). Sudderth (2015) menekankan bahawa dengan diagnosis autisme terhadap anak mereka, ia akan memberi kesan yang berbeza kepada setiap ahli keluarga (ms.1-2). Sebagai contoh, ibu bapa akan mengalihkan tumpuan utama mereka terhadap anak autistik mereka dan ini mungkin meletakkan tekanan terhadap perkahwinan mereka, anak-anak lain yang mereka ada, pekerjaan, kewangan dan hubungan peribadi mereka dan tanggungjawab (Sudderth, 2015).

Dengan ini, ibu bapa yang mempunyai anak autistik selalunya akan ditemui dengan perasaan kesepian disebabkan masyarakat tidak sentiasa menerima anak mereka yang mempunyai keadaan sebegini (Sudderth, 2015). Salah satu perasaan yang paling biasa dirasai dalam kalangan ibu bapa anak autistik adalah perasaan malu. Sudderth (2015) menyatakan ini adalah suatu stigma dalaman akibat cara kanak-kanak mereka akan bertindak semasa berada di tempat awam. Jadi, ini menyebabkan ibu bapa untuk menjelaskan tingkah laku anak mereka kepada orang sekeliling apabila terdapat orang awam bertanya tentang anak mereka.

Di samping itu, ahli keluarga seperti adik-beradik juga dihadapi dengan stigma sosial apabila mempunyai adik yang menghidap autisme. Berdasarkan Dumke (2015), pengalaman yang dihadapi oleh adik-beradik yang lain semasa membesar dengan adik-beradik yang

menghidap autisme adalah kekeliruan peranan, persepsi rakan sebaya yang negatif, tidak menjalankan hubungan, penerimaan dan kualiti positif (ms.8). Apabila Dumke (2015) menganalisis pengalaman adik-beradik, peranan mereka diulang dalam penyelidikan seperti Seltzer dan rakan sekerja (1991) iaitu adik-beradik terutamanya kakak atau adik perempuan selalunya mengambil peranan sebagai penjaga serta memegang peranan sebagai advokator untuk adik-beradik yang mempunyai autisme (ms.8-9). Selain itu, reaksi rakan sebaya dan toleransi juga adalah salah satu aspek yang sering dihadapi oleh adik-beradik, Petalas *et al.* (2012) dalam Dumke (2015) menyatakan kondisi adik-beradik yang tidak dapat dilihat seperti autisme boleh membawa kepada reaksi rakan sebaya yang negatif dan akan menyebabkan konflik dalaman berlaku terhadap adik-beradik yang lain sama ada untuk menerima atau menghadapi ejekan untuk keadilan terhadap cerumuhan rakan sebaya (ms.10). Bukan sahaja itu, adik-beradik juga dilaporkan bahawa mereka berasa malu dan kecewa dalam situasi sosial yang melibatkan adik-beradik autistik mereka dan menyebabkan kesukaran dan rasa ragu-ragu untuk menerangkan keadaan adik-beradik mereka kerana takut ditolak oleh rakan sebaya mereka (Dumke, 2015).

5. Corak Intervensi

Terdapat pelbagai corak intervensi yang boleh diaplikasikan oleh pekerja sosial bagi menyampaikan pertolongan kepada golongan yang menghidap autisme dan keluarganya. Namun, untuk kertas kerja ini corak intervensi yang akan dibincangkan ialah menjalankan sesi kaunseling dengan golongan penghidap autisme dan ahli keluarganya. Penghidap autisme adalah salah satu kumpulan yang terdedah dan kebiasaannya tidak dapat mendapatkan bantuan yang diperlukan apabila mereka dewasa. Sebagai pekerja sosial, kita boleh membantu mereka dengan memahami dan mengiktiraf kekuatan mereka dan memperkasakan mereka (BASW England, n.d.). Memandangkan pekerja sosial bekerja rapat dengan golongan autisme, pekerja sosial dapat menyediakan intervensi yang diperlukan seperti terapi dan sokongan kewangan serta membantu penghidap autisme untuk memaksimumkan keupayaan mereka untuk mengenal pasti kekuatan dan membuat keputusan untuk diri mereka sendiri (BASW England, n.d.). Ibu bapa yang mempunyai anak autistik selalunya tidak dapat mencari mekanisme daya tindak yang berkesan kerana tekanan yang melampau dalam persekitaran mereka (Foster, 2015). Sebagai pekerja sosial yang terlatih secara profesional, matlamat kita adalah untuk menyokong ibu bapa dengan cara berkesan yang boleh membantu meningkatkan kesejahteraan dan kefungsi sosial mereka untuk menjaga anak autistik mereka. Dengan itu, pekerja sosial boleh membantu ibu bapa melalui kaunseling dengan membantu mereka dalam proses keibubapaan anak mereka serta mengenal pasti pelbagai mekanisme daya tindak untuk mengatasi tekanan apabila berhadapan dengan pelbagai senario (Foster, 2015). Sebagai contoh, ibu bapa boleh berunding dengan pekerja sosial tentang cara menangani secara positif apabila mereka mengalami tekanan emosi seperti mempunyai rasa sunyi, tertekan, keletihan dan lain-lain semasa menjaga anak autistik mereka. Dengan kaunseling, ibu bapa dapat memahami dan meneroka dengan lebih lanjut tentang emosi mereka dan mencari cara yang sesuai untuk mengendalikan tingkah laku anak mereka seperti perubahan mood, tantrum dan krisis dalam masa terdekat. Selain daripada ibu bapa, adik-beradik juga boleh berunding dengan pekerja sosial tentang cara-cara menangani masalah dengan cara yang sihat apabila mereka menghadapi kesukaran dalam menguruskan diri mereka sebagai penjaga adik-beradik autistik mereka dan sebagai individu yang mempunyai kehidupan sendiri sebagai pelajar atau bekerja dalam dunia korporat.

6. Kesimpulan

Kertas kerja ini diharapkan membantu masyarakat memahami perilaku seseorang yang menghidap autisme. Selain itu, masyarakat seharusnya memberi perhatian dan empati kepada golongan ini untuk meneruskan kehidupan mereka seperti manusia yang normal dan mereka juga berhak untuk mendapatkan kehidupan seperti itu. Oleh itu, pekerja sosial perlu memainkan peranan membantu individu atau masyarakat dalam memperbaiki dan mempertingkatkan kesejahteraan dan kefungsi sosial mereka yang memerlukan pertolongan. Dengan itu, untuk memastikan segala pencapaian matlamat tersebut, pekerja sosial perlulah mahir dan cekap dalam memahami tingkah laku klien dan faktor-faktor yang mempengaruhinya. Segala nilai, kemahiran dan pengetahuan dari konteks kerja sosial perlu dikuasai dan diamalkan dengan baik dan mendalam. Hal ini dapat mencerminkan kompetensi profesion kerja sosial yang profesional dalam bertindak sebagai agen pengubah.

7. Rujukan

- Alex, E. (2018). *The Stigmatization of Children with Autism Spectrum Disorder as Influenced by Gender*. Open Works. (8198) <https://openworks.wooster.edu/independentstudy/8198/>
- BASW England. (n.d.). *Capabilities Statement for Social Work with Autistic Adults*. <https://www.basw.co.uk/system/files/resources/capabilities-statement-autistic-adults.pdf>
- Bernier, R., Mao, A dan Yen, J. (2010). *Psychopathology, Families, and Culture: Autism*. https://www.aacap.org/App_Themes/AACAP/Docs/resource_centers/cultural_diversity/competency_curriculum%20cap_training/cases_supporting_materials/clinics/Bernier-psychoopathology_families_and_culture-autism.pdf
- Bujang, N. A., Jina'ain @ Ajmain, M. T. dan Saari, Z. (2020). Penerapan Konsep IKHLAS Dalam Menyantuni Anak Istimewa (Autisme). *International Journal of Islamic and Civilizational Studies*, 6(3-2), 79-88.
- Centers for Disease Control and Prevention (CDC). (2022, Mac). *Autism Spectrum Disorder (ASD) Screening & Diagnosis*. <https://www.cdc.gov/ncbddd/autism/screening.html>
- Dumke, M. (2015). *Autism and the Impact of the Siblings' Identities*. https://sophia.stkate.edu/cgi/viewcontent.cgi?article=1440&context=msw_papers
- Foster, M. V. (2015). *School Social Workers' Role in Supporting Parents of a Child with Autism*. https://sophia.stkate.edu/msw_papers/450?utm_source=sophia.stkate.edu%2Fmsw_papers%2F450&utm_medium=PDF&utm_campaign=PDFCoverPages
- Idris, K. A. (2018, April 2). *Kesedaran Autisme Dalam Masyarakat*. <https://www.ikim.gov.my/new-wp/index.php/2018/04/02/kesedaran-autisme-dalam-masyarakat/>
- Ishak, N., Bakar, N., Mohamad, S., Hasan, H., & Alias, A. (2020). THE KNOWLEDGE AND INFORMATION OF AUTISM SPECTRUM DISORDERS: DIAGNOSIS, TREATMENT AND AWARENESS. *International Journal of Social Science Research*. 2(4), 217-229.
- Mat Hussin, F. S. (2020, Mac 31). *SPEKTRUM AUTISME: Perjuangan Ibu Bapa Menghadapi Stigma Sosial*. <https://www.tsis.my/wp-content/uploads/2020/03/PERSPEKTIF-Spektrum-Autisme-Perjuangan-Ibu-Bapa-Menghadapi-Stigma-Sosial.pdf>

- National Institute of Mental Health (NIMH). (2018). *Autism Spectrum Disorder*.
<https://www.nimh.nih.gov/sites/default/files/documents/health/publications/autism-spectrum-disorder/19-mh-8084-autismspectrumdisorder.pdf>
- Sudderth, D. (2015). *STIGMATISM INTERNALISED BY PARENTS OF CHILDREN WITH AUTISM AND COPING MECHANISMS TO COMBAT ITS EFFECTS*.
<https://core.ac.uk/download/pdf/48498005.pdf>
- The National Autism Society of Malaysia (NASOM). (n.d.). *Autism*.
<https://www.nasom.org.my/autism/>
- Veroni, E. (2019). The Social Stigma and the Challenges of Raising a Child with Autism Spectrum Disorder (ASD) in Greece. *Exchanges The Interdisciplinary Research Journal*, 6(2), 1-29.
<https://exchanges.warwick.ac.uk/index.php/exchanges/article/view/200>
- Zainudin, A. (2018, April 15). Autisme Masalah Paling Popular.
myMetro. <https://www.hmetro.com.my/sihat/2018/04/330789/autisme-masalah-paling-popular>

Masalah Kesihatan Mental Dalam Kalangan Masyarakat Malaysia

Kelly Chin Ying Ru¹, Anny Lim En Ni², Law Jia Mei³, Ong Wei Hua⁴,
Paramjit Singh Jamir Singh⁵

^{1,2,3,4,5}Program Kerja Sosial, Pusat Pengajian Sains Kemasyarakatan, Universiti Sains Malaysia
Email: ¹kelly0704@student.usm.my, ⁵paramjit@usm.my

Abstrak

Imej Malaysia dalam pandangan seluruh negara merupakan sebuah negara yang sangat harmoni, bersatu, penyayang aman, dan mempunyai keunikan sendiri serta sangat mesra. Namun, masalah kesihatan mental rakyat Malaysia semakin membimbangkan. Keadaan ini berlaku disebabkan tekanan yang berat akan dihadapi oleh setiap individu tidak kira umur, jantina, latar belakang atau identiti. Tekanan yang terlampau berat dalam kehidupan harian seperti tekanan kewangan dan tekanan pembelajaran telah menyebabkan isu seperti bunuh diri turut meningkat. Menurut data sumber daripada Polis Diraja Malaysia (PDRM), kita mendapati bahawa kematian dilaporkan di negara kita yang diakibatkan bunuh diri terdapat peningkatan yang ketara iaitu daripada 262 kes yang dicatat pada Januari 2020 sehingga Julai 2020 kepada 638 kes pada tempoh masa yang sama pada tahun 2021 iaitu mengalami peningkatan sebanyak 143%. Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) juga telah membangunkan sistem mengumpul data kes bunuh diri iaitu Sistem Bunuh Diri dan Kecederaan Fatal Kebangsaan (NSFIRM) dan dijangka akan disiap sepenuhnya pada tahun 2023. Kertas kerja ini telah menggunakan pelbagai kaedah kerja sosial iaitu kaedah kerja sosial dengan individu, kumpulan, dan komuniti untuk menangani masalah tersebut. Kesimpulannya, semua pihak haruslah bekerjasama untuk menangani masalah ini di samping menghebahkan cara penyelesaian dan cara pencegahan serta cara penjagaan kesihatan mental kepada semua masyarakat supaya masalah ini dapat dikawal dan tidak lagi berleluasa.

Kata kunci: Masalah kesihatan mental; tekanan; bunuh diri; kerja sosial; cara pencegahan.

1. Definisi Kesihatan Mental dan Penyakit Mental

Kesihatan mental merupakan salah satu asas untuk menjamin kesejahteraan, keupayaan masyarakat menyesuaikan diri dalam pelbagai jenis cabaran dan tekanan dalam kehidupan harian serta kemampuan masyarakat untuk berfungsi dengan efektif. World Health Organization (WHO) pernah memberi takrifan bahawa “Kesihatan adalah satu keadaan merangkumi kesihatan secara fizikal, mental dan sosial dan tidak hanya ketiadaan penyakit.” Semua orang tidak mengira bangsa, kaum, jantina dalam masyarakat ini terdapat risiko untuk mengalami masalah kesihatan mental atau penyakit mental. Penyakit mental yang dihadapi oleh seseorang individu ialah masalah berkaitan dengan gangguan fikiran dan mental, fungsi minda, penyalahgunaan dadah, dan masalah lain-lain yang berkaitan. Gangguan mental termasuklah kegelisahan, kemurungan, gangguan makan, dan lain-lain. Seseorang individu yang menghadapi penyakit mental, fungsi untuk menjalani kehidupan harian akan terjejas. Perkembangan dan kemajuan negara kita telah menyebabkan tekanan masyarakat sekarang semakin berat secara tidak langsung dan menyebabkan masalah kesihatan mental dan penyakit mental semakin bertambah dari masa ke masa. Terdapat banyak faktor yang boleh menyebabkan seseorang individu terlibat dalam

masalah kesihatan mental seperti faktor keturunan, faktor gangguan bahan kimia dalam otak, pelbagai cabaran dalam kehidupan harian, dan faktor persekitaran.

Menurut data sumber daripada Polis Diraja Malaysia (PDRM), kita mendapati bahawa kematian dilaporkan di negara kita yang diakibatkan bunuh diri terdapat peningkatan daripada 609 kes pada tahun 2019 kepada 613 kes pada tahun 2020. Kita juga mendapati bahawa kes bunuh diri daripada Januari 2020 sehingga Julai 2020 telah mencatat 262 kes tetapi terdapat peningkatan yang banyak pada tempoh yang sama pada tahun 2021 iaitu meningkat kepada 638 kes sama dengan 143%. Dengan ini, Oleh itu, masalah kesihatan mental dan kesejahteraan fizikal semakin diambil berat oleh kerajaan. Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) juga telah membangunkan sistem mengumpul data kes bunuh diri iaitu Sistem Daftar Bunuh Diri dan Kecederaan Fatal Kebangsaan (NSFIRM) dan dijangka akan siap sepenuhnya pada tahun 2023.

2. Golongan yang Terlibat dalam Masalah Kesihatan Mental

Golongan yang terlibat dalam masalah kesihatan mental termasuk setiap individu dalam masyarakat kini tidak mengira kaum, jantina, umur, dan bangsa. Menurut data dalam National Health & Morbidity Survey (2015), mengikut kategori umur, individu berumur 16 tahun ke 19 tahun telah mengalami masalah kesihatan mental tertinggi iaitu sebanyak 34.7% daripada 22,882 orang responden. Mengikut kategori negeri, rakyat yang mengalami masalah kesihatan mental dan tinggal di Sabah dan Wilayah Persekutuan Labuan telah mencatat peratus yang tertinggi iaitu 42.9% diikuti dengan Kuala Lumpur sebanyak 39.8% dan Kelantan sebanyak 39.1%. Mengikut kategori jantina pula, wanita yang mengalami masalah kesihatan mental lebih banyak iaitu sebanyak 30.8% berbanding dengan lelaki yang mencatat 27.6%. Mengikut kategori status perkahwinan pula, individu yang telah bujang lebih berkemungkinan mengalami masalah kesihatan mental iaitu sebanyak 32.1% berbanding dengan yang berkahwin dan bercerai. Menurut keputusan kajian, juga dapat didapati bahawa pelajar yang sedang belajar pada peringkat sekolah menengah mencatat peratusan yang paling banyak berbanding pelajar peringkat lain iaitu sebanyak 30.9%. Mengikut pekerjaan, pekerja kerajaan telah mencatat peratusan yang paling sedikit iaitu mencatat 24.6%. Mengikut keadaan dan tahap kekayaan keluarga, individu yang berasal daripada keluarga berpendapatan rendah lebih berkemungkinan untuk mengalami masalah kesihatan mental berbanding dengan keluarga yang berpendapatan tinggi. Kesimpulan kajian ini mengatakan bahawa orang dewasa yang mengalami masalah kesihatan mental telah semakin meningkat iaitu daripada 10.7% pada tahun 1996 kepada 29.2% pada tahun 2015. Golongan seperti wanita, bumiputera, dan individu daripada keluarga berpendapatan rendah lebih berkemungkinan besar untuk mengalami masalah kesihatan mental berbanding dengan orang lain.

Non-Communicable Diseases, Risk Factors & Other Health Problems					Volume II	
Table 7.1.1: Prevalence of Adult Mental Health Status by socio-demographic characteristics						
Sociodemographic Characteristics	Count	Estimated Population	Prevalence (%)	95% CI		
				Lower	Upper	
MALAYSIA	3,752	4,206,697	29.2	27.9	30.5	
State						
Johor	310	405,329	22.2	18.4	26.6	
Kedah	225	238,814	26.7	22.3	31.6	
Kelantan	326	296,883	39.1	35.1	43.2	
Melaka	194	93,994	22.9	18.5	27.9	
Negeri Sembilan	207	129,093	24.0	19.6	29.0	
Pahang	188	168,903	27.8	21.5	35.1	
Penang	227	163,745	19.1	14.6	24.7	
Perak	197	225,366	17.0	13.1	21.8	
Perlis	223	33,098	24.0	19.8	28.8	
Selangor	540	897,134	29.3	26.7	32.1	
Terengganu	155	95,293	26.0	19.8	33.4	
Sabah & WP Labuan	468	746,170	42.9	39.3	46.7	
Sarawak	214	354,544	35.8	30.1	41.9	
WP Kuala Lumpur	185	348,894	39.8	34.7	45.2	
WP Putrajaya	93	9,439	20.7	16.0	26.5	
Location						
Urban	2,312	3,231,584	28.8	27.3	30.4	
Rural	1,440	975,112	30.3	27.9	32.9	
Sex						
Male	1,672	2,025,385	27.6	25.9	29.3	
Female	2,080	2,181,311	30.8	29.2	32.5	
Age Group						
16-19	422	516,320	34.7	31.4	38.0	
20-24	469	716,560	32.1	28.9	35.4	
25-29	465	648,115	30.5	27.7	33.5	
30-34	411	563,944	28.8	25.8	32.0	
35-39	379	417,939	28.3	25.2	31.5	
40-44	361	366,324	28.1	25.1	31.4	
45-49	344	313,037	27.7	24.6	31.0	
50-54	296	231,213	24.8	21.6	28.2	
55-59	233	180,258	24.9	21.4	28.6	
60-64	169	126,523	27.4	22.7	32.5	
65-69	91	59,161	19.6	15.2	24.9	
70-74	58	30,564	21.0	14.8	28.8	
75+	54	36,738	25.8	18.2	35.2	

Gambar 1(A): Data Keputusan Kajian National Health & Morbidity Survey Tahun 2015

Non-Communicable Diseases, Risk Factors & Other Health Problems					Volume II	
Sociodemographic Characteristics	Count	Estimated Population	Prevalence (%)	95% CI		
				Lower	Upper	
Ethnicity						
Malays	2,374	2,130,855	28.2	26.6	29.7	
Chinese	437	762,033	24.2	21.3	27.3	
Indians	283	291,217	28.9	24.6	33.6	
Other Bumiputras	453	647,570	41.1	37.4	45.0	
Others	205	375,022	33.2	27.8	39.2	
Marital Status						
Single	1,143	1,589,448	32.1	30.0	34.3	
Married	2,374	2,428,694	27.5	26.0	29.0	
Widow/widower/divorcee	235	188,554	29.3	25.6	33.3	
Education Level						
No formal education	55	58,645	23.8	16.6	33.0	
Primary education	603	591,561	29.1	26.0	32.3	
Secondary education	2,159	2,348,346	30.9	29.2	32.6	
Tertiary education	889	1,139,090	26.4	24.4	28.5	
Unclassified education	44	67,182	30.3	21.1	41.3	
Occupation						
Government/semi government employee	399	379,508	24.6	21.8	27.7	
Private employee	1,232	1,709,957	29.3	27.3	31.3	
Self employed	672	668,030	30.3	27.8	32.9	
Unpaid worker/home maker	628	597,787	30.5	27.9	33.3	
Retiree	135	101,849	26.4	21.5	32.0	
Income Group						
Less than RM 1000	499	498,272	31.9	28.8	35.2	
RM 1000 - RM 1999	702	684,076	31.7	29.0	34.6	
RM 2000 - RM 2999	656	694,157	28.9	26.2	31.6	
RM 3000 - RM 3999	504	569,472	30.1	27.2	33.1	
RM 4000 - RM 4999	376	467,074	29.6	26.1	33.3	
RM 5000 & RM 5999	255	305,155	25.7	21.9	29.9	
RM 6000 - RM 6999	184	229,239	28.8	23.9	34.3	
RM 7000 - RM 7999	126	148,391	24.2	19.6	29.5	
RM 8000 - RM 8999	109	127,548	24.9	18.9	31.9	
RM 9000 - RM 9999	61	83,123	29.4	22.5	37.4	
RM 10000 & above	280	400,191	27.6	24.0	31.6	
Quintile Income Group						
Quintile 1	411	416,019	32.1	28.6	35.8	
Quintile 2	719	702,080	31.2	28.7	33.9	
Quintile 3	819	879,897	29.1	26.7	31.7	
Quintile 4	844	991,591	29.5	27.2	32.0	
Quintile 5	959	1,217,110	27.0	24.8	29.4	


Gambar 1(B): Data Keputusan Kajian National Health & Morbidity Survey Tahun 2015

3. Bentuk atau Isu Kesihatan Mental yang Dihadapi oleh Masyarakat

Bentuk atau isu kesihatan mental yang dihadapi oleh masyarakat termasuklah isu membunuh diri, isu cederakan diri sendiri, isu konflik dengan keluarga dan isu pengangguran.


3.1 Isu Membunuh Diri

Tekanan dan pengaruh masalah kesihatan mental telah menyebabkan sesetengah individu yang tidak dapat menampung atau menghadapi tekanan akan menimbulkan fikiran untuk membunuh diri. Keadaan ini akan menjadi reliti jika tidak mendapat rawatan daripada pihak profesional. Kes bunuh diri pada hari ini semakin meningkat terutama dalam kalangan remaja. Tindak laku ini tidak boleh dipandang rendah walaupun terdapat mangsa yang berjaya diselamatkan daripada menghabiskan nyawa mereka. Menurut statistik tahun 2020 telah mencatat bahawa kes membunuh diri telah meningkat sebanyak 20% iaitu daripada 188 kes pada tahun 2019 ke 226 kes pada tahun 2020. Peningkatan mangsa membunuh diri yang paling banyak ialah kategori umur 19 sehingga 30 iaitu daripada 56 kes ke 93 kes diikuti dengan kategori umur 31 ke 45 iaitu daripada 70 kes ke 95 kes.



PECAHAN UMUR MANGSA BUNUH DIRI

TAHUN	UMUR (TAHUN)					
	<12	13-18	19-30	31-45	46-60	>61
2019	1	2	56	70	50	9
2020 (SEHINGGA NOVEMBER)	3	9	93	95	20	6



Gambar 2: Statistik Mangsa Bunuh Diri Tahun 2019 ke Tahun 2020

3.2 Isu Mencederakan Diri Sendiri

Isu mencederakan diri kebanyakannya berlaku dalam kalangan remaja dan biasanya mula berlaku dari 13 tahun atau 14 tahun. Kebanyakannya mereka akan mencederakan diri pada bahagian lengan tangan dan kaki. Mereka pilih untuk mencederakan diri adalah untuk membantu mengawal emosi mereka yang terhasil akibat masalah kesihatan mental seperti marah, panas baran atau sedih. Secara umumnya, mereka menggunakan kesakitan pada fizikal untuk melepaskan tekanan atau emosi negatif yang sukar dikawal supaya diri sendiri akan berasa lebih tenang. Sesetengah daripada pesakit mental derita dengan keadaan mereka yang ingin berubah tetapi tidak berdaya lalu melahirkan fikiran negatif menganggap mereka tidak berguna. Keadaan ini juga menyebabkan mereka menghukum mereka sendiri dengan mencederakan diri sendiri.

3.3 Isu Konflik Dengan Keluarga

Isu konflik dengan keluarga kebanyakan berlaku dalam kalangan remaja yang sedang mengalami tahap ingin membuat keputusan sendiri dan berdikari. Tekanan yang semakin meningkat pada zaman sekarang telah menyebabkan semua pelajar berada dalam keadaan persaingan tinggi dan mengalami stress yang banyak. Ketidaktahuan atau permintaan yang terlampau tinggi daripada sesetengah ibu bapa akan mengakibatkan masalah kesihatan mental seperti kemurungan atau gangguan kecemasan. Dengan itu, pergaduhan atau perasaan tidak puas dalam hati anak tentu akan terhasil dan semakin kuat dengan pertambahan masa. Kekurangan komunikasi atau komunikasi tidak berkesan antara ibu bapa dengan anak juga akan menyebabkan anak menghasilkan perasaan ingin memberontak dalam diri anak dan konflik antara keluarga akan

berlaku lama-kelamaan. Keadaan ini juga berkemungkinan akan menyebabkan berlakunya isu melarikan diri dari rumah apabila anak berasa tidak dapat menahan tekanan yang terlalu berat.

3.4 Isu Pengangguran

Masalah kesihatan mental kebanyakannya akan menyebabkan seseorang individu tersebut tidak dapat mengawal pelakuan diri sendiri. Tanda-tanda masalah kesihatan mental seperti tidak berdaya, bersikap panas baran, tidak ingin bertugas dan sesetengah tingkah laku anti-sosial akan membawa pengaruh yang negatif dalam tempat kerja. Ini secara tidak langsungnya akan menyebabkan berlakunya isu pengangguran kerana tiada syarikat atau agensi yang ingin menawarkan pekerjaan kepada seorang pekerja yang berkebolehan dan emosinya tidak stabil.

4. Corak Intervensi untuk Mencegah Masalah Kesihatan Mental

Terdapat tiga kaedah kerja sosial yang utama termasuklah kaedah kerja sosial dengan individu, kaedah kerja sosial dengan kumpulan dan kaedah kerja sosial dengan komuniti.

4.1 Kaedah Kerja Sosial Dengan Individu

Kaedah kerja sosial dengan individu bermatlamat untuk menolong individu untuk membantu diri mereka sendiri. Menurut Mary Richmond, kerja kes atau kerja dengan individu melibatkan proses yang boleh membentuk atau membangunkan personality melalui kesedaran individu tersebut dan interaksinya dengan keadaan persekitarannya. Pekerja sosial akan membantu klien melihat dengan jelas permasalahannya dan seterusnya membantu memikirkan cara ke arah penyelesaian masalah tersebut. Kerja kes telah bertujuan untuk membantu individu tersebut berinteraksi dengan lebih baik dengan keadaan persekitarannya. Menurut Skidmore (2000), Compton & Galaway (2005), proses kerja sosial secara umumnya merangkumi pengkajian, penentuan situasi, intervensi, penilaian dan penamatan. Dengan adanya kaedah ini, pekerja sosial dapat memahami segala sebab dan perkara yang berlaku atas klien dan dapat membantu serta mencari jalan penyelesaian yang terbaik untuk klien.

Kaedah ini juga melibatkan tahap mikro yang akan fokus kepada klien dan interaksi antara klien dengan pihak terdekat seperti keluarga terdekat yang memberi kesan secara terus ke atas klien tersebut. Sebagai contoh, klien merupakan seorang individu yang mengalami masalah kesihatan mental disebabkan permintaan ibu bapa yang terlalu tinggi serta komunikasi antara klien dan ibu bapanya tidak berkesan dan ini mengakibatkan tekanan pelajaran klien tersebut terlampau berat. Keadaan ini memerlukan pekerja sosial untuk menjalankan proses intervensi dengan ibu bapa klien supaya mereka memahami permintaan mereka telah membawa tekanan yang terlalu berat kepada anak mereka dan menyebabkan klien ingin melarikan diri dari persekitaran tersebut. Persekitaran yang penuh dengan tekanan dan komunikasi tidak berkesan dengan ibu bapa telah menyebabkan klien semakin menganggap diri sendiri tidak berguna dan teringin untuk putus asa. Selepas sesi intervensi, ketegangan dan konflik antara klien dan ibu bapa akan dapat dihapuskan apabila ibu bapa cuba memahami dan berkomunikasi dengan baik bersama-sama klien dan akhirnya masalah dapat diselesaikan.

4.2 Kaedah Kerja Sosial Dengan Kumpulan / Kelompok

Kaedah kerja sosial dengan kumpulan merupakan satu kaedah bekerja dengan individu-individu dalam kumpulan iaitu sekurang-kurangnya dua atau lebih orang. Menurut Gisela Konopka (1960), kerja kumpulan merupakan satu pendekatan bertujuan untuk meningkatkan kapasiti individu untuk berkembang semaksimanya dengan cara menghubungkan individu tersebut dengan ahli-ahli dalam kumpulan, dan seterusnya individu mempelajari bilakah masanya untuk menyumbang sesuatu dan menarik diri. Papell dan Rothman (1962) telah memperkenalkan tiga model utama dalam kerja kumpulan iaitu model bermatlamatkan sosial, model bermatlamatkan rawatan, dan model bermatlamatkan timbal-balas. Pekerja kumpulan ini biasanya orang tengah untuk melicinkan perjalanan kelompok. Sebagai contoh, pekerja sosial akan menjalankan model bermatlamatkan rawatan untuk klien yang sama-sama menghadapi masalah kesihatan mental supaya dapat membantu mencapai kesedaran sendiri dan dapat menyokong antara satu sama lain.

Kaedah ini juga melibatkan tahap mezzo dalam kerja sosial. Menurut Zastrow & Ashman (2004:12) yang berdefiniskan sistem mezzo dalam pekerjaan kerja sosial adalah berkaitan dengan beberapa kelompok kecil seperti keluarga, kelompok kerja, dan kelompok sosial lain. Pada tahap mezzo, pekerja sosial akan mengenal pasti pelbagai faktor-faktor yang mempengaruhi kesejahteraan klien dalam kumpulan kecil atau dalam komuniti kecil seperti kawasan kejiranan serta bekerjasama dengan sistem atau agensi seperti memberi perkhidmatan dan mencari sumber untuk membantu klien. Sebagai contoh, klien merupakan seorang pelajar universiti tahun 1 yang menghadapi masalah tidak sesuai terhadap kehidupan universiti yang penuh dengan kesibukan dan kerja kursus, cabaran untuk menguruskan perhubungan dengan rakan-rakan di samping tiada ibu bapa menemani telah menyebabkan klien menghadapi tekanan yang terlalu berat. Situasi klien bertambah teruk apabila mendapati semua rakan sekelilingi sangat cemerlang dan usaha dan klien seorang sahaja tidak dapat mengikut pembelajaran daripada guru. Maka pekerja sosial akan menjalankan sesi intervensi dengan rakan-rakan klien di universiti untuk memahami dan mendapati maklumat yang lebih lanjut daripada mereka di samping menggalakkan mereka untuk memberi perhatian dan mengambil berat kawan sekelilingi. Pekerja sosial juga boleh berkolaborasi dengan pihak kaunselor universiti untuk membangunkan bengkel cara mendapati dan melepaskan tekanan supaya pelajar dapat mendapatkan info serta penyelesaian menangani masalah tekanan yang terlalu berat.

4.3 Kaedah Kerja Sosial Dengan Komuniti

Menurut Barker (1987), komuniti boleh didefinisikan sebagai sekumpulan individu yang mempunyai kepentingan yang hampir sama dan tinggal dalam satu kawasan bersempadan. Kerja komuniti melibatkan unsur pendidikan komuniti dan perubahan atau usaha untuk menggerakkan bantuan sendiri, terutama dalam bentuk sukarela untuk tujuan memajukan pembangunan sosial dan juga ekonomi dalam satu kawasan atau masyarakat. Kerja komuniti yang melibatkan ahli-ahli komuniti akan membantu, menjaga, mengambil berat, menyalurkan pelbagai perkhidmatan dan bekerja dengan ahli komuniti yang memerlukan.

Kerja dalam komuniti juga terlibat dengan tahap makro dalam kerja sosial. Menurut Doubois & Miley (2014:71), tahap makro dalam kerja sosial meliputi lingkungan, komuniti dan masyarakat untuk mencapai perubahan sosial. Menurut Zastrow & Ashman (2004:12), tahap makro mengenai sistem yang lebih besar berbanding dengan kelompok atau kumpulan kecil.

Secara umumnya, pekerja sosial akan fokus kepada praktis yang melibatkan organisasi, komuniti, atau masyarakat secara menyeluruh pada tahap makro. Penglibatan pekerja sosial pada tahap ini akan berkait dengan aktiviti pentadbiran, kutipan derma, pembangunan sumber-sumber manusia, cadangan perundangan dan menganalisis polisi yang terlibat dengan organisasi, institusi, komuniti dan budaya. Sebagai contoh, pekerja sosial boleh memberikan didikan dan menawarkan rancangan perkhidmatan psikologi kepada komuniti mengenai masalah dan cara pencegahan kesihatan mental supaya masyarakat sekarang dapat lebih mendapati dan memahami info dan maklumat tentang penyakit mental. Tindakan ini dapat mengingatkan masyarakat yang kesemuanya sedang menghadapi tekanan yang berat tidak kira peringkat umur seperti tekanan kewangan, tekanan pembelajaran, tekanan ekonomi dan sebagainya supaya mereka akan mencari bantuan perkhidmatan psikologi apabila memerlukan dan tidak menganggap perkara ini sebagai sesuatu masalah yang malu.

5. Kesimpulan

Kesimpulannya, masalah kesihatan mental haruslah diambil berat oleh masyarakat dan setiap individu disebabkan masalah kesihatan mental yang semakin bertambah pada masa ini. Terdapat banyak punca dan faktor yang menyebabkan masalah kesihatan mental seperti faktor keturunan, faktor gangguan bahan kimia dalam otak, pelbagai cabaran dalam kehidupan harian dan faktor persekitaran. Ini juga menyebabkan isu disebabkan masalah kesihatan mental seperti isu bunuh diri, isu mencederakan diri turut bertambah terutamanya pada tempoh pandemik COVID-19 ini yang sudah berlaku sejak tahun 2020 sehingga hari ini telah melahirkan tekanan kewangan kepada setiap keluarga. Menurut statistic Polis Diraja Malaysia (PDRM), isu membunuh diri telah mencatat sebanyak 1708 kes pada tahun 2021 di mana 609 kes dilaporkan pada tahun 2019 diikuti dengan 631 kes pada tahun 2020. Jelasnya masalah ini akan berlaku kepada semua individu dalam masyarakat kini tidak mengira latar belakang, jantina, umur ataupun identiti. Oleh itu, semua pihak haruslah bekerjasama untuk menangani masalah ini di samping menghebahkan cara penyelesaian dan cara pencegahan serta cara penjagaan kesihatan mental kepada semua masyarakat supaya masalah ini dapat dikawal dan tidak lagi berleluasa.

6. Rujukan

- Institute for Public Health. (2015). *NATIONAL HEALTH & MORBIDITY SURVEY 2015 NON-COMMUNICABLE DISEASES, RISK FACTORS & OTHER HEALTH PROBLEMS*. <http://www.iku.gov.my/images/IKU/Document/REPORT/nhmsreport2015vol2.pdf>
- Kementerian Kesihatan Malaysia. (2012, February 10). *KEMURUNGAN, APA YANG ANDA PERLU TAHU*. https://www2.moh.gov.my/moh/resources/Penerbitan/Rujukan/NCD/Kesihatan%20Mental/Kemurungan_-_Apa_Yang_Anda_Perlu_Tahu.pdf
- MALAYSIAPOST. (2021, September 10). *Kes bunuh diri di Malaysia meningkat 143% setakat Julai*. <https://malaysiapost.com.my/2021/09/10/kes-bunuh-diri-di-malaysia-meningkat-143-setakat-julai/>
- MyHEALTH. (2012, April 20). *Penyakit Mental*. <http://www.myhealth.gov.my/penyakit-mental/>
- Our World in Data. (2021, August). *Mental Health*. <https://ourworldindata.org/mental-health>

Sahlizah Mohamed. (2020, December 13). *Kes bunuh diri naik mendadak, melonjak 20 peratus berbanding tahun lepas*. <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/kes-bunuh-diri-naik-mendadak-melonjak-20-peratus-berbanding-tahun-lepas-272931>

World Health Organization (2022, June 8). *Mental disorders*. <https://www.who.int/news-room/fact-sheets/detail/mental-disorders>

Penyakit Kanser dalam Konteks Kerja Sosial

Fatin Nasuha Mohammad¹, Azlinda Azman², Paramjit Singh Jamir Singh³

^{1,2,3}Program Kerja Sosial, Pusat Pengajian Sains Kemasyarakatan, Universiti Sains Malaysia
Email: ¹ffatinnasuhha713@student.usm.my, ²azlinda@usm.my

Abstrak

Kanser merupakan satu penyakit yang tidak berjangkit namun mengungguli tempat kedua didunia iaitu dengan kadar kematian tertinggi setiap tahun. Apabila kita membelek lebaran akhbar dan media massa saban hari, kita akan didedahkan dengan pelbagai isu yang melibatkan permasalahan dalam kalangan masyarakat termasuklah masalah berkaitan kanser. Namun demikian, kesedaran kanser dalam kalangan rakyat Malaysia masih rendah dan sikap kurang ambil berat tentang penyakit berbahaya ini menjadi faktor utama kepada peningkatan kes kanser yang lewat dikesan iaitu apabila telah berada ditahap ketiga dan keempat. Menurut Menteri Kesihatan Malaysia, YB Khairy Jamaluddin, menjelang tahun 2030, kira-kira lebih daripada 66,000 jumlah pesakit baharu kanser akan meningkat setiap tahun berbanding anggaran 49,000 pesakit pada tahun lalu. Memang tidak dapat dinafikan bahawa pengidap kanser akan mengalami pelbagai perubahan dari segi mental, fizikal, sosial, ekonomi dan sebagainya dan akan mempengaruhi ahli keluarga yang lain. Kerjasama pelbagai pihak amatlah penting untuk meningkatkan kesedaran masyarakat terhadap saringan awal kesihatan. Pesakit-pesakit kanser boleh dirujuk kepada agensi-agensi seperti Institut Kanser Negara (IKN), Majlis Kanser Nasional (MAKNA) dan sebagainya. Setiap rujukan kepada agensi-agensi tersebut perlu melalui penilaian sosioekonomi oleh Pekerja Sosial Perubatan terlebih dahulu. Pelbagai inisiatif diambil bagi meningkatkan kesedaran masyarakat mengenai penyakit kanser ini seperti mengadakan kempen kesedaran dan sebagainya bagi membuka mata dan minda masyarakat serta membantu pesakit untuk melawan kanser.

Kata kunci: Pengidap kanser; kesedaran; penilaian sosioekonomi; pekerja sosial perubatan.

1. Pengenalan

Kanser ialah sejenis penyakit yang berkaitan dengan ketidakseimbangan replikasi dan tindak balas sel dalam badan dimana sel yang tidak normal dan bersikap agresif mula tumbuh dan hidup pada mana-mana organ dan struktur tubuh badan. Penyakit kanser merupakan sejenis penyakit kronik yang paling digeruni didalam dunia perubatan dan ianya merupakan pembunuh kedua tertinggi didunia. Kanser terbahagi kepada dua kategori iaitu bukan barah (benign) dan barah (malignant). Sel barah lebih berbahaya disebabkan ianya boleh merebak bermula dari tempat mula ianya terjadi seterusnya ke organ badan yang lain secara sistematik iaitu melalui saluran darah atau limpa sehingga boleh menyebabkan fungsi organ badan itu lumpuh dan akhirnya membawa kepada kematian. Terdapat lebih daripada 100 jenis kanser telah direkodkan. Kebiasaannya kanser ini sukar untuk dikesan pada peringkat awal dan selalunya pengidap kanser mula mengetahui bahawa mereka mempunyai kanser apabila sudah berada di tahap ketiga atau keempat. Sebahagian besar kanser menyerang secara perlahan dan senyap yang menyebabkan ianya susah untuk dikesan namun ada juga yang menyerang secara agresif.

Faktor-faktornya berlakunya penyakit kanser ini masih lagi menjadi tanda tanya kepada orang ramai kerana ianya merupakan satu penyakit yang tidak berjangkit namun hairan kerana ia merupakan penyakit kedua tertinggi yang menyumbang kepada faktor kematian pada setiap tahun. Menurut statistik yang dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), terdapat peningkatan sebanyak 11% iaitu kira-kira 115,238 kes kanser pada tahun 2012 hingga 2016 berbanding kes pada tahun 2007 hingga 2011 iaitu sebanyak 103,507 kes. Namun begitu, terdapat beberapa faktor yang boleh menyebabkan seseorang itu mengidap penyakit kanser antaranya ialah tabiat merokok, diet, faktor genetik, jangkitan kuman, radiasi, persekitaran dan sebagainya. Terdapat pelbagai lagi faktor terjadinya kanser yang dicadangkan oleh para pengkaji dan ianya masih lagi dalam kajian dalam mencari punca sebenar kanser.

2. Golongan yang Terlibat

Kanser merupakan sejenis penyakit yang tidak “memilih kasih” kerana ia tidak mengira faktor umur, jantina dan sebagainya untuk seseorang itu mengidap penyakit tersebut. Penyakit kanser ini merupakan penyebab kematian keempat paling tinggi di Hospital Kesihatan Malaysia iaitu kira-kira 11.568% dan 34.95% penyebab kematian tertinggi di hospital-hospital swasta pada tahun 2020. Di Malaysia, terdapat lima jenis kanser utama mengikut jantina iaitu kanser kolorektal (16.9%), kanser paru-paru (14.9%), kanser prostat (8.1%), kanser limfoma (6.6%) dan kanser nasofarinks (6.5%) di mana ianya sering dihadapi oleh lelaki. Kanser utama yang selalu dihisap oleh wanita pula ialah kanser payudara (33.9%), kanser kolorektal (10.7%), kanser pangkal Rahim (6.2%), kanser ovari (5.6%), dan kanser paru-paru (5.6%).

Malaysia merupakan negara yang sedang berkembang dengan pesat dengan pelbagai kemudahan kesihatan moden dari segi rawatan, perkhidmatan kesihatan, pusat kanser yang canggih dan sebagainya. Namun begitu, perkara yang menyedihkan ialah kadar kematian akibat kanser masih tinggi setiap tahun dan ianya dijangka meningkat sebanyak 66,000 kes menjelang tahun 2030. Antara isu yang perlu diambil peduli ialah tahap kesedaran masyarakat terhadap penyakit kanser. Kebanyakan masyarakat kita masih tidak didedahkan dengan penyakit kanser dan sikap kurang ambil peduli ini menjadi faktor utama kepada peningkatan kes kanser yang lewat dikesan iaitu apabila sudah berada ditahap akhir. Menurut perangkaan Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO), perkara ini lebih membimbangkan apabila 70% penduduk negara Malaysia yang berpendapatan rendah dan sederhana terdedah dengan risiko kanser iaitu meningkat sebanyak 60% dalam tempoh 20 tahun. Selain itu, masalah dari segi pembiayaan rawatan. Keadaan ekonomi masyarakat yang kurang berkemampuan tidak dapat membiayai rawatan perubatan bagi kanser menyebabkan mereka buntu dan berputus asa untuk berjuang.

3. Permasalahan dalam Konteks Praktis Kerja Sosial

Pekerja sosial memainkan peranan penting dalam membantu individu, keluarga dan masyarakat bagi memperbaiki dan mempertingkatkan kehidupan dan kefungsi sosial mereka seperti kemiskinan, kesihatan, gejala sosial dan sebagainya. Sebagai seorang pekerja sosial, kita perlu membantu mereka bagi mengenalpasti masalah yang mereka hadapi supaya dapat meningkatkan keupayaan mereka dari sebarang masalah yang menjejaskan kefungsi sosial mereka. Seterusnya, pekerja sosial perlu mengenalpasti sumber-sumber bantuan atau menyalurkan maklumat kepada mereka. Dalam kes pengidap kanser ini, pekerja sosial berperanan untuk membantu pesakit kanser bagi mendapatkan rawatan pemulihan, sokongan dan bantuan

kewangan bagi mereka yang disahkan sebagai pengidap penyakit berbahaya ini. Pekerja Sosial perlu membuat penilaian sosioekonomi terhadap klien yang menghidapi penyakit kanser agar mereka dapat dirujuk kepada agensi-agensi yang berkaitan.

4. Situasi Kes

Puan Anis (bukan nama sebenar) merupakan seorang suri rumahtangga yang berusia 43 tahun telah disahkan mengidap kanser payudara tahap empat. Suaminya bekerja sebagai seorang nelayan dengan berpendapatan rendah. Mereka mempunyai tiga orang anak yang masih lagi bersekolah. Setelah Puan Anis disahkan sebagai pengidap kanser, kehidupannya menjadi seakan-akan gelap dan hancur kerana seringkali memikirkan bahawa dia merupakan beban keluarga. Pendapatan suaminya yang kais pagi makan pagi, kais petang makan petang itu tidak cukup untuk membiayai kehidupan mereka apatah lagi membiayai kos rawatan kanser yang dialaminya. Mereka juga mengalami kesukaran untuk ke hospital bagi mendapatkan rawatan di hospital. Jiran-jirannya juga sering memberi tanggapan yang negatif tentang penyakit yang dialaminya. Menurut Puan Anis, banyak diantara mereka yang mengatakan kepadanya bahawa penyakit beliau tidak dapat disembuh dan ianya tentu sekali membuatnya sedih.

5. Corak Intervensi

Pekerja sosial yang profesional perlu membantu setiap klien yang datang bagi menjalankan sesi intervensi secara bersemuka iaitu dengan bekerja secara langsung dengan individu tersebut. Pelbagai kemahiran perlu digunakan bagi memudahkan serta membantu proses intervensi dijalankan. Proses kerja kes yang akan dijalankan kepada klien seperti Puan Anis ini perlulah menggunakan pendekatan penyelesaian masalah melalui proses-proses yang merangkumi pengkajian, penentuan situasi, intervensi, penilaian dan penamatan.

Pengkajian ialah satu proses pembentangan masalah yang dihadapi oleh klien yang perlu bagi seorang pekerja sosial memberi fokus kepada permasalahan dan persepsi klien. Ianya juga merupakan satu tahap kemasukan atau penerimaan dan proses perhubungan dengan klien. Proses pengkajian ini membolehkan pekerja sosial untuk mengambil maklumat dan mengumpulkan data-data yang boleh digunakan bagi proses-proses seterusnya. Contohnya, dalam kes Puan Anis ini kita dapat mengetahui bahawa dia merupakan seorang pengidap kanser payudara tahap empat dan merupakan seorang klien yang datang dari keluarga yang kurang berkemampuan. Sebagai seorang pekerja sosial, kita perlulah menerima klien kita dengan baik dan jangan sesekali bersikap bias atau merendharkannya. Pelbagai kemahiran perlu digunakan bagi membantu klien untuk membaikpulih kefungsi sosial mereka. Kita juga perlulah mempunyai sifat empati yang tinggi dan merasai penderitaan yang dialami oleh klien.

Seterusnya, penentuan situasi merupakan satu proses yang membolehkan pekerja sosial memahami, mentafsir dan menentukan masalah yang dihadapi klien. Pada proses ini, kita akan mengumpul bermacam-macam info atau maklumat yang lebih tepat dan relevan melalui temu bual, pemerhatian, pemahaman dan penafsiran ke atas permasalahan yang dihadapi oleh klien. Dalam penentuan situasi ini, kita dapat mengenal pasti segala kelebihan dan kelemahan diri klien kita. Seperti Puan Anis itu, kita dapati bahawa dia sedih dengan kehidupannya apabila dia disahkan pengidap kanser tahap empat. Sebagai pekerja sosial kita akan mencungkil segala

kelebihan yang dimiliki olehnya dan memberikan motivasi, sumber-sumber dan peluang untuk dia menambahkan keyakinan dan motivasi diri. Kita perlu percaya bahawa setiap individu mempunyai keunikan masing-masing dan mungkin melalui penentuan situasi ini kita boleh mencari kekuatannya. Seperti yang kita ketahui, bagi seorang ibu, anak-anak dan keluarga merupakan kekuatan bagi seorang wanita yang bergelar ibu. Kita boleh memberikan semangat kepadanya untuk tidak mudah berputus asa dan harus kuat dalam ujian ini. Pengetahuan yang dimiliki oleh pekerja sosial semestinya dapat mencungkil maklumat, mengajukan soalan-soalan, mengeluarkan kenyataan yang bersesuaian dan ianya juga perlu diambil kira dari aspek non-verbal. Ianya dapat menyemak semula matlamat dan kehendak klien serta perubahan yang ingin mereka lakukan.

Intervensi yang dilakukan perlulah menjurus kepada kehendak dan matlamat yang ingin dicapai oleh klien. Proses intervensi ini diambil kira dari proses pertemuan atau perhubungan yang pertama lagi. Melalui intervensi, pelbagai pendekatan perlu digunakan, antaranya ialah pendekatan behaviourism iaitu mengkaji dan memahami tingkah laku klien dan juga rangsangan sekelilingnya. Mungkin semasa intervensi dijalankan kita akan nampak riak wajah Puan Anis sedih dengan nasib dirinya dan juga pada masa yang sama kita perlu mengambil tahu faktor-faktor persekitarannya seperti keluarga dan juga jiran-jirannya. Pendekatan yang kedua adalah pendekatan humanistik. Pendekatan ini membantu pekerja sosial menekankan keupayaan untuk membolehkan Puan Anis membuat keputusan keatas diri dan kehidupannya terutamanya matlamat yang ingin dicapai olehnya. Selain itu, pendekatan psikodinamik juga perlu digunakan oleh pekerja sosial iaitu dengan menggalakkan interaksi kita dengan klien di mana klien boleh meluahkan segala masalah dan pendapat yang ada didalam fikirannya. Kebiasaannya, melalui pendekatan ini, maka akan segala keputusan atau penyelesaian akan muncul bagi masalah yang dihadapi. Bukan itu sahaja, pendekatan kognitif juga perlu digunakan untuk menfokuskan bagaimana klien iaitu Puan Anis untuk berfikir, faham, dan mengetahui tentang keadaan diri dan persekitarannya.

Proses penilaian harus dilakukan iaitu pekerja sosial akan menilai semula rancangan tindakan atau intervensi yang dijalankan bagi menentukan sama ada wajar atau tidak wajar proses bantuan tersebut kepada klien. Proses ini penting bagi pekerja sosial dalam mengambil kira tahap kebergantungan klien terhadap kita dalam permasalahan tersebut. Jadi, dengan pelbagai kemahiran membolehkan kita untuk melakukan penilaian yang wajar berkaitan dengan permasalahan yang klien hadapi. Misalnya dalam kes Puan Anis, dia bersetuju dan membuat keputusan untuk merujuk ke agensi seperti Majlis Kanser Nasional (MAKNA) setelah kita memberikan maklumat kepadanya. Kemahiran memberi maklumat kepada klien penting supaya klien mendapat info mengenai masalah yang mereka hadapi. Hal ini demikian kerana tidak semua maklumat sampai kepada masyarakat dan ada yang kurang pengetahuan mengenai proses bantuan dan pertolongan. Contohnya, jiran-jiran Puan Anis meletakkan satu perspektif atau anggapan yang kurang menyenangkan kerana mereka kurang pengetahuan mengenai penyakit kanser dan juga bantuan-bantuan pertolongan yang disediakan. Jadi, menjadi tanggungjawab pekerja sosial untuk mendedahkan maklumat tentang sesuatu perkara yang berkaitan dengan permasalahan yang dihadapi oleh klien.

Proses penamatan ini dapat dilihat apabila klien kita sudah tidak lagi bergantung sepenuhnya kepada pekerja sosial. Mereka boleh berdiri di atas kaki sendiri iaitu mereka mula

menunjukkan sesuatu yang positif didalam diri mereka dan berdikari terhadap masalah yang mereka hadapi. Pada proses ini, klien akan menunjukkan keyakinan dan prestasi yang baik dalam kehidupan mereka. Sebagai pekerja sosial, sekiranya kita tidak dapat membantu klien sepenuhnya dalam masalah mereka setidaknya kita dapat menyumbangkan maklumat serta membantu sehabis baik bagi membaikpulih kefungsiian sosial mereka. Contohnya, dalam kes Puan Anis, kita tahu bahawa ramai pengidap kanser yang tewas dalam peperangan untuk melawan kanser. Namun begitu, ramai juga yang berpotensi untuk sembuh dan menjadi ikon serta dapat dijadikan motivasi kepada pengidap-pengidap kanser yang lain. Jadi, tidak mustahil bagi Puan Anis untuk sembuh dan juga menjadi sumber inspirasi kepada orang ramai.

6. Peranan Pekerja Sosial untuk Mengurangkan atau Menyelesaikan Permasalahan Tersebut

Jabatan Kerja Sosial perubatan ditubuhkan bertujuan bagi membantu pengidap kanser terutamanya dalam aspek psikososial dan sosioekonomi supaya mereka kembali menjadi anggota masyarakat yang mempunyai kefungsiian sosial yang baik serta dapat hidup berdikari bersesuaian dengan batas keupayaan tanpa mengharapakan pekerja sosial lagi. Jabatan kerja sosial perubatan dalam objektifnya untuk membantu pesakit dalam perkhidmatan psikososial yang berasaskan prinsip kerahsian, prihatin, dan berkesan supaya masalah sosial pesakit-pesakit dapat diatasi seiring dengan konsep rawatan komprehensif. Menyelesaikan masalah klien seperti pengidap kanser juga menjadi satu tanggungjawab dalam membantu menyelesaikan masalah dan memulihkan pesakit yang menjadi klien tetap terutamanya bagi aspek psikososial supaya mereka boleh menjadi lebih proaktif dan berdikari .

Secara teorinya, kerja sosial ini tertumpu kepada dwi-perspektif seperti penekanan kepada individu dan persekitaran. Penekanan kepada dwi-perspektif merupakan dua konsep penting iaitu teori sistem dan teori Ekologi. Teori sistem banyak menekankan tentang sistem-sistem persekitaran yang berbeza dan ianya seringkali mempengaruhi kehidupan seseorang. Hal ini demikian kerana, interaksi antara individu dapat dilihat melalui sistem kekeluargaan, agensi awam, komuniti dan sebagainya. Teori ekologi pula ialah subset kepada teori sistem di mana ianya mementingkan interaksi individu dengan persekitaran. Praktis kerja sosial sememangnya mementingkan konsep individu-dalam-persekitaran menunjukkan keperluan menyalurkan intervensi berasaskan kepada beberapa tahap iaitu tahap mikro, mezzo dan makro.

6.1 Tahap Mikro, Mezzo dan Makro

Tahap mikro memfokuskan kepada individu dan interaksinya dengan pihak-pihak terdekat seperti keluarga yang memberikan impak secara terus ke atas individu tersebut. Intervensi pada peringkat keluarga biasanya bertujuan bagi meningkatkan tahap kemahiran komunikasi dan keberkesanan peranan setiap ahli keluarga yang terlibat. Ianya digunakan sekiranya ada diantara ahli keluarga yang bermasalah difikirkan boleh dibantu dengan melibatkan semua atau sebahagian daripada ahli keluarga. Bagi kes Puan Anis tersebut, kita boleh memfokuskan Puan Anis serta hubungannya bersama keluarganya iaitu suami dan anak-anaknya. Sokongan daripada keluarganya amat penting kepada Puan Anis supaya dia dapat beradaptasi serta berusaha melawan kanser demi dirinya dan keluarganya. Pekerja sosial perlu peka terhadap masalah yang dihadapi oleh klien dari pelbagai aspek. Seperti yang diketahui, suami kepada Puan Anis merupakan seorang nelayan yang mempunyai pendapatan harian yang rendah sebagai

seorang nelayan. Disamping itu, dia perlu membiayai keperluan harian, persekolah dan sebagainya menyebabkan mereka sekeluarga tidak mempunyai wang simpanan yang lebih untuk hidup mereka. Pelbagai penyelesaian yang boleh diambil bagi membantu keluarga mereka. Penting bagi pekerja sosial mencungkil bakat serta kemampuan yang dimiliki seseorang.

Tahap mezzo pula memfokuskan kepada hubungan individu dengan rakan sebaya, jiran-jiran dan sebagainya. Pada tahap ini, kita boleh fokuskan hubungan Puan Anis dengan jiran-jirannya. Berdasarkan situasi kes yang diberikan, kita dapat lihat bahawa jiran-jiran Puan Anis menyatakan bahawa penyakit yang dihadapi oleh Puan Anis sukar untuk sembuh dan kebanyakan pengidap kanser tiada harapan untuk terus hidup. Memberikan satu pandangan yang negatif sememangnya mampu menjatuhkan keyakinan seseorang lebih-lebih lagi apabila seseorang itu berada di situasi yang sukar dalam hidupnya. Pekerja sosial perlu mengambil berat akan keadaan ini. Kita boleh mengadakan satu sesi bersama Puan Anis dan jiran-jirannya bagi memberi maklumat berkaitan penyakit yang dialami oleh Puan Anis. Seperti yang telah dinyatakan, tidak semua masyarakat mempunyai kesedaran mengenai pengidap kanser dan mereka sering memikirkan tentang kematian apabila mendengar perkataan kanser tersebut. Mereka juga perlu didedahkan dengan faktor, kesan, bantuan dan sebagainya mengenai dadah. Jiran-jiran penting pada tahap mezzo ini kerana mereka merupakan golongan yang berada di sekeliling yang sering memberi impak kepada kehidupan seseorang. Sekiranya mereka mempunyai pengetahuan dan merasai penderitaan Puan Anis setidaknya mereka mampu untuk memberikan sokongan dan berhenti daripada memberikan sesuatu yang negatif.

Tahap makro pula memberikan fokus kepada praktis yang melibatkan organisasi, komuniti atau masyarakat secara menyeluruh. Pada tahap ini, pekerja sosial melakukan aktiviti-aktiviti pentadbiran, kutipan derma dan sebagainya. Pengurusan bagi pengidap kanser dengan memberikan jagaan secara menyeluruh merangkumi pelbagai inisiatif bagi membantu pengidap kanser dari segi menangani penyakit secara am, rawatan, kesan keseluruhan dan mendorong pesakit untuk membina semula keyakinan. Segala maklumat dan pertolongan yang diberikan oleh Pekerja Sosial dapat membantu pesakit dan keluarga menangani masalah yang dihadapi dalam kehidupan seharian mereka. Pekerja sosial perlu menyelaras dan menghubungkan pesakit dengan pelbagai organisasi yang menyediakan perkhidmatan yang diperlukan pesakit bagi melancarkan dan memudahkan pengurusan kehidupan mereka. Pekerja sosial akan melibatkan kumpulan sokongan kanser dimana mengadakan perjumpaan dan berinteraksi diantara mereka yang mempunyai kepentingan dalam penyakit kanser. Perjumpaan ini dapat memberi kesan teraputik daripada sokongan rakan yang mengalami kehidupan atau masalah yang hampir serupa peluang untuk berkongsi cerita dan pengalaman mengenai kanser dalam kehidupan mereka.

Peranan pekerja sosial sebagai orang tengah atau broker akan membantu kita menghubungkan pelanggan yang terdiri daripada individu, kumpulan, oraganisasi dan komuniti yang menyediakan sesuatu perkhidmatan. Baker (1995) menyatakan bahawa seseorang broker juga membantu dari segi kepelbagaian segmen dalam sesuatu hubungan diantara individu dengan komuniti agar dapat meningkatkan pertukaran dan perkongsian pendapat dan minat masing-masing. Peranan pekerja sosial dapat dilihat dari aspek bantuan yang kita berikan kepada klien iaitu mencari bantuan kewangan serta kenderaan bagi memudahkan pesakit kanser untuk mendapatkan rawatan dihospital. Terdapat tiga kata kunci dalam peranan sebagai broker seperti menghubungkan, barang-barang atau sumber dan perkhidmatan.

Peranan pekerja sosial sebagai aktivis juga penting dalam mengambil berat perkara-perkara yang berkaitan dengan ketidakseimbangan serta ketidakadilan sosial. Antara strategi yang digunakan termasuk merancang strategi melalui konfrontasi, perundingan, dan membentuk konflik yang boleh menjana matlamat yang dikehendaki. Matlamat ini memfokuskan kepada persekitaran sosial agar ianya menjadi lebih baik dan bersesuaian dengan keperluan dan kehendak klien. Peranan sebagai aktivis ini juga melibatkan diri seorang pekerja sosial dalam usaha untuk mendapatkan fakta, menganalisis keperluan komuniti, penyelidikan serta penyebaran maklumat dan pelbagai lagi usaha dengan mempromosikan kesedaran awam beserta dengan sokongan terhadap program sosial yang dijalankan.

Pekerja sosial yang profesional bukan sahaja memberi maklumat tetapi kita juga bertindak sebagai pendidik yang mengajar pelbagai kemahiran yang berguna dalam kehidupan harian dan sosial seperti mengajar menyelesaikan masalah, penggunaan pengangkutan awam dan sebagainya, menguruskan kewangan, penjagaan peribadi, kebersihan dan sebagainya. Dengan bantuan dan tunjuk ajar yang diberikan akan memudahkan perubahan dalam tingkah laku melalui beberapa pendekatan pelajaran seperti nilai-nilai, tingkah laku dan sebagainya.

Disamping itu, pekerja sosial juga perlu menjadi perantara atau mediator sekiranya klien menghadapi konflik serta permasalahan dengan orang lain supaya mampu mewujudkan persefahaman. Sebagai perantara, sikap yang adil dan tidak bias perlu diamalkan serta memahami kedudukan dan situasi pihak yang terlibat. Dalam hal ini, pekerja sosial yang akan menjadi orang dalam sesuatu urusan, perbalahan, perselisihan dan lain-lain lagi bagi memastikan apa jua halangan dan rintangan yang membantutkan proses-proses bantuan dapat dihapuskan.

Pekerja sosial akan mempengaruhi klien untuk mengubah diri mereka sendiri ke arah yang lebih baik iaitu dengan meningkatkan keupayaan mereka bagi menyelesaikan masalah mereka sendiri. Pekerja sosial akan bertindak sebagai empowerer yang dapat menolong klien supaya kefungsi sosial, interpersonal, sosioekonomi dan politik mereka dapat ditingkatkan. Hal ini demikian dapat membantu klien bagi mengenalpasti segala kekuatan yang mereka miliki dan penting untuk mereka menggunakan kekuatan tersebut ke arah matlamat perubahan yang ingin mereka capai.

Pekerja sosial berperanan sebagai enabler atau pemangkin yang mempunyai tanggungjawab untuk menilai struktur polisi dan program-program dalam sesebuah organisasi demi mempertingkatkan perkhidmatan ianya agar berkesan. Setelah membuat penilaian tersebut, menjadi tanggungjawab seorang pekerja sosial untuk merancang serta melaksanakan pelbagai pendekatan yang kondusif. Strategi-strategi yang dilakukan penting bagi mencapai tujuan tersebut yang meliputi harapan, perasaan, mendorong kekuatan dan sebagainya.

Pekerja sosial bertindak sebagai initiator iaitu berperanan memberikan perhatian pada isu-isu dan perkara yang berpotensi untuk menjadi masalah. Oleh hal yang demikian, peranan sebagai initiator berupaya untuk memberi perhatian pada isu yang dialami oleh klien atau penerimaan mereka. Pekerja sosial yang profesional perlulah merujuk pelbagai agensi, komuniti, masyarakat setempat akan masalah dan keperluan-keperluan klien.

Perkhidmatan kerja sosial amat penting dan diperlukan oleh pengidap kanser yang menerima rawatan dan menghadapi kelesuan akibat kesan sampingan radiasi, pesakit yang mempunyai disfungsi fizikal, tiada sokongan keluarga dan sebagainya. Penting bagi pekerja sosial untuk memberi penerangan mengenai prosedur, arahan, dan jadual rawatan. Pada permulaan bantuan segala penerangan tersebut penting supaya sebelum mereka dapat menyesuaikan diri sepenuhnya. Pekerja sosial perlu tahu mengenai sistem temu janji yang diberikan mengikut tarikh dan masa dan membuat penerangan mengenainya terutamanya mereka perlu didaftarkan 30 minit sebelum masa temu janji. Bukan itu sahaja, Pekerja sosial juga berperanan dari segi mengatur pengangkutan untuk pengidap kanser untuk menjalani rawatan dan temu janji susulan ke hospital.

Melalui proses intervensi, kita dapat mengetahui secara menyeluruh mengenai masalah yang dihadapi oleh klien. Hal ini demikian kerana melalui proses pengkajian, penentuan situasi, intervensi, penilaian dan penamatan yang dijalankan membantu kita memahami tentang keadaan dan masalah yang klien hadapi. Bagi mengurangkan atau menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh klien seperti Puan Anis, Pekerja sosial perubatan perlu membuat penilaian sosioekonomi sebelum merujuk Puan Anis ke agensi-agensi yang terlibat seperti Institut Kanser Negara (IKN), Majlis Kanser Nasional (MAKNA) dan sebagainya. Penilaian sosioekonomi memberikan pengetahuan yang menyokong keputusan pengurusan yang baik dengan maklumat berkaitan keadaan sosial, ekonomi, politik, rumah tangga, masyarakat dan organisasi.

Selain MAKNA, pekerja sosial juga boleh merujuk pesakit-pesakit kanser ke Institut Kanser Negara (IKN). IKN merupakan sebuah agensi perubatan kanser di bawah Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) yang dibina khusus untuk menyalurkan kemudahan dalam perubatan bagi pesakit-pesakit kanser yang bertujuan bagi menangani segala keperluan berkaitan penyakit kanser dalam negara. Penubuhan IKN juga dapat menampung jumlah pesakit kanser yang semakin meningkat di Malaysia dengan menawarkan pelbagai perkhidmatan dan rawatan kanser terbaik secara menyeluruh. IKN menyediakan bantuan kewangan bergantung kepada tahap sosio-ekonomi pesakit.

Jelaslah bahawa peranan dan tanggungjawab seorang pekerja sosial amat penting kearah membantu meningkatkan kualiti kehidupan klien. Pengetahuan serta kemahiran Pekerja sosial juga dapat menangani perasaan takut yang dihadapi oleh klien. Intervensi yang telah kita jalankan diharapkan dapat membantu dan memberi ruang agar klien lebih positif terhadap potensi pemulihan mengikut keadaan. Melibatkan klien menyertai pelbagai aktiviti membolehkan mereka ceria semasa menerima rawatan. Penting bagi kita untuk menangani perubahan peranan dalam sesebuah keluarga namun setiap usaha yang kita lakukan dapat membantu mereka.

7. Kesimpulan

Kesimpulannya, penyakit kanser merupakan satu penyakit yang boleh menyebabkan perubahan kepada seseorang individu dan keluarganya. Penyakit yang menyumbang kepada kadar kematian tertinggi di dunia ini sememangnya bukan dalam kategori penyakit berjangkit namun sikap agresifnya dapat menjadikannya sebagai penyakit yang tinggi dalam setiap tahun. Dalam perspektif kerja sosial, seorang pekerja sosial terutama Pekerja Sosial Perubatan perlu memainkan peranan yang penting bagi membantu pengidap kanser untuk mendapatkan rawatan

yang terbaik kepada mereka. Intervensi yang dilakukan juga penting sebagai panduan kepada pekerja sosial bagi membantu pesakit dalam membaikpulih kefungsi sosial mereka menggunakan pendekatan kes seperti pengkajian, penentuan situasi, intervensi, penilai dan penamatan. Praktis kerja sosial juga penting bagi melihat keperluan untuk menyalurkan intervensi yang berasaskan kepada beberapa tahap iaitu mikro, mezzo dan makro.

8. Rujukan

- Ali, M. K. (2017, September 11). Kerjasama Jabatan Kerja Sosial Perubatan Dengan Agensi Bantuan. Retrieved from Kementerian Kesihatan Malaysia:
<http://www.myhealth.gov.my/jaringan-kerjasama-antara-jabatan-kerja-sosial-perubatan-dengan-agensi-agensi-pemberi-bantuan/>
- Chye, G. L. (2012, April 26). Apa Itu Kanser? Retrieved from Kementerian Kesihatan Malaysia:
<http://www.myhealth.gov.my/apa-itu-kanser/>
- Fayed, L. (n.d.). Bagaimana Kanser Pertama Ditemui dan Dirawat. Retrieved from Approby web site:
<https://ms.approby.com/bagaimana-kanser-pertama-ditemui-dan-dirawat/>
- Feldman, R. S. (n.d.). A science Evolvus : The past, the present, and the future. In R. S. Feldman, Understanding Psychology (p. 15). New York : McGraw Hill.
- Hasnan, H. A. (2016, Januari 2016). 5 perkara anda perlu tahu tentang sumbangan kewangan kepada MAKNA. Retrieved from Astro Awani:
<https://www.google.com/amp/s/www.astroawani.com/berita-malaysia/5-perkara-anda-perlu-tahu-tentang-sumbangan-kewangan-kepada-makna-91936%3Famp=1>
- Negara, I. K. (2022, Jun 20). Pengenalan. Retrieved from Institut Kanser Negara Web site:
<https://nci.moh.gov.my/index.php/ms/component/content/article/2-uncategorised/61-sejarah-ikn>

Sokongan Sosial Kepada Penghidap HIV Positif Di Malaysia

Fairoz Fatihah Razat¹, Nurul Athirah Sopian², Nursyafiqah Rosli³,
Paramjit Singh Jamir Singh⁴, Azlinda Azman⁵

^{1,2,3,4,5}Program Kerja Sosial, Pusat Pengajian Sains Kemasyarakatan, Universiti Sains Malaysia

Email: ¹fairozfatihahrazat@student.usm.my, ⁴paramjit@usm.my

Abstrak

Cabaran bergelar seorang penghidap Human Immunodeficiency Virus (HIV) positif sukar digambarkan sama ada bagi penghidap mahupun anggota masyarakat. Jangkitan kepada penyakit HIV positif ini dipenuhi dengan stigma, diskriminasi, konotasi negatif dan juga label sehingga penghidap HIV positif tidak diterima oleh masyarakat. Dalam banyak situasi, keluarga juga tidak menerima kehadiran ahli yang dijangkiti HIV positif sehingga ada yang dipulau, disisih dan dihalau. Kes HIV positif di Malaysia dan dunia semakin meningkat dari hari ke hari dalam kalangan individu daripada pelbagai latar belakang kaum dan peringkat umur. Bagaimanapun, isu sokongan sosial untuk penghidap HIV positif masih perlu dibincangkan secara terperinci kerana isu ini akan memberi kesan kepada kehidupan pesakit HIV positif di Malaysia. Fokus kajian ini adalah untuk mengkaji sokongan sosial dalam kalangan penghidap HIV di Malaysia. Secara umumnya, sokongan sosial boleh merangkumi pelbagai dimensi seperti sokongan daripada sudut kewangan, informasi, emosi dan dapat diperoleh daripada pelbagai sumber iaitu ibu bapa, rakan mahupun komuniti. Oleh yang demikian, sokongan sosial untuk penghidap HIV di Malaysia masih perlu dibincangkan dan dipromosikan untuk memastikan kesejahteraan psikologi mereka.

Kata kunci: HIV positif; sokongan sosial; emosi; informasi; kewangan.

1. Pengenalan

HIV (Human Immunodeficiency Virus) adalah sejenis virus daripada kumpulan retrovirus yang boleh menyebabkan kerosakan sistem daya tahan tubuh melawan penyakit secara perlahan-lahan. Selain itu, bagi penyakit AIDS pula adalah merujuk kepada peringkat terakhir jangkitan HIV iaitu di mana sistem daya imun dan daya tahan badan melawan penyakit telah dilumpuhkan oleh bakteria yang terhasil melalui aktiviti yang tidak sihat (Agensi Antidadah Kebangsaan, 2014). Kedua-dua AIDS dan HIV telah diiktiraf sebagai salah satu masalah kesihatan global yang terus menunjukkan peningkatan pada setiap tahun. Merujuk kepada laporan UNAIDS (United Nations Programme on HIV/AIDS) 2008, terdapat diantara 33 juta orang di seluruh dunia telah dijangkiti virus itu pada 2007 atau nisbah 1 dalam 180 orang, jika dikira jumlah penduduk dunia seramai 6 billion orang ketika itu. Dapat disimpulkan di sini bahawa, sehingga 2 juta orang telah meninggal dunia akibat penyakit AIDS pada tahun 2007 dan yang lebih merisaukan apabila golongan wanita adalah separuh daripada jumlah yang menghidap HIV secara global dan dianggarkan 45 peratus daripada jangkitan baru di seluruh dunia ini terdiri daripada golongan muda yang berusia antara 15 dan 24 tahun (DuBois & Miley, 1999). Malah, penyakit yang pada asalnya hanya popular di negara-negara yang mempunyai peratusan kemiskinan yang tinggi seperti benua Afrika, kini sedang disusuli dengan cepat di rantau Asia termasuk Malaysia, Singapura, Thailand dan Indonesia. Hal ini berlaku kerana kurangnya

pengetahuan dan ketiadaan langkah berjaga-jaga terhadap bahaya ancaman HIV/AIDS di kalangan masyarakat (Williams & Boykin, 1999).

Penyakit ini bukan sahaja dianggap sebagai faktor pembunuh secara besar besaran yang sedang mengancam alam sejagat, bahkan ia boleh mempengaruhi sesebuah pembangunan global, lebih-lebih lagi di negara-negara yang mempunyai bilangan rakyatnya yang ramai dijangkiti HIV/AIDS kerana keadaan pembangunan sesebuah negara diukur dengan menggunakan tahap kesihatan yang baik. Selain itu, peningkatan penyakit ini boleh menyebabkan pengurangan pendapatan negara masa kini dan masa depan, tetapi juga meningkatkan lagi kos perbelanjaan yang terpaksa ditanggung oleh negara dalam membantu rakyat (Agensi Antidadah Kebangsaan, 2014). HIV/AIDS juga boleh menyebabkan terdapatnya pengurangan makanan dan sumber tenaga manusia yang sangat penting bagi pembangunan sesebuah negara dan hal ini menjadikan lebih buruk apabila imej yang buruk berkaitan dengan jangkitan HIV/AIDS akan menakutkan pelabur serta pelancong asing yang datang melabur dan melawat negara-negara terlibat dengan HIV/AIDS. Terdapat pelbagai langkah dan kempen telah dijalankan untuk mengatasi masalah ini, namun bagaimanapun ianya terus berleluasa dan telah mengancam kehidupan seluruh masyarakat dari semasa ke semasa.

2. Pemahaman kepada Permasalahan Hiv/Aids

Virus HIV ini dikatakan merebak melalui hubungan seks yang tidak selamat (tanpa perlindungan) dengan orang yang dijangkiti HIV (sama ada homoseksual atau heteroseksual atau homoseksual). Selain itu, menggunakan semula jarum/ alat tajam atau picagari yang telah digunakan oleh seseorang yang dijangkiti HIV. Ia juga terjadi apabila seorang ibu yang dijangkiti HIV kepada bayinya semasa kehamilan, proses kelahiran atau melalui penyusuan susu ibu. Walau bagaimanapun, terdapat banyak lagi kemungkinan lain yang boleh menyebabkan berlakunya jangkitan HIV samada secara seks oral, bendalir badan, dan sebagainya.

AIDS dan HIV selalu dikelirukan dan ianya sebenarnya tidak memberi maksud yang sama. AIDS adalah singkatan kepada '*acquired immunodeficiency syndrome*' adalah sindrom yang terhasil disebabkan oleh virus HIV. AIDS juga merujuk kepada keadaan di mana sistem imun badan sangat lemah yang jika akan memberi peluang pada kuman-kuman yang biasanya tidak membawa ancaman untuk menjangkiti sistem ketahanan badan.

Bagi sesetengah individu, HIV dilihat sebagai akibat daripada tingkah laku atau perbuatan yang diharamkan oleh sosial dan agama seperti seks rambang, homoseksual, pelacuran, dan hubungan seksual dengan orang asing. Perbuatan salah tanggapan dan kekurangan maklumat mengenai HIV/AIDS juga merupakan salah satu sumber stigma dan diskriminasi yang diterima oleh kebanyakan pesakit HIV positif.


Seterusnya jika seseorang dijangkiti penyakit HIV, pada tahap permulaan antara minggu ke dua sehingga minggu keenam ianya berkemungkinan mendapat gejala yang biasa dikaitkan dengan jangkitan virus seperti demam, ruam, berpeluh di waktu malam sakit tekak, lenguh badan, lesu, penat, ulser menggigil, noda limfa bengkak, ulser mulut dan sebagainya.

Seterusnya, kebanyakan individu akan melalui fasa di mana tiada gejala yang dapat dikesan. Walau bagaimanapun caranya, virus penyakit HIV ini masih aktif dalam badan

seseorang yang iaitu dapat melemahkan sistem ketahanan badan terutamanya jika seseorang itu tidak langsung menerima rawatan yang sewajarnya daripada pihak kerajaan mahupun swasta. Akhirnya, apabila sistem pertahanan badan menjadi lemah dan tidak bermaya, seseorang individu yang telah dijangkiti penyakit ini akan mengalami sindrom AIDS, di mana maksudnya yang telah dijelaskan di bahagian atas.

3. Hasil Kajian Lepas dan Data Penyelidikan

HIV Transmission by Sex (2005 – 2016)



Source: HIV/STI Sector, Division of Disease Control, Ministry of Health Malaysia

Berdasarkan graf tersebut dapat kita katakan akan adanya kes peningkatan kes dan juga penurunan kes pada setiap tahun. Kadar kes HIV ini diambil dari tahun 2005 sehingga 2016. Selain itu kes ini juga diambil kira dari segi jantina iaitu terdapat lelaki dan juga perempuan.

4. Punca Penularan Penyakit Hiv

Punca yang menyebabkan individu dijangkiti penyakit Human Immunodeficiency Virus (HIV) ialah terlibat dengan penyalahgunaan dadah. Hal ini dikatakan demikian kerana banyak faktor yang telah mendorong individu untuk terlibat dengan penyalahgunaan dadah antaranya faktor persekitaran, faktor usia dan faktor budaya. Penagih dadah berasa tidak boleh hidup dadah tanpa dadah kerana terlalu bergantung sepenuhnya kepada dadah untuk membolehkannya melakukan pelbagai aktiviti. Menggunakan jarum suntikan merupakan kaedah yang digunakan oleh penagih dadah. Disebabkan mereka tidak mempunyai wang, mereka sanggup untuk berkongsi jarum suntikan dengan penagih dadah yang lain. Hal ini sangat berbahaya kerana darah yang mengandungi Virus HIV akan berpindah kepadanya akibat daripada perkongsian jarum suntikan tersebut. Selain itu, melakukan hubungan seks rambang merupakan punca individu mendapat

jangkitan HIV. Di samping itu, kurang pengetahuan tentang penyakit AIDS dan HIV. Hal ini terjadi akibat daripada masyarakat terlalu sibuk dengan urusan harian sehingga tidak sedar betapa bahayanya penyakit AIDS dan HIV. Masyarakat hendaklah mengambil cakna tentang penyakit ini dengan melengkapkan diri mereka tentang pengetahuan berkaitan penyakit AIDS dan HIV. Setiap individu mempunyai tanggungjawab dan peranannya sendiri membuat pemeriksaan darah untuk mengetahui sama ada mereka pembawa HIV atau tidak. Jika mereka pembawa HIV, kemungkinan besar mereka telah menyalurkan virus tersebut melalui penyusuan ibu kepada anak, hubungan seks dan sebagainya.

5. Cadangan

Intervensi merupakan suatu usaha campur tangan yang dilakukan dengan tujuan memperbaiki atau mengatasi permasalahan yang ada. Sedangkan sosial merupakan sebuah kata yang merujuk pada relasi antara dua atau lebih individu. Oleh sebab itu intervensi sosial secara kasar dapat diartikan sebagai sebuah usaha yang melibatkan lebih dari satu individu untuk memecahkan permasalahan yang muncul. Melalui intervensi atau terapi secara individu, sokongan sosial seperti instrumental atau dari sudut harta benda. Selain daripada sokongan-sokongan berbentuk nasihat, cadangan, serta motivasi, antara sokongan yang agak penting dalam kehidupan pesakit HIV positif ialah sokongan sosial berbentuk instrumental atau pun barangan dan harta benda. Seperti yang dinyatakan sebelum ini, pesakit HIV cenderung untuk hilang pekerjaan, tidak mampu untuk bekerja dan ada juga antara mereka yang dibuang oleh keluarga. Jadi, bantuan dan sokongan dari segi instrumental sangat penting bagi pesakit yang mengalami isu kewangan. Pekerja sosial dapat memberikan cadangan atau maklumat mengenai bantuan-bantuan dari sumber yang boleh diperolehi daripada agensi swasta dan kerajaan amnya. Hal ini akan menjadikan penghidap HIV lebih bersemangat untuk menjalani kehidupannya. Apabila melakukan sesi intervensi bersama penghidap HIV, pekerja sosial perlulah sentiasa mengamalkan komponen utama dalam praktis kerja sosial seperti tidak menghukum.

Manakala, intervensi kumpulan dari sudut mezzo pula bertujuan untuk meningkatkan fungsi hidup dan mengatasinya apabila individu menyesuaikan diri dengan penyakit yang dihadapinya dengan orang disekelilingnya. Intervensi secara berkumpulan ini juga bertujuan untuk meningkatkan kesejahteraan individu dengan menyampaikan intervensi dalam format berkumpulan, yang dapat menggalakkan sokongan diantara rakan sebaya dan rangkaian sosial. Terapi berkumpulan ini juga dapat menggabungkan intervensi dalam teknik yang santai serta selesa, dan memberikan pendidikan mengenai penyakit dan pengurusannya. Intervensi berasaskan kumpulan yang berdasarkan terapi tingkah laku kognitif mungkin mempunyai kesan kecil terhadap ukuran kemurungan, dan kesan ini mungkin bertahan lebih lama apabila mempunyai motivasi daripada orang sekeliling yang mempunyai masalah yang sama. Intervensi berkumpulan mungkin akan mengurangkan masalah kemurungan, kegelisahan atau tekanan yang dihadapi penghidap HIV itu sendiri. Virus imunodifisiensi manusia (HIV) menyebabkan penyakit kronik, mengancam nyawa, dan sering berstigma, yang boleh mengimpak kesejahteraan seseorang. Oleh itu, intervensi secara berkumpulan boleh membantu orang yang hidup dengan penyakit HIV menyesuaikan diri dengan mengetahui mereka ada HIV, atau pulih daripada kemurungan, kegelisahan, dan tekanan yang dihadapi.

Terdapat dua sumber sokongan sosial yang diaplikasikan dimana yang pertama ialah yang berkaitan dengan keluarga serta rakan dan yang kedua ialah sokongan komuniti, agensi

kerajaan dan industri kesihatan. Manakala sokongan lain selalunya diperolehi daripada jururawat, pekerja sosial dan pekerja kesihatan. Salah satu bentuk sokongan sosial yang boleh diterima oleh pesakit sebagai penghidap HIV positif adalah sokongan dari segi emosi. Sokongan emosi sangat penting bagi mereka terutamanya pada awal tahap diagnosis. Hal ini kerana sesetengah daripada mereka tidak menyangka akan dijangkiti oleh HIV dan risau akan dipulaukan oleh masyarakat. Mereka juga malu dengan status mereka dan ini boleh menyebabkan tekanan. Menjaga hati para penghidap HIV positif juga dianggap sebagai sokongan emosi oleh informan. Hal ini kerana bagi mereka, kadang kala dengan tidak bertanya apa-apa mengenai HIV akan membuatkan mereka lebih selesa untuk bergaul dengan orang sekeliling. Walaupun majoriti individu agak terbuka untuk mendedahkan status HIV mereka, namun dalam masa yang sama masih ada perasaan takut akan stigma dan juga penolakan daripada masyarakat. Dengan cara memberikan sokongan emosi, mereka akan lebih terbuka dan selesa untuk berada dalam kalangan komuniti.

Selain itu, di Malaysia terdapat banyak sumber bantuan yang boleh dimohon seperti Yayasan Aids Malaysia, Malaysian AIDS Foundation Paediatric AIDS Scheme, Jabatan Kebajikan Masyarakat, Yayasan Kebajikan Negara, Baitulmal / Pusat Zakat / Pejabat Agama, Tabung Kebajikan Perubatan Malaysia, Badan Bukan Kerajaan (NGO), Institusi kebajikan untuk pesakit HIV / AIDS. Semua agensi ini mampu memainkan peranan penting dalam memberikan sokongan sosial yang dihadapi oleh penghidap HIV. Isu sokongan sosial kepada pesakit HIV sangat perlu dititikberatkan kerana mereka dilabelkan sebagai golongan minoriti yang perlu diberikan perhatian. Secara umumnya, sokongan sosial boleh merangkumi pelbagai aspek seperti sokongan daripada sudut kewangan, informasi, emosi dan dapat diperolehi daripada pelbagai sumber iaitu ibu bapa, keluarga, rakan mahupun komuniti. Penghidap HIV/AIDS memerlukan sokongan sosial sebagai kekuatan diri untuk meneruskan kehidupan mereka sepanjang hari. Sokongan sosial penting sebagai aspek penyesuaian psikologi yang boleh meningkatkan kesihatan fizikal dan emosi, meningkatkan motivasi untuk rawatan, tingkah laku menjaga diri dan mencegah transmisi jangkitan HIV/AIDS.

6. Kesimpulan

Kesimpulannya, usaha dan perhatian yang unik perlu dibangunkan oleh pihak yang bertanggungjawab bagi membantu individu yang menghidap HIV. Golongan tersebut perlu dilibatkan dalam program bersifat motivasi atau khidmat nasihat mengenai situasi yang dihadapi supaya mereka boleh meneruskan kehidupan dengan lebih baik. Selain itu, dalam usaha untuk menghadapi dan mencegah HIV dalam kalangan masyarakat perlu ditingkatkan usaha melalui strategi seperti memperluaskan pengetahuan dan kesedaran HIV di luar bandar dan juga bandar. Usaha kerajaan yang boleh dilakukan ialah pertubuhan bukan kerajaan dan pihak profesional kesihatan perlulah bergabung dengan pertubuhan agama dan kemasyarakatan, rukun tetangga dan penyebaran media massa. Media massa kerajaan dan swasta haruslah memperbanyakkan siaran di kaca televisyen mahupun di radio yang memberi pengetahuan dan pencegahan HIV. Seterusnya, program-program berbentuk kesihatan seksual, pencegahan penangihan dadah, gaya kehidupan yang sihat perlu ditingkatkan berbanding siaran hiburan. Perkara ini boleh dilakukan dengan memberi maklumat pencegahan HIV berkonsepkan ABC (*abstinence, be faithful, condom use*) iaitu mengelak daripada terlibat dengan perkara berisiko, hubungan ikhlas, dan penggunaan kondom.

7. Rujukan

- Agensi Antidadah Kebangsaan. 2014. *Laporan Maklumat Dadah 2014*. Kuala Lumpur. Kementerian dalam Negeri.
- DuBois, B., & Miley, K.K. (1999). *Social Work: An Empowering Profession* (3rd Edition). Boston: Allyn & Bacon.
- Williams, J. K., & Boykin, F. (1999). The role of social work in HIV/AIDS clinical trials. *Social work in health care*, 29(1), 35–56. https://doi.org/10.1300/J010v29n01_03
- SAMA, A. S. A. (2018). Faktor-faktor Sosial yang Mempengaruhi Jangkitan HIV dalam Kalangan Lelaki Berketurunan India HIV Positif di Malaysia. *Akademika*, 88(1), 49-64.
- Kementerian Kesihatan Malaysia. (2017). *Sokongan Sosial kepada Pesakit HIV/AIDS*. Retrieved 20 June 2022 from <http://www.myhealth.gov.my/sokongan-sosial-kepada-pesakit-hiv-aids/>

Gelandangan Dari Perspektif Kerja Sosial

Nurul Natasya Nadia Irwan¹, Paramjit Singh Jamir Singh², Azlinda Azman³

^{1,2,3}Program Kerja Sosial, Pusat Pengajian Sains Kemasyarakatan, Universiti Sains Malaysia
Email: ¹nunana@student.usm.my, ²paramjit@usm.my

Abstrak

Kebanjiran golongan gelandangan di bandar-bandar utama seperti ibu kota Kuala Lumpur menunjukkan peningkatan tahun demi tahun. Berikutan pandemik Covid-19 yang berlaku baru-baru ini juga menyumbang kepada pertambahan yang drastik terhadap kadar gelandangan. Secara umumnya, isu gelandangan ini merupakan salah satu masalah negara yang merungsiakan semua pihak termasuk rakyat Malaysia dan kerajaan. Hal ini dikatakan demikian kerana, isu kebanjiran gelandangan ini boleh memberikan pandangan yang buruk oleh negara luar walaupun negara semakin meniti ke arah negara maju. Oleh itu, kajian dilakukan bagi mengkaji dan mengenal pasti segala aspek yang berkaitan dengan masalah gelandangan ini secara lebih mendalam dan kritis. Metodologi kajian ini dijalankan dengan merujuk sumber-sumber sekunder yang berkaitan. Penulisan atau kajian yang lepas menjadi sumber rujukan utama. Contohnya, jurnal atau majalah ilmiah. Kajian ini juga menggunakan pendekatan kerja sosial berdasarkan situasi kes sebagai panduan utama. Di samping itu, hasil kajian mendapati bahawa antara faktor berlakunya masalah gelandangan adalah kerana tiada pekerjaan, kemiskinan dan banyak lagi. Selain itu, terdapat isu-isu yang sering terjadi terhadap golongan gelandangan seperti perhubungan yang tidak harmoni dengan sistem persekitaran. Perspektif kerja sosial yang diaplikasikan oleh pekerja sosial dapat mencerminkan kompetensi profesion pekerja sosial dalam mengendalikan masalah dengan professional. Corak intervensi yang dilakukan dengan efektif dan berkesan dapat menjamin kefungsian sosial dan kesejahteraan hidup golongan gelandangan meningkat.

Kata kunci: Gelandangan; kerja sosial; kompetensi; corak intervensi; kefungsian sosial.

1. Pengenalan

Sering kali kita melihat di kawasan bandar-bandar utama seperti ibu kota Kuala Lumpur selalu dibanjiri oleh golongan gelandangan yang menjadikan lorong- lorong, bawah jambatan atau kaki lima jalan sebagai tempat tinggal mereka. Menurut Dewan Bahasa dan Pustaka (2010), individu yang tidak mempunyai kemudahan tempat tinggal dan pekerjaan yang tetap dimaksudkan dengan gelandangan. Boleh dikatakan gelandangan ini seseorang yang tidak mencukupi keperluan asas yang perlu ada sebagai manusia untuk menjalani kehidupan. Gelandangan merupakan mereka yang hidup dalam keadaan yang tidak sesuai dengan norma kehidupan yang sesuai dalam masyarakat serta tidak memiliki pekerjaan yang tetap tempat tinggal (Anon,1980). Kebanjiran golongan gelandangan ini juga merupakan isu yang sentiasa hangat dipaparkan di dada-dada akhbar atau media walaupun isu ini sudah lama wujud. Masalah gelandangan merupakan salah satu perkara yang merungsiakan semua pihak termasuk rakyat dan kerajaan. Hal ini dikatakan demikian kerana, dapat memberi pandangan yang buruk oleh negara luar terhadap negara kita walaupun meniti ke arah negara maju. Kadar gelandangan yang tinggi dapat mencerminkan bagaimana sesebuah negara itu mengurus dan mentadbir kerajaan dan rakyatnya. Golongan gelandangan ini secara amnya terdiri daripada pelbagai latar belakang seperti individu

yang tidak berumah namun mempunyai pekerjaan, penagih dadah, pesakit mental, penganggur, warga emas dan lain-lain.

2. Faktor Terjadinya Isu Gelandangan

Setiap kejadian pastinya mempunyai sebabnya dan sama seperti isu gelandangan ini di mana sudah tentu wujudnya faktor-faktor yang mempengaruhi berlakunya masalah ini. Masalah sosial merupakan salah satu faktor seseorang itu bergelandangan di mana seseorang itu mempunyai salah tingkah laku serta tidak menepati norma atau peraturan masyarakat setempat. Hal ini dikatakan demikian kerana, apabila seseorang itu melanggar norma atau peraturan ia akan mempunyai kecenderungan untuk berhijrah dari kawasan asalnya. Ini boleh juga kerana kemahuan diri sendiri ataupun desakan daripada persekitaran seperti keluarga, penduduk kampung. Contoh masalah sosial seperti penagih dadah atau berjudi dan banyak lagi. Selain itu, faktor kemiskinan dan tiada pekerjaan iaitu satu keadaan yang tidak dapat ditanggung seseorang itu kerana tiada keupayaan minima untuk memenuhi keperluan asas minima Apabila ekonomi seseorang itu berada pada tahap yang rendah maka secara tidak langsung menjejaskan produktiviti untuk mensejahterakan kehidupannya kerana ketidakcukupan dari segi keperluan asas. Sebagai contohnya, ketiadaan sumber yang mencukupi untuk mendapatkan makanan jadi membolehkan seseorang itu tidak mempunyai tenaga dan mengikat perutnya. Lebih-lebih ketika negara dilanda pandemik Covid-19 yang menyebabkan ramai yang tiada pekerjaan kerana dibuang majikan dan golongan miskin terus miskin disebabkan masalah global ini. Jadi mereka memilih jalan mudah untuk menjadi gelandangan disebabkan tidak mampu untuk menampung kos perbelanjaan di samping tiada pendapatan. Menurut Johnson et al. (2015) menyatakan bahawa individu yang mempunyai masalah ekonomi dan sosial boleh mengakibatkan kehilangan tempat tinggal dan kecenderungan yang tinggi untuk mereka hidup bergelandangan.

Di samping itu, pengabaian dan penderaan dari keluarga juga boleh menyebabkan seseorang itu menjalani hidup bergelandangan. Dalam laporan United Nations Human Rights, menyatakan bahawa seseorang tidak mempunyai tempat tinggal disebabkan oleh dua faktor iaitu faktor peribadi dan faktor sosial. Faktor peribadi meliputi mempunyai keluarga yang tidak harmoni, mangsa keganasan rumah tangga, latar belakang keluarga yang tidak bernasib baik, tidak mempunyai pendidikan tinggi dan banyak lagi. Ini menunjukkan bahawa keluarga juga merupakan salah institusi yang boleh mempengaruhi tingkah laku dan tindakan seseorang. Mangsa penderaan fizikal dan mangsa penderaan seksual pada zaman kanak-kanak kebanyakannya menjadi gelandangan (Eva dan Thom, 2015). Selain itu, faktor masalah kesihatan dan mental. Geyer Szadkowski (1998) berpendapat bahawa kesihatan mental dan gelandangan mempunyai hubungan dan kaitan yang sangat kuat. Masalah gelandangan selalunya berkait dengan masalah kesihatan mental kerana mereka tidak mempunyai keupayaan untuk mengawal kehidupan seharian untuk menghadapi tekanan hidup (Bogard 1999; Bhugra 1996). Faktor kemiskinan dan masalah kesihatan ini juga berkait di mana apabila individu sumber yang mencukupi untuk merawat dan mencegah masalah kesihatan yang dihadapinya. Ini secara tidak langsung menjejaskan kesejahteraan seseorang.

3. Isu bergelandangan

Kehidupan bergelandangan ini bukan kemahuan sesiapa sebenarnya namun desakan persekitaran yang boleh mempengaruhi. Oleh itu, bergelandangan ini boleh menimbulkan isu atau masalah

terhadap golongan gelandangan itu sendiri. Isu penjagaan kebersihan gelandangan yang menjadi isu utama di mana kebanyakan jika kita lihat komuniti gelandangan ini penjagaan diri tidak terurus. Pakaian yang kotor dipakai berulang-ulang kali, penjagaan oral dipandang remeh, tiada rutin penjagaan kebersihan yang konsisten. Hal ini, boleh menyebabkan masalah lain di mana wujudnya masalah kesihatan atau penyakit berjangkit. Contohnya, jangkitan kuman, penyakit kaki tangan dan mulut dan lain-lain. Rawatan dan pencegahan tidak diambil endah kerana kekurangan sumber dan pengetahuan untuk menanganinya. Seterusnya, masalah gangguan seksual terutama kepada gelandangan wanita. Mereka mempunyai kecenderungan untuk diganggu dari orang luar atau dari komuniti gelandangan itu sendiri. Hal ini juga dapat mempengaruhi aspek fizikal dan mental mangsa. Mangsa ini akan berasa ketakutan namun tiada tempat untuk dituju kerana hidupnya sebagai gelandangan.

Di samping itu, perhubungan yang tidak harmoni dengan sistem persekitaran. Hal ini dikatakan demikian kerana, masalah komuniti gelandangan ini melibatkan banyak pihak seperti penduduk setempat, kerajaan, badan bukan kerajaan. Kemungkinan komuniti gelandangan ini tidak mendapat layanan yang mesra atau baik daripada pihak yang berkaitan. Contohnya, terdapat pihak luar yang memberi bantuan kepada golongan gelandangan namun bukan bantuan semata-mata kerana terdapat tujuan lain. Pihak yang tidak bertanggungjawab ini berkelakuan baik terhadap mereka untuk mendapatkan raih dan sokongan sahaja serta melibatkan pihak media untuk membuat liputan. Ini boleh mempengaruhi pandangan dan pemahaman gelandangan terhadap persekitaran di mana tiada yang mahu membantu secara ikhlas tanpa tujuan lain. Ini secara langsung menyukarkan komuniti gelandangan bekerjasama dengan pihak-pihak yang bertanggungjawab untuk meningkatkan kefungisian sosial mereka.

4. Situasi Kes dalam Konteks Kerja Sosial

Rizal (bukan nama sebenar) merupakan seorang gelandangan di ibu kota sejak 10 tahun. Kisahnya, Rizal berhijrah ke Kuala Lumpur dari Kedah pada tahun 2012 yang lalu setelah ibunya meninggal dunia kerana menghidap sakit kanser. Ayahnya pula telah pulang kerahmatullah sejak dirinya kecil lagi. Sebelum dia berhijrah ke Kuala Lumpur, ibunya ialah peneman hidupnya namun setelah ibunya pergi Rizal tiada arah tujuan kerana insan terpenting dalam hidupnya sudah pergi. Rizal berasa perlu keluar dari kawasan itu kerana mahu memulakan hidup baru kerana lagipun dia tiada lagi saudara- mara di sana. Rizal sebatang kara sahaja berhijrah ke Kuala Lumpur dan membawa barang-barang penting sahaja bersamanya. Banyak dugaanya sebagai perantau yang hidup di ibu kota, Kuala Lumpur. Banyak kali juga Rizal bertukar- tukar pekerjaan semenjak dirinya merantau di ibu kota kerana faktor tertentu. Dia pernah bekerja di kedai makan sebagai pencuci pinggan, sebagai pencuci kereta dan macam-macam lagi. Pekerjaanya kini sebagai security guard merupakan pekerjaan yang terbaru dan dari segi gajinya agak tinggi daripada pekerjaannya sebelum ini. Kini, Rizal bekerja sebagai “security guard” bagi sebuah perumahan apartmen di Kuala Lumpur. Walaupun Rizal mempunyai pekerjaan namun dia tidak mempunyai tempat tinggal yang tetap di mana dia merempat di kaki-kaki lima premis di ibu kota. Kos sara hidup yang tinggi di bandar ini membuat Rizal terpaksa menjadi gelandangan kerana tidak mampu untuk menampung perbelanjaan tempat tinggal. Selain itu, Rizal berpendapat bahawa lebih baik dirinya menjadi gelandangan dan tidur mana-mana sahaja yang dia mahu. Hal ini dikatakan demikian kerana, dia tidak mempunyai tanggungan kerana sebatang kara sahaja serta tidak mempunyai pasangan hidup dan tidak perlu pening untuk memikirkan segala komitmen dari segi perbelanjaan jika dia menyewa rumah atau

bilik. Dia merasakan untuk tidur di kaki lima jalan tiada masalah baginya walaupun mempunyai pekerjaan. Namun, Rizal juga pernah memikirkan mengenai pendiriannya menjadi gelandangan sama ada keputusan yang tepat atau sebaliknya. Oleh itu, Rizal merujuk pekerja sosial untuk menyelesaikan masalahnya.

Berdasarkan situasi di atas, pekerja sosial akan mengaitkan dengan konteks kerja sosial. Konteks praktis kerja sosial menitikberatkan aspek kefungsiian sosial. Kefungsiian sosial ini merupakan keupayaan individu untuk menjalankan tugas atau aktiviti seharian untuk mencapai keperluan asas. Contohnya, makanan, penjagaan kesihatan, tempat tinggal, keupayaan mencari dan menerima sokongan sosial, keupayaan mengawal diri daripada ancaman dan sebagainya. Oleh itu, peranan utama profesion pekerja sosial untuk meningkatkan kesejahteraan dan kefungsiian hidup individu, kumpulan, komuniti dan masyarakat. Hal ini dikatakan demikian kerana, tidak semua individu mempunyai keupayaan tersebut jadi dengan bimbingan dan bantuan daripada pekerja sosial segala keinginan atau keperluan asas mereka dapat dicapai dengan kerjasama antara semua pihak. Berdasarkan permasalahan atau isu yang dikupaskan adalah mengenai gelandangan. Konteks kerja sosial memandang isu gelandangan perkara yang perlu ditangani dan dibantu kerana bergelandangan boleh menjejaskan kapasiti golongan gelandangan ini untuk hidup dengan sejahtera. Ini disebabkan oleh, golongan gelandangan ini secara amnya tidak mempunyai keperluan asas yang mencukupi dan tidak berupaya untuk mencari sumber-sumber dan peluang di dalam persekitaran sosial. Contohnya, tidak dapat membeli barangan keperluan seperti pakaian yang sesuai kerana tidak mempunyai pendapatan yang tetap. Isu gelandangan ini mempengaruhi pelbagai pihak seperti pihak keluarga. Pihak keluarga secara tidak langsung boleh mendapat kesannya dari segi emosi di mana akan berasa tidak menjadi ahli keluarga yang baik kerana tidak dapat membantu ahli keluarga daripada terlibat pelanggaran norma atau peraturan hidup.

Dalam konteks kerja sosial terdapat istilah kuasa dalaman dan kuasa luaran. Paradigma kuasa dalaman dan kuasa luaran dapat menggambarkan bagaimana manusia bertingkah laku atau bertindak dalam cara yang ganjil dan berbeza (Skidmore,R.2000). Kuasa dalaman merupakan tahap mikro yang mempengaruhi aspek biologi, psikologi dan sosial manakala kuasa luaran pula ialah tahap mezzo dan tahap makro. Tahap mezzo melibatkan keluarga, kelompok dan sekolah dan tahap makro pula merangkumi komuniti, organisasi, budaya dan institusi. Model paradigma ini dapat membantu dalam membuat penganalisaan dan penilaian ke arah penyelesaian masalah. Perspektif kerja sosial ini mengklasifikasikan model paradigma ini berlandaskan teori sistem dan teori ekologi. Teori sistem diketahui sebagai sistem-sistem persekitaran yang berlainan yang dapat mempengaruhi seseorang itu. Teori ini memfokuskan kepada kesan sistem kekeluargaan, organisasi, polisi dan perundangan ke atas individu tersebut manakala teori ekologi pula subset kepada teori sistem. Teori ini merangkumi tiga tahap tersebut iaitu mikro, mezzo dan makro. Oleh itu, profesion pekerja sosial yang juga sebagai agen pengubah perlu untuk mengetengahkan corak intervensi yang bersesuaian dalam menangani masalah ini. Pekerja sosial perlu bertanggungjawab untuk membantu individu atau masyarakat memperbaiki dan mempertingkatkan kefungsiian sosial Oleh itu, terdapat komponen corak intervensi yang dapat dijalankan oleh pekerja sosial untuk membantu dan menyelesaikan masalah individu, kumpulan atau sesebuah komuniti itu.

Berdasarkan isu yang berkaitan dengan masalah gelandangan iaitu Rizal, pekerja sosial boleh mengaplikasikan kaedah kerja sosial yang pertama iaitu dengan individu. Kerja

sosial dengan individu ini merupakan kaedah utama kerja sosial. Menurut Ragensbury, kerja sosial dengan individu atau dikenali sebagai kerja kes ini merupakan satu kaedah mengukur kemampuan atau kapasiti klien menghadapi dengan masalah yang dihadapinya. Pekerja sosial perlu membantu klien untuk melihat dengan rasional berkaitan masalahnya serta membantu memikirkan jalan untuk menyelesaikan masalah tersebut. Setiap kaedah yang dijalankan mempunyai proses-proses yang tertentu dan berkesan bagi mencapai sesebuah matlamat itu. Proses kerja kes atau pendekatan penyelesaian masalah ini mempunyai lima proses iaitu pengkajian (study), penentuan situasi (assessment), intervensi (intervention), penilaian (evaluation), dan penamatan (termination) menurut Skidmore (2000), Compton & Gala (2005).

Proses kerja kes yang pertama ialah pengkajian iaitu proses masalah klien dibentangkan dan pekerja sosial hendaklah untuk mengenalpasti kes sama ada mempunyai potensi atau bersesuaian untuk menerima kes tersebut. Nilai penerimaan perlu diaplikasikan oleh pekerja sosial dan membina hubungan atau rapport kerana ini interaksi pertama antara klien dengan pekerja sosial. Proses perhubungan penting untuk kepentingan penglibatan klien juga. Kemahiran juga perlu ditumpukan pada proses ini bagi membantu klien membuat keputusan dalam penerimaan rawatan. Misalnya, pekerja sosial menggunakan kemahiran mendengar dengan baik untuk mengumpulkan maklumat atau data yang penting daripada pihak klien. Nilai-nilai profesional juga perlu diaplikasikan oleh pekerja sosial seperti nilai tidak menghukum di mana tidak menghina klien kerana pilih untuk menjadi seorang gelandangan. Pada tahap ini, klien boleh membuat keputusan sama ada ingin meneruskan atau menolak rawatan yang bakal diadakan. Contohnya, gelandangan yang sebagai klien tidak ingin meneruskan segala pertolongan kerana tidak bersedia memberi kerjasama dengan pekerja sosial. Dengan ini, menunjukkan proses pengkajian ini merupakan satu proses kerja dengan menyemak segala dokumentasi kes yang dirujuk.

Seterusnya, proses kerja kes yang kedua ialah penentuan situasi yang dimaksudkan dengan proses pengumpulan maklumat untuk memahami masalah yang dihadapi oleh klien. Banyak aspek yang perlu dikenalpasti pada tahap ini mengikut kehendak pencapaian klien seperti matlamat, kekuatan dan cabaran. Hal ini penting kerana merupakan hasil atau perubahan yang klien inginkan untuk memperbaiki kesejahteraan hidup mereka. Penentuan situasi berisiko dan penentuan situasi keperluan juga terlibat dalam tahap proses ini. Contohnya, berkaitan masalah gelandangan iaitu perkara bahaya dan kemungkinan yang ditanggung terutama kepada klien ataupun kepentingan yang diperlukan oleh klien.

Selain itu, proses kerja yang ketiga ialah intervensi iaitu merupakan proses pertolongan, panduan dan bimbingan atau alternatif kepada klien mengikut keperluan klien berdasarkan keputusan yang dibuat. Proses alternatif ini perlulah selaras dengan keperluan, kehendak, perubahan dan matlamat yang ingin dicapai oleh klien itu sendiri. Secara umumnya, intervensi ini wujud daripada proses perhubungan yang pertama lagi. Oleh itu, dalam proses ini pekerja sosial perlu bersama-sama dengan klien untuk merancang pelan tindakan serta strategi intervensi. Hal ini dikatakan demikian kerana, dapat meningkatkan kekuatan untuk membantu matlamat klien dapat dicapai. Pendekatan behaviorisme, humanistik, psikodinamik dan kognitif akan digunakan oleh pekerja sosial dalam proses intervensi ini. Pekerja sosial juga perlu mahir membentuk rancangan tindakan yang bersesuaian dengan masalah yang dihadapi oleh klien.

Selain itu, segala prinsip-prinsip sebagai pekerja sosial perlulah diambil berat seperti prinsip kerahsiaan, membantu klien membantu diri sendiri dan banyak lagi.

Di samping itu, proses yang keempat ialah penilaian. Proses ini memerlukan pekerja sosial untuk menilai semula segala rancangan intervensi atau tindakan yang telah dilakukan terhadap klien. Pemantauan dan penilaian terhadap pelaksanaan ini perlulah digiatkan secara berterusan oleh pekerja sosial. Hal ini dikatakan demikian kerana, ia penting di mana mempengaruhi sesuatu proses pertolongan yang dilakukan terhadap klien itu wajar diteruskan ataupun tidak. Seterusnya, pengubahsuaian akan dibuat jika perlu dengan mengikut kesesuaian, keberkesanan perkhidmatan dan kemajuan atau perkembangan klien. Tahap Kebergantungan klien terhadap pekerja sosial dan permasalahan juga dapat dinilai pada proses ini.

Proses kaedah kerja sosial individu yang terakhir ialah penamatan. Penamatan dapat dicapai sekiranya klien dapat melakukan perubahan terhadap dirinya ataupun kefungsi sosial klien lebih baik daripada sebelumnya. Dengan itu, pekerja sosial perlu membuat persediaan untuk menamatkan kes dengan berbincang secara mendalam dengan klien. Perbincangan perlulah merangkumi kemajuan atau perubahan yang klien capai. Selain itu, pekerja sosial hendaklah menitikberatkan kesediaan klien untuk meneruskan kehidupannya tanpa intervensi pekerja sosial lagi. Oleh itu, perbincangan dua hala yang berlaku antara pekerja sosial dengan klien berkaitan kefungsiannya dapat membolehkan proses penamatan dilakukan. Proses penamatan ini dapat menentukan tahap pergantungan klien terhadap pekerja sosial dan itu perlu ditamatkan atau dihapuskan pada proses ini. Oleh itu, pekerja sosial perlu memberi masa dan ruang kepada klien untuk menerima dan bersedia untuk menjalani proses penamatan ini.

Berdasarkan penerangan di atas, dapat menyimpulkan beberapa peranan yang boleh dimainkan oleh pekerja sosial untuk menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh klien iaitu Rizal. Pertama ialah pekerja sosial boleh menjadi sebagai enabler di mana kekuatan dan sumber sedia ada klien dapat dikenal pasti dengan bantuan pekerja sosial. Contohnya bakat, minat dan kemahiran terhadap sesuatu benda. Seterusnya, perkasaan di mana membantu klien megukuhkan bakatnya untuk terus yakin menghadapi perubahan. Enabler dan perkasaan ini sangat penting untuk meningkatkan keupayaan personal dan interpersonal klien. Peranan ini banyak digunakan pada proses penentuan situasi dan intervensi.

Selain itu, orang tengah atau mediator yang boleh diperankan oleh pekerja sosial di mana menjadi orang tengah untuk menyelesaikan masalah atau konflik yang berlaku di antara klien dan pihak luar. Membantu kedua-dua pihak tersebut mencapai kompromi yang telah dipersetujui bersama-sama. Contohnya, Rizal dengan pihak Jabatan Kebajikan Masyarakat. Di samping itu, sebagai advokator yang bertindak sebagai jurucakap untuk mewakili klien membentangkan masalahnya atau mendebatkan kes klien jika memerlukan untuk berbuat demikian. Selain itu, terdapat juga kaedah kerja sosial yang lain seperti kaedah kerja sosial berkumpulan atau kelompok dan komuniti. Namun, kajian dan penerangan di atas memfokuskan kepada kaedah kerja sosial individu sahaja kerana berdasarkan situasi kes yang dialami oleh klien iaitu Rizal serta matlamat dan objektif yang ingin dicapai oleh klien itu sendiri.

5. Penutup

Kesimpulannya, isu berkaitan dengan gelandangan perlu dijadikan sebagai matlamat utama untuk diselesaikan bukan hanya pada ketika masa-masa tertentu sahaja. Jika diperhatikan, isu gelandangan ini tiada titik noktahnya kerana isu hanya dipandang sebelah mata dan tindakan mengatasinya tidak konsisten. Tindakan yang berkonsisten itu sebenarnya jalan utama untuk menyelesaikan masalah ini. Hal ini dikatakan demikian kerana, isu gelandangan ini yang tiada berpenghujung ini dapat mempengaruhi pencapaian negara ke arah negara maju. Oleh itu, dengan adanya profesion kerja sosial yang mana objektif dan matlamat utama untuk meningkatkan dan mensejahterakan individu, kumpulan, komuniti dan masyarakat. Dengan adanya negara yang seimbang dari segi ekonomi dan sosial makanya tidak mustahil untuk menuju kepada kemajuan. Dengan itu, pekerja sosial dipertanggungjawabkan untuk menyediakan pelan rancangan dan tindakan intervensi bagi memenuhi keperluan mereka. Ini disebabkan kebanyakan komuniti gelandangan ini dibelenggu oleh minda dan pemahaman mereka untuk mengambil keputusan membuat perubahan terhadap hidup mereka. Corak intervensi yang dilakukan dengan efektif dan berkesan dapat menjamin kefungsi sosial dan kesejahteraan hidup golongan gelandangan meningkat. Oleh itu, pekerja sosial perlu memulihkan tanggapan tersebut agar kehidupan mereka yang lebih baik dapat dibentuk. Kerjasama yang bersepadu antara pekerja sosial kerajaan mahupun swasta amatlah ditekankan. Hal ini dapat mencerminkan kompetensi profesion kerja sosial dalam mengendalikan masalah dengan professional.

6. Rujukan

- Alif et al. (2021). *Kehidupan Gelandangan Bekas Banduan dari Perspektif Ekologi: Kajian Kes di Chow Kit, Kuala Lumpur*. <https://ojs.upsi.edu.my>
- Amnan.H (2021, Februari 24). *Gelandangan Kini Masalah Negara*. *Sinar Harian*
<https://www.sinarharian.com.my>
- Basyirah Y et al. (2017). *Isu Gelandangan di Malaysia: tahap Kesihatan Mental dan Kemahiran Hidup* <http://journal.kuis.edu.my>
- Farrah, M et al. (2018). *Fenomena Gelandangan: Faktor Kebanjiran ‘Komuniti Jalanan’*
<https://www.researchgate.net/publication>
- Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia (2020) *Buku Kemahiran Kerja Sosial*
<https://www.jkm.gov.my>
- Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia (2018). *Manual Sistem Pengurusan Kes Kerja Sosial*
<https://www.jkm.gov.my>
- Lokman, H. (2019, Februari 27). *Gelandangan oh gelandangan*. *Sinar Harian*
<https://www.sinarharian.com.my>
- Najahudin, L et al. (2017). *Golongan Gelandangan di Malaysia: Antara Perluasan Tafsiran Asnaf Ibnu Al-Sabil dan Al-Riqab* <http://eprints.um.edu.my>
- Ramli, R. (2021, April 6). *Kasihlanlah Nasib Mereka* <https://www.hmetro.com.my>
- Syazwani, D et al.(2019). *Pengetahuan Gelandangan Terhadap Peranan dan Keperluan Pekerja Sosial*.
https://www.researchgate.net/publication/329772284_PROFIL_GELANDANGAN_SATU_KAJIAN_LITERATUR

Permasalahan Gangsterisme Kalangan Pelajar Dari Perspektif Kerja Sosial

Nor Amirah Khalisah Muhamad Zaini¹, Azlinda Azman², Paramjit Singh Jamir Singh³

^{1,2,3}Program Kerja Sosial, Pusat Pengajian Sains Kemasyarakatan, Universiti Sains Malaysia

Email: ¹mirazaini4154@student.usm.my, ²azlindaa@usm.my

Abstrak

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti permasalahan gangsterisme di dalam kalangan pelajar berdasarkan perspektif kerja sosial. Kegiatan gangsterisme di dalam kalangan pelajar semakin membimbangkan pelbagai pihak seperti ibubapa, sekolah, dan masyarakat. Gangsterisme merupakan satu kegiatan yang dilakukan oleh segelintir masyarakat tetapi ia memberi kesan yang sangat besar kepada individu, masyarakat dan negara. Gejala gangsterisme merupakan satu permasalahan yang mampu meruntuhkan kefungsi sosial individu tersebut. Kerja kes ini ditulis dengan menggunakan kaedah situasi kes dan dikupas menggunakan pendekatan kerja sosial. Satu situasi kes dipilih di mana individu tersebut merupakan seorang pelajar yang terlibat di dalam gejala gangsterisme. Permasalahan gangsterisme di dalam kalangan pelajar dikaji menggunakan kaedah kerja sosial dengan individu, berkumpulan, dan komuniti. Permasalahan ini dibincangkan melalui praktis kerja sosial iaitu individu di dalam persekitaran di peringkat mikro, mezzo dan makro. Dapatan kajian menunjukkan bahawa individu itu lebih terdedah untuk mengikuti kegiatan gangsterisme melalui persekitarannya. Keadaan persekitaran individu tersebut dapat mempengaruhi kehidupan harian dan kefungsi sosialnya. Pelbagai kaedah kerja sosial digunakan untuk membantu mengurangkan atau menyelesaikan permasalahan gangsterisme di dalam kalangan pelajar.

Kata kunci: Gangsterisme; pelajar; individu dalam persekitaran; kaedah kerja sosial.

1. Pengenalan

Di dalam usaha mencapai sebuah negara moden dan maju, idea dan tenaga golongan generasi muda yang merupakan agen kemajuan diperlukan. Namun, di dalam menuju negara moden ini, penglibatan generasi muda telah dipersoalkan. Segelintir golongan generasi muda ini telah terlibat di dalam aktiviti-aktiviti sosial yang boleh merosakkan akhlak mereka sekaligus menjatuhkan kefungsi sosial mereka sebagai seorang individu di dalam masyarakat. Ketidakefungsi sosial mereka memberikan impak yang besar terhadap masyarakat dan juga negara. Kebelakangan ini, masalah kegiatan gengsterisme di dalam kalangan pelajar telah menimbulkan kebimbangan daripada pelbagai pihak seperti ibubapa, sekolah dan masyarakat. Menurut Krug (2002) keganasan interpersonal akan memberikan kesan negatif terhadap ekonomi di sesebuah negara iaitu sekurang-kurangnya 4 peratus daripada jumlah produk nasional.

Menurut kamus dewan edisi keempat (ke-4), gangsterisme ialah kegiatan gangster iaitu gejala samseng di dalam kalangan pelajar dan mendapat perhatian umum. Gangsterisme merupakan satu kegiatan atau kelakuan yang memusnahkan yang dilakukan secara berkumpulan.

Kegiatan gangster ini sudah lama wujud dan masih berterusan sehingga kini. Kegiatan gangster dikatakan pokok akarnya bermula dari bangku sekolah sehingga menjadi satu kumpulan gangster yang banyak menggugat keamanan negara. Menurut Thrasher (1963) yang merupakan pelopor kajian gangsterisme di Chicago menyatakan bahawa pada awal remaja golongan ini berpotensi untuk mewujudkan gang. Golongan remaja ini merupakan golongan yang berusia 12 tahun hingga 18 tahun. Di usia ini kebanyakan remaja ini merupakan pelajar sekolah. Di mana mereka lebih tertarik untuk mencuba perkara yang baru dan mencabar.

Gangsterisme merupakan salah laku yang dapat meruntuhkan akhlak seseorang. Gangsterisme meliputi jenayah merompak, mencuri, memukul, bergaduh, memeras ugut, mengedar dadah dan lumba haram. Kumpulan gangster biasanya mempunyai organisasinya tersendiri seperti ketua kumpulan, orang kanan dan anak buah atau orang bawahan. Kumpulan gangster ini akan diketuai oleh ketua kumpulan yang merupakan seseorang yang paling digeruni dan ditakuti oleh masyarakat. Kebiasaannya ketua kumpulan ini tidak akan terlibat di dalam perbuatan jenayah tetapi akan mengaturkan dan mengarahkan ahli kumpulannya melakukan jenayah tersebut. Bagi kumpulan gangster yang besar, kebiasaannya akan terlibat di dalam perniagaan dadah, merompak, pelacuran dan perjudian secara haram.

Menurut Pickett (2005) pergaduhan fizikal adalah salah satu bentuk yang umum bagi keganasan interpersonal yang biasanya berlaku di dalam kalangan remaja. Segelintir pelajar sekolah yang mengikuti kegiatan gangsterisme di sekolah kerana merasakan bahawa pergaduhan merupakan sesuatu perkara yang biasa. Jika dilihat, di sesetengah sekolah, kegiatan gangsterisme ini merupakan satu adat di dalam kalangan pelajar di mana mereka suka bergaduh di antara satu sama sendiri dan memeras ugut pelajar baru atau pelajar-pelajar yang lemah.

2. Situasi kes

Ahmad (bukan nama sebenar) merupakan seorang remaja berusia 16 tahun dan masih bersekolah. Dia telah terlibat di dalam gejala gangsterisme sejak dia berusia 15 tahun. Ahmad terlibat di dalam gejala gangsterisme kerana dia tertekan dengan permasalahan yang menyimpannya. Dia telah mengalami permasalahan keluarga di mana ibubapanya telah bercerai sejak dia berusia 14 tahun. Ibunya, Salmah (bukan nama sebenar) merupakan seorang suri rumah dan tidak mempunyai pendapatan sebelum bercerai. Perkara ini menyebabkan, ibunya terpaksa meniaga nasi lemak di waktu pagi untuk menyara hidup. Tambahan lagi, ayahnya yang menghilang tanpa khabar berita dan tidak meninggalkan sebarang wang belanja harian kepadanya dan adik-adiknya. Oleh kerana mereka sering mengalami kesempitan wang, Ahmad telah mengikut satu kumpulan gangster yang disarankan oleh rakannya yang merupakan ahli kumpulan tersebut untuk mendapatkan duit poket. Tambahan lagi, kumpulan gangster tersebut merupakan kumpulan yang aktif di kawasan perumahannya yang merupakan kawasan perumahan kos rendah di Kuala Lumpur dan mempunyai markas di situ. Pada awalnya, dia mengikuti kumpulan ini kerana dia ingin mempunyai wang yang banyak kerana sering diejek “miskin” oleh rakan-rakan di sekolah. Namun kegiatannya semakin diluar kendali, dia sering mengikuti pergaduhan di sekolah untuk menunjukkan siapa lebih kuat dan dia juga telah memeras ugut rakan-rakannya. Ahmad juga dikenali sebagai samseng sekolah dan dia sangat dikendaki oleh guru-guru dan ditakuti oleh pelajar sekolah itu. Kegiatan Ahmad tidak diketahui oleh ibunya, kerana ibunya sibuk berniaga dan menjaga adiknya yang masih kecil. Ini menyebabkan Ahmad semakin liar, dan mula melakukan jenayah mencuri dan merompak rumah-rumah di taman perumahan yang

berhampiran dengan rumahnya. Ahmad telah ditangkap oleh pihak polis kerana melakukan jenayah merompak dan dia telah dirujuk kepada pekerja sosial untuk memperbaiki moral dan akhlaknya.

3. Faktor permasalahan

3.1 Institusi keluarga

Keluarga ialah satu unit asas masyarakat sosial yang terdiri daripada individu yang mempunyai pertalian darah atau ikatan persaudaraan yang terbentuk daripada satu ikatan perkahwinan antara lelaki dan perempuan yang sah serta anak hasil daripada perkahwinannya. Terdapat keluarga besar dan keluarga kecil. Keluarga kecil melibatkan dua generasi iaitu ibu bapa dan anak hasil perkahwinan mereka. Keluarga banyak memainkan peranan dalam membentuk akhlak dan budi pekerti seseorang.

Punca permasalahan gengsterisme yang dialami Ahmad ialah berkaitan dengan masalah keluarga. Masalah perpecahan keluarga memberikan kesan yang mendalam terhadap seseorang itu. Anak daripada masalah perpecahan keluarga, kebiasaannya mempunyai masalah tekanan dan kekurangan kasih sayang. Oleh itu, dia lebih mudah terpengaruh atau melakukan gengsterisme. Ahmad berkemungkinan melakukan kegiatan gengsterisme untuk melepaskan kemarahan dan kedukaan terhadap ibubapanya.

Di dalam arus kemodenan ini, kebanyakan ibu bapa sibuk dengan pekerjaan mereka sehinggakan mengabaikan anak-anak mereka dan memberi alasan demi kelangsungan hidup atau untuk mendapat kehidupan yang lebih mewah. Pengabaian ibu bapa terhadap anak mereka menyebabkan anak tersebut bebas melakukan perkara yang mereka inginkan. Seperti di dalam kes di atas, ibu Ahmad tidak mengetahui kegiatannya di luar rumah kerana dia sibuk mencari wang untuk kelangsungan hidup sehingga mengabaikan Ahmad.

Kesimpulannya, institusi keluarga banyak memainkan peranan dalam mengelakkan seseorang daripada terlibat gengsterisme. Ibu bapa perlulah menjadi teladan atau 'role model' yang baik kepada anak-anak mereka.

3.2 Pengaruh Rakan-rakan

Rakan memainkan peranan yang penting dalam membentuk personaliti yang baik. Kawan yang baik akan membawa ke arah kebaikan manakala kawan yang jahat atau tidak baik akan membawa ke arah keburukan dan permasalahan.

Pengaruh rakan-rakan merupakan sesuatu perkara yang amat ditakuti kerana ia mampu mempengaruhi seseorang itu melakukan sesuatu perkara dengan lebih mudah. Ahmad mengikuti kumpulan gangster kerana terpengaruh oleh rakannya yang merupakan salah seorang ahli kumpulan tersebut. Rakan Ahmad telah menyarankan Ahmad untuk mengikuti kumpulan gangster yang dia sertai untuk mendapatkan wang tambahan. Ahmad berminat untuk menyertai kerana dia menginginkan wang yang banyak kerana kesempitan wang yang dihadapinya.

Kesimpulannya, rakan sebaya dapat mempengaruhi seseorang itu mengikuti sesuatu perkara sama ada menuju ke arah kebaikan atau ke arah keburukan.

3.3 Pengaruh Persekitaran

Tidak semua orang dilahirkan di dalam persekitaran yang bagus dan damai. Sesetengah individu yang kurang bernasib baik dilahirkan di dalam keluarga yang bermasalah atau persekitaran yang tidak sesuai untuk mendidik seseorang ke arah kebaikan.

Sesetengah pelajar yang terlibat dengan gengsterisme kerana mereka hidup susah dan tinggal di tempat setinggan seperti rumah pangsa atau flat kos rendah. Seperti di dalam situasi kes, Ahmad mengalami kehidupan yang susah selepas ibubapanya bercerai yang terpaksa tinggal di kawasan perumahan kos rendah. Tambahan pula, kawasan perumahan yang didiaminya itu merupakan sarang kumpulan gengster. Oleh kerana kehidupannya yang susah menyebabkan mereka lebih suka berada di luar rumah dan bergaul dengan kumpulan gengster di kawasan tersebut.

Pelajar yang tinggal di kawasan aktif kumpulan gengster mempunyai kebarangkalian yang lebih tinggi untuk mengikuti kumpulan gangster berbanding pelajar yang tinggal di kawasan yang tiada jenayah atau kumpulan gangster tidak aktif di situ.

4. Isu Permasalahan Lain yang Akan Dihadapi Golongan Ini

Fasa remaja merupakan fasa transisi di antara zaman kanak-kanak dengan zaman dewasa. Lingkungan umur bagi fasa remaja awal ialah diantara 12 tahun hingga 16 atau 18 tahun. Secara umumnya, remaja pada lingkungan umur ini masih bersekolah dan digelar sebagai pelajar. Isu gengsterisme di dalam kalangan pelajar bukan suatu perkara yang baharu dan isu ini saban hari semakin meningkat. Peningkatan penglibatan pelajar di dalam gengsterisme ini telah menimbulkan kebimbangan di dalam masyarakat. Pelajar yang terlibat di dalam aktiviti gengsterisme ini, akan menghadapi permasalahan lain impak daripada kegiatan gengsterisme.

Antara permasalahan lain yang dihadapi ialah mengalami gangguan pembelajaran. Di usia remaja, merupakan usia yang ideal untuk menuntut ilmu kerana dalam fasa ini mereka mempunyai tahap kecerdasan otak di tahap tinggi. Ahmad yang terlibat di dalam gejala gengsterisme akan mengalami gangguan pembelajaran. Di mana dia kurang menumpukan perhatian di dalam kelas atau mengambil mudah ke atas sesi pengajaran dan pembelajaran (PdP). Hal ini kerana, tingkah lakunya yang berubah ke arah yang negatif selepas dia mengikuti kumpulan gangster. Persekitarannya di dalam kumpulan gangster yang tidak menitikberatkan ilmu pengetahuan menyebabkan dia terpengaruh dengan budaya malas dan sambil lewa terhadap pembelajarannya.

Selain itu, ialah mengalami permasalahan perhubungan dengan rakan-rakan. Oleh kerana Ahmad merupakan salah seorang ahli kumpulan gangster dan tingkah laku yang ganas menyebabkan pelajar lain di sekolahnya takut kepadanya. Hal ini menyebabkan Ahmad mengalami kekurangan rakan sebayanya dan yang berkawan dengannya juga merupakan pelajar yang bermasalah. Ini menyebabkan dia tidak mempunyai rakan sebaya

yang boleh menegur salah silapnya atau mempengaruhi untuk meninggalkan kegiatan gangsterisme.

Seterusnya ialah permasalahan dengan guru sekolahnya. Pelajar yang bermasalah sememang akan sentiasa berada di dalam pengawasan guru-guru. Hal ini kerana, pelajar tersebut telah membuat satu permasalahan yang besar di sekolah seperti memukul, memeras ugut dan membuli pelajar lain. Selain itu, mereka juga kebiasaannya mempunyai hubungan yang tidak baik dengan guru kerana sikap dan tingkah laku mereka yang kasar dan ganas seperti menengking guru, merosakkan kereta guru dan memeras ugut guru. Hal ini, menimbulkan perasaan tidak suka kepada pelajar tersebut.

Akhir sekali, permasalahan yang akan dihadapi Ahmad ialah kegiatan ponteng sekolah. Hal ini kerana komitmen yang diperlukan di dalam kumpulan gangster akan menjadi penyebab bagi Ahmad untuk ponteng sekolah. Kegiatan ponteng sekolah akan memberi kesan yang mendalam ke dalam diri Ahmad. Antaranya, menyebabkan dia mengalami permasalahan pembelajaran dan lebih mudah terdedah untuk terlibat dalam kegiatan lain.

5. Bincangkan Permasalahan Gangsterisme dalam Kalangan Pelajar Berdasarkan Perspektif Kerja Sosial

Gangsterisme di dalam kalangan pelajar bukanlah satu perkara yang baru. Tetapi, ia merupakan satu permasalahan yang sudah menjadi satu perkara yang diturun-temurunkan dari dahulu lagi dan ia semakin membimbangkan. Penglibatan pelajar di dalam kegiatan gangsterisme yang semakin meningkat dari tahun ke tahun telah membimbangkan banyak pihak seperti sekolah, ibubapa, dan masyarakat.

Kegiatan gangsterisme yang dilakukan secara berterusan atau berkala akan mempengaruhi kehidupan harian individu tersebut. Di mana ia akan memberi kesan yang buruk kepada kefungsi sosial individu tersebut. Kefungsi sosial individu tersebut akan terjejas di mana dia tidak melaksanakan kefungsiannya sebagai salah seorang ahli komuniti tersebut atau berdasarkan permasalahan ini ialah peranannya sebagai seorang pelajar. Pelajar yang terlibat di dalam permasalahan gangsterisme ini akan mengalami permasalahan dengan guru-guru dan rakan-rakan di sekolah. Di mana pelajar yang terlibat di dalam gangsterisme ini kebiasaannya akan mengalami permasalahan seperti sering ponteng sekolah, kemerosotan akedemik, sering terlibat di dalam aktiviti buli dan bergaduh, dan mempunyai perwatakan yang kasar dan ganas. Oleh disebabkan itu, guru-guru akan lebih berhati-hati dengannya dan sering memerhati kelakuannya, dan akan menjadi pelajar akan sering dikendaki sekiranya berlaku masalah di sekolah. Pelajar-pelajar lain disekolah pula akan menjauhi pelajar yang terlibat dengan gejala gangsterisme kerana takut menjadi mangsa buli atau terpengaruh dengan budaya buruk yang dibawa oleh pelajar ini. Kebiasannya, pelajar yang terlibat di dalam jenayah gangsterisme ini tidak mempunyai rakan lain selain daripada rakan yang juga merupakan ahli kumpulan gangster. Oleh hal yang demikian, kebiasaannya individu yang terlibat di dalam gejala gangsterisme ini mengalami permasalahan kefungsi sosial dimana dia tidak melaksanakan peranannya sebagai seorang pelajar di sekolah.

Berdasarkan praktis kerja sosial di mana mementingkan individu-dalam-persekitaran. Iaitu pengaruh persekitaran ke atas individu tersebut dan pengaruh individu kepada persekitarannya.

Setiap individu lebih terdedah untuk terpengaruh dengan permasalahan gangsterisme melalui persekitarannya. Individu yang berada di dalam persekitaran yang dipenuhi oleh gejala gangsterisme mempunyai kebarangkalian yang lebih tinggi untuk mengikuti aktiviti gangsterisme berbanding individu yang berada di dalam persekitaran yang tidak berlakunya jenayah gangsterisme. Persekitaran boleh merangkumi keluarga, rakan-rakan, sekolah dan komuniti setempat. Ahmad yang merupakan seorang pelajar yang telah terlibat di dalam jenayah gangsterisme. Dia telah dipengaruhi oleh persekitarannya. Di mana dia berkawan dengan salah seorang ahli kumpulan gangster tersebut. Rakannya yang merupakan salah seorang ahli kumpulan gangster merupakan salah satu faktor persekitaran yang telah mempengaruhi Ahmad terlibat di dalam gejala gangsterisme ini. Oleh kerana, dia merasakan dengan mengikuti kumpulan gangster merupakan satu jalan yang baik untuk dia menghasilkan wang yang banyak dan cepat menyebabkan di mula terpengaruh dengan rakannya.

Tambahan pula, sarang kumpulan gangster ini bertempat di kawasan kediamannya. Oleh itu, dia sering melihat kegiatan gangster di kawasan rumahnya. Apabila dia sering kali melihat dan memerhati aktiviti gangsterisme yang dijalankan di kawasan perumahannya menyebabkan dia merasakan aktiviti yang dilakukan tersebut bukan satu aktiviti yang haram dijalankan. Hal ini mungkin kerana, aktiviti tersebut dijalankan tanpa ada gangguan atau tangkapan daripada pihak berkuasa seperti polis. Hal ini telah mempengaruhi pandangan Ahmad tentang kumpulan gangster di mana dia merasakan aktiviti kumpulan tersebut dilaksanakan secara sah yang menyebabkan dia juga terjebak di dalam kegiatan gangsterisme ini.

Permasalahan gangsterisme di dalam kalangan pelajar merupakan satu isu yang besar di mana akan memberikan tanggapan negatif kepada orang lain. Kebiasannya, individu yang terlibat di dalam kegiatan gangsterisme ini akan dilabel sebagai seorang yang ganas, suka bergaduh, mempunyai akhlak yang buruk, suka membuat masalah dan lain-lain lagi. Semua tanggapan ini menunjukkan bahawa individu yang terlibat di dalam aktiviti gangster mempunyai peribadi yang buruk dan negatif. Ini menunjukkan bahawa individu yang terlibat di dalam kegiatan gangsterisme ini mampu mempengaruhi persekitarannya. Di mana orang di persekitarannya akan mempunyai tanggapan negatif ke atasnya dan akan menjauhkan diri daripada inividu yang terlibat di dalam jenayah gangsterisme. Ahmad yang merupakan seorang pelajar yang terlibat di dalam kegiatan gangsterisme amat ditakuti oleh pelajar lain dan dia telah mendapat gelaran samseng sekolah. Di mana dia sering menjalankan aktiviti memeras ugut, bergaduh dan buli di kawasan sekolah. Ini telah menyebabkan pelajar lain takut untuk mendekatinya. Aktiviti yang dijalankan oleh Ahmad juga akan mempengaruhi pelajar lain. Di mana, disebabkan kelakuannya yang menyebabkan orang takut kepadanya akan menyebabkan pelajar lain juga mengikuti kegiatan yang dilakukan Ahmad. Hal ini mungkin kerana, pelajar tersebut ingin menunjukkan kekuatan diri dan menginginkan pelajar lain takut dan menghormatinya. Di sini menunjukkan, tingkah laku negatif Ahmad akan mempengaruhi orang disekelilingnya.

6. Corak Intervensi dan Peranan Pekerja Sosial dalam Mengurangkan atau Menyelesaikan Permasalahan

6.1 Mikro

6.1.1 Corak Intervensi

Program intervensi yang dilakukan ialah terapi keluarga. Stuart dan Sundeen (1991) menyatakan terapi keluarga ialah salah satu cara untuk merapatkan kembali hubungan antara manusia. Penceraian ibubapa boleh menyebabkan ketidakfungsian institusi keluarga kerana ia menyebabkan kehilangan salah satu kefungsi ahli keluarga. Berdasarkan situasi kes, penceraian ibubapa klien menyebabkan ketidakfungsian institusi keluarga di mana ayahnya tidak menjalankan tanggungjawabnya sebagai seorang bapa dan ibunya juga tidak menjalankan peranannya sebagai seorang ibu.

Intervensi yang dilaksanakan ini melibatkan klien, Ahmad dan ibubapanya, dan dikendalikan oleh seorang pekerja sosial. Sesi ini bertujuan untuk membina hubungan kekeluarga diantara klien dan ibubapanya. Ibu dan ayah klien akan dipanggil untuk menghadiri sesi intervensi ini bersama-sama klien. Klien akan diminta untuk memceritakan permasalahan yang dihadapi iaitu impak kepadanya daripada penceraian ibubapanya daripada segi fizikal, emosi, dan kewangan. Dengan ini, ibubapa klien dapat memahami permasalahan dan punca klien terlibat di dalam salah laku, gengsterisme. Melalui sesi intervensi ini, dapat membantu klien untuk mengurangkan perasaan marah dan dendam kepada ibubapanya.

6.1.2 Peranan

Pekerja sosial memainkan peranan sebagai fasilitator. Intervensi yang dilakukan adalah bertujuan untuk meningkatkan kefungsi sosial klien. Pekerja sosial perlu memberi sokongan dan galakkan kepada klien dan pihak kedua (ibubapa klien) untuk mencapai matlamat yang ditetapkan. Pekerja sosial akan menggalakkan klien untuk berkongsi permasalahan yang dihadapinya kepada ibubapanya dan ibubapa klien kepada klien. Melalui perkongsian permasalahan dapat membantu klien dan ibubapa klien lebih memahami diantara satu sama lain.

Pekerja sosial perlu membantu meningkat kefungsi institusi keluarga klien. Punca permasalahan klien adalah disebabkan keruntuhan institusi keluarga di mana klien mengalami penceraian di dalam keluarganya. Pekerja sosial membantu memperbaiki institusi keluarga klien melalui mencari kata sepakat dalam meningkatkan kefungsi sosial mereka. Pekerja sosial perlu memberikan beberapa cadangan dalam membantu meningkatkan kefungsi sosial mereka, dan menggalakkan klien dan ibubapa klien untuk berfikir cara menyelesaikannya.

6.2 Mezzo

6.2.1 Corak Intervensi

Di peringkat mezzo, pekerja sosial akan melaksanakan sesi intervensi di sekolah klien, Ahmad. Sesi intervensi ini akan melibatkan klien, dan pelajar-pelajar yang juga mengalami permasalahan yang sama. Intervensi yang dilaksanakan merupakan kerja kumpulan yang dibentuk secara homogeneity dan model digunakan ialah model bermatlamat rawatan. Menurut

Kanopka (1960), kerja kumpulan merupakan satu pendekatan yang bertujuan meningkatkan kapasiti individu untuk berkembang semaksimanya dengan cara menghubungkan individu tersebut dengan ahli-ahli di dalam kumpulan, dan seterusnya individu mempelajari bilakah masanya untuk menyumbang sesuatu dan menarik diri. Kerja kumpulan ini bertujuan untuk mengubah keadaan persekitaran klien sekaligus meningkatkan kefungsan sosial ahli kumpulan.

Toseland dan Rivas (1998) menyatakan bahawa kerja kumpulan sebagai satu bentuk aktiviti yang dirancang, disusun yang berunsurkan pencapaian gol. Pekerja sosial perlu membuat satu plan tindakan untuk setiap intervensi yang dijalankan. Plan ini akan menjadi panduan untuk setiap intervensi bagi memudahkan dan melancarkan sesi kerja kumpulan.

6.2.2 Peranan

Pekerja sosial perlu memainkan beberapa peranan penting di dalam memastikan kerja kumpulan ini berjalan lancar. Di dalam satu kerja kumpulan, memerlukan satu atau dua pekerja sosial mengikut keperluan ahli kumpulan tersebut.

Pekerja sosial memainkan peranan sebagai orang tengah (mediator). Pekerja sosial akan membantu ahli kumpulan menyelesaikan konflik yang dihadapi. Ahli kumpulan akan menyatakan konflik yang dihadapi akibat daripada kegiatan gangsterisme dan pekerja sosial akan menggalakkan ahli kumpulan lain untuk memberikan pandangan dan solusi bagi permasalahan tersebut. Pekerja sosial juga perlu memainkan peranannya sebagai orang tengah sekiranya berlaku pergaduan atau ketidakakuran di antara ahli kumpulan. Pekerja sosial akan mencari solusi bagi menyelesaikan konflik dengan membantu ahli kumpulan untuk memahami diantara satu sama lain dan menghormati pandangan dan nilai yang dibawa oleh setiap ahli.

Seterusnya, pekerja sosial memainkan peranan sebagai fasilitator. Pekerja sosial memainkan peranan sebagai fasilitator melalui memberi sokongan dan galakkan kepada ahli kumpulan. Ahli kumpulan yang terlibat dalam kegiatan gangsterisme mungkin mengalami keputus asaan di dalam usaha untuk berubah menjadi individu yang lebih baik kerana kurang sokongan daripada keluarga atau daripada masyarakat setempat. Pekerja sosial perlu memainkan peranannya dengan memberi galakkan kepada ahli kumpulan untuk terus berusaha untuk meninggal kegiatan gangsterisme.

6.3 Makro

6.3.1 Corak Intervensi

Di peringkat makro, pekerja sosial akan bekerjasama dengan pihak polis dan Jabatan Bantuan Guaman bagi membantu permasalahan Ahmad. Salah laku gangsterisme merupakan salah laku yang berat di sisi undang-undang Malaysia. Salah laku gangster dalam kalangan pelajar merupakan satu kesalahan Juvana yang akan disabitkan hukuman mengikut Akta Mahkamah Juvana 1947 (Akta 90). Di mana pesalah akan ditempatkan di sekolah Juvana selama beberapa tahun mengikut kesalahannya.

Ahmad yang terlibat di dalam salah laku gangsterisme akan dirujuk kepada pihak polis bagi membantu siasatan berkaitan salah lakunya. Kertas siasatan akan dibuat dan sekiranya Ahmad didapati bersalah, dia akan menerima hukuman mengikut kesalahannya.

Kemudian, pekerja sosial akan bekerjasama dengan Jabatan Bantuan Guaman. Keluarga Ahmad yang mengalami permasalahan wang mungkin tidak dapat membayar kos guaman yang mahal. Jabatan Bantuan Guaman akan menyediakan seorang peguam bagi membela Ahmad di mahkamah semasa hari perbicaraan. Dengan ini dapat meringankan hukuman yang akan diberikan.

6.3.2 Peranan

Pekerja sosial memainkan peranan sebagai broker. Pekerja sosial akan menggunakan kepakaran luar yang di luar bidangnya yang boleh membantu permasalahan klien. Klien, Ahmad yang merupakan pelajar yang terlibat di dalam kegiatan gangsterisme telah di tangkap oleh pihak polis di atas pertuduhan kesalahannya. Di dalam kes Ahmad, dia memang didapati bersalah di atas pertuduhan melakukan beberapa kes jenayah yang melibatkan kumpulan gangster yang disertainya. Untuk mengurangkan hukuman yang diperolehi, pekerja sosial bekerjasama dengan Jabatan Bantuan Guaman untuk mendapatkan seorang peguam bela secara percuma

Seterusnya, pekerja sosial memainkan peranan sebagai advocator. Pekerja sosial akan membincangkan, mendebatkan, membuat proses penawaran dan negosiasi, dan manipulasi keadaan persekitaraan dengan pihak lain bagi pihak klien, Ahmad. Pekerja sosial akan mewakili Ahmad dalam membincangkan permasalahannya dengan pihak polis. Pekerja sosial juga boleh memainkan peranannya di mahkamah bagi membela nasib Ahmad mengikut keperluan kes. Pekerja sosial berperanan sebagai jurucakap untuk mewakili Ahmad menyatakan dan membentangkan permasalahannya di mahkamah. Dengan ini dapat membantu mengurangkan hukuman yang disabitkan ke atas Ahmad.

7. Kesimpulan

Berdasarkan perbincangan di atas, dapat disimpulkan bahawa permasalahan gangsterisme merupakan satu permasalahan yang mampu meruntuhkan kefungsi sosial seseorang. Pelajar merupakan satu golongan di fasa remaja di mana lebih tertarik dengan aktiviti yang baharu dan mencabar. Berdasarkan perspektif kerja sosial, setiap individu itu lebih terdedah untuk terlibat di dalam kegiatan gangsterisme melalui persekitarannya dan individu di dalam persekitarannya. Di mana, insitituti keluarga dan rakan-rakan memberikan pengaruh yang kuat terhadap individu tersebut. Pelajar yang terlibat di dalam kegiatan gangsterisme ini akan mengalami permasalahan lain yang berpunca daripada kegiatan gangsterisme seperti gangguan pembelajaran, masalah perhubungan dengan rakan-rakan, permasalahan perhubungan dengan guru sekolah dan permasalahan penglibatan ponteng sekolah. Semua pihak, sama ada sekolah, ibubapa dan masyarakat perlu memainkan peranan dalam membendung permasalahan ini daripada menulur.

8. Rujukan

Anita Azman (2014). *Jenayah kanak-kanak dan undang-undang Malaysia*. Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Awang (2017). *Manusia dan Psikologi*. Universiti Malaya.
- Azizi Yahaya, Shahrin Hashim, Yusof Boon, Jamaludin Ramli & Ezzati Azizi. (2012). *Penyelewengan Tingkah Laku Remaja : Punca & Rawatan*. Penerbit UTM Press.
- Azizi Yahaya & Rosnah Buang. (2007). *Punca Berlakunya Masalah Gejala Gangsterisme di Kalangan Remaja di Beberapa Buah Sekolah Menengah di Empat Buah Negeri*. (Unpublished). Universiti Teknologi Malaysia.
- Kamus Dewan Edisi Keempat*. (2005). Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kanopka, G. (1960). Social Work As An Active Cultural Change Agent. *Journal of the Minnesota Acedemy of Science*, 28(1), 146-152.
- Krug, E. G., Dalberg, L. L., Mercy, J. A., Zwi, A. B., & Lozano, R. (2002). *World report on violence and health*. Geneva : World Health Organization.
- Mahani (2008). *Keruntuhan Akhlak (Siri sosial masyarakat)*. Pustaka Buana.
- Mahani (2008). *Keluarga Penyayang (Siri sosial masyarakat)*. Pustaka Buana.
- Pickett, W. et al. (2005). *Cross-national study of fighting and weapon carrying as determinants of adolescent injury*. *Pediatrics*, 116, 855-e863.
- Rozeman, R. A., Zainudin, H. & Julius ,V. J. J. (2019). *Kegiatan Gangsterisme dalam Kalangan Pelajar Sekolah Menegah Negeri Johor*. EasyChain Preprint No 1741.
- Stuart, G. W., & Sundeen, S. J. (1991). *Principles and practice of psychiatric nursing*. St. Louis: Mosby Company.
- Toseland, R. W., Rivas, R. F. (1998). *Introduction to Group Work Practice* (3rd ed.). Allyn and Bacon.
- Trasher, F. M. (1963). *The Gangs : A study of 1,313 Gangs in Chicago* (Rev. ed). Chicago : University of Chicago Press.

Masalah Gangsterisme Dalam Kalangan Pelajar Sekolah Menengah Di Malaysia

Nur Umairah Zainuddin¹, Paramjit Singh Jamir Singh², Azlinda Azman³

^{1,2,3}Program Kerja Sosial, Pusat Pengajian Sains Kemasyarakatan, Universiti Sains Malaysia

Email: ¹umairahzainuddin@student.usm.my, ²paramjit@usm.my

Abstrak

Sejak akhir-akhir ini masalah disiplin di sekolah menengah menjadi isu yang hangat dibicarakan. Isu ini bukan sahaja menjadi topik perbincangan di sekolah malah turut dibincangkan di media sosial oleh pelbagai lapisan masyarakat. Masalah disiplin iaitu gangsterisme adalah salah satu tingkah laku yang agresif dan menjurus kepada kerosakkan, kemudaratan dan kesakitan kepada individu atau pihak lain. Kajian ini bertujuan mengenal pasti faktor-faktor yang menyebabkan pelajar sekolah menengah terlibat dalam masalah gangsterisme. Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa terdapat faktor utama yang membawa pelajar kepada masalah gangsterisme ini iaitu disebabkan oleh sikap pelajar dan pengaruh rakan sebaya. Masalah yang sering dilakukan oleh pelajar ini adalah masalah buli sama ada secara fizikal atau mental dan masalah vandalisme. Memang tidak dinafikan bahawa masalah gangsterisme bukan sahaja memberi kesan negatif kepada diri pelajar itu sendiri malah ia turut memberi impak kepada guru-guru dan para pelajar yang lain. Metodologi kajian ini adalah kerja kes yang ditulis berdasarkan situasi kerja kes yang menggunakan pendekatan kerja sosial. Pelbagai corak intervensi dan peranan telah dinyatakan supaya dapat menyelesaikan masalah disiplin pelajar. Implikasi kajian ini adalah berharap dapat membantu pelajar yang terlibat dalam masalah gangsterisme serta meningkatkan kefungisian sosial sebagai seorang pelajar sekolah.

Kata kunci: Masalah gangsterisme; kesan negatif; kerja kes; corak intervensi; kefungisian sosial

1. Pengenalan

Masalah disiplin iaitu kegiatan gangsterisme adalah salah satu tingkah laku yang agresif yang mana ianya menjurus kepada kerosakkan, kemudaratan, kesakitan kepada individu atau pihak lain. Kegiatan gangsterisme ini merupakan kesalahan yang melanggar peraturan sekolah dan juga melanggar undang-undang dalam negara. Masalah gangsterisme di sekolah berlaku tidak mengira umur tetapi kebiasaannya kumpulan gangsterisme ini diketuai oleh pelajar yang lebih berumur iaitu antara 16 hingga 17 tahun. Ketua gangster ini dilantik kerana dia adalah pelajar yang digeruni oleh pelajar yang lain dan sering melakukan kesalahan disiplin yang berat. Perlakuan ini akan memberi gangguan kepada individu yang lain, persekitaran awam dan juga kawasan persekolahan. Sebarang nasihat dan tindakan disiplin yang telah dikenakan oleh kumpulan ini tidak menjadikan mereka serik malah mereka akan mengulangi semula kesalahan tersebut sehingga guru-guru muak dengan perangai dan kenakalan mereka.

Masalah gangsterisme di sekolah berlaku tidak mengira umur tetapi kebiasaannya kumpulan gangsterisme ini diketuai oleh pelajar yang lebih berumur iaitu antara 16 hingga 17 tahun. Ketua gangster ini dilantik kerana dia adalah pelajar yang digeruni oleh pelajar yang lain dan sering melakukan kesalahan disiplin yang berat. Mereka yang terlibat dengan masalah

gangsterisme ini juga adalah pelajar yang bermasalah dan suka melakukan tindakan mengikut kata hati. Perlakuan ini akan memberi gangguan kepada individu yang lain, persekitaran awam dan juga kawasan persekolahan. Guru-guru juga akan menerima kesan dan tempas akibat perbuatan kumpulan gangsterisme ini terutamanya guru wanita kerana kumpulan ini akan menjadikan golongan yang lemah sebagai sasaran untuk mereka mengganggu. Sebarang nasihat dan tindakan disiplin yang telah dikenakan oleh kumpulan ini tidak menjadikan mereka serik malah mereka akan mengulangi semula kesalahan tersebut sehingga guru-guru muak dan letih dengan perangai dan kenakalan mereka.

Penularan masalah ini dapat dikesan melalui aktiviti-aktiviti yang dilakukan oleh kumpulan tersebut seperti memeras ugut, sering menimbulkan kekacauan, suka membuli dan suka bergaduh secara berkumpulan. Bukan itu sahaja malah, mereka juga terlibat dalam masalah vandalisme yang mana mereka telah merosakkan harta dan barangan sekolah. Jika masalah atau kegiatan gangsterisme dan vandalisme ini tidak diatasi dengan baik bukan sahaja pelajar yang terlibat dalam kumpulan gangsterisme ini sahaja yang memperoleh kesan negatif malah para pelajar yang lain juga akan menerima kesan dan mereka akan berasa takut untuk ke sekolah dan sebagainya.

2. Metodologi Kajian

Semasa menjalankan kajian ini, saya telah menggunakan kerja kes yang ditulis berdasarkan situasi kerja kes yang menggunakan pendekatan kerja sosial. Selain itu, saya juga menggunakan sumber sekunder seperti artikel dan kajian penyelidikan yang lepas. Apabila merujuk kepada kajian kes dan sumber sekunder ini, saya telah melakukan banyak pembacaan untuk mendapatkan pengetahuan yang lebih mendalam berkaitan dengan masalah gangsterisme dalam kalangan pelajar sekolah menengah di Malaysia.

3. Faktor-Faktor Kepada Masalah Gangsterisme dalam Kalangan Pelajar dan Golongan yang Terlibat

Antara salah satu faktor pelajar terlibat dengan masalah gangsterisme di sekolah adalah disebabkan oleh faktor individu itu sendiri. Kebiasaannya individu tersebut mempunyai gangguan emosi akibat tekanan, sikap ego yang tinggi serta ada dalam kalangan mereka yang kurang yakin pada diri sendiri. Individu yang sebegini mempunyai kurang rasa simpati dan mereka lebih suka mendesak. Emosi mereka telah mempengaruhi pemikiran dan juga tingkah laku. Pada peringkat usia awal remaja dan pertengahan remaja iaitu antara umur 10 hingga 17 tahun ini, mereka mengalami perubahan biologi, fizikal, mental, emosi serta sifat ingin mencuba sesuatu perkara baru. Jadi, mereka lebih banyak bertindak mengikut perasaan sebelum berfikir baik buruk tindakan tersebut.

Sifat ego yang tinggi pula menjadikan pelajar yang terlibat dengan kegiatan gangsterisme ini tidak memahami pandangan orang lain terhadap mereka. Pelajar ini juga akan berpegang pada prinsip yang mana semua perkara yang dilakukan adalah betul dan mengharapkan orang lain memahami perasaan mereka. Walaupun perbuatan yang telah mereka lakukan adalah salah tetapi mereka tetap tidak akan menerima nasihat dan pandangan orang lain. Jadi, pelajar yang mempunyai ego yang tinggi ini akan mendapat kepuasan apabila mereka

membuli, memeras ugut dan mengusik pelajar yang lain tanpa mempedulikan kesan yang diperolehi mangsa mereka.

Pelajar yang kurang keyakinan diri juga mudah terlibat dengan masalah gangsterisme ini. Mereka biasanya kurang cemerlang dalam pelajaran jadi mereka akan melakukan kegiatan ini untuk menambah keyakinan diri. Hal ini dikatakan demikian kerana, tujuan utama mereka menyakiti pelajar lain adalah untuk mendapat tumpuan pelajar dan guru-guru. Ada juga sesetengah dari mereka yang menganggap perbuatan mengganggu orang lain sebagai satu hobi dan ada yang melakukannya kerana perasaan benci, marah dan ingin membalas dendam. Mereka juga akan berasa bangga dan hebat apabila berjaya membuli dan menyakiti pelajar lain.

Selain itu, masalah gangsterisme ini juga disebabkan oleh faktor rakan sebaya. Semasa peringkat umur remaja, rakan sebaya merupakan salah satu golongan yang paling rapat dengan mereka. Golongan ini merupakan golongan yang penting kerana mereka lebih suka meluangkan masa bersama dengan rakan-rakan berbanding ahli keluarga. Pengaruh rakan sebaya akan mempengaruhi tingkah laku, sahsiah dan peribadi seseorang individu yang lain, lebih-lebih lagi rakan sebaya yang sering tercicir dalam pelajaran dan juga mengalami masalah keluarga.

Oleh itu, pelajar sekolah di peringkat remaja ini mudah terpengaruh dengan rakan-rakannya. Tujuan awal mereka menyertai kumpulan tersebut hanyalah untuk berseronok akan tetapi perkara ini menjadi lebih membimbangkan apabila kumpulan ini mula bertindak agresif. Malah, tindakan disiplin yang dikenakan ke atas pelajar-pelajar ini seperti tidak memberi kesan penyesalan di atas perbuatan yang telah mereka lakukan.

Di samping itu, pelajar terlibat dengan masalah gangsterisme ini adalah disebabkan oleh faktor keluarga. Seperti yang kita sedia maklum, penjagaan dari keluarga adalah penting kerana mereka ialah orang yang paling rapat dalam kehidupan kita seharian. Hubungan yang terbentuk antara ibu bapa dan pelajar seharusnya membentuk ciri atau perlakuan yang baik. Akan tetapi apabila suasana di rumah tidak harmoni seperti ibu bapa yang sering bergaduh akan menyebabkan anak-anak berisiko untuk bertindak agresif. Hal ini dikatakan demikian kerana, anak-anak telah terdedah dengan kekerasan yang telah berlaku antara ibu bapa. Perkara inilah yang akan mendorong anak-anak pelajar menjadi lebih agresif berbanding dengan pelajar lain.

Terdapat juga ibu bapa yang meremehkan tanggungjawab untuk mendidik anak-anak. Hal ini menyebabkan anak-anak mencari kebebasan di luar rumah kerana mereka berasa bosan, kekosongan, keseorangan, kurang mendapat perhatian daripada ibu bapa dan ada yang mengalami masalah tekanan perasaan. Kesan daripada perkara ini adalah anak-anak akan melepaskan tekanan perasaan yang mereka alami dengan cara membuli pelajar yang lain, merosakkan harta benda sekolah dan sebagainya.

4. Isu Permasalahan yang Kerap Kali Dihadapi oleh Pelajar yang Terlibat dalam Masalah Gangsterisme

Isu permasalahan yang sering kali dihadapi oleh pelajar yang terlibat dalam masalah gangsterisme ini adalah masalah buli. Buli adalah perbuatan yang tidak bermoral di mana kebiasaannya kumpulan pelajar yang terlibat dengan masalah gangsterisme ini akan membuli individu lain tanpa mengira jantina, umur, pangkat, agama dan budaya. Hal ini dikatakan

demikian kerana, kumpulan yang lebih kuat atau berkuasa ini akan menyasarkan kumpulan yang lebih lemah untuk mereka membuli. Menurut Heinrichs, (2003) di mana dalam perlakuan buli ini wujudnya ketidakseimbangan kuasa yang akan menyebabkan mangsa gagal untuk mempertahankan dirinya daripada didera atau dipermainkan-mainkan oleh pembuli.

Kumpulan gangsterisme ini akan melakukan perbuatan buli sama ada secara fizikal, mental mahupun secara lisan. Selalunya, kumpulan gangster ini pada awalnya akan membuli secara lisan seperti mengejek, memanggil dengan panggilan yang memalukan dan mencemuh individu yang lemah. Setelah mangsa buli tidak melayan atau melawan semula ahli kumpulan gangster ini, mereka akan di buli secara fizikal yang mana ianya melibatkan perbuatan seperti memukul, menyepak, menampar dan menendang. Ianya berbeza daripada buli secara mental kerana buli secara mental ini sukar untuk di kesan. Buli secara mental ini juga merupakan satu bentuk serangan psikologi yang digunakan oleh kumpulan gangsterisme seperti menyebarkan fitnah, memboikot, dan juga sering menggunakan bahasa atau gerak tubuh badan contohnya senyum sinis, mengecilkan mata atau sebagainya yang boleh membawa kepada perasaan takut.

Isu yang seterusnya adalah kumpulan gangster di kalangan pelajar sekolah ini juga sering terlibat dalam masalah vandalisme. Menurut Kamus Dewan (2005), vandalisme merujuk kepada perbuatan membinasakan atau merosakkan harta benda awam atau persendirian. Kumpulan gangster ini sering melakukan vandalisme di sekolah mereka seperti merosakkan harta benda sekolah, menconteng dinding atau perabot sekolah, mencuri dan membakar harta benda sekolah.

Mereka yang melakukan vandalisme ini juga hanya untuk bersuka-suka atau ingin memperoleh keseronokkan. Tidak terlintas di dalam fikiran mereka bahawa perbuatan negatif yang mereka lakukan boleh mendatangkan kesan buruk kepada pelajar lain dan juga pihak sekolah. Contohnya, ahli kumpulan gangster dalam kalangan pelajar ini telah merosakkan harta benda sekolah seperti membaling kerusi dan suka menconteng meja pelajar lain di dalam kelas untuk menunjukkan kekuasaan mereka.

Ada juga di antara mereka yang melakukan perkara tersebut kerana ingin melepaskan dendam kepada pihak sekolah kerana sering mendenda dan menghukum mereka. Mereka akan memberontak dengan cara menconteng dinding sekolah dengan kata-kata yang kesat yang menggambarkan perasaan dan kemarahan mereka pada masa itu. Bukan itu sahaja, malah mereka juga akan merosakkan sudut-sudut bacaan yang telah dibuat hasil usaha guru-guru dan pelajar yang lain. Bagi mereka dengan cara inilah ketidakpuashatian mereka akan dapat dikurangkan.

5. Peranan yang Boleh Dimainkan oleh Pekerja Sosial untuk Mengurangkan atau Menyelesaikan Masalah Gangsterisme

Permasalahan gangsterisme dalam konteks praktis kerja sosial berlaku apabila seorang pekerja sosial mengendalikan kes atau masalah gangsterisme dalam kalangan pelajar sekolah di mana pekerja sosial akan mengamalkan falsafah, nilai dan etika kerja sosial. Jika dilihat dari segi falsafah, pekerja sosial yang profesional menjalankan gerak kerja berasaskan tiga andaian utama iaitu hormat kepada klien, percaya bahawa setiap klien adalah unik dan percaya akan kekuatan klien untuk memajukan diri mereka sendiri.

Corak intervensi dan peranan yang boleh dimainkan oleh seorang pekerja sosial untuk mengurangkan atau menyelesaikan masalah gangsterisme dalam kalangan pelajar adalah dengan menggunakan pendekatan kaedah kerja sosial dengan individu. Kaedah kerja sosial dengan individu merupakan kaedah utama yang digunakan oleh semua pekerja sosial yang profesional dalam bidang kerja sosial selaras dengan matlamat profesion yang lebih berminat menolong klien membantu diri mereka sendiri.

Jika dilihat dari sudut pendekatan kaedah kerja sosial dengan kumpulan pula tidak dinafikan bahawa manusia hidup secara berkumpulan dan saling bergantung antara satu sama lain. Sejarah perkembangan kerja kumpulan ini sebenarnya telah dimulai sejak dahulu lagi oleh pihak-pihak gereja. Mereka telah menyediakan pelbagai aktiviti perkhidmatan sosial untuk membantu golongan yang mempunyai masalah seperti kemiskinan, gelandangan dan lain-lain lagi. Perkara ini telah berkembang dan masih diguna pakai oleh pekerja sosial.

Kaedah kerja sosial dengan komuniti pula adalah melibatkan penduduk atau ahli-ahli komuniti dalam pembangunan sosial dan ekonomi. Sebenarnya, kaedah kerja dengan komuniti ini sudah bermula pada tahun 1962 lagi di mana Curriculum Policy Statement of the Council of Social Work Education telah memasukkan kerja komuniti sebagai salah satu kaedah kerja sosial yang utama selain kerja kes dan juga kerja kumpulan. Menurut Barker (1987), menyatakan komuniti ini adalah sekumpulan individu yang mempunyai kepentingan yang hampir sama dan tinggal dalam satu kawasan yang bersempadan.

Dalam proses intervensi pekerja sosial akan menggunakan pelbagai pendekatan sama ada dari segi behaviorisme, humanistic, psikodinamik dan kognitif. Setiap maklumat dan perkongsian klien hendaklah disimpan dengan baik dan perlulah dirahsiakan. Kemahiran menemubual, merekod, menulis, mentafsir, mendengar serta mencari sumber-sumber yang berkaitan dengan masalah gangsterisme perlu diaplikasikan oleh pekerja sosial. Perancangan yang cuba dicapai menyebabkan pekerja sosial akan melihat perkembangan pelajar tersebut dan melihat sejauh mana intervensi ini sesuai dengan klien.

5.1 Peringkat Mikro

Pekerja sosial dalam aspek mikro ini boleh memainkan peranan sebagai seorang enabler. Pekerja sosial boleh membantu klien mengenalpasti kekuatan yang sedia ada pada diri klien itu sendiri dan cuba menggalakkan klien berubah mengikut usahanya sendiri. Hal ini dapat dilihat apabila semasa proses intervensi dijalankan, pekerja sosial cuba mencungkil maklumat yang ada pada diri klien yang mana kekuatannya adalah dalam bidang seni mempertahankan diri. Jadi, pekerja sosial perlu mencari maklumat berkenaan dengan akademi seni mempertahankan diri supaya pelajar tersebut mampu menunjukkan bakatnya. Jadi, platform akademi tersebut dapat menonjolkan bakat pelajar ke arah yang lebih baik.

Selain itu, bertindak sebagai orang tengah dalam menyelesaikan permasalahan antara klien dan keluarganya. Pekerja sosial akan membantu klien dan pihak ibu bapa untuk mencapai satu jalan penyelesaian yang dipersetujui oleh kedua-dua pihak. Contohnya, membantu pelajar tersebut untuk berbincang dengan ibu bapanya tentang tanggungjawab yang perlu dilakukan oleh ibu bapa kepada seorang anak iaitu memberikan kasih sayang yang sama rata, tidak terlalu memanjakan anak dan sentiasa meluangkan masa bersama-sama supaya ibu bapa sedia maklum

tentang aktiviti anak-anak dan dengan siapa anak mereka berkawan. Jadi dengan adanya cara ini, klien akan berasa dihargai dan ianya sedikit sebanyak dapat meningkatkan kefungsiannya diri klien.

5.2 Peringkat Mezzo

Di peringkat mezzo ini, pekerja sosial akan memainkan peranan sebagai broker di mana membantu klien mendapatkan sumber-sumber yang relevan berkenaan masalah gangsterisme. Pekerja sosial akan menggunakan kepakaran luar, memberi maklumat tertentu yang dapat membantu kumpulan klien. Sebagai contohnya, pelajar tersebut terlibat dengan masalah gangsterisme jadi pekerja sosial boleh menjemput pihak polis yang terlibat dalam masalah ini untuk memberikan ceramah kepada kumpulan pelajar yang bermasalah ini. Jadi, dengan cara ini kesedaran mereka dapat ditingkatkan.

Pekerja sosial juga boleh bertindak sebagai fasilitator iaitu menggalakkan kumpulan berkembang dengan lebih baik, menyokong dan merumus masalah klien. Tujuannya adalah untuk membantu ahli kumpulan mempertingkatkan kefungsiannya sosial mereka dengan lebih baik. Contohnya, merancang program “Home Visit” kepada kumpulan klien supaya ibu bapa mereka lebih mengetahui masalah yang dilakukan oleh anak mereka. Jadi, secara tidak langsung tanggungjawab klien sebagai seorang pelajar dapat ditingkatkan.

Selain itu, menjadi orang tengah atau mediator untuk membantu ahli-ahli menyelesaikan konflik yang mereka hadapi. Pekerja sosial akan membantu klien dan pihak kedua untuk mencapai satu jalan penyelesaian yang dapat dipersetujui oleh kedua-dua belah pihak. Contohnya, membantu klien berbincang dengan guru-guru dan pelajar yang telah menjadi mangsa akibat perbuatan gangsterismenya. Oleh itu, dengan cara ini klien dapat menyelesaikan masalahnya dengan baik tanpa sebarang pergaduhan.

Memainkan peranan sebagai pendidik juga amatlah perlu dilakukan oleh semua pekerja sosial yang profesional. Hal ini dikatakan demikian kerana, pekerja sosial dapat memberikan maklumat yang relevan kepada ahli kumpulan. Sebagai contohnya, memberitahu klien kesan negatif yang akan diperolehi sekiranya klien bertindak membuli pelajar yang lain secara agresif. Perbuatan buli seperti memukul, menendang atau menampar pelajar lain sehingga meninggalkan kesan lebam dan luka. Ibu bapa mangsa tidak akan berdiam diri dan berkemungkinan akan melaporkan kes tersebut kepada pihak polis untuk mengadakan siasatan. Apabila klien mendengar maklumat tersebut, klien akan berasa takut untuk mengulangi perbuatan buli.

5.3 Peringkat Makro

Pekerja sosial boleh bertindak memainkan peranan sebagai pemangkin. Pemangkin ini adalah agen penggalak dan memandu komuniti untuk mencapai perubahan serta merangsang komuniti untuk membuat keputusan. Pekerja sosial akan memikul tanggungjawab yang sepatutnya. Dalam melaksanakan peranan ini, pekerja sosial akan merangsang perkhidmatan peringkat komuniti di peringkat sekolah dengan menjalankan pelaksanaan aktiviti-aktiviti bersama pelajar dan keluarga. Pelaksanaan aktiviti ini memerlukan penglibatan yang aktif daripada pihak komuniti. Antara pihak yang boleh dilibatkan dalam program kaunseling atau kursus bersama pelajar dan juga

keluarga. Pihak yang boleh dilibatkan adalah seperti pihak polis, jabatan kebajikan dan masyarakat dan sebagainya.

Peranan pekerja sosial dalam konteks pengurusan sumber sekolah amat memerlukan pekerja sosial untuk menghubungkan pelajar, keluarga dan pihak sekolah dengan sumber-sumber yang relevan untuk memastikan keberkesanan sistem pendidikan. Pelaksanaan peranan ini akan menyebabkan pekerja sosial bertindak sebagai orang tengah dan memberikan perkhidmatan dan sumber yang terdapat di sekolah dan di luar sekolah. Setelah mengenalpasti perkhidmatan yang sesuai, pekerja sosial akan membantu pelajar atau keluarganya untuk mendapatkan perkhidmatan tersebut. Tanggungjawab dalam memastikan kesesuaian perkhidmatan tersebut perlu diberi perhatian oleh pekerja sosial supaya pelajar dan keluarganya dapat dibantu. Jika perkhidmatan tersebut gagal maka pekerja sosial akan menghubungkan klien dengan perkhidmatan lain yang lebih sesuai.

Oleh itu, peranan-peranan pekerja sosial yang dinyatakan dalam konteks mikro, mezzo dan makro ini perlulah diaplikasi dan diguna pakai oleh semua pekerja sosial semasa mereka menjalankan sesi bersama dengan klien. Hal ini dikatakan demikian kerana, setiap proses dan peranan pekerja sosial amat memainkan peranan yang penting dalam membantu masalah klien sekaligus dapat meningkatkan kefungisian klien sebagai seorang pelajar sekolah menengah.

6. Kesimpulan

Kesimpulannya, kegiatan gangsterisme dalam kalangan pelajar sekolah telah dipengaruhi oleh banyak faktor. Pihak sekolah seharusnya mencari jalan penyelesaian yang lebih efektif supaya masalah gangsterisme dalam kalangan pelajar ini dapat diatasi dengan baik. Dengan cara menggunakan perkhidmatan pekerja sosial untuk membantu menyelesaikan masalah ini adalah satu keputusan yang baik kerana pekerja sosial dapat mengenalpasti dan mencungkil segala maklumat bukan sahaja daripada pelajar kumpulan gangster malah mendapat maklumat daripada pihak ibu bapa, guru-guru serta komuniti setempat. Oleh itu, kefungisian pelajar dapat ditingkatkan.

Cara pekerja sosial mendekati pihak klien juga adalah begitu professional kerana pekerja sosial mengamalkan nilai, prinsip, etika dan kemahiran semasa menjalankan proses-proses tersebut. Sikap sebegini akan memudahkan urusan antara pekerja sosial dan klien. Hal ini dikatakan demikian kerana, klien berasa senang dan selesa untuk berkongsi maklumat apabila melakukan sesi intervensi bersama dengan pekerja sosial.

Oleh itu, pelajar yang terlibat dalam masalah gangsterisme tersebut akan menyedari dan menginsafi perbuatan tidak bermoral yang telah dilakukannya. Perubahan yang positif akan berlaku kepada klien kerana setiap proses yang dilakukan oleh pekerja sosial mampu menarik minat klien untuk menjadi seorang pelajar yang lebih baik dari yang sebelumnya. Tambahan pula, sokongan dan dorongan yang diberikan oleh pekerja sosial, ahli keluarga, pihak sekolah, komuniti serta bantuan daripada pihak lain telah meningkatkan lagi kesedaran klien tentang masalah gangsterisme.

7. Rujukan

- Abdul Wahab, N., Ismail, M. S., & Mohd Arifin, R. (2021). Pengaruh Kematangan Emosi Terhadap Masalah Disiplin Pelajar Islam Sekolah Menengah Kebangsaan Di Negeri Terengganu. *UFUQ International Journal of Arts and Social Science Research*. 55-69. <https://ufuqjournal.com/index.php/home/article/view/12/8>
- Ahmad, R. R., Hassan, Z., & Jiunn Jye, J. J. (2019, October 22). Kegiatan Gengsterisme Dalam Kalangan Pelajar Sekolah Menengah Negeri Johor. https://easychair.org/publications/preprint_open/NRQR
- Asalal, N., Abd Wahab, H., & Zakaria, E. (2020). Keperluan Pekerja Sosial Sekolah Untuk Menangani Masalah Sosial Pelajar Di Malaysia. *The Malaysian Journal of Social Administration*. 62-78. <https://ejournal.um.edu.my/index.php/MJSA/article/download/26995/12353/60377>
- Bernama. (2017, July 19). Polis minta sekolah jangan sembunyi fakta pelajar bermasalah. *Astro Awani*. <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/polis-minta-sekolah-jangan-semunyi-fakta-pelajar-bermasalah-149754>
- Bernama. (2019, June 5). Pelajar sekolah sertai kongsi gelap kerana mahu dipandang tinggi. *BH ONLINE*. <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2019/06/571561/pelajar-sekolah-sertai-kongsi-gelap-kerana-mahu-dipandang-tinggi>
- Gan, S. E., (2017, July 13). Tingkah laku vandalisme dalam kalangan pelajar sekolah menengah kebangsaan di Zon Labis, Johor. <http://eprints.utm.my/id/eprint/44174/>
- Hj Yahaya, P. M. D. A., & Hj Buang, R. (2017, September 11). Punca Berlakunya Masalah Gejala Gengsterisme Di Kalangan Remaja Di Beberapa Buah Sekolah Menengah Di Empat Buah Negeri. <http://eprints.utm.my/id/eprint/1483/1/FAKTOR-jurnal1.pdf>
- Isham, M. I. A., & Yusoff, N. H. (2020). Komuniti Sebagai Agen Kawalan Sosial Tidak Formal Dalam Menangani Masalah Sosial. *Journal of Social Sciences and Humanities*. 80-92. <http://journalarticle.ukm.my/16300/1/40890-130664-1-SM.pdf>
- Mohd Isa, N. J., Ismail, M. S., & Mohd Noor, A. (2019). Masalah Buli Dalam Kalangan Murid: apakah kata guru?. *Jurnal Perspektif*. 1-14. https://www.researchgate.net/publication/338548186_Masalah_buli_dalam_kalangan_murid_apakah_kata_guru_Bullying_problems_among_students_what_do_teachers_say
- Sharif, Z., & Mohamad Roslan, N. (2011). Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Remaja Terlibat Dalam Masalah Sosial Di Sekolah Tunas Bakti, Sungai Lereh, Melaka. *Journal of Education Psychology & Counseling*. 115-140.

Masalah Buli dalam Kalangan Pelajar Memberi Kesan terhadap Kesejahteraan Masyarakat

Nur Syazwani Binti Mohamed Yusri¹, Paramjit Singh Jamir Singh², Azlinda Azman³
^{1,2,3}Program Kerja Sosial, Pusat Pengajian Sains Kemasyarakatan, Universiti Sains Malaysia
Email: ¹nursyazwaniyusri@student.usm.my, ²paramjit@usm.my

Abstrak

Malaysia merupakan salah satu negara yang tidak lari daripada masalah buli. Hal ini dikatakan demikian kerana berita dan laporan mengenai isu ini menjadi masalah dan isu yang sering berlaku dari semasa ke semasa. Kes buli yang semakin meningkat pada setiap masa masih tidak diambil serius oleh pihak berkuasa malah sesetengah masyarakat juga hanya pandang sebelah mata sahaja berkenaan isu tersebut. Masalah buli sememangnya termasuk dalam masalah sosial yang dihadapi di negara Malaysia. Seterusnya, kes buli dalam kalangan pelajar di Malaysia patut dipandang serius kerana negara ini sering terikat dengan isu yang sama. Majoriti kes buli yang berlaku di Malaysia melibatkan golongan pelajar dimana pada setiap tahun semestinya ada kes yang sama akan timbul. Namun begitu, tindakan yang sepatutnya diambil masih belum memuaskan. Hal ini kerana walaupun tindakan untuk menyelesaikan masalah ini dilaksanakan secepat mungkin tapi negara Malaysia masih tidak dapat mengatasi isu buli ini. Kegagalan pihak berkuasa juga masyarakat untuk membantu dalam mengatasi masalah buli dalam kalangan pelajar secara tidak langsung telah memberi kesan terhadap kesejahteraan masyarakat. Hal ini dikatakan demikian kerana apabila masalah buli semakin merebak, ia akan menjejaskan kefungsi sosial masyarakat dimana ia secara tidak langsung memberi kesan seperti kesejahteraan masyarakat, kesihatan mental dan sebagainya. Oleh itu, ia akan meninggalkan kesan yang lebih buruk pada masa akan datang. Kerja kes ini diterangkan dengan situasi kes yang menggunakan dengan pendekatan kerja sosial.

Kata kunci: Buli; pelajar; masalah sosial; kesejahteraan masyarakat.

1. Pengenalan

Masalah buli semakin hari semakin menjadi topik hangat pada era globalisasi ini. Hal ini dikatakan demikian kerana kes buli yang menjadi topik utama di media sosial, akhbar berita dan sebagainya dari semasa ke semasa. Masalah buli ini merupakan isu yang masih tidak dipandang serius dalam negara Malaysia (Raja, 2022). Secara umumnya, buli merangkumi pelbagai bentuk dan jenis dimana ia melibatkan secara langsung atau verbal. Buli juga turut terjadi kepada setiap masyarakat tidak kira umur, agama, jantina dan sebagainya. Hal ini dikatakan demikian kerana terdapat beberapa faktor yang menyebabkan isu ini berlaku. Sememangnya isu buli ini datang dalam pelbagai bentuk dan jenis seperti buli di tempat kerja, dalam kalangan keluarga terdekat dan sebagainya. Namun begitu, masalah buli yang sering dijadikan topik perbincangan adalah masalah buli dalam kalangan pelajar. Isu ini masih hangat diperkatakan kerana masalah yang sama kerap berlaku dalam negara Malaysia dan tindakan yang diambil masih kurang memuaskan bagi mengatasi masalah sosial ini dalam kalangan pelajar (Intan, 2019).

Kejadian isu buli yang berlaku menimpa negara Malaysia dimana seorang penuntut Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM) bernama Zulfarhan Osman Zulkarnain telah

menjadi mangsa buli sehingga membawa maut. Mangsa Zulfarhan telah dibuli sehingga 80% anggota badannya diliputi kesan terbakar. Suspek yang membuli mangsa mendakwa bahawa allahyarham mengambil hak milik komputer riba daripada salah seorang suspek (Mustajab, 2021). Rentetan isu tersebut juga diikuti dengan isu buli yang lain dimana seorang mangsa yang bernama Nhaveen yang berumur 19 tahun ketika itu telah meninggal dunia akibat kecederaan otak yang dilakukan oleh pembuli. Pembuli tersebut telah memukul Nhaveen sehingga sanggup memasukkan objek yang tidak tajam ke dalam duburnya (Yakob, 2017). Walaupun kebanyakannya berlaku kepada mangsa yang lebih berumur, namun satu kejadian berlaku di mana seorang murid yang bernama Jackson telah dibuli dengan teruk oleh seorang lagi murid tahun 6 sehingga berlaku pendarahan yang teruk terhadap mangsa (Mustajab, 2021).

Isu-isu daripada kejadian yang dinyatakan telah menunjukkan sedikit sebanyak masalah buli di negara Malaysia. Perkara ini secara tidak langsung telah membuktikan bahawa isu ini semakin meningkat dengan konsisten sepanjang tahun. Oleh itu, masalah ini perlu diatasi dengan secepat yang mungkin kerana perkara ini akan membawa impak yang buruk terhadap negara Malaysia dari pelbagai aspek. Peningkatan kes-kes buli akan juga menimbulkan isu-isu yang lain seperti kesihatan mental dan secara tidak langsung akan menyebabkan cubaan untuk membunuh dan membunuh diri.

2. Situasi Kes

Masalah buli dalam kalangan pelajar adalah dengan penglibatan pelajar yang sememangnya bermasalah dalam pelbagai aspek sehingga menimbulkan tingkah laku dan sikap untuk membuli terhadap pelajar lain. Oleh itu, pelajar yang bermasalah tersebut akan menunjukkan sikap yang agresif dan bertindak daripada luar kawalan kepada pelajar lain yang dibuli. Perlakuan pelajar yang membuli tersebut dipengaruhi oleh pelbagai aspek dan faktor yang memberi kesan kepada pembuli dan mangsa. Oleh itu, pelajar bermasalah tersebut sememangnya mempunyai masalah-masalah yang tertentu seperti keluarga, rakan sebaya dan sebagainya sehingga menyebabkan perlakuan buli ini terjadi.

3. Faktor-Faktor Berlakunya Masalah Buli dalam Kalangan Pelajar

Masalah buli dalam kalangan pelajar merupakan perlakuan yang kompleks. Hal ini dikatakan demikian kerana seorang manusia bukanlah seorang pembuli pada mula-mulanya. Perbuatan dan tingkah laku yang ditunjukkan memberi kesan kepada seseorang manusia dan secara tidak langsung mempengaruhinya. Oleh itu, terdapat beberapa faktor yang menyebabkan berlakunya masalah buli dalam kalangan pelajar. Antaranya ialah seperti berikut;

3.1 Faktor Keganasan Rumah Tangga

Tingkah laku buli dikaitkan dengan keganasan rumah tangga kerana sikap seseorang individu itu untuk meniru perbuatan yang ditunjukkan di rumah. Situasi di rumah pula menunjukkan keluarga yang tidak harmoni dan berpecah belah sehingga mengakibatkan keganasan rumah tangga. Oleh itu, apabila menghadapi dan mengatasi isu di rumah, seseorang individu itu akan bertindak agresif dan luar kawalan dengan mengikut seperti tingkah laku yang dipelajari di rumah. Sikap tersebut akan dibawa daripada rumah dan ke sekolah dan pelajar-pelajar akan menjadi mangsa kepada pembuli tersebut. Majoriti pembuli sememangnya datang dari rumah

yang mengalami masalah keganasan rumah tangga. Oleh sebab itu, mereka tidak tahu untuk berkomunikasi secara biasa dan sopan malah mereka lebih selesa untuk berinteraksi dengan individu lain dengan menggunakan kekerasan dalam pelbagai bentuk (Thompson, 2005). Baldry (2003) menegaskan bahawa pergaduhan antara ibu bapa atau sesama keluarga dan sikap buli secara langsung adalah berkait terutamanya bagi golongan perempuan. Hal ini dapat dilihat dalam kajian beliau dimana golongan perempuan yang berada dalam situasi keganasan rumah tangga bersama ibu bapa mereka, ia akan melahirkan sikap seorang pembuli berbanding perempuan lain yang tidak berada dalam situasi itu. Namun, bukan sahaja golongan perempuan tetapi golongan lelaki juga boleh terkesan. Kajian ini memperlihatkan bahawa interaksi manusia dan persekitaran sememangnya membentuk tingkah laku sosial seseorang. Oleh begitu, dalam konteks keganasan rumah tangga, individu yang berada dalam situasi ini malangnya terikut dengan sikap keluarga mereka yang sememangnya membawa masalah sosial iaitu buli.

3.2 Faktor Kemiskinan

Perlakuan buli turut dikaitkan dengan kemiskinan seseorang individu. Hal ini dikatakan demikian kerana pelajar yang dilahirkan dalam keluarga yang miskin berkemungkinan untuk mempertahankan diri mereka dengan cara mereka sendiri (Daniel, 2018). Sebagai contohnya, pembuli akan mengambil kesempatan dengan bergantung terhadap mangsa dengan mengarah mangsa tersebut untuk melakukan sesuatu perkara buatnya. Menurut Wadesango et al. (2011), perbuatan buli tersebut dapat dilihat melalui seorang pembuli telah mengambil bekalan makanan daripada mangsa secara paksa dengan menggunakan tindakan agresif. Jacob (2006) turut memberi contoh seperti situasi di mana bukan sahaja barang atau wang sahaja yang diambil tetapi baju mangsa juga dipaksa untuk ditanggalkan oleh sekumpulan pembuli. Sikap melibatkan diri dalam mencuri dan memaksa mangsa merupakan satu cara bagi pembuli untuk mengatasi masalah kemiskinan walaupun ia merupakan sikap yang tidak baik dan melanggar peraturan serta menganggu ketenteraman orang sekelilingnya.

4. Kesimpulan

Kesimpulannya, masalah buli sememangnya isu yang patut dipandang lebih serius dan diberi perhatian yang lebih kerana kebanyakan masalah ini banyak melibatkan orang muda seperti golongan pelajar. Hal ini dikatakan demikian kerana merupakan pencorak dan penentu masa depan negara. Sekiranya generasi muda mempunyai masalah dan perkembangan orang muda daripada pelbagai aspek merosot, masa depan negara akan menerima kesan yang buruk. Namun begitu, masalah buli dalam kalangan pelajar semakin merebak dan menyebabkan kerisauan pelbagai pihak. Hal ini kerana terdapat beberapa faktor yang menyebabkan berlakunya masalah buli dalam kalangan pelajar. Oleh sebab itu, langkah awal perlu diambil bagi mengatasi masalah tersebut. Apabila masalah tersebut dapat dibanteras maka ia akan meninggalkan kesan yang baik terhadap masyarakat. Hal ini dikatakan demikian kerana ia akan menghasilkan masyarakat yang mempunyai keperibadian yang tinggi, bertatertib dan secara tidak langsung mencorak generasi masa depan yang harmoni.

5. Rujukan

Baldry, A. (2003). Bullying in schools and exposure to domestic violence. *Child Abuse & Neglect*, 27(7), 713–732. [https://doi.org/10.1016/S0145-2134\(03\)00114-5](https://doi.org/10.1016/S0145-2134(03)00114-5)

- Daniel, M. (2018). Social work intervention to address the phenomenon of bullying amongst learners in the school setting: A literature review. *South African Journal of Education*, 38(1), 3-4. <https://doi.org/10.15700/saje.v38ns1a1594>
- Intan, S. (2019, Disember, 7). Semua pihak perlu peka isu buli. *Harian Metro Online*. <https://www.hmetro.com.my/WM/2019/12/524305/semua-pihak-perlu-peka-isu-buli>
- Jacobs, R. (2006). The experience of adolescence girls regarding verbal bullying in secondary school. (Masters dissertation) Nelson Mandela Metropolitan University.
- Mustajab, I. (2021, November 2021). Buli sampai mati! Selain Zulfarhan, 5 kes buli ini pernah menggemparkan negara. <https://wacana.my/buli-sampai-mati-selain-zulfarhan-5-kes-buli-ini-pernah-menggemparkan-negara/>
- Raja, F. (2022, Mei 18). Kes buli pelajar masih tiada kesudahan. *Sinar Harian Online*. <https://www.sinarharian.com.my/article/202806/ANALISIS-SEMASA/Kes-buli-pelajar-sekolah-masih-tiada-kesudahan>
- Thompson, J. (2005). *Bullying: A parent's guide*. Peterborough, England: Need2Know
- Wadesango, N., Chabaya, O., Rembe, S., Muhuro, P. (2011). Poverty as a source of behavioural problems that affect the realization of the right to basic education among children: A case study of schools in the Eastern Cape- South Africa. *Journal of Social Sciences*, 27(3),149–156. <https://doi.org/10.1080/09718923.2011.11892915>
- Yakob, F. (2017, Jun 15). Remaja mangsa buli meninggal dunia. *Berita Harian Online*. <https://www.bharian.com.my/taxonomy/term/11/2017/06/293339/remaja-mangsa-buli-meninggal-dunia>

Permasalahan Penyalahgunaan Dadah Dalam Kalangan Remaja

Nurul Aqilah Mohammad Aminuddin¹, Paramjit Singh Jamir Singh², Azlinda Azman³
^{1,2,3}Program Kerja Sosial, Pusat Pengajian Sains Kemasyarakatan, Universiti Sains Malaysia
Email: ¹aqilah_amin@student.usm.my, ²paramjit@usm.my

Abstrak

Remaja adalah merupakan bakal pelapis negara yang akan memimpin negara pada masa hadapan. Remaja adalah terdiri daripada remaja awal yang tergolong antara 12 hingga 16 atau 18 tahun manakala remaja akhir lingkungan 16 hingga 25 tahun. Melalui permasalahan ini, semua pihak mahupun ibubapa, agensi kerajaan, pekerja sosial serta masyarakat memainkan peranan penting dalam menangani masalah penyalahgunaan dadah. Kajian ini juga dijalankan adalah untuk mengenalpasti faktor-faktor remaja melibatkan diri dalam penyalahgunaan dadah serta mengenalpasti isu-isu permasalahan yang dialami oleh golongan remaja yang melibatkan diri dalam penyalahgunaan dadah. Kajian ini juga dijalankan adalah pekerja sosial mengenalpasti tentang sikap remaja, pengaruh rakan sebaya, permasalahan keluarga serta pengetahuan remaja mengenai pengambilan dadah. Melalui data, dapat diperkatakan bahawa remaja adalah golongan yang paling tinggi dalam menyalahgunakan dadah atas sebab tekanan jiwa dan perasaan, pembelajaran, kewangan. Remaja mudah terpengaruh dengan adegan filem serta pengiklanan yang ditunjukkan melalui media massa yang menunjukkan adegan penyalahgunaan dadah seperti mengedar, mengambil dadah, menghidu gam dan masalah sosial. Kajian ini juga dijalankan adalah mengenalpasti peranan pekerja sosial dalam mengurangkan atau menyelesaikan permasalahan penyalahgunaan dadah bagi golongan remaja di negara ini. Pekerja sosial dapat menjalankan sesi intervensi atau berhubung dengan agensi-agensi kerajaan dalam menangani permasalahan penyalahgunaan dadah. Melalui program yang dilaksanakan oleh agensi kerajaan seperti ceramah antidadah adalah dapat mengurangkan masalah penyalahgunaan dadah dalam golongan remaja.

Kata kunci: Remaja; penyalahgunaan dadah; pekerja sosial; agensi kerajaan.

1. Pengenalan

Dadah adalah merupakan bahan yang dapat membuatkan perubahan kepada fungsi tubuh badan. Antara bahan yang sering dikategorikan sebagai dadah seperti alkohol, tembakau, ubat tidur, ganja dan sebagainya. Melalui penyelidikan oleh *Stedmens*, beliau menyatakan dadah atau bahan adalah sejenis tumbuh-tumbuhan yang digunakan bagi menentukan jenis penyakit dan cara merawat kepada manusia dan haiwan-haiwan. Dadah juga diklasifikasikan sebagai bahan kimia yang dapat merosakkan tubuh badan individu sama ada dari segi mental dan fizikal. Definisi dadah mempunyai pelbagai maksud namun berdasarkan *Kamus Dewan Melayu-Inggeris*, “drug merupakan ubat-ubatan manakala takrifan mengenai penyalahgunaan dadah adalah melalui perkataan ‘use’, ‘misuse’ atau ‘abuse’ yang perlu digabungkan bersama-sama perkataan ‘drug’. Misalnya, ‘Drug Abuse’ atau ‘Misuse of Drug’ yang akan membawa maksud penyalahgunaan dadah. Berdasarkan pernyataan oleh *Marlat dan Gordon dalam Johson (2004)* menyatakan bahawa penyalahgunaan dadah adalah perbuatan yang negative melalui pola pemikiran serta persepsi yang rosak terhadap seseorang individu.

Penyalahgunaan dadah membawa maksud seseorang individu mengambil bahan secara berlebihan bukan bagi tujuan perubatan namun mereka mengambil demi ketenangan diri bagi menyelesaikan masalah yang dihadapinya. Hal ini akan mendatangkan emosi gembira yang melepasi batas atau ketagihan yang lari daripada tujuan kepada kenyataan. Penyalahgunaan dadah ini juga akan mengganggu kehidupan seharian seseorang individu tersebut. Terdapat pelbagai aktiviti yang dikategorikan sebagai penyalahgunaan dadah adalah seperti mengedar dadah, menjual dan menyimpan dadah secara tersembunyi tanpa lesen yang dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia atau tidak mengikut Akta Dadah Berbahaya 1952. Antara jenis bahan/dadah yang sering didapati seseorang individu itu menyalahgunakan adalah seperti opium, heroin, morfin, candu, penenang, alkohol, hidu (menghidu gam dan petrol) dan terdapat juga dadah yang disalahgunakan oleh individu.

Oleh sebab itu, penyelesaian permasalahan penyalahgunaan dadah dapat diselesaikan melalui pekerja sosial melakukan sesi intervensi atau kajian kes secara individu, keluarga, kumpulan dan komuniti dalam mengurangkan penyalahgunaan dadah dalam kalangan remaja. Pekerja sosial dapat bekerjasama dengan agensi kerajaan yang berada di kawasan setempat dalam menangani permasalahan penyalahgunaan dadah.

2. Contoh Kajian Kes

Pekerja sosial memainkan peranan penting serta kecekapan dalam menyelesaikan masalah penyalahgunaan dadah dalam kalangan remaja. Hal ini diperkatakan bahawa golongan remaja menunjukkan peningkatan yang mendadak terpengaruh dengan penyalahgunaan dadah atas faktor-faktor tertentu. Antara beberapa faktor yang membuatkan remaja terlibat dengan penyalahgunaan dadah seperti faktor persekitaran, faktor rakan sebaya, faktor ibubapa, kurang didikan agama, faktor tekanan pembelajaran dan sebagainya. Melalui contoh kes Nabil seorang pelajar yang berumur 22 tahun menghadapi pelbagai tekanan dalam menempuhi alam pembelajaran seperti tugas, ujian, kuiz dan sebagainya. Melalui tekanan ini, Nabil telah terpengaruh dengan seorang individu yang bernama Fikri (bukan nama sebenar) dengan mengedar dadah, mengambil dadah secara berlebihan sehingga membuatkan dia ketagihan terhadap dadah. Pada keesokan harinya, Nabil mengambil keputusan untuk ponteng kuliah kursus pengajian yang diambalnya dengan menyembunyikan diri di kawasan kampus untuk melakukan aktiviti penyalahgunaan dadah namun nasib tidak menyebelahi Nabil menyebabkan beliau ditangkap oleh polis bantuan dan telah dibawa kepada Rektor untuk membuat keputusan selanjutnya dan menyebabkan Nabil telah digantungkan daripada pusat pengajian. Dengan persetujuan antara Rektor dan pihak kaunselor, mereka telah mengambil keputusan untuk menghantar Nabil yang berada dalam keadaan tidak terurus dirujuk kepada pekerja sosial untuk menjalankan proses intervensi sebelum membuat keputusan menghantar ke Pusat Pemulihan Dadah dan Akhlak di kawasan berdekatan. Melalui permasalahan ini, pekerja sosial dapat menggunakan pelbagai pengetahuan serta kemahiran yang dipelajari dalam menyelesaikan permasalahan penyalahgunaan dadah dalam kalangan remaja di negara ini.

Berdasarkan pernyataan masalah ini, pekerja sosial dapat menggunakan pelbagai kemahiran, corak intervensi, nilai dan etika kerja sosial dalam pemberian perkhidmatan bagi kepuasan klien. Oleh sebab itu, pekerja sosial perlu mengamalkan nilai-nilai kerja sosial yang ditetapkan oleh Malaysian Association Social Workers (MASW) seperti penerimaan, keadilan sosial, konsep keindividuan, menghormati penentuan diri klien dan sebagainya sebelum, semasa

dan selepas sesi intervensi dilaksanakan. Pekerja sosial dapat membantu klien dengan mengumpulkan pelbagai sumber yang ada sama ada dari badan kerajaan dan bukan kerajaan dalam membantu proses intervensi demi mencapai matlamat yang diimpikan oleh golongan individu/klien. Apabila pekerja sosial mempunyai pengetahuan serta kemahiran yang luas akan menyebabkan individu akan berasa puas dengan perkhidmatan yang diberikan dan mempercayai proses intervensi yang dibuat oleh pekerja sosial dalam menyelesaikan masalah penyalahgunaan dadah. Hal yang demikian, klien akan berasa puas dengan perkhidmatan yang diberikan oleh pekerja sosial akan membuatkan mereka mudah untuk menyertai pelbagai program yang dilaksanakan oleh pekerja sosial bersama agensi kerajaan dalam menangani penyalahgunaan dadah sama ada di pusat agensi ataupun di komuniti setempat.

Di samping itu, peranan sebagai pekerja sosial yang profesional penting dalam pemulihan serta pencegahan remaja terhadap masalah penyalahgunaan dadah yang melibatkan remaja. Dengan mengaplikasikan pelbagai kecekapan, kemahiran serta pengetahuan yang berada pada pekerja sosial dalam proses intervensi dapat membantu dalam menyelesaikan masalah penyalahgunaan dadah dalam kalangan remaja di negara ini. Pekerja sosial memainkan peranan penting dalam menyelesaikan permasalahan ini melalui beberapa elemen yang terdapat dalam konteks praktis kerja sosial seperti pengkajian, penentuan situasi, intervensi, penilaian dan penamatan. Melalui praktis kerja sosial ini, proses intervensi dalam menyelesaikan permasalahan penyalahgunaan dadah dapat mencapai yang diinginkan di antara pekerja sosial dan klien.

Selain daripada konteks praktis kerja sosial, pekerja sosial perlu mempraktikkan nilai dan prinsip etika kerja sosial dalam menjalankan sesi intervensi bersama klien yang terlibat dalam permasalahan penyalahgunaan dadah. Pekerja sosial perlu menerima keadaan klien yang datang sewaktu sesi intervensi tanpa menghukum terlebih dahulu. Pekerja sosial dapat memberi perkhidmatan kepada pelbagai latar belakang individu tanpa mengira bangsa, agama, etnik, gender dan lain-lain. Menerusi situasi kes Nabil, pekerja sosial haruslah melayani dengan baik dan tidak menunjukkan reaksi muka yang membuatkan klien tidak berasa selesa untuk meneruskan penceritaan atau sesi intervensi sesama pekerja sosial. Pekerja sosial juga perlulah mematuhi segala etika kerahsiaan yang telah ditetapkan oleh Malaysian Association Social Workers (MASW) supaya tidak menceritakan permasalahan yang dihadapi oleh klien kepada rakan setugas, orang luar dan seangkatannya. Pekerja dapat menjalankan pelbagai bentuk intervensi sama ada secara

3. Faktor yang Menyebabkan Remaja Terlibat dengan Penyalahgunaan Dadah

Terdapat beberapa faktor yang menyebabkan remaja pada zaman sekarang terlibat dengan penyalahgunaan dadah. Hal ini juga perlu diambil perhatian oleh pekerja sosial dalam proses intervensi yang dilaksanakan. Antara faktor-faktor yang menyebabkan remaja terlibat dengan penyalahgunaan dadah atas faktor tekanan, pembelajaran, ibu bapa, rakan sebaya dan sebagainya.

Antara faktor seseorang individu terlibat dalam penyalahgunaan dadah atas faktor tekanan jiwa sama ada dari segi fizikal dan mental. Hal ini demikian kerana, mereka beranggapan bahawa dengan penyalahgunaan dadah atau penagihan dapat menyelesaikan masalah yang dihadapinya. Antara tekanan yang sering dialami oleh remaja adalah seperti keluarga, masalah peribadi, belajar atau bekerja yang mengakibatkan mereka terlibat dalam

penyalahgunaan dadah. Melalui kajian yang dibuat oleh *Roberts (1997)*, kadar kemurungan bagi golongan remaja menunjukkan peningkatan dua kali ganda berbanding golongan kanak-kanak. Beliau juga menyatakan masalah kemurungan akan menunjukkan peningkatan apabila mereka meningkat kepada usia pertengahan remaja dan dewasa remaja. Hal ini demikian kerana, apabila remaja mengalami tekanan yang keterlaluan, mereka tidak akan memberitahu kepada sesiapa pun mahupun keluarga, kaunselor atau berjumpa dengan pekerja sosial yang terdekat untuk mendapatkan sesi intervensi maka mereka mengambil keputusan untuk menyalahgunakan dadah demi kepentingan diri sendiri demi melupakan masalah tekanan tersebut.

Seterusnya, seseorang individu juga akan terlibat dalam permasalahan penyalahgunaan dadah akibat daripada pengaruh rakan sebaya. Mereka berfikir bahawa rakan sebaya merupakan golongan terdekat kepada remaja selain daripada keluarga. Hal ini disebabkan oleh, remaja pada masa kini lebih mempercayai rakan mereka berbanding keluarga sendiri untuk menyelesaikan masalah yang dihadapinya. Melalui faktor rakan sebaya ini, menyebabkan mereka mudah terpengaruh dengan kuat untuk melibatkan diri dalam penyalahgunaan dadah tambahan pula rakan sebaya merupakan aktivis dalam permasalahan tersebut. Melalui permasalahan dengan faktor rakan sebaya dapat dikaitkan dengan *pepatah Arab* iaitu "*bersahabat dengan penjual minyak wangi, kita akan menerima percikan wangiaanya manakala bersahabat dengan tukang besi, percikan apinya akan mencarikkan baju kita*". Melalui pepatah arab ini boleh dikaitkan bahawa berkawanlah dengan rakan yang dapat membawa kita ke arah kebaikan tetapi bukan berkawan dengan rakan yang membawa kita ke arah kegelapan. Permasalahan ini dapat dilihat melalui filem atau drama yang sering menunjukkan terhadap pergaulan bebas remaja lelaki dan wanita di dalam kawasan gelap atau kelab malam menyebabkan remaja perempuan terlibat dalam permasalahan penyalahgunaan dadah. Secara tidak langsung, mereka ingin melibatkan diri dalam aktiviti pelacuran pada waktu yang sama.

Selain itu, seseorang individu itu juga melibatkan diri dalam penyalahgunaan dadah kerana kurang didikan agama yang diberikan oleh ibubapa. Apabila kurang didikan agama daripada ibubapa menyebabkan seseorang remaja itu mudah melibatkan diri dalam permasalahan sosial. Permasalahan ini dapat kita lihat melalui zaman kemodenan ini, remaja akan mudah terpengaruh dengan pelbagai gejala sosial yang dapat merosakkan akhlak, kesihatan mereka sama ada dari segi fizikal atau mental. Apabila seseorang remaja itu kurang didikan agama daripada ibubapa menyebabkan mereka tidak dapat membezakan antara dosa dan pahala apabila melibatkan diri dalam penyalahgunaan dadah. Apabila mereka tidak dapat membezakan antara dosa dan pahala melakukan perbuatan tersebut, remaja akan teruskan perbuatan dapat mengendahkan kesan negatif disebaliknya.

Melalui penyelidikan dapat diperkatakan bahawa remaja juga mudah terlibat dengan penyalahgunaan dadah atas faktor pengaruh media cetak elektronik dan tontonan drama atau filem di televisyen. Hal ini demikian kerana, zaman sekarang dunia berada dalam kemodenan di mana melalui penceritaan filem telah menunjukkan pelbagai perbuatan jenayah seperti sindiket pengedaran dadah, cara pengambilan dadah. Melalui penceritaan filem atau drama ini, golongan individu terutamanya remaja akan mudah terpengaruh dan secara tidak langsung mendorong mereka untuk mencuba serta mengenali dadah secara lebih dekat. Antara media cetak dan elektronik adalah seperti televisyen, radio, computer serta telefon mudah alih yang membuatkan

peningkatan kepada permasalahan penyalahgunaan dadah. Berdasarkan pengaruh ini, remaja akan mudah untuk membeli dadah secara atas talian kerana terdapat media sosial yang membenarkan penjualan dadah ini.

Tambahan pula, seseorang individu mudah melibatkan diri dalam penyalahgunaan dadah melalui faktor ibubapa. Ibu bapa merupakan insan yang melahirkan kita, mendidik kita dan memberi penuh kasih sayang kepada kita sebagai anak melalui bak kata pepatah "*bagai menatang minyak yang penuh*". Namun, dapat dilihat pada zaman kini ibubapa kurang meluangkan masa bersama anak-anak dan memilih kasih sesama anak mereka kerana sibuk dengan kerjaya masing-masing. Apabila ibubapa kurang mengambil perhatian terhadap anak-anak boleh menyebabkan mereka terlibat dalam penyalahgunaan dadah. Hal ini demikian kerana, anak-anak pada zaman kini berfikir secara matang dan akan mengambil kesempatan untuk kebebasan bersama rakan-rakan atas sebab kurang perhatian dan perkara yang dibuat tidak akan dipedulikan daripada ibu bapa. Secara tidak langsung, seseorang remaja itu akan mudah terjebak dengan gejala sosial iaitu permasalahan penyalahgunaan dadah.

4. Peranan Pekerja Sosial dalam Menyelesaikan Masalah Penyalahgunaan Dadah dalam Kalangan Remaja

Pekerja sosial memainkan peranan yang penting dalam menyelesaikan permasalahan penyalahgunaan dadah dalam kalangan remaja dari segi peringkat pencegahan sehingga pemulihan. Pekerja sosial haruslah mempunyai kecekapan serta pengetahuan yang meluas dalam melaksanakan intervensi bersama golongan tertentu. Pelbagai corak intervensi dapat dipraktikkan melalui sistem mikro, mezzo dan makro.

Melalui tahap mikro, pekerja sosial dapat memberikan intervensi kepada individu iaitu Nabil melalui situasi kes yang dinyatakan. Sebagai pekerja sosial yang profesional, pekerja sosial menerima pelbagai situasi klien tanpa membuat andaian terlebih dahulu. Berdasarkan sistem mikro ini, pekerja sosial dapat mengenalpasti faktor, punca yang membuatkan individu tersebut terlibat dalam penyalahgunaan dadah. Melalui tahap mikro ini, pekerja sosial dapat menyediakan pelbagai sumber-sumber yang terdapat berkait rapat dengan keputusan serta pilihan yang ditetapkan oleh klien untuk meneruskan kehidupan seharian. Pekerja sosial dapat membantu klien dengan menggunakan segala pengetahuan serta kemahiran yang ada agar klien berasa puas dengan proses pertolongan yang diberikan.

Pada tahap mezzo, dimana pekerja sosial memfokuskan kepada golongan individu dengan bekerjasama bersama rakan sebaya dan ibubapa dalam mengenalpasti faktor dan sebab individu tersebut terlibat dalam penyalahgunaan dadah sama ada dari faktor ibubapa, faktor rakan sebaya atau faktor lain yang menyebabkan remaja terlibat dalam permasalahan tersebut. Pekerja sosial dapat merangkumi pelbagai kemahiran dari segi kemahiran kaunseling, kerja berkumpulan atau berkomuniti, advokasi dalam membantu klien untuk mendapatkan sumber-sumber dalam komuniti tersebut. Sebagai contoh, pekerja sosial dapat memberikan sesi intervensi melalui kerja berkumpulan bersama sekumpulan bersama Nabil dan rakan yang terlibat dalam penyalahgunaan dadah dengan bekerjasama antara satu sama lain.

Pada tahap makro, pekerja sosial dapat mempraktikkan corak intervensi adalah dengan bekerjasama dengan organisasi, insitusi, agensi kerajaan, komuniti setempat serta budaya dalam

mengenalpasti permasalahan klien. Pekerja sosial dapat bekerjasama dengan organisasi agensi kerajaan seperti Agensi Anti Dadah Kebangsaan, Kementerian Kesihatan Malaysia dan Polis Diraja Malaysia dalam menangani isu permasalahan penyalahgunaan dadah dalam golongan remaja. Penglibatan pekerja sosial pada tahap makro ini adalah lebih tertumpu kepada aktiviti pentadbiran seperti melakukan ceramah berkaitan kesan penyalahgunaan dadah, membuat pameran serta menganalisis masyarakat setempat selepas program atau sesi intervensi tersebut dijalankan. Pekerja sosial juga dapat membantu kerajaan dalam pembentukan dasar serta pembangunan sosial masyarakat sekeliling. Tahap ini secara tidak langsung dapat membantu pekerja sosial dan klien dalam mencapai matlamat yang ditetapkan melalui sesi program yang dijalankan di kawasan masyarakat setempat. Hal ini dapat diperkatakan bahawa, pekerja sosial akan bekerjasama dengan pekerja yang profesional dalam menyelesaikan dan mengurangkan permasalahan penyalahgunaan dadah dalam kalangan remaja. Melalui tahap makro ini, pekerja sosial dapat bekerjasama dengan komuniti serta agensi dalam melaksanakan pelbagai program bagi menyelesaikan permasalahan penyalahgunaan dadah seperti:

- a) Pameran serta ceramah berkaitan dadah yang disampaikan oleh Pegawai daripada Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK)
- b) Aktiviti out-bound
- c) Kaunseling individu serta keluarga
- d) Aktiviti senamrobik
- e) Bimbingan fizikal dan mental serta keagamaan
- f) Aktiviti melibatkan kemahiran seperti menjemput pelajar vokasional atau pelajar Insititut Kemahiran Mara serta mempromosikan pengajian.

Pekerja sosial juga dapat berperanan sebagai advocator kepada klien. Advokator ini adalah merupakan kerjaya yang lebih kurang sama dengan peguam dalam mewakili klien serta membentangkan permasalahan penyalahgunaan dadah sama ada ketika di mahkamah, hospital, masyarakat setempat jika diperlukan oleh klien. Contohnya, Nabil seorang remaja yang terlibat dalam penyalahgunaan dadah semestinya akan melibatkan mahkamah dalam perjatuhan hukuman atau sebaliknya, justeru pekerja sosial mempunyai hak bersuara dalam mendebatkan masalah penyalahgunaan dadah yang melibatkan klien Nabil di dalam mahkamah itu. Bila pekerja sosial berperanan sebagai advokator, secara tidak langsung membantu mengurangkan hukuman yang akan dijatuhkan kepada Nabil yang merupakan seorang remaja yang mempunyai tahap pendidikan yang tinggi tanpa mendapatkan hukuman penjara. Ini perlu dimanipulasikan melalui keadaan persekitaran klien tersebut sebelum menjadi seorang advokator.

Dalam menyelesaikan permasalahan penyalahgunaan dadah juga memerlukan kemahiran serta menggunakan kaedah yang saintifik dalam mengendalikan situasi klien yang datang semasa intervensi. Apabila menggunakan pelbagai kemahiran serta pengetahuan yang dipelajari secara tidak langsung akan membantu pekerja sosial serta klien dalam mencapai matlamat yang diimpikan dalam proses meneruskan kehidupan seharian. Apabila mencapai matlamat akan membuatkan klien akan berasa puas dengan perkhidmatan yang diberikan oleh pekerja sosial dalam mengendalikan permasalahan yang dihadapi oleh dirinya dengan cara yang baik. Kepuasan klien dapat dikenalpasti melalui cara layanan yang diberikan oleh pekerja sosial semasa sesi intervensi, reaksi muka, program yang dijalankan serta cara bagaimana pekerja sosial membantu klien dalam proses intervensi tersebut. Oleh sebab itu, permasalahan

penyalahgunaan dadah dalam kalangan remaja akan menunjukkan kekurangan serta penambakan dari semasa ke semasa dalam negara ini.

5. Kesimpulan

Secara konklusinya, permasalahan penyalahgunaan dadah perlu dipandang serius oleh agensi kerajaan dan pekerja sosial dalam mengurangkan dan menyelesaikan supaya negara kita aman bebas daripada dadah. Dengan pelbagai kemahiran serta pengetahuan yang ada melalui pekerja sosial dapat menyelesaikan permasalahan penyalahgunaan dadah melalui golongan remaja, komuniti, masyarakat setempat serta negara hidup penuh dengan aman damai. Secara tidak langsung, pelbagai corak intervensi telah dilaksanakan sama ada melalui tahap mikro, mezzo dan makro dapat mencapai matlamat yang ingin dicapai oleh klien dalam meneruskan kehidupan seharian agar tidak melakukan kesalahan yang silam. Apabila pelbagai kemahiran digunakan sewaktu sesi intervensi seperti berfikir, mendengar, mentafsir, memberi cadangan penyelesaian kepada klien akan mengurangkan permasalahan klien dalam menangani permasalahan penyalahgunaan dadah. Melalui bantuan daripada pekerja sosial yang profesional serta agensi-agensi kerajaan seperti Agensi AntiDadah, Kementerian Kesihatan Malaysia, Hospital seluruh Semenanjung Malaysia dan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dalam mengurangkan permasalahan penyalahgunaan dadah. Profesion kerja sosial sangat penting bagi sebuah negara dan masyarakat dalam menangani permasalahan sosial.

6. Rujukan

- Ahmad Ismadi Ismail. (2022). Jiwa muda rapuh terjebak dadah. Sinar Harian Online. Shah Alam. <https://www.sinarharian.com.my/article/142431/BERITA/Semasa/Jiwa-muda-rapuh-terjebak-dadah>
- Amer Fawwaz Mohamad Yasid. (2022). Perkasa agama, institusi keluarga tangani isu salah guna dadah. Berita Harian Online. <https://www.bharian.com.my/rencana/lain-lain/2022/01/914343/perkasa-agama-institusi-keluarga-tangani-isu-salah-guna-dadah>
- Brenda Dubois, Karla Krogsrud Miley (2020). Social Work: An Empowering Profession, 9th Edition. Pearson e-Text. <https://www.pearson.com/us/higher-education/program/Dubois-Social-Work-An-Empowering-Profession-plus-My-Lab-Helping-Professions-with-Enhanced-Pearson-e-Text-Access-Card-Package-9th-Edition/PGM1767305.html>
- Ismail. Is. Ahmad. (2020). Remaja paling berisiko terlibat dadah. Sinar Harian Online. Shah Alam. <https://www.sinarharian.com.my/article/108916/BERITA/Nasional/Remaja-paling-berisiko-terlibat-dadah>
- Madya Dr. Foong Kin, Ibrahim Tamim Dr. Nor Saleha. (2012). *Penyalahgunaan Dadah*. MyPortalHealth. <http://www.myhealth.gov.my/penyalahgunaan-dadah/>
- Nazariah Shar'ie Bt. Janon, Nor Diana Bt. Mohd Mahudin, Azlin Bt Alwi, & Kamarul Akmar Bin Mukhtar. (2016). PEMBANGUNAN MODUL PROGRAM INTERVENSI KELUARGA UNTUK MENGURANGKAN PENYALAHGUNAAN DADAH DALAM TALIAN DAN MEDIA BAHARU: SATU KAJIAN ANALISIS KEPERLUAN. Agensi AntiDadah Kebangsaan. <https://www.adk.gov.my/wp-content/uploads/3-ARTIKEL-JURNAL-FAMILY-INTERVENTION.pdf>

Rozmi Ismail, Nor Azri Ahmad, Fauziah Ibrahim & Salina Nen (2017). Pengaruh Faktor Individu, Keluarga dan Persekitaran Sosial Terhadap Tingkah Laku Penyalahgunaan Bahan dalam Kalangan Remaja. Journal Article Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). http://journalarticle.ukm.my/7994/1/4NURZAIMAH_ASALAL.pdf

Kes Penderaan Kanak–Kanak Dalam Konteks Kerja Sosial

Nur Amirah Binti Ibrahim¹, Paramjit Singh Jamir Singh², Azlinda Azman³

^{1,2,3}Program Kerja Sosial, Pusat Pengajian Sains Kemasyarakatan, Universiti Sains Malaysia
Email: ¹amirahibrahim@student.usm.my, ²paramjit@usm.my

Abstrak

Penderaan kanak–kanak bukan satu isu yang baharu untuk diperkatakan atau dipersoalkan bahkan ianya telah menjadi isu yang membelenggu masyarakat pada masa kini. Kajian ini dilakukan adalah bertujuan untuk melihat sejauh manakah kes penderaan kanak–kanak di Malaysia berlaku. Objektif utama kajian ini adalah mengenalpasti punca penderaan dan latar belakang pendera serta mengenalpasti bentuk penderaan yang mungkin berlaku ke atas kanak–kanak apabila mereka didera. Reka bentuk kajian yang digunakan adalah dengan merujuk situasi kes yang mana menggunakan pendekatan kerja sosial dan mendapatkan maklumat melalui sumber sekunder iaitu laman web, artikel, dan penulisan kajian lepas. Hasil kajian mendapati tekanan yang dihadapi dalam kehidupan harian, terlibat dalam penagihan dadah dan alkohol, masalah ekonomi serta pengalaman trauma penderaan yang dialami sebagai faktor yang mendorong penderaan terhadap kanak–kanak. Golongan yang terlibat dalam melakukan penderaan ke atas kanak–kanak terdiri daripada golongan terdekat sahaja yang mana bertanggungjawab menjaga mereka iaitu ibu bapa dan penjaga atau pengasuh. Manakala bentuk penderaan yang berlaku adalah dari segi fizikal, emosi, seksual dan pengabaian. Implikasinya, pekerja sosial perlu mengambil kira akan permasalahan ini dalam menyediakan intervensi dan rawatan untuk mereka yang terlibat dalam penderaan. Dalam usaha melindungi kanak–kanak ini komitmen secara kolektif daripada pihak bertanggung jawab serta anggota masyarakat amat diperlukan.

Kata kunci: Faktor penderaan; bentuk penderaan; intervensi.

1. Pengenalan

Kanak–kanak didefinisikan sebagai seseorang yang berada di bawah umur 18 tahun (Jabatan Kebajikan Masyarakat, 2016). Dasar Kanak–Kanak Negara merupakan dasar yang memperjuangkan hak kanak–kanak di mana dalam dasar tersebut menyebut bahawa setiap kanak–kanak mempunyai hak untuk mendapatkan kelangsungan hidup, perlindungan, perkembangan dan penyertaan kanak–kanak (Jabatan Kebajikan Masyarakat, 2016). Hal ini bertujuan untuk memastikan setiap kanak–kanak ini dapat menikmati peluang dan ruang yang sepatutnya mereka dapat bagi mencapai perkembangan holistik dalam persekitaran yang kondusif. Kanak–kanak merupakan amanah yang perlu dijaga dan diberi perlindungan namun begitu terdapat segelintir manusia yang mengabaikan tanggungjawab tersebut. Hal ini dikatakan demikian kerana, kanak–kanak pada hari ini sering menjadi mangsa penderaan yang mana penderaan terhadap mereka telah didorong oleh beberapa perkara seperti yang dapat kita lihat di dalam dada akhbar dan media massa.

Penderaan kanak–kanak bukan satu isu yang baharu untuk diperkatakan atau dipersoalkan bahkan ianya telah menjadi isu yang membelenggu masyarakat pada masa kini.

Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) telah mentakrifkan penderaan kanak–kanak sebagai suatu penderaan yang melibatkan dalam bentuk fizikal, emosi, seksual dan pengabaian (Majalah Sains, 2018). Peningkatan kes penderaan kanak–kanak amat membimbangkan kerana penderaan kanak–kanak boleh menyebabkan kanak–kanak mengalami kecederaan serius, kecacatan serta boleh membawa kepada kematian. Kes penderaan kanak–kanak ini merupakan satu masalah sosial yang perlu diberi perhatian yang serius kerana bilangan kes penderaan kanak–kanak ini dilihat semakin hari semakin meningkat dan membimbangkan. Oleh itu, semua pihak tidak harus memandang enteng akan masalah ini kerana ianya melibatkan nyawa kanak–kanak.

2. Situasi Kes

Kes penderaan terhadap kanak–kanak merupakan satu perbuatan yang zalim dan tidak berperikemanusiaan. Hal ini dikatakan demikian kerana, penderaan terhadap kanak–kanak telah memberi impak negatif ke atas diri mereka di mana perbuatan mendera menyebabkan mereka berada dalam situasi trauma atau ketakutan. Penderaan yang berlaku ke atas kanak–kanak ini biasanya melibatkan penderaan dari segi fizikal, emosi, seksual dan pengabaian. Penderaan yang berlaku terhadap kanak–kanak telah memberi kesan yang cukup luar biasa bukan hanya meninggalkan kesan luka dan parut semata–mata malahan ianya turut mengganggu emosi dan mental mereka.

3. Corak Intervensi Pekerja Sosial dalam Mengurangkan atau Menyelesaikan Kes Penderaan Kanak–Kanak

Kes penderaan terhadap kanak–kanak merupakan kes yang amat membimbangkan pada hari ini. Kes penderaan ini merupakan isu yang sensitif pada kita semua kerana apabila kes penderaan ini heboh di media sosial ada diantara kita akan marah dan sedih. Namun hakikatnya perasaan itu hanyalah sementara kerana kebiasaannya kita akan lupa pada keesokkannya sedangkan kanak–kanak tersebut terpaksa melalui detik itu untuk sepanjang hidup. Kes penderaan terhadap kanak–kanak perlu dibendung dan diatasi dengan kadar segera. Hal ini dikatakan demikian kerana, penderaan yang berlaku terhadap kanak–kanak telah memberi kesan yang cukup luar biasa bukan hanya meninggalkan kesan luka dan parut semata–mata malahan ianya turut mengganggu emosi dan mental mereka (Sinar Harian, 2022).

Kita juga sedia maklum bahawa pelbagai pihak telah sedaya upaya menangani permasalahan ini namun masalah ini tetap membelenggu masyarakat kita pada hari ini. Hal ini terbukti apabila berita berkaitan penderaan terhadap kanak masih dilaporkan berlaku malahan semakin bertambah bilangan kes kanak–kanak yang terlibat dalam penderaan pada setiap tahun. Oleh itu, penglibatan semua pihak sama ada individu, kumpulan dan komuniti sangat penting dalam menangani kes penderaan terhadap kanak–kanak kerana mereka berhak untuk mendapat penjagaan dan perlindungan yang terbaik daripada kita semua khususnya daripada keluarga mereka sendiri. Sebagai seorang pekerja sosial yang profesional tindakan sewajarnya perlu diambil bagi membantu mengurangkan atau menyelesaikan kes penderaan terhadap kanak–kanak. Berikut merupakan corak intervensi yang boleh dimainkan oleh seorang pekerja sosial dalam mengurangkan atau menyelesaikan kes penderaan terhadap kanak–kanak;

Pendidikan keibubapaan merupakan salah satu tindakan intervensi yang boleh dilakukan bagi membendung masalah penderaan kanak–kanak ini. Pihak–pihak terlibat perlulah mengadakan mengadakan kelas–kelas bimbingan bagi memberikan pendidikan keibubapaan kepada ibu bapa dan pengasuh atau penjaga bagi menyedarkan mereka akan tanggungjawab yang besar harus dipikul apabila menjaga kanak–kanak. Ibu bapa dan pengasuh atau penjaga perlu mempunyai pengetahuan, kemahiran dan asas ilmu penting tentang kanak–kanak kerana pengetahuan yang secukupnya berkaitan cara menjaga dan mendidik akan memimpin ibu bapa dan pengasuh atau penjaga menjaga kanak–kanak dengan sempurna. Dengan adanya pendedahan pendidikan ini kepada ibu bapa dan penjaga atau pengasuh ianya secara tidak langsung dapat mengurangkan kes penderaan kanak–kanak.

Kes penderaan kanak–kanak dapat dibendung sekiranya masyarakat lebih **peka dengan keadaan sekeliling**. Masyarakat dianggap sebagai ‘mata dan telinga’ pihak berkuasa sekiranya berlaku kes penderaan terhadap kanak–kanak. Jika mendapati ada individu yang melakukan penderaan terhadap kanak–kanak masyarakat perlu segera melaporkan perkara ini agar tindakan segera boleh diambil ke atas mereka. Dalam menangani permasalahan ini, masyarakat tidak seharusnya mementingkan diri sehingga mengabaikan keadaan di sekeliling mereka. Masyarakat perlu menanamkan sikap jaga tepi kain orang lain untuk mengetahui setiap apa yang berlaku di sekeliling terutamanya dalam membendung kes penderaan terhadap kanak–kanak ini. Sememangnya istilah menjaga tepi kain orang lain menggalakkan kita untuk tidak menyibuk hal orang lain namun begitu dalam permasalahan ini istilah tersebut amat diperlukan kerana ingin membendung kes penderaan terhadap kanak–kanak. Tanpa bantuan daripada masyarakat sekeliling sudah tentu kes penderaan terhadap kanak –kanak masih berleluasa sehingga ke hari ini. Oleh sebab itu, peranan semua masyarakat dalam menangani permasalahan ini amatlah diperlukan supaya kes penderaan ini dapat diatasi dengan kadar segera.

Penderaan terhadap kanak–kanak boleh dibendung melalui **Penguatkuasaan undang–undang**. Mereka yang bersalah dalam mendera kanak–kanak perlu diambil tindakan undang–undang untuk dijatuhkan hukuman yang setimpal dengan perbuatan yang mereka lakukan. Dalam menangani perkara ini juga, anggota masyarakat yang mengetahui tentang penderaan terhadap kanak–kanak seharusnya berani tampil untuk menjadi saksi kepada kes penderaan ini supaya dapat membantu memberi maklumat tentang kes ini bagi mengukuhkan lagi bukti untuk disabitkan kesalahan ke atas pendera. Jika disabitkan kesalahan, pendera ini boleh dianggap sebagai penjenayah dan dihukum rotan atau penjara kepada mereka. Hal ini bertujuan untuk memberi pengajaran dan kesedaran kepada mereka agar tidak mengulangi kesilapan yang sama. Secara tidak langsung, perkara ini juga dapat memberi kesedaran kepada orang di luar sana supaya tidak melakukan penderaan terhadap kanak–kanak kerana hukuman yang sama akan dikenakan sekiranya mereka melakukan penderaan terhadap kanak–kanak. Oleh sebab itu, bagi memastikan undang–undang sedia ada ini berkesan maka anggota masyarakat perlulah memainkan peranan yang besar dalam membantu pihak yang berwajib bagi menangani permasalahan ini agar kes penderaan terhadap kanak–kanak dapat diatasi dengan kadar segera.

4. Faktor Berlakunya Kes Penderaan Kanak–Kanak

Kes penderaan kanak–kanak dianggap sebagai suatu masalah peribadi kerana golongan yang terlibat dalam melakukan penderaan ke atas kanak–kanak terdiri daripada golongan terdekat sahaja yang mana bertanggungjawab dalam menjaga mereka iaitu ibu bapa, pengasuh atau

penjaga. Keadaan ini menyebabkan mereka memilih untuk menyembunyikan perkara tersebut daripada pengetahuan orang lain kerana mereka menganggap sekiranya mereka melaporkan penderaan ini, ianya akan memalukan kedua-dua pihak serta bimbang sekiranya akan dikenakan hukuman kerana individu tersebut merupakan kenalan mereka sendiri.

Tambahan pula, ada saksi luar yang menyaksikan penderaan ini juga takut untuk melaporkan kejadian tersebut kerana bimbang akan keselamatan diri sendiri (Sinar Harian, 2021). Menyembunyikan hal sebenar daripada diketahui pihak bertanggungjawab merupakan satu tindakan yang tidak wajar untuk dilakukan kerana kanak-kanak akan terus berada dalam situasi ketakutan kerana mereka tidak mendapatkan rawatan yang sepatutnya setelah didera.

Faktor tekanan hidup merupakan salah satu faktor yang mendorong berlakunya penderaan terhadap kanak-kanak. Penderaan kanak-kanak berlaku apabila pendera mengalami tekanan dalam kehidupan seharian mereka. Keadaan ini telah mempengaruhi mereka untuk bertindak di luar kawal sehingga menimbulkan kecederaan fizikal terhadap kanak-kanak kerana mereka tidak dapat mengawal emosi pada ketika itu. Hal ini dikatakan demikian kerana, pelaku berada dalam keadaan tertekan maka mereka tidak boleh berfikir secara rasional pada ketika itu menyebabkan mereka bertindak mengikut emosi dan perasaan. Teori Freud ada menyatakan bahawa seseorang yang menghadapi tekanan hidup yang serius akan melalui perlakuan mengejut dan luar biasa sehingga menyebabkan kecederaan kepada orang lain.

Faktor penagihan dadah dan alkohol oleh pendera turut menyumbang kepada kes penderaan terhadap kanak-kanak. Penderaan berlaku kerana pengambilan dadah dan alkohol menyebabkan seseorang itu menjadi tidak waras. Hal ini dikatakan demikian kerana, dadah dan alkohol memabukkan dan mengkhayalkan menyebabkan mereka hilang pertimbangan dan perikemanusiaan. Sebagai contohnya, pendera yang berada di bawah kawalan dadah ataupun alkohol kebiasaannya menjadi seorang yang agresif dalam semua perkara termasuk melakukan penderaan seksual dan penderaan fizikal. Seperti mana yang dipaparkan di dalam akhbar dan media massa, kebanyakan kes penderaan terhadap kanak-kanak yang berlaku pada hari ini banyak melibatkan pendera yang berada di bawah pengaruh dadah dan alkohol.

Faktor permasalahan ekonomi juga menjadi salah satu punca kepada berlakunya kes penderaan kanak-kanak. Masalah kewangan dan kos sara hidup yang tinggi menyebabkan pendera mengalami tekanan dalam kehidupan kerana sumber kewangan yang ada sekarang tidak mencukupi bagi menampung kelangsungan hidup. Keadaan ini memaksa pelaku untuk bertindak di luar kawalan apabila mereka sanggup memaksa kanak-kanak ini untuk menjadi pengemis di jalanan meskipun di usia yang kecil dengan tujuan dapat meringankan beban mereka. Permasalahan ekonomi ini juga menyebabkan kanak-kanak dianggap sebagai beban kerana pendera terpaksa menanggung segala keperluan dan kelengkapan kanak-kanak tersebut. Maka secara tidak langsung akan wujud pengabaian terhadap kanak-kanak tersebut kerana mereka merasakan kanak-kanak ini beban yang berat kepada mereka.

Pengalaman trauma penderaan yang dialami juga merupakan salah satu faktor yang menyumbang kepada berlakunya penderaan kanak-kanak. Pendera berkemungkinan mempunyai pengalaman melihat orang lain didera atau pernah menjadi mangsa penderaan. Sekiranya pendera ini pernah menjadi mangsa kepada penderaan atau mempunyai pengalaman melihat

berlakunya keganasan maka potensi untuk mereka turut sama melakukan penderaan yang sama terhadap orang lain juga akan berlaku. Hal ini dikatakan demikian kerana, pendera mungkin menyimpan rasa dendam dalam tempoh yang lama akibat tekanan yang dialami sebelum ini dan perkara ini telah mendorong mereka untuk mendera sama sepertimana situasi mereka terdahulu bagi tujuan melepaskan rasa dendam yang terbuku selama ini. Mungkin dengan berbuat demikian perkara tersebut akan mendatangkan kepuasan dalam diri mereka tanpa mereka sedar akan kesan yang akan berlaku nanti.

5. Peranan Pekerja Sosial dalam Mengurangkan atau Menyelesaikan Kes Penderaan Kanak–Kanak

Peranan pekerja sosial dalam menangani kes penderaan terhadap kanak–kanak adalah sangat penting bagi membantu mengurangkan atau menyelesaikan masalah yang sedang dihadapi oleh kanak–kanak ini. Berikut merupakan peranan yang boleh dimainkan oleh seorang pekerja sosial dalam menangani kes penderaan terhadap kanak–kanak;

Pekerja sosial berperanan sebagai broker di mana membantu menghubungkan kanak–kanak yang mengalami mangsa penderaan ini kepada sesuatu perkhidmatan yang menjaga atau menguruskan kes penderaan terhadap kanak–kanak. Sebagai contohnya, pekerja sosial (broker) merujuk kanak–kanak mangsa penderaan kepada pakar terapi atau pengurusan kes. Hal ini bertujuan untuk mendapatkan perkhidmatan kaunseling yang lebih berkesan ke atas kanak–kanak mangsa penderaan kerana mereka mengalami penderaan yang sangat hebat yang mana memberi kesan kepada perkembangan minda, fizikal dan tingkah laku akibat daripada penderaan dari segi fizikal, emosi, seksual dan pengabaian yang dilakukan oleh pendera. Jika tindakan ini tidak diambil, kanak–kanak tersebut akan terus menghadapi masalah dalam perkembangan emosi mereka kerana tiada rawatan yang sewajarnya ke atas mereka secara tidak langsung mereka akan mengalami ketakutan atau trauma yang berpanjangan dalam kehidupan mereka.

Pekerja sosial juga boleh menjadi broker kepada pendera dengan membantu mereka mendapatkan khidmat kaunseling. Pendekatan ini sangat digalakkan kerana mereka akan diberi intervensi yang berkesan dalam menangani penderaan terhadap kanak–kanak. Hal ini bertujuan untuk membantu memberi pertolongan terhadap masalah apa yang dialami mereka sehingga bertindak melakukan penderaan terhadap kanak–kanak secara tidak langsung ianya juga boleh memberi kesedaran kepada mereka terhadap perbuatan yang dilakukan setelah mendapatkan khidmat kaunseling. Melalui pendekatan ini juga mereka akan lebih belajar untuk menghargai kanak–kanak meskipun berada dalam sesulit apa jua situasi.

Peranan sebagai seorang advokator juga merupakan peranan yang boleh dimainkan oleh pekerja sosial dalam menangani kes penderaan terhadap kanak–kanak. Pekerja sosial akan bertindak sebagai peguam bela bagi kanak–kanak mangsa penderaan yang bertujuan untuk membela nasib mereka. Pendekatan ini sangat wajar dilakukan kerana ianya dapat mengurangkan kes penderaan terhadap kanak–kanak. Hal ini dikatakan demikian kerana, mereka merupakan golongan di bawah umur dan tidak boleh melantik peguam untuk membela mereka. Oleh sebab itu, pendekatan ini boleh diambil oleh pekerja sosial bagi memastikan nasib mereka terbela secara tidak langsung perkara ini dapat membuka minda masyarakat bahawa kanak–kanak juga memerlukan pembelaan yang sewajarnya meskipun mereka berada di bawah umur. Sekiranya tiada pembelaan ke atas nasib mereka sudah tentu pendera akan terus melakukan

penderaan terhadap kanak–kanak kerana mereka fikir tiada tindakan yang diambil ke atas perbuatan mereka.

Pekerja sosial juga boleh berperanan sebagai aktivis bagi membantu mengurangkan atau menyelesaikan kes penderaan terhadap kanak–kanak. Pekerja sosial mengadakan gerakan kempen kesedaran kes penderaan terhadap kanak–kanak. Pendekatan ini diambil bertujuan untuk meningkatkan kesedaran dan memperkasakan kepada komuniti setempat dalam melaporkan kes penderaan terhadap kanak–kanak. Hal ini dikatakan demikian kerana, terdapat segelintir masyarakat yang tidak peka dengan keadaan sekeliling yang menyebabkan masalah ini masih lagi tidak dapat dibendung. Oleh sebab itu, pekerja sosial bergerak sebagai aktivis agar dapat meningkatkan kesedaran dan memperkasakan komuniti dalam sama–sama membantu menangani kes penderaan terhadap kanak–kanak kerana mereka berhak untuk hidup dan membesar dalam persekitaran yang harmoni.

6. Kesimpulan

Kesimpulannya, kes penderaan terhadap kanak–kanak merupakan satu jenayah yang dianggap kejam dan tidak berperikemanusiaan kerana penderaan yang berlaku boleh menyebabkan kanak–kanak mengalami kecederaan serius, kecacatan serta boleh membawa kepada kematian. Oleh sebab itu, tindakan sewajarnya perlu diambil bagi menangani permasalahan ini kerana kanak–kanak merupakan insan lemah yang memerlukan bantuan daripada kita semua. Dalam usaha menangani kes penderaan terhadap kanak–kanak ini, semua pihak perlulah sama–sama berganding bahu dalam membantu mengatasi permasalahan ini agar kes penderaan ini dapat diatasi dengan jayanya.

7. Rujukan

- Jabatan Kebajikan Masyarakat. (2016, Ogos 02). *Dasar Kanak–Kanak Negara*.
<https://www.jkm.gov.my/jkm/index.php?r=portal/left&id=VEliZUhrbWc2VC9wM3hEVWxTWVVFdz09>
- Majalah Sains. (2018, Julai 11). *Bentuk Penderaan Kanak–Kanak dan Undang–Undang Berkaitan*. <https://www.majalabsains.com/bentuk-penderaan-kanak-kanak-dan-undang-undang-berkaitan/>
- Sinar Harian. (2021, April 20). *Kes Dera Kanak–Kanak: Kena Ada Sikap Peduli*.
<https://www.sinarharian.com.my/article/134424/SUARA-SINAR/Analisis-Sinar/Kes-dera-kanak-kanak-Kena-ada-sikap-peduli>

Perkahwinan Kanak-kanak Di bawah Umur

Ainon Jari'ah Amirullah¹, Muhamad Badrul Amin Mohd Yusoff², Muhammad Iffat Ahmad Nazri³, Muhammad Mifzal Muhaimin Zaini⁴, Paramjit Singh Jamir Singh⁵
^{1,2,3,4,5}Program Kerja Sosial, Pusat Pengajian Sains Kemasyarakatan Universiti Sains Malaysia
Email: ¹ainonjamirullah@student.usm.my, ⁵paramjit@usm.my

Abstrak

Penelitian ini bertujuan untuk mengkaji isu perkahwinan kanak-kanak di bawah umur yang telah menjadi perbincangan oleh golongan intelektual kerana telah melanggar norma budaya masyarakat sekaligus menghadkan dunia kanak-kanak yang sepatutnya bermain tetapi telah dibebani dengan tanggungjawab rumahtangga. Perkahwinan kanak-kanak didefinisikan sebagai kanak-kanak lelaki dan perempuan yang berusia di bawah umur 18 tahun berkahwin secara berdaftar atau tidak berdaftar dan hidup bersama-sama sebagai sebuah pasangan suami isteri. Perkahwinan kanak-kanak memberi kesan terhadap kedua-dua jantina tetapi lebih banyak memberi kesan negatif terhadap kanak-kanak perempuan. Dianggarkan, sekurang-kurangnya 1500 kanak-kanak berkahwin setiap tahun dan setakat tahun 2018 serta secara spesifiknya seramai 1856 kanak-kanak berkahwin di negara Malaysia. Kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti impak yang dihadapi oleh kanak-kanak yang berkahwin di bawah umur. Selain itu, beberapa faktor yang diperolehi berdasarkan analisis data adalah disebabkan oleh stigma dan norma sosial yang membenarkan perkahwinan kanak-kanak, pendapatan isi rumah rendah dan kemiskinan serta kekurangan akses kepada pendidikan dan kadar kehadiran ke sekolah yang rendah. Metodologi kajian yang digunakan adalah kaedah kualitatif dengan menganalisis kesan-kesan yang dapat diperhatikan apabila kanak-kanak tersebut berkahwin di bawah umur. Responden bagi kajian ini berusia di dalam kalangan usia 12-17 tahun. Dapatan kajian juga menunjukkan bahawa kesan-kesan negatif perkahwinan kanak-kanak lebih banyak berbanding kesan positif.

Kata kunci : Perkahwinan kanak-kanak; kesan negatif; stigma; norma sosial.

1. Pengenalan

Menurut Nour (2006) perkahwinan kanak-kanak diertikan sebagai perkahwinan yang melibatkan kanak-kanak yang berumur bawah 18 tahun. Terdapat gelaran lain dari perkahwinan kanak-kanak iaitu antara ialah perkahwinan awal dan pengantin kanak-kanak. Perkahwinan kanak-kanak ini juga merupakan adat kuno yang diamalkan oleh seluruh dunia. Menurut Unicef (2000) perkahwinan kanak-kanak didefinisikan sebagai perkahwinan kanak-kanak lelaki dan kanak-kanak perempuan yang masih belum mencapai had umur 18. Asia Selatan memiliki peratusan yang tertinggi dalam perkahwinan kanak-kanak di dunia. Asia selatan telah mencatatkan 45 peratus perkahwinan kanak-kanak.

Menurut Vignes (2019) di Malaysia sering kali menjadi isu tentang undang-undang perkahwinan untuk berkahwin di usia muda. Bagi kanak-kanak yang bukan beragama Islam di seluruh Malaysia, mereka dibenarkan untuk berkahwin di usia 18 jika mendapat persetujuan dari ibu bapa. Tetapi jika ibu bapa tidak membenarkan perkahwinan di usia muda, maka mereka perlu menunggu umur mereka menginjak 21 tahun untuk berkahwin. Ini termaktub di bawah Seksyen 12 Akta Membaharui Undang-undang (Perkahwinan dan Perceraian) 1976. Pada tahun

2018, negara Malaysia telah dikejutkan oleh perkahwinan rakyat Malaysia yang berumur 41 tahun telah menikahi kanak-kanak berwarga negara Thailand yang berusia 11 tahun. Perkahwinan mereka dilangsungkan di Selatan Thailand. Hal ini telah mendapat perhatian oleh Timbalan Menteri ketika itu iaitu Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail dengan memberi kenyataan bahawa perkahwinan mereka itu tidak sah mengikut enakmen undang-undang keluarga Islam.

Menurut Lim (2020) negeri Sarawak merupakan negeri yang tertinggi yang mencatatkan angka permohonan untuk perkahwinan kanak-kanak iaitu sebanyak 543 permohonan pada tahun 2020. Negeri Kelantan di tempat kedua iaitu sebanyak 80 dan Sabah sebanyak 63. Walaubagaimanapun Kementerian tidak mendedahkan seberapa banyak permohonan telah dilulus untuk membenarkan perkahwinan kanak-kanak.

2. Kesan Negatif Perkahwinan Kanak-Kanak

2.1 Risiko Keganasan Rumah Tangga

Keganasan rumah tangga bermaksud perlakuan keganasan terhadap pasangan atau bekas pasangan. Ia terdiri daripada fizikal dan gangguan seksual, keganasan pertuturan, ugutan, gangguan, pengabaian emosi dan juga kewangan. Keganasan rumah tangga ini kebiasaannya akan sering berlaku dan juga berulang disebabkan pasangan tersebut ingin terus berkuasa dan mahu mengawal mangsa. Mangsa yang sering terlibat dalam keganasan rumah tangga ini adalah daripada kaum wanita terutamanya wanita yang lebih muda dan dibawah umur.

Walaupun perkahwinan itu adalah untuk mendapatkan ketenangan hidup, kasih sayang, dan ketenteraman, namun apabila melibatkan perkahwinan kanak-kanak banyak kesan negatif yang telah berlaku seperti keganasan rumah tangga. Gadis yang berkahwin sebelum berumur 18 tahun mempunyai risiko ini berbanding mereka yang berkahwin pada usia yang lebih tua. Di seluruh dunia, perempuan yang berkahwin pada usia 15 tahun mempunyai 50% pengalaman didera berbanding yang berkahwin pada usia selepas 18 tahun. Hal ini kerana, kanak-kanak yang berkahwin awal tersebut masih mentah dalam perkara rumah tangga dan mungkin perkahwinan tersebut atas faktor keluarga, seks dan lain-lain. Kanak-kanak tersebut itu juga mungkin mengimpikan rumah tangga yang bahagia seperti yang mereka lihat di dalam drama-drama dan sebagainya namun sebaliknya. Hal ini kerana kanak-kanak yang berkahwin pada usia yang awal ini akan menjadi mangsa keganasan dan tempat melepaskan geram dan marah oleh suami. Sebagai contohnya, suami yang mempunyai masalah kewangan akan melepaskan tekanan beliau terhadap isteri. Apabila berlakunya keganasan terhadap isteri yang dibawah umur ini, mereka tidak mempunyai kuasa dan kekuatan untuk melawan semula keganasan yang dilakukan oleh suami mereka lebih-lebih lagi suami yang jauh lebih tua dari mereka. Pelbagai keganasan yang dilakukan terhadap mereka seperti penderaan fizikal dan juga mental. Kanak-kanak perempuan yang berkahwin di usia yang muda ini juga kekurangan sumber atau sokongan undang-undang dan sosial untuk meninggalkan perkahwinan.

Jelaslah bahawa perkahwinan kanak-kanak dibawah umur ini mempunyai risiko yang sangat tinggi untuk menjadi mangsa keganasan rumah tangga berdasarkan bukti dan kes yang telah berlaku di dalam negara mahupun luar negara.

2.2 Risiko Kehamilan Awal

Kehamilan kanak-kanak bermaksud kehamilan yang berlaku pada perempuan yang berumur di antara 10 hingga 18 tahun. Pelbagai kesan dan risiko kehamilan awal yang akan ditanggung oleh kanak-kanak yang berkahwin awal ini kerana bukan sahaja akan menanggung masalah seperti kebiasaan yang dihadapi oleh orang yang hamil malah mereka ini akan mendapat risiko yang lebih banyak lagi seperti masalah mental, kewangan, sosial dan juga risiko kematian.

Kanak-kanak yang berkahwin awal dan kehamilan awal ini berisiko tinggi untuk mendapat masalah mental seperti tekanan, kemurungan dan sebagainya. Hal ini kerana mereka ini selalunya tidak bersedia untuk menjadi ibu pada umur yang terlalu muda. Ini juga mungkin mereka tiada perancangan untuk hamil pada usia tersebut namun mungkin disebabkan kurang ilmu dan pengetahuan kanak-kanak tersebut hamil pada usia yang awal. Selain itu, masalah ini juga akan membuatkan kanak-kanak yang berkahwin pada usia kanak-kanak tersebut lebih buntu kerana kurang sokongan daripada keluarga, suami, dan juga masyarakat. Kesan daripada itu, mereka akan berasa malu dan kurang keyakinan. Seterusnya, sekiranya kehamilan awal ini berlaku, pelbagai masalah kesihatan yang berkaitan dengan kehamilan awal ini antaranya ialah masalah kepada bayi yang akan lahir seperti kurang berat lahir (kurang 2.5kg), kelahiran bayi yang pramatang. Masalah ini selalunya berlaku apabila melahirkan anak dari jangkakan atau kurang dari 37 minggu. Kematian bayi juga banyak berlaku disebabkan tidak mendapat penjagaan kesihatan yang baik daripada ibu yang melahirkan pada usia yang awal. Disamping itu, risiko kepada yang melahirkan pula adalah seperti berlakunya tekanan darah yang tinggi dan sering berlaku kepada kehamilan yang pertama dan lebih-lebih lagi kepada yang hamil pada usia yang muda. Kesan yang kedua pula adalah kesukaran sewaktu proses melahirkan disebabkan pinggul yang sempit (Obstructive labour) dan terpaksa melakukan penggunaan alat untuk membantu proses kelahiran (Instrumentation delivery). Disebabkan itu, perempuan dibawah umur itu akan menghadapi masalah kekurangan darah/ anaemia dan komplikasi yang berlaku sewaktu kelahiran boleh menyebabkan berlakunya kematian.

Oleh itu, kehamilan awal yang terjadi oleh perkahwinan kanak-kanak ini menunjukkan pelbagai kesan negatif dan risiko sekiranya hamil pada usia yang muda. Oleh itu, perancangan dalam proses kehamilan ini perlu diatur baik untuk mengelakkan komplikasi tersebut berlaku.

2.3 Peluang Pendidikan

Pendidikan merangkumi proses pengajaran dan pembelajaran kepakaran khusus, dan juga sesuatu yang tidak dapat dilihat tetapi lebih mendalam seperti pemberian pengetahuan, pertimbangan, kemahiran dan kebijaksanaan. Salah satu matlamat asas pendidikan adalah untuk mengajar kebudayaan melangkaui generasi. Pendidikan boleh berlaku dalam situasi formal atau tidak formal dan setiap pengalaman yang mempunyai kesan formatif terhadap seseorang berfikir, merasakan, atau bertindak dapat dianggap sebagai pendidikan. Pendidikan juga merupakan sesuatu yang sangat penting terhadap seseorang individu pada ketika ini untuk pelbagai aspek. Antaranya adalah untuk mendapatkan pekerjaan yang baik, pengetahuan yang luas, dan sebagainya. Namun begitu, pendidikan ini masih lagi terbatas untuk seseorang untuk dipelajari termasuk kepada kanak-kanak yang berkahwin di usia yang muda tersebut.

Kanak-kanak yang berkahwin pada usia yang muda majoritinya tidak lagi mendapat peluang pendidikan. Hal ini kerana terdapat kanak-kanak yang berhenti belajar pada usia 14 tahun dan berkahwin. Pada usia tersebut sepatutnya mereka masih belajar kerana pelajaran amat penting bagi semua individu bukan sahaja kanak-kanak yang berkahwin pada usia muda sahaja. Di Malaysia mahupun luar negara pendidikan merupakan keutamaan dan kepentingan bagi seseorang untuk memastikan generasi akan datang mampu untuk melanjutkan pendidikan ke peringkat yang lebih tinggi dan akan menjadi peneraju kepada negara. Namun disebabkan berkahwin pada usia yang muda, pendidikan itu menjadi terbatas atas sebab beberapa faktor. Antaranya ialah menguruskan hal rumah tangga, masalah kewangan, masa dan sebagainya. Mereka ini perlu berfikir dan juga berbincang bersama pasangan mereka sekiranya untuk mendapatkan pendidikan tersebut dan hampir 80% tidak mendapat peluang tersebut.

Hal ini kerana, ramai pasangan yang tidak mengizinkan untuk mereka untuk mendapatkan pendidikan tersebut atas alasan seperti boleh menanggung kehidupan dan sebagainya. Maka statistik individu yang tidak mendapat pendidikan di Malaysia juga akan meningkat. Sekiranya ramai kanak-kanak yang terlibat dengan perkahwinan kanak-kanak maka pelbagai kesan negatif yang akan terjadi terhadap individu, masyarakat, dan juga negara. Disamping itu, sekiranya kanak-kanak tersebut tidak mendapat pendidikan, mereka juga tidak akan mempunyai ilmu-ilmu yang luas terutamanya berkaitan dengan rumah tangga. Contohnya, sekiranya mereka menjadi mangsa dera ataupun sebagainya mereka tidak tahu untuk melakukan sesuatu kerana kekurangan ilmu dan pengetahuan yang berkaitan tersebut.

Jelaslah bahawa pendidikan amatlah penting kepada semua individu. Sekiranya peluang pendidikan ini terbatas kepada kanak-kanak yang berkahwin pada usia bawah umur maka pihak kerajaan sewajarnya mempertimbangkan semula akta perkahwinan dan tegas dalam isu perkahwinan kanak-kanak tersebut. Hal ini kerana perkahwinan kanak-kanak ini memberikan pelbagai halangan termasuk dalam aspek pendidikan yang akan memberikan kesan buruk kepada semua pihak.

3. Analisis Data Perkahwinan Kanak-Kanak Bawah Umur di Malaysia

Menurut sumber daripada *UNICEF*, Keluarga dan Masyarakat anggaran global perkahwinan kanak-kanak pada tahun 2019 terhadap kanak-kanak perempuan adalah seramai 12 juta kanak-kanak perempuan di bawah umur 18 tahun berkahwin setiap tahun. 1 daripada 5 wanita muda berusia 20 hingga 25 tahun berkahwin sebelum hari lahir ke-18 berbanding 1 daripada 30 lelaki muda. Hal ini bermakna 23 kanak-kanak di dunia berkahwin setiap minit

Walau bagaimanapun, anggaran di Malaysia mencatatkan sekurang-kurangnya 1500 kanak-kanak berkahwin setiap tahun. Menurut kajian, pada tahun 2018 sahaja seramai 1856 kanak-kanak telah berkahwin dan 90% daripadanya adalah kanak-kanak perempuan dengan catatan 83% merupakan kanak-kanak beragama islam manakala 17% kanak-kanak bukan beragama islam. Dalam pada itu, negeri yang mencatatkan jumlah tertinggi kanak-kanak yang berkahwin di bawah umur adalah negeri Sabah.

Menurut sumber daripada Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, undang-undang adat sabah dan sarawak tidak menetapkan sama sekali had umur minimum untuk berkahwin. Hal ini bermaksud, di negeri dibawah bayu ini masyarakat bebas

berkahwin walaupun dalam lingkungan umur kanak-kanak menjadi faktor dua negeri ini mencatatkan jumlah tertinggi kes perkahwinan kanak-kanak di bawah umur.

Dalam pada itu, pada tanggal 16 Oktober 2018 kerajaan telah mempersembahkan kepada Pre Council Majlis Raja-Raja Melayu dan membentangkan kepada Mensyarat Menteri Besar dan Ketua Menteri berkenaan dengan cadangan menaikkan umur minimum perkahwinan kepada 18 tahun. Namun hanya lima buah negeri sahaja yang bersetuju meminda akta tersebut iaitu Melaka, Perak Johor, Sabah dan Pulau Pinang manakala tujuh lagi negeri tidak bersetuju iaitu Perlis, Kelantan, Kedah, Terengganu, Pahang, Sarawak dan Negeri-9.

Dalam sidang media yang telah direkodkan pada tahun 2019 yang lalu, menurut Menteri Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat Dr. Wan Azizah berucap bahawa. “Pindaan Akta untuk menetapkan umur perkahwinan 18 tahun ke atas hanya boleh dilakukan sekiranya mendapat persetujuan daripada kerajaan negeri kerana undang-undang keluarga Islam, perkahwinan dan adat negeri terletak di bawah bidang kuasa negeri.

Seterusnya, menurut statistik yang dikeluarkan oleh Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia. Pada tahun 2013 hingga 2018 permohonan perkahwinan kanak-kanak beragama Islam sahaja yang mencatatkan jumlah tertinggi adalah negeri Sarawak sebanyak 974 permohonan diikuti dengan negeri Kelantan sebanyak 877 dan ketiga adalah negeri Sabah sebanyak 848 permohonan bagi negeri tersebut.

Isu perkahwinan di bawah umur tidak hanya dibincangkan mengenai kanak-kanak beragama Islam sahaja. Menurut laporan, perkahwinan kanak-kanak dalam kalangan orang bukan Islam telah meningkat sebanyak 20% setiap tahun. Menurut statistik daripada *National Registration Department* pada tahun 2015 jumlah kes perkahwinan bawah umur sebanyak 436 meningkat kepada 596 pada tahun 2016. Kemudian pada tahun 2017 kes perkahwinan di bawah umur terus meningkat kepada 741 dan terus menunjukkan trend peningkatan pada tahun berikutnya iaitu 2018 sebanyak 779.

4. Kesimpulan

Perkahwinan kanak-kanak membawa pelbagai kesan buruk terhadap kanak-kanak dari segi mental dan fizikal seperti mendapat risiko kehamilan awal ; kemurungan, tekanan mental dan kematian. Selain itu, mendapat keterbatasan dari segi pendidikan kerana kebanyakan sekolah kerajaan tidak membenarkan kanak-kanak yang sudah berkahwin untuk menuntut ilmu di sekolah dan akhir sekali berpotensi untuk menjadi mangsa keganasan rumah tangga kerana kanak-kanak tersebut masih belum matang untuk hidup berumah tangga. Langkah-langkah yang boleh diambil untuk mengatasi permasalahan ini adalah ibu bapa perlulah mendidik anak sejak kecil lagi supaya mempunyai matlamat hidup yang ingin dicapai apabila dewasa kelak. Seterusnya, kanak-kanak perlulah bijak memilih rakan agar tidak terpengaruh dengan budaya kahwin awal di dalam usia remaja. Akhir sekali, pihak kerajaan dan pihak bukan kerajaan hendaklah berganding bahu memainkan peranan untuk menurunkan statistik perkahwinan kanak-kanak yang berlaku di negara Malaysia.

5. Rujukan.

- Ahmed. “Is Child Marriage ACTUALLY Legal in Malaysia?” *Asklegal.my*, AsklegalMY, 2018, asklegal.my/p/adults-marry-children-minor-underage-marriage-malaysia-law.
- Lim, Ida. “Ministry: 543 Child Marriages, Including Applications, in Malaysia from Jan-Sept 2020 | Malay Mail.” *Www.malaymail.com*, 4 Dec. 2020, www.malaymail.com/news/malaysia/2020/12/04/ministry-543-child-marriages-including-applications-in-malaysia-from-jan-se/1928716
- Nour, Nawal. “Health Consequences of Child Marriage in Africa.” *Emerging Infectious Diseases*, vol. 12, no. 11, 12 Nov. 2006, pp. 1644–1649, www.ncbi.nlm.nih.gov/pmc/articles/PMC3372345/, 10.3201/eid1211.060510.
- UNICEF. “Child Marriage.” *Unicef.org*, 2000, www.unicef.org/rosa/what-we-do/child-protection/child-marriage.
- Vigness. “10 Legal Ages in Malaysia You Probably Didn’t Know About...” *Asklegal.my*, 22 Feb. 2019, asklegal.my/p/smoke-drink-drive-marriage-legal-minimum-age-malaysia.
- World Vision. “Child Marriage - Facts, FAQs and How to Help | World Vision Australia.” *Worldvision.com.au*, 2015, www.worldvision.com.au/global-issues/work-we-do/forced-child-marriage.

Pendidikan

Efektifitas Pembelajaran Daring di Perguruan Tinggi Indonesia (Studi Kasus Pada Program Sarjana Terapan Administrasi Negara Universitas Negeri Surabaya)

**Erika Yasmin¹, Dita Anggraini Budiarto², Nur Aini Agustina³, Andrea Puspita Cahyani⁴,
Gusti Hanum Putri Ayu⁵**

^{1,2,3,4,5}Universitas Negeri Surabaya, Indonesia

¹erikayasmin.20017@mhs.unesa.ac.id, ²ditaanggraini.20033@mhs.unesa.ac.id,

³nur.20037@mhs.unesa.ac.id, ⁴andrea.20058@mhs.unesa.ac.id, ⁵gusti.20093@mhs.unesa.ac.id

Abstrak

Riset ini membahas tentang pembelajaran daring di Perguruan Tinggi di Indonesia dengan Studi Kasus Pada Program Sarjana Terapan Universitas Negeri Surabaya. Periode riset ini berlangsung pada tahun 2020. Dengan menggunakan teori slavin. Penelitian menggunakan metode penelitian deskriptif kualitatif, data dari penelitian ini berdasarkan data dari sumber yang ada dengan menggunakan teknik observasi dan wawancara pada sasaran mahasiswa dan dosen di Program Sarjana Terapan Administrasi Negara Universitas Negeri Surabaya. Hasil dalam penelitian menunjukkan bahwa dampak COVID-19 terhadap efektifitas pembelajaran daring di Universitas Negeri Surabaya belum terlaksanakan dengan baik. Hal ini dapat dilihat pada indikator kualitas pembelajaran di Program Sarjana Terapan Administrasi Negara Unesa masih belum cukup baik, mahasiswa masih sering tidak fokus pada saat perkuliahan berlangsung. Sedangkan untuk media pembelajaran masih sering menggunakan platform online diluar vivesa karena masih terdapat dosen dan mahasiswa yang tidak bisa menggunakan vivesa. Pada indikator kesesuaian tingkat belajar diketahui bahwa tingkat kesiapan mahasiswa pada saat perkuliahan akan memengaruhi fokus mahasiswa pada perkuliahan tersebut. Untuk tingkat insentif mahasiswa terdapat motivasi intrinsik dan ekstrinsik yang sangat berpengaruh terhadap proses perkuliahan mahasiswa. Selanjutnya, adalah indikator waktu yang masih kurang efektif karena pergantian jadwal mata kuliah yang berubah-ubah dan kendala jaringan yang membuat beberapa mahasiswa terlambat untuk masuk kelas dan tidak dapat menyelesaikan tugas sesuai deadline yang diberikan.

Kata kunci: Efektifitas; Pembelajaran Daring; COVID-19.

Abstract

This research discusses online learning at universities in Indonesia with a case study on the Applied Undergraduate Program, State University of Surabaya. This research period takes place in 2020. Using the Slavin theory. The research uses descriptive qualitative research methods, the data from this study is based on data from existing sources by using observation and interview techniques on target students and lecturers at the State Administration Applied Undergraduate Program, State University of Surabaya. The results in the study show that the impact of COVID-19 on the effectiveness of online learning at the State University of Surabaya has not been implemented properly. This can be seen in the indicators of the quality of learning in the Undergraduate Program in Applied State Administration, Unesa is still not good enough, students still often do not focus on lectures. As for learning media, they still often use online platforms

outside of vines because there are still lecturers and students who cannot use vines. In the indicator of suitability for the level of learning, it is known that the level of readiness of students during lectures will affect the focus of students on the lecture. For the level of student incentives, there are intrinsic and extrinsic motivations that greatly affect the student's lecture process. Furthermore, it is an indicator of time that is still less effective due to changing course schedules and network constraints that make some students late for class and unable to complete assignments according to the given deadline. As for learning media, they still often use online platforms outside of vines because there are still lecturers and students who cannot use vines. In the indicator of suitability for the level of learning, it is known that the level of readiness of students during lectures will affect the focus of students on the lecture. For the level of student incentives, there are intrinsic and extrinsic motivations that greatly affect the student's lecture process. Furthermore, it is an indicator of time that is still less effective due to changing course schedules and network constraints that make some students late for class and unable to complete assignments according to the given deadline. As for learning media, they still often use online platforms outside of vines because there are still lecturers and students who cannot use vines. In the indicator of suitability for the level of learning, it is known that the level of readiness of students during lectures will affect the focus of students on the lecture. For the level of student incentives, there are intrinsic and extrinsic motivations that greatly affect the student's lecture process.

Keywords: *Effectiveness, Online Learning, Covid-19*

1. Pendahuluan

Pada awal tahun 2020 Indonesia terserang pandemi virus covid -19. Pandemi ini memberikan dampak yang sangat besar terhadap Indonesia. Rita Adriani (2020) mengatakan bahwa Pandemi *Coronavirus Disease-19* (Covid-19) memberikan dampak di berbagai sektor, kondisi ini sudah merambah pada dunia pendidikan, pemerintah pusat sampai pada tingkat daerah mengeluarkan kebijakan pembelajaran dilaksanakan dari rumah pada seluruh lembaga pendidikan untuk meminimalisir menyebarkan penyakit Covid-19. Kebijakan yang diambil oleh banyak negara termasuk Indonesia dengan melaksanakan seluruh aktivitas pendidikan dari rumah, membuat pemerintah dan lembaga terkait harus menghadirkan alternatif proses pendidikan bagi peserta didik maupun mahasiswa yang tidak bisa melaksanakan proses pendidikan di lembaga pendidikan.

Dewi, W. A. F (2020) mengatakan bahwa pemanfaatan sistem pembelajaran daring merupakan salah satu upaya yang bisa dilakukan untuk mengatasi permasalahan dan memudahkan siswa mengakses materi pembelajaran. Beberapa hal yang dapat dilakukan selama pembelajaran daring adalah saling berkomunikasi dan berdiskusi *online*. Menurut Anugrahana, A (2020) Media pembelajaran daring atau yang sering disebut dengan *e-learning* merupakan media penunjang pendidikan dan sebagai salah satu solusi pengganti pembelajaran tatap muka.

Proses pembelajaran daring juga dilakukan oleh Universitas Negeri Surabaya. Berdasarkan surat edaran rektor Universitas Negeri Surabaya nomor B/642/UN38/HK.01.01/2021 tentang pelaksanaan kegiatan akademik program diploma, sarjana terapan, dan sarjana pada semester genap 2020/2021 di Universitas Negeri Surabaya disebutkan bahwa perkuliahan semester genap diadakan secara daring.

Pada prodi Sarjana Terapan Administrasi Negara yang hampir semua mata kuliah memerlukan praktik tentunya merasa sangat terganggu oleh perkuliahan daring ini karena dapat menghambat proses perkuliahan yang memerlukan praktik Berdasarkan surat edaran rektor Universitas Negeri Surabaya nomor B/642/UN38/HK.01.01/2021 tentang pelaksanaan kegiatan akademik program diploma, sarjana terapan, dan sarjana pada semester genap 2020/2021 di Universitas Negeri Surabaya, pelaksanaan perkuliahan yang memerlukan praktikum di Laboratorium/bengkel/studio atau kegiatan lapangan lainnya diupayakan dilakukan secara daring dengan modifikasi/dikonversi dengan kegiatan lainnya.

2. Metode

Penelitian ini menggunakan metode deskriptif kualitatif. Penelitian kualitatif melibatkan studi penggunaan dan pengumpulan berbagai bahan empiris – studi kasus, pengalaman pribadi, introspeksi, kisah hidup, wawancara, observasional, sejarah, interaksional, dan teks visual – yang menggambarkan momen dan makna rutin dan bermasalah dalam kehidupan individu . (Denzin dan Lincoln 2005:2)

Menurut Etna Widodo Muchtar (2000) metode deskriptif adalah metode riset yang digunakan untuk memperjelas gejala sosial melalui berbagai variabel penelitian yang saling berkaitan antara satu dengan lainnya. Berdasarkan Modul Rancangan Penelitian (2019) yang diterbitkan Ristekdikti, penelitian kualitatif bisa dipahami sebagai prosedur riset yang memanfaatkan data deskriptif, berupa kata-kata tertulis atau lisan dari orang-orang dan pelaku yang dapat diamati. Penelitian kualitatif dilakukan untuk menjelaskan dan menganalisis fenomena, peristiwa, dinamika sosial, sikap kepercayaan, dan persepsi seseorang atau kelompok terhadap sesuatu. Dalam penelitian kualitatif manusia merupakan instrumen penelitian dan hasil penulisannya berupakata-kata atau pernyataan yang sesuai dengan keadaan sebenarnya.

Fokus penelitian ini merujuk pada teori efektivitas pembelajaran. Slavin dalam Pransetyapri dkk (2018) mengemukakan bahwa keefektifan pembelajaran bisa diukur dengan menggunakan empat indikator yaitu:

- a) kualitas pembelajaran, yaitu seberapa besar kadar informasi yang disajikan sehingga peserta didik dapat dengan mudah mempelajarinya.
- b) kesesuaian tingkat pembelajaran, yaitu seberapa jauh guru bisa memastikan tingkat kesiapan belajar peserta didik.
- c) insentif, yakni sampai seberapa besar usaha guru memotivasi peserta didik untuk menyelesaikan tugas belajar dan materi belajar yang diberikan dan
- d) waktu, yakni waktu yang di butuhkan untuk menyelesaikan kegiatan belajar mengajar.

Data dari penelitian ini berdasarkan data dari sumber yang ada dengan menggunakan teknik observasi, wawancara, dan dokumentasi pada sasaran Program Sarjana Terapan Administrasi Negara Universitas Negeri Surabaya. Teknik wawancara akan mengambil narasumber dari Ketua Program Studi D4 Administrasi Negara, 2 dosen PNS prodi D4 Administrasi Negara dan 5 mahasiswa prodi D4 Administrasi Negara angkatan 2020 dari kelas A dan B

3. Hasil dan Pembahasan

Berdasarkan hasil penelitian yang didapatkan dari wawancara 3 dosen D4 Administrasi Negara dan 5 Mahasiswa D4 Administrasi Negara angkatan 2020 dari kelas A dan B kuliah secara daring sedikit tidak efektif dikarenakan masih banyak hal-hal yang harus dibenahi seperti masalah jaringan dan masalah perubahan jadwal perkuliahan yang sering berganti.

3.1 Kualitas Pembelajaran

Menurut hasil wawancara dari 5 orang mahasiswa D4 Administrasi angkatan 2020 dari kelas A dan B mengatakan bahwa perilaku dosen dalam mengajar di suatu kelas dalam suatu mata kuliah sangat berpengaruh terhadap masuk atau tidaknya materi tersebut ke dalam otak.

Menurut dosen D4 Administrasi Negara ke fokusannya mahasiswa sangat memengaruhi masuk atau tidaknya materi yang telah disampaikan. Apabila mahasiswa fokus pada perkuliahannya dengan mendengarkan dan memperhatikan secara baik maka materi tersebut dapat ditangkap dengan mudah, akan tetapi jika pada saat perkuliahan berlangsung mahasiswa tidak mendengarkan atau memperhatikan dengan baik atau malah disambi dengan melakukan kegiatan lainnya yang mengganggu konsentrasi atau fokus mahasiswa maka materi tersebut akan susah di terima oleh mahasiswa itu sendiri. Menurut Ilham Damanik (2020) terdapat beberapa penyebab seseorang kehilangan konsentrasinya yaitu multitasking, tidak menjiwai, stress dan pola tidur yang buruk. Dengan kata lain masuk atau tidaknya materi tersebut tergantung dari bagaimana mahasiswa tersebut melaksanakan perkuliahan daring.

Menurut 3 dosen D4 Administrasi Negara materi pembelajaran sudah sesuai dengan aturan atau RPS yang telah diunggah di web siakad . jurnal materi atau RPS tersebut dapat diakses mahasiswa pada saat melakukan pengambilan mata kuliah, untuk sistem pembelajaran di D4 Administrasi Negara sendiri sudah sesuai dan mengikuti aturan yang tertera pada surat edaran rektor Universitas Negeri Surabaya nomor B/642/UN38/HK.01.01/2021 tentang pelaksanaan kegiatan akademik program diploma, sarjana terapan, dan sarjana pada semester genap 2020/2021 di Universitas Negeri Surabaya disebutkan bahwa perkuliahan semester genap diadakan secara daring. Pada saat perkuliahan daring banyak dosen dan mahasiswa yang memilih untuk menggunakan aplikasi pembelajaran seperti google meet, classroom, dan whatsapp grup. Di Universitas Negeri Surabaya sendiri sebenarnya memiliki aplikasi atau web yang dapat digunakan untuk perkuliahan daring yaitu vinesa. Berdasarkan pengertian di website unesa mengenai vinesa atau vi-learn adalah Virtual Learning atau sistem pembelajaran elektronik atau e-pembelajaran (Inggris: Electronic learning disingkat E-learning) dapat didefinisikan sebagai sebuah bentuk teknologi informasi yang diterapkan di bidang pendidikan berupa website yang dapat diakses di mana saja. Vi-Learn Universitas negeri Surabaya dapat diakses di alamat <http://vi-learn.unesa.ac.id> dengan menggunakan username dan password SIAKAD. Menurut Febrym Munandar (2008). Sistem informasi akademik pada Universitas Negeri Surabaya yang dimaksud adalah sistem pengolahan data yang berhubungan dengan proses belajar mengajar universitas antara lain: pengolahan data mahasiswa, mata kuliah, data dosen, data nilai, kelas dan juga sistem untuk penyimpanan data dan Persiapan dokumen untuk membantu dalam pengambilan keputusan yang dilakukan manusia dengan dibantu alat berupa sistem komputer.

3.2 Kesesuaian Tingkat Pembelajaran

Kesesuaian tingkat pembelajaran juga dapat dilihat dari seberapa siap mahasiswa dalam mengikuti perkuliahan. Menurut Indriyati Hadiningrum (2018) Kesiapan belajar mahasiswa dalam mengikuti perkuliahan terkait dengan kemampuan mahasiswa dalam mempersiapkan dirinya untuk mempelajari sesuatu sehingga dia mendapatkan keuntungan dalam proses pembelajarannya. Kesiapan belajar mahasiswa tersebut meliputi kesiapan sebelum mengikuti proses perkuliahan, dan kesiapan ketika mengikuti perkuliahan.

Berdasarkan hasil wawancara dengan dosen D4 Administrasi Negara terdapat beberapa cara untuk mengetahui tingkat kesiapan mahasiswa yaitu dengan memberikan presensi untuk mahasiswa yang hadir dalam perkuliahan tersebut. Biasanya metode yang di gunakan dosen adalah dengan memanggil satu persatu nama mahasiswa dan memerintahkan mahasiswa untuk menyalakan kamera dan suara untuk mengetahui apakah mahasiswa tersebut benar-benar hadir atau tidak.

Cara yang kedua yaitu dengan melakukan metode tanya jawab kepada mahasiswa atau dengan kata lain mereview kembali materi yang sebelumnya telah dijelaskan, dengan begitu dosen menjadi tau apakah mahasiswa nya sudah memahami materi yang telah diberikan atau belum. Menurut Sutrisna Trys (2018) Metode tanya jawab merupakan cara menyajikan bahan pelajaran dalam bentuk pertanyaan-pertanyaan yang memerlukan jawaban untuk mencapai tujuan. Pertanyaan-pertanyaan bisa muncul dari guru tetapi bisa juga dari peserta didik, demikian halnya jawaban yang muncul bisa dari guru maupun dari peserta didik.

Kesiapan mahasiswa dalam melakukan perkuliahan daring mempengaruhi kesiapan tingkat pembelajaran di D4 Administrasi Negara karena tingkat pembelajaran akan dianggap tepat apabila pelajaran yang di ajarkan dapat dipahaminya dengan baik oleh mahasiswa

3.3 Insentif

Berdasarkan penelitian para dosen D4 Administrasi Negara sering memberikan motivasi yang berupa intrinsik seperti membangkitkan rasa semangat belajar yang ada pada diri mahasiswa nya dengan menggunakan kalimat yang tegas sehingga mahasiswa dapat memiliki rasa semangat belajar pada dirinya.

Berbeda dengan intrinsik, ekstrinsik adalah motif-motif yang aktif dan berfungsi karena adanya rangsangan dari luar. Motivasi belajar dikatakan ekstrinsik bila tujuan beajarnya untuk tujuan tertentu. Misalnya untuk mencapai angka yang tinggi, diploma, gelar, kehormatan, dan sebagainya.

Jadi motivasi intrinsik maupun ekstrinsik sangat berpengaruh terhadap proses perkuliahan mahasiswa, jika dosen dapat memberikan kedua motivasi tersebut maka juga berpengaruh terhadap semangat dan nilai dari mahasiswanya. Akan tetapi, semua nya kembali lagi pada diri masing-masing. Jika dalam diri mahasiswa tersebut tidak memiliki semangat maka motivasi-motivasi tersebut hanya bualan semata.

3.4 Waktu

Berdasarkan hasil penelitian sejauh ini dalam melaksanakan perkuliahan daring masih terdapat waktu yang tidak sesuai dengan seharusnya.

Menurut mahasiswa D4 Administrasi Negara angkatan 2020 lama atau tidaknya pengerjaan tugas tergantung dari seberapa susah atau seberapa banyak tugas tersebut, jika tugasnya cukup susah dan cukup banyak maka pengerjaan tersebut butuh sekitar 1-2 minggu.

Menurut Tillman (2004) toleransi adalah saling menghargai dengan tujuan kedamaian. Menurut Daud Ali (1989) pelaksanaan sikap toleransi ini harus didasari sikap kelapangan dada terhadap orang lain dengan memperhatikan prinsip-prinsip yang dipegang sendiri, yakni tanpa mengorbankan prinsip-prinsip tersebut.

Selain kedua permasalahan itu terdapat masalah ketidaksesuaian waktu yaitu seringnya pergantian waktu perkuliahan yang sering dilakukan oleh para dosen. Menurut dosen D4 Administrasi Negara pergantian jadwal perkuliahan sering terjadi dikarenakan pada saat proses pembuatan jadwal masih sering terjadi benturan jadwal, tugas dari universitas yang terkadang mendadak untuk segera diselesaikan, selain itu lagi -lagi masalah jaringan yang trouble membuat perkuliahan daring menjadi terhambat.

Dalam indikator waktu, D4 Administrasi Negara masih belum memenuhi syarat atau kriteria sehingga masih belum dapat dikatakan efektif karena perkara waktu masih terdapat mahasiswa atau dosen yang masih belum sesuai dengan apa yang telah ditentukan.

4. Kesimpulan

Berdasarkan teori, penelitian, dan analisis hasil penelitian oleh peneliti mengenai Efektifitas Pembelajaran Daring Di Program Sarjana Terapan Administrasi Negara Universitas Negeri Surabaya memperoleh kesimpulan sebagai berikut :

- a) Media pembelajaran yang paling sering digunakan oleh dosen dan mahasiswa adalah google meet, zoom dan whatsapp grup . Pengukuran kualitas yang dilakukan dosen dalam pembelajaran ada beberapa macam seperti ketika ada pertanyaan yang dilemparkan dosen ke mahasiswa kemudian direspon oleh mahasiswa berarti kualitas proses pembelajaran bisa tercapai dengan baik begitupun juga sebaliknya, selain itu monitoring dan evaluasi pembelajaran serta jadwal absensi dan penugasan.
- b) Sejauh mana dosen mengetahui dalam tingkat kesiapan mahasiswa untuk mempelajari materi baru dengan beberapa cara. Yang pertama memerintahkan mahasiswa untuk mengaktifkan kamera, memanggil satu persatu nama mahasiswa, memakai aplikasi google form, dan meminta bantuan penanggung jawab kelas. Sejauh ini kesesuaian tingkat pembelajaran sudah cukup efektif.
- c) Bagi Mahasiswa setiap dosen pasti pernah memberikan motivasi ntah dengan berbagai jenis motivasi yang diberikan , dan Motivasi dosen bagi mahasiswa yaitu

sangat berpengaruh , selain agar membangkitkan semangat dalam pembelajaran dosen juga bisa dianggap suatu keterpedulian agar mahasiswa bisa selalu bersemangat dalam perkuliahan dan mengerjakan tugas. Begitu juga dengan pengaruh motivasi oleh dosen.

- d) Lama atau tidaknya pengerjaan tugas tergantung dari seberapa susah atau seberapa banyak tugas tersebut, Akan tetapi, jika tugas tersebut hanya diberi waktu yang singkat untuk pengerjaannya maka akan terjadi berbagai kendala. Selanjutnya adalah masalah dalam pergantian jadwal perkuliahan sering terjadi dikarenakan pada saat proses pembuatan jadwal masih sering terjadi benturan jadwal, tugas dari universitas yang terkadang mendadak untuk segera diselesaikan, selain itu lagi -lagi masalah jaringan yang trouble membuat perkuliahan daring menjadi terhambat. Meskipun perubahan jadwal perkuliahan sudah mendapatkan persetujuan antara mahasiswa dan dosen tetap saja perubahan jadwal tersebut juga merugikan para mahasiswa D4 Administrasi Negara angkatan 2020.

5. Saran

Berdasarkan penelitian dan analisis hasil penelitian oleh peneliti mengenai Efektifitas Pembelajaran Daring Di Program Sarjana Terapan Administrasi Negara Universitas Negeri Surabaya , peneliti memberikan saran sebagai berikut:

- a) Dosen dan mahasiswa baiknya bekerja sama dalam proses kegiatan pembelajaran daring demi kenyamanan dan kepuasan masing masing pihak. Agar mahasiswa dan dosen sama sama diuntungkan.
- b) Mahasiswa diharapkan untuk lebih aktif pada saat perkuliahan daring berlangsung. Agar dosen dapat mengetahui kesiapan mahasiswa terhadap perkuliahan daring.
- c) Dosen diharapkan untuk memberikan motivasi kepada mahasiswa, guna membangkitkan semangat mahasiswa dalam menjalani perkuliahan daring.
- d) Dosen diharapkan untuk lebih memahami dalam melaksanakan waktu perkuliahan, agar tidak mengganti waktu perkuliahan pada hari yang lain, mahasiswa merasa keberatan jika adanya penggantian waktu perkuliahan,karena hal tersebut merugikan mahasiswanya sendiri dan dosen diharapkan dapat memberi keringanan mahasiswanya dalam proses pengumpulan tugas , karena banyaknya kendala yang dialami mahasiswa

6. Daftar Pustaka

- Adriani, R. (2020). *Evaluasi pembelajaran online matematika siswa kelas 5 SD Negeri 5 Metro Pusat*. (Ilmu Keguruan Institute Agama Islam Negeri Metro Lampung,2020) Diakses dari <https://repository.metrouniv.ac.id/id/eprint/3815/1/RITA%20ANDRI%20ANI%20NPM.1601050110.pdf>
- Ansori, A. N. A. (2020). *Belajar di Rumah Akibat Corona COVID-19, Ini Pendapat dan*

Harapan Anak Indonesia. Diakses pada 29 November 2021, dari <https://www.liputan6.com/health/read/4224969/belajar-di-rumah-akibat-corona-covid-19-ini-pendapat-dan-harapan-anak-indonesia>

- Anugrahana, A (2020). *Hambatan, solusi, dan harapan pembelajaran daring*. *Jurnal pendidikan dan kebudayaan*, vol. 10 No. 3, 282-289.
- Arifin, Z. (2011). *Evaluasi pembelajaran*. Bandung : PT Remaja Rosdakarya Arsyad. Tersedia dalam <https://tinyurl.com/2p9h4pp8>
- Ashari, M. (2020). *Proses Pembelajaran Daring di Tengah Antisipasi Penyebaran Virus Corona Dinilai Belum Maksimal*. Diakses pada 29 November 2021, dari <https://www.pikiran-rakyat.com/pendidikan/pr-01353818/proses-pembejalaran-daring-di-tengah-antisipasi-penyebaran-virus-corona-dinilai-belum-maksimal>
- Aspers, P., & Corte, U. (2019). What is Qualitative in Qualitative Research. *Qualitative Sociology*, 42(2), 139–160. <https://doi.org/10.1007/s11133-019-9413-7>
- Bilal, S. (2021). *Pengertian, website, sejarah, jenis, manfaat, unsur, tahapan, fungsi, para ahli*. Diakses pada 29 November 2021, dari <https://www.gurupendidikan.co.id/pengertian-website/>
- Budyastuti, Y & Fauziati, E.(2021). *Penerapan Teori Konstruktivisme pada Pembelajaran Daring Interaktif*. *Jurnal Papeda: Vol 3, No 2, Juli 2021*
- Dewi, W.A.F. (2020). *Dampak Covid terhadap Implementasi Pembelajaran Daring di Sekolah Dasar Edukatif*. *Jurnal Ilmu Pendidikan*, vol 2(1), 55-61.
- Fathurrahman.(2020). *Efektivitas Pembelajaran Daring Terhadap Berpikir Kritis Peserta Didik Pada Pembelajaran Sejarah Kelas XI IPS SMA Negeri 10 Banjarmasin Tahun Ajaran 2020/2021*. (Universitas Lambung Mangkurat Banjarmasin,2020). Diakses dari <https://osf.io/rdnhk>
- Kemendikbud dan Kebudayaan. (2020). *Kemendikbud Imbau Pendidik Hadirkan Belajar Menyenangkan Bagi Daerah yang Terapkan Belajar di Rumah..* diakses pada 29 November 2021, dari <https://www.kemdikbud.go.id/main/blog/2020/03/kemendikbud-imbau-pendidik-hadirkan-belajar-menyenangkan-bagi-daerah-yang-terapkan-belajar-di-rumah>
- Mardika,I.N. (2020). *Dasar-dasar Teori Pendidikan untuk Online Learning*. (Universitas Negeri Yogyakarta,2020). Diakses dari <https://mardikanyom.tripod.com/Online%20Learning.pdf>
- Menteri Pendidikan dan Kebudayaan. Surat Edaran Nomor 4 Tahun 2020. *Tentang Pelaksanaan Kebijakan Pendidikan dalam masa darurat penyebaran Coronavirus Disease-19 (Covid-19)*.
- Rektor Universitas Negeri Surabaya. Surat edaran nomor B/642/UN38/HK.01.01/2021. *Tentang pelaksanaan kegiatan akademik program diploma, sarjana terapan, dan sarjana pada semester genap 2020/2021 di Universitas Negeri Surabaya*.
- Sari, M.P.(2019).*Analisis Efektivitas Dan Kontribusi Penerimaan Retribusi Daerah Dalam Meningkatkan Pendapatan Asli Daerah Pada Badan Pengelolaan Keuangan Dan Aset Daerah Kota Palembang*. (Universitas Muhammadiyah Palembang,2019). Diakses dari <https://tinyurl.com/2tft4hx9>
- Sobron, dkk. (2019). *Persepsi Siswa Dalam Studi Pengaruh Daring Learning Terhadap Minat Belajar IPA*. *SCAFFOLDING: Jurnal Pendidikan Islam Dan Multikulturalisme*, vol

1(2).

- Suryawan, O. (2020). *Guru Diminta Aktif Awasi Pembelajaran Daring Agar Siswa Tetap Fokus*. Diakses pada 29 November 2021, dari <https://www.balipuspanews.com/guru-diminta-aktif-awasi-pembelajaran-daring-agar-siswa-tetap-fokus.html>
- Universitas Negeri Surabaya . (2020). *Vi-learn*. Diakses pada 29 November 2021, dari <https://www.unesa.ac.id/page/layanan/vi-learn>
- Wicaksono, V. D., & Rachmadyanti, P. (2016). *Pembelajaran Blended Learning melalui Google Classroom di Sekolah Dasar*. (Universitas Negeri Surabaya,2020). Diakses dari <https://publikasiilmiah.ums.ac.id/xmlui/bitstream/handle/11617/9144/44.pdf?sequence=1&isAllowed=y>

Zoom Video Conference: Is It The Best Solution for Remote Learning of English Language Teaching?

Fatma Oryza¹, Nur Habibah², Elyn Nur Wachidah³, Nurul Faizah⁴, Safira Elfa Nur⁵
^{1,2,3,4,5}English Language Education Department, Universitas Islam Negeri Sunan Ampel
Surabaya

Email: ¹risa.fatma1@gmail.com, ²nur.habibah59@gmail.com, ³elynnur@gmail.com,
⁴nurulfaizah678@gmail.com, ⁵selfanhasan06@gmail.com

Abstract

COVID-19 pandemic has forced many innovations to support remote teaching and learning. With several means available to conduct the teaching and learning, Zoom has become the favorable one. This study investigates how students perceive Zoom as a video conference in English language learning. A survey quantitative method was used to generate the fifth semester of English Education Department students' perceptions. After distributing the questionnaire, the data was analyzed using descriptive statistics. The result shows that although the difference is not much, students gave more positive statements on the use of Zoom. This positive experience has proved that Zoom might be the best solution for English remote learning.

Keywords : Zoom; Video Conference; Remote Learning; English Language Teaching.

1. Introduction

The unprecedented time due to COVID-19 pandemic has sparked urgency to conduct online learning. The shift of the learning system to online mode has forced many educators to innovate in the classroom, finding the best way to interact with students even though it is carried out remotely. The presence of video conferencing will help the learning process to be carried out because educators will be directly involved with students (Sandiwarno, 2016). Video conference is the current favorable means of remote learning. It becomes an advantageous tool for language learning since it enables face-to-face interaction in a distance (Goodfellow, 1996; Suardi, 2020). Zoom Video Conference has become the most popular provider of video conferences among nine others. Zoom Video Conference particularly becomes a relevant approach in facilitating online distance learning due to COVID-19 outbreaks (Starglass, 2020).

Sikap pekerja yang positif merupakan aset yang paling penting untuk sesebuah organisasi. Norasmah Othman dan Zuraidah Ahmad (2010) yang menyatakan bahawa kelangsungan dan kejayaan sesebuah organisasi banyak bergantung pada kemahiran, sikap dan tingkah laku pekerja dalam melaksanakan misi dan strategi organisasi syarikat. Ini merujuk

kepada bagaimana cara membentuk sumber manusia atau pekerja yang kompeten di syarikat Arked Man Trading Sdn Bhd. Syarikat berkenaan amat menitikberatkan pembentukan sikap dan tingkah laku pekerja yang positif bagi mencapai objektif iaitu pekerja yang berkemahiran tinggi.

4.2.3 Kemahiran Interpersonal dengan Pelanggan

Dalam konteks pekerjaan, kemahiran interpersonal seperti cara berkomunikasi dan berinteraksi serta menyantuni pelanggan adalah penting bagi mendapatkan pelanggan. Rasul (2008) mendapati bahawa sorotan literatur menunjukkan kebanyakan kajian yang dijalankan sebelum ini adalah berkaitan dengan tahap kemahiran 'employability' yang dimiliki oleh graduan dan aspek-aspek kemahiran 'employability' yang dikehendaki oleh majikan. Selain itu, elemen kemahiran 'employability' atau kebolehpasaran ini merangkumi aspek kemahiran interpersonal dan komunikasi yang berkesan yang mana amat dititikberatkan terhadap pekerja Arked Man bagi memberi layanan terbaik terhadap pelanggan mereka.

5. Perancangan Masa Hadapan untuk Meningkatkan Kejayaan

Bahagian ini menjelaskan tiga perancangan masa hadapan untuk meningkatkan tahap kompetensi pekerja dan sekali gus kejayaan di Syarikat Arked Man Trading Sdn Bhd.

5.1 Memberi Platform Peluang Pekerjaan yang Mapan kepada Pekerja-Pekerja Baharu

Perancangan masa hadapan untuk meningkatkan kejayaan ialah dengan memberi platform peluang pekerjaan yang mapan kepada pekerja-pekerja baharu. Hal ini demikian kerana syarikat perlu mencari bakat baharu untuk menyertai Arked Man Trading. Situasi ini dapat dilihat apabila organisasi syarikat memerlukan bakat terbaik untuk meneruskan kecemerlangan syarikat mereka. Terdapat pelbagai jawatan telah ditawarkan dalam syarikat Arked Man Trading yang akan memberikan banyak faedah kepada mereka yang menyertai. Pendapatan yang akan diterima melalui pekerjaan yang ditawarkan daripada organisasi juga dapat meningkatkan taraf hidup masyarakat. Secara tidak langsung, ianya dapat memperbaiki kehidupan masyarakat secara keseluruhannya dengan mengurangkan kadar pengangguran. Ini telah disokong oleh transkrip di bawah:

... "Saya ada satu lagi cawangan yang terletak di Teluk Intan, Perak. Kami masih memerlukan pekerja untuk mengisi kekosongan jawatan yang ada seperti dalam bidang pemasaran, jualan, pengiklanan dan sebagainya. Kami akan memberikan tunjuk ajar daripada A sehingga Z kepada pekerja baharu apabila mereka menyertai syarikat kami. Mungkin dengan membuka peluang pekerjaan ini juga boleh memberikan peluang kepada masyarakat terutamanya fresh graduate untuk menambahkan pendapatan mereka. Lebih-lebih lagi dengan pandemik yang melanda negara sangat sukar untuk mencari pekerjaan dan ramai juga yang hilang pekerjaan."

Hal ini jelas membuktikan bahawa syarikat akan memberikan peluang pekerjaan yang mapan kepada pekerja-pekerja baharu dan memberikan bimbingan kepada mereka yang ingin menyertai organisasi syarikat. Memberi platform peluang pekerjaan ini amat penting untuk memastikan syarikat dapat mencapai kemajuan dan kecemerlangan yang berterusan.

5.2 Melahirkan Pekerja yang Mempunyai Kemahiran yang Pelbagai

Selain itu, perancangan masa hadapan dalam organisasi syarikat ialah ingin melahirkan pekerja yang mempunyai kemahiran yang pelbagai. Kemahiran yang pelbagai (*multi-talented*) penting dalam memastikan perniagaan syarikat Arked Man Trading semakin maju dan dikenali. Kemahiran ini adalah satu aspek kompetensi yang harus dimiliki oleh setiap pekerja untuk membolehkan mereka menjadi seorang pekerja yang berkeupayaan tinggi dalam dunia pekerjaan yang mereka ceburi (Overtoom, 2000). Sebagai contoh, antara kemahiran yang perlu ada bagi pekerja yang dianggap penting dalam perniagaan Arked Man Trading ialah kemahiran pengalaman dalam bidang berkaitan, kemahiran dalam bidang teknologi dan komunikasi, kemahiran dalam kualiti peribadi dan kemahiran dalam penggunaan dwi bahasa. Dengan latihan dan seminar yang diberikan, pekerja juga dapat mengaplikasikan kemahiran tersebut di dalam pekerjaan harian mereka. Perkara ini telah disokong oleh data transkrip seperti di bawah:

... *“Saya sebagai majikan dalam syarikat lebih memilih pekerja yang mempunyai keupayaan teknikal dan kemahiran sahiah berbanding mempunyai kelayakan akademik.”*

Jelaslah bahawa informan lebih mementingkan pekerja yang mempunyai kemahiran yang pelbagai dalam organisasi syarikat. Hal ini demikian kerana memiliki kompetensi akademik sahaja tidak mencukupi malah seseorang pekerja perlulah mempunyai pelbagai kemahiran. Secara tidak langsung, gabungan pelbagai kemahiran ini dapat meningkatkan produktiviti pekerja serta pengeluaran sesebuah syarikat.

5.3 Membuka Lebih Banyak Jabatan di dalam Syarikat

Seterusnya, membuka lebih banyak jabatan di dalam syarikat juga merupakan perancangan masa hadapan untuk meningkatkan kejayaan syarikat. Situasi ini dapat dilihat apabila jabatan-jabatan yang akan ditambah dalam syarikat Arked Man Trading mestilah mengumpulkan manusia yang bekerja dalam organisasi mengikut bidang pengkhususan masing-masing dan kerja-kerja yang berkaitan. Hal ini demikian kerana dengan jabatan-jabatan yang akan ditubuhkan ini dapat mengelakkan pertindihan tanggungjawab seperti terkurang atau terlebih fungsi kerja di dalam syarikat. Antara jabatan penting yang boleh diambil kira di dalam syarikat adalah seperti jabatan kewangan, jabatan sumber manusia, jabatan pemasaran, jabatan kerohanian, jabatan pengurusan dan sebagainya. Oleh itu, setiap pekerja bertanggungjawab dalam menumpukan perhatian mereka dengan pembahagian fungsi dan peranan tertentu dalam sesebuah syarikat. Perkara ini disokong oleh data transkrip seperti di bawah:

... *“Keadaan ini dapat dilihat apabila pekerja yang mempunyai peranan tertentu dalam melaksanakan kerja mengikut skop yang diberikan dalam syarikat. Sebagai contoh ada yang boleh dalam jabatan kerohanian, pengurusan, kewangan dan lain-lain.”*

Jelaslah dapat dibuktikan bahawa informan ingin membuka lebih banyak jabatan dalam syarikat adalah disebabkan untuk mengelakkan kekeliruan tanggungjawab yang akan diambil oleh setiap pekerja. Hal ini kerana banyak kekeliruan dan masalah sekiranya pekerja tidak jelas akan fungsi dan peranan masing-masing dalam syarikat. Oleh itu, membuka lebih banyak jabatan amat penting bagi melancarkan pengurusan syarikat dan mencapai objektif perniagaan.

6. Cadangan Penambahbaikan atau Cadangan Berkaitan dengan Isu Kajian Kes

Berdasarkan hasil kajian yang dilakukan, terdapat beberapa cadangan penambahbaikan untuk mengatasi cabaran membentuk sumber manusia yang kompeten di Syarikat Arked Man Trading Sdn Bhd.

6.1 Melakukan Proses Pascanilai Seminar

Melalui hasil temubual bersama informan, hasil kajian mendapati pemilik syarikat tidak melakukan proses pascanilai untuk sesebuah seminar atau kursus. Maka, cadangan pertama ialah untuk menambah baik kajian adalah pemilik syarikat kajian kes ini melakukan proses pascanilai bersama dengan pekerja-pekerjanya. Pascanilai ini perlu dilakukan selepas menghadiri sesuatu kelas, seminar, kursus, dan program. Perkara ini supaya pemilik dapat melihat keberkesanan usahanya menghantar pekerja-pekerjanya ke sesuatu program. Menurut Munthe (2015), melalui proses penilaian atau pascanilai yang dilakukan akan membantu dalam melihat kefahaman seseorang tentang perkara yang dipelajari daripada program. Hal ini demikian kerana, matlamat utama penghantaran pekerja ke program atau kursus adalah untuk meningkatkan prestasi mereka di Syarikat Arked Man Trading Sdn Bhd. Lalu, melalui pascanilai ini akan membolehkan pemilik syarikat menilai perubahan prestasi pekerjaanya sebelum dan selepas menghadiri ke sesuatu program atau kursus. Bukan itu sahaja, pemilik syarikat kajian ini akan boleh mengetahui seminar yang paling berkesan untuk pekerja syarikatnya. Jelaslah, pemilihan program atau seminar yang bersesuaian dapat melahirkan pekerja yang kompeten.

6.2 Melantik Pekerja yang Kompeten dalam Pengurusan Perancangan

Selain itu, cadangan kajian yang kedua ialah pemilik perlu melantik pekerja yang kompeten dalam pengurusan perancangan. Hal ini demikian kerana, pekerja kompeten dalam pengurusan dan perancangan mempunyai potensi untuk menjadi sumber manusia yang kompeten di Syarikat Arked Man Trading Sdn Bhd. Perkara ini kerana, memandangkan syarikat kajian adalah merupakan sebuah syarikat pakaian harian dan tekstil, syarikat ini memerlukan pekerja yang mempunyai pengetahuan dan kemahiran dalam pengurusan dan perancangan. Pekerja yang mempunyai pengetahuan dan kemahiran dalam pengurusan dan perancangan akan memiliki ciri-ciri serba boleh. Mereka akan mampu bekerja dalam pelbagai bahagian seperti pemasaran, pengurusan sumber manusia, pengurusan stok kain, perancangan aktiviti syarikat, dan lain-lain bahagian.

Melalui cadangan ini juga, pemilik syarikat tidak perlu mengadakan sesi temuduga yang banyak untuk pengambilan pekerja. Hal ini demikian kerana, berdasarkan temubual bersama informan iaitu pemilik syarikat, beliau menyatakan telah mengadakan sesi temuduga yang banyak. Perkara ini akan mengambil masa dan tenaga yang banyak yang sepatutnya digunakan banyak untuk pengendalian syarikatnya. Tegasnya, pengambilan sumber manusia yang mahir dalam pengurusan dan perancangan adalah dianggap sebagai aset utama untuk organisasi kerana diversiti kemahiran dan pengetahuan yang mereka miliki (Haslinda Abdullah, 2009).

6.3 Pemilihan Program atau Seminar yang Bersesuaian

Cadangan yang terakhir dalam kajian ini ialah pemilihan program yang bersesuaian dengan keperluan skop pekerjaan pekerja syarikat. Hal ini demikian kerana, jumlah kos dan masa untuk menghadiri sebuah program adalah besar. Maka, pemilihan program yang bersesuaian dengan keperluan untuk melahirkan sumber manusia yang kompeten di syarikat adalah penting untuk menjimatkan kos dan juga masa. Sebagai contoh, seperti yang dinyatakan oleh informan antara program yang dihadiri oleh pekerjanya ialah kelas bina jati diri oleh Azizan Osman yang terkenal dengan bayaran yuran yang tinggi. Berdasarkan laman web RichWorks (2022) yang merupakan syarikat Azizan Osman, antara kelas seminar atas talian yang ditawarkan adalah kelas pengurusan duit dan juga data. Kedua kelas ini memerlukan yuran yang tinggi iaitu dalam lingkungan RM900 ke atas. Selain itu, di laman web RichWorks (2022) juga telah dinyatakan kebanyakan seminar yang dijalankan adalah lebih berfokus untuk usahawan atau peniaga. Justeru itu, kelas ini adalah lebih bersesuaian untuk informan yang merupakan pemilik syarikat kerana kelas ini lebih kepada untuk membina usahawan yang berjaya. Maka, kelas jati diri oleh Azizan Osman tidak terlalu berkesan untuk pekerjanya untuk digunakan dalam tugas pekerjaan mereka. Pemilihan program yang bertepatan dengan keperluan pengetahuan dan kemahiran pekerja memainkan peranan penting dalam melahirkan sumber manusia kompeten untuk syarikat kajian kes iaitu syarikat pakaian.

7. Kesimpulan

Sumber manusia yang kompeten sememangnya menjadi aset yang penting dalam membantu memajukan syarikat. Kajian ini mendapati pemberian latihan dan kursus kepada pekerja mampu menambah baik hubungan pekerja, sikap pekerja dan kemahiran interpersonal pekerja dengan pelanggan. Bagi meningkatkan kejayaan syarikat dalam pengurusan sumber manusia, syarikat ini telah membuat perancangan masa hadapan untuk memberikan platform peluang pekerjaan yang mapan kepada pekerja-pekerja baharu, melahirkan pekerja yang mempunyai kemahiran yang pelbagai dan pembukaan lebih banyak jabatan dalam syarikat. Walau bagaimanapun, terdapat beberapa kekurangan syarikat yang masih boleh ditambah baik. Maka, kajian ini mencadangkan agar syarikat melakukan proses pascanilai seminar, melantik pekerja yang kompeten dalam pengurusan perancangan serta memilih program atau seminar yang bersesuaian dengan operasi syarikat. Jelaslah bahawa pemberian latihan dan kursus kepada pekerja mampu meningkatkan prestasi pekerja dan produktiviti syarikat. Namun, tidak dinafikan bahawa usaha syarikat untuk membentuk sumber manusia yang kompeten akan menjadi lebih mencabar pada masa hadapan khususnya melibatkan aspek kewangan.

8. Rujukan

Abdullah, H. (2009). Major challenges to the effective management of human resource training and development activities. *Journal of International Social Research*, 2(8).
https://www.researchgate.net/publication/26628188_MAJOR_CHALLENGES_TO_THE_EFFECTIVE_MANAGEMENT_OF_HUMAN_RESOURCE_TRAINING_AND_DEVELOPMENT_ACTIVITIES

- Bernama. (2021, September 28). *10,317 individu muflis, 1,246 syarikat gulung tikar sepanjang PKP*. Malaysiakini. <https://www.malaysiakini.com/news/593178>
- Hamat, M. F., & Che Nordin, M. K. N. (2012). Tinjauan kepentingan pembangunan modal insan di Malaysia. *Jurnal Al-Tamaddun*, 7(1), 75-89. <https://ejournal.um.edu.my/index.php/JAT/article/view/8556/6125>
- Huzain, H. (2021). Pengelolaan sumber daya manusia. 1-15. <https://osf.io/cj27d/download>
- Munthe, A. P. (2015). Pentingnya evaluasi program di institusi pendidikan: sebuah pengantar, pengertian, tujuan dan manfaat. *Scholaria: Jurnal Pendidikan Dan Kebudayaan*, 5(2), 1-14. file:///C:/Users/NASUHA/Downloads/13-Article%20Text-26-1-10-20151208.pdf
- Othman, N., Ahmad, Z., & Hamzah, M. I. M. (2010). Pengaruh amalan pengurusan sumber manusia (PSM) terhadap hasil PSM di IPTS bukan bertaraf universiti. *Jurnal Pengurusan*, 31, 43-53.
- Overtoom. (2000). Employability Skills: An Update. "Eric Digest" The Conference Board of Canada (1996). Employability Skills Profile: The Critical Skills Required of the Canadian Workforce. The Corporate Council on Education, a program of the National Business and Education Center. Ottawa Ontario.
- Rasul, M. S., Ismail, M. Y., Ismail, N., Rajuddin, M. R., & Rauf, R. A. A. (2008). Pembangunan Standard Pengukuran Kemahiran ~ Employability™. *Sains Humanika*, (49)(1).
- Richworks International Sdn Bhd. (2022). *Urus Data*. <https://richworks.com/urus/data/>
- Richworks International Sdn Bhd. (2022). *Urus Duit*. <https://richworks.com/urus/duit/>
- Rodriguez, J., & Walters, K. (2017). The importance of training and development in employee performance and evaluation. *World Wide Journal of Multidisciplinary Research and Development*, 3(10), 206-212.
https://www.researchgate.net/publication/332537797_The_Importance_of_Training_and_Development_in_Employee_Performance_and_Evaluation
- Shimada, G., & Sonobe, T. (2021). Impacts of management training on workers: Evidence from Central America and the Caribbean region. 25(3), 1492-1514. <https://onlinelibrary.wiley.com/doi/abs/10.1111/rode.12773>

Peranan Pemimpin dalam Menyiapkan Projek Rumah Kompresor: Kajian Kes Syarikat Wangsa Ultima Sdn. Bhd.

Nur Sharmira Mohd Sabri¹, Ainatul Najihah Deraman², Siti Anizah Jamalidi³, Hasni Khairunisah Jaslin@Abdul Halim⁴, Mohamad Shaharudin Samsurijan⁵

^{1,2,3,4,5}Pusat Pengajian Sains Kemasyarakatan, Universiti Sains Malaysia

Email: ¹sharmirasabri@gmail.com, ⁵msdin@usm.my

Abstrak

Projek rumah kompresor adalah sebuah projek yang melibatkan pemasangan kompresor dan saluran paip bagi memampatkan gas supaya dapat mengalir ke saluran paip dan kemudahan lain. Aspek kepimpinan menguruskan projek rumah kompresor ini merupakan elemen penting dalam kejayaan ataupun kegagalan sesebuah projek. Kajian ini cuba mengungkap senario semasa kejayaan projek rumah kompresor dalam aspek kepimpinan sebagai pengurus projek. Terdapat tiga objektif dalam kajian ini iaitu mengenal pasti peranan pemimpin dalam menentukan kejayaan projek, mengenal pasti perancangan masa hadapan yang melibatkan pengurusan khusus oleh kepimpinan dalam membantu meningkatkan projek dan mengenal pasti cadangan penambahbaikan dalam mengukuhkan lagi aspek kepimpinan menerusi latihan merupakan salah satu elemen yang penting dalam mengukuhkan peranan ataupun kemahiran sebagai seorang pengurus projek. Bagi menjawab semua objektif, kajian ini telah menemubual Pegawai Eksekutif Jurukur Bahan yang terlibat dengan Perjanjian Sebut Harga bagi menjalankan projek penyelenggaraan umum rumah kompresor di stesen PETRONAS di Cheras pada Mei 2022 yang lalu bagi mendapatkan gambaran yang lebih dekat berkaitan dengan aspek kepimpinan oleh syarikat ini. Hasil kajian telah menunjukkan bahawa peranan pemimpin adalah penting dalam menguruskan penjadualan projek yang efektif dan efisien, jaringan kolaboratif bersama dengan agensi kerajaan, penumpuan terhadap projek yang mendatangkan keuntungan yang cepat kepada syarikat dan pengurusan kewangan yang berkesan merupakan kunci kepada kejayaan projek.

Kata kunci: Keupayaan; kepimpinan; pengurus projek.

1. Pengenalan

Kepimpinan didefinisikan sebagai mempunyai kuasa keupayaan untuk mempengaruhi tingkah laku orang lain bagi mencapai sesuatu matlamat (Bush, 2003; House et al., 2004; Rebore, 2003). Menurut Saiful et al. (2016), kepimpinan dapat mengawal sesebuah pasukan dan juga sesuatu projek untuk memastikan kejayaannya. Selain itu, pengurus projek pula boleh ditakrifkan sebagai seseorang yang mempunyai fungsi sama seperti pengurus di dalam industri lain dan dijangkakan menjadi pemimpin projek yang mampu memotivasi dan menginspirasi ahli-ahli pasukan projeknya. Individu ini berkebolehan mengurus sumber bagi menyiapkan projek mengikut masa, bajet dan spesifikasi yang ditetapkan. Pengurus projek juga membekalkan arahan, koordinasi dan penyatuan kepada pasukan projek dan bertanggungjawab terhadap prestasi projek (Mwanaumo et al., 2019).

Oleh itu, kepimpinan seseorang pengurus projek adalah penting untuk mengetuai dan memimpin pasukan projeknya untuk mencapai matlamat akhir projek tersebut. Hal ini turut

disokong oleh Mohd Hasbi (1998) yang mana adalah penting bagi seorang pengurus projek untuk memiliki kemahiran teknikal seperti teknologi pembinaan, proses pembinaan, keperluan reka bentuk, kewangan, undang-undang yang berkaitan dan juga perhubungan antara setiap pihak yang terlibat dengan projek yang ingin dilaksanakan. Pengurus projek berperanan untuk membentuk dan mengawal pasukan projek serta berkebolehan mengatur dan memimpin ahli-ahli di bawah seliaannya. Oleh yang demikian, sifat keperibadian yang perlu ada dalam diri seseorang pengurus projek adalah matang dalam membuat keputusan, berkebolehan berbincang atau berkomunikasi dan mahir dalam menguruskan tenaga kerja. Selain itu, pengurus projek juga merupakan seorang pentadbir yang sistematik dan mempunyai kefasihan dalam bertutur kata dan penulisan serta memiliki kesabaran yang tinggi.

Menurut Keegan & Den Hartog (2004), seseorang pengurus projek juga memainkan peranan yang penting bagi memastikan ahli-ahli pasukan projeknya dapat meningkatkan prestasi kerja termasuklah prestasi kerja dalam peranan dan prestasi kerja melebihi peranan bagi memastikan projek yang dilaksanakan dapat disiapkan mengikut tempoh masa yang dirancang. Oleh yang demikian, pengurus projek memainkan peranan yang penting dalam menguruskan sesebuah projek meliputi segala aspek kemahiran iaitu kemahiran teknikal dan kemahiran pengurusan sumber manusia sekaligus bertanggungjawab untuk memotivasikan dan membangunkan ahli-ahli pasukan projek ke arah kejayaan projek.

2. Sejarah Kes

Projek penyelenggaraan umum rumah kompresor di stesen PETRONAS di Cheras pada Mei 2022 yang lalu telah dikendalikan oleh syarikat Wangsa Ultima Sdn. Bhd. (WUSB) ini merupakan kontraktor kejuruteraan awam, mekanikal dan elektrik kelas G7 (kontraktor CIDB Gred 7) bertaraf Bumiputera 100%. Syarikat ini telah menawarkan kepelbagaian perkhidmatan yang komprehensif kepada pelanggan utamanya iaitu PETRONAS Dagangan Berhad dan anak-anak syarikat utama yang lain seperti PETRONAS Research & Scientific Services Sdn. Bhd. (PRSS) dan Petroliaam Nasional Berhad (PETRONAS). Pengalaman syarikat selama 13 tahun dengan lebih 50 projek yang berjaya disiapkan seperti Perjanjian Sebut Harga (PA) untuk kerja-kerja penyelenggaraan umum (sivil, mekanikal dan elektrik) di stesen PETRONAS di seluruh Malaysia iaitu Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak – Wilayah Timur dan Selatan atau dikenali sebagai PING telah mengiktirafkan syarikat ini sebagai kontraktor utama kepada PETRONAS.

Seterusnya, syarikat WUSB juga berpengalaman dalam membekalkan tenaga kerja, peralatan dan bahan-bahan untuk menjalankan kerja-kerja penukaran RON di Stesen PETRONAS, pemasangan set generator dan menaik taraf kerja-kerja awam di Terminal Minyak Mentah Kerteh, Terengganu. Kesyukuran jaringan kolaboratif bersama PETRONAS ini amatlah penting untuk melestarikan kelayakan profesional syarikat Wangsa Ultima Sdn. Bhd. dalam bidang kejuruteraan awam, mekanikal dan elektrik terutamanya dalam projek-projek utamanya seperti perkhidmatan pembaikan dan penyelenggaraan stesen, aktiviti sebutharga dan kerja-kerja kejuruteraan, perolehan, pembinaan dan pentauliahan (EPCC) dan pengurusan fasiliti. Hal ini telah menunjukkan hubungan yang signifikan dalam pengendalian projek dan kejayaan WUSB dalam mencapai hasrat dan matlamat syarikat.

Walau bagaimanapun, masalah dalam memimpin sesebuah projek pasti akan timbul

termasuklah kekurangan tenaga kerja mahir dan penjadualan. Hal ini demikian kerana bagi memastikan kejayaan sesebuah projek ianya bukanlah sesuatu perkara yang mudah. Oleh itu, antara langkah proaktif yang diambil oleh pengurus projek di syarikat WUSB adalah dengan membuat pelan sandaran bagi mengatasi masalah yang timbul dalam kalangan tenaga kerja disamping itu pemantauan yang berkala juga dilakukan supaya projek tersebut dapat dijalankan dengan lancar mengikut penjadualan yang telah ditetapkan.

Sumber kejayaan syarikat Wangsa Ultima Sdn. Bhd. dalam mengendalikan Perjanjian Sebut Harga bagi menjalankan projek penyelenggaraan umum rumah kompresor di stesen PETRONAS di Cheras pada Mei 2022 yang lalu merupakan antara contoh kejayaan kepimpinan pengurus projek di bawah seliaan Pegawai Eksekutif Jurukur Bahan. Hal ini demikian kerana projek ini hanya mengambil masa selama 1 bulan sahaja. Ia merupakan kesinambungan kontrak di bawah di bawah kerja-kerja penyelenggaraan (sivil, mekanikal dan elektrik) di stesen PETRONAS di Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak – Wilayah Timur dan Selatan yang mana kerja-kerja projek penyelenggaraan ini telah bermula sejak 1 November 2019 iaitu ketika fasa pandemik Covid-19 dan seterusnya dijangka akan selesai dalam fasa endemik.

Jelaslah bahawa peranan pemimpin merupakan kunci kepada kejayaan projek rumah kompresor. Ia dapat dilihat menerusi kaedah yang diambil oleh pengurus projek syarikat WUSB iaitu dengan membuat penjadualan projek yang efektif dan efisien, jaringan kolaboratif bersama dengan agensi kerajaan, memberi penumpuan terhadap projek yang mendatangkan keuntungan yang cepat kepada syarikat dan pengurusan kewangan yang berkesan.

3. Analisis Sejarah Kes

Pada bahagian ini akan menerangkan data-data projek kejayaan syarikat Wangsa Ultima Sdn. Bhd. dan latar belakang key informan yang telah ditemu bual.

3.1 Data-Data Projek Kejayaan Syarikat Wangsa Ultima Sdn. Bhd.

Syarikat Wangsa Ultima Sdn. Bhd. (WUSB) merupakan sebuah firma di Malaysia yang menyediakan perkhidmatan yang komprehensif kepada pelanggannya bagi memenuhi keperluan industri dengan menggabungkan kemahiran dan pengalaman teknikal dalam meningkatkan produktiviti dalam bidang kejuruteraan dan perkhidmatan awam, mekanikal dan elektrik. Oleh sebab itu, aspek kepimpinan dan kewibawaan yang ditunjukkan oleh Encik Mohd Rijaluddin Rabbani Bin Mohd Nasir sebagai Pegawai Eksekutif Jurukur Bahan di syarikat WUSB kepada pasukan projek dibawahnya telah membawa kepada pengaruh yang besar disebalik kejayaan syarikat WUSB dalam mengendalikan setiap projek yang diperolehi.

Kepimpinan yang ditunjukkan Encik Rijal dalam mengendalikan projek penyelenggaraan umum rumah kompresor di stesen PETRONAS dapat dilihat melalui pembabitan Encik Rijal dalam projek yang dijalankannya sebelum ini iaitu sebagai pengurus projek dalam kerja-kerja pengubahsuaian dan penyelenggaraan untuk Kemudahan Pam Petrol di Perodua Sales Sdn. Bhd. yang memakan masa hampir 2 tahun dari Jun 2020 hingga Mei 2022 dengan kos sebanyak RM 500,000. Selain itu, Encik Rijal juga telah dipertanggungjawabkan dalam pengurusan projek dan tender kerana sikap kepimpinan yang ditonjolkannya serta pengalaman profesional dalam bidang kejuruteraan kos, ukur bahan, pentadbiran kontrak dan pengurusan fasiliti atau penyelenggaraan.

Antara pengurusan projek yang telah diletakkan di bawah pimpinan Encik Rijal adalah dalam tanggungjawab menyelia aktiviti penyelenggaraan dan pelaksanaan projek ke atas kemudahan PETRONAS dan Kumpulan Malaysia Airlines dari lokasi luar pesisir dan darat serta menyelia dan mengetuai bahagian pembinaan dan projek untuk kerja EPCC, kerja menaik taraf, kerja pengubahsuaian dan kerja penyelenggaraan manakala dalam pengurusan tender pula Encik Rijal telah dipertanggungjawabkan dalam mengurus dan mencipta bahan berkaitan cadangan yang digunakan sebagai tindak balas kepada kedua-dua permintaan cadangan pelanggan rasmi dan tidak rasmi daripada korporat serta memberi panduan kepada bahagian pentadbiran dan kewangan berhubung dengan bidang kepakaran dan tanggungjawab mereka.

Bahkan di bawah kepimpinan Encik Rijal ini juga telah melayakkan syarikat WUSB menerima penganugerahan dari PETRONAS sebagai kontraktor berdaftar dengan PETRONAS oleh kerana komitmen dan kerjasama 100% yang ditunjukkan oleh Encik Rijal dan pasukannya sebagai '*frontliner*' berdasarkan situasi semasa dalam Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) bagi memastikan kemudahan penting anak syarikat PETRONAS tetap berfungsi dengan baik.

3.2 Latar Belakang Informan

Pada bahagian ini akan menjelaskan mengenai latar belakang informan yang telah ditemu bual untuk mendapatkan gambaran secara menyeluruh mengenai pengurus projek di syarikat kontraktor kejuruteraan awam, mekanikal dan elektrik kelas G7 (kontraktor CIDB Gred 7) iaitu syarikat Wangsa Ultima Sdn. Bhd. (WUSB) yang bertaraf Bumiputera 100% yang terletak di No. 81, Jalan BP 6/3, Bandar Bukit Puchong, 47120 Puchong, Selangor Darul Ehsan. Encik Mohd Rijaluddin Rabbani Bin Mohd Nasir yang berumur 33 tahun merupakan seorang Pegawai Eksekutif Jurukur Bahan di syarikat WUSB dan sangat berpengalaman dalam menjayakan pelbagai projek di sepanjang tempoh 5 tahun perkhidmatannya di syarikat ini. Latar belakang pendidikannya dalam Sarjana Muda Ukur Bahan dari Universiti Malaya telah dipertanggungjawabkan oleh majikannya untuk mengurus projek-projek sehingga memperoleh banyak kejayaan.

Encik Rijal juga telah banyak menyumbang tenaga untuk menjayakan setiap projek yang diambil oleh syarikat Wangsa Ultima Sdn. Bhd. (WUSB). Hal ini dikatakan demikian kerana tugas sebagai Pegawai Eksekutif Jurukur Bahan merupakan sebuah kerjaya yang profesional dalam industri pembinaan yang mana ia berperanan untuk membantu mengira anggaran kuantiti dan kos-kos bagi sesebuah projek pembinaan. Encik Rijal sangat bertanggungjawab dalam melakukan kerja-kerja di syarikat tersebut antaranya ialah melakukan perancangan kos iaitu dari aspek tenaga kerja, kajian kemungkinan, menganalisis faedah kos, melakukan anggaran perbelanjaan serta melakukan penilaian satu-satu projek pembinaan bagi pihak pelanggan. Pengukuran yang tepat dan terperinci merupakan kepakaran Encik Rijal untuk membuat kos kawalan harga pada satu-satu pembinaan seperti projek rumah kompresor di Cheras contohnya, harga pekerja, harga bahan dan harga jentera.

Oleh yang demikian, Encik Rijal merupakan salah seorang pekerja jurukur bahan di syarikat Wangsa Ultima Sdn. Bhd. yang telah banyak memberi sumbangan tenaga kerjanya kepada syarikat tersebut untuk menjayakan projek. Sehingga hari ini, syarikat WUSB telah

menerima banyak projek kerana proses pekerjaannya yang cekap dan menunjukkan kecemerlangan.

4. Senario Semasa Berkaitan Kejayaan Kes

Hasil kajian telah menunjukkan bahawa peranan pemimpin Encik Mohd Rijaluddin Rabbani Bin Mohd Nasir sebagai Pegawai Eksekutif Jurukur Bahan di syarikat Wangsa Ultima Sdn. Bhd. adalah penting dalam menguruskan penjadualan projek yang efektif dan efisien, menjalinkan jaringan kolaboratif bersama dengan agensi kerajaan, memberi penumpuan terhadap projek yang mendatangkan keuntungan yang cepat kepada syarikat dan pengurusan kewangan yang bijak dan berkesan merupakan kunci kepada kejayaan projek.

4.1 Penjadualan Projek Yang Efektif Dan Efisien

Sebagai seorang pengurus projek yang berpengalaman 5 tahun dalam mengendalikan projek di sebuah syarikat kontraktor bertaraf Gred G7 ini Encik Rijal telah menyatakan bahawa penjadualan projek yang efektif dan efisien telah menjadi salah satu penentu kejayaan Perjanjian Sebut Harga bagi menjalankan projek penyelenggaraan umum rumah kompresor di stesen PETRONAS di Cheras pada Mei 2022 yang lalu. Keupayaan kepimpinannya dalam menyediakan jadual projek yang komprehensif ini telah menggariskan beberapa program dan struktur pecahan kerja untuk panduan 5 orang ahli pasukan projeknya supaya perjalanan projek berjalan dengan lancar.

Perkara ini turut disokong oleh Haugan (2002) yang mana perancangan dan penjadualan merupakan salah satu kaedah untuk mengenal pasti prestasi sebenar satu-satu kerja atau proses dan aktiviti yang dijalankan. Abu Seman (2017) turut menyatakan pendapatnya iaitu aspek yang paling penting dalam proses penghasilan sesebuah projek adalah dari segi faktor masa dan tempoh yang diambil bagi penyiapan projek. Hal ini dapat membantu pengurus projek untuk mengenal pasti sumber-sumber yang diperlukan bagi pembinaan sesebuah projek dan sebarang pertindihan ataupun masalah seperti faktor kekurangan tenaga kerja mahir dan cuaca buruk di kawasan tapak projek dapat dikenal pasti dengan adanya perancangan dan penjadualan projek yang efektif dan efisien.

“Kita kena buat timeline... project schedule. So, apa-apa yang kita buat macam dari segi schedule tu, kita kena make sure dia ikutlah schedule kita... haa... schedule kerja kan... so, kalau macam ada incapable ke atau macam terlebih hari contohnya kalau macam faktor manpower tu memang masalah kita lah. Kita kena cari replacement lah. Okey, kalau macam dari segi post-merger macam hujan enn... hujan lebat ke tu memang kita tak boleh elakkan... so, kita akan minta extension of times la dekat client.”

Justeru itu, peranan pengurus projek dalam menyediakan sistem penjadualan projek ini berupaya mengatasi sebarang masalah dan konflik yang timbul di sepanjang mengelolakan projek. Ia mestilah merangkumi segala aspek kemungkinan seperti prestasi pembinaan, tempoh masa, kaedah awalan dan rangkaian bekalan yang diambil kira sebelum memulakan sesebuah projek supaya projek dapat disiapkan mengikut kehendak pelanggan.

4.2 Jaringan Kolaboratif Bersama Agensi Kerajaan

Keupayaan kepimpinan dalam pengurusan projek terbukti berkesan apabila wujudnya rangkaian dan jalinan kerjasama yang erat dan kukuh bersama dengan agensi kerajaan. Hal ini demikian kerana dengan adanya kerjasama tersebut, maka segala pelaksanaan dan pengurusan menjadi lebih baik disamping mendapat sokongan daripada pihak berkuasa. Dengan erti kata lain, pelbagai manfaat yang diperolehi oleh syarikat kontraktor yang menjalinkan kerjasama dengan agensi kerajaan termasuklah kemudahan untuk mendapatkan permohonan pelesenan dan sijil-sijil yang berkaitan. Melalui inisiatif ini, satu program iaitu Portal Kontraktor Malaysia (MCP) telah dilancarkan di bawah Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB). Pelancaran ini bertujuan bagi memudahkan urusan transaksi kontraktor dengan agensi-agensi kerajaan termasuklah tujuan pelesenan dan permohonan sijil serta kerja-kerja yang berkaitan.

Menurut Kurup (2022), pelancaran tersebut adalah bertepatan dengan Pelan Strategik Pembinaan 4.0 (2021-2050) yang memenuhi keperluan industri pembinaan agar berubah seiring dengan pembangunan pesat iaitu penerapan terhadap penggunaan teknologi mahupun sistem yang lebih pintar. Menurut Encik Rijal yang merupakan Pegawai Eksekutif Jurukur Bahan telah menyatakan syarikat WUSB ini menjalinkan hubungan yang erat bersama agensi kerajaan khususnya Majlis Perbandaran yang mana sebelum projek itu dilaksanakan, ia terlebih dahulu akan mendapatkan persetujuan daripada pihak Majlis Perbandaran.

“Ada... dengan Majlis Perbandaran... sebab nak buat kerja kena dapat persetujuan dengan Majlis Perbandaran enn... so, kita kena get in touch dengan Majlis Perbandaran la untuk nak kena ikut dia punya requirement tu...”

Dengan itu, peranan pengurus projek dalam membuat jaringan kolaboratif bersama agensi kerajaan seperti Majlis Perbandaran adalah penting untuk mendapatkan kelulusan permohonan terhadap pelaksanaan sesuatu projek.

4.3 Memberi Fokus Kepada Projek Yang Memberi Keuntungan Kepada Syarikat

Kejayaan projek yang diperolehi oleh syarikat Wangsa Ultima Sdn. Bhd. ini merupakan sumbangan pengurus projek dalam memberikan fokus kepada projek yang memberi keuntungan yang tinggi dan cepat. Keadaan ini dapat mengatasi kekurangan perhatian terhadap penentu kejayaan syarikat berasaskan tahap keuntungan yang diperolehi di sebalik rumusan yang pelbagai mengenai faktor-faktor kejayaan dan kegagalan syarikat (Rozell, 2010; Radiah, 2009; Benzing, 2009). Antara projek yang telah diambil oleh pengurus projek dalam menjayakan syarikat WUSB adalah dengan mengambil projek-projek pembinaan mega seperti menaik taraf ke atas kemudahan PETRONAS dan mengetuai beberapa projek utama iaitu kerja penyelenggaraan stesen, aktiviti sebutharga dan kerja-kerja EPCC dan pengurusan fasiliti bersama PETRONAS Dagangan Berhad.

“Haa... G7 ni kalau dia macam dalam CIDB tu dia ada build-up capital la... So, dia G1 sampai G7 la... So, G7 ni untuk projek yang lebih mega construction project. Yang ni gred yang paling tinggi la dalam CIDB ataupun kerja-kerja yang besarlah. So, company dekat Bandar Bukit Puchong, Selangor dan sekarang ni kita ada buat projek dengan PETRONAS sampai tahun depan... stesen-stesen PETRONAS enn...”

Menurut Encik Rijal, syarikat WUSB ini merupakan syarikat kontraktor berdaftar CIDB kelas G7 telah mengadakan projek bersama secara besar-besaran dengan PETRONAS dan Malaysia Airlines Berhad sebagai kontraktor utama penyelenggaraan. Projek yang sehingga tahun hadapan ini memberi keuntungan yang besar kepada syarikatnya. Seterusnya, syarikat ini baru sahaja menyiapkan projek rumah kompresor di Cheras pada Mei 2022 lalu untuk struktur awam, mekanikal dan elektrik dalam projek tersebut.

“Oh... kita maintenance untuk stesen PETRONAS la... and then ada juga untuk maintenance untuk projek dengan Malaysia Airlines. Projek yang sekarang ni tengah buat dekat Cheras. Kita buat compressor house, dia dah siap and then sekarang ni untuk final submission untuk claim la... buat civil electrical and mechanical structure.”

Jelaslah bahawa seorang pengurus projek yang memberi fokus kepada projek yang menguntungkan syarikat dapat berkembang dengan maju.

4.4 Pengurusan Kewangan Yang Berkesan

Pengurusan kewangan yang berkesan merupakan salah satu kemahiran penting yang perlu ada pada setiap pengurus projek dalam merancang dan mengatur kewangan dengan baik. Ini dapat dilihat dalam kejayaan yang ditunjukkan oleh syarikat Wangsa Ultima Sdn. Bhd. yang mana setiap projek yang akan dijalankan akan mendapat peruntukan kewangan oleh syarikat tanpa sebarang masalah lebih-lebih lagi syarikat ini merupakan antara syarikat yang mempunyai pengalaman dengan lebih 50 projek yang berjaya disiapkan antaranya adalah projek dalam membekal dan memasang dek dan sekatang gril logam di Institusi Teknologi PETRONAS tanpa sebarang masalah dalam menyediakan bajet kewangan sebanyak RM 765,000 bagi anggaran perbelanjaan dalam projek yang dilaksanakan. Oleh sebab itu, menurut Mohd Suberi (2012), firma yang tidak mempunyai pendapatan yang cukup untuk menampung kos dan nilai aset bersih firma berada dalam keadaan negatif serta tidak berupaya membayar hutang kepada pemiutang. Dengan itu, pengurusan kewangan yang baik mempunyai hubungan yang signifikan kepada prestasi syarikat.

“...biasa company dia akan ada... bila kita dapat projek tu enn... kita yang masukkan harga tau... so, bile kita dah dapat LOA ataupun purchase order daripada client... so, kita akan buat requirement bajet la kat bos... kat company tu untuk nak dapatkan bajet kewangan tu. So, kita kena make sure bajet tu mencukupilah.”

Jelaslah bahawa perancangan kewangan dengan bijak dan berkesan diperlukan untuk meningkatkan kecekapan dan keberkesanan pengurusan, pentadbiran dan kepimpinan dalam memastikan kejayaan kepada syarikat.

5. Perancangan Masa Hadapan Untuk Tingkatkan Kejayaan

Berdasarkan hasil temu bual bersama informan, Encik Mohd Rijaluddin Rabbani Bin Mohd Nasir telah menyatakan 4 pendekatan yang perlu diambil oleh seorang pengurus projek untuk meningkatkan kejayaan syarikat Wangsa Ultima Sdn. Bhd. pada masa hadapan iaitu dengan

mengambil lebih banyak pekerja terlatih, sentiasa berkomunikasi dengan pekerja, memastikan projek yang diambil memberi keuntungan serta memastikan kedudukan atau pengurusan kewangan firma sentiasa kukuh.

5.1 Pengambilan Lebih Banyak Pekerja Terlatih

Masalah yang dinyatakan oleh Encik Rijal yang menjadi isu kepada syarikat Wangsa Ultima Sdn. Bhd. adalah berkenaan masalah kekurangan tenaga kerja kepada syarikat. Hal ini demikian kerana tenaga kerja berkadar langsung dengan produktiviti iaitu apabila lebih ramai orang yang boleh bekerja, maka akan lebih cepat projek dapat disiapkan atau lebih banyak projek yang dapat diambil oleh syarikat.

Pendapat ini turut disokong oleh Siti Hanisah & Nurazwa (2020) yang berpendapat bahawa pekerja yang terlatih dan berkemahiran dapat meningkatkan produktiviti tenaga kerja yang penting dalam meningkatkan pengeluaran syarikat dan meningkatkan ekonomi negara. Bahkan menurut Gardner (2002), untuk bersaing dalam persekitaran ekonomi global hari ini, sumber maklumat, modal atau aset fizikal bukan lagi penting kepada sesebuah syarikat tetapi ianya adalah kakitangan yang terlatih dan berkecekapan.

“Haa... manpower jelah... yang tu jelah yang nampak macam masalah la... yang lain tu macam kecil-kecil... tu takde la masalah sangat.”

Justeru itu, mempunyai tenaga kerja yang mahir, terlatih, tangkas dan mampu menyesuaikan diri dengan cepat dengan persekitaran kerja yang berubah-ubah adalah penting bagi sesebuah syarikat atau organisasi agar dapat membantu syarikat untuk meningkatkan lagi kejayaan dalam mengurus projek yang bakal diambil oleh syarikat pada masa hadapan.

5.2 Sentiasa Berkomunikasi Dengan Pekerja

Encik Rijal selaku pengurus projek di syarikat WUSB telah menyatakan bahawa komunikasi dengan ahli pasukan projeknya adalah penting untuk meningkatkan kejayaan dalam sesebuah projek pada masa hadapan. Hal ini bagi memastikan amalan terbaik pengurusan projek sentiasa diamalkan agar status kontraktor kelas G7 kekal dipegang oleh syarikat Wangsa Ultima Sdn. Bhd.

Pendapat ini turut disokong oleh Zainal Abidin et al. (2021) yang mana penyaluran komunikasi secara efektif bukan sahaja membantu organisasi untuk menterjemahkan misi dan matlamat kepada para pekerja malahan ia turut menyumbang kejayaan kepada syarikat untuk mencapai matlamat akhir projek. Menurut Miller (2004), salah satu pendekatan yang boleh diambil oleh seseorang pengurus projek adalah komunikasi mendatar yang mana ia meliputi proses komunikasi dalam kalangan para pekerja seperti pertukaran informasi, memperbaiki pembahagian tugas, penyelesaian masalah dan konflik serta membina perhubungan melalui aktiviti bersama.

“Masa hadapan... communication la... communication penting enn... communication dengan staff bawah-bawah ni pentinglah. Kalau back down... so, benda tu akan jadi masalah la...”

Jelaslah bahawa keberkesanan komunikasi di antara pengurus projek dan ahli-ahli pasukan projeknya adalah penting kerana ia menjadi tunjang kepada kejayaan ataupun kegagalan bagi sesebuah projek pada jangka masa panjang.

5.3 Memastikan Projek Yang Diambil Mempunyai Keuntungan

Pengurus projek dalam sesebuah syarikat mestilah memastikan projek yang diambil mempunyai keuntungan untuk meningkatkan kejayaan syarikat pada masa hadapan. Hal ini dikatakan demikian kerana keuntungan merupakan perkara yang paling wajib dalam sesebuah syarikat bagi memastikan syarikat tersebut dapat berkembang dengan baik.

Menurut Lussier (1995), pengukuran yang umum bagi kejayaan dalam perniagaan ialah tahap keuntungan perniagaan yang diperoleh iaitu sama ada ia lebih rendah daripada purata industri, sama dengan purata industri atau lebih tinggi daripada purata industri. Perkara ini amat penting untuk memastikan para pekerja dalam sesebuah syarikat itu gaji pekerja boleh dibayar, membeli barang keperluan projek atau syarikat dan untuk menggantikan barang projek dan sebagainya.

“Haa... biasanya memang kita kena ambil projek tu yang cepat untunglah... tapi kalau rugi tu, kita tak dapat nak elakkan la... tapi biasanya syarikat mana-mana pun... memang profit tu perlulah. Kalau tak, macam mana company nak running enn... nak bayar gaji pekerja enn... so, apa-apa kerja tu kita kena projek untuk profit la... kalau rugi, sama ada kita kena cari projek lain la untuk cover projek tu.”

Justeru itu, dengan memastikan projek yang diambil mempunyai keuntungan yang berpanjangan adalah penting untuk memastikan perancangan masa hadapan dapat meningkatkan kejayaan secara berterusan.

5.4 Memastikan Kedudukan Atau Pengurusan Kewangan Sentiasa Kukuh

Menurut Encik Rijal, syarikat Wangsa Ultima Sdn. Bhd. tidak mempunyai masalah kewangan. Setiap projek yang dijalankan mempunyai bajet tertentu dan syarikat mempunyai bajet terhadap pelaksanaan sesebuah projek. Justeru itu, perancangan masa hadapan bagi meningkatkan kejayaan adalah memastikan kedudukan atau pengurusan kewangan sentiasa kukuh. Hal ini demikian kerana sebelum menggunakan sesuatu perkhidmatan, pelanggan akan memastikan kedudukan kewangan sesebuah syarikat sentiasa stabil dan kukuh.

Perkara ini bertujuan bagi memastikan jaminan kepuasan terhadap sesuatu perkhidmatan yang digunakan. Menurut Cahan, et al. (2000), penyata kewangan syarikat haruslah mengambil kira maklumat pada nilai saksama yang mana maklumat nilai saksama tersebut memberi kesan kepada penyata pendapatan iaitu pelaporan adalah dalam bentuk penyata pendapatan komprehensif. Di Malaysia, piawai pertama yang mewajibkan pelaporan pendapatan komprehensif adalah ‘*Financial Reporting Standard 1 (FRS 1) Presentation of Financial Statements*’ yang diterbitkan oleh Lembaga Piawai Perakaunan Malaysia (MASB) berkuatkuasa bermula 1 Januari 2010. Perkara ini bertujuan untuk memperlihatkan kedudukan kewangan sesebuah syarikat.

“Dari segi kewangan, takde... sebab biasa kalau kewangan ni dia representative... biasanya nak dapatkan projek tu, client akan tengok dulu kalau kita ada masalah kewangan, dia takkan appoint. So far ni kewangan okey la... macam kita dapat sebab kita ada strong financial capability.”

Dengan itu, keupayaan pengurus projek dalam memastikan kedudukan kewangan yang stabil membantu mengekalkan serta mengelakkan syarikat daripada muflis.

6. Cadangan Penambahbaikan Berkaitan Isu Kajian Kes

Terdapat 4 cadangan penambahbaikan berkaitan peranan pemimpin dalam syarikat Wangsa Ultima Sdn. Bhd. bagi memastikan kelestarian kejayaan projek supaya matlamat akhir projek dapat dicapai. Cadangan penambahbaikannya adalah dengan memastikan penglibatan secara langsung dalam penghasilan perancangan jadual, memastikan pola komunikasi yang berkesan, membina jaringan kolaboratif bersama agensi kerajaan dan swasta bagi memastikan hasrat dan matlamat syarikat tercapai serta sentiasa bersedia untuk mencari pekerja pengganti yang berpotensi untuk menguruskan projek.

6.1 Penglibatan Secara Langsung Dalam Penghasilan Perancangan Jadual

Penglibatan secara langsung pengurus projek dalam penghasilan perancangan jadual kerja merupakan antara cadangan penambahbaikan bagi meningkatkan keupayaan kepimpinan pengurus projek dalam merangka perancangan projek yang akan dilaksanakan oleh syarikat WUSB. Ini supaya pengurus projek bertanggungjawab kepada pelaksanaan jadual yang dihasilkan dengan melibatkan diri secara langsung dalam memantau perancangan projek yang melibatkan kos, bahan, skop kerja dan penjadualan masa bagi memastikan projek berjalan lancar dan sempurna dalam tempoh yang ditetapkan.

Cadangan ini juga disokong oleh pendapat Nur Adila (2010) yang menyatakan supaya tidak timbulnya beberapa isu dalam industri pembinaan berkaitan jadual kemajuan kerja sesuatu projek yang akan menyebabkan perancangan yang dibuat tidak terperinci dan perjalanan kerja kurang jelas. Malahan juga menurut Nurfarahi Syifaa (2017) diambil dari (Alnasseri et al., 2015) berpendapat bahawa kontraktor atau pengurus projek bertanggungjawab dan perlu memahami kriteria dan faktor utama dalam penghasilan penjadualan dan perancangan sumber dalam memastikannya tepat dan berkesan.

6.2 Memastikan Pola Komunikasi Yang Berkesan

Hujah ini turut disokong oleh Aris & Yunus (2016) yang mana dengan adanya saluran komunikasi di dalam organisasi tersebut, setiap individu atau kelompok bukan sahaja dapat berinteraksi, memahami dan bertukar-tukar maklumat antara satu sama lain, tetapi juga dapat mewujudkan kerjasama yang berterusan dalam kalangan kakitangan. Hal ini jelas menunjukkan bahawa penggunaan pola komunikasi yang berkesan oleh seseorang pengurus projek dapat membantu ahli-ahli pasukan projeknya memahami gambaran projek dengan lebih jelas dan menyeluruh mengenai projek yang sedang dilakukan. Dalam pada masa yang sama, pengurus projek dapat menangani masalah dan konflik yang timbul dalam kalangan ahli pasukan

projeknya seperti masalah ketidakhadiran dan ini dapat mengekalkan keharmonian sesama ahli-ahli pasukan projeknya dalam jangka masa panjang.

6.3 Jaringan Kolaboratif Bersama Agensi Kerajaan Dan Swasta Bagi Memastikan Hasrat Dan Matlamat Syarikat Tercapai

Cadangan penambahbaikan berkaitan dengan isu yang timbul adalah menjalinkan lebih banyak hubungan kerjasama bersama agensi kerajaan dan swasta bagi memastikan syarikat WUSB mencapai hasrat dan matlamat. Selain itu, ia dapat membantu syarikat Wangsa Ultima Sdn. Bhd. untuk terus berkembang dengan sokongan kedua-dua agensi tersebut. Hal ini demikian kerana agensi kerajaan dapat membantu dalam khidmat sokongan seperti kewangan dan latihan pengurusan. Manakala, agensi swasta pula membantu mengadakan latihan teknikal dan pengurusan dalam bidang pengetahuan perniagaan, perakaunan, latihan, motivasi dan pemasaran. Perkara ini dapat menyelesaikan isu-isu yang timbul terutamanya kekurangan tenaga kerja mahir.

Dengan adanya sokongan ataupun bantuan daripada agensi kerajaan dari segi latihan dan kursus, ia dapat memperkasakan pembentukan modal insan yang berpengetahuan serta berkemahiran tinggi. Hujah ini disokong oleh Schultz (1963), yang mana peningkatan pendidikan dan latihan serta perluasan tenaga manusia yang lebih produktif merupakan aset penting terhadap pelaburan modal manusia ataupun tenaga kerja selari dengan kehendak industri pada masa kini. Justeru itu, modal insan yang berkualiti dapat membantu meningkatkan prestasi sesebuah syarikat dan ianya sejajar dengan pandangan bekas perdana menteri, Tun Abdullah Ahmad Badawi iaitu 'Modal insan yang berkualiti adalah satu kemestian.' Pendidikan dan latihan kemahiran berkualiti yang berterusan juga akan memastikan modal insan negara kekal relevan dengan kehendak industri dan pasaran semasa serta mampu berdepan dengan cabaran dan suasana persaingan antarabangsa yang kian meningkat. Jelaslah bahawa dengan sokongan kerajaan dan swasta membantu pengurus projek mengatasi masalah tenaga kerja kurang mahir.

6.4 Sentiasa Bersedia Untuk Mencari Pekerja Pengganti Yang Berpotensi Untuk Menguruskan Projek

Penambahbaikan berkaitan dengan isu yang timbul dalam kalangan pengurus projek adalah perlulah sentiasa melakukan persediaan untuk mencari pekerja pengganti yang berpotensi untuk menguruskan projek. Perkara ini dapat membantu pengurus projek syarikat WUSB melakukan tindakan yang bijak. Dengan ini, pengurusan kerja penting di dalam sesebuah organisasi kerana ia mampu melancarkan perjalanan atau proses kerja serta mengambil tindakan yang wajar supaya organisasi mampu mencapai objektif dan matlamat (Pinto dan Slevin, 1997).

Hal ini dikatakan demikian kerana sekiranya salah seorang pekerja yang dipertanggungjawabkan cuti atau sakit, penggantinya masih boleh menjalankan tugas mengikut jadual yang telah ditetapkan. Projek yang dijalankan itu pasti akan selesai pada waktunya dan para pelanggan juga senang untuk percaya kepada syarikat tersebut. Perkara ini juga akan mendorong sesebuah syarikat untuk berkembang maju kerana mengikut jadual projek yang telah dirancang dan ditetapkan serta bersedia untuk mencari pengganti jika pekerja menghadapi masalah atau sakit. Jelaslah bahawa sesebuah syarikat mestilah bersedia untuk mencari pekerja

pengganti jika seseorang yang ditugaskan untuk melaksanakan projek tersebut tidak dapat menguruskan projek bagi memastikan projek yang dilaksanakan itu tidak tergendala dan seterusnya boleh menyebabkan kegagalan projek.

7. Rujukan

- Abdul Kader, R., Mohamad, M. R., & Hj. Che Ibrahim, A. A. (2009). Success Factors For Small Rural Entrepreneurs Under The One-District-One-Industry Programme In Malaysia. *Contemporary Management Research*, 5(2),147-162.
- Abu Bakar, N. A. (2010). *Keberkesanan Penggunaan Jadual Kemajuan Kerja Terhadap Kemajuan Kerja Sebenar Dalam Industri Pembinaan*. (Unpublished bachelor degree's thesis). Universiti Teknologi Malaysia.
- Abu Seman, N. S. (2017). *Amalan Terbaik Perancangan Dan Penjadualan Projek Di Kalangan Kontraktor*. (Unpublished bachelor degree's thesis). Universiti Teknologi Malaysia.
- Aris, A. & Yunus, A. R. (2016). Komunikasi Berkesan. *ResearchGate*.
https://www.researchgate.net/publication/308414649_KOMUNIKASI_BERKESAN
- Atan, J., Jalil, M. H., & Mohd Shafiai, M. H. (2017). Analisis Kepimpinan Tun Abdullah Ahmad Badawi Terhadap Pembangunan Modal Insan Di Malaysia. *Jurnal Hadhari Edisi Khas*, 195-212.
- Benzing, C., Hung, M. C., & Kara, O. (2009). Entrepreneurs in Turkey: A factor analysis of motivations, success factors and problems. *Journal of Small Business Management*, 47(1): 58-91.
- Cahan, S. F., Courtenay, S. M., Gronnewoller, P. L., & Upton, D. R. (2000). Value relevance of mandated comprehensive income disclosures. *Journal of Business Finance & Accounting*, 27: 1233-1265.
- Gardner, T. M. (2002). Interfirm competition for human resources: Evidence from the software industry. *Academy of Management Journal* 48(2): 237-256
- Haugan, G. T. (2002). *Project planning and scheduling*. Leesburg Pike. VA: Management Concept Press.
- Ismail, S. H., & Ahmad, N. (2020). Hubungan di antara persekitaran kerja dan produktiviti tenaga kerja dalam sektor pembuatan. In: Kajian Kes di Malaysia. *Penerbit UTHM*, 11-24.
- Kurup, J. (2022). CIDB Lancar Portal Kontraktor Malaysia Mudahkan Transaksi Kontraktor Dengan Kerajaan. *Dagang News*. <https://dagangnews.com/cidb-lancar-portal-kontraktor-malaysia-mudahkan-transaksi-kontraktor-dengan-kerajaan-12993>
- Lussier, R. N. (1995). A Nonfinancial Business Success Versus Failure Prediction Model For Young Firms. *Journal of Small Business Management*, 33(1): 8-20.
- Miller & Barbour. (2014). *Organizational communication: Approaches and processes*. Seventh Edition. New York: Cengage Learning.
- Mohd Nawawi, N., Abdul, S. N., Mohd Nawawi, N., & Mohd Nasrun. (2013, Mei). *Isu komunikasi dalam pengurusan projek*. In: Simposium Pengurusan Teknologi, Operasi & Logistik (SIPTIK IV), Foyer Perpustakaan Sultanah Bahiyah UUM.
- Mohd Suberi. (2012). *Prestasi Kewangan dan Isu-Isu Pengurusan Firma Kontraktor Bumiputera dalam Industri Pembinaan*. (Unpublished doctoral dissertation). Universiti Sains

Malaysia.

- n.a. (n.d.). *Bab II Tinjauan Pustaka – Pengertian Pola Komunikasi*. (Unpublished master's thesis). Universiti Muhammadiyah Malang.
- Pinto, J. K., & Slevin, D. P. (1997). *Critical Success Factors in Effective Project Implementation*. 2nd Edition, 167-190. New Jersey: John Wiley & Sons.
- Sulaiman, N., & Abdul Shukor, Z. (2017). Pendapatan Komprehensif dan Nilai Firma: Peranan Jawatankuasa Audit. *Asian Journal of Accounting & Governance, Vol. 8*: 55-69.
- Rozell, E. J., Scroggins, W. A., Amorós, J. E., Arteaga, M. E., & Schlemm, M. M. (2010). Entrepreneurship in specific cultural contexts: the role of training and development for entrepreneur-culture fit. *Journal for Global Business Education, Vol.10*, 51-71.
- Schlumberger Limited. (2022). *Energy Glossary – compressor*.
<https://glossary.slb.com/en/terms/c/compressor>
- Wangsa Ultima Sdn Bhd. (2021). *Company Profile Wangsa Ultima Sdn Bhd*.
<https://wusb.com.my/>
- Zainal Abidin, M. Z., Firdaus, A., & Md Syed, M. A. (2021). Komunikasi Strategik dalam Pengurusan Komunikasi Organisasi: Definisi, Pendekatan dan Pelaksanaan. *Jurnal Pengajian Media Malaysia, Vol. 23(1)*: 49-64.

Pengurusan Projek Yang Baik Adalah Kunci Kejayaan Projek Syarikat Kejuruteraan Cahaya Abadi Sdn. Bhd

**Nor Zulaika binti Hashim¹, Nur Fatin Adha binti Abdull Halim², Fatin Umairah binti
Mohamad Roslan³, Nur Shazwatie Solehah binti Mohamad Rejal⁴, Mohamad
Shaharuddin Samsurijan⁵**

^{1,2,3,4,5}Pusat Pengajian Sains Kemasyarakatan, Universiti Sains Malaysia
Email: ²nurfatinadha99@gmail.com, ⁵msdin@usm.my

Abstrak

Pengurusan projek ialah satu teknik sains pengurusan atau kajian operasi penting yang digunakan untuk melaksanakan projek dan merupakan satu pengurusan yang mempengaruhi kerja operasi melibatkan pembangunan, perubahan dan inovasi. Peranan pengurus projek dan sumber manusia mempengaruhi kejayaan projek yang dilakukan. Pengurus projek dan sumber manusia yang berkebolehan dan berkemahiran tinggi merupakan tonggak kejayaan sesebuah syarikat. Kajian ini membincangkan kejayaan projek Syarikat Kejuruteraan Cahaya Abadi Sdn Bhd dalam pengurusan projek serta kerjasama antara majikan dan pekerja. Terdapat dua objektif utama dalam kajian ini iaitu yang pertama, mengkaji faktor yang mempengaruhi kejayaan projek Syarikat Kejuruteraan Cahaya Abadi Sdn Bhd dan mengenalpasti sumbangan pengurus projek dan pekerja dalam menjayakan projek syarikat tersebut. Kajian ini telah memilih projek Syarikat Kejuruteraan Cahaya Abadi Sdn Bhd kerana kejayaan projeknya yang memberangsangkan. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif iaitu analisis dokumen dan temubual. Kami telah menganalisis artikel dan portal rasmi berkaitan dengan projek Syarikat Kejuruteraan Cahaya Abadi Sdn Bhd. Pendekatan temubual juga dijalankan iaitu seorang pengurus projek Syarikat Kejuruteraan Cahaya Abadi Sdn Bhd ditemubual dalam kajian ini. Hasil kajian ini mendapati bahawa terdapat 2 faktor yang menyumbang kepada kejayaan projek Syarikat Kejuruteraan Cahaya Abadi Sdn Bhd. Kajian ini juga telah mendapati beberapa sumbangan yang diberikan oleh pengurus projek dan pekerja dalam menguruskan projek yang dijalankan

Kata kunci: Pengurusan projek; pengurus projek; pekerja; kejayaan.

Abstract

Project management is an important management science technique or operational study used to execute a project and is a management that influences operational work involving development, change and innovation. The role of the project manager and human resources influence the success of the project undertaken. Highly capable and skilled project managers and human resources are the cornerstones of a company's success. This study discusses the project success of Syarikat Kejuruteraan Cahaya Abadi Sdn Bhd in project management as well as cooperation between employers and employees. There are two main objectives in this study, namely the first, to study the factors that influence the success of the project of Syarikat Kejuruteraan Cahaya Abadi Sdn Bhd and identify the contribution of project managers and employees in the success of the company's project. This study has selected the project of Syarikat Kejuruteraan Cahaya Abadi Sdn Bhd because of its encouraging project success. This study uses a qualitative approach that is document analysis and interviews. We have analyzed articles and official portals

related to the project of Syarikat Kejuruteraan Cahaya Abadi Sdn Bhd. The interview approach was also conducted in which a project manager of Syarikat Kejuruteraan Cahaya Abadi Sdn Bhd was interviewed in this study. The results of this study found that there are 2 factors that contribute to the success of the project of Syarikat Kejuruteraan Cahaya Abadi Sdn Bhd. The study has also found some of the contributions given by project managers and employees in managing the projects undertaken.

Keywords: *project management, project manager, employees, success*

1. Pengenalan

Projek ialah merupakan satu aktiviti pengoperasian yang wujud hanya sekali-sekali dalam tempah masa tertentu sahaja. Projek ialah satu usaha untuk mewujudkan sesuatu produk atau perkhidmatan untuk kegunaan masyarakat. Ciri-ciri projek ialah ia mempunyai matlamat yang khusus dan unik, bersifat sementara, memerlukan pelanggan dan penaja utama, dan juga memerlukan sumber-sumber dari pelbagai bidang (Zarabizan Zakaria, 2020). Manakala, pengurusan projek pula ialah satu set aktiviti yang membolehkan pelaksanaan sesuatu projek berjaya. Dalam sesebuah projek pembangunan, kejayaan pengurus projek adalah ia dapat menghasilkan sesuatu projek dalam masa dan bajet yang dipersetujui. Dalam erti kata lain, pengurus projek akan mementingkan “perancangan dan pengurusan” keseluruhan projek dari permulaan sehingga siap bagi memenuhi keperluan pelanggan. Pengurus akan memastikan projek yang dikenadalkan siap tepat pada masanya, mengikut kot yang ditetapkan dan standard kualiti yang diperlukan (Huljenic, 2005). Menurut Berry Fryer, pengurusan projek merupakan satu cabang atau bidang pengurusan yang menggabungkan perancangan, pengorganisasian, pengarahan dan pengawalan. Elemen yang diperlukan dalam pengurusan projek adalah seperti peruntukan, pekerja, jentera dan bahan yang akan melengkapkan sebuah projek.

Syarikat Kejuruteraan Cahaya Abadi Sdn. Bhd merupakan syarikat yang dipilih untuk membantu kajian kes ini. Syarikat Kejuruteraan Cahaya Abadi Sdn. Bhd ini telah mengambil tanggungjawab dengan berurusan dengan syarikat besar iaitu Tenaga Nasional Berhad (TNB). Kerjasama antara kedua syarikat besar ini memperlihatkan bagaimana pengurusan projek dijalankan, peranan pengurus projek dan pekerja yang terlibat dalam menjayakan projek ini. Pengurusan projek yang baik menjadi faktor kejayaan sesebuah syarikat. Bukan itu sahaja, tingkat kerja berorganisasi juga penting antara pengurus dan pekerja kerana amalan ini akan meningkatkan produktiviti dan juga perkhidmatan yang dijalankan (Zarina, 2013) Jelaslah bahawa kejayaan sesebuah projek yang dijalankan adalah bermula daripada pengurusan yang baik.

2. Sejarah Kes

Bahagian ini akan membincangkan mengenai maklumat latar belakang syarikat dan menerangkan kejayaan yang dihadapi oleh pasukan pengurus projek.

2.1 Maklumat Latar Belakang Syarikat

Syarikat Kejuruteraan Cahaya Abadi Sdn. Bhd merupakan Syarikat yang ditubuhkan oleh bumiputera sepenuhnya. Pada asalnya syarikat ini dikenali sebagai Kejuruteraan Cahaya Abadi


yang ditubuhkan pada sekitar tahun 2003. Seterusnya syarikat ini dinaik tarafkan kepada Sdn, Bhd pada 7 Oktober 2009.

Antara aktiviti perniagaan yang dilakukan oleh syarikat ini adalah mekanikal dan elektrik (M&E), sistem hawa dingin, pengutem elektrik, sistem ubahsuaian ataupun penyelenggaraan am bangunan, perkhidmatan mencuci bangunan dan membersihkan kawasan serta pengurusan fasiliti. Seterusnya, syarikat ini juga menjalankan perniagaan kontraktor Am, beli dan jual, memperbaiki dan menyelenggara semua jenis sistem dan peralatan penyaman dingin, pendawaian dan pemasangan elektrik. Tanggungjawab kontraktor am adalah membina dan memuat penyelenggaraan semua jenis bangunan, struktur, kerja awam mahupun swasta dalam apapun jenisnya. Seterusnya, perunding, beli dan jual, pembaikan dan penyelenggaraan semua jenis sistem tenaga solar dan peralatan dan sistem tenaga pembaharuan juga dijalankan oleh kontraktor Am.

Seterusnya, syarikat ini telah bekerjasama dalam menguruskan projek yang melibatkan Tenaga Nasional Berhad (TNB). Projek ini dikenali sebagai Projek Maintenance Facilities bangunan TNB yang melibatkan beberapa daerah di kawasan Perak iaitu bangunan TNB Kuala Kangsar, Gerik, Taiping, Teluk Intan, Manjung dan Bagan Serai. Projek Maintenance Facilities bangunan TNB ini bermula pada Januari 2019 sehingga sekarang masih dalam kontrak. Antara aktiviti yang dilakukan dalam projek ini adalah melibatkan kerja- kerja pembaikan bangunan, membuat tandas baru, melibatkan kerja- kerja pendawaian semula dan membaiki bumbung yang bocor. Projek yang dijalankan ini telah melibatkan 112 orang pekerja berwarganegara Malaysia.

Jadual 1: Maklumat Latar Belakang Syarikat

Nama Perniagaan:	Syarikat Kejuruteraan Cahaya Abadi Sdn. Bhd
No Pendaftaran Perniagaan:	0874294D
Alamat:	30, Persiaran Perindustrian Pengkalan 2, Kawasan Perindustrian Pengkalan, 31500 Ipoh, Perak (Rajah 1)
Email Syarikat:	kcaabadibhd70@gmail.com
Laman Web Syarikat:	https://www.facebook.com/Kejuruteraan-Cahaya-Abadi-Sdn-Bhd-1900687213542099/?ref=page_internal
Operasi:	Setiap hari Isnin hingga Sabtu jam 8.00 pagi hingga 5.00 petang. Syarikat Kejuruteraan Cahaya Abadi Sdn. Bhd mula beroperasi pada tahun 2003 .



Rajah1: Peta lokasi Syarikat Kejuruteraan Cahaya Abadi Sdn. Bhd (Sumber: Google Maps)

2.2 Penerangan Kejayaan

Kejayaan merupakan suatu matlamat yang utama dalam setiap aktiviti perniagaan. Adalah sangat penting kepada sesebuah organisasi untuk berjaya dalam perniagaan supaya mampu untuk kekal bersaing dalam sektor pembinaan. Organisasi yang mempunyai rekod kejayaan dalam menyiapkan projek adalah dianggap sebagai sebuah organisasi pembinaan yang berjaya, Arslan dan Kivrak (2008). Menurut Arslan dan Kivrak (2008) lagi, faktor kejayaan sesebuah organisasi perlu dilihat dari segi pengurusannya oleh kerana ia merupakan asas kepada sesebuah organisasi. Seterusnya, pengurusan juga adalah salah satu perkara yang memberikan kesan yang positif ataupun negatif yang dapat mempengaruhi dalaman dan luaran sesebuah syarikat. Faktor kejayaan ini dapat dilihat juga dari segi strategi yang digunakan dalam pengurusan.

Selain itu, kejayaan sesebuah organisasi adalah diukur berdasarkan kualiti, kos dan masa. Walaubagaimanapun, pengurus projek perlu mengambil serius dalam menguruskan projek oleh kerana berkemungkinan akan berlaku perkara negatif jika tidak mengambil serius dalam menjalankan sesebuah projek. Projek yang terbesar yang dilakukan oleh Syarikat Kejuruteraan Cahaya Abadi Sdn. Bhd ini ialah Project Maintenance Facilities bangunan TNB. Projek ini berlangsung dari Januari 2019 sehingga kini. Untuk memastikan projek berjaya dan berjalan dengan lancar, pengurus projek perlu menyediakan keperluan dan kemudahan kepada pekerja yang terlibat dalam mengurus projek dan memastikan tugas yang diberikan mampu untuk siap dalam tempoh yang telah ditetapkan. Pengurus projek juga perlu membuat laporan harian yang perlu diberi kepada pihak TNB untuk makluman mereka. Menurut Divakar dan Subramaniam (2009), faktor kritikal kejayaan juga merupakan suatu isu asas yang timbul dalam satu kerja yang memerlukan pemerhatian ataupun penyeliaan dari masa ke semasa sehingga kerja tersebut selesai. Oleh itu, pengurus projek perlu membuat pemantauan untuk mengekalkan prestasi kerja serta kemahiran pekerja yang terlibat dalam menjayakan projek tersebut. Selain itu, dalam memastikan projek berjalan dengan lancar adalah dengan mementingkan aduan yang diterima dan bersedia untuk menyiapkan kerja tersebut dalam tempoh yang pantas dan hasil kerja berkualiti. Seterusnya adalah dengan menjaga hubungan antara pihak TNB juga merupakan perkara yang penting untuk mencapai kejayaan projek.

Antara kejayaan projek yang dijalankan ini adalah syarikat ini dapat menyambung kontrak sehingga tiga tahun berturut-turut hingga hari ini. Hal ini dapat berjalan dengan jayanya

kerana mempunyai hubungan yang baik antara pekerja dan majikan dan kerjasama antara pasukan serta kemahiran yang diperolehi dalam mengendalikan projek. Pembahagian pekerja dibagikan mengikut kemahiran yang ada pada setiap pekerja agar kerja dapat dilakukan dengan cekap tanpa dikenakan penalti oleh kerana tiada disiplin kerja. Daripada pembahagian kerja yang cekap ini, ia dapat memudahkan perjalan projek dan tidak memerlukan pasukan kerja yang ramai.

Seterusnya, pengurus projek merupakan orang yang terpenting dalam menjayakan projek. Oleh demikian pengurus projek perlu memainkan peranan dalam mengendalikan pekerja yang terlibat dengan menyediakan keperluan dan kemudahan kepada pekerja dalam melancarkan projek tersebut. Oleh demikian, dengan pembahagian kerja yang betul dan berkomunikasi antara satu sama lain juga adalah perkara yang penting dalam menjayakan projek. Akhir sekali, pengurus projek perlulah cekap dalam mengendalikan apa jua keadaan dan kekangan yang berlaku. Contohnya, pengurus projek perlu cekap dalam mengendalikan aduan yang diterima dan menyelesaikan masalah dalam tempoh masa yang singkat dan tidak menanggung- nanggungkan kerja yang diterima.

3. Analisis Sejarah Kes

Bahagian ini akan membincangkan mengenai sokongan sejarah kes syarikat informan dan maklumat informan.

3.1 Kemukakan Data-Data Berkaitan Bagi Menyokong Sejarah Kes

Syarikat Kejuruteraan Cahaya Abadi Sdn. Bhd. Ini telah melaksanakan beberapa projek dalam kerja-kerja membaiki dan membersihkan fasiliti serta melibatkan kerja- kerja penyelenggaraan bangunan. Antara projek yang terbesar yang dijalankan adalah Projek Maintenance Facilities bangunan yang melibatkan bangunan Tenaga Nasional Berhad (TNB). Projek yang dijalankan ini telah bermula sejak Januari 2019 sehingga sekarang kerana ada sambungan kontrak.

“... dapat menyambung kontrak sehingga 3 tahun berturut...”

Antara tempat- tempat yang terlibat dalam projek ini adalah bangunan TNB di sekitar kawasan Perak iaitu, bangunan TNB Kuala Kangsar, Gerik, Taiping, Teluk Intan, Manjung dan Bagan Serai. Projek ini melibatkan beberapa jenis kerja yang perlu dilakukan oleh pekerja iaitu melibatkan kerja- kerja pembangunan, membuat pendawaian semula dan juga membaiki bumbung bangunan yang bocor. Projek yang dijalankan ini hampir mencecah RM 5,000,000.00. selain itu projek ini juga melibatkan kerja kerja pembersihan bangunan luar dan dalam bangunan.

“... Projek ini bermula dari Januari 2019 sehingga sekarang.. Bangunan TNB yang terlibat adalah di Kuala Kangsar, Gerik, Taiping, Bagan Serai, Manjung dan Teluk Intan. Projek ini juga hampir mencecah nilai RM 5,000,000.00. Projek ini berkaitan dengan pengurusan kerja-kerja pembersihan luar dan dalam bangunan. Selain itu, ia juga merangkumi kerja-kerja membaiki bangunan, contohnya bina tandas baru, membuat pendawaian semula dan juga membaiki bumbung bocor...”

Dengan adanya pengurusan yang sistematik dan efisien dari pihak pengurus, ia dapat memudahkan dan melancarkan kerja- kerja projek serta dapat memperolehi kejayaan dalam

menguruskan projek dengan cemerlang. Menurut Fryer (1997) pengurusan merupakan salah satu cabang daripada bidang pengurusan yang merupakan gabungan antara perancangan, pengorganisasian, pengarahan dan pengawalan. Namun, menurut Pinto dan Slevin (1997) pula, pengurusan kerja adalah penting dalam organisasi kerana ia mampu untuk melancarkan proses atau perjalanan kerja dengan mengambil tindakan yang wajar agar organisasi mampu untuk mencapai objektif dan matlamat. seorang pengurus projek perlu memberikan penyediaan keperluan serta kemudahan kepada pekerja untuk memenuhi dan memastikan projek dapat berjalan dengan jayanya.

“...Menyediakan keperluan dan kemudahan kepada setiap pekerja yang terlibat dalam projek ini demi memastikan projek berjalan dengan lancar...”

Oleh itu, pengurus projek perlu memastikan kerja yang diterima dapat disiapkan dalam tempoh yang telah ditetapkan oleh pihak TNB serta membuat laporan harian agar kerja yang dilakukan menjadi sistematik dan dapat ditunjukkan kepada pihak TNB.

“... saya akan memastikan setiap projek dan kerja yang diberi.. Mampu disiapkan dalam tempoh yang ditetapkan.. Saya juga akan membuat laporan harian yang perlu diberi pada pihak TNB untuk makluman mereka...”

tempoh masa kerja untuk siap merupakan faktor yang ketara untuk menentukan sesebuah organisasi itu berjaya atau tidak dalam melaksanakan tanggungjawabnya setelah berkontrak dengan klien. Menurut Arslan dan Kivrak (2008), kontraktor yang menyiapkan kerja mereka sebelum tarikh akhir menunjukkan bahawa kontraktor tersebut telah berjaya. Selain itu, pengurus projek juga perlu bijak membahagikan tugas kepada pekerja.

“... perlu bijak dalam membahagikan tugas pada setiap staf...”

Dengan adanya pembahagian kerja yang sistematik, ia dapat melahirkan pekerja yang dedikasi dan mampu menyiapkan tugas kerja dengan cekap dan efisien walau dengan apa rintangan yang datang.

Seterusnya, kejayaan projek ini dapat dilihat melalui semangat pasukan kerja yang bekerjasama dan menggunakan kemahiran masing-masing dalam melaksanakan projek ini. Projek ini terdiri daripada 112 orang pekerja dan kesemuanya adalah berwarganegara Malaysia. Menurut Sanvido dan Parfitt (1998), mereka berpendapat kejayaan sesebuah organisasi itu adalah bergantung kepada komitmen dan keupayaan pekerjanya dalam organisasi tersebut. Proses kerja akan menjadi lancar apabila pekerja-pekerja dapat melakukan kerja dengan cekap dan komited dalam kerja yang dibuat. Pasukan projek ini merupakan faktor yang menentukan kejayaan sesebuah projek yang dijalankan. Kejayaan projek perlu wujudnya komitmen diri bagi setiap individu yang terlibat dalam menjayakan projek kerana ia mampu mewujudkan persekitaran yang sihat dalam melaksanakan kerja. Menurut Cik Nurul Farhana yang merupakan pengurus projek bagi Syarikat Kejuruteraan Cahaya Abadi Sdn. Bhd. Pekerja yang terlibat mampu untuk menyiapkan kerja-kerja *urgent* dalam tempoh masa yang singkat iaitu hanya mengambil masa selama 3 hari.

Akhir sekali, komunikasi merupakan medium yang paling penting dalam menjayakan projek ini.

“... perlu bijak dalam membahagikan tugas pada setiap staf dan mempunyai komunikasi yang jelas untuk pemahaman kepada staf...”

Jika tiada komunikasi yang baik, maka projek akan menjadi sukar dan tidak dapat disiapkan dalam tempoh yang diberikan. Komunikasi penting kerana ia merupakan medium di mana maklumat perlu dikongsi dengan individu lain untuk penjelasan yang lebih terperinci dan memudahkan kerja yang akan dilakukan. Menurut Nwachukwu dan Emoh (2011), dalam penyelidikan mereka menyatakan bahawa komunikasi merupakan perkara untuk mengenalpasti misi projek, maklumat daripada pihak atasan, pelan perancangan, perundangan dan isu- isu lain seperti motivasi, latihan dan pengambilan pekerja. Oleh itu, komunikasi yang jelas perlu ada untuk pemahaman pekerja yang terlibat.

3.2 Sesi Temubual Bersama Key Informan Syarikat

Sasaran bagi kajian ini adalah key informan dari Syarikat Kejuruteraan Cahaya Abadi Sdn. Bhd. Iaitu Cik Nurul Farhana. Persampelan bukan kebarangkalian yang merupakan kajian yang menggunakan kaedah kualitatif merupakan persampelan bertujuan digunakan. Pengkaji telah menemu bual informan bagi memenuhi kehendak kriteria yang telah ditetapkan. Informan yang di temubual berumur 25 tahun yang merupakan seorang pengurus projek. Informan juga mempunyai pendidikan Diploma dari lepasan Kolej Vokasional Seri Iskandar Perak. Lokasi Syarikat Kejuruteraan Cahaya Abadi Sdn. Bhd. ini terletak di 30, Persiaran Perindustrian Pengkalan 2, Kawasan Perindustrian Pengkalan, 31500 Ipoh, Perak .

Seterusnya kaedah temubual yang digunakan adalah dengan cara menemu bual secara dalam talian menggunakan aplikasi *WhatsApp*. Hasil temubual mendapati beliau mempunyai ciri- ciri pengurusan yang cekap dalam menguruskan pasukan projek dalam membentuk kerjasama dalam pasukan dan membahagikan pasukan kerja kepada kerja-kerja dalam bidang kemahiran masing-masing bagi memudahkan kerja yang akan dilakukan.

4. Senario Semasa Berkaitan Dengan Kejayaan Kes

4.1 Aspek Penekanan atau Tumpuan Utama

4.1.1 Penekanan terhadap sikap kerjasama dalam kalangan tenaga kerja Syarikat Kejuruteraan Cahaya Abadi Sdn Bhd.

Aspek penekanan yang ditekankan oleh pihak syarikat ini adalah tentang kejayaan yang dicapai oleh syarikat mereka dalam melaksanakan Projek Maintenance Facilities bangunan TNB adalah sikap kerjasama yang dipupuk dalam kalangan ahli tenaga kerja kakitangan syarikat. Hal ini akan menyebabkan tugas mereka dalam melaksanakan kerja-kerja menjadi lebih lancar dan juga fleksibel. Sebagai contoh, menurut keterangan yang diberi oleh informan iaitu Cik Nurul Farhana bahawa kerjasama yang diamalkan oleh staff atau kakitangan mereka dalam membahagi tugas secara adil dalam kalangan mereka dan mempunyai kesepakatan yang kukuh dalam membuat perancangan dan susn atur strategi dalam menjayakan suatu projek . Mereka juga turut

bekerjasama dan saling mengamalkan sikap toleransi dalam menjalankan tugas berdasarkan arahan yang diberi mengikut kemahiran mereka dalam menyelesaikannya. Oleh itu, hasil daripada penekanan aspek kerjasama dalam kalangan ahli ini akan melancarkan urusan mereka dalam menghasilkan kerja-kerja yang dibuat seperti pemasangan penghawa dingin di TNB dan juga kerja-kerja pembersihan di kawasan tapak projek. Mereka juga melakukan kerja dengan tidak mengukur peringkat umur malah saling bekerjasama dan buktinya menyatakan bahawa kerja projek yang dijalankan oleh mereka itu dapat mencapai matlamat dan juga objektif projek yang dihasilkan oleh mereka. Hasil daripada pemantapan mereka dalam turut bekerjasama dalam menghasilkan output ataupun produktiviti ini dalam jangka masa yang sesuai dengan permintaan projek ini memberi kepercayaan kepada pihak perusahaan yang lain agar mereka langsung meneruskan kontrak mereka dalam bidang ini kepada jangka masa yang lebih panjang. Kejayaan projek dicapai apabila pengurus projek dapat menyiapkan projek dalam tempoh masa yang ditetapkan dengan mengoptimalkan penggunaan sumber projek (Besner & Hobbs, 2006). Justeru, sikap kerjasama yang diamalkan akan dapat merumuskan idea dan strategi yang meluas serta bijak dalam mengutarakan pandangan agar dapat menghasilkan kualiti kerja yang bernas.

4.1.2 Penekanan terhadap kemahiran mengurus dalam kalangan ahli tenaga kerja Syarikat Cahaya Abadi Sdn Bhd.

Tumpuan utama pihak syarikat ini dalam menjayakan sesuatu projek yang dirancang ini adalah mengikut aspek kemahiran dalam menguruskan sesuatu tugas yang diberi. Untuk memastikan sesuatu projek berjaya dilaksanakan, pengurus projek hendaklah mempunyai kemahiran kepimpinan yang tinggi di dalam menguruskan pasukan projek sepanjang fasa pelaksanaan projek (Gehring, 2007). Pengurus projek ini adalah sebagai watak utama dalam mengukur kemahiran dan menjadi sangat penting dalam merencana dan membuat rangkaian strategi serta memberi arahan kepada staf dan kakitangan kerja dalam melaksanakan tugas. Hyvari (2006) menyatakan bahawa keupayaan pengurus projek memimpin pasukan projek bagi mencapai objektif projek merupakan salah satu faktor kritikal dalam kejayaan projek. Aspek kemahiran dalam pengurusan penting kerana untuk mengelakkan daripada sesuatu kejayaan dalam melaksanakan projek menjadi gagal kerana kurang pemantauan yang dibuat oleh pengurus projek dalam menilai hasil kerja yang dijalankan oleh mereka.

4.2 Justifikasi Tumpuan Tersebut

4.2.1 Kebolehan Pengurus Projek Mengatur Tugas dan Masalah

Pendekatan yang digunakan pengurus projek ialah pengurusan pengecualian secara aktif iaitu penglibatan aktif pengurus projek dalam mengatur strategi dan menangani masalah (Mohd Shokory, 2020). Melalui kajian yang dilakukan ini pengurus projek menunjukkan keupayaan, kebolehan dalam menerangkan tugas dan berkeyakinan dalam memimpin, maka ahli pasukan atau pekerja meletakkan kepercayaan kepadanya untuk membahagi dan menentukan tugas. Sebagai contohnya pengurus projek membahagikan tugas mengikut kemahiran masing-masing seperti servis penghawa dingin, buat *wiring* fasa 1 dan 2, menyimen, memasang paip dan menukar pintu.

“...Saya membahagi kerja di antara semua staff menilai kemahiran masing-masing agar memenuhi keperluan projek dan mahukan projek tu berjalan dengan lancar dan menepati waktu yang ditetapkan...”

“... kita perlu bijak dalam membahagikan tugas pada setiap staf dan perlu ada komunikasi yang jelas untuk memahami staf dengan tugas mereka...”

Oleh itu dapat dilihat bahawa gaya kepimpinan seorang pengurus yang efektif untuk mengatur tugas dan bijak dalam berkomunikasi dapat mempengaruhi kejayaan sesebuah projek.

4.2.2 Kemahiran Pengurus Projek dalam Mengatasi Masalah Semasa Menjalankan Projek

Kecenderungan pengurus projek untuk bertindak balas dalam menyelesaikan masalah. Melalui kajian yang dijalankan pengurus projek dapat menjangkakan bahawa projek yang dijalankan mungkin dihadapi masalah sewaktu menyiapkannya. Misalnya, semasa pelaksanaan Project Maintenance Facilities bangunan TNB, pengurus projek mendapati syarikat bakal lewat untuk menyiapkan projek dalam masa 3 hari mengikut jadual yang telah ditetapkan. Dengan mengenal pasti masalah yang mungkin berlaku pengurus projek dengan pantas telah memikirkan langkah untuk menangani masalah tersebut. Perkara ini dapat dilihat melalui temubual yang telah dijalankan iaitu:

“... Saya sentiasa mempunyai backup plan. Contoh kalau projek ini saya mengupah pekerja luar untuk membantu menyiapkan kerja yang dijalankan supaya tidak menjejaskan pelaksanaan projek...”

Oleh itu kemahiran pengurus projek mengatasi masalah semasa menjalankan projek seperti menyediakan *back up plan* dan menupah pekerja luar sebagai bentuk sokongan untuk menyiapkan projek mengikut masa yang telah ditetapkan.

4.2.3 Pekerja yang Berkemahiran

Kejayaan sebuah projek antaranya ialah dengan bantuan dan kerjasama yang diberikan oleh pekerja. Mempunyai pasukan pekerja yang berdedikasi serta mampu bekerja dalam tekanan menjadikan projek Maintenance Facilities bangunan TNB selesai dengan baik. Melalui temubual mendapati pekerja Syarikat Kejuruteraan Cahaya Abadi Sdn Bhd adalah terdiri daripada pekerja yang mempunyai kemahiran yang khusus dalam suatu bidang. Maka jika diberikan tugas setiap pekerja dapat melaksanakannya dengan baik.

“...semasa menjalankan projek ni, pekerja boleh menyelesaikan tugas urgent hanya dalam tempoh 3 hari sahaja..... Semua staff berkemahiran jadi mereka boleh buat kerja dengan cepat dan sebahagian projek tak memerlukan team yang ramai pun”

Oleh itu, jelas menunjukkan kejayaan sebuah projek itu turut disumbang dengan pekerja dan pasukan yang berkemahiran dan mampu melakukan kerja dengan cepat dan pantas

5. Perancangan Masa Hadapan untuk Tingkatkan Kejayaan

Hasil daripada dapatan yang kami jalankan bersama informan iaitu cik Farhana, pengurus projek syarikat Kejuruteraan Cahaya Abadi Sdn Bhd, beliau mengemukakan beberapa perancangan masa hadapan yang ingin dicapai oleh syarikatnya.

5.1 Melibatkan Diri Dalam Projek Yang Lebih Besar

Perancangan yang dikemukakan ialah pengurus projek syarikat Kejuruteraan Cahaya Abadi Sdn Bhd ialah mereka berhasrat untuk melakukan kerja-kerja atau melibatkan diri dalam projek yang lebih besar. Projek besar yang dimaksudkan adalah seperti projek Mega yang berada dalam Malaysia.

“... Rancangan kami ialah akan melakukan kerja-kerja yang lebih besar...”

Oleh itu, jelas menunjukkan bahawa pengurus projek tersebut ingin meningkatkan kejayaan syarikat mereka dengan melibatkan diri dalam projek yang lebih besar. Penglibatan ini sekaligus boleh membawa nama syarikat mereka ke persada antarabangsa.

5.2 Berhasrat Untuk Menambah Keuntungan Kepada Syarikat

Pengurus berhasrat untuk menambah keuntungan kepada syarikat dengan mengendalikan lebih banyak projek yang berskala kecil mahupun projek berskala besar untuk mencapai kejayaan syarikat pada masa akan datang. Perancangan yang dikatakan oleh cik Farhana akan membawa syarikat tersebut untuk terus maju ke hadapan kerana semangat dan perancangan awal yang dibuat.

“...Rancangan kami ialah akan melakukan kerja-kerja yang lebih besar dan memberikan keuntungan kepada syarikat”

Hasrat yang dikemukakan oleh cik Farhana akan memberi kelebihan kepada syarikat kerana hasrat untuk memberi keuntungan dapat memberi manfaat kepada semua orang dibawahnya. Tanpa adanya perancangan ini, syarikat beliau tidak akan mencapai sesuatu yang lebih besar kecuali mereka ingin berpaut pada takuk yang sama tanpa mengharapkan sebarang perubahan untuk berjaya.

6. Cadangan Penambahbaikan atau Lain-lain Cadangan Berkaitan Dengan Isu Kajian Kes

Berdasarkan kajian yang telah dijalankan, beberapa aspek dapat diambil dan nilai sebagai penambahbaikan untuk meningkatkan lagi kualiti pengurusan projek Syarikat Kejuruteraan Cahaya Abadi Sdn Bhd.

6.1 Membentuk Pasukan Kerja yang Berdaya Saing

Membentuk pasukan kerja yang baik perlu merangkumi 3 konsep iaitu komitmen, tanggungjawab dan kemahiran. Adain (1984) menyatakan bahawa pasukan yang baik terdiri

daripada ketua yang berkemahiran, pekerja yang patuh dan saling melengkapi antara satu sama lain. Oleh itu, pemimpin perlu bersikap proaktif dengan melihat sebarang kemungkinan yang ada dan bersedia untuk membantu dan mengarah pasukan sekiranya berlaku perkara yang tidak diingini. Penting dalam bekerja secara berkumpulan untuk saling berkomunikasi supaya dapat membina perpaduan dan persefahaman yang baik. Kepentingan untuk setiap ahli untuk berdisiplin. Pelaksanaan kepada visi, misi dan matlamat yang telah diaturkan memerlukan disiplin dari ahli kumpulan untuk melihat kepada keberkesanannya (Jaafar Muhamad, 1997). Kejayaan sebuah projek bukan kerana usaha individu tetapi kejayaan sebuah projek dapat dilihat sebagai fungsi sempurna sebuah pasukan.

6.2 Menjalankan Program Pembangunan Kemahiran Pekerja

Kejayaan pelaksanaan sebuah projek, antara faktornya adalah pekerja yang berkemahiran. Syarikat boleh melaburkan wang untuk menghantar pekerja yang terpilih ke kursus kemahiran yang berkaitan bidang syarikat (Rashid, 2006). Sebagai contohnya syarikat boleh menghantar pekerja menghadiri kursus kemahiran seperti pengurusan, kepimpinan, perniagaan, database dan lain-lain. Pihak syarikat boleh memilih pekerja yang berpotensi tinggi untuk mengembangkan bakat yang sedia ada atau mempelajari kemahiran baru. Selain itu, syarikat juga boleh mengamalkan *lifelong learning* dan *learning organization* untuk meningkatkan kemahiran pekerja. Oleh itu, syarikat dapat melahirkan pekerja yang optimis dan berkebolehan untuk menyelesaikan masalah secara pantas dan sistematik. Maka, pekerja yang mempunyai tahap pendidikan dan kemahiran yang tinggi adalah lebih cenderung untuk membantu meningkatkan prestasi kerja syarikat (Mohd Azwan Ali,..)

6.3 Memberi ganjaran berdasarkan prestasi untuk meningkatkan tahap motivasi pekerja

Menurut Handerson (1979) faedah sampingan berbentuk ganjaran yang diberikan kepada pekerja sebagai bayaran tambahan jika telah melakukan kerja dengan baik. Melalui kajian yang dijalankan, cadangan untuk memberi saguhati kepada pekerja boleh meningkatkan motivasi pekerja. Pihak syarikat boleh memberi insentif ini kepada pekerja yang telah mencapai pencapaian tertentu. Hal ini dapat mendorong pekerja lain untuk mencontohi keperibadian pekerja yang mendapat insentif ini. Maka lahirlah satu suasana yang berdaya saing dalam syarikat. Dengan ini, prestasi pekerja akan meningkat dan secara tidak langsung syarikat dapat manfaat jangka panjang misalnya projek yang dijalankan seselai dengan cemerlang, keuntungan perniagaan meningkat dan lain-lain. Antara ganjaran yang boleh syarikat beri kepada pekerja ialah bonus bulanan, pemberian cuti dan sebahagiannya (Salim, 2015).

7. Rumusan

Pengurusan projek ialah satu teknik sains pengurusan yang digunakan untuk melaksanakan projek dan merupakan satu pengurusan yang mempengaruhi kerja operasi melibatkan pembangunan, perubahan dan inovasi. pengurusan projek juga merupakan satu cabang atau bidang pengurusan yang menggabungkan perancangan, pengorganisasian, pengarahan dan pengawalan dalam sebuah projek yang dijalankan. Dalam kajian kes yang dijalankan dapat disimpulkan bahawa pengurusan projek yang dijalankan oleh Syarikat Kejuruteraan Cahaya

Abadi Sdn. Bhd sangat baik dan telah membawa kepada kejayaan syarikat tersebut. Kejayaan mereka telah membuatkan syarikat tersebut menyambung kontrak daripada tahun 2019 sehingga kini. Kerjasama antara pengurus syarikat dan pekerja amat utuh dan menjadikan projek tersebut berjalan lancar. Kejayaan yang dicapai itu, sudah semestinya mempunyai pelbagai faktor yang diambilkira. Faktor yang dimaksudkan ialah hubungan yang baik antara pekerja dan majikan serta kemahiran yang diperolehi dalam mengendalikan projek. Bukan itu sahaja, pengurus projek juga telah memainkan peranannya dalam menjayakan projek seperti menyediakan keperluan dan kemudahan yang diperlukan oleh pekerjanya. Pembahagian kerja yang betul juga merupakan salah satu faktor kejayaan syarikat tersebut. Jelaslah bahawa faktor-faktor ini adalah bukti pengurusan yang baik yang telah dilakukan oleh pengurus projek daripada Syarikat Kejuruteraan Cahaya Abadi Sdn. Bhd.

8. Rujukan

- Abdullah, H., Sarpin, N., Omar, R., Mohamed, S., & Ismayatim, N. (2021). Kajian Masalah Kewangan yang dihadapi Kontraktor Bumiputera Semasa Fasa Pembinaan. *Research in Management of Technology and Business*, 2(1), 812–830. Retrieved from <https://penerbit.uthm.edu.my/periodicals/index.php/rmtb/article/view/2002>
- Ghani, F. (2016). *FAKTOR-FAKTOR KRITIKAL KEJAYAAN ORGANISASI KONTRAKTOR*. UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA. (n.d.). Retrieved June 29, 2022, from <https://bic.utm.my/files/2018/09/FARIDAHANUM-GHANI.pdf>
- Jaafar Muhamad. 1997. Kelakuan Organisasi. Kuala Lumpur: Leeds Publications. Edisi kedua.
- Mohd Sharif, S. A. ., & Ahmad Latiffi, A. (2021). Kemahiran Kepimpinan dalam Kalangan Pengurus Projek Pembinaan Berkenaan Aspek Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan . *Research in Management of Technology and Business*, 2(1), 1051–1065. Retrieved from <https://penerbit.uthm.edu.my/periodicals/index.php/rmtb/article/view/2037>
- Mohd Shokory, S., & Mohd Suradi, N. R. (2020). Pengaruh gaya kepimpinan pengurus projek ke atas prestasi kerja ahli-ahli pasukan projek dalam industri pembinaan di Selangor. *Management Research Journal*, 9(1), 1-16. Retrieved from <http://ojs.upsi.edu.my/index.php/MRJ/article/view/2849>
- Rashid, A. R. A. (2006). *Agenda perubahan: pengurusan sumber manusia dan kerjaya*. Utusan Publications.
- Salim, S. S., Roszaide, S., Ismail, A., & Yussof, I. (2015). Peranan sistem ganjaran berdasarkan prestasi dalam meningkatkan komitmen organisasi: Kajian kes penjawat awam di Putrajaya dan Selangor, Malaysia (Role of performance-based pay in enhancing employee organizational commitment: The case of civil servants in Putrajaya and Selangor, Malaysia). *Geografia*, 11(10).

Kejayaan OCTREX Holdings (M) Sdn Bhd dalam Pengurusan Projek

**Nur Syafiqah binti Mokhtar¹, Nur Syahirah binti Che The², Nur Diyana binti Mohd Azmi³,
Wan Nis Amni binti Shahrani⁴, Mohammad Shaharuddin Samsurijan⁵**

^{1,2,3,4,5}Pusat Pengajian Sains Kemasyarakatan, Universiti Sains Malaysia

Email: ⁵msdin@usm.my

Abstrak

Pada masa kini, kewujudan syarikat bertaraf Sdn. Bhd. dilihat memberi sumbangan yang besar dalam meningkatkan ekonomi negara. Kajian ini membincangkan berkaitan kejayaan Octrex Holdings (M) Sdn Bhd dalam pengurusan projek. Tambahan pula, objektif utama kajian ini adalah untuk mengenal pasti kejayaan yang telah dicapai oleh Octrex Holding (M) Sdn Bhd sepanjang ia beroperasi dari tahun 2019 sehingga kini. Kajian ini dilaksanakan menggunakan pendekatan secara kualitatif bagi tujuan pengumpulan data iaitu kaedah temubual bersama seorang usahawan syarikat yang terpilih secara atas talian. Dapatan kajian mendapati Octrex Holding (M) Sdn Bhd telah berjaya menembusi pasaran di dalam dan di luar negara sebagai syarikat yang menjalankan pemindahan teknologi dan pengkomersilan untuk produk Anod Aluminium. Malah, Octrex Holding (M) Sdn Bhd juga mendapat penghormatan daripada agensi kerajaan iaitu Kementerian Pertahanan Malaysia atas penghasilan produk syarikat iaitu Anod Aluminium yang juga digunakan pada kapal Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM).

Kata Kunci: Anod Aluminium; ekonomi; kejayaan.

1. Pengenalan

Pengurusan Projek adalah `aplikasi pengetahuan, kemahiran, alatan dan teknik kepada aktiviti projek untuk memenuhi keperluan projek`. Pengurusan Projek juga adalah proses memimpin kerja satu pasukan untuk mencapai matlamat projek dalam kekangan yang diberikan. Pengurusan Projek ini adalah amat penting dalam pengeluaran barangan dan perkhidmatan. Projek itu dikatakan telah berjaya apabila projek itu memenuhi matlamat skop, masa dan juga kos malah projek ini juga memuaskan hati pelanggan atau penaja. Kepuasan pihak berkepentingan merupakan matlamat akhir yang diusahakan oleh pengurus projek dan kepuasan serta kegembiraan pelanggan adalah merupakan beberapa frasa yang digunakan sebagai tambahan kepada pengurusan projek.

Dalam mencapai kejayaan projek, pengurusan projek digunakan sebagai pendekatan untuk memandu proses-proses yang terlibat dalam projek dari awal hingga akhir. Pengurusan projek perlu berada dalam satu keadaan yang berkesan untuk mencapai hasil projek yang terbaik (Ihuah et al. 2014). Pengurusan rojek yang berkesan dipengaruhi oleh faktor-faktor tertentu yang perlu dikenal pasti dari peringkat awal pelaksanaan projek sebagai panduan pihak yang terlibat dalam pengurusan projek. Ini kerana, faktor-faktor tersebut dapat memberi maklumat kepada pihak terlibat mengenai ruang penambahbaikan dalam meningkatkan kadar kejayaan projek. Dalam pada itu, faktor-faktor tersebut dapat dimanipulasi untuk meningkatkan kadar kejayaan projek (Müller & Jugdev 2012).

Kejayaan projek sebenarnya terdiri daripada dua aspek utama iaitu prestasi pelaksanaan dan pencapaian impak projek. Dalam konteks projek pembangunan pula, pencapaian impak projek merupakan indikator utama pencapaian kejayaan projek yang dilaksanakan oleh kerajaan. Kejayaan projek pembangunan dilihat melalui sejauhmana keupayaan projek memenuhi aspek kebolegunaan projek (fit for purpose) dan juga keupayaan projek memberi pulangan nilai untuk wang (value for money) (JPM 2015). Kedua-dua aspek ini telah diberi penekanan dalam laporan penilaian outcome projek yang digunakan untuk menilai pencapaian kejayaan projek yang dilaksanakan oleh kerajaan (Malaysia 2012).

Sebagai sebuah syarikat yang berjaya dalam pengurusan projek, Octrex Holdings (M) Sdn Bhd ini telah banyak mencapai beberapa objektif syarikat mereka dan syarikat ini juga telah berjaya menempah nama di peringkat Eropah dan juga Asia dalam pemasaran khidmat mereka. Antara projek yang berjaya diuruskan oleh Octrex Holdings (M) Sdn Bhd ini adalah syarikat ini berjaya menjalankan pemindahan teknologi dan pengkomersilan untuk produk Anod Aluminium. Malah, Octrex Holding (M) Sdn Bhd juga berjaya mendapat penghormatan daripada agensi kerajaan iaitu Kementerian Pertahanan Malaysia atas penghasilan produk syarikat iaitu Anod Aluminium yang juga digunakan pada kapal Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM).

2. Sejarah Kes

Pada bahagian ini, kajian membincangkan tentang maklumat latar belakang syarikat dan menerangkan kejayaan yang diperolehi daripada pasukan pengurusan projek.

2.1 Maklumat latar belakang syarikat

Octrex Holdings (M) Sdn Bhd merupakan sebuah syarikat yang menghasilkan produk perlindungan kikisan dan produk anti-kotoran untuk digunakan pada permukaan bahan kapal dan bot. Syarikat ini ditubuhkan di bawah Program *Malaysian Technology Development Corporation (MTDC) Symbiosis* iaitu Program Keusahawanan Graduan yang ditawarkan kepada graduan terbaik dalam bidang berkaitan teknologi. Syarikat ini ditubuhkan pada 24 Oktober 2019. Syarikat ini terletak di UPM-MTDC Technology Centre, Universiti Putra Malaysia, Seri Kembangan, Selangor. Syarikat Octrex Holdings (M) Sdn Bhd diterajui oleh Encik Muhammad Nadzri Ramdan yang merupakan ketua pegawai eksekutif dan Encik Mohamad Bakar Ismail sebagai pengarah urusan. Syarikat Octrex Holdings (M) Sdn Bhd merupakan penerima dana *Commercialisation of Research & Development Fund (CRDF)* daripada Malaysian Technology Development Corporation (MTDC).

Syarikat Octrex Holdings (M) Sdn Bhd ini menjalankan aktiviti pemindahan teknologi dan mengkomersialkan hasil produk penyelidikan dan pembangunan daripada Nuklear Malaysia. Syarikat ini memasarkan produk Anod Aluminium (Alunode) iaitu logam aktif yang berfungsi untuk menghalang permukaan bahan yang kurang aktif daripada berkarat. Selain itu, syarikat ini juga memasarkan produk Nurust iaitu sebatian berasaskan air yang berfungsi untuk menukarkan karat kepada lapisan hitam pelindung oksida besi yang lebih stabil untuk menutup kelembapan dan melindungi daripada kakisan masa hadapan. Seterusnya, Syarikat Octrex Holdings (M) Sdn Bhd juga menghasilkan sistem perlindungan kakisan (ICCP) yang direka berdasarkan jumlah luas permukaan badan kapal yang basah, serta sistem anti-kotoran (MGPS) yang bertujuan untuk

mengelakkan kekotoran daripada terlekat pada saluran paip di dalam kapal. Syarikat ini juga menjalankan aktiviti pemindahan teknologi dengan melakukan perkongsian produk strategik iaitu sistem perlindungan kakisan (ICCP) dan sistem anti-kotoran (MGPS) dengan Korea Selatan.

2.2 Penerangan kejayaan - penerangan berdasarkan pasukan pengurusan projek

Syarikat Octrex Holdings (M) Sdn Bhd telah beroperasi hampir 4 tahun bermula dari tahun 2019 sehingga kini. Walaupun baru hampir 4 tahun syarikat ini terlibat dalam aktiviti perniagaan, namun terdapat syarikat ini telah mencapai banyak kejayaan dalam pengurusan projek.

Pada tahun 2016, kerajaan telah menganjurkan sebuah pertandingan dalam bidang teknologi yang melibatkan usahawan berumur 30 tahun ke bawah. Pertandingan ini telah membuka peluang yang besar kepada Syarikat Octrex Holdings (M) Sdn Bhd apabila syarikat ini berjaya menang dalam pertandingan yang telah dianjurkan. Kemenangan yang diperoleh daripada pertandingan tersebut telah menyebabkan Syarikat Octrex Holdings (M) Sdn Bhd terpilih untuk menerima geran besar daripada kerajaan dimana syarikat ini mendapat peluang dan kepercayaan untuk menjalinkan kerjasama dengan 27 buah syarikat di bawah Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI). Syarikat ini juga telah berjaya mendaftar sebagai syarikat di bawah Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI). Menurut Pengarah Urusan Syarikat Octrex Holdings (M) Sdn Bhd Encik Mohamad Bakar Ismail, syarikat ini mendapat peluang dan kepercayaan daripada pihak kerajaan kerana kecekapan Syarikat Octrex Holdings (M) Sdn Bhd ini dalam pengurusan projek. Kerajaan percaya bahawa syarikat ini boleh membawa teknologi tempatan ke peringkat antarabangsa.

Selain itu, kejayaan yang dicapai oleh Syarikat Octrex Holdings (M) Sdn Bhd dapat dilihat apabila syarikat ini berjaya menjalankan aktiviti pemindahan teknologi dengan melakukan perkongsian produk strategik dengan Korea Selatan. Selain daripada produk Anod Aluminium, syarikat ini turut menghasilkan sistem perlindungan kakisan (ICCP) dan sistem anti-kotoran (MGPS) yang digunakan untuk mengelakkan kekotoran dan kikisan daripada terlekat pada bahagian permukaan bahan dan dalaman kapal serta bot. Perkongsian produk strategik ini melibatkan dua sistem tersebut iaitu sistem perlindungan kakisan (ICCP) dan sistem anti-kotoran (MGPS) dengan tiga buah syarikat daripada Korea Selatan. Hasil daripada pengurusan projek yang baik melalui perkongsian produk strategik dengan tiga buah syarikat daripada Korea Selatan tersebut, Syarikat Octrex Holdings (M) Sdn Bhd telah terbukti berjaya dalam menambah jaringan perniagaan dengan syarikat-syarikat lain. Syarikat ini juga mempunyai peningkatan daripada segi pertambahan modal sekali gus berjaya menerima mini geran daripada kerajaan untuk menguruskan projek seterusnya.

Di samping itu, kejayaan yang dicapai oleh Syarikat Octrex Holdings (M) Sdn Bhd juga dapat dilihat apabila syarikat ini berjaya mendapat pengiktirafan dan penghormatan daripada pelbagai agensi kerajaan seperti Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) dan Kementerian Pertahanan Malaysia (MOD). Penghasilan produk Anod Aluminium, sistem perlindungan kakisan (ICCP), sistem anti-kotoran (MGPS) serta produk Nurust telah mendapat pengiktirafan sebagai teknologi Revolusi Industri 4.0 (IR 4.0) daripada Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI). Pengiktirafan yang diberikan kepada produk-produk tersebut

sebagai teknologi IR 4.0 adalah ekoran daripada kecekapan Syarikat Octrex Holdings (M) Sdn Bhd dalam pengurusan projek ketika menghasilkan produk-produk tersebut. Syarikat Octrex Holdings (M) Sdn Bhd juga diberi penghormatan daripada Kementerian Pertahanan Malaysia (MOD) kerana telah berjaya menghasilkan produk-produk yang boleh dijadikan sebagai salah satu inisiatif untuk penjagaan kualiti dan kebersihan kapal dan bot yang terdedah kepada air masin dan air tawar. Penghormatan yang diberi daripada Kementerian Pertahanan Malaysia (MOD) kepada Syarikat Octrex Holdings (M) Sdn Bhd adalah disebabkan oleh terdapat banyak kapal-kapal serta bot di bawah Kementerian Pertahanan Malaysia (MOD) yang menggunakan produk-produk tersebut untuk menjaga kualiti serta kebersihan kapal dan bot mereka.

3. Analisis Sejarah Kes

Pada bahagian ini, kajian membincangkan tentang sokongan sejarah kes syarikat informan dan disertakan dengan maklumat tentang key informan.

3.1 Sokongan Sejarah Kes

Sebelum dunia dilanda wabak Covid-19, Syarikat Octrex Holding Sdn Bhd merupakan sebuah syarikat yang mengamalkan dua bentuk model perniagaan iaitu '*business to business*' dan '*business to consumer*'. Bentuk model perniagaan tersebut melibatkan hubungan di antara sebuah syarikat dengan syarikat-syarikat lain. Namun apabila dunia dilanda wabak Covid-19, bentuk model perniagaan yang diaplikasikan oleh Syarikat Octrex Holding Sdn Bhd telah berubah. Syarikat tersebut telah menggunakan satu lagi bentuk model perniagaan bagi membantu syarikat meluaskan pasarannya. Menurut Encik Bakar, Managing Director kepada syarikat tersebut, '*Business to Government*' merupakan satu lagi bentuk model perniagaan yang digunakan. Model perniagaan tersebut melibatkan pihak syarikat dengan masyarakat awam secara langsung. Produk-produk yang dihasilkan oleh syarikat yang dahulunya hanya dipasarkan kepada kerajaan dan syarikat-syarikat besar di dalam dan luar negara, kini telah mula dipasarkan kepada masyarakat secara langsung. Penggunaan model perniagaan tersebut telah membantu syarikat membaik pulih keadaan ekonominya selepas wabak Covid-19 melanda dunia. Penggunaan model perniagaan yang bersesuaian amat penting bagi memastikan misi dan visi projek yang akan atau sedang dijalankan itu tercapai (Dasilva etc, 2013).

Penubuhan Syarikat Octrex Holding pada asalnya adalah pada tahun 2017 dan pada ketika itu, Octrex Holding ditubuhkan oleh tiga orang rakan kongsi sahaja. Pada tahun 2019, Octrex Holding telah membuka anak syarikat iaitu Octrex Holding Sdn Bhd. Penubuhan anak syarikat ini telah mendorong sembilan orang rakan kongsi untuk turut menjayakan syarikat tersebut. Syarikat Octrex Holding Sdn Bhd telah menjalankan lapan projek dalam pelbagai sektor. Dua daripadanya adalah produk tempatan manakala enam lagi projek merupakan projek usaha sama Syarikat Octrex Holding Sdn Bhd dengan syarikat-syarikat antarabangsa yang lain. Antara projek-projek tersebut ialah, projek *green tax* yang merupakan projek teknologi hijau, projek *Anti-Fouling* di antara syarikat dengan syarikat, *Smart Sensor* untuk sektor perkilangan, *Mini Truck Elektronik* untuk kegunaan pertanian dan banyak lagi. Syarikat tersebut berjaya menguruskan lapan buah pasukan di bawah legasinya dan kebanyakan pasukan tersebut berjaya membawa produk pasukan masing-masing ke peringkat antarabangsa.

Pengurusan projek yang baik oleh Syarikat Octrex Holding Sdn Bhd ini telah menyebabkan syarikat tersebut dipilih untuk menjadi antara syarikat kumpulan pertama yang menjadi penyedia penyelesaian Kotak Pasir Inovasi dan Teknologi Nasional (NTIS) yang merupakan salah satu inisiatif kerajaan Malaysia untuk mempercepatkan pembangunan dan pengkomersilan teknologi canggih khususnya dalam Penyedia Penyelesaian. Kini, produk-produk hasil daripada Syarikat Octrex Holding Sdn Bhd telah mencapai tahap jaringan perniagaan yang sangat luas iaitu dari dalam kalangan masyarakat sehinggalah ke peringkat antarabangsa.

3.2 Maklumat Informan

Dalam menjayakan kajian ini, seorang key informan iaitu Encik Mohamad Bakar bin Ismail yang merupakan seorang Managing Director di sebuah Syarikat Octrex Holding (M) Sdn Bhd telah ditemu bual secara dalam talian. Encik Mohamad Bakar bin Ismail yang kini berumur 36 tahun merupakan seorang graduan Ijazah Sarjana Muda dalam bidang Alam Sekitar di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). Setelah tamat pengajiannya dalam Ijazah Sarjana Muda, beliau telah melanjutkan pelajaran ke tahap yang lebih tinggi iaitu Ijazah Sarjana dalam bidang Biologi di Universiti Sains Malaysia (USM).

Encik Bakar mula melibatkan diri dalam dunia perniagaan sejak umurnya 23 tahun. Pada tahun 2009, beliau belajar untuk menternak rumpai laut. Penglibatan aktif beliau dalam projek penternakan rumpai laut dapat dibuktikan dengan kejayaan beliau menjadi salah seorang konsultan rumpai laut di Malaysia. Dalam tempoh masa dari tahun 2009 sehinggalah tahun 2015, Encik Bakar bin Ismail bukan sahaja merupakan konsultan di Malaysia namun beliau juga telah menjadi konsultan rumpai laut di peringkat antarabangsa. Hasil daripada kejayaan tersebut, beliau telah menjadi seorang penternak rumpai laut dan telah berjaya dalam menghasilkan produk rumpai laut iaitu pasaran agar-agar. Pasaran agar-agar tersebut memberi tumpuan kepada makanan, perubatan dan kegunaan am.

Namun pada tahun 2015, beliau tidak lagi menjadi penternak rumpai laut tetapi masih memberi khidmat sebagai konsultan di Malaysia dan antarabangsa. Pada ketika itu, Encik Bakar sebenarnya sudah mula melibatkan diri dalam bidang perubatan dengan bantuan daripada doktor-doktor pakar bagi melancarkan proses penghasilan produk berkenaan bidang perubatan. Tahun demi tahun, Encik Bakar telah meluaskan perniagaannya sehinggalah beliau menjadi seorang Managing Director di Syarikat Octrex Holding Sdn Bhd. Kini, beliau bukan sahaja mahir dalam bidang yang melibatkan alam sekitar semata-mata, Encik Bakar juga telah berjaya melibatkan diri dalam pelbagai bidang termasuk bidang Teknologi. Encik Bakar kini dalam proses memajukan beberapa lagi projek bersama dengan pihak syarikat dari Korea Selatan. Kepakaran Encik Bakar bin Ismail dalam bidang perniagaan ini telah berjaya membawa produk-produk tempatan ke peringkat antarabangsa sekali gus meletakkan Malaysia sebagai salah sebuah negara yang maju dalam bidang teknologi.


4. Senario Semasa Berkaitan dengan Kejayaan Kes

Pada bahagian ini, kajian membincangkan tentang senario semasa berkaitan dengan kejayaan kes iaitu tumpuan utama seperti produk yang dihasilkan dalam mendorong kepada kejayaan syarikat tersebut.

4.1 Aspek penekanan atau tumpuan utama

Tumpuan utama syarikat ini dalam mencapai kejayaan adalah memfokuskan kepada pengeluaran produk Anod Aluminium untuk kegunaan di dalam negara dan kini pengeluaran produk tersebut juga mulai diperkenalkan di negara-negara luar. Syarikat ini telah menyediakan produk perlindungan kakisan yang efektif, inovatif dan mempunyai teknologi yang berkualiti untuk kegunaan semua perkhidmatan terutamanya perkapalan. Produk ini berfungsi sebagai perlindungan katodik yang digunakan bagi melindungi keluli daripada kakisan dan juga bagi melindungi saluran paip, loji rawatan air, tangki simpanan di atas dan bawah air, badan kapal, bot serta platform pengeluaran luar pesisir (*platform offshore*).

Untuk memastikan perlindungan katodik berfungsi bagi mengelakkan kakisan struktur logam yang tertimbus dan tenggelam seperti saluran paip, tangki atau peralatan lain berlaku, produk syarikat ini iaitu anod aluminium telah diciptakan bagi kegunaan tersebut. Produk ini dikeluarkan kerana kelebihanannya yang berfungsi di dalam kedua-dua air masin dan payau dan juga tidak mengandungi bahan yang berbahaya kepada populasi marin. Produk ini merupakan fokus utama daripada Syarikat Octrex Holdings (M) Sdn Bhd yang mula mendapat perhatian daripada syarikat-syarikat perkapalan terutamanya yang terdiri daripada syarikat dari dalam dan luar negara bagi kegunaan-kegunaan perkhidmatan yang dijalankan oleh syarikat mereka.



Gambar 1: Produk yang menjadi tumpuan utama yang dihasilkan oleh Syarikat Octrex Holdings (M) Sdn Bhd.

4.2 Justifikasi tumpuan tersebut

Syarikat Octrex Holdings (M) Sdn Bhd mula memperkenalkan produk anod aluminium sebagai salah satu produk kakisan yang dikeluarkan oleh syarikat ini di peringkat antarabangsa dan telah menjalinkan hubungan perniagaan tersebut bersama negara Korea Selatan. Kerjasama antara negara Korea Selatan dalam memperkenalkan produk di negara tersebut telah mendapat sambutan daripada pengguna di Korea Selatan. Kerjasama itu telah membuktikan kejayaan syarikat ini dalam menghasilkan produk berteknologi yang dapat digunakan dalam perkhidmatan yang melibatkan kakisan terutamanya perkapalan iaitu anod aluminium yang mula diperkenalkan dan mendapat perhatian daripada negara luar.

Penghasilan produk ini iaitu anod aluminium dan juga beberapa produk lain yang dihasilkan oleh Syarikat Octrex Holdings (M) Sdn Bhd seperti sistem perlindungan kakisan (ICCP), sistem anti-kotoran (MGPS) telah mendapat perhatian daripada agensi-agensi kerajaan seperti Kementerian Pertahanan Malaysia (MOD). Produk syarikat ini telah diberikan kepercayaan oleh kementerian tersebut untuk digunakan pada kapal-kapal dan bot yang digunakan oleh Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) bagi memastikan kualiti kapal dan bot tersebut dari sebarang kakisan kerana berada dalam persekitaran yang mudah berkarat. Kerjasama antara agensi kerajaan ini telah menunjukkan bahawa produk yang dihasilkan oleh

syarikat ini telah mula mendapat perhatian dan kepercayaan daripada pihak tempatan, secara tidak langsung ini dapat membantu mendorong kepada kejayaan Syarikat Octrex Holdings (M) Sdn Bhd terhadap tumpuan utama produk tersebut.

5. Perancangan masa hadapan meningkatkan kejayaan

Perancangan Syarikat Octrex Holdings (M) Sdn Bhd dalam meningkatkan kejayaan syarikat tersebut adalah untuk memperkenalkan produk yang dihasilkan oleh syarikat mereka di negara-negara luar selain daripada negara Korea. Apabila produk ini diperkenalkan di negara-negara luar, secara tidak langsung produk-produk daripada syarikat ini akan mendapat perhatian dan dikenali oleh pelanggan daripada luar negara selain daripada penduduk tempatan. Misi utama syarikat ini adalah untuk memberikan nilai kepada pelanggan dengan menyediakan produk perlindungan kakisan yang berkesan kos, inovatif dan paling maju, perkhidmatan dan teknologi yang berkualiti. Bagi mencapai misi utama syarikat tersebut, syarikat ini ingin menembusi pasaran antarabangsa dan menjalinkan kerjasama untuk memperkenalkan produk ini di beberapa buah negara pada masa akan datang untuk memperluaskan perniagaan mereka. Kerjasama antara negara luar ini juga dapat meningkatkan kejayaan syarikat tersebut kerana mendapat kepercayaan daripada syarikat luar dalam memperkembangkan syarikat tersebut di samping dapat merealisasikan misi syarikat kerana dapat membuka peluang untuk memperkenalkan produk sebagai salah satu produk perlindungan kakisan yang dapat digunakan oleh semua perkhidmatan. Oleh itu, kerjasama ini merupakan inisiatif yang terbaik dalam perancangan masa hadapan dalam mempertingkatkan kejayaan syarikat tersebut untuk dikenali di dalam dan luar negara melalui produk yang dihasilkan oleh Syarikat Octrex Holdings (M) Sdn Bhd.

Seterusnya, perancangan Syarikat Octrex Holdings (M) Sdn Bhd pada masa hadapan adalah untuk mempelbagaikan fungsi penggunaan produk perlindungan kikisan dan produk anti-kotoran keluaran syarikat tersebut. Syarikat ini akan menghasilkan produk Anod Aluminium, sistem perlindungan kikisan (ICCP) dan sistem anti-kotoran (MGPS) yang bukan sahaja tertumpu kepada perkhidmatan perkapalan, saluran paip, loji rawatan air, tangki simpanan di atas dan bawah air, badan kapal, bot serta platform pengeluaran luar pesisir (*platform offshore*) sahaja. Syarikat ini akan melakukan penyelidikan dan pembangunan (R&D) untuk mencari formula baru bagi menghasilkan produk yang tidak hanya berfokuskan kepada pengangkutan laut sahaja tetapi juga boleh digunakan untuk kenderaan darat. Hal ini adalah kerana kikisan dan kotoran tidak hanya melekat pada pengangkutan laut sahaja, namun kikisan dan kotoran juga berpotensi untuk melekat pada pengangkutan darat disebabkan oleh kelembapan kenderaan yang berpunca daripada hujan. Oleh itu, produk perlindungan kikisan dan produk anti-kotoran dilihat sangat penting untuk menyelesaikan masalah kikisan dan kotoran yang melekat pada pengangkutan darat seperti kereta, motosikal, bas, lori dan sebagainya. Dengan adanya kepelbagaian fungsi penggunaan produk-produk ini kepada kenderaan-kenderaan lain di darat, maka permintaan terhadap produk-produk ini akan semakin meningkat dan sekaligus ianya akan meningkatkan kejayaan syarikat ini pada masa akan datang.

Selain itu, perancangan Syarikat Octrex Holdings (M) Sdn Bhd pada masa hadapan dalam meningkatkan kejayaan adalah untuk menggunakan platform atas talian dengan lebih aktif bagi tujuan mempromosi dan memasarkan produk-produk syarikat ini. Syarikat Octrex Holdings (M) Sdn Bhd mula menggunakan platform digital untuk memasarkan produk-produk mereka

semasa pandemik COVID-19 mula melanda negara. Hal ini ada kerana ekoran daripada Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang menghentikan semua aktiviti perniagaan secara bersemuka. Selepas perintah kawalan pergerakan (PKP), Syarikat Octrex Holdings (M) Sdn Bhd mengambil inisiatif untuk menggunakan platform atas talian bagi terus memasarkan produk-produk mereka. Namun, pada masa itu, mereka masih kurang aktif dalam memasarkan produk-produk mereka menggunakan platform atas talian. Oleh itu, bagi meningkatkan kejayaan pada masa hadapan, syarikat ini membuat perancangan untuk menggunakan platform atas talian bukan sahaja untuk memasarkan produk-produk mereka, tetapi juga untuk mempromosikan produk-produk tersebut secara lebih luas. Contohnya, syarikat ini akan menggunakan platform atas talian seperti aplikasi *TikTok* untuk menunjukkan cara penggunaan produk-produk tersebut dan keberkesannya untuk tujuan mempromosikan produk-produk tersebut. Dengan penggunaan platform atas talian untuk memasarkan serta mempromosikan produk-produk mereka, Syarikat Octrex Holdings (M) Sdn Bhd percaya bahawa produk-produk mereka berpotensi untuk mendapat sambutan daripada seluruh pelusuk dunia dan secara tidak langsung dapat meningkatkan kejayaan syarikat tersebut pada masa akan datang.

6. Cadangan Penambahbaikan atau Lain-Lain Cadangan Berkaitan Isu Kajian Kes

Syarikat Octrex Holding (M) Sdn Bhd sememangnya merupakan sebuah syarikat yang telah menempah nama dalam jaringan perniagaan bertaraf antarabangsa. Namun, pada tahun 2020 Malaysia telah diuji dengan penularan wabak Covid-19 yang semestinya memberi kesan negatif kepada semua sektor terutamanya sektor ekonomi. Menurut key informan iaitu Encik Bakar bin Ismail selaku Managing Director Syarikat Octrex Holding (M) Sdn Bhd, wabak pandemik yang melanda dunia itu telah memberi kesan yang sangat besar kepada pihak mereka. Hal ini dikatakan demikian kerana perintah kerajaan yang menghalang segala bentuk aktiviti dalam tempoh masa tertentu telah menjadi punca syarikat tidak dapat menjalankan operasi dan kurang efektif dalam menjalinkan hubungan antarabangsa. Oleh hal yang demikian, terdapat beberapa cadangan yang relevan dapat disarankan bagi membantu penambahbaikan berkaitan isu kajian kes ini.

Pemasaran produk di media sosial secara mengikut '*trend*' haruslah dipraktikkan. Syarikat Octrex Holding (M) Sdn Bhd telah mengambil inisiatif untuk mengubah model perniagaan mereka dari '*business to business*' dan '*business to consumer*' kepada model perniagaan '*business to government*'. Inisiatif kerajaan untuk mengurus niaga dengan masyarakat secara langsung jelas menunjukkan sesuatu tindakan yang relevan bagi meningkatkan pendapatan ekonomi mereka. Namun, kajian ini mendapati bahawa teknik syarikat memasarkan kebaikan produk di media sosial masih berada pada tahap yang rendah dan lapuk. Untuk meningkatkan kadar permintaan terhadap produk-produk tersebut, Syarikat Octrex Holding (M) Sdn Bhd perlu mengikut '*trend*' yang berlaku dalam kalangan masyarakat. Aplikasi seperti *TikTok* dan *Instagram* merupakan lubang untuk mencari 'prospek' kerana masyarakat kini lebih gemar meluangkan masa mereka dengan dua buah aplikasi tersebut. Penghasilan video mengenai produk yang mengikut '*trend*' akan membantu video tersebut untuk tersebar ke seluruh pelosok dunia. Hal ini dikatakan demikian kerana sekiranya video yang dihasilkan telah '*viral*' maka sudah pasti permintaan terhadap produk-produk tersebut akan meningkat. Selain itu, Syarikat Octrex Holding (M) Sdn Bhd juga boleh mengupah pasukan multimedia yang pakar dalam

pemasaran di media sosial agar *'marketing'* produk-produk tersebut lebih kemas dan menarik perhatian masyarakat dan pelbagai pihak.

Menurut Encik Bakar bin Ismail, selain menggunakan model perniagaan *'business to government'*, Syarikat Octrex Holding (M) Sdn Bhd juga telah membuka peluang kepada masyarakat untuk menjana kewangan dengan melaksanakan perniagaan jenis dropship atau ejen. Terdapat satu cadangan yang boleh dipertimbangkan oleh pihak syarikat bagi menjana hasil pulangan yang lumayan iaitu pihak syarikat haruslah melaksanakan sebuah program atau *workshop* yang dihadiri oleh para agen dan dropship. Hal ini adalah untuk memberi penerangan khusus tentang kelebihan dan kegunaan produk yang akan dijual kepada pelanggan. Apabila agen dan dropship mempunyai ilmu tentang produk dan ilmu teknikal seperti ilmu untuk memasarkan produk, ilmu dalam *'consult'* pelanggan dan sebagainya, sudah pasti mereka dapat menjual produk-produk tersebut dengan mudah. Pelaksanaan program atau *workshop* tersebut sekaligus akan dapat mengeratkan hubungan di antara pihak syarikat dengan para agen dan dropship yang menjadi tulang belakang atau *'support system'* syarikat dalam pemasaran produk.

Di samping meluaskan skop perniagaan dengan menggunakan khidmat dropship dan ejen, syarikat juga perlu memberi tumpuan kepada kualiti produk yang dipasarkan. Hal ini dikatakan demikian kerana terdapat pelbagai kes yang melibatkan pihak-pihak tidak bertanggungjawab menyamar sebagai dropship dan ejen lantas mereka menjual produk tiruan kepada pelanggan. Perkara seperti ini akan menimbulkan tanggapan negatif dalam kalangan masyarakat bahawa produk yang dipasarkan oleh syarikat tersebut tidak berkesan, padahal ia merupakan produk tiruan. Untuk memastikan kualiti produk dan nama syarikat tidak tercemar, syarikat perlulah memberi *'E-card'* rasmi kepada dropship dan ejen yang berdaftar sahaja. Penggunaan *'E-card'* ini dapat membantu masyarakat membuat pembelian dengan pihak yang berdaftar sahaja bagi mengelakkan berlakunya penipuan dalam perniagaan sekali gus menjaga nama baik syarikat dan produk.

Seterusnya, produk Nurust yang dihasilkan oleh Octrex Holdings (M) Sdn Bhd merupakan salah satu produk yang kini sememangnya berjaya mendapat tempat dalam pasaran tempatan. Namun, kajian mendapati bahawa terdapat juga kelemahan produk tersebut iaitu ia tidak sesuai digunakan pada suhu yang tinggi. Maka, pihak syarikat perlu membuat kajian yang lebih terperinci untuk mengubahsuai dan menambah baik produk supaya ia boleh dikategorikan sebagai produk mesra pengguna dan sesuai digunakan pada suhu yang tinggi. Hal ini amat penting bagi melindungi para pengguna dari sebarang risiko penggunaan produk yang boleh mengancam keselamatan diri dan orang sekeliling.

7. Rujukan

- Dasilva, Carlos & Trkman, Peter. (2013). Model Perniagaan: Apa itu dan Apa Bukannya. Perancangan Jarak Jauh. 2013. 10.2139/ssrn.2181113.
- Ihuah, P. W., Kakulu, I. I. & Eaton, D. 2014. A review of critical project management success factors (CPMSF) for sustainable social housing in Nigeria. *International Journal of Sustainable Built Environment* 3(1): 62-71.
- JPM. 2015. *Mengurus Ekspektasi : Pengurusan Projek Awam Konsep, Praktikal Dan Realiti*. Unit Penyelarasan Pelaksanaan, Jabatan Perdana Menteri.

- Malaysia. 2012. Surat Pekeliling Am Bilangan 1 Tahun 2012: Garis Panduan Pengukuran Pencapaian Program/Projek Pembangunan melalui Penilaian Outcome.
- Müller, R. & Jugdev, K. 2012. Critical success factors in projects: Pinto, Slevin, and Prescott – the elucidation of project success. *International Journal of Managing Projects in Business* 5(4): 757-775

Penyusunan Jadual Kerja yang Efisien bagi Projek IP Migration Gas District Cooling (GDC)

Rabiatul Azirah binti Rosman¹, Fevvy Anak Suis², Sun Jia Hui³, Teong Hui Shi⁴,
Mohamad Shaharudin Samsurijan⁵

^{1,2,3,4,5}Pusat Pengajian Sains Kemasyarakatan, Universiti Sains Malaysia
Email: ¹azirah_rosman@student.usm.my, ⁵msdin@usm.my

Abstrak

Kajian ini merupakan sebuah kajian kes yang melihat kepada bagaimana syarikat berstatus sendirian berhad, mengatasi isu dan masalah yang berlaku sepanjang proses menjalankan operasi syarikat. Syarikat ini merupakan kontraktor di bawah Maxis yang mana projek yang dilaksanakan kebanyakannya daripada Maxis dan projek *IP Migration Gas District Cooling (GDC)* adalah salah satu daripadanya. Terdapat dua objektif utama dalam kajian kes ini iaitu mengenal pasti cabaran pengurusan projek *IP Migration GDC* dan mengemukakan cadangan penambahbaikan. Kaedah yang digunakan dalam kajian kes ini ialah adalah pendekatan kualitatif iaitu menjalankan kaedah temu bual mendalam dan teknik persampelan tidak rawak bersama seorang informan untuk merungkai kes sebenar yang dilalui oleh syarikat. Lokasi kajian kes ini dijalankan di Kota Damansara, Petaling Jaya, Selangor. Berdasarkan kajian kes, terdapat tiga cabaran pengurusan projek *IP Migration GDC* iaitu masalah penyusunan jadual kerja yang melibatkan 12 lokasi berbeza, kenehan birokrasi dan kekurangan sumber manusia. Secara tidak langsung, ini telah memberi kesan terhadap pengurusan atur pekerja yang melibatkan kos dan akhirnya menyebabkan projek tertangguh. Terdapat pula tiga cadangan penambahbaikan iaitu penyusunan semula skop kerja berdasarkan fasa, meningkatkan komunikasi dengan pihak berkepentingan dan memperbaiki kualiti sumber manusia.

Kata kunci: Projek Gas District Cooling (GDC); Maxis; pengurusan projek; sendirian berhad; penambahbaikan.

1. Pengenalan

Penjadualan kerja adalah faktor kritikal dalam menentukan kejayaan pelaksanaan sesebuah projek dan menjamin kelancaran serta kualiti projek. Penjadualan projek biasanya dilakukan selepas perancangan projek. Segala butiran dalam perbincangan perancangan projek akan dianalisis dan diperincikan oleh pasukan projek, kemudian digunakan sebagai panduan kepada penjadualan kerja. Penjadualan yang terperinci adalah amat diperlukan dalam perancangan dan pengurusan projek terutamanya bagi projek yang rumit dan melibatkan kerjasama pasukan besar, seperti pembangunan perisian (*software*) dalam kajian kes kertas projek ini. Penjadualan kerja membolehkan pengenalpastian urutan tugas utama (Kaedah Laluan Kritikal) dapat dikesan.

Secara umumnya, carta Gantt merupakan instrumen utama dalam penjadualan sesebuah projek. Antara butiran yang dibincangkan dalam carta Gantt merangkumi anggaran tempoh masa untuk setiap tugas, aktiviti serta sumber yang perlu diperuntukkan daripada awal pelaksanaan

sehingga penyelesaian projek dalam kalendar. Penjadualan kerja yang baik adalah amat penting kerana ia dapat mengelak dan meminimumkan kerugian masa dan kos, meningkatkan pengawalan sumber tenaga kerja serta meningkatkan pengurusan sumber secara sistematik.

Sekiranya penjadualan projek tidak dapat diuruskan dengan baik, ia akan memberi kesan kepada projek daripada aspek tempoh penyiapan kerja mengikut permintaan klien. Seterusnya, kos belanjawan projek meningkat kerana pihak pengurus projek terpaksa membayar kepada pekerja akibat penangguhan dan pemanjangan masa penyiapan projek. Pihak pengurus projek juga mengalami kerugian apabila terpaksa melakukan pembayaran wang cagaran untuk *control measure* kerana tidak dapat menyempurnakan projek tepat pada masanya. Oleh itu, penjadualan projek adalah amat penting bagi menilai dan menjamin kemajuan sesuatu projek.

2. Sejarah Kes

Sejarah kes akan membincangkan maklumat latar belakang syarikat dan menerangkan masalah yang dihadapi oleh pasukan pengurusan projek.

2.1 Maklumat Latar Belakang Syarikat

Verdenetworks Solutions Sdn Bhd merupakan sebuah syarikat yang menawarkan perkhidmatan dalam penyelesaian teknologi maklumat dan komunikasi (*ICT*) dan berfokus kepada Penyelesaian Sistem Integrasi (*System Integration Solutions*) bagi menyediakan perkhidmatan yang lebih baik dan cekap. Syarikat ini terletak di 73-1, Jalan Cecawi 6/33, Kota Damansara, 47810 Petaling Jaya, Selangor, Malaysia. Syarikat ini mula beroperasi pada bulan Februari 2017, tanpa mempunyai premis perniagaan secara fizikal yang mana kerja-kerja hanya dijalankan di menara Maxis dengan jumlah pekerja tidak melebihi lima orang. Namun begitu, syarikat ini telah berkembang maju dan pada tahun 2021, syarikat ini telah mempunyai premis perniagaan sendiri dan mempunyai seramai 25 orang pekerja. Syarikat ini telah bekerjasama dengan beberapa syarikat seperti Huawei, Malaysia Airports, Maxis, Petronas, Telekom Malaysia, Time dot Com dan U-Mobile.

Verdenetworks Solutions Sdn Bhd mempunyai pengkhususan dalam pelbagai bidang yang berkaitan. Antaranya ialah *ICT & telekomunikasi*, penyelesaian rangkaian infrastruktur, perkhidmatan pemasangan dan ujian untuk pemasangan rangkaian *Metro Ethernet (Metro-E)* tapak korporat, migrasi dan pelaksanaan *IP Man*, perundingan dan penyelesaian rangkaian, reka bentuk dan pemasangan kabel serta reka bentuk dan pemasangan *Fiber to the home* atau *Fibre to the office (FTTH/FTTO)*. Contohnya, syarikat ini pernah mengendalikan projek FTTH untuk Kementerian Komunikasi Multimedia Malaysia (KKMM), Bukit Kayu Hitam. *Verdenetworks Solutions Sdn Bhd* sentiasa memanfaatkan pengetahuan tentang teknologi dan perniagaan untuk menyampaikan penyelesaian teknologi maklumat yang berkualiti tinggi, kos yang efektif yang memenuhi matlamat perniagaan dan keperluan teknikal pelanggan. Malah, syarikat ini sering menggabungkan penyelesaian masalah kreatif, teknologi inovatif dan kemahiran pelaksanaan yang mampu menyampaikan penyelesaian yang tepat untuk pelanggan. Selain itu, syarikat ini juga menawarkan servis perundingan infrastruktur dari segi visi, strategi, penilaian dan reka bentuk konsep untuk membantu pelanggan merancang dan mereka bentuk infrastruktur rangkaian berprestasi tinggi.

2.2 Penerangan Masalah – Penerangan Berdasarkan Pasukan Pengurusan Projek

Projek *Internet Protocol (IP) Migration Gas District Cooling (GDC)* adalah projek yang diselenggarakan oleh pihak Kuala Lumpur City Centre (KLCC). Syarikat informan iaitu *Verdenetworks Solutions Sdn Bhd* bertindak sebagai penyedia perkhidmatan '*Network Monitoring System*'. "*Network Monitoring System*" merupakan satu rangkaian pemantauan yang berfungsi untuk menyambungkan semua peranti di seluruh organisasi dan membolehkan pentadbir rangkaian untuk mengenal pasti serta membetulkan sebarang masalah pada peringkat awal dengan pantas sebelum gangguan berlaku. Projek ini bertujuan untuk meningkatkan kawalan pihak Maxis terhadap kualiti servis yang sedia ada. Pelaksanaan Projek *IP Migration* dapat mengurangkan segala risiko kepada pihak Maxis untuk menyediakan perkhidmatan yang lebih efisien terhadap pelanggannya. Faedah penjimatan turut dapat dicapai oleh pihak Maxis dan pelanggannya melalui projek ini. Projek ini melibatkan KLCC sebagai pusat, serta 12 tapak (*sites*) di sekitar bangunan KLCC. Antara bangunan yang terlibat merangkumi GDC di Menara Binjai, Menara ExxonMobil, Hotel Traders, Mandarin *Oriental*, Impiana Hotel, Petronas Tower (1, 2, 3 dan Concert Hall), Menara Maxis, KLCC serta GDC *Headquarters*.

Projek *IP Migration GDC* mengalami masalah penyusunan jadual kerja. Hal ini berlaku kerana pihak pasukan projek terpaksa menyusun jadual kerja untuk 12 tapak projek yang berbeza. Setiap tapak projek pula memerlukan kepakaran dan keperluan yang berbeza-beza sehingga menyukarkan penyusunan jadual dilakukan. Malah, projek ini mengalami kekangan masa kerana ia hanya diberi masa selama tiga bulan sahaja untuk disiapkan dan melihat kepada bilangan lokasi projek, masa yang diberikan dianggap agak singkat. Tambahan pula, berlaku juga situasi yang tidak disangka seperti berlakunya masalah sistem, banjir dan kabin terbakar yang menyebabkan berlakunya kelambatan proses kerja. Keadaan ini bertambah buruk apabila syarikat berdepan dengan masalah pekerja yang terkena jangkitan Covid-19. Jika berlaku jangkitan dalam kalangan pekerja, pihak syarikat perlu mengeluarkan notis untuk mengarahkan pekerja menjalankan sesi isolasi bagi mengekang penularan wabak tersebut. Bukan itu sahaja, jangkitan yang berlaku dalam kalangan pekerja juga mengganggu proses pemilihan pasukan yang perlu ditugaskan ke beberapa tapak kerja yang terlibat. Oleh itu, masalah-masalah yang berlaku ini telah menyebabkan proses penjadualan kerja terganggu.

Menurut temu bual bersama informan iaitu pengurus projek *IP Migration*, Encik Hasrol, projek ini memainkan peranan penting untuk syarikat beliau. Hal ini kerana, kerjasama syarikat bersama pihak Maxis dan KLCC boleh meningkatkan reputasi syarikat beliau yang seterusnya akan menggalakkan lebih banyak kerjasama dengan syarikat gergasi seperti Petrolia Nasional Berhad (PETRONAS), Telekom Malaysia Berhad (TM), Malaysia Airports Holdings Berhad, Huawei Technologies Co., Ltd dan sebagainya. Berdasarkan perancangan awal, tarikh pelaksanaan projek ini adalah pada November 2019 iaitu selama 12 minggu, namun ia ditangguhkan sehingga awal tahun 2022 akibat beberapa isu. Oleh itu, perkara ini telah menyebabkan wujudnya masalah penyusunan jadual kerja yang efisien yang mana ia telah mengganggu tempoh pelaksanaan projek sehingga projek terpaksa ditunda.

3. Analisis Sejarah Kes

Bahagian ini akan membincangkan sokongan sejarah kes syarikat informan beserta dengan maklumat informan.

3.1 Sokongan Sejarah Kes

Verdenetworks Solutions Sdn Bhd telah melaksanakan sebanyak 34 projek telekomunikasi bersama dengan pihak kerajaan atau pihak swasta. Salah satu projek yang sudah tamat dilaksanakan adalah projek *Fiber to the Home (FTTH)*, dengan kerjasama bersama Kementerian Komunikasi Multimedia Malaysia (KKMM), berlokasi di Bukit Kayu Hitam. Projek FTTH tersebut hanya melibatkan tiga tapak sahaja. Tempoh pelaksanaan projek tersebut adalah selama tiga bulan, bermula dari bulan Oktober 2021 hingga Disember 2021.

Kedua-dua pengurusan projek FTTH dan *IP Migration GDC* melibatkan skop yang luas serta kos yang tinggi. Projek FTTH dan projek *IP Migration GDC* telah dikategorikan sebagai projek jangka masa pendek, di mana kedua-dua projek ini hanya diberi tempoh masa selama tiga bulan untuk disiapkan. Walau bagaimanapun, projek FTTH hanya melibatkan tiga tapak kerja sahaja manakala projek *IP Migration GDC* melibatkan 12 tapak kerja. Namun, isu penjadualan kerja bagi Projek *IP Migration GDC* timbul apabila kerajaan Malaysia melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) ketika Covid-19. Situasi ini menyebabkan garis masa bagi pelaksanaan projek *IP Migration GDC* terpaksa dipanjangkan dan seterusnya terpaksa ditangguhkan selama dua tahun, sehingga membawa kepada masalah penyusunan jadual kerja.

Isu penjadualan kerja ini turut diburukkan lagi dengan masalah kekurangan sumber manusia, apabila pekerja disahkan positif Covid-19 atau mereka merupakan kontak rapat dan harus menjalankan kuarantin selama 14 hari. Maka, pekerja-pekerja ini tidak dapat hadir ke tapak kerja untuk menyiapkan kerja dalam tempoh masa yang ditetapkan. Syarikat juga perlu menanggung kos walaupun pekerja tidak dapat bekerja semasa dikuarantin kerana syarikat perlu memberi cuti sakit bergaji kepada pekerja yang kuarantin. Sekiranya isu penjadualan kerja berlaku, pengurus projek akan mengalami kesukaran untuk menyediakan jadual kerja yang bertepatan dengan tempoh masa serta matlamat projek.

3.2 Maklumat Informan

Key informan yang ditemu bual secara mendalam dalam kajian kes ini adalah Encik Hasrol, pengurus projek *IP Migration GDC*. Informan merupakan graduan dalam bidang Sarjana Muda Elektrik dan Elektronik di Universiti Tenaga Nasional, Kajang. Encik Hasrol menjawat jawatan sebagai Ketua Pengurus Projek di syarikat *Verdenetworks Solution Sdn Bhd*. Skop pekerjaan informan adalah berfokus kepada pemasangan kabel dan menaik taraf sistem teknologi maklumat. Encik Hasrol juga mempunyai pengalaman sebagai pengurus projek lebih daripada 5 tahun. Kini, En. Hasrol berumur 45 tahun dan telah berkhidmat selama dua tahun di *Verdenetworks Solution Sdn Bhd*.

Sebelum bekerja di *Verdenetworks Solution Sdn Bhd*, informan telah berkhidmat di beberapa syarikat dalam negara dan luar negara dalam tempoh 20 tahun. Antara syarikat dalam negara di mana informan pernah berkhidmat ialah Telekom Malaysia Berhad, Tenaga Nasional Berhad (TNB), *Celcom* dan *Maxis*. Di samping itu, beliau juga pernah terlibat dalam beberapa projek luar negara seperti di Qatar, Bangkok, Filipina, Maldives, Cambodia, Sri Lanka, Shanghai dan Bangladesh.

4. Senario Semasa Berkaitan Dengan Masalah Kes

Terdapat tiga masalah atau cabaran yang dihadapi semasa proses melaksanakan projek ini.

4.1 Aspek Penekanan Atau Tumpuan Utama

4.1.1 Mengawal Kos Sepanjang Pelaksanaan Projek

Masalah penyusunan jadual projek *IP Migration GDC* ini telah mengubah tumpuan utama Encik Hasrol selaku pengurus projek dalam mengawal masalah projek. Hal ini kerana, masalah penyusunan jadual kerja ini telah memberikan kesan terhadap kos pelaksanaan projek. Pengawasan kos pelaksanaan bagi sesebuah projek adalah amat penting kerana aspek ini dijadikan kayu ukur dalam memastikan keuntungan lumayan diperolehi daripada sesuatu projek. Namun begitu, masalah ini telah menyebabkan kos pelaksanaan projek semakin bertambah kerana syarikat terpaksa menanggung kos tambahan seperti kos perjalanan pergi dan balik pekerja. Situasi ini sudah tentu memberi tekanan kepada pengurus projek dalam memastikan kos tambahan ini tidak menjejaskan keuntungan syarikat dan beliau sedaya upaya mengawal kos tambahan ini dengan membuat penyusunan semula pasukan kerja. Bukan itu sahaja, bagi mengelakkan syarikat dikenakan penalti akibat penangguhan proses pelaksanaan kerja, Encik Hasrol telah membuat laporan mingguan kepada pihak *Maxis* dengan memberikan sebab-sebab penangguhan yang munasabah. Langkah ini dilakukan oleh Encik Hasrol bagi memastikan kos projek tidak melebihi bajet atau peruntukan yang ditetapkan oleh syarikat.

4.1.2 Mengawal Tempoh Pelaksanaan Projek

Penyusunan jadual kerja yang tidak efisien ini juga telah memberi kesan kepada tempoh pelaksanaan projek. Hal ini dikatakan demikian kerana tempoh pelaksanaan projek yang sepatutnya diberi masa selama tiga bulan telah ditangguhkan menjadi dua tahun. Secara umumnya, terdapat lima fasa dalam pengurusan projek iaitu permulaan, perancangan dan reka bentuk sistem, pembinaan, memantau dan mengawal serta penyempurnaan atau penutupan. Sebelum projek ini ditangguhkan, perkembangan projek ini berada pada fasa perancangan dan reka bentuk sistem. Walau bagaimanapun, setelah projek *IP Migration GDC* ini disambung semula pelaksanaannya, pengurus projek terpaksa mengulang semula proses kerja dari fasa pertama permulaan iaitu survei tapak (*site survey*) dan selepas itu, barulah pasukan projek boleh meneruskan fasa kerja yang seterusnya. Perkara ini berlaku kerana terdapat perubahan di tapak projek yang menyebabkan laporan yang lama tidak boleh digunakan. Perubahan yang dimaksudkan termasuklah perubahan pada port kabel (*cable port*) yang sepatutnya digunakan oleh pasukan projek sebelum projek ini ditangguhkan. Situasi ini jelas menunjukkan berlakunya

pengulangan proses kerja yang menyebabkan tempoh pelaksanaan projek menjadi semakin panjang.

4.1.3 Pengurusan Sumber Manusia

Masalah penyusunan jadual kerja yang tidak efisien ini juga telah menyebabkan berlakunya masalah pengurusan sumber manusia yang menjadi cabaran kepada pelaksanaan projek ini. Syarikat ini mengalami kekurangan pekerja lelaki yang berkemahiran dan bertauliah untuk membolehkan mereka bekerja di tapak projek. Hal ini dikatakan demikian kerana syarikat ini memerlukan pekerja lelaki yang mempunyai kemahiran atau kelulusan khususnya dalam bidang ICT memandangkan syarikat ini berada dalam industri teknikal dan teknologi maklumat. Tambahan pula, semasa tempoh pelaksanaan projek dijalankan, sekurang-kurangnya dua hingga tiga pekerja mengundur diri dari syarikat akibat bebanan kerja yang ditanggung. Apabila timbul isu keluar masuk pekerja, pihak syarikat terpaksa mencari pekerja baharu tanpa memikirkan latar belakang mereka. Pekerja baharu pula memerlukan masa yang panjang untuk memahami proses tugas yang diberikan serta menyesuaikan diri. Bukan itu sahaja, terdapat juga pekerja yang terkena jangkitan Covid-19 menyebabkan mereka tidak boleh bekerja. Jadi apabila projek ini ditangguhkan, pengurus projek semakin mengalami kesukaran untuk menyusun jadual kerja terutamanya untuk menetapkan pekerja-pekerja di tapak projek pada waktu yang serentak. Jelaslah bahawa kekurangan sumber manusia menjejaskan proses penyusunan jadual kerja sehingga melambatkan lagi proses pelaksanaan projek.

4.2 Justifikasi Tumpuan

Pihak syarikat mempunyai beberapa justifikasi yang mana syarikat amat memandang serius masalah yang dihadapi disebabkan oleh penyusunan jadual kerja projek ini terutamanya dari segi kos. Antara justifikasi yang diberikan ialah masalah ini akan menyebabkan syarikat mengalami kerugian yang besar. Hal ini dikatakan demikian kerana penjadualan kerja yang tidak betul menyebabkan tempoh pelaksanaan projek menjadi lebih panjang, jadi ia memaksa pihak syarikat menanggung kos-kos tambahan yang lebih banyak. Sebagai contoh, syarikat terpaksa membuat pembayaran lebih untuk menampung kos perjalanan pekerja yang berulang-alik ke tapak projek seperti pembayaran tol, menanggung kos minyak petrol kenderaan dan membayar kos penginapan pekerja. Dapatan ini disokong oleh data transkrip seperti di bawah,

Informan: "...Kita dah tanggung kerja ni dalam dua tahun, jadi laporan yang dulu tak boleh nak pakai sebab mesti ada perubahan dari segi tempat kita letak port tu. Jadi kitorang kena start balik dari awal iaitu site survey untuk tengok keadaan semasa sites tu lah. Kat situ, company kena tanggung banyak lagi kos lah macam kos minyak dan penginapan..."

Jika dibandingkan dengan kos pelaksanaan projek mengikut rancangan asal, pihak syarikat hanya perlu menanggung kos tambahan ini selama tiga bulan sahaja. Namun, disebabkan penangguhan projek, berlaku pertambahan kos kerana pekerja perlu memulakan tugas di tapak projek dari fasa pertama tanpa memikirkan perkembangan projek sebelum ia ditangguhkan. Oleh itu, perkara ini menjadikan pihak syarikat amat memandang serius aspek pengawalan kos sepanjang melaksanakan projek.

Bukan itu sahaja, tempoh pelaksanaan projek yang panjang ini dipandang serius kerana ia boleh menjejaskan reputasi dan nama baik syarikat. Pelanggan akan meragui kebolehan syarikat dan mereka juga tidak berpuas hati disebabkan tempoh pelaksanaan projek yang panjang. Hal ini akan mengakibatkan mereka mengganggu pihak syarikat dengan sentiasa meminta pihak syarikat melaporkan perkembangan projek. Dapatan ini disokong oleh data transkrip seperti di bawah,

Informan: *“...the most important is we need to work closely with the Maxis team. Sebab kalau kita tak update our current situations, client akan sentiasa push us by calling the office or saya lah as a pengurus projek. Nanti pihak di sana akan cakap kita ni company bermasalah lah kalau tak mampu nak handle perkara-perkara ni...”*

Jika perkara ini berlarutan, hubungan antara syarikat dan pelanggan akan menjadi bermasalah dan berkemungkinan pelanggan tersebut tidak akan berurusan lagi dengan pihak syarikat pada masa akan datang. Malah, klien lain yang berhasrat untuk menggunakan perkhidmatan syarikat ini juga akan memandang serong terhadap kemampuan syarikat dan mengangap wujudnya kelemahan dalam sistem pengurusan syarikat. Kesannya, syarikat berpotensi untuk kehilangan klien pada masa akan datang memandangkan pihak syarikat gagal menyelesaikan tugas mengikut tempoh yang telah ditetapkan. Secara tidak langsung, apabila sesuatu projek memerlukan tempoh lebih lama untuk disiapkan berbanding tempoh yang telah ditetapkan, maka proses penyerahan projek kepada klien juga tertangguh.

Selain itu, cabaran kekurangan sumber manusia juga diberi tumpuan kerana syarikat mengalami kesukaran untuk mengatur pekerja ke 12 tapak kerja yang berbeza. Perkara ini telah membawa kepada masalah kualiti kerja. Contohnya, pekerja yang bekerja di tapak projek juga perlu menyiapkan dokumen-dokumen seperti dokumen berkenaan pas kebenaran bekerja (*work permit*) dan mengemaskini *database* proses pelaksanaan kerja Maxis melalui sistem NCR Maxis. Dapatan ini disokong oleh data transkrip seperti di bawah,

Informan: *“...Disebabkan kita kekurangan staff time tu, kualiti kerja staff memang kurang memuaskan and at that time memang we target kerja siap based on requirement sahaja. Diorang ni ada yang terpaksa cover 2-3 kerja dalam satu masa, handle update untuk NCR lagi...and work permit pun diorang yang akan settlekan sendiri. Sebab time tu memang projek lain tengah banyak, pekerja pula sedikit. So, pekerja sites selalunya akan kejar beberapa due date untuk submit dokumen and due date untuk buat pemasangan kabel di sites laa...”*

Pelaksanaan pelbagai tugas oleh pekerja ini telah menyebabkan mereka hilang fokus terhadap sesuatu pekerjaan sehingga menjejaskan kualiti kerja mereka. Tambahan pula, pelaksanaan kerja yang banyak telah menyebabkan pekerja kehilangan motivasi sehingga ada yang sanggup mengundurkan diri. Secara tidak langsung, apabila perkara ini berlaku, ia akan mempengaruhi proses penyiapan projek akibat kekurangan tenaga kerja.

5. Perancangan Masa Hadapan

Bahagian ini membincangkan perancangan masa hadapan syarikat bagi meningkatkan kejayaan projek. Perancangan tersebut meliputi memperluaskan saiz pasukan projek, penetapan semula kriteria asas dalam pemilihan ahli pasukan dan meningkatkan komunikasi berkesan.

5.1 Memperluaskan Saiz Pasukan Projek

Saiz pasukan adalah faktor penting apabila melaksanakan sesuatu projek yang mempunyai skop yang luas. Menurut informan, syarikat mereka mengalami kekurangan pekerja untuk membentuk kumpulan projek. Maka, pihak syarikat informan telah mengalami masalah kekurangan pekerja apabila melaksanakan projek *IP Migration GDC* yang mempunyai 12 tapak kerja.

Informan: “...Kami ada rancang untuk luaskan saiz pasukan projek sebab projek semakin bertambah dan memerlukan pekerja yang banyak untuk sites. Idea yang ada pada kami sekarang ialah kami nak upah pekerja intern dan pekerja berkontrak sementara. Reason upah mereka sebab upah mereka murah dan dapat menambah bilangan pekerja. Pekerja latihan praktikal perlu mempunyai basic pengetahuan related dalam bidang ni dan dikategorikan sebagai pekerja separa mahir. Pekerja berkontrak sementara pula kita akan call mereka apabila ada mana-mana site yang kurang pekerja...”

Maka, pihak syarikat informan membuat perancangan untuk memperluaskan saiz pasukan projek dengan menambah kuantiti pekerja untuk meningkatkan kecekapan kerja semasa di tapak kerja. Pihak syarikat informan merancang untuk memperluaskan saiz pasukan melalui dua cara iaitu mengupah pekerja berkontrak sementara dan pemilihan pekerja latihan praktikal (internship) bagi memperluaskan saiz pasukan. Pekerja berkontrak sementara hanya bekerja apabila syarikat memerlukan mereka dan pekerja latihan praktikal yang mempunyai pengetahuan asas pula terlibat dalam bidang telekomunikasi. Strategi yang ingin dilaksanakan iaitu mengupah dua jenis pekerja tersebut dapat menjimatkan kos bagi membayar upah pekerja dan memperluaskan saiz pasukan projek. Oleh itu, memperluaskan saiz pasukan projek dapat menggalakkan kerja disiapkan tepat pada masa yang telah dijanjikan bersama klien.

5.2 Penetapan Semula Kriteria Asas Dalam Pemilihan Ahli Pasukan Projek

Menurut temu bual bersama informan, pihak syarikat informan telah menghadapi isu dalam sumber tenaga buruh dari segi memenuhi penetapan kriteria pekerja yang ditentukan oleh pihak klien. Hal ini kerana, pihak klien telah mewajibkan syarat pekerja yang bekerja di tapak projek perlulah mempunyai kad pendaftaran personel binaan (Kad Hijau) yang berdaftar di bawah Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB). “Mana-mana orang yang diambil bekerja dalam industri pembinaan serta melaksanakan kerja-kerja pembinaan, layak dipertimbangkan untuk berdaftar sebagai personel binaan”, termasuk individu yang tidak tergolong dalam industri pembinaan tetapi terlibat dengan kemajuan kerja-kerja pembinaan secara fizikal (CIDB, n.d.).

Informan: “...*Especially daripada penambahbaikan penetapan syarat-syarat atau kriteria asas pekerja la, terutamanya dari segi memberi keutamaan kepada pengambilan pekerja yang telah memiliki kad CIDB siap-siap sebelum join company kita. So, nanti senang kerja, tak payah lambatkan projek untuk training semua tu...*”

Maka, syarikat informan merancang untuk menambahkan penetapan kriteria asas pekerja, iaitu memiliki Kad Hijau, supaya syarikat informan tidak lagi menghadapi keadaan penangguhan penjadualan kerja yang melibatkan *safety requirement*. Hal ini kerana, proses pendaftaran Kad Hijau melibatkan pengambilan masa yang agak panjang, dan sekiranya pendaftaran tidak dilakukan lebih awal daripada fasa permulaan projek, ia akan menyebabkan masalah penangguhan penjadualan projek, seterusnya menjejaskan kemajuan projek. Selain itu, pekerja yang mempunyai Kad Hijau, merupakan personel binaan yang mempunyai kemahiran dan pengetahuan asas berkaitan dengan industri pembinaan selepas penerimaan kursus bertauliah dan ujian yang disediakan oleh CIDB. Secara tidak langsung, ini akan menyumbang kepada peningkatan pekerja mahir bagi syarikat informan, di samping menjimatkan kos belanjawan syarikat untuk membuat pembayaran pendaftaran Kad Hijau pekerja.

5.3 Meningkatkan Komunikasi Berkesan (Effective Communication)

Menurut temu bual bersama informan, beliau menyatakan bahawa pihak syarikat turut menghadapi isu akses kepada tapak kerja yang berpunca daripada isu karenah birokrasi daripada 12 tapak kerja yang berbeza. Kelainan sistem birokrasi di 12 tapak kerja telah menyebabkan penangguhan kemajuan projek, apabila pekerja tidak dapat memasuki tapak mengikut jadual kerja yang ditetapkan akibat tiadanya permit bekerja atau surat kelulusan daripada pihak klien. Keadaan sebegini turut diburukkan lagi oleh larangan daripada kaunter depan penyambut tetamu dan pengawal keselamatan di tapak kerja kerana ketidaksampaian maklumat lawatan syarikat informan.

Informan: “...*kami try cuba untuk meningkatkan komunikasi yang lebih efektif dengan client, sebab projek ni ada 12 sites, semua mereka ada sistem birokrasi yang beza, cam sekarang kita memang tak ada communication yang cukup efektif la, sebab itu menyebabkan akses ke sites jadi macam-macam masalah. Kekadang orang atas tu, tidak sampaikan kepada orang yang bawah, ada kontraktor nak buat sites survey, so mereka pun tak tahu, pastu tak benarkan pekerja kita masuk sites, orang kita terpaksa tunggu di sana, tunggu dia confirm kan atau pelbagai isu la...*”

Maka, pihak syarikat informan membuat perancangan untuk menyelesaikan isu karenah birokrasi melalui peningkatan komunikasi berkesan dengan syarikat klien. Hal ini kerana, komunikasi berkesan memainkan peranan penting sepanjang proses pelaksanaan projek iaitu bermula dari perancangan, pelaksanaan serta pemantauan. Komunikasi yang berkesan dapat mengelakkan pembaziran masa dan kos (pengangkutan, buruh, dan sebagainya) untuk mengurangkan impak karenah birokrasi serta penjadualan kerja (perancangan masa, peruntukan sumber, pengaturan tenaga kerja).

6. Cadangan Penambahbaikan Atau Lain-lain Cadangan Berkaitan Dengan Isu Kajian Kes

Terdapat tiga cadangan penambahbaikan berkaitan dengan isu kajian kes yang boleh dilaksanakan oleh pihak syarikat bagi memastikan kelestarian operasi syarikat.

6.1 Penyusunan Semula Skop Kerja Berdasarkan Fasa

Secara umumnya, terdapat lima fasa yang perlu dilaksanakan oleh pasukan pengurusan projek dalam menjayakan sesuatu projek. Setiap fasa adalah amat penting dan perlu diberi perhatian oleh pasukan pengurusan projek kerana perkembangan sesuatu fasa akan menentukan perkembangan fasa seterusnya. Menurut kajian, faktor kejayaan dan kegagalan projek ICT berlaku semasa proses pelaksanaan pengurusan projek ICT, daripada permulaan proses, perancangan, pelaksanaan, kawalan dan pemantauan, dan penutupan projek (Kamaliyah Sarjo & Yahya, 2014). Bagi projek *IP Migration GDC* ini, pihak syarikat perlu meneliti semula fasa pelaksanaan projek dari awal hingga akhir untuk mengenal pasti sebarang kelemahan yang wujud dan merangka strategi berkesan untuk menutup kekurangan tersebut. Antara kaedah pengurusan projek yang boleh digunakan oleh pengurus projek ialah Kaedah Tangkas (*Agile Methodology*). Kaedah ini hadir untuk membetulkan keadaan apabila fasa projek tidak selari dengan rancangan yang telah ditetapkan dengan cepat agar projek dapat berbalik kepada rancangan asal. Sebagai contoh, dalam fasa perancangan dan reka bentuk sistem, pihak syarikat boleh menjangkakan sebarang kemungkinan yang bakal berlaku di tapak kerja hasil daripada pengalaman yang pernah dihadapi oleh pihak syarikat sebelum ini. Berdasarkan pengalaman tersebut, pihak syarikat boleh mempersiapkan perkara yang berkenaan untuk mengatasi sebarang masalah dan seterusnya mampu memastikan kelancaran perjalanan projek.

6.2 Meningkatkan Komunikasi Dengan Pihak Berkepentingan

Pihak pasukan pengurusan projek juga perlu mengadakan taklimat dan sesi maklum balas secara berkala dengan pihak berkepentingan seperti Maxis pada setiap fasa kerja yang telah dilaksanakan. Hal ini bertujuan untuk meningkatkan komunikasi dua hala agar projek yang dirancang berjaya dilaksanakan mengikut jadual yang telah ditetapkan dan komunikasi juga memainkan peranan yang sangat penting dalam menentukan kejayaan sesebuah projek. Berdasarkan kajian yang dijalankan oleh Lys (2015), hampir 80% responden yang terdiri daripada pengurus projek bersetuju bahawa komunikasi boleh membawa kejayaan kepada projek. Contohnya, pihak syarikat boleh mengadakan pertemuan dengan pihak Maxis untuk membincangkan sebarang isu berbangkit dan mencari jalan penyelesaian untuk mengatasi isu tersebut. Malah, perkara yang paling penting adalah pihak syarikat perlu bekerjasama secara rapat dengan pihak Maxis agar semua pihak berkepentingan memahami dan sedia maklum dengan sebarang masalah yang sedang dihadapi oleh syarikat dalam usaha menyiapkan projek ini. Selain itu, pihak syarikat boleh meningkatkan komunikasi dengan pihak klien melalui pewujudan sistem atau aplikasi yang membolehkan semua pihak terlibat mendapat arahan yang terkini semasa pelaksanaan projek. Dengan cara ini, bukan sahaja pihak atasan yang akan mendapat maklumat, malah staf sokongan dapat menerima maklumat dengan tepat dan berkesan.

6.3 Memperbaiki Kualiti Sumber Manusia

Pihak syarikat juga perlu memperbaiki kualiti sumber manusia untuk memastikan projek ini berjaya disiapkan dengan lancar. Antara langkah yang boleh dilaksanakan oleh syarikat untuk memperbaiki kualiti sumber manusia adalah dengan menerapkan sistem ganjaran dalam pengurusan sumber manusia. Hal ini dapat dibuktikan melalui kajian yang telah dilaksanakan di mana ucapan terima kasih yang tulus daripada majikan akan mewujudkan persekitaran yang baik yang akan meningkatkan produktiviti dalam organisasi dan juga meningkatkan jaringan sosial antara majikan dan pekerja (Porath et al., 2015). Contoh ganjaran lain yang boleh dilaksanakan adalah pemberian bonus kepada pekerja yang berjaya melengkapkan projek dengan cemerlang atau membelanja pekerja makanan tengahari dan sebagainya. Pemberian ganjaran kepada pekerja akan menjadikan mereka gembira dan bermotivasi dalam melaksanakan sesuatu kerja. Bukan itu sahaja, sistem ganjaran ini juga dapat mewujudkan persaingan yang sihat dalam kalangan pekerja di syarikat ini.

7. Rumusan

Kesimpulannya, penyusunan jadual kerja yang efisien dalam pelaksanaan projek adalah penting bagi menjadi penanda aras mengenai proses pelaksanaan projek agar tidak melebihi jangka masa yang telah ditetapkan. Bukan itu sahaja, penyusunan jadual kerja yang sistematik dapat menjimatkan kos yang terpaksa ditanggung oleh pihak syarikat sekiranya berlaku penangguhan sesuatu projek. Maka, pengurus projek perlu bijak dalam mengawal dan mengatur masalah atau isu yang dihadapi oleh pekerja di tapak projek sepanjang tempoh pelaksanaan projek dijalankan. Pengurus projek juga perlu bijak memilih kaedah pengurusan projek mengikut situasi semasa yang dihadapi seperti pengaplikasian Kaedah Tangkas, misalnya bagi projek *IP Migration GDC*. Pemilihan kriteria pasukan turut memainkan peranan yang utama dalam menyelesaikan kerja di tapak projek. Oleh itu, pihak pengurusan projek hendaklah memilih pendekatan atau strategi yang bersesuaian mengikut kesesuaian projek agar projek berjaya disiapkan dalam tempoh yang ditetapkan.

8. Rujukan

- Kamaliyah Sarjo, & Yahya, Y. (2014, April 24). *The Development of ICT Project Management Framework in Public Sector Using Business Process Management...* ResearchGate; unknown.
https://www.researchgate.net/publication/275236787_The_Development_of_ICT_Project_Management_Framework_in_Public_Sector_Using_Business_Process_Management_Approach
- Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB). (n.d.). *Garis Panduan Pendaftaran Personel Binaan (Kad Hijau)*. <https://www.cidb.gov.my/ms/mengenai-kami/perundangan/garis-panduan/garis-panduan-pendaftaran-personel-binaan-kad-hijau>
- Lys, O. (2015). *Planning Project Communications: How It Works?* <https://www.diva-portal.org/smash/get/diva2:827853/FULLTEXT01.pdf>

Porath, C. L., Gerbasi, A., & Schorch, S. L. (2015). The effects of civility on advice, leadership, and performance. *Journal of Applied Psychology*, *100*(5), 1527–1541. <https://doi.org/10.1037/apl0000016>

Cabaran untuk Kerja-Kerja Pembinaan dan Pengubahsuaian Rumah di Taman-Taman Perumahan: Kajian Kes Syarikat Tegap Construction Sdn.Bhd.

**Hishamudin bin Mohamed¹, Muhamad Taufiq bin Jamaludin²
Muhammad Aizuddin bin Ahmad³, Nur Arysha Atirah binti Ahmad Jais⁴
Mohamad Shaharudin Samsurijan⁵**

^{1,2,3,4,5}Pusat Pengajian Sains Kemasyarakatan, Universiti Sains Malaysia
Email: ¹hishamudinn16@gmail.com, ⁵msdin@usm.my

Abstrak

Dalam menguruskan kerja-kerja pembinaan dan pengubahsuaian rumah di taman-taman perumahan, syarikat akan mengalami pelbagai cabaran sama ada ketika fasa permulaan, pelaksanaannya hinggalah fasa akhir projek. Pengurusan projek yang baik memainkan peranan penting dalam menjayakan sesuatu projek agar dapat berjalan lancar. Kajian ini memfokuskan kepada Syarikat Tegap Construction Sdn.Bhd. yang beralamat di Pagoh, Johor. Kajian ini mempunyai dua objektif iaitu mengenal pasti cabaran ketika kerja-kerja pembinaan dan pengubahsuaian rumah sedang dilakukan serta mengkaji langkah-langkah dalam mengatasi cabaran tersebut. Kajian ini menggunakan kaedah penyelidikan kualitatif dengan menemu bual “key informan” iaitu Encik Mohd Taufiq Syakirin Mohd Ridza yang merupakan pengurus projek di Tegap Construction Sdn.Bhd. bagi mendapatkan maklumat dengan lebih terperinci mengenai projek tersebut. Hasil dapatan kajian mendapati cabaran yang dihadapi oleh Syarikat Tegap Construction Sdn.Bhd ini adalah gangguan daripada masyarakat setempat ketika melaksanakan kerja-kerja pembinaan dan pengubahsuaian. Selain itu, syarikat ini juga mengalami masalah kehilangan pekerja ketika kerja-kerja pembinaan dan pengubahsuaian masih dilakukan serta cabaran dalam peningkatan bahan binaan rumah.. Bagi langkah-langkah mengatasi permasalahan ini, pihak Tegap Construction akan berurusan dengan pemilik rumah untuk mengurangkan gangguan daripada kejiranan sekitar taman perumahan. Seterusnya, majikan akan membayar penuh gaji pekerja sebaik sahaja kerja-kerja pembinaan siap serta memberi penekanan reka bentuk rumah yang sederhana untuk mengurangkan impak kenaikan bahan binaan. Kesimpulannya, kajian ini dapat mendedahkan bagaimana pengurus projek di sesebuah syarikat menangani cabaran yang berlaku ketika mengendalikan sesebuah projek.

Kata kunci: Pengurus projek; pembinaan; penambahbaikan; cabaran; langkah-langkah.

1. Pengenalan

Perancangan dan pengurusan projek merupakan proses perancangan seperti proses permulaan, perancangan penyediaan data, jadual, sumber kepada pengurusan tertinggi, tahap pelaksanaan, kawalan dan pengawasan serta fasa penamatan dalam sesuatu projek itu. Menurut portal rasmi Jaminan Kualiti Perisian Aplikasi Sektor Awam Unit Pemodenan Tadbiran Dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU), pengurusan projek bermaksud perancangan dan pengurusan sumber adalah untuk menyempurnakan matlamat dan objektif projek. Ianya melibatkan banyak aspek termasuklah kemahiran dalam menguruskan skop, masa, kos, kualiti, pengaplikasian teknik dan pendekatan perancangan dan pengurusan dalam sesuatu projek yang dijalankan.

Perancangan dan pengurusan sesuatu projek dapat dilihat daripada aspek tumpuan, peranan dan proses amalan itu sendiri untuk menjayakan projek ke tahap yang sepatutnya. Pada peringkat awal, konsep terhadap perancangan dan pengurusan projek hanya mengklasifikasikan sesuatu projek hanya berkaitan kepada sektor industri ketenteraan dan pembinaan (Henry Gantt 1861-1919). Namun, kini konsep terhadap perancangan dan pengurusan projek tidak terbatas kepada dua sektor berkenaan sahaja, bermula era 1950-an, ianya lebih dikenal pasti dengan lebih holistik termasuklah daripada aspek perancangan, pelaksanaan dan pengurusannya seperti pelan perancangan strategik untuk dasar dan sebagainya.

Dalam kajian ini, aspek perancangan dan pengurusan projek akan dikhususkan untuk mengenal pasti cabaran untuk kerja-kerja pembinaan dan pengubahsuaian rumah di taman-taman perumahan serta mengkaji langkah-langkah dalam mengatasi cabaran tersebut. Kajian kes ini akan dijalankan terhadap Syarikat Tegap Construction Sdn.Bhd. iaitu sebuah syarikat kontraktor perumahan yang menjalankan pembinaan, renovasi atau pembaikan rumah. Kajian ini turut akan mengenal pasti bagaimana pengurus projek memainkan peranan penting dalam mengatasi setiap cabaran yang dihadapi serta merangka dasar, polisi dan langkah yang akan diambil dalam membantu syarikat ke arah yang lebih berdaya saing. Kajian ini juga ingin melihat sejauh mana kemampuan syarikat dan pengurus projek memainkan peranan dan tanggungjawab mereka kepada pihak berkepentingan seperti pelanggan untuk memastikan projek yang akan dilaksanakan itu mengikut piawaian, sekaligus memenuhi kehendak pelanggan, iaitu ianya merupakan matlamat akhir penting yang perlu dipenuhi oleh syarikat tersebut.

2. Sejarah Kes

Bahagian ini akan menerangkan tentang sejarah latar belakang syarikat serta penerangan berkaitan cabaran-cabaran yang dihadapi oleh Syarikat Tegap Construction Sdn. Bhd.

2.1 Maklumat Latar Belakang Syarikat

Untuk kajian kes ini, pengkaji mengkaji Syarikat Tegap Construction Sdn.Bhd. Syarikat Tegap Construction Sdn.Bhd ini merupakan sebuah syarikat milik bumiputera yang terletak di Pagoh Jaya Muar, Johor. Syarikat ini ditubuhkan oleh anak jati Johor sendiri iaitu encik Lukman pada tahun 2002 sebelum diambil alih oleh anaknya yang bernama encik Harith Fakhurddin bin Lukman pada tahun 2018. Pengurusan tadbir urus dan sistem syarikat ini semakin tersusun dan sistematik setelah encik Harith mengambil alih daripada ayahnya untuk membawa kepada kemajuan syarikat. Pada ketika ini, Tegap Construction mempunyai tenaga kerja seramai 95 orang dan berjaya mendapatkan lebih 100 projek pembinaan rumah dan 16 projek renovasi perumahan. Namun begitu, operasi syarikat telah berhenti untuk seketika atas sebab-sebab Covid-19 yang melanda negara. Kini dengan pemulihan negara daripada gejala Covid-19 yang kian beransur pulih, Syarikat Tegap Construction ini mula mengorak langkah dan beroperasi seperti sedia kala. Tegap Construction memfokuskan kepada pembinaan dan pengubahsuaian rumah yang mana turut beroperasi bukan sahaja di Johor, malah di beberapa tempat sekitar Melaka dan juga Putrajaya. Syarikat ini bukan sahaja menawarkan perkhidmatan dalam aktiviti-aktiviti pembinaan dan pengubahsuaian rumah, sahaja namun turut menawarkan perkhidmatan lain seperti perunding perancang pembinaan, lukisan pelan, dan “interior design” (reka bentuk dalaman) Yang mana dengan perkhidmatan sebegini dapat membantu pelanggan untuk

mendapatkan idea untuk reka bentuk rumah mereka. Bagi pelanggan yang ingin mendapatkan khidmat pembinaan atau pengubahsuaian rumah daripada Tegap Construction ini, mereka hanya perlu datang dan memilih “design” atau reka bentuk yang telah ditawarkan. Namun sekiranya mereka kurang berpuas hati dengan reka bentuk yang sedia ada mereka boleh mencadangkan sendiri reka bentuk yang diinginkan ataupun mengubah struktur reka bentuk yang ditawarkan oleh Tegap Construction itu sendiri. Harga sebuah rumah di Tegap Construction ini bergantung pada jumlah keluasan rumah tersebut di mana harga untuk sekaki (30 cm) adalah sekitar RM 175 dan kebiasaannya jumlah keseluruhan sebuah rumah yang selalu dilakukan adalah sekitar RM 160000. Untuk sebuah rumah, tempoh penyiapan menggunakan khidmat Tegap Construction ini adalah sekitar 3 hingga 4 bulan.

2.2 Penerangan Cabaran Syarikat Tegap Construction Sdn.Bhd.

Bahagian ini membincangkan cabaran-cabaran yang dihadapi oleh Syarikat Tegap Construction dalam menjayakan sesebuah projek pembinaan dan pengubahsuaian rumah.

2.2.1 Gangguan Masyarakat Setempat

Sebagaimana yang dialami oleh syarikat lain, Syarikat Tegap Construction turut menghadapi cabaran yang tersendiri dalam menguruskan sesebuah projek tersebut. Antara cabaran yang dihadapi ialah gangguan masyarakat setempat.

”...beberapa projek yang sedang dijalankan terpaksa kami tanggung kerana mendapat tentangan daripada masyarakat setempat.”

Menurut encik Taufiq, gangguan ini ialah disebabkan oleh jiran-jiran yang tidak memberi Kerjasama yang baik ketika mana kerja-kerja pembinaan dan pengubahsuaian dilakukan. Antara gangguan tersebut ialah tidak membenarkan Pengangkutan syarikat seperti lori simen untuk lalu di hadapan rumah mereka yang mana menyebabkan masalah penghantaran bahan pembinaan di tapak pembinaan. Selain itu, terdapat juga laporan daripada pekerja buruh yang mengatakan mereka diganggu jiran-jiran di sekitar kawasan kejiranan yang menyebabkan kerja mereka terganggu dan ada juga yang diugut menyebabkan mereka takut untuk melakukan kerja-kerja pembinaan.

2.2.2 Kehilangan Pekerja.

Cabaran yang seterusnya ialah masalah kehilangan pekerja buruh binaan. Dalam melaksanakan sesebuah projek pembinaan, pekerja buruh amatlah penting dalam memastikan sesebuah projek itu dapat disiapkan.

“...masalah pekerja lari. Pekerja asing ini suka membuat hal dengan melarikan diri tanpa membuat notis pemberhentian kerja.”

Menurut kenyataan daripada encik Taufiq, di Tegap Construction, syarikat mengalami masalah kehilangan pekerja ketika mana kerja-kerja pembinaan masih lagi belum siap sepenuhnya. Bagi sesebuah projek pembinaan, ia menggunakan sekitar enam hingga tujuh orang pekerja untuk

menyiapkan sebuah rumah dalam tempoh tiga hingga empat bulan. Namun akibat kehilangan pekerja, tempoh penyiapan projek meningkat dan turut menjejaskan kualiti binaan kerana khidmat buruh yang sering kali bertukar-tukar.

2.2.3 Peningkatan Kos Bahan Binaan.

Cabaran yang seterusnya, ialah akibat daripada kos bahan binaan yang semakin meningkat. Menurut key informant, beliau menyatakan:

“Kos bahan binaan yang naik mendadak sejak akhir-akhir ini telah memperlahankan perolehan projek sebabnya pelanggan gusar harga bahan binaan yang meningkat ini akan menjejaskan bajet mereka.”

Sebagaimana yang diketahui Syarikat Tegap Construction masih lagi baru diambil alih iaitu pada tahun 2018, oleh itu, kos bahan binaan yang semakin meningkat akan menjejaskan minat pelanggan dengan tawaran syarikat dan hal ini boleh menjejaskan kestabilan kewangan syarikat ini. Ditambah pula akibat daripada pemberhentian operasi atas sebab Covid-19 menyebabkan masalah kewangan syarikat Tegap Construction semakin tidak stabil. Oleh itu, pihak Tegap Construction perlulah bijak dalam menguruskan kewangan mereka dalam menghadapi masalah peningkatan kos bahan binaan dan memastikan syarikat lebih stabil daripada sebelumnya.

3. Analisis Sejarah Kes

Bahagian ini akan menerangkan tentang analisis sejarah kes khususnya berkaitan dengan data-data yang dikongsi oleh key informan serta sesi temu bual bersama key informan Syarikat Tegap Construction Sdn. Bhd.

3.1 Data-data Berkaitan Menyokong Sejarah Kes

Berdasarkan hasil temu bual bersama key informan, pengurus projek syarikat Tegap Construction iaitu Encik Taufiq telah berkongsi data-data yang melibatkan syarikat Tegap Construction Sdn.Bhd. Antara data yang telah diberikan oleh key informan ini adalah berkaitan maklumat latar belakang syarikat, cabaran-cabaran yang dihadapi oleh syarikat dan isu serta permasalahan yang berlaku di dalam syarikat. Selain itu, key informan telah memberikan data berkaitan perkara yang perlu dipersiapkan sebelum setiap projek dijalankan. Key informan juga menyatakan cabaran yang dihadapi oleh syarikat Tegap Construction Sdn.Bhd semasa proses pembinaan.

Sebagai contoh, syarikat ini menghadapi cabaran serta masalah kehilangan pekerja buruh binaan kerana faktor-faktor tertentu yang menyebabkan kerugian dan penambahan kos kepada syarikat. Pernyataan ini disokong oleh transkrip jawapan di bawah.

“Kadar bayaran levi sebanyak RM1,850.00, Pas Lawatan Kerja Sementara sebanyak RM60.00, proses sebanyak RM125.00, Visa RM15.00 dan bayaran Bon Jaminan sebanyak RM250.00 menunjukkan syarikat ini perlu membayar kos keseluruhan pengambilan seorang pekerja asing dari Indonesia sahaja adalah sebanyak RM2,300.00.”

Menurut encik Taufiq, berikut merupakan jumlah bayaran yang perlu ditanggung untuk seorang pekerja asing oleh syarikat Tegap Construction, dimana syarikat ini perlu membayar kos keseluruhan pengambilan seorang pekerja asing dari Indonesia sahaja adalah sebanyak RM2,300.00. Peningkatan kos ini ditambah pula dengan kadar bayaran Levi perlu ditanggung sepenuhnya oleh majikan mulai 1 Januari 2018. Kejadian pekerja yang melarikan diri daripada syarikat ini sememangnya amat merugikan kerana prosedur dan kos mengambil pekerja asing baharu adalah sangat tinggi.

Cabaran yang seterusnya yang dinyatakan oleh key informan ialah kos bahan binaan yang semakin meningkat. Peningkatan kos menyebabkan pihak syarikat bercadang mencari pembekal yang mampu memberikan bahan binaan pada harga yang mampu milik dan masih mengekalkan kualiti barang tersebut kerana untuk mematuhi Certificate Of Completion And Compliance (CCC) atau dalam bahasa melayu Sijil Siap dan pematuan yang telah ditetapkan oleh pihak berkuasa tempatan (PBT). Misalnya, peningkatan harga bahan binaan rumah pada saat ini seperti RM20.89 bagi setiap 50kg simen (peningkatan sebanyak 12.2% pada Jun berbanding Mei 2022) dan harga bar keluli sebanyak RM3,910 tan metrik (peningkatan sebanyak 20% pada Jun berbanding Mei 2022) telah menyebabkan kenaikan harga rumah yang mendadak. Pernyataan ini disokong oleh transkrip jawapan di bawah.

“... Bagi kos bahan binaan yang naik contoh RM20.89 bagi 50kg simen dan harga besi sekarang RM3,910 tan metrik.”

Merujuk kepada kenyataan daripada key informan, bahan pembinaan seperti simen dan harga besi mula meningkat dan memaksa kos pembinaan rumah dinaikkan oleh syarikat,

Disamping itu, gangguan masyarakat setempat merupakan cabaran yang harus dihadapi oleh syarikat Tegap Construction Sdn.Bhd dalam proses menyiapkan sesuatu projek kerana pelbagai isu yang timbul yang menyebabkan pihak syarikat terpaksa memberitahu kepada pemilik rumah mengenai masalah yang timbul tersebut. Pernyataan ini disokong transkrip jawapan di bawah.

“...gangguan masyarakat setempat. Terdapat beberapa projek yang sedang dijalankan terpaksa kami tangguhkan kerana mendapat tentangan daripada masyarakat setempat. Ada juga kes di mana mereka membuat aduan kepada PBT hingga kami terpaksa menjelaskan segala SOP kepada PBT untuk meneruskan projek yang sedang dijalankan.”

Merujuk kepada key informan, gangguan daripada masyarakat setempat atau kejiiran di kawasan tersebut menyebabkan penglibatan daripada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), yang merumitkan lagi situasi bagi pihak syarikat dalam proses menyiapkan binaan di sesuatu kawasan tersebut.

3.2 Sesi Temubual Bersama Key Informan Syarikat.

Dalam sesi temubual ini, pengkaji telah menemu bual key informan Syarikat Tegap Construction Sdn.Bhd. Encik Mohd Taufiq Syakirin bin Mohd Ridza yang berumur 34 tahun

yang berasal daripada Segamat, Johor. Beliau merupakan bekas graduan daripada Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM), Parit Raja dalam Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Awam dan Alam Sekitar dengan kepujian pada tahun 2013. Beliau juga pernah memegang jawatan sebagai jurutera projek di Johor Land Berhad iaitu sebuah syarikat Government-linked Companies (GLC) yang merupakan anak syarikat bagi kerajaan Negeri Johor yang diselia oleh Johor Corporation. Beliau memegang jawatan sebagai jurutera projek selama 7 tahun di syarikat tersebut. Setelah itu, beliau menyambung kerjayanya dengan memegang jawatan sebagai pengurus projek di Syarikat Tegap Construction Sdn.Bhd yang terletak di Pagoh, Johor hinggalah kini. Sebagai seorang pengurus projek, tugas beliau di Syarikat Tegap Construction Sdn. Bhd adalah dipertanggungjawabkan untuk mengendali projek-projek pembinaan, pembaikan dan renovasi di bawah syarikat tersebut. Selain itu, key informan juga perlu membuat keputusan seperti pengurusan pengagihan sumber, menukar skop dan haluan projek, mengimbangi kriteria masa, kos dan pelaksanaan projek.

4. Senario semasa berkaitan dengan cabaran kes.

Bahagian ini akan menerangkan tentang aspek penekanan atau tumpuan utama serta justifikasi tumpuan terhadap senario semasa tentang Syarikat Tegap Construction Sdn. Bhd yang mengalami pelbagai cabaran serta masalah dalam menjalankan sesuatu projek pembinaan dan pembaikan rumah.

4.1 Aspek Penekanan atau Tumpuan Utama

Aspek penekanan atau tumpuan utama harus diberikan penekanan khusus untuk memastikan cabaran-cabaran yang dihadapi oleh Syarikat Tegap Construction Sdn.Bhd. dapat dilihat dengan jelas sebagai subjek tumpuan utama sebagai kajian kes.

Antara penekanan dan tumpuan utama yang perlu diberikan dalam kajian kes ini adalah cabaran daripada gangguan masyarakat setempat. Hal ini dikatakan demikian kerana kebanyakan projek pembinaan dan pengubahsuaian dalam sesuatu projek perumahan itu mendapat tentangan dan bantahan daripada masyarakat jiran-jiran setempat. Ada beberapa situasi yang mereka mengatakan di mana proses kerja-kerja pembinaan dan pengubahsuaian ini telah mengganggu ketenteraman mereka kerana telah mengeluarkan bunyi yang bising. Ada juga situasi di mana mereka telah membuat aduan kepada pihak berkuasa tempatan hingga mengakibatkan pihak syarikat dan kontraktor terpaksa memberhentikan kerja-kerja pembinaan dan pengubahsuaian seketika sementara menyediakan laporan SOP yang sebenar kepada pihak berkenaan setelah mendapat tentangan daripada masyarakat setempat.

Penekanan dan tumpuan utama juga dapat dilihat melalui masalah sumber atau pasukan projek yang melarikan diri. Menurut kenyataan Encik Taufiq, syarikat ini menghadapi masalah utama khususnya masalah pekerja yang kerap kali melarikan diri sama ada sebelum dan semasa proses kerja-kerja pembinaan dan pengubahsuaian sesuatu projek rumah itu dijalankan. Misalnya, syarikat ini amat bergantung sepenuhnya kepada buruh tenaga asing daripada Indonesia dan Bangladesh untuk melaksanakan kerja-kerja pembinaan dan pembaikan rumah. Namun begitu, masalah utamanya berlaku apabila mereka ini sering kali melarikan diri tanpa sebarang

menyatakan sebarang surat kenyataan pemberhentian kerja kepada pihak syarikat yang menyebabkan pihak syarikat mengalami masalah dalam pasukan projek (tenaga kerja) dan masalah dalam kelewatan daripada segi penjadualan asal projek.

Syarikat ini juga perlu memberi penekanan kepada cabaran peningkatan bahan binaan rumah. Peningkatan bahan binaan rumah yang tidak terkawal sejak akhir-akhir ini khususnya ketika waktu pandemik dan pasca pandemik COVID-19 ini telah menyebabkan peningkatan harga bahan binaan melambung disebabkan oleh masalah rantai bekalan serta tenaga buruh. Misalnya, harga indeks bar keluli meningkat 20 peratus manakala simen pula meningkat sebanyak 12.2 peratus pada Mei 2022. Peningkatan harga bahan binaan ini mengakibatkan pihak syarikat sendiri tidak mampu menyerap tekanan peningkatan harga hingga memaksa untuk meningkatkan servis perkhidmatan yang akhirnya akan membebankan pelanggan itu sendiri. Tender projek juga menjadi semakin perlahan kerana pelanggan lebih berhati-hati setelah berlakunya peningkatan harga yang mendadak ini.

4.2 Justifikasi Tumpuan Tersebut.

Justifikasi tumpuan kes amat penting untuk memastikan dan menghuraikan mengapa pentingnya pengkaji memberi penekanan khusus terhadap beberapa cabaran yang dialami oleh syarikat ini.

Antara justifikasi tumpuan yang dapat dilihat daripada beberapa aspek penekanan khusus terhadap Syarikat Tegap Construction Sdn.Bhd ini tentang sejauh mana kemampuan syarikat untuk melancarkan segala proses perancangan dan pelaksanaan dalam sesuatu projek pembinaan dan pembaikan rumah tersebut. Hal ini untuk melihat bagaimana kemampuan syarikat untuk mengatasi pelbagai masalah dan cabaran yang dihadapi seperti mendapat halangan serta tentangan daripada penduduk setempat hingga terdapat situasi di mana berlakunya kelewatan dalam sesuatu projek. Pernyataan ini disokong oleh transkrip jawapan di bawah.

“Ada juga kes di mana mereka membuat aduan kepada PBT hingga kami terpaksa menjelaskan segala SOP kepada PBT untuk meneruskan projek yang sedang dijalankan.”

Temu bual bersama key informan ini juga membuatkan bagaimana justifikasi tumpuan perlu diberikan dengan lebih mendalam oleh pihak syarikat selain sejauh mana kemampuan syarikat mendepani cabaran dan masalah dalam aspek sumber atau tenaga kerja yang sering melarikan diri hingga mengganggu proses pembinaan dan pembaikan rumah yang sedang berjalan. Justifikasi tumpuan perlu diberikan dengan mengambil langkah penyelesaian oleh pihak syarikat dan pengurus projek untuk mengatasi masalah ini. Pernyataan ini disokong oleh transkrip jawapan di bawah.

“ Misalnya, syarikat ini amat bergantung sepenuhnya kepada buruh tenaga asing daripada Indonesia dan Bangladesh untuk melaksanakan kerja-kerja pembinaan dan pembaikan rumah. Namun begitu, masalah utamanya berlaku apabila mereka ini sering kali melarikan diri tanpa sebarang menyatakan sebarang surat kenyataan pemberhentian kerja kepada pihak syarikat.”

Aspek penekanan justifikasi tumpuan ini juga melihat sejauh mana langkah yang akan diambil oleh pihak syarikat bagi mengatasi cabaran dalam peningkatan kos bahan binaan. Hal ini dikatakan demikian kerana peningkatan kos bahan binaan seperti batu bata, simen, pasir serta lain-lain bahan binaan yang naik melambung harganya khususnya sejurus ketika berada dalam tempoh pasca pandemik ini telah memberi tekanan sendiri kepada pihak syarikat. Situasi telah dinyatakan dengan jelas oleh key informan. Pernyataan ini disokong oleh transkrip jawapan di bawah.

“ Kos binaan yang naik misalnya, RM20.89 bagi setiap 50kg simen (peningkatan sebanyak 12.2% pada Jun berbanding Mei 2022) dan harga bar keluli sebanyak RM3,910 tan metrik (peningkatan sebanyak 20% pada Jun berbanding Mei 2022). ”

Dasar syarikat kontraktor ini yang berusaha untuk menyediakan perkhidmatan pembinaan serta renovasi harga mampu milik agar setiap rakyat Malaysia mampu mempunyai rumah dan mendapat pengalaman menduduki di rumah impian sedikit sebanyak memberi cabaran besar sendiri kepada pihak syarikat disebabkan oleh peningkatan harga bahan binaan yang mendadak. Situasi ini juga ingin melihat justifikasi bagaimana kemampuan syarikat dalam menyerap tekanan harga bahan binaan yang tinggi agar pelanggan tidak lari daripada menggunakan perkhidmatan syarikat ini walaupun berlaku peningkatan harga bahan binaan serta dasar untuk menyediakan perkhidmatan membina dan renovasi rumah pada harga mampu milik dapat direalisasikan kepada pelanggan.

Justifikasi tumpuan utama seperti cabaran dalam menangani masalah tentangan daripada masyarakat setempat, cabaran dalam menangani tenaga buruh yang lari serta peningkatan bahan binaan yang mendadak memperlihatkan syarikat ini seharusnya memberi penekanan yang menyeluruh untuk menangani cabaran dan masalah ini untuk diatasi dengan segera. Langkah-langkah penyelesaian harus diambil oleh pihak syarikat untuk memastikan perjalanan proses sesuatu projek dapat dijalankan dengan sempurna tanpa sebarang halangan.

5. Perancangan Masa Hadapan Mengurangkan Impak Masalah/ Tingkatkan Kejayaan

Bahagian ini akan menerangkan tentang perancangan masa hadapan untuk mengurangkan impak masalah serta pentingnya perancangan tersebut untuk meningkatkan kejayaan syarikat.

5.1 Berurusan dengan masyarakat setempat

Sebagai orang penting atau ‘key informan’ kepada syarikat itu, sudah semestinya beliau mencadangkan solusi yang terbaik bagi menjayakan sesebuah projek pembinaan dan pengubahsuaian rumah tanpa berlaku sebarang gangguan kepada orang lain. Perancangan masa hadapan syarikat Tegap untuk mengurangkan masalah-masalah dalam projek pembinaan dan pengubahsuaian rumah adalah syarikat akan berurusan dengan pemilik rumah di sekitar kawasan kejiranan agar membiarkan projek tersebut terus dilaksanakan. Situasi ini berdasarkan temubual bersama key informan. Pernyataan ini disokong oleh transkrip di bawah.

“...saya akan akan berurusan dengan pemilik rumah untuk mengurangkan gangguan daripada kejiranan sekitar taman perumahan. Ini adalah untuk diorang bagi kita guna laluan itu sebagai jalan utama.”

Hal ini dikatakan demikian kerana projek pembinaan dan pengubahsuaian rumah itu yang mengeluarkan bunyi kuat serta habuk telah menyebabkan sesebuah kawasan projek yang dijalankan itu berdebu dan juga bising. Perancangan dan juga cadangan untuk mengurangkan impak masalah sesebuah projek adalah penting untuk menyiapkan sesebuah projek dalam masa yang telah ditetapkan. Menurut Encik Taufiq, ini adalah cadangan yang baik untuk menyelesaikan masalah-masalah yang berlaku di kawasan pembinaan.

5.2 Urusan Pembayaran Gaji yang Sistemik

Selain itu, syarikat Tegap Construction telah mencadangkan agar membayar penuh gaji pekerja sebaik sahaja kerja-kerja pembinaan siap dilakukan. Hal ini kerana adalah untuk mengatasi masalah pekerja-pekerja yang lari sebelum projek pembinaan dan pengubahsuaian rumah siap dilakukan. Keadaan ini dapat mencegah daripada perkara-perkara yang sebegitu berlaku agar memudahkan perjalanan projek pembinaan dan pengubahsuaian rumah yang sedang dilaksanakan. Pernyataan ini disokong oleh transkrip jawapan di bawah.

“...saya akan akan membayar penuh gaji pekerja sebaik sahaja kerja-kerja pembinaan siap dilakukan. Ini supaya pekerja-pekerja tidak lari meninggalkan projek yang sedang dilakukan. Ini supaya pekerja-pekerja tidak lari meninggalkan projek yang sedang dilakukan. Kadang-kadang pekerja asing ni kalau kita bayar penuh ada yang lari pula.”

Menurut Encik Taufiq, biasanya pihak syarikat akan membayar penuh gaji kepada pekerja tetapi setelah mendapati pekerja-pekerja telah lari sebelum kerja-kerja pembinaan dan pengubahsuaian rumah siap dilakukan telah mendorong beliau mencadangkan cadangan yang sedemikian untuk mengelakkan situasi ini terus berlaku yang akan memburukkan projek itu serta nama syarikat Tegap. Hal ini kerana projek pembinaan dan pengubahsuaian rumah pelanggan terbengkalai akibat pekerja-pekerja lari sebelum projek siap dilaksanakan. Justeru itu, cadangan ini amat berkesan dalam mengurangkan impak masalah yang dihadapi oleh syarikat Tegap Construction dan akan membantu syarikat tersebut lebih maju kerana kerjanya yang berjalan dengan lancar dan terbaik.

5.3 Reka Bentuk Rumah yang Sederhana

Akhir sekali, syarikat turut mencadangkan peningkatan kos pembinaan dan renovasi rumah ini dapat diatasi dengan mengambil kira reka bentuk rumah yang sederhana dan tidak terlalu mewah (over-designed). Hal ini dikatakan demikian kerana reka bentuk rumah atau renovasi rumah yang terlalu mewah akan menyebabkan kosnya akan menjadi terlalu tinggi hingga tidak dapat menyerap tekanan harga yang sepatutnya. Pernyataan ini disokong oleh transkrip jawapan di bawah.

“...saya juga akan memberi penekanan reka bentuk rumah yang sederhana untuk mengurangkan impak kenaikan bahan binaan. Saya akan beritahu pelanggan untuk design betul-betul rumah yang mereka nak buat. Bukan apa ini untuk elakkan berlakunya kerugian.”

Justeru, pihak syarikat akan mencadangkan kepada pelanggan untuk mempertimbangkan reka bentuk rumah yang lebih sederhana dan tidak terlalu mewah. Sebagai contoh, kos struktur binaan rumah dapat dikurangkan dengan mencadangkan kepada pelanggan untuk menggunakan struktur binaan seperti bumbung dan kerangka yang lebih ringan kerana harganya lebih murah untuk mengurangkan tekanan harga yang tinggi.

6. Cadangan Penambahbaikan atau Lain-lain Cadangan Berkaitan dengan Kajian Kes

Bahagian ini akan menerangkan tentang cadangan penambahbaikan atau lain-lain cadangan berkaitan dengan kajian kes yang dikaji.

6.1 Menjadikan Syarikat Tegap Construction sebagai pemaju perumahan

Cadangan penambahbaikan bagi memajukan lagi syarikat Tegap adalah menjadikan syarikat Tegap Construction sebagai sebuah syarikat yang berstatus sebagai pemaju perumahan. Hal ini kerana apabila syarikat ini menjadikan status syarikat yang sebelum ini berstatus kontraktor kepada pemaju perumahan, ianya membolehkan syarikat Tegap mengelolakan projek-projek yang lebih besar dan dapat menambah cawangan ke seluruh Malaysia. Keadaan ini juga mampu meningkatkan jualan syarikat tersebut yang membolehkan syarikat tersebut mendapat hasil pendapatan serta keuntungan dengan lebih tinggi berbanding dengan sebelum ini. Kenyataan ini disokong oleh kajian Kamarul Baharain, Shahrul Nazim (2010), yang menyatakan bahawa motivasi keusahawanan memainkan peranan penting dalam memajukan dan meningkatkan kejayaan sesebuah syarikat pada masa jangka panjang. Objektif syarikat yang ingin menyediakan perumahan pada harga mampu milik kepada rakyat Malaysia juga dapat memperluaskan lagi penyediaan projek perumahan mampu milik di Malaysia dengan penyertaan syarikat ini sebagai pemaju perumahan.

6.2 Menukar Cara daripada Mengupah Tukang Secara Terus kepada Menggunakan Khidmat Kontraktor

Cadangan bagi menambahbaik syarikat Tegap Construction adalah dengan menukar cara kerja daripada mengupah tukang secara terus kepada menggunakan khidmat kontraktor untuk menguruskan isu pekerja. Apabila menggunakan khidmat kontraktor dalam menjalankan projek pembinaan dan pengubahsuaian rumah dapat mengelakkan masalah pekerja lari yang menyebabkan projek tersebut terpaksa berhenti buat sementara waktu. Kontraktor ini juga telah berdaftar secara sah di bawah seliaan CIDB, JBE, SPAN dan sebagainya. Keadaan ini menyebabkan syarikat tidak perlu risau dengan kerja-kerja pembinaan dan pengubahsuaian rumah yang dilakukan. Perkhidmatan kontraktor ini juga menjadikan perjalanan projek pembinaan dan pengubahsuaian rumah lebih teratur dan siap tepat pada masanya. Penggunaan khidmat kontraktor juga mempunyai jaminan kontrak kerja yang dilindungi oleh undang-undang. Sekiranya berlaku perkara yang tidak diingini membolehkan syarikat dilindungi. Oleh itu, menukar cara daripada mengupah tukang secara terus kepada menggunakan khidmat kontraktor

merupakan cadangan yang boleh digunakan untuk memajukan lagi syarikat Tegap Construction pada masa hadapan.

6.3 Optimumkan Penggunaan Kaedah Pengurusan Projek oleh Pengurus Projek

Akhir sekali, cadangan untuk menambah baik lagi syarikat Tegap Construction pada masa hadapan ialah keperluan mengoptimumkan penggunaan kaedah pengurusan projek oleh pengurus projek dalam melaksanakan sesebuah projek pembinaan dan pengubahsuaian rumah. Hal ini kerana apabila pengurus projek menggunakan kaedah pengurusan projek dengan cekap membolehkan perjalanan dengan cepat tanpa ada sebarang masalah. Pengurus projek juga perlu mempunyai sikap yang tegas dan mampu menyelesaikan masalah apabila mengelolakan sesebuah projek pembinaan dan pengubahsuaian rumah agar dapat menghadapi pelbagai cabaran dalam menyiapkan sesebuah projek. Menurut kajian yang dijalankan oleh Nur Khairunnisa Binti Sayudi (2018), menyatakan bahawa pengurus projek perlu memiliki ciri-ciri seperti kemahiran dalam bidang pengurusan, kreativiti, kebolehan dan kemahiran dalam penyelesaian masalah, pengalaman dalam menguruskan projek binaan dan kemahiran meramalkan masalah agar seseorang pengurus projek itu lebih berkemampuan dan layak menjadi seorang pengurus pembinaan. Pengurus projek syarikat Tegap juga perlu memainkan peranan yang penting dalam menggunakan kaedah pengurusan projek secara cekap dan efisien. Terdapat beberapa kaedah pengurusan projek yang boleh digunakan iaitu kaedah air terjun (waterfall methodology), kaedah tangkas, kaedah scrum, kaedah laluan kritikal dan sebagainya mengikut keadaan dan keperluan projek perumahan tersebut kerana ianya mampu untuk menjayakan sesebuah projek pembinaan dan pengubahsuaian rumah agar dapat mengatasi masalah-masalah yang dihadapi.

7. Kesimpulan

Kesimpulannya, dalam perancangan dan pengurusan sesuatu projek, sesebuah syarikat itu sudah pasti akan mengalami atau menghadapi pelbagai cabaran pada waktu fasa permulaan hinggalah fasa penamatan. Cabaran tersebut boleh terjadi dalam pelbagai bentuk sama ada melibatkan masalah dalam syarikat itu sendiri ataupun melibatkan cabaran daripada pihak lain. Perkara yang penting ialah bagaimana seseorang pengurus projek (project manager) menyelesaikan cabaran yang dihadapi. Rasionalnya bagaimana kemampuan pengurus projek dan syarikat itu sendiri agar bijak merangka polisi dan strategi menghadapi cabaran-cabaran tersebut. Tanpa pengurus projek yang cekap dalam menangani masalah yang dihadapi oleh sesebuah syarikat, maka sesuatu projek itu akan mengalami kegagalan. Lebih teruk lagi ia boleh menyebabkan sesebuah syarikat itu akan bankrap dan terpaksa ditutup disebabkan oleh kegagalan dalam merancang dan mengurus syarikat dengan baik.

8. Rujukan

Dicapai pada Jun 22, 2022, daripada TegapConstruction.com:

https://www.tegapconstruction.com/?fbclid=IwAR2-Y7AHNpJyI3Y6yS2nqQshtI8TaSLr_AC76aXSqciJYAltoiK5MsCYStA

Dicapai pada Jun 23, 2022, daripada sqa.mampu.gov.my:

<https://sqa.mampu.gov.my/index.php/ms/pengenalan-kepada-projek>

Johor corporation. (2020). *Johor Corporation (JCorp)*. Jcorp.com.my. <https://jcorp.com.my/>

- Kamarul Baharain, Shahrul Nazim. (2010). *Motivasi keusahawanan pemaju perumahan bumiputera di Pulau Pinang*. Dicapai pada Jun 30, 2022, <https://repo.uum.edu.my/id/eprint/2758/>
- Kontraktor rumah vs tukang, bila waktunya kita gunakan servis mereka? Ini jawapannya*. Bina Rumah Atas Tanah Sendiri - Kontraktor Banglo Nas Nuri Construction. Dicapai pada June 25, 2022, daripada <https://www.dawaibesi.com/2020/02/kontraktor-rumah-vs-tukang-bila.html>
- Nur Khairunnisa Binti Sayudi. (2018). *Pengurusan Projek Bertindan Antara Kontraktor, 101*, daripada <https://bic.utm.my/files/2018/10/NURKHAIRULNNISA-SAYUDI-SBEC.pdf>
- Syukor, N. H. (2022, Jun 11). *Ekonomi, Hartanah*. Dicapai pada Jun 24, 2022, daripada [utusan.com.my](https://www.utusan.com.my): <https://www.utusan.com.my/ekonomi/2022/06/harga-rumah-dijangka-naik-20-peratus/>
- Yusof, M. (2019). *Senarai GLC Malaysia*. Pdfcoffee.com. <https://pdfcoffee.com/senarai-glc-malaysia-7-pdf-free.html>